SYEIKH ABDUL QADIR AL-JAILANI

الفتح الرباني

MENJADI KEKASIH ALLAH

WASIAT & NASIHAT KEROHANIAN

AL-HIDAYAH PUBLICATION





Dengan Nama Allah Yang Maha
Pemurah Lagi Maha Penyayang

Kami adalah **penerbit** dan **pengedar buku-buku Islam** kontemporari dinihari. Bergerak bersama mendokong **kebenaran Al-Quran** dan As-sunnah sebagai teras pengabdian. **Menyebarkan ilmu** di mana dan ke mana saja demi **merealisasikan** cita-cita dan harapan **Membina generasi** di **masa depan.** Pastinya usaha kami **bukan meraih** keuntungan yang sedikit **di dunia** ini tetapi mahu melihat **generasi** dan **negara** ini mencapai mercu kecemerlangan di dunia dan di akhirat. Untuk itu kami sedia **memberi perkhidmatan** yang terbaik untuk keperluan masa **depan anda.**



AL-HIDAYAH PUBLICATION

Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani

الفتح الرباني

Menjadi Kekasih Allah


Wasiat & Nasihat Kerohanian

Penterjemah:
Akmal Hj. Mhd. Zain

Disemak oleh:
Dr. Muhammad Sabri bin Sahrir



AL-HIDAYAH PUBLICATION



Judul buku:

الفتح الرباني

Menjadi Kekasih

Allah

Wasiat & Nasihat Kerohanian

Oleh : **Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani**

Tajuk asal : Al-Fath ar-Rabbani Wa al-Faid ar-Rahmani

Penterjemah : Akmal Hj. Mhd. Zain

Disemak oleh : Dr. Muhammad Sabri bin Sahrir

Atur huruf oleh : Lukman Typesetting
(Lukmantypesetting@yahoo.com)

Cetakan Ketiga 2015

Diterbitkan oleh:



AL-HIDAYAH PUBLICATION
27, Jalan DBP, Dolomite Business Park, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Diedarkan oleh:



AR-RISALAH PRODUCT SDN. BHD.
27, Jalan DBP, Dolomite Business Park, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel: +603-6185 3002, 6185 4009, 6185 7006 Fax: +603-6185 9006
laman web: www.hidayah.com.my E-mail : sales@hidayah.com.my

Diuruscetak Oleh :
PS POTENSI ENTERPRISE
No 5086, Seri Serdang Industrial Park, Selangor.

Kata Penerbit



Dengan Nama Allah Yang Maha
Pemurah Lagi Maha Penyayang

SEGALA puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi Yang Maha Pemurah. Selawat dan salam dilimpahkan-Nya kepada junjungan alam, sayyid al-Anbiya' wa al-Mursalin, Muhammad s.a.w., para ahli keluarga dan para sahabat baginda serta para tabi'in dan tabi' al-tabi'in seluruhnya.

Selaku penerbit kami amat merasa berbahagia sekali, kerana masih diberi kesempatan dan kemampuan oleh Yang Maha Kuasa untuk menerbitkan buku pengetahuan, motivasi, masalah kekeluargaan dan khasnya buku-buku agama untuk semua peringkat umur dan latar belakang pendidikan.

Adapun buku yang sedang anda tatap sekarang ini, adalah sebuah buku yang khusus memperkatakan tentang masalah kerohanian menurut aliran Sufi, juga merupakan catatan kulliyah yang disampaikan oleh Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani kepada murid-murid beliau, yang diterjemahkan oleh saudara al-Ustaz Akmal Hj. Mhd. Zain secara bebas ke dalam bahasa Melayu, dengan judul ***"Fath Al-Rabbani, Menjadi Kekasih Allah - Wasiat dan Nasihat Kerohanian".***

Penerbit merasa amat senang hati kerana diberi kepercayaan untuk menerbitkan buku ini, untuk tatapan para ikhwan yang berminat mengenai masalah kerohanian dan sikap hidup menurut aliran Sufi.

Sesuai dengan judulnya, buku ini mengandungi mutiara wasiat dan nasihat terhadap kesucian jiwa, hati dan batin seseorang Muslim, agar kita dimasukkan oleh Allah Taala ke dalam golongan para hamba-Nya

yang soleh dan siddiqin, dan diberi-Nya kedudukan yang sesuai di sisi-Nya.


Akhirnya penerbit mengharapkan teguran daripada para pembaca yang budiman, terutama para cendekiawan Islam yang khusus mendalami ilmu di bidang kerohanian, sekiranya terdapat kelemahan atau kesilapan dalam buku ini. Atas semuanya itu, lebih dahulu penerbit mengucapkan ribuan terima kasih.

Wassalam,

Penerbit,

Al-Hidayah Publication

Kata Penterjemah



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

SYUKUR dan puji yang memenuhi langit dan bumi dipanjatkan ke hadrat Ilahi, atas hidayah dan kurnia-Nya, yang telah memberi kesempatan kepada hamba-Nya yang faqir lagi dha'if ini untuk mengalih-bahasakan sebuah karya besar Syeikh Abdul Qadir al-Jailani al-Quraisyiy, seorang ahli sufi, yang berjudul *Fath Al-Rabbani.*

Syeikh Abdul Qadir al-Jailani, atau nama beliau yang sebenarnya ialah Muhyiddin Abu Muhammad Abdul Qadir, beliau adalah keturunan Rasulullah s.a.w., melalui puteri baginda Siti Fatimah al-Zahra'. Silsilah keturunan beliau ialah Abu Muhammad Abdul Qadir bin Abi Salih Musa bin Abdillah al-Jiliy bin Yahya al-Zahid bin Muhammad bin Daud bin Musa bin Abdullah al-Mahdi bin Hasan al-Muthanna bin Hasan bin Ali bin Abi Talib. Beliau adalah seorang ahli tasauf yang tidak asing lagi di dunia Islam, tulisan dan buah fikiran beliau berkaitan dengan ketuhanan dan tasauf mendapat perhatian para cendekiawan Timur mahupun Barat.

Buku ini mengandungi beberapa pengajaran, fatwa, wasiat dan nasihat beliau berkenaan dengan sikap kerohanian, khususnya kepada murid-murid beliau dan umumnya kepada kaum muslimin seluruhnya. Walaupun fatwa dan nasihat ini beliau sampaikan lebih kurang 900 tahun yang lalu, namun isi atau kandungannya masih relevan hingga masa kita sekarang ini, dan ia amat berguna untuk dijadikan panduan oleh semula lapisan masyarakat, baik para da'i, guru-guru, ibu bapa dan pemimpin

masyarakat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka selaku pembawa amanah Allah di permukaan bumi ini, terutama dalam menundukkan pengaruh nafsu dan syaitan terhadap diri manusia dan dalam usaha kita mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Sungguhpun demikian, penterjemah menyedari, bahawa tugas ini amat berat dan mencabar sekali, terutama kerana pembahasan yang terdapat di dalamnya berkaitan dengan masalah kerohanian, tasauf dan ketuhanan. Bagaimanapun, atas bantuan pihak-pihak tertentu, kami usahakan juga menyelesaikan terjemahan ini sehingga ia wujud sebagaimana yang anda tatap sekarang.

Perlu dijelaskan di sini, bahawa terjemahan ini penterjemah lakukan dengan berbagai cara, antara hanya dengan mengambil pengertiannya saja, dan adakalanya dengan menterjemahkannya secara harfiyah, bahkan ada pula yang penterjemah tambahkan penerangannya, yang kesemuanya itu bertujuan agar pembaca dapat dengan lebih mudah memahami kandungan karya agung ini.

Selain itu suatu perkara yang tidak dapat penterjemah laksanakan sepenuhnya dalam terjemahan ini, ialah mencantumkan nama perawi atau sanad-sanad hadis yang terdapat di dalamnya, kerana hal itu tidak terdapat di dalam buku asal dan penerjemah tidak pula dapat menemui dengan sepenuhnya di dalam kitab-kitab muktabar lainnya, kecuali hanya beberapa buah hadis yang sudah dipandang masyhur dalam dunia Islam. Bagaimanapun penterjemah mengharapkan, agar janganlah hendaknya sampai hal ini mengurangkan penghormatan kita kepada buku ini, dan lebih dahulu hendaklah kita bersangka baik terhadapnya semoga kita dapat memetik manfaat dan hikmah yang terkandung di dalamnya.

Sehubungan dengan itu, dengan segala kerendahan hati, penterjemah mengharapkan kepada para ulama dan cendekiawan Islam, sekiranya ada di antaranya yang menemui sumber hadis yang terdapat di dalam buku ini, sudilah kiranya memberitahu kepada kami, agar dapat kami cantumkan pada penerbitan selanjutnya. Selain itu, kami juga berharap agar para ulama dan cendekiawan Islam, tidak keberatan memberi teguran kepada penterjemah seandainya dalam terjemahan ini terdapat kekeliruan atau kesilapan, baik yang disengaja atau disebabkan

kekurangan ilmu penterjemah dalam hal ini.

Atas kesemuanya itu, lebih dahulu penterjemah mengucapkan ribuan terima kasih, semoga Allah Yang Maha Pemurah sentiasa menunjukkan kita semua ke jalan yang benar.

Dalam kesempatan yang amat berharga ini, juga penterjemah tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih yang tiada terhingga kepada semua ahli keluarga penterjemah, yang begitu faham akan tugas dan tanggungjawab penterjemah dalam menterjemahkan buku, yang ada ketikanya kepentingan dan hak mereka terabai demi melaksanakan tugas ini. Atas semuanya itu, penterjemah juga memohon ribuan kemaafan daripada ahli keluarga penterjemah atas kekurangan dan kealpaan penterjemah terhadap mereka, namun mereka begitu tabah dalam mengharungi liku-liku kehidupan bersama penterjemah.

Selanjutnya penterjemah mengucapkan ribuan terima kasih kepada Al-Hidayah Publisher's yang telah memberi dorongan kepada penterjemah untuk menterjemahkan buku ini sekaligus bersedia untuk menerbitkannya.

Akhirnya penterjemah memohon kepada Yang Maha Agung, seandainya usaha ini ada ganjaran di sisi-Nya, maka pohon dilimpahkan-Nya kepada ayahanda penerjemah, alm. Abuya Syeikh Hj. Muhammad Zain al-Khalidi ibn Syeikh Hj. Abd. Samad, dan ibunda tercinta Nurani binti Kari Dali. Amin Ya Rabb al-'Alamin.

Salam Hormat,

Penterjemah,
Akmal Hj. Mhd. Zain
Kg. Padang, Hulu Langat,
25 Januari 2000 M
18 Syawwal 1420 H



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Ya Allah...! Berilah rezeki kepada kami, tolonglah kami dan jauhkanlah kami daripada segala perbuatan bid'ah dan khurafat.

Ya Allah...! Berilah kami kemantapan hati untuk mencari redha-Mu, baik di dunia mahupun di akhirat. Serta masukkanlah kami ke dalam dalam golongan para hamba-Mu yang soleh.

Ya Allah...! Jauhkanlah kami daripada sifat tamak dan haloba terhadap duniamu, jika hal itu akan menjauhkan kami daripada Engkau.

"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksa api neraka."

Kandungan

الفتح الربانى

Menjadi Kekasih Allah

Wasiat & Nasihat Kerohanian

Oleh:
Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani

Mukadimah



Dengan Nama Allah Yang Maha
Pemurah Lagi Maha Penyayang

YA ALLAH...! Ya Tuhan, Zat Yang Mengetahui kelemahanku. Aku bermohon kepada-Mu, dengan kesempurnaan seseorang yang telah memuji-Mu, yang telah Engkau perlihatkan kepada-Nya kebenaran Asma' dan Sifat-sifat-Mu, serta betapa Agung-Nya Dzat-Mu. Maku aku berusaha untuk mengenal-Mu dengan kemakrifatan yang layak dan sesuai dengan kalimah-Mu.

Ya Tuhanku...! Engkau berkenan memberi ilham kepadaku, dengan sesuatu ilham yang tidak pernah Engkau ilhamkan kepada orang lain, ketika aku memuji-Mu. Sebagaimana akan Engkau ilhamkan hal tersebut, ketika pada suatu hari Engkau menampakkan ke Esaan-Mu yang sempurna, saat mana Engkau menganugerahkan selawat dan salam kepadanya, dengan selawat dan salam yang amat berpatutan dengan kesempurnaan-Mu yang amat suci terhadap wujudnya yang indah, dan ketika menyebarkan apa yang datang daripadanya kerana betapa mulianya selawat dan salam-Mu itu, ya Tuhanku, yang berputar dalam wujudnya yang nyata dan tersembunyi, sedangkan semuanya itu berkait rapat dengan kewujudan dan perintah-Mu. sehingga Engkau, tidak mengabaikan seorang juapun daripada para Nabi-Mu, Rasul-Mu, Malaikat-Mu dan hamba-hamba-Mu yang soleh, melainkan semuanya mendapat curahan kasih dan siraman anugerah-Mu yang Maha Agung.

Majlis 1

Tundukkan Nafsumu Sebelum Engkau Ditundukkan Olehnya

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad pagi, 3 Syawal 545H.

BERPALING daripada Allah s.w.t. ketika diturunkan hukum-hakam-Nya, bererti matinya agama, binasanya tauhid, musnahnya keredhaan dan keikhlasan. Sedangkan hati orang mukmin tidak mengetahui, mengapa dan bagaimana hendak melayan dorongan nafsunya. Bahkan ia berkata: "Benar...! Semua nafsu itu mesti dilawan, ditentang dan dimusuhi." Oleh yang demikian, barangsiapa yang ingin memperbaiki dirinya, maka hendaklah dia berlatih untuk memerangi nafsunya, sehingga dirinya bebas daripada cengkaman kejahatan dan pengaruh nafsu, kerana seluruh nafsu itu mengajak kepada kejahatan.

Apabila kamu mampu menggembleng dan menundukkan nafsumu, maka seluruh nafsu itu akan menjadi baik, yakni kebaikan yang berada di dalam kebaikan. Sehingga jadilah ia menurut semua ketaatan dan meninggalkan semua kejahatan dan kederhakaan. Dalam keadaan yang demikian, maka diucapkan baginya firman Allah, yang berbunyi:

يَٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفْسُ ٱلْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ ٱرْجِعِىٓ إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً
مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾ فَٱدْخُلِى فِى عِبَٰدِى ﴿٢٩﴾ وَٱدْخُلِى جَنَّتِى ﴿٣٠﴾

Ertinya:
"Wahai jiwa yang tenang...! Kembalilah kepada Tuhanmu dengan penuh redha dan diredhai-Nya. Maka masuklah kamu ke dalam golongan hamba-Ku dan masuklah ke dalam syurga-Ku."

(Al-Fajr: 27-30)

Dengan demikian, maka sudah pastilah ketakwaannya, dan hilang daripadanya segala keburukan, serta tiada kebergantungan kepada makhluk. Hal ini telah berlaku kepada Nabi Ibrahim Khalilullah, baginda telah terlepas daripada kongkongan nafsunya dan baginda hidup dengan tenang, bebas daripada pengaruh nafsu yang sentiasa mendorong manusia kepada melakukan kejahatan.

Ketika jiwanya telah tenang, datanglah kepadanya berbagai jenis makhluk yang menawarkan bantuan dan pertolongan. Ketika itu baginda menjawab:

"Aku tidak memerlukan pertolongan kamu sekalian. Dia (Allah) mengetahui keadaanku dan memenuhi segala permohonanku."

Kerana penyerahan dan ketakwaan baginda yang tidak berbelah bagi itu, maka Allah berfirman kepada api, kata-Nya:

قُلْنَا يَـٰنَارُ كُونِى بَرْدًا وَسَلَـٰمًا عَلَىٰٓ إِبْرَٰهِيمَ ﴿٦٩﴾

Ertinya:
"Berkata Kami, wahai api...! Menjadi dinginlah engkau dan selamatlah engkau terhadap Ibrahim...!"

(Al-Anbiya': 69)

Allah memberi pertolongan kepada orang yang sabar bersama-Nya di dunia tanpa batas, sementara di akhirat pula ia akan dianugerahkan dengan kenikmatan tanpa batasan, sesuai dengan firman-Nya yang berbunyi:

إِنَّمَا يُوَفَّى ٱلصَّـٰبِرُونَ أَجْرَهُم بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

Ertinya:
"Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabarlah yang diganjarkan dengan pahala mereka tanpa batasan."

(Az-Zumar: 10)

Tiadalah samar bagi Allah, segala sesuatu yang ditanggung oleh orang-orang yang menanggung kerana-Nya. Bersabarlah seketika bersama-Nya, sementara kamu telah melihat kelembutan-Nya dan Dia telah memberikan kenikmatan-Nya bertahun-tahun lamanya. Keberanian adalah sabar untuk seketika. Allah Taala berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٥٣﴾

Ertinya:
"Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar."

(Al-Baqarah: 153)

Dengan pertolongan dan harapan, bersabarlah bersama-Nya. Ingatlah kepada-Nya dan janganlah kamu lalai daripada mengingati-Nya. Janganlah kamu sedar setelah mati, kerana kesedaran ketika itu sudah tidak bermanfaat lagi bagi kamu. Tetapi ingatlah kepada-Nya sebelum datangnya kematian. Ingatlah kamu sebelum kamu diberi peringatan, bahawa sudah tiada lagi perintah bagimu, sehingga kamu menyesal di saat penyesalan tiada berguna lagi bagi kamu. Perbaikilah hati kamu, kerana apabila hati itu sudah baik, maka akan baik pulalah seluruh keadaanmu. Sehubungan dengan itu Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

إِنَّ فِي الْجَسَدِ ابْنِ ءَادَمَ مُضْغَةً إِذَا صَلُحَتْ صَلُحَ لَهَا سَائِرُ جَسَدِهِ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ لَهَا سَائِرُ جَسَدِهِ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.

Ertinya:
"Sesungguhnya di dalam jasad anak Adam itu ada segumpal daging. Apabila daging itu baik, maka akan baiklah seluruh jasadnya, apabila daging itu rosak, maka akan rosaklah seluruh jasadnya. Ketahuilah...! Dia adalah hati...!"[1]

Memperbaiki hati itu hanya dapat dilakukan dengan takwa, tawakkal kepada-Nya, mengesakan-Nya dan berlaku ikhlas dalam setiap amalan yang dilakukan semata-mata kerana-Nya. Tanpa sikap-sikap yang disebutkan ini, maka hati akan rosak. Hati adalah bagaikan burung di dalam sangkar, atau bagaikan berlian di dalam ikatannya, atau bagaikan

1. Buku asal tidak menyebutkan sanad dan perawinya. Bagaimanapun hadis ini adal hadis yang sudah masyhur di kalangan umat Islam, ia diriwayatkan oleh Bukhari dalam kitab sahih beliau. (Penterjemah)

harta yang tersimpan dengan sempurna di dalam almari. Adapun yang diperhitungkan di sini adalah burungnya, bukan sangkarnya. Berliannya, bukan pengikatnya. Hartanya, bukan almarinya. Bayangkanlah seekor burung tanpa sangkar, sebentuk berlian tanpa ikatan atau setompok harta tanpa tempat menyimpannya.

Ya Allah...! Sibukkanlah anggota tubuh kami dengan ketaatan kepada-Mu, dan hati kami dengan makrifat kepada-Mu. Sibukkanlah sepanjang hayat kami, siang dan malam kami, pertemukanlah kami dengan orang-orang soleh yang sudah mendahului kami. Berilah kami rezeki sebagaimana rezeki yang Engkau kurniakan kepada mereka. Datangkanlah kepada kami sebagaimana yang Engkau datangkan kepada mereka. Amin...!

Wahai kaumku...! Lakukanlah kepada Allah, sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang soleh kepada-Nya, sehingga Allah pula melakukan kepada-Mu sebagaimana yang telah dilakukan-Nya kepada mereka.

Jika kamu mengharapkan agar Allah s.w.t. sentiasa memandang kepadamu, maka sibukkanlah dirimu dengan melakukan ketaatan kepada-Nya, bersabar bersama-Nya, redha dengan semua ketentuan-Nya terhadap dirimu dan orang-orang selain kamu. Suatu kaum yang menjauhkan diri dari dunia dan mengambil bahagian mereka di dunia dengan jalan takwa serta beramal soleh. Kemudian mereka bermohon untuk kehidupan akhirat dan beramal dengan amalan-amalan akhirat, mereka melawan dorongan nafsu mereka dan mentaati Allah, menasihati diri mereka sendiri dan kemudian memberi bimbingan pula kepada orang lain.

Hai pemuda...! Nasihatilah dirimu sendiri lebih dahulu, sebelum kamu menasihati orang lain. Adalah penting sekali bagimu mengekang atau melawan kehendak nafsumu dan janganlah engkau berlebih-lebihan menasihati orang lain, sedangkan dalam dirimu sendiri masih berada dalam sesuatu yang perlu engkau perbaiki.

Celakalah engkau...! Sekiranya engkau tahu bagaimana membersihkan orang lain, sedangkan engkau buta. Bagaimana mungkin seorang buta dapat membimbing orang lain, sedangkan orang yang membimbing itu mestinya orang yang boleh melihat.

Ingatlah...! Bahawa orang yang dapat menyelamatkan orang lain daripada lautan adalah seorang perenang yang mahir, dan yang dapat

membawa orang lain kepada Allah s.w.t. hanyalah orang yang kenal kepada-Nya. Kerana perbuatan ini tidak dapat dilakukan dengan kebodohan dan kejumudan yang menyelimuti jiwa.

Tiada alasan bagimu tentang tindakanmu terhadap Allah, melainkan mencintai-Nya dan beramal untuk-Nya, bukan untuk yang lain. Takut kepada-Nya bukan kepada selain-Nya. Semuanya ini dilakukan dengan hati, bukan dengan lidah. Semuanya ini dilakukan di dalam kesunyian, bukan di dalam kesibukan dan keramaian. Apabila tauhid berada di ambang pintu rumah, sedangkan syirik berada di dalamnya, maka itu namanya munafik.

Celakalah engkau...! Lidahmu bertakwa sedangkan hatimu berada di dalam kederhakaan, lidahmu bersyukur sementara hatimu berpaling. Allah berfirman, yang berbunyi:

يَا ابْنَ ءَادَمَ خَيْرِى إِلَيْكَ نَازِلٌ وَشَرُّكَ إِلَيَّ صَاعِدٌ.

Ertinya:
"Wahai anak Adam...! Kebaikan-Ku itu turun kepadamu, dan kejahatanmu itu naik kepada-Ku."[2]

Celakalah kamu...! Kerana kamu mengaku sebagai hamba-Nya, sementara ketaatan kamu, engkau berikan kepada selain-Nya. Sekiranya kamu adalah benar-benar hamba-Nya, maka kamu akan kembali kepada-Nya dan berpihak kepada-Nya, nescaya kamu akan bermusuhan kerana-Nya dan berkasih-kasihan kerana-Nya.

Seorang mukmin yang mempunyai keyakinan, tidak akan taat kepada hawa nafsunya, dirinya dan syaitannya. Dia tidak mengetahui syaitan sehingga dia mentaatinya, dia tidak mempedulikan dunia sehingga ia menjadi hina kerananya. Oleh itu ia merendahkan dunia dan mencari penghidupan akhirat. Apabila dia sudah dapat menghasilkan kehidupan akhirat, maka ia akan meninggalkan dunianya, bertemu dengan Tuhannya Yang Maha Perkasa lagi Maha Agung. Dia ikhlas beribadah kepada-Nya dalam semua waktunya. Dia mendengar firman Allah, yang berbunyi:

وَمَآ أُمِرُوٓاْ إِلَّا لِيَعْبُدُواْ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ ...

2. Buku asal tidak menyatakan sumber firman Allah di atas, kemungkinan besar ia adalah hadis Qudsi, tetapi tidak pula dicatatkan perawinya. (Penterjemah)

Ertinya:
"Dan tiadalah mereka disuruh, kecuali untuk menyembah Allah dengan ikhlas dalam (menjalankan) perintah agama."

(Al-Bayyinah: 5)

Buangkanlah syirik dari dalam jiwamu, dan Esakanlah Allah Yang Haq, Dia adalah Maha Pencipta segala sesuatu, dan semuanya berada di dalam tangan-Nya (kekuasaan-Nya).

Wahai orang yang menuntut segala sesuatu,[3] selain daripada kepada-Nya. Apakah kamu tidak berakal...? Tidakkah kamu tahu bahawa segala sesuatunya itu berada di dalam perbendaharaan-Nya...? Ingatlah, bahawa Allah berfirman, yang berbunyi:

وَإِن مِّن شَيْءٍ إِلَّا عِندَنَا خَزَآئِنُهُۥ وَمَا نُنَزِّلُهُۥٓ إِلَّا بِقَدَرٍ مَّعْلُومٍ ﴿٢١﴾

Ertinya:
"Dan tidak ada sesuatupun, melainkan di sisi Kamilah khazanah (perbendaharaan)nya, dan Kami tidak akan menurunkannya melainkan dengan ukuran yang tertentu."

(Al-Hijr: 21)

Wahai hamba...! Tidurlah kamu di bawah naungan takdir, berbantallah engkau dengan kesabaran, bersikap redhalah engkau terhadap takdir yang sudah ditentukan buat dirimu, beribadahlah engkau dengan selalu menanti dan mengharapkan kebahagiaan. Apabila engkau benar-benar telah berbuat demikian, maka Zat Yang Maha Kuasa akan mencucurkan semua anugerah-Nya dan mengurniakan semua nikmat-Nya kepadamu, di luar yang pernah engkau cari dan engkau dambakan.

Wahai kaumku...! Sesuaikanlah dirimu dengan kudratmu,[4] terimalah dari Abd al-Qadir yang telah berusaha bersungguh-sungguh menyesuaikan diri dengan kudrat. Ikutilah langkahku dalam menyesuaikan diri dengan kudrat ini, kerana sikap itu telah menghantarkan diriku kepada Zat Yang Maha Kuasa.

Wahai kaumku...! Hina dan rendahkanlah dirimu kepada Allah, kepada

3. Harta, pangkat, kesihatan dan kemewahan hidup.
4. Struktur, sifat kejadian dan tujuan penciptaan manusia.

kakuasaan-Nya, kepada takdir dan perbuatan-Nya. Kita tundukkan zahir dan batin kita kepada-Nya. Kita sesuaikan diri kita dengan kudrat kita dan kita jalani liku-liku hidup ini bersama kudrat itu. Kerana takdir itu adalah ibarat utusan Ilahi kepada makhluk-Nya, kita muliakan ia adalah semata-mata kerana memuliakan Yang Mengutusnya.

Apabila hal ini telah kita lakukan, maka ia akan membawa kita bersamanya menghadap Yang Maha Kuasa untuk memperolehi pertolongan-Nya, sesuai dengan firman-Nya yang berbunyi:

هُنَالِكَ ٱلْوَلَـٰيَةُ لِلَّهِ ٱلْحَقِّ ۚ هُوَ خَيْرٌ ثَوَابًا وَخَيْرٌ عُقْبًا ﴿٤٤﴾

Ertinya:
"Di sana pertolongan itu hanya (datang) dari Allah Yang Haq. Dia adalah sebaik-baik pemberi pahala dan sebaik-baik pemberi balasan."
(Al-Kahfi: 44)

Kamu akan memperolehi minuman daripada lautan ilmu-Nya, dan makanan daripada limpahan anugerah-Nya, merasa tenang dengan ketenangan-Nya serta mendapat perlindungan daripada belaian rahmat-Nya. Keutamaan ini hanya akan diperolehi oleh seorang saja daripada setiap sejuta manusia, yang terdiri daripada berbagai suku dan bangsa.

Wahai hamba...! Peliharalah ketakwaanmu, peliharalah kaedah-kaedah syarak, peliharalah semangat untuk selalu melawan godaan hawa nafsu, syaitan dan sahabatmu yang jahat. Seorang mukmin sentiasa berperang dengan mereka, dan dalam peperangan itu, topi perisainya sentiasa berada di atas kepalanya, pedangnya sentiasa terhunus, dan punggung kudanya tidak akan pernah terlepas daripada tempat duduk.[5] Ia tidur sebagaimana tidurnya suatu kaum, makannya sebagaimana umumnya mereka makan, ia mengalahkan pidatonya dan memilih bersikap bisu sebagai budayanya.

Hanya Allah yang mampu membuat mereka berkata-kata. Takdir Allah akan membuat mereka berkata-kata. Digerakkan-Nya organ bicara mereka di dunia, sebagaimana Allah juga dapat menjadikan seluruh anggota badan manusia itu mampu berbicara kelak di hari perhitungan, kerana Allah memberi kemampuan kepada mereka untuk berkata-kata, sebagaimana Dia juga mampu membuat benda-benda jisim (jamadat) yang lain itu mampu berkata-kata, kerana diciptakan-Nya bagi mereka suatu alat yang membolehkan mereka berkata-kata, maka mereka mampu

5. Maksudnya sentiasa waspada dan bersiap sedia menghadapi musuh.

berkata-kata.

Apabila Dia menghendaki mereka untuk melakukan sesuatu, maka Dia akan menciptakan persediaan bagi mereka untuk mencapai sesuatu itu. Dia berkehendak agar ada orang yang tampil untuk menyampaikan berita tidak gembira dan berita gembira kepada manusia dengan cara yang tidak dapat ditewaskan, sehingga para Nabi dan Rasul itu boleh berbicara dan berhadapan dengan mereka.

Apabila Allah s.w.t. mewafatkan para Nabi dan Rasul itu, maka dijadikan-Nya ulama yang mampu berbicara dengan ilmu mereka, lantas dijadikan-Nya mereka berbicara kepada mereka dengan kata-kata yang mengandungi kemaslahatan bagi semua makhluk sebagai ganti atau pewaris daripada para Nabi dan Rasul tersebut. Rasulullah s.a.w. bersabda yang berbunyi:

اَلْعُلَمَـاءُ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ.

Ertinya:
"Para ulama itu adalah pewaris para nabi."

Wahai kaumku...! Bersyukurlah kamu kepada Allah atas segala nikmat yang sudah dikurniakan-Nya kepada kamu, lihatlah, bahawa semua nikmat itu datang daripada-Nya. Ingatlah firman-Nya yang berbunyi:

وَمَا بِكُم مِّن نِّعْمَةٍ فَمِنَ ٱللَّهِ ۖ ثُمَّ إِذَا مَسَّكُمُ ٱلضُّرُّ فَإِلَيْهِ تَجْـَٔرُونَ ﴿٥٣﴾

Ertinya:
"Dan apa jua nikmat yang ada pada kamu itu, maka dari Allahlah (datangnya), kemudian apabila kamu ditimpa kemudaratan, hanya kepada-Nya saja kamu meminta pertolongan."

(An-Nahl: 53)

Di manakah syukur bagimu, wahai orang-orang yang sudah menerima nikmat-Nya...? Wahai makhluk yang memandang bahawa nikmat itu berasal daripada selain-Nya...? Suatu ketika kamu berpendapat bahawa nikmat itu datangnya daripada selain Allah, manakala pada ketika lain kamu berkeyakinan bahawa nikmat itu datang daripada hasil usahamu sendiri, seakan-akan kamu sendiri yang menciptakan nikmat itu, dan

pandanganmu sentiasa menuju kepada yang tidak ada padamu, atau kepada apa yang berada di tangan orang lain, malahan pada suatu ketika pula kamu menggunakan nikmat yang kamu perolehi itu sebagai pendukung dirimu melakukan kemaksiatan kepada Allah.

Wahai hamba...! Dalam kesunyianmu, kamu memerlukan suatu tindakan pencegahan, kamu memerlukan kewarakan yang akan mengangkat kamu daripada lembah kemaksiatan dan kesalahan, dan kamu memerlukan pengawasan yang akan mengingatkan kamu akan pandangan Zat Yang Maha Haq terhadap dirimu. Kamu adalah orang yang sangat memerlukan hal ini bersamamu di dalam waktu sunyimu, dan dalam masa yang sama kamu juga memerlukannya untuk memerangi hawa nafsu dan syaitan.

Hancurnya kebanyakan manusia kerana mereka sentiasa melakukan kesalahan dan kemaksiatan. Hancurnya orang-orang zuhud, adalah kerana mereka mempunyai keinginan untuk bersenang-senang dengan menurut kehendak syahwatnya. Hancurnya para Wali *Abdal* adalah kerana lintasan fikiran ketika mereka dalam waktu sunyinya, dan hancurnya para siddiqin (orang-orang yang jujur dan benar) adalah sesuatu yang bersifat sementara. Mereka selalu disibukkan untuk selalu menjaga dan memelihara hatinya, kerana mereka adalah orang-orang yang tidur di pintu Maha Raja, mereka berdiri dalam posisi mereka sebagai juru dakwah, yang mengajak manusia kepada mengenal Allah Yang Haq. Tiada henti-hentinya mereka memujuk hati mereka dengan berkata:

"Wahai hati...! Wahai Roh...! Wahai manusia..! Wahai Jin...! Wahai orang-orang yang berharap kepada Maha Raja...! Marilah...! Kita ketuk pintu Maha Raja. Bersegeralah kamu kepada-Nya dengan tapak hati kamu, dengan tapak takwa dan tauhid kamu, makrifat dan kewarakan kamu yang tinggi, kezuhudan kamu di dunia, di akhirat dan di dalam sesuatu selain daripada yang berkaitan secara langsung dengan Tuhanmu."

Inilah kesibukan kaum itu, mereka sudah bertekad untuk memperbaiki semua makhluk di bumi, tekad dan cita-cita mereka itu meliputi langit dan bumi, meliputi 'Arasy dan bintang-bintang di angkasa raya.

Wahai hamba...! Jauhkanlah daripadamu nafsu dan hawamu...! Jadikanlah ia laksana bumi yang berada di bawah tapak kaki manusia, atau laksana debu di tangan-tangan mereka.

Sesungguhnya Allah Yang Maha Haq mengeluarkan yang hidup

daripada yang mati dan mengeluarkan yang mati daripada yang hidup. Dengan pengertian bahawa Dia telah mengeluarkan Ibrahim a.s. dari kedua-dua orang tua baginda yang mati dalam kekufuran. Orang mukmin adalah makhluk yang hidup sedangkan orang kafir adalah makhluk yang mati. Orang yang mengesakan Allah itu adalah orang yang hidup dan orang yang mempersekutukan-Nya adalah orang yang mati. Inilah sebabnya Allah berfirman kepada Nabi Musa a.s. yang berbunyi:

أَوَّلُ مَنْ مَاتَ مِنْ خَلْقِيْ إِبْلِيْسُ.

Ertinya:
"Yang mula-mula sekali mati dari kalangan makhluk makhluk-Ku ialah iblis."[6]

Iblis itu derhaka kepada Allah, dan ia mati kerana kederhakannya itu. Ketika ini adalah akhir zaman, telah nyata sekali kemunafikan dan kedustaan. Janganlah kamu duduk bersama orang-orang munafik, pendusta dan pengikut darjat. Celakalah kamu, wahai jiwa orang yang munafik, kafir, zalim dan musyrik.

Bagaimana kamu boleh duduk bersama jiwa kotor seperti itu...? Oleh itu, perangilah mereka dan jangan engkau bersahabat dengan mereka, namun jangan pula kamu jauhi mereka sejauh-jauhnya. Penjarakan mereka dan berikan hak asasi mereka. Tundukkanlah mereka dengan kesungguhan dan ketekunan.

Manakala hawa nafsu pula, hendaklah engkau yang mengendalikannya, jangan sampai dia yang mengendalikan kamu. Nafsu itu tidak ubahnya bagaikan anak kecil yang belum mempunyai akal. Bagaimana engkau mesti belajar daripada seorang kanak-kanak dan menerima sesuatu daripadanya...?

Adapun syaitan, ia adalah musuhmu dan musuh bapamu, Adam a.s. Bagaimana engkau hendak bersandar kepadanya, sedangkan antara engkau dengannya terdapat permusuhan turun-temurun, dendam yang sudah berakar pada kedua-dua belah pihak. Janganlah engkau berlindung kepadanya, engkau tidak akan aman daripada mereka, kerana ia telah memerangi ayah dan ibumu (Adam dan Hawa) dahulu kala.

Percayalah...! Sekiranya ia memperolehi peluang, maka ia akan

6. Dalam kitab asal tidak dinyatakan sumber pengambilan firman Allah ini. Penterjemah yakin ia adalah hadis qudsi, tetapi tidak ada pula dinyatakan perawinya.

membunuh jiwamu, sebagaimana ia telah melakukan hal itu kepada ayah dan ibumu (Adam dan Hawa). Oleh itu, jadikanlah takwa sebagai senjatamu, manakala tauhid atau mengesakan Allah, takut kepada-Nya, warak dalam diammu, jujur dalam segala tindakan, serta memohon pertolongan daripada Allah adalah sebagai kekuatanmu. Semua senjata dan tentera ini akan mengusir, membinasakan dan menghancurkan bala tentera iblis. Bagaimanakah kamu tidak mengusirnya, sementara kebenaran ada di pihakmu...?

Wahai hamba...! Seimbangkanlah antara dunia dan akhirat. Jadikanlah kedua-duanya itu dalam wadah yang sama, dan menyendirilah di hadapan Tuhanmu Yang Maha Perkasa lagi Maha Agung, dengan hati yang kosong, tanpa dunia dan akhirat. Janganlah engkau menghadap kepada-Nya, kecuali engkau telah mengenepikan semua yang datang selain daripada-Nya. Janganlah engkau terbelenggu bersama makhluk, sementara engkau terjauh dari Khaliq. Putuskanlah semua sebab ini dan cabutlah semua halangan ini. Jika telah memungkinkan, jadikanlah dunia untuk jiwamu, akhirat untuk hatimu dan Tuhan untuk batinmu.

Wahai hamba...! Janganlah engkau bersama dengan hawa dan nafsu, baik di dunia mahupun di akhirat, dan janganlah engkau taat kecuali kepada Zat Yang Haq. Dengan demikian, bermakna engkau telah berlabuh di dermaga yang kukuh, dermaga yang tidak akan pernah hancur selama-lamanya. Pada ketika ini akan datanglah kepadamu hidayah dari Allah Yang Maha Haq, yang tiada kesesatan sesudahnya. Bertaubatlah daripada segala dosa-dosamu dan bersegeralah kepada Tuhanmu Yang Maha Mulia lagi Maha Agung. Jika engkau bertaubat, hendaklah taubat itu lahir dari hatimu, bertaubatlah engkau zahir dan batin.

Ketahuilah...! Bahawa taubat itu adalah pusat kekuasaan dan menyesal dengan segala perbuatan. Tanggalkanlah baju kederhakaanmu dengan taubat yang tulus. Sementara malu kepada Allah itu adalah hakikat yang sesungguhnya, bukan kiasan dan bukan pula hanya ucapan bibir mulut semata-mata.

Taubat adalah perbuatan hati, setelah sucinya anggota badan dengan amal-amal syar'i. Orang yang mempunyai hati itu beramal, sementara hati itu sendiri juga beramal. Apabila hati itu telah ke luar daripada lingkaran sebab-musabab dan berhubungan dengan makhluk, maka ia telah mengharungi samudera tawakkal, makrifat kepada Allah, meninggalkan

sebab-musabab dan mencari penyebabnya. Apabila ia berada di tengah-tengah samudera, maka ia akan berkata, sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya, yang berbunyi:

ٱلَّذِى خَلَقَنِى فَهُوَ يَهْدِينِ ﴿٧٨﴾

Ertinya:
"(Iaitu Tuhan) Yang Menciptakan aku, maka Dialah Yang Menunjuki aku."

(Al-Syua'ra: 78)

Maka dia diberi pertunjuk (bimbingan atau hidayah) dari suatu pantai ke pantai yang lain, dari suatu tempat ke tempat yang lain, sehingga ia berhenti di sebatang jalan yang lurus. Setiap kali ia menyebut atau ingat kepada Tuhannya, maka teranglah jalan itu dan sinarlah kabus yang melindunginya.

Hati orang yang mencari al-Haq, yang berani mengharungi semua rintangan dan menentang segala sesuatu yang muncul kemudiannya. Apabila pada suatu perjalanan dia merasa takut akan kerosakan, maka tampillah keimanannya, lantas keimanan itu menimbulkan keberanian di dalam dirinya, dan api kekhuatiran serta ketakutan akan padam dengan sendirinya. Sebagai gantinya, akan datanglah cahaya yang terang benderang, cahaya ketenteraman dan kebahagiaan yang lahir daripada hasil taqarrubnya kepada Allah.

Wahai hamba...! Apabila suatu penyakit menimpa dirimu, maka terimalah ia dengan penuh kesabaran, dan tenanglah engkau sehingga datang ubatnya. Apabila ubat sudah datang, terimalah ubat itu dengan penuh kesyukuran. Apabila kamu mampu berbuat demikian, maka kamu akan berada dalam kehidupan yang tenang dan bahagia.

Takut kepada neraka itu memutuskan hati orang mukmin, membuat wajah mereka berwarna kuning (pucat) dan menyusahkan hati mereka. Apabila perasaan seperti ini tersemat di dalam jiwa mereka, maka Allah akan menyirami hati mereka dengan siraman air rahmat dan kelembutan-Nya, dan dibukakan bagi mereka pintu-pintu akhirat sehingga mereka melihat akan kebenaran yang dijanjikan. Jika mereka berdiam di sana, tenang dan beristirehat seketika, maka dibukakanlah bagi mereka pintu Keagungan, yang akan menggoncangkan hati dan batin mereka, sehingga ketakutan yang mereka rasakan semakin bertambah dahsyat daripada

ketakutan yang mereka rasakan sebelumnya.

Apabila tahap ini telah sempurna bagi mereka, maka dibukalah bagi mereka pintu keindahan, lantas mereka pun tinggal serta menetap dengan tenang, merasa tenteram dan selalu terjaga. Meraka menduduki beberapa darjat, setingkat demi setingkat.

Wahai hamba...! Janganlah cita-citamu hanya sekadar pada yang engkau makan dan engkau minum, pada yang engkau pakai dan engkau kahwin, pada yang engkau diami dan engkau kumpulkan saja. Kerana semuanya itu hanya cita-cita hawa nafsu dan naluri insaniah. Kalau hanya demikian, di manakah tekad hati dan batin, yakni mencari Allah al-Haq...? Nilai sebuah cita-cita itu ialah apa yang engkau cita-citakan. Maka jadikanlah Tuhanmu dan apa-apa yang di sisi-Nya sebagai tumpuan cita-citamu.

Ingatlah...! Dunia ini mempunyai pengganti, iaitu akhirat. Makhluk juga mempunyai pengganti, iaitu Khaliq. Setiap kali kamu meninggalkan sesuatu di dunia ini, maka engkau akan memperolehi gantinya yang baru dan lebih baik di akhirat kelak. Jadikanlah sisa-sisa usiamu yang masih ada sekarang sebagai persiapan menuju ke akhirat, menanti kedatangan Malaikat Maut. Dunia adalah tempat memasak, sementara akhirat adalah tempat kediaman. Ketika datang kecemburuan daripada Allah, maka terpisahlah mereka dengan dunia. Alam yang nyata ini mengambil kedudukan alam akhirat, sehingga mereka tidak memerlukan dunia dan tidak pula memerlukan akhirat.

Wahai pendusta...! Engkau hanya mencintai Allah ketika kamu memperolehi nikmat. Sebaliknya, apabila datang suatu bencana atau cubaan kepada kamu, kamu segera lari, seakan-akan Allah itu bukan kekasihmu. Semestinya, seorang hamba itu akan nyata siapa dia, ialah ketika menerima ujian dari Allah. Apabila datang suatu ujian atau cubaan daripada Allah, sedangkan engkau tetap bertahan dan tabah menerimanya, maka engkau adalah orang yang mencintai Allah dengan sebenar-benarnya. Sebaliknya jika haluanmu berubah, maka jelaslah pembohonganmu, musnahlah perbuatanmu yang pertama, dan ia berlalu entah ke mana.

Seorang lelaki datang kepada Rasulullah s.a.w., dan ia berkata: "Wahai Rasulullah...! Sesungguhnya aku mencintai engkau...!" Maka baginda bersabda:

إِسْتَعِدَّ لِلْفَقْرِ جِلْبَابًا.

Ertinya:
"Sediakanlah jilbab (perisai, penutup) untuk kefakiran."

Kemudian datang pula seorang lelaki kepada Rasulullah s.a.w., lantas dia berkata: "Wahai Rasulullah...! Sesungguhnya aku cinta kepada Allah...!" Maka baginda bersabda:

إِتَّخِذْ لِلْبَلاَءِ جِلْبَابًا

Ertinya:
"Sediakanlah jilbab (perisai, penutup) untuk setiap ujian."

Kecintaan kepada Allah dan Rasul-Nya itu sentiasa bersamaan dengan kefakiran dan ujian. Oleh yang demikian, maka sebahagian ahli hikmah berkata:

"Setiap orang yang menjadi kekasih-Nya selalu diberi-Nya cubaan. Agar tiada seorang juapun yang dapat mengaku sebagai wali (kekasih) Allah. Jika tidak demikian, maka setiap orang akan mengaku bahawa dia mencintai Allah. Maka ditetapkanlah pembuktian cinta itu dengan kefakiran dan cubaan."

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 2

Ambillah Bahagianmu Dengan Jalan Zuhud

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Selasa, 5 Syawal, 545H.

KEINGKARANMU kepada Allah akan membuat engkau tersingkir daripada-Nya. Kembalilah engkau kepada-Nya, sebelum engkau dipukul dan dihina, sehingga engkau akan dikuasai oleh liku-liku kehidupan yang penuh malapetaka dan kesengsaraan, kehidupan yang penuh ujian dan cubaan. Ketika engkau merasakan hidangan malapetaka, maka di sana tidak akan engkau rasakan sedikit dosapun. Janganlah engkau terlalu gembira dengan apa yang engkau perolehi, kerana ia adalah sesuatu yang akan musnah dalam waktu dekat. Ingatlah firman Tuhanmu, yang berbunyi:

فَلَمَّا نَسُوا۟ مَا ذُكِّرُوا۟ بِهِۦ فَتَحْنَا عَلَيْهِمْ أَبْوَٰبَ كُلِّ
شَىْءٍ حَتَّىٰٓ إِذَا فَرِحُوا۟ بِمَآ أُوتُوٓا۟ أَخَذْنَٰهُم بَغْتَةً فَإِذَا
هُم مُّبْلِسُونَ ﴿٤٤﴾

Ertinya:
"Tatkala mereka melupakan peringatan yang telah diberikan kepada mereka, Kami pun membukakan semua pintu (kesenangan) buat mereka, sehingga apabila mereka bergembira dengan apa yang diberikan kepada mereka. Kami akan menariknya daripada mereka

dengan secara tiba-tiba, maka ketika itu mereka terdiam berputus asa."

(Al-An'am: 44)

Segala yang ada di sisi Allah itu akan engkau perolehi dengan kesabaran. Oleh yang demikian, Allah Taala menguatkan perintah untuk bersabar. Kemiskinan itu tidak akan berkumpul dengan kesabaran, kecuali dalam hak orang mukmin.

Orang-orang yang mencintai Allah itu akan diberi-Nya ujian, lantas mereka bersabar serta mempunyai semangat dan dorongan untuk melakukan kebaikan-kebaikan dalam keadaan mereka sedang menghadapi cubaan atau ujian. Dan mereka bersabar atas sesuatu yang baru datang kepada mereka daripada Allah Taala.

Andaikata bukan kerana kesabaran, nescaya kamu tidak akan melihat aku di sisimu, sebagai seorang yang menjaring burung. Dari suatu malam ke malam yang lain, kedua-dua mataku terbuka dan kedua-dua kakiku bebas tanpa ikatan. Pada siang hari mataku tertutup dan kedua-dua kakiku terbelenggu dalam suatu perangkap. Semuanya itu aku lakukan adalah demi kebaikan kamu semua, sementara kamu tidak mengetahuinya, andainya tidak diredhai oleh Allah.

Semuanya itu adalah kerana taat kepada Allah. Jika tidak, apakah ada orang yang berakal yang melakukan ikatan di negeri ini dan bergaul dengan penduduknya, sedangkan di kalangan mereka telah merebak sifat riya', munafik, kezaliman serta banyaknya harta syubhat dan haram.

Begitu ramai orang yang mengingkari nikmat-nikmat Allah dan menggunakan nikmat itu untuk melakukan perbuatan maksiat dan kezaliman. Malahan ramai pula orang yang lemah di rumahnya dan menjadi orang yang bertakwa di kedainya. Ada pula orang-orang yang atheis dalam minumannya, mengaku seorang yang jujur dalam jawatannya.

Seandainya bukan kerana adanya hikmah (kebijaksanaan) nescaya akan aku utarakan kepadamu mengenai apa yang ada di rumahmu. Tetapi aku mempunyai beberapa dasar yang memerlukan bangunan dan beberapa orang anak yang memerlukan pendidikan.

Seandainya aku membukakan sebahagian daripada rahsia yang ada pada aku, maka ia akan menyebabkan berlakunya perpisahan antara aku

dengan kamu semua. Aku amat memerlukan dalam menghadapi semuanya ini sedangkan aku berada di dalamnya kekuatan para Nabi dan Rasul. Aku memerlukan kesabaran yang dimiliki oleh orang yang terdahulu, semenjak Nabi Adam hinggalah masa kini. Aku memerlukan kekuatan Tuhan.

"Ya Allah...! Aku berharap kepada perlindungan-Mu, pertolongan-Mu dan Redha-Mu. Amin...!"

Wahai hamba...! Kamu bukan diciptakan untuk kekal dan bersenang-lenang serta bergembira ria di permukaan bumi. Maka ubahlah apa-apa yang dibenci oleh Allah yang ada pada dirimu, menjadi keredhaan-Nya. Engkau telah menerima perintah untuk taat kepada Allah dengan ucapan:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ.

Ertinya:
"Tiada Tuhan (yang berhak untuk disembah) melainkan Allah, Muhammad adalah pesuruh Allah."

Bagaimanapun, ucapan ini belum memberi erti apa-apa bagimu, sebelum kamu melengkapkannya dengan hal-hal lain. Iman adalah ucapan dan tindakan, yang tidak akan diterima dan tidak bermanfaat bagimu jika engkau gandingkannya dengan kemaksiatan, kesalahan dan menentang Allah. Malahan kamu sentiasa melakukan hal seperti itu, meninggalkan solat, puasa, tidak membayarkan zakat dan meninggalkan amal kebajikan.

Jika demikian, manakah manfaat syahadatain atau pengakuan yang sudah engkau ikrarkan itu...? Apabila kamu sudah mengucapkan: لا إله إلاّ الله bermakna kamu telah mengaku. Ditanyakan lagi: "Wahai orang yang mengucap, apakah kamu mempunyai bukti...? Kalau ada apakah buktinya...?" Bukti pengakuan itu ialah mematuhi segala perintah dan menjauhi segala larangan, sabar terhadap ujian dan pasrah terhadap ketentuan atau takdir Allah. Inilah bukti pengakuan itu, namun apabila semua ini engkau lakukan, ia juga tidak akan diterima kecuali dengan keikhlasan semata-mata kerana Allah. Tidak diterima suatu ucapan tanpa amal, dan tidak diterima amal tanpa keikhlasan dan sesuai dengan sunnah Allah.

Beri kelapanganlah orang-orang miskin dengan sebahagian hartamu, janganlah kamu menolak orang-orang yang meminta ketika kamu mampu memberinya sesuatu, baik banyak atau sedikit. Lakukanlah sifat suka

memberi, kerana perbuatan itu amat dicintai oleh Allah, dan bersyukurlah kepada Allah, yang telah membuatmu mampu untuk memberi.

Celakalah engkau...! Jika yang meminta itu merupakan hadiah dari Allah untukmu, sedangkan kamu mampu untuk memberinya. Bagaimana kamu boleh menolak hadiah yang diberikan oleh pemberinya. Sementara engkau merengek dan menangis memohon kurnia-Nya...?

Apabila datang seorang peminta-minta, dan ternyata hatimu sedang keras untuk memberinya, bermakna bahawa tangis dan rengekanmu itu tidak ikhlas kepada Allah. Bagiku, rengekan pertama dilakukan dengan batin, lalu dengan hati kemudian dengan anggota badan di dalam kebaikan.

Jika engkau masuk kepadaku, maka masuklah kamu sementara kamu telah melepaskan ilmu-ilmumu, amalmu, mulutmu, nasabmu dan pangkatmu, serta melupakan harta dan keluargamu. Berdirilah di hadapanku dengan hati yang kosong selain daripada al-Haq, sehingga Dia akan memberi pakaian dengan hampir kepada-Nya, anugerah dan nikmat-Nya.

Apabila engkau mengamalkan ini ketika masuk kepadaku, maka engkau tak ubahnya bagaikan seekor burung yang pergi pada waktu pagi dengan perut kosong dan pulang ke sarangnya pada waktu petang dengan perut kenyang. Cahaya hati adalah dari cahaya Allah. Oleh yang demikian, maka Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِتَّقُوْا فِرَاسَةَ الْـمُؤْمِنِ فَإِنَّهُ يَنْظُرُ بِنُوْرِ اللهِ عَزَّوَجَلَّ.

Ertinya:
"Takutlah engkau akan firasat orang mukmin, kerana sesungguhnya ia melihat dengan Nur Allah Azza Wa Jalla."

(Riwayat At-Tirmizi (3127) sangat dhaif)

Wahai orang fasiq...! Takutlah kamu kepada orang mukmin, dan janganlah kamu masuk kepadanya sedangkan diri dan jiwamu berlumuran najis kemaksiatan, kerana orang mukmin itu melihat dengan cahaya Allah akan segala sesuatu yang ada di dalam dirimu dan apa yang engkau lakukan.

Mukmin itu melihat kesyirikan dan kemunafikan, melihat perbuatan yang engkau sembunyikan di dalam bajumu, ia melihat keburukanmu, kesombonganmu dan kekejian perbuatanmu. Barangsiapa yang tidak

melihat keuntungan maka ia tidak beruntung. Engkau adalah orang yang bodoh, dan bergaul dengan orang-orang yang bodoh. Ada orang yang bertanya: "Sampai bilakah kebutaan itu...?" Maka ia menjawab: "Sampai kamu pergi menemui seorang tabib dan kamu berbantal di rumahnya, kamu bersangka baik kepadanya, kamu hilangkan tuduhan kepadanya dari hatimu, kamu ambil anak-anakmu dan kamu duduk di pintunya, kemudian kamu bersabar atas proses pengubatan yang dilakukannya terhadapmu."

Ketika itu hilanglah kebutaan daripada kedua-dua belah matamu, berhina dirilah kamu kepada Allah, semoga Allah memenuhi semua keperluanmu. Janganlah engkau hitung-hitung kerugian amal yang engkau lakukan kerana-Nya. Tutuplah pintu semua makhluk dan bukalah pintu antara engkau dengan Dia. Akuilah semua dosa-dosa dan kesalahanmu serta kemukakanlah alasan dari kesalahan dan kelalaianmu. Sementara itu, yakinlah engkau, bahawa tiada yang memberi manfaat mahupun mudarat, tiada yang memberi dan tiada pula yang mencegahnya, kecuali Dia. Pada saat itu hilanglah kebutaan mata hatimu dan tergeraklah mata dan mata hatimu.

Wahai hamba...! Kedudukan itu tidak ditentukan oleh kekasaran pakaian dan makananmu. Ia ditentukan oleh kezuhudan hatimu. Yang pertama sekali dipakai oleh orang yang jujur dalam berpakaian adalah bulu (suf), lambang kebersihan batin yang terlihat pada zahirnya.

Pakaian itu dikenakannya kepada batinnya, kemudian kepada hatinya, kemudian kepada anggota badannya, sehingga semua itu diselubungi oleh pakaian yang kasar, maka datanglah tangan belas kasihan, tangan kasih dan kenikmatan, yang mengubah semuanya kerana siraman itu. Menanggalkan dirinya dari pakaian kegelapan dan memindahkannya kepada pakaian kegembiraan. Seksaan berubah menjadi nikmat, kebencian berubah menjadi kegembiraan, ketakutan berubah menjadi keamanan, jauh berubah menjadi dekat, manakala miskin berubah menjadi kaya.

Wahai hamba...! Ambillah bahagianmu dengan jalan zuhud, bukan dengan jalan kegembiraan. Orang yang makan sambil menangis akan mempunyai hikmah yang berbeza dengan orang yang makan sambil tertawa. Makanlah semua bahagianmu itu sementara hatimu sentiasa bersama Allah, maka engkau akan selamat daripada kejahatannya. Jika engkau memakannya dari tangan tabib, maka hal itu adalah lebih baik,

daripada engkau makan sendiri akan sesuatu yang tidak engkau ketahui asal-usulnya, sesuatu yang akan mengeraskan hatimu.

Amanah akan hilang dari sisi kamu, dan kasih sayang akan musnah dalam pergaulan kamu. Hukum syarak adalah amanah bagi kamu, yang telah kamu tinggalkan dan kamu khianati.

Celakalah kamu...! Jika kamu tidak memegang amanah itu. Jika kamu tidak memegangnya, maka air mata akan turun daripada kedua-dua belah matamu dalam waktu terdekat. Jalan itu berada di tangan dan kakimu, sementara Allah al-Haq menutup pintu rahmat-Nya terhadapmu. Diturunkan-Nya kekerasan dan kesombongan ke dalam hati makhluk-Nya terhadap kamu, serta menghalang semua makhluk-Nya untuk memberi kepadamu dan mentaati kamu.

Peliharalah kepalamu terhadap Tuhanmu, takutlah kepada seksaan-Nya kerana seksaan-Nya itu amat pedih. Dia menyeksamu dengan apa yang sudah diamanahkan-Nya kepadamu, dari kesihatanmu, kejahatanmu dan kesombonganmu. Takutlah kamu kepada-Nya kerana Ia adalah Tuhan langit dan bumi.

Peliharalah kenikmatan yang dikurniakan-Nya dengan syukur. Terimalah perintah dan larangan-Nya dengan mendengar dan mentaatinya. Terimalah kesulitan dan cubaan itu dengan sabar, serta hadapilah kemudahan itu dengan syukur.

Demikianlah yang diamalkan oleh orang-orang sebelum kamu, dari kalangan para Nabi dan Rasul mahupun orang-orang soleh. Mereka bersabar terhadap kesulitan dan kesusahan dan bersyukur atas nikmat. Berdirilah kamu menghadapi bencana kederhakaanmu yang diberikan-Nya, dan makanlah kamu dengan janji ketaatan kepada-Nya[7] serta jagalah kaedah dan sempadannya. Apabila engkau memperolehi kemudahan, maka bersyukurlah...! Apabila datang kesukaran, maka bertaubatlah kamu daripada dosa-dosamu, bimbing dan tuntunlah jiwamu, kerana sesungguhnya Allah tidak akan menganiayai hamba-hamba-Nya.

Ingatlah kamu akan kematian dan apa-apa yang akan berlaku selepasnya. Ingatlah kamu akan Allah dengan segala perhitungan dan pandangan-Nya kepadamu. Perhatikanlah...! Sampai bilakah tidur lena ini...? Sampai bilakah kebodohan dan pergelutan dalam kebatilan ini dan

7. Mengandungi erti agar manusia menghindari kemaksiatan dan melakukan ketaatan kepada Allah.

selalu bergelumang dengan hawa nafsu, kesombongan dan kerosakan...? Mengapa kamu tidak membiasakan diri dengan beribadah kepada Allah al-Haq dan mentaati syariat-Nya...? Ketahuilah, bahawa ibadah itu akan meninggalkan pelanggaran sempadan yang sudah digariskan-Nya untukmu. Mengapa kamu tidak membiasakan diri dengan al-Quran dan al-Sunnah...?

Wahai hamba...! Janganlah kamu bergaul sesama manusia dengan kebutaan, kebodohan dan kelalaian. Pergaulilah mereka dengan pandangan hati (bashirah), pengetahuan dan kewaspadaan. Apabila kamu melihat sesuatu perbuatan yang terpuji dari kalangan mereka, maka ikutilah. Sebaliknya apabila kamu melihat sesuatu yang tidak baik menurut penilaianmu, maka jauhilah mereka dan hindarilah mereka daripada pergaulanmu.

Kamu berada di dalam kelalaian yang menyeluruh terhadap Allah. Peliharalah jiwamu agar sentiasa terjaga dan ingat kepada-Nya. Peliharalah dirimu agar selalu berhubungan dengan masjid dan banyak berselawat kepada baginda Rasulullah s.a.w., kerana baginda pernah bersabda, yang berbunyi:

لَوْ نَزَلَ مِنَ السَّمَاءِ نَارٌ لِمَا نَجَامِنْهَا إِلاَّ أَهْلُ الْمَسَاجِدِ.

Ertinya:
"Seandainya turun api dari langit, maka tidak ada yang akan selamat dari api itu, melainkan orang yang selalu ke masjid."

Jika kamu tidak mempunyai semangat untuk menunaikan solat, bermakna kamu telah memutuskan hubunganmu dengan Allah al-Haq. Kerana itu, Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

أَقْرَبُ مَا يَكُوْنُ الْعَبْدُ مِنْ رَبِّهِ إِذَا كَانَ سَاجِدًا.

Ertinya:
"Ketika yang paling dekat antara hamba dengan Tuhannya ialah ketika seseorang itu melakukan sujud."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hinakah kamu...! Berapa banyakkah kamu sudah menolak dan mengambil keringanan...? Seorang penolak itu adalah pengkhianat. Semoga kita melakukan tanggungjawab dan kewajipan kita, bergantung

kepada ijmak, dan bersikap ikhlas dalam semua perbuatan kita, nescaya kita akan selamat dari ancaman Allah. Maka bagaimanakah apabila kita berani mentakwil dan menolak 'azimah (hukum asas), kemudian mengambil kemudahan atau keringanan (rukhsah) yang dihadiahkan kepada kita, maka akan hilanglah 'azimah dan akan hilang pula orang-orang yang memiliki pengetahuan dalam hal itu. Ini suatu yang tidak mungkin berlaku.

Masa kini adalah masa orang mengambil keringanan (rukhsah), bukan masa untuk melaksanakan hukum-hukum syariat yang asasi ('azimah). Masa kini adalah masa riya',[8] munafik dan mengambil harta tanpa jalan kebenaran. Ramai orang yang solat, puasa, menunaikan haji, membayar zakat dan melakukan sesuatu kebaikan demi seorang makhluk, bukan demi Khaliq. Dengan demikian, maka jadilah penduduk bumi ini sebagai lubang makhluk yang lebur dalam makhluk lain.

Ingatlah...! Tanpa adanya Khaliq, maka semua penduduk bumi ini mempunyai hati yang beku, namun ia mempunyai nafsu dan kesombongan, yang bergerak memburu harta dan kemewahan semata-mata. Hidupnya suatu hati itu ialah apabila dia telah keluar daripada makhluk dan berdiri bersama Allah secara maknawi (abstrak). Kerana suatu perangkaan tidak mungkin ditampilkan dalam kedudukan ini. Hidupnya hati dengan mengikut perintah Allah, menjauhi larangan-Nya, sabar bersama-Nya atas segala cubaan dan dugaan yang diberikan-Nya, atas qadha' dan qadar-Nya.

Wahai hamba...! Serahkanlah kepada-Nya segala sesuatu yang sudah ditentukan-Nya, kemudian berdirilah bersama-Nya sesudah itu. Setiap sesuatu itu memerlukan asas, kemudian di atasnya berdirilah bangunan, lantas tetaplah dalam keadaan demikian sepanjang waktu, baik siang mahupun malam.

Celakalah engkau...! Berfikirlah engkau mengenai masalah dan urusanmu, dan berfikirlah engkau mengenai hati. Apabila kamu melihat bahawa dirimu mempunyai kebaikan, maka bersyukurlah engkau kepada Allah, sebaliknya apabila kamu melihat keburukan, maka bertaubatlah engkau kepada-Nya. Dengan tafakkur itu akan hiduplah agamamu dan akan matilah syaitanmu. Oleh yang demikian dikatakan:

"Berfikir sesaat lebih baik daripada beribadah selama setahun."

8. Menunjuk-nunjukkan kelebihan, kebaikan dan amalan yang dilakukan oleh seseorang kepada orang lain.

Wahai umat Muhammad s.a.w...! Bersyukurlah kamu kepada Allah, kerana Dia mahu menerima amalmu walaupun sedikit, dibandingkan dengan amal orang-orang yang terdahulu daripada kamu. Kamu adalah umat yang terakhir, tetapi kamu adalah umat yang pertama di hari kiamat kelak.

Barangsiapa yang benar di antara kamu, maka tiada kebenaran yang akan menandinginya. Kamu adalah para pemimpin, sementara umat yang lain adalah rakyat kamu. Kamu adalah orang yang selamat, selama kamu tidak duduk dalam lingkungan nafsu, kesombongan dan perangai yang tidak benar. Sebaliknya kamu adalah golongan yang tidak selamat dan tidak akan ada kebenaran bagimu, selama kamu berebut apa yang ada di tangan makhluk, untuk menarik perhatian mereka dengan sifat riya' dan kemunafikanmu. Kamu tidak akan selamat selama dalam batinmu terselit suatu kepercayaan kepada Allah.

Ya Allah...! Berilah kami keselamatan dan ketenangan bersama-Mu...!

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْـَٔاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 3

Janganlah Berangan-angan Untuk Menjadi Kaya

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat, 8 Syawal 545H.

WAHAI kaum yang fakir...! Janganlah kamu berangan-angan hendak menjadi kaya, boleh jadi kekayaan itu akan menyebabkan kehancuranmu. Dan engkau, wahai orang yang sakit...! Janganlah kamu berangan-angan untuk menjadi sihat, boleh jadi kesihatan itu akan menjadi sebab kehancuranmu.

Jadilah kamu orang yang berakal. Peliharalah budi pekertimu, supaya terpuji segala pekerjaan yang engkau kerjakan. Terimalah ketentuan Ilahi yang sudah ditentukan-Nya untukmu, dan janganlah engkau menuntut tambahan atasnya. Ingatlah, bahawa segala sesuatu yang diberikan oleh Allah Taala kepadamu, adalah kerana permintaanmu, maka hal itu akan membuat kekotoran dan kemurkaan, yang mungkin ditarik oleh permintaanmu itu. Kecuali jiwa seorang hamba secara nalurinya di tuntut untuk meminta. Jika ia diperintahkan untuk meminta, maka pemberian itu akan mengandungi keberkatan dan dengannya akan hilanglah kekotoran.

Hendaklah engkau banyak-banyak meminta ampun, kesihatan dan keselamatan dalam agama, di dunia dan akhirat. Terimalah semuanya itu dan perhitungkanlah, janganlah engkau memberi pilihan terhadap Allah, dan jangan pula engkau membesarkan diri, kerana hal itu akan mendatangkan kebinasaan kepadamu. Janganlah kamu menyombongkan diri terhadap Allah dan makhluk-Nya dengan usia muda, kekuatan dan

hartamu, kerana semuanya itu akan merupakan penyeksaan bagi dirimu. Sementara Allah akan menyeksamu sebagaimana seksaan yang diberikan-Nya kepada orang-orang terdahulu, dan sesungguhnya seksaan Allah itu amat pedih dan menyakitkan sekali.

Celakalah kamu...! Lidahmu mengatakan bahawa engkau muslim, tunduk dan patuh kepada Allah, sementara hatimu tidak demikian. Engkau mengatakan, bahawa engkau seorang muslim, tetapi tindakanmu bukan tindakan seorang muslim. Engkau hanya muslim ketika dalam keadaan dilihat ramai orang, tetapi bukan dalam kesunyian.

Ketahuilah...! Jika engkau melakukan solat, puasa dan melakukan semua perbuatan yang baik, tetapi tidak melakukannya semata-mata kerana Allah, maka engkau adalah seorang munafik, jauh daripada nikmat Allah.

Bertaubatlah engkau sekarang juga kepada Allah...! Bertaubatlah engkau dari segala perbuatan, ucapan dan semua tujuan keagamaanmu. Jadilah engkau sebagai suatu kaum, di mana amal dan kebajikan yang mereka kerjakan bukan untuk memperolehi penghargaan manusia, tetapi semata-mata kerana Allah. Orang yang berbahagia adalah orang yang yakin, bertauhid, ikhlas dan bersabar atas semua cubaan dan dugaan Allah, yang bersyukur atas semua nikmat dan kemurahan-Nya.

Mereka sentiasa mengingat Allah dengan lidahnya, dengan hatinya dan kemudian dengan batinnya. Apabila mereka menerima penghinaan daripada manusia, mereka terima dengan wajah yang tenang dan bibir yang tersenyum. Di sisi mereka, raja dan maharaja di dunia ini adalah orang-orang yang terasing, sementara manusia dan semua penduduk bumi ini menurut pandangan mereka adalah mayat, orang-orang mati, lemah dan sakit-sakitan. Keinginan mereka kepada syurga, seakan-akan mampu menghancurkan perhatian mereka kepada semua makhluk, sementara neraka di tangan mereka seakan-akan padam.

Tidak di langit, tidak di bumi dan tidak pula di antara kedua-duanya, disatukannya arah mereka sehingga mereka menjadi satu tujuan. Mereka bersama dengan dunia dan segala isinya, sehingga mereka terwujud bersama akhirat dan segala isinya. Lantas mereka bersujud kepada Tuhan dunia dan akhirat. Mereka bertemu dengan-Nya dan orang-orang yang mencintai-Nya. Mereka berjalan bersama-Nya dengan hati mereka, sehingga mereka pun mampu mencapai-Nya, mendapatkan pertolongan

sebelum mereka sendiri menemui jalan untuk memperolehi pertolongan. Mereka membuka pintu (hijab) yang ada di antara mereka dan Dia, maka Dia mengingat mereka, selama mereka mengingati-Nya, maka pakaian yang mereka pakai seakan-akan menimbulkan ingatan kepada-Nya. Mereka akan hilang (fana') bersama selain Allah dan akan wujud bersama-Nya.

Dengarkanlah firman Allah, yang berbunyi:

فَٱذْكُرُونِىٓ أَذْكُرْكُمْ وَٱشْكُرُوا۟ لِى وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

Ertinya:
"Maka ingatlah kamu akan Aku, nescaya Aku (pula) akan mengingatimu. Bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu menjadi orang yang kafir."[9]

(Al-Baqarah: 152)

Maka tetaplah kamu dengan mengingati nikmat Allah kerana mengharapkan ingatan Allah kepada kamu. Dengarlah sebahagian Kalam Ilahi kepada Nabi Musa a.s. yang berbunyi:

أَنَا جَلِيْسُ مَنْ ذَكَرَنِي.

Ertinya:
"Aku adalah teman bagi orang-orang yang mengingati-Ku."[10]

Maka berpindahlah kamu daripada majlis-majlis makhluk dan menggantinya dengan majlis zikrullah, sehingga engkau patut untuk menjadi teman-Nya.

Wahai hamba...! Janganlah kamu berbuat bodoh, kerana kamu adalah orang-orang yang hampir bodoh. Ilmu itu tidak akan bermanfaat bagi kamu, kecuali dengan diamalkan. Ia menjadi kewajipan kamu untuk mengubah yang hitam menjadi putih. Itulah hukum Allah yang mesti kamu laksanakan hari demi hari, tahun demi tahun, sehingga engkau mendapatkan kemanisan buahnya di tangan kamu.

Wahai hamba...! Ilmumu sentiasa memanggilmu, seakan-akan ia

9. Yang dimaksudkan dengan kafir (ingkar) di sini ialah mengingkari nikmat Allah yang sudah dikurniakan-Nya kepada manusia. (Penerjemah)
10. Buku asal tidak mencatatkan sumber pengambilan Kalam Allah ini. Besar kemungkinan ia adalah hadis qudsi, tetapi tidak pula dinyatakan perawinya. (Penterjemah)

berkata kepadamu: "Aku akan menjadi penghujahmu jika kamu tidak mengamalkan aku. Sebaliknya aku juga akan menjadi hujah bagimu jika kamu mengamalkan aku."

Nabi s.a.w. bersabda:

يَهْتِفُ الْعِلْمُ بِالْعَمَلِ فَإِنْ أَجَابَهُ وَإِلاَّ ارْتَحَلَ.

Ertinya:
"Ilmu itu akan bersuara dengan amal, jika engkau memperkenan-kannya (menjawab seruannya), jika tidak, maka ilmu akan pergi (hilang dari dadamu)."

Maka akan hilanglah kewujudan ilmu itu, dan yang tinggal hanyalah bencananya. Hilang syafaat atau pertolongan ilmu itu kepadamu di hadapan Tuhanmu. Ia akan melepaskan diri daripada semua kepentinganmu terhadapnya. Ia pergi, dan yang tinggal hanyalah kulitnya saja. Kerana intisari sesuatu ilmu itu ialah amalan.

Tidak akan sah ketaatanmu kepada Rasulullah s.a.w., hingga engkau mengamalkan segala sesuatu yang baginda sabdakan. Jika engkau mengamalkan apa yang diperintahkan kepadamu, maka akan menghadaplah hati dan batinmu, sementara amal yang engkau lakukan itu akan menuntun kedua-duanya menghadap Ilahi al-Haq.

Ilmumu sentiasa memanggilmu, tetapi engkau tidak mendengar panggilannya, kerana engkau tidak lagi memiliki hati. Dengarkanlah seruannya dengan telinga dan batinmu, dan terimalah perkataannya itu kerana ia akan bermanfaat bagimu. Ilmu yang diamalkan akan mendekatkan kefahaman engkau terhadap sesuatu ilmu, dan menghantarkan engkau menjadi hampir kepada al-Haq. Jika engkau mengamalkan hukum ilmu yang pertama ini, maka akan tampillah untukmu ilmu yang kedua, sehingga engkau memiliki dua mata air yang mengalir menyiram hatimu dengan hikmah dan ilmu, zahir dan batin. Pada ketika ini hendaklah engkau menjaga kesucian ilmumu itu dengan mengeluarkan zakatnya. Adapun zakat ilmu itu ialah engkau bantu saudara-saudaramu dan orang-orang yang memerlukan ilmu itu dengan ilmumu. Engkau sebarkan ilmu itu dengan jalan ta'lim dan dakwah, mengajak manusia kepada yang Haq.

Wahai hamba...! Barangsiapa yang istiqamah, maka ia akan mempunyai

kekuatan. Ingatlah firman Allah yang berbunyi:

إِنَّمَا يُوَفَّى ٱلصَّٰبِرُونَ أَجْرَهُم بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

Ertinya:
"Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabarlah yang dicukupkan pahalanya tanpa batasan..."

(Az-Zumar: 10)

Makanlah engkau dengan hasil usahamu, dan janganlah engkau makan dengan agamamu. Bekerjalah engkau, makanlah dan bantulah orang lain dengannya. Pekerjaan orang-orang mukmin adalah setingkat dengan pekerjaan orang-orang yang benar (al-siddiqin). Tiada bahagian bagi pekerjaan mereka, kecuali dengan menyandarkannya kepada kaum fakir dan miskin yang sentiasa berharap. Mereka bercita-cita untuk melimpahkan kasih sayang kepada sesama makhluk, dan mereka menuntut redha Allah dan kecintaan-Nya kepada mereka. Dengarlah sabda Rasulullah s.a.w., yang berbunyi:

اَلنَّاسُ عِيَالُ اللهِ عَزَّوَجَلَّ وَأَحَبُّ النَّاسِ إِلَى اللهِ عَزَّوَجَلَّ أَنْفَعُهُمْ لِعِيَالِهِ.

Ertinya:
"Manusia adalah keluarga Allah 'Azza Wa Jalla, dan manusia yang paling dicintai oleh Allah Taala, ialah yang paling bermanfaat kepada keluarga-Nya."

(Hadis dhaif)

Para kekasih (wali) Allah dalam kaitannya dengan pergaulannya sesama makhluk adalah orang-orang yang pekak, bisu dan buta. Jika hati mereka sudah dekat kepada Allah, maka dia tidak akan mendengar sesuatu, selain daripada Allah. Mereka bebas kerana hampir dengan-Nya, mereka tertutup kerana kehebatan-Nya, mereka memperolehi kenikmatan dan kecintaan di sisi kekasih-Nya. Mereka berada di antara Keagungan dan Keindahan. Mereka tidak menoleh ke kanan dan ke kiri, mereka hanya mempunyai muka dan tidak mempunyai belakang. Mereka dilayani oleh manusia, jin, malaikat dan semua makhluk. Mereka dilayan oleh hikmah dan ilmu. Mereka diberi kekuatan dan anugerah, mereka juga diberikan ketenteraman. Mereka makan daripada anugerah-Nya dan minum

daripada air ketenteraman-Nya. Mereka mempunyai kesibukan untuk mendengarkan perkataan makhluk. Mereka berada di suatu lembah, sementara makhluk berada di lembah yang lain, mereka memerintah makhluk dengan perintah Allah dan melarang mereka dengan larangan-Nya, sebagai generasi penerus dari Rasulullah s.a.w.

Merekalah ahli waris yang hakiki, kesibukan mereka adalah mengembalikan makhluk ke pintu Allah al-Haq. Mereka menyampaikan hujah Allah kepada makhluk untuk menundukkan mereka (para makhluk). Mereka meletakkan sesuatu di tempat yang layak, mereka memberi kelebihan kepada orang yang memilikinya, mereka tidak pernah mengambil hak-hak manusia, dan mereka tidak pernah menurut kehendak atau godaan hawa dan nafsu mereka. Mereka mencintai kerana Allah, murka juga kerana Allah, semuanya adalah untuk-Nya, bukan untuk yang lain.

Di dalamnya mereka memperolehi bahagian. Barangsiapa yang melakukan ini secara sempurna kerana dan kepada Allah, maka bermakna dia telah menemani Allah dengan sempurna, dan mereka berhak memperolehi keselamatan dan kebahagiaan daripada Allah, serta dicintai oleh manusia, jin, malaikat, bumi dan langit.

Wahai munafik...! Wahai orang-orang yang menyembah makhluk dan sebab-sebab yang membawa manusia lupa kepada Allah...! Engkau berharap agar hal ini terletak di tanganmu, sementara engkau tidak memiliki kehormatan dan kemuliaan. Masuklah kamu ke dalam pelukan agama Islam, bertaubat, belajar, beramal dan ikhlaslah kamu. Jika tidak, maka engkau tidak akan mendapat petunjuk. Celakalah engkau...! Antara aku dengan engkau tiada permusuhan, hanya saja aku berbicara tentang kebenaran.

Aku tidak menyesatkan kamu daripada agama Allah...! Aku tidak mencintaimu, melainkan kerana Allah...! Aku telah terdidik oleh tegasnya fatwa para guru, serta kerasnya keterasingan dan kemiskinan. Apabila ke luar perkataan daripadaku kepada kamu, maka ambillah ia seakan-akan engkau mengambilnya daripada Allah, kerana Dia-lah yang mengatakannya kepadaku.

Jika engkau masuk kepadaku, maka masuklah dalam keadaan batin yang kosong daripada hawa dan nafsu. Seandainya engkau mempunyai

penglihatan atau mata hati,[11] maka engkau akan melihat batinku juga kosong. Tetapi penyakitmu adalah pemahamanmu yang sakit.

Wahai para muridku...! Bertemanlah kamu dengan aku, ambillah manfaat daripadaku, semua sikapku tidak mengandungi nilai kemakhlukan, dunia mahupun akhirat. Barangsiapa yang bertaubat di hadapanku, menemaniku, bersangka baik kepadaku dan mengamalkan segala yang aku ucapkan, demikianlah engkau akan wujud jika Allah menghendakinya.

Para Nabi dibimbing oleh al-Haq dengan firman-Nya, sementara para wali dibimbing oleh kata-kata-Nya,[12] yang memberi ilham di dalam hati mereka, kerana mereka adalah pewaris para Nabi s.a.w. pengganti mereka dan pelayan mereka.

Allah memiliki sifat Kalam. Dia telah berbicara dengan kalam-Nya dengan Nabi Musa a.s. Itu adalah kalam-Nya, bukan makhluk. Kalam-Nya itu adalah ilmu ghaib. Ia berkata-kata kepada Nabi Musa dengan suatu Kalam yang dapat difahami oleh hamba-Nya itu, sehingga Kalam itu dapat difahaminya tanpa perantara. Dan Dia juga berfirman kepada Nabi Muhammad s.a.w. tanpa pengantara. Itulah al-Quran. Al-Quran adalah Tali Allah yang kuat kukuh. Kalam itu di antara kamu dengan Tuhan kamu Dzu al-Jalal Wa al-Ikram, yang diturunkan oleh Jibril a.s. dari langit, di sisi Allah, yang diturunkan-Nya kepada hamba dan Rasul-Nya, Muhammad s.a.w. sebagaimana Dia sendiri yang berfirman dan memberitahunya. Tidak boleh kita mendustakan dan mengingkarinya.

Ya Allah...! Berilah petunjuk kepada kami semua, terimalah taubat kami semua dan kasihilah kami semuanya.

Diriwayatkan dari Amir al-Mukminin al-Mu'tashim Billah r.a., bahawasanya beliau berkata di saat menjelang kematiannya.

"Demi Allah...! Aku bertaubat kepada Allah daripada segala apa yang telah aku lakukan terhadap hak Ahmad ibn Hanbal. Kerana aku tidak pernah mengikutnya sama sekali, sedangkan orang selain aku mengikutnya."

Wahai orang miskin...! Tinggalkanlah perkataan-perkataan yang tidak berguna bagimu. Tinggalkanlah kefanatikan dalam bermazhab, dan sibukkanlah dirimu dengan sesuatu perbuatan yang bermanfaat bagi dirimu di dunia mahupun di akhirat. Tidak lama lagi, kamu akan melihat

11. Basirah atau pandangan batin. (Penerjemahan)

12. Ilham yang diturunkan oleh Allah ke dalam kalbu para wali-Nya. (Penterjemah)

beritamu dan kamu akan melihat perkataanku. Kamu akan melihat ketika engkau terluka sementara di kepalamu tidak ada perisai yang akan melindungi dirimu daripada kecederaan itu. Kosongkanlah hatimu daripada keinginan dan godaan duniawi, kerana kamu akan dicabut daripadanya dalam waktu dekat. Janganlah kamu memburu kesenangan hidup di dalamnya, kerana ia tidak tersisa di tanganmu. Rasulullah s.a.w. bersabda:

اَلْعَيْشُ عَيْشُ الْأَخِرَةِ.

Ertinya:
"Kehidupan yang hakiki itu ialah kehidupan akhirat."

Pendekkanlah angan-anganmu. Bersikap zuhudlah kamu di dunia, kerana zuhud itu mampu memendekkan angan-angan. Tinggalkanlah teman-teman yang buruk, putuskanlah rasa cinta dan kasih sayang kamu dengannya, serta hubungkanlah kasih sayang dan cintamu dengan orang-orang yang soleh. Tinggalkanlah kerabatmu apabila mereka tergolong kepada kerabat yang buruk, dan sambungkan atau jalinlah hubungan persahabatan dengan orang yang bukan kerabatmu, sekiranya mereka tergolong kepada orang yang baik. Kerana rasa kekerabatan itu akan timbul daripada setiap orang yang engkau kasihi. Maka engkau akan melihat orang-orang yang saling menyayangi antara satu dengan lainnya.

Ditanyakan kepada sebahagian hukama: "Apakah kekerabatan itu...?" Mereka menjawab: "Kekerabatan itu adalah kasih sayang...!" Halanglah dirimu daripada memburu sesuatu yang sudah menjadi bahagianmu dan yang belum menjadi bahagianmu. Kerana memburu segala sesuatu yang menjadi bahagianmu itu akan menimbulkan kesusahan. Manakala perburuanmu kepada sesuatu yang tidak menjadi bahagianmu adalah menimbulkan kebencian dan kehinaan. Sehubungan dengan itu, Rasulullah s.a.w. bersabda:

مِنْ جُمْلَةِ عُقُوْبَاتِ اللهِ تَعَالَى لِعَبْدِهِ طَلَبُ مَا لَمْ يُقْسَمْ لَهُ.

Ertinya:
"Termasuk bahagian daripada seksaan Allah terhadap hamba-Nya, ialah menuntut sesuatu yang tidak menjadi bahagiannya."

Wahai hamba...! Ambillah perbandingan daripada ciptaan Allah...! Kemudian berfikirlah mengenai ciptaan itu, maka dengannya engkau

akan mencapai Zat Yang Maha Pencipta. Orang mukmin yang arif itu mempunyai keyakinan dan makrifat, mempunyai dua mata lahir dan dua mata batin. Ia melihat dengan kedua-dua mata lahirnya terhadap sesuatu yang diciptakan Allah di permukaan bumi ini, dan dengan kedua-dua mata batinnya ia akan melihat ciptaan Allah di langit. Lantas diangkatlah hijab dari hatinya, maka ia akan melihat tanpa perumpamaan dan tanpa perincian. Maka jadilah ia sebagai orang yang dekat dan orang yang dikasihi oleh Allah Yang Haq. Sementara orang yang dikasihi tidak akan tersembunyi sesuatu apa juapun daripadanya. Dengan telah diangkatnya hijab itu dari hatinya, maka akan terlepaslah ia daripada kongkongan makhluk, dorongan hawa dan nafsu serta pengaruh syaitan yang terkutuk.

Allah akan mencampakkan kunci perbendaharaan dunia ini dari tangannya, dan di sisinya sama saja antara sebongkah batu dan segumpal tanah liat. Jadilah kamu orang yang berakal, yang meneliti dan merenungi apa yang saya katakan dan memahaminya. Kerana sesungguhnya saya berbicara dengan intisari pembicaraan, dengan mutiaranya, yang di dalamnya terdapat kandungan nasihat secara maknawi.

Wahai hamba...! Janganlah mengadu tentang Allah kepada makhluk, tetapi mengadulah langsung kepada-Nya, kerana dia adalah Zat Yang Maha Menentukan, sementara yang lainnya tidak. Termasuk suatu perbendaharaan kebaikan ialah menutup-nutup kebaikan dirimu, menyembunyikan rahsia musibah yang menimpa dirimu dan penyakit yang engkau derita. Setiap sedekah yang diberikan oleh tangan kananmu janganlah sampai diketahui oleh tangan kirimu.

Waspada dan hati-hatilah kamu terhadap gelombang samudera dunia, kerana tidak sedikit makhluk yang telah karam di dalamnya. Ia merupakan samudera yang sangat dalam, yang mampu menenggelamkan segala-galanya. Hanya saja Allah akan menyelamatkan daripada hempasan gelombang samudera itu, orang-orang yang dikehendaki-Nya dari kalangan hamba-Nya, sebagaimana Dia menyelamatkan orang-orang yang beriman dari neraka, di hari kiamat kelak. Kerana semua makhluk itu akan melaluinya dan Allah menyelamatkan orang-orang yang dikendaki-Nya. Perhatikanlah firman-Nya yang berbunyi:

وَإِن مِّنكُمْ إِلَّا وَارِدُهَا ۚ كَانَ عَلَىٰ رَبِّكَ حَتْمًا مَّقْضِيًّا ﴿٧١﴾

Ertinya:
"Dan tiada seorang pun daripada kamu, melainkan ia pasti mendatangi neraka. Hal itu bagi Tuhanmu adalah suatu kemestian yang sudah ditetapkan."

(Maryam: 71)

Maka Allah berfirman kepada api: "Dinginlah kamu dan selamatkanlah, wahai api...!" Sehingga terlepaslah orang-orang yang beriman kepada Allah, yang ikhlas kepada-Nya, yang suka kepada-Nya dan orang-orang yang zuhud. Allah Taala berfirman kepada api itu sebagaimana Ia berfirman kepada api Namrud, yang dinyalakan ketika raja kafir itu bermaksud hendak membakar Ibrahim, dengan firman-Nya yang berbunyi:

قُلْنَا يَـٰنَارُ كُونِى بَرْدًا وَسَلَـٰمًا عَلَىٰٓ إِبْرَٰهِيمَ ﴿٦٩﴾

Ertinya:
"Berkata Kami, 'Hai api, menjadi dinginlah kamu dan selamatlah ke atas Ibrahim.'"

(Al-Anbiya': 69)

Demikian juga ketika Allah Taala berkehendak menyelamatkan hamba-Nya daripada tenggelam. Kata-Nya:

"Wahai samudera...! Wahai air...! Janganlah kamu menenggelamkan hamba-Ku, yang dikehendaki dan dicintai...!"

Maka selamatlah ia daripadanya dan berilah ia kemudahan, sebagaimana Nabi Musa a.s. dan kaumnya selamat dari laut ini. Ia mendatangkan anugerah-Nya kepada orang-orang yang dikehendaki-Nya. Sebagaimana firman-Nya yang berbunyi:

وَٱللَّهُ يَرْزُقُ مَن يَشَآءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٢١٢﴾

Ertinya:
"Dan Dia (Allah) memberi rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya tanpa batasan."

(Al-Baqarah: 212)

Semua kebaikan itu berada di dalam kekuasaan-Nya.

Memberi dan menahan itu juga berada di dalam kekuasaan-Nya. Kaya dan miskin itu berada dalam kekuasaan-Nya. Kemuliaan dan kehinaan itu

juga berada dalam kekuasaan-Nya. Tiada seorang pun yang bersama-Nya dalam segala hal.

Orang yang berakal akan sentiasa berada di pintu-Nya dan berpaling daripada pintu-pintu yang lain. Hai orang-orang yang berfikir...! Bagaimana pendapatmu, sekiranya kamu mencari keredhaan makhluk, sementara Khaliq memurkaimu...? Kamu hancurkan akhiratmu bersamaan dengan kejayaan duniamu...? Dalam waktu dekat, engkau akan diseksa oleh Allah, yang seksaan-Nya amat pedih sekali. Seksaan-Nya berbagai bentuk dan cara, antara lain:

1. Diseksa-Nya kamu dengan mencabut kekuasaanmu, dengan berbagai penyakit, dengan kehinaan dan kemiskinan.
2. Diseksa-Nya kamu dengan menimbulkan kesusahan, kesengsaraan dan penderitaan, dengan menimpakan keburukan lidah dan perbuatan manusia kepadamu. Bahkan setiap keburukan makhluk-Nya ditimpakan kepadamu.

Wahai orang yang tidur...! Bangunlah...! Ya Allah...! Bangkitkanlah kami kerana-Mu dan untuk-Mu. Amin...!

Wahai hamba...! Dalam mencari harta dunia, janganlah engkau bertindak bagaikan orang yang sedang mencari kayu api di waktu malam hari, yang tidak pernah mengetahui apa yang terpegang oleh tangannya. Sesungguhnya aku melihatmu dalam segala tindakanmu, tak ubahnya bagaikan orang yang sedang mencari kayu api di malam yang gelap-gelita, tanpa bulan dan tanpa pelita yang boleh meneranginya. Sementara ia berada di suatu belantara sahara yang mempunyai banyak jurang dan serangga pembunuh. Aku khuatir, engkau akan terbunuh oleh salah satu daripadanya.

Oleh itu, carilah kayu bakar itu pada waktu siang, kerana sinaran mentari akan mencegahmu daripada sesuatu yang boleh membahayakan dirimu. Bertindak dan berbuatlah kamu bersama sinaran mentari tauhid, syariah dan ketakwaan. Kerana sinaran mentari itu akan mencegahmu daripada terjerumus ke dalam perangkap hawa, nafsu, syaitan dan bersekutu dengan makhluk serta mencegah dirimu daripada bertindak secara tergesa-gesa.

Celakalah kamu...! Janganlah kamu tergesa-gesa. Kerana sikap tergesa-gesa itu sering menimbulkan kekeliruan dan kesalahan. Barangsiapa

yang melakukan sesuatu dengan perlahan-lahan, maka ia akan menemui kebenaran atau ia akan mendekati kebenaran. Tergesa-gesa adalah dari syaitan, dan perlahan-lahan itu adalah dari Allah Taala. Sebahagian besar yang mendorongmu melakukan sesuatu dengan tergesa-gesa ialah ketamakanmu terhadap dunia. Lebih baik engkau menjadi orang yang menerima apa yang ada (qana'ah), kerana sikap qana'ah itu adalah perbendaharaan yang tidak pernah habis-habisnya.

Bagaimana engkau menuntut sesuatu yang bukan bahagianmu, dan tidak pula pernah singgah di tanganmu pada masa sebelumnya...? Cegahlah dirimu daripada berbuat demikian, dan pasrahlah dengan apa yang ada di tanganmu serta bersikap zuhudlah kepada yang lain, atau tahanlah keinginanmu terhadap yang bukan menjadi bahagianmu. Tetapkanlah pendirianmu dalam keadaan yang demikian, sehingga engkau mampu menjadi orang yang arif kepada Allah. Ketika itu kamu akan menjadi orang yang kaya, orang yang tidak lagi memerlukan segala sesuatu. Hatimu menjadi kukuh dan jiwa atau batinmu akan tenang.

Apabila engkau telah kenal akan Tuhanmu, maka dunia ini akan bererti apa-apa bagimu. Tiada dalam pandangan hatimu (bashirah) selain daripada Allah. Tiada yang lebih tidak mata besar dalam pandangan zahirmu selain daripada Allah. Pada tahap ini engkau akan menjadi besar dan diagungkan oleh semua makhluk.

Wahai hamba...! Jika engkau menghendaki agar tiada pintu yang tertutup di hadapanmu, maka bertakwalah kepada Allah. Kerana sesungguhnya ketakwaan itu adalah anak kunci pembuka setiap pintu. Allah berfirman:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجۡعَل لَّهُۥ مَخۡرَجٗا ۝٢ وَيَرۡزُقۡهُ مِنۡ حَيۡثُ لَا يَحۡتَسِبُۚ ...

Ertinya:

"Barangsiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Dia akan menjadikan baginya jalan ke luar, dan memberinya rezeki dari arah yang tidak pernah disangka-sangkanya."

(At-Thalaq: 2-3)

Janganlah kamu berpaling dari al-Haq, demikian juga ahli keluargamu, hartamu dan teman-temanmu janganlah sampai berpaling daripada

al-Haq. Bahkan janganlah engkau segan untuk menggembleng mereka atau memerintah mereka, mengubah dan menggantinya. Engkau lebih tahu tentang hukum daripada mereka, lebih mengetahui dan lebih menyayangi daripada mereka. Ingatlah...! Bahawa engkau dan semua makhluk di alam raya ini adalah hamba-Nya. Sementara Dia adalah penjagamu dan penjaga mereka. Jika engkau bermaksud hendak menemani-Nya di dunia dan di akhirat, maka hendaklah engkau tenang, diam dan membisu sebagai seorang kekasih Allah, sebagai orang-orang yang beradab ketika berada di hadapan-Nya.

Para wali atau kekasih Allah itu beradab di hadapan-Nya. Mereka tidak bergerak dengan suatu gerakan, dan tidak menulis dengan suatu tulisan, kecuali dengan izin yang jelas daripada-Nya ke dalam hati mereka. Mereka tidak akan memakan dari sesuatu yang mubah, tidak akan memakai, tidak akan menikah serta tidak akan bertindak selama segala sesuatu itu menjadi sebab yang menjauhkan mereka daripada Allah, kecuali dengan izin yang nyata daripada-Nya ke dalam hati mereka. Mereka berdiri bersama al-Haq, berdiri bersama Zat yang membolak-balikkan hati dan mata hati. Tiada ketenangan bagi mereka bersama Tuhan mereka, sehingga mereka menemui-Nya dengan hati mereka di dunia dan dengan jasad mereka di akhirat kelak.

Ya Allah...! Limpahkanlah kepada kami rezeki untuk membolehkan kami menemui-Mu di dunia mahupun di akhirat. Kami merasa lazat apabila berdekatan dengan-Mu dan melihat kepada-Mu. Jadikanlah kami termasuk ke dalam golongan orang-orang yang redha kepada-Mu, dan jauh daripada selain-Mu.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 4

Segeralah Mencapai Pintu Taubat

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad, 10 Syawal 545H.

DIRIWAYATKAN dari Rasulullah s.a.w., bahawa baginda bersabda, yang berbunyi:

مَنْ فُتِحَ لَهُ بَابٌ مِّنَ الْخَيْرِ فَلْيَنْتَهِزْهُ إِنَّهُ لاَ يَدْرِيْ مَتَى يُغْلَقُ عَنْهُ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang dibukakan untuknya pintu kebaikan, maka hendaklah ia mencapainya, kerana sesungguhnya ia tidak mengetahui, bila pintu itu akan tertutup baginya."

(Hadis Marfu')

Wahai kaumku...! Capailah olehmu pintu kehidupan itu selagi ia masih terbuka untukmu, kerana tidak lama lagi pintu itu akan tertutup buatmu. Lakukanlah kebaikan, selama kamu masih mampu melakukannya. Segeralah mencapai pintu taubat dan masuklah kamu ke dalamnya, selama ia masih terbuka buatmu. Capailah pintu doa, kerana pintu itu masih terbuka untukmu. Bersegeralah kamu mencapai pintu kebaikan, bersama dengan saudara-saudaramu yang soleh, kerana pintu itu terbuka untukmu.

Wahai kaumku...! Bangunlah semula apa yang sudah kamu robohkan.

Cucilah apa yang telah kamu kotorkan dengan najis. Perbaikilah apa yang telah kamu rosakkan dan jernihkanlah apa yang telah kamu keruhkan. Kembalikanlah apa yang sudah kamu ambil dan kembalikanlah kepada Tuhanmu apa yang telah engkau larikan daripada-Nya tanpa izin-Nya.

Wahai hamba...! Tiada sesuatupun di sini kecuali al-Khaliq. Jika engkau bersama al-Khaliq, maka engkau adalah hamba-Nya, dan jika kamu bersama makhluk-Nya, maka kamu adalah hamba mereka, hingga engkau dapat membuang ketandusan dan kegersangan di hatimu serta mencerai-beraikan semuanya dari hatimu. Apakah kamu tidak tahu, bahawa orang yang mencari Allah akan berpisah dengan semuanya itu. Sudah cukup jelas, bahawa segala sesuatu dari makhluk adalah hijab antaranya dengan Khaliq

Wahai hamba...! Janganlah kamu bermalas-malas, kerana selamanya kemalasan itu akan membuatmu terhalang dan akan menimbulkan penyesalan di dalam hatimu. Oleh itu perbaikilah pekerjaanmu, sementara Allah telah berbuat baik kepadamu, di dunia mahupun di akhirat.

Abu Muhammad al-'Ajami Rahimahullah sentiasa berdoa dengan ucapan: "Ya Allah...! Jadikanlah kami orang-orang yang baik." Seakan-akan ia bermaksud mengatakan: "Ya Allah...! Jadikanlah kami sebagai orang yang memperbaiki apa yang telah kami lakukan." Tetapi lafaz itu tidak sampai beliau ucapkan.

Barangsiapa yang pernah merasakannya, maka ia akan mengetahuinya. Pergaulan yang baik dengan makhluk dan berteman dengan mereka dalam batas-batas syariah dan keredhaan-Nya adalah pergaulan yang diberkati. Sebaliknya, jika hal itu dilakukan dengan melanggar batas-batas syariah dan tiada keredhaan-Nya, maka janganlah lakukan itu, kerana tiada kehormatan untuk mereka. Penerimaan dan penolakan terhadap suatu ketaatan merupakan suatu petanda bagi kaum sufi dan orang-orang yang menjauhi kemaksiatan.

Wahai hamba...! Tegakkanlah perangkap doamu dan kembalilah kepada keredhaan. Janganlah engkau berdoa dengan lidahmu, sementara hatimu berpaling daripada Allah al-Haq. Pada hari akhirat kelak, semua manusia akan teringat akan apa yang telah dilakukannya di dunia, sama ada kebaikan atau keburukannya. Penyesalan ketika itu tiada bermanfaat sama sekali, demikian juga dengan ingatan itu. Bahkan tidak bermanfaat juga baginya mengingat hari kematiannya, ingat akan tanah pertanian

dan persemaiannya dan masa menuai bagi manusia. Semuanya itu tidak bermanfaat lagi.

Diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

اَلدُّنْيَا مَزْرَعَةُ الْأَخِرَةِ فَمَنْ زَرَعَ خَيْرًا حَصَدَ غِبْطَةً وَمَنْ زَرَعَ شَرًّا حَصَدَ نَدَامَةً.

Ertinya:
"Dunia adalah tempat bercucuk tanam untuk kehidupan akhirat. Maka barangsiapa yang menanam kebaikan, maka ia akan memetik kebahagiaan. Barangsiapa yang menanam keburukan, maka ia akan memetik penyesalan."

Jika kematian datang kepadamu, maka engkau akan terjaga,[13] bagaimanapun terjaga pada waktu itu tidak berguna lagi bagimu.

Ya Allah...! Bangkitkanlah kami daripada tidur orang-orang yang terlupa terhadap-Mu dan orang-orang yang tidak mengerti tentang Engkau...!"

Wahai hamba...! Persahabatanmu dengan keburukan akan menjadikan kamu orang-orang yang berprasangka buruk terhadap kebaikan. Berjalanlah kamu di bawah naungan Kitabullah dan sunnah Rasul-Nya, nescaya kamu akan berbahagia.

Wahai kaumku...! Malulah engkau kepada Allah dengan sebenar-benar malu. Janganlah kamu melalaikan masa-masamu, janganlah kamu menjadikannya sia-sia, janganlah kamu menyibukkan dirimu dengan mengumpulkan sesuatu yang tidak dapat engkau makan, berangan-angan akan sesuatu yang tidak akan dapat engkau capai, membangunkan sesuatu yang tidak mungkin engkau diami. Kerana semuanya itu akan menghalangmu daripada maqam Tuhanmu. Ingatan kepada Allah selalu terpasak di dalam hati orang-orang yang arif, sehingga mereka lupa akan segala sesuatu yang pernah diingatnya sebelum itu.

Apabila hal itu dapat kamu laksanakan dengan sempurna, maka syurgalah tempat tinggalmu, iaitu syurga yang dipilih dan syurga yang dijanjikan. Syurga yang dipilih di dunia ialah redha kepada qadha' Allah, dekatnya hati kepada Allah, bermunajat kepada-Nya, menyingkap tabir

13. Sedar akan segala perbuatan dan tindakan yang dilakukan selama hidup di dunia.

yang ada di antaranya dengan Allah. Ini akan menjadikan pemilik hati itu sebagai berteman dengan teman Allah di dalam kesunyiannya, tanpa perincian dan tanpa perumpamaan.

Allah berfirman:

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١١﴾

Ertinya:
"Tiada sesuatu juapun yang menyerupai-Nya, dan Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

(As-Syura: 11)

Adapun yang dijanjikan, ialah segala sesuatu yang sudah dijanjikan oleh Allah Taala kepada orang-orang yang beriman dan melihat kepada Zat Allah Yang Maha Agung, tanpa hijab. Tidak disangsikan lagi, bahawa semua kebaikan adalah di sisi Allah, manakala keburukan itu berada di sisi Allah. Kebaikan adalah dalam menghadap kepada-Nya sedangkan keburukan itu adalah berpaling daripada-Nya. Setiap amalan yang kamu harapkan ganjarannya, maka ia adalah milikmu. Manakala semua amal yang kamu lakukan demi Allah dan untuk Allah, maka amal itu adalah untuk-Nya.

Apabila engkau beramal dengan mengharapkan balasannya, maka balasan untukmu ada pada makhluk, dan apabila kamu beramal kerana Zat-Nya, maka balasan untukmu adalah hampirnya dirimu kepada-Nya dan melihat-Nya.

Kemudian, janganlah engkau mengharapkan balasan amalanmu secara keseluruhan. Segala sesuatu yang ada di akhirat, di dunia dan selain daripada Allah, bersandar kepada-Nya. Janganlah engkau mencari kenikmatan, tetapi carilah Zat yang memberikan kenikmatan itu kepadamu. Carilah jiran, sebelum kamu mencari rumah yang hendak engkau diami. Dia yang ada sebelum adanya segala sesuatu. Dialah Yang Mengadakan segala sesuatu, dan Dialah yang ada setelah segala sesuatu.

Hendaklah engkau sentiasa ingat akan mati dan bersikap sabar atas segala bencana, serta bertawakallah kamu kepada Allah dalam semua keadaan. Jika ketiga-tiga tahap ini telah engkau laksanakan dengan sempurna, maka pada suatu ketika, akan datanglah malaikat kepadamu

dengan mengingatkan kematian yang menjelang dan ketika itu berhasillah kezuhudanmu. Dengan kesabaran, engkau akan memperolehi segala sesuatu yang engkau harapkan dari Allah s.w.t, dan dengan ketawakalan, akan keluarlah segala sesuatu dari hatimu, sehingga ia hanya terkait dengan Allah semata-mata. Singkirkanlah dari hatimu dunia, akhirat dan segala sesuatu selain daripada Allah. Dengan demikian, maka akan datang kepadamu kesegaran dan ketenangan dari segala penjuru serta pemeliharaan dan perlindungan dari enam penjuru mata angin, sehingga tiada ruang bagi makhluk untuk mencederakan engkau. Tertutuplah daripadamu semua arah dan terkuncilah daripadamu semua pintu. Sehingga engkau tergolong kepada orang yang disebutkan oleh Allah dalam firman-Nya, yang berbunyi:

إِنَّ عِبَادِى لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنٌ ...

Ertinya:
"Sesungguhnya hamba-hamba-Ku, kamu tidaklah dapat berkuasa ke atas mereka."

(Al-Isra': 65)

Bagaimana mungkin makhluk akan dapat menguasai orang-orang yang mengesakan Allah, yang ikhlas, yang tidak menunjuk-nunjukkan amalnya kepada makhluk, yang berbicara tentang tujuan akhir, bukan pada permulaannya. Semua permulaan itu adalah bisu dan semua penghujung itu adalah pemahaman. Orang yang ikhlas itu kerajaannya ada di dalam hatinya dan kekuasaannya ada di dalam batinnya tanpa memandang kepada kenyataan zahirah.

Adalah suatu hal yang jarang terjadi, seseorang yang mampu menghimpunkan kerajaan zahir dan batin. Jadilah kamu menjadi orang yang menyembunyikan semua sikap dan perilakumu, janganlah berhenti, hingga engkau mampu menyempurnakannya dan hatimu sentiasa berhubungan dengan Allah.

Jika engkau telah menyempurnakannya dan telah mencapai maqam makrifat, maka ketika itu engkau tidak lagi akan peduli kepada sebarang halangan dan rintangan. Bagaimana kamu akan mempedulikannya, sedangkan kedudukan engkau telah mantap dan kukuh. Berdirilah engkau di tempatmu, sementara Dia akan memelihara dan melindungimu, maka manusia atau makhluk-makhluk lain akan menjadi dinding penghalang di

hadapanmu. Hinaan dan pujian ketika ini tiada beza bagi kamu, demikian juga dengan penerimaan atau penolakan mereka. Engkau akan menjadi orang yang membangun dan yang merobohkan mereka. Kamu bertindak terhadap mereka dengan izin Khaliq, al-Haq Pencipta mereka.

Maka Dia akan memberimu jalan pemecahan dan penyelesaian serta membuang semua petaka di dalam hatimu dan memberikan tanda-tanda ke dalam batinmu. Tiada pembicaraan apapun sehingga engkau cukup mafhum dengan semuanya ini. Jika tidak, maka jadilah kamu orang yang berakal, janganlah berbuat bodoh. Kamu adalah bagaikan orang buta, oleh itu carilah orang yang akan membimbingmu, kamu adalah orang bodoh, maka carilah orang yang akan mengajarmu. Jika engkau telah menemuinya maka hendaklah engkau berpegang kepadanya, terimalah semua pendapat dan buah fikirannya dan terimalah dalil-dalil yang diberikannya secara baik. Jika engkau telah mendapatkannya, maka duduklah engkau di sana bersamanya hingga engkau mampu memantapkan pengetahuanmu berkenaan dengan hal itu.

Pada ketika itu akan terlindunglah daripadamu segala kejahatan. Engkau menjadi pengikut kefakiran dan kemiskinan. Kesimpulan daripada semuanya ini ialah menjaga rahsia Allah dan berakhlak kepada manusia dengan akhlak yang baik.

Di manakah kamu mencari kebenaran dan keredhaan Allah selain daripada-Nya...! Apakah kamu tidak mendengar firman-Nya yang berbunyi:

مِنكُم مَّن يُرِيدُ ٱلدُّنْيَا وَمِنكُم مَّن يُرِيدُ ٱلْـَٔاخِرَةَ ...

Ertinya:
"Di antara kamu, ada orang yang menghendaki dunia dan di antara kamu (juga) ada orang yang menghendaki akhirat."

(Ali Imran: 152)

Sementara dalam ayat lain pula, Allah berfirman, yang berbunyi:

يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ ...

Ertinya:
"Mereka menghendaki atau menginginkan keredhaan-Nya."

(Al-Kahfi: 28)

Sesungguhnya kebahagiaan dan keuntungan akan menjadi bahagianmu, dan datang kepadamu tangan-tangan mujaddid (pendokong pembaharuan) yang akan membersihkan kamu daripada sentuhan tangan-tangan makhluk, serta akan membawamu menghampiri pintu gerbang taqarrub kepada Allah. Allah berfirman, yang berbunyi:

هُنَالِكَ ٱلْوَلَـٰيَةُ لِلَّهِ ٱلْحَقِّ ...

Ertinya:
"Di sana, pertolongan itu hanya datang dari Allah Yang Haq."

(Al-Kahfi: 44)

Apabila engkau telah sampai ke maqam atau tahap ini, maka dunia dan akhirat akan datang kepadamu sebagai pelayan, tanpa adanya rasa kesusahan. Capailah pintu al-Haq dan tetaplah engkau berdiri di sana. Apabila engkau tetap di sana, maka akan nyatalah bagimu beberapa seruan atau bisikan, sehingga engkau akan mengetahui dan membezakan antara bisikan nafsu, bisikan hawa, bisikan hati bisikan iblis dan bisikan malaikat. Inilah yang dikatakan dengan bisikan yang benar dan bisikan yang batil. Pelajarilah satu demi satu bisikan-bisikan tersebut, sehingga engkau mengetahui tanda-tandanya. Apabila engkau telah sampai ke maqam ini, maka akan datang bisikan (ilham) dari Allah untuk membimbingmu berkenaan dengan kesopanan, keteguhan, tegak dan dudukmu, gerak dan diammu serta perintah dan larangan buatmu.

Wahai kaumku...! Janganlah kamu mencari tambahan dan pengurangan, awalan dan akhiran, kerana takdir itu telah menyelubungi diri masing-masing dengan sempadan-sempadan atau batas-batas tertentu. Tiada seorangpun di antara kamu, kecuali ia mempunyai catatan atau ketentuan daripada kudrat ini. Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

فَرَغَ رَبُّكُمْ مِنَ الْخَلْقِ وَالرِّزْقِ وَالْأَجَلِ جَفَّ الْقَلَمُ بِمَا هُوَ كَائِنٌ.

Ertinya:
"Telah selesai Tuhanmu dari Menciptakan, rezeki dan ajal. Maka keringlah pena daripada segala yang wujud (al-kainat)."

Allah telah berlepas tangan daripada segala sesuatu yang telah ditetapkan-Nya sebelumnya. Bagaimanapun, akan datang bagi segala

sesuatu itu hukum-hukum yang ditutup oleh perintah-perintah, dalam bentuk larangan dan kewajipan. Oleh yang demikian, tidaklah halal bagi seseorang untuk mengemukakan hujah atau alasan hukum atau ketetapan yang telah lalu. Allah Taala berfirman, yang berbunyi:

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

Ertinya:
"Dia (Allah) tidak ditanya tentang apa yang diperbuat-Nya tetapi merekalah yang akan ditanya."

(Al-Anbiya': 23)

Wahai kaumku...! Beramallah kamu dengan amalan zahiryah, amalan yang nyata bagaikan dakwat hitam di atas kertas yang putih, sehingga membawamu kepada mengamalkan amalan batin dalam urusan ini. Jika kamu mengamalkan amalan zahiryah, maka ia akan mendatangkan kefahaman bagimu terhadap perkara-perkara batiniyah, kemudian ia meresap ke dalam hatimu dan mempengaruhi jiawamu, kemudian ia meresap ke dalam jiwamu dan mempengaruhi lisanmu, kemudian ia meresap ke dalam lisanmu dan kamu sampaikan ia kepada manusia. Demikianlah alirannya terus menerus secara berulang-ulang, untuk kemaslahatan dan kemanfaatan manusia sejagat.

Wahai...! Alangkah beruntungnya kamu jika kamu mengikut al-Haq dan mencintai-Nya. Sebaliknya, alangkah celakanya kamu, kamu mengakui bahawa kamu mencintai Allah. Tahukah kamu bahawa untuk mencintai Allah itu diperlukan beberapa syarat yang mesti dipenuhi...? Sebahagian daripada syarat-syarat cinta kepada-Nya itu ialah mentaati-Nya, serta tidak merasa tenang di sisi selain daripada-Nya, merasa tenteram bersama-Nya serta tidak merasa keberatan untuk tetap bersama-Nya. Apabila cinta kepada Allah itu benar-benar telah mantap dan terpasak ke dalam hati hamba-Nya, maka hamba itu akan merasa tenteram bersama-Nya, dan membenci segala sesuatu yang boleh melalaikan hati dan jiwa daripada-Nya.

Oleh itu bertaubatlah kamu daripada pengakuanmu yang bohong itu, kerana semuanya itu tidak mungkin diperolehi dengan khayalan, angan-angan, dusta, munafik atau dengan sikap kepura-puraan. Bertaubatlah kamu dan tetaplah kamu dalam taubatmu itu. Ketaubatanmu tidak sama dengan bagaimana engkau mengukuhkan taubat itu. Demikian juga

dengan penipuan yang engkau lakukan, tidaklah sama dengan perbuatan yang engkau anggap dapat mengukuhkan pembohongan itu, serta apa-apa yang menjadi buah penipuan tersebut.

Al-Sayid Syeikh Abdul Qadir al-Jailani berkata: "Tetaplah engkau untuk sentiasa redha dengan Allah, dalam keadaan bencana atau sengsara, dalam keadaan miskin atau kaya, dalam keadaan kesusahan atau kesenangan, dalam keadaan sihat atau sakit, dalam keadaan baik atau buruk, ketika memperolehi yang engkau kehendaki atau tidak. Aku tidak tahu ubat apa yang sesuai untukmu, selain daripada menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah al-Haq. Jika Dia menetapkan sesuatu yang merugikan kamu, janganlah kamu merasa benci kepada-Nya, jangan pula kamu menjauhkan diri daripada-Nya serta jangan pula kamu mengadukan hal yang menimpa dirimu itu kepada selain-Nya. Kerana semuanya itu akan menambah ujian dan cubaan terhadap dirimu.

Oleh itu, hendaknya engkau tenang berada di hadapan-Nya. Lihatlah apa yang dilakukan-Nya terhadap kamu dan untuk kamu, maka berbahagialah kamu dengan perubahan dan penukaran yang dilakukan terhadapmu itu. Jika kamu bersama-Nya dengan jalan seperti ini, maka sudah pasti Dia akan menukar kegelisahanmu dengan ketenangan, dan jiwamu akan tenteram dalam mentauhidkan-Nya.

Ya Allah...! Jadikanlah kami bersama orang-orang yang berada di sisi-Mu dan bersama-Mu dan:

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 5

Sebab Kecintaan Allah Kepada hamba-Nya

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Selasa petang, 12 Syawal 545H.

WAHAI hamba...! Di manakah peribadatan (pengabdian)mu terhadap al-Haq...? Berikanlah penyembahanmu dan ambillah semua keperluanmu dengan secukupnya. Engkaulah hamba yang melarikan diri daripada Tuhanmu, kembalilah kepada-Nya, rendahkanlah dirimu terhadap-Nya, tunduk kepada perintah-Nya dengan melaksanakannya, tunduk kepada larangan-Nya dengan menghentikannya. Bersabar serta pasrah dengan semua ketentuan-Nya.

Apabila semuanya ini telah engkau sempurnakan, maka telah sempurnalah penyembahanmu kepada Pemeliharamu, dan datanglah kepada-Nya dengan kecukupan daripada-Nya. Allah berfirman:

أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِكَافٍ عَبْدَهُۥ ۖ ...

Ertinya:
"Bukanlah Allah sudah cukup untuk melindungi hamba-Nya...?"
(Az-Zumar: 36)

Apabila pengabdianmu kepada-Nya sudah diakui-Nya, maka Dia akan mencintaimu dan mengukuhkan kecintaanmu terhadap-Nya di dalam hatimu. Mententeramkan kamu dengan-Nya, mendekatkan kamu dengan-Nya sehingga engkau menjadi orang yang redha terhadap-Nya

dalam segala keadaan.

Andainya bumi ini terasa sempit bagimu, nescaya Dia akan melapangkannya. Jika semua pintu terkunci buatmu dengan keluasannya, maka engkau tidak akan marah kepada-Nya dan kamu tidak akan mendekati pintu yang lain. Kamu juga tidak akan makan dari makanan yang lain, sebagaimana yang berlaku ke atas Nabi Musa a.s., ketika Allah Taala berfirman tentang dirinya, yang berbunyi:

﴿ وَحَرَّمْنَا عَلَيْهِ ٱلْمَرَاضِعَ مِن قَبْلُ ...

Ertinya:
"Dan kami haramkan (cegah) Musa daripada menyusu kepada perempuan-perempuan (yang mahu menyusukannya) sebelum itu."

(Al-Qasas: 12)

Tuhan kita adalah Maha Menyaksikan segala sesuatu, menghadiri setiap sesuatu, mengawasi setiap sesuatu serta dekat kepada setiap sesuatu. Bagi segala sesuatu yang berlaku, engkau tidak mungkin terlepas daripadanya. Tiada perintah yang diingkari sesudah diketahui.

Celakalah engkau...! Sesungguhnya engkau telah mengenal Allah, tetapi engkau kembali mengingkari-Nya. Janganlah kamu berpaling daripada-Nya, kerana perbuatan itu akan menghalangmu daripada segala kebaikan. Bersabarlah engkau bersama-Nya, tetapi janganlah engkau bersabar sedangkan engkau jauh daripada-Nya. Tidakkah kamu tahu, bahawa orang yang bersabar itu bermakna memiliki kekuatan...? Di manakah akal dan pemikiranmu...? Di manakah dunia ini...? Allah berfirman, yang berbunyi:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱصْبِرُوا۟ وَصَابِرُوا۟ وَرَابِطُوا۟ وَٱتَّقُوا۟
ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

Ertinya:
"Wahai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu itu dan tetaplah kamu bersiap sedia (di perbatasan negerimu), bertakwalah kepada Allah, supaya kamu beroleh kejayaan."

(Ali Imran: 200)

Banyak sekali ayat al-Quran yang mengatakan bahawa di dalam

bersabar itu terkandung beberapa kelebihan, kebaikan dan kenikmatan, akibat yang baik bagi orang-orang yang mengamalkannya, pemberian dan kenikmatan serta kesenangan di dunia dan di akhirat. Oleh yang demikian, peliharalah sikap sabar itu, sementara kamu telah melihat kebaikannya di dunia dan akhirat. Hendaklah kamu mencari bekal untuk memasuki kubur, sentiasa berkumpul dengan orang-orang yang soleh sementara engkau telah menyelesaikan semua urusanmu dengan istiqamah.

Janganlah engkau termasuk ke dalam golongan orang-orang yang suka memberi nasihat, tetapi dirinya sendiri tidak mengamalkan nasihat itu. Jika ia mendengar, maka ia tidak mengamalkannya. Ada empat perkara yang boleh melenyapkan agamamu, iaitu:

1. Kamu tidak mengamalkan apa yang kamu ketahui.
2. Kamu mengamalkan apa yang tidak kamu ketahui.
3. Kamu tidak mempelajari apa yang tidak kamu ketahui, sehingga kamu tetap bodoh selama-lamanya.
4. Kamu melarang manusia untuk mempelajari apa yang tidak mereka ketahui.

Wahai kaumku...! Jika kamu menghadiri majlis zikir, maka hadirlah demi melepaskan semua kesusahan, bukan untuk '*therapy*' pengubatan, kerana ia menunjukkan bahawa kamu sudah berpaling daripada apa yang sudah dinasihatkan kepadamu, untuk menjaga kesilapan dan kekeliruan, kamu rendahkan nilai-nilai keutamaan, kamu tertawakan dan kamu permainkan. Kamu adalah orang-orang yang mempunyai pemikiran, kamu dan semua isi kepala kamu bersama Allah. Bertaubatlah kamu daripada semuanya ini, janganlah kamu menyerupai musuh-musuh Allah terhadap dirimu. Ambillah manfaat daripada semua yang kamu dengar.

Wahai hamba...! Kamu telah dipimpin oleh adat kebiasaan dan Allah telah memimpinmu untuk mencari apa yang menjadi bahagianmu. Engkau hanya terhenti pada sebab dan melupakan penyebabnya serta bertawakkal kepada-Nya. Hendaklah kamu memulai langkah untuk beramal dan bersikap ikhlas padanya. Allah berfirman, yang berbunyi:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Ertinya:
"Dan tidaklah aku ciptakan jin dan manusia, melainkan supaya

mereka menyembah-Ku."

(Az-Zariyat: 56)

Engkau diciptakan-Nya bukan untuk suatu kebodohan atau sebagai suatu permainan. Engkau tidak diciptakan hanya untuk makan, minum, tidur, bersetubuh dan sebagainya. Wahai orang-orang yang lalai, bangun dan sedarlah kamu daripada kelalaianmu. Arahkanlah hatimu kepada-Nya dengan suatu langkah dan tekad yang jitu. Dengan demikian, maka cinta-Nya akan melangkah kepadamu beberapa langkah. Pertemuan-Nya dengan orang-orang yang cinta kepada-Nya lebih menyenangkan-Nya, melebihi kesenangan yang timbul di hati orang yang dicintai-Nya. Allah berfirman:

وَٱللَّهُ يَرْزُقُ مَن يَشَآءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٢١٢﴾

Ertinya:
"Dan Allah memberi rezeki kepada orang-orang yang dikehendaki-Nya tanpa hisab (batasan)."

(Al-Baqarah: 212)

Apabila Dia menghendaki seorang hamba untuk sesuatu urusan, maka Dia akan menyediakan atau mempersiapkan jalan yang menyampaikan ke arah itu. Ini adalah sesuatu yang berhubungan dengan pengertian yang berbentuk samar-samar (abstrak) yang tidak mungkin dapat digambarkan dalam bentuk yang nyata.

Jika seorang hamba mengingati-Nya dengan sempurna, maka sahihlah kezuhudannya di dunia dan di akhirat kerana mengharapkan keredhaan Allah semata-mata. Maka akan datanglah kepadanya kebenaran, kerajaan, kekuasaan dan pemerintahan. Ketika itu, butiran pasir akan menjadi gunung, titisannya menjadi samudera, bintangnya menjadi bulan, bulannya menjadi matahari, yang sedikit menjadi banyak, yang terhapus menjadi wujud semula, kerosakan menjadi kekekalan, geraknya menjadi tetap, tinggilah pohonnya menggapai 'Arasy sementara akarnya berada di bumi, dan bayang-bayang dahannya berada di dunia dan akhirat.

Tahukah kamu, apakah dahan-dahannya itu...? Dahan-dahannya itu ialah hikmah dan ilmu, jadilah dunia baginya bagaikan lingkaran sebentuk cincin. Dunia tidak memilikinya dan akhirat tidak membatasinya. Ia tidak dimiliki oleh para raja mahupun hamba sahaya. Ia tidak terhalang oleh suatu tirai, tidak diseksa oleh suatu seksaan dan tidak dikotori oleh suatu

kekotoran.

Apabila seorang hamba telah melaksanakan hal ini dengan sempurna, maka hamba ini layak untuk berdiam bersama makhluk (manusia) memegang tangan mereka dan menyelamatkan mereka dari samudera duniawi. Jika al-Haq menghendaki agar hamba-Nya menjadi hamba yang baik, maka Dia akan memberi hidayah, mengajar mereka, mengawasi mereka, menerangi mereka, memberi kesempatan kepada mereka, mendekatkan mereka kepada-Nya dan memberikan sinar ke dalam hati mereka.

Jika Dia menghendaki suatu kebaikan itu, maka Dia akan mewujudkannya. Sebaliknya, apabila Dia tidak menghendakinya, maka Dia akan menghalang hal tersebut daripadanya dan menyembunyikannya daripada orang lain.

Satu demi satu daripada masalah tersebut akan didatangkan kepada manusia, disertai dengan penjagaan dan keselamatan yang sempurna dan menyeluruh. Dia akan memberi pertolongan dan petunjuk demi kemaslahatan dan kesejahteraan manusia. Seorang yang bersikap zuhud di dunia akan diuji dengan akhirat. Jika dia berzuhud dari dunia dan akhirat, maka dia akan diuji dengan Rabb dunia dan akhirat. Kamu telah terlena seakan-akan orang yang sudah mati, seakan-akan di hari akhirat kamu tidak akan dikumpulkan, seakan-akan kamu tidak akan dihisab di hadapan al-Haq, dan seakan-akan kamu tidak akan melintasi jambatan (as-Sirat) al-Mustaqim.

Semuanya ini adalah sikap-sikap peribadi kamu, sedangkan kamu mengaku beragama Islam dan beriman. Inilah al-Quran dan al-Hakimah untuk menjadi penghujah terhadap dirimu, jika kamu tidak mengamalkannya. Apabila kamu hadir di sisi seorang ulama, sementara kamu tidak mahu menerima apa yang diucapkannya, maka kehadiran kamu merupakan sebab yang akan menghujah atau memberi kamu, dan ia juga merupakan dosa bagi kamu kerananya, bagaikan kamu bertemu dengan Rasulullah s.a.w. sedangkan kamu tidak mahu menerima apa yang baginda sabdanya.

Pada hari kiamat, seluruh makhluk merasai ketakutan kepada Allah kerana keagungan, kebesaran dan keadilan-Nya. Lenyaplah raja-raja dunia dan yang kekal hanya kerajaan-Nya. Seluruh makhluk ketika itu kembali kepada-Nya. Kelihatanlah raja bangsa-bangsa, tampaklah keperkasaan

dan kekayaan mereka. Sementara kemuliaan Allah terpasak ke dalam jiwa semua hamba-Nya dan semua negeri.

Tiang yang menegakkan dunia adalah pemimpin dunia, yakni para pemerintah. Merekalah pemimpin dan ketua manusia, sebagai khalifah Allah di permukaan bumi, dari segi pengertian, bukan dari segi bentuknya. Hari ini adalah bayangan, sementara hari esok adalah kenyataan. Keberanian seseorang terhadap orang kafir, ialah di dalam peperangan melawan mereka dan tabah dalam perlawanan tersebut. Sementara keberanian orang soleh ialah berperang melawan godaan nafsunya, hawa, syaitan dan teman-temannya yang jahat, yakni syaitan yang bertopengkan manusia. Manakala keberanian orang-orang yang khusus adalah bersikap zuhud terhadap dunia dan akhirat, serta segala sesuatu selain daripada Allah Taala secara keseluruhan.

Wahai hamba...! Bangkitlah kamu sebelum kamu dibangkitkan. Beragamalah tanpa perintah, dan pergaulilah ahli-ahli agama, kerana mereka adalah manusia yang penting dan utama. Manusia yang paling cerdik ialah manusia yang taat kepada Allah, manakala manusia yang paling bodoh adalah manusia yang derhaka kepada Allah. Rasulullah s.a.w. bersabda:

تَرِبَتْ يَدَاكَ.

Ertinya:
"Maka berdebulah kedua belah tanganmu."

Adapun yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabda baginda di atas, ialah bahawa engkau jatuh miskin. Dan engkau akan jatuh miskin apabila engkau memburu kekayaan. Jika engkau bergaul dengan ahli agama, maka akan kayalah kedua-dua hatimu. Sementara hatimu terhindar daripada kemunafikan. Orang-orang munafik ialah orang yang menunjuk-nunjukkan amalnya (riya'), sedangkan pada hakikatnya mereka tidak beramal.

Ingatlah...! Bahawa amalmu tidak akan di terima kecuali apa yang engkau lakukan semata-mata kerana Zat-Nya, yang akan diterima dari amalmu ialah pengertian amal itu, bukan bentuknya. Jika engkau menentang atau memerangi nafsu, hawa, syaitan, keduniaan dalam semua amalmu, maka amalmu akan diterima. Beramallah dan ikhlaskanlah amalan itu, jangan melihat kepada berapa banyak amal yang sudah engkau lakukan. Tidak ada amal yang diterima, kecuali amal yang dilakukan

semata-mata kerana-Nya, bukan kerana manusia atau makhluk-makhluk lain.

Celakalah kamu...! Kamu beramal demi seorang manusia dan kamu berharap amalmu itu diterima oleh Allah al-Haq. Ini adalah petanda kebodohan dan kegilaan kamu. Jauhkanlah sifat-sifat buruk itu dari dirimu, jauhilah sifat rakus, sombong dan terlalu bergembira. -Kurangilah kegembiraanmu dan perbanyak kesusahan atau kesedihan, kerana sekarang ini kamu sedang berada di negeri yang dipenuhi kesusahan dan kesedihan, kamu sedang berada di negeri penjara.

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. Nabi kita itu tidak pernah berhenti daripada berfikir, sedikit gembira dan banyak berduka serta bersedih, sedikit tertawa, baginda jarang sekali tersenyum, kecuali untuk menyenangkan hati orang lain. Sementara di dalam hati baginda sentiasa timbul kesedihan dan kesusahan. Seandainya bukan kerana para sahabat dalam urusan keduniaan, maka baginda tidak akan ke luar dari rumah baginda, dan tidak akan duduk-duduk bersama mereka.

Wahai hamba...! Jika saat diammu bersama Allah itu dipandang sah dan benar, maka batinmu akan tercengang dan hatimu akan bersih. Jadikanlah pandanganmu sebagai suatu ungkapan, hatimu merajai fikiranmu, sementara roh dan batinmu menghantarkan engkau kepada Allah al-Haq. Berfikir mengenai dunia adalah merupakan seksaan dan hijab, sementara berfikir mengenai akhirat merupakan suatu ilmu dan penggerak pada hati kamu. Seorang hamba yang mahu berfikir, akan diberi pengetahuan berkenaan dengan liku-liku dunia dan akhirat.

Celakalah kamu...! Kamu sia-siakan hatimu untuk memikirkan dunia, sedangkan Allah telah melepaskan bahagianmu di dalamnya. Allah telah menetapkan bahagianmu dalam suatu masa yang diketahui-Nya, setiap hari berganti, maka Allah akan memberimu rezeki yang baru, baik engkau mencarinya atau tidak. Kerakusan dan ketamakanmu di dunia akan memperlihatkan keburukanmu dalam pandangan Allah dan di mata setiap manusia. Dengan hanya memburu rezeki akan berkuranglah imanmu, sebaliknya apabila engkau berhenti daripada memburu rezeki itu, maka imanmu akan bertambah. Jika engkau tidak mempedulikannya, maka akan sempurna dan bertambahlah imanmu.

Wahai hamba...! Janganlah engkau mencampur adukkan antara kesungguhan dengan gurau-senda. Selama hati dan jiwamu menyatu

dengan manusia, bagaimana engkau akan mampu menyatu dengan Penciptanya...? Sementara engkau bersekutu dengan sebab, bagaimana mungkin engkau akan dapat tampil bersama Maha Penyebab...? Mana mungkin sesuatu yang palsu dapat menyatu dengan yang murni...? Mana mungkin sesuatu yang masuk akal akan menyatu dengan sesuatu yang tidak masuk akal...? Mana mungkin sesuatu yang berada di sisi manusia akan menyatu dengan sesuatu yang ada pada sisi Maha Pencipta manusia itu sendiri...? Alangkah bodohnya manusia yang melupakan Penyebab sementara ia sentiasa bergumul dengan sebab. Alangkah tololnya manusia yang behenti pada maqam kedua dan melupakan maqam yang pertama, melalaikan yang kekal dan berasyik maksyuk dengan yang fana'.

Wahai hamba...? Bersahabat dengan orang-orang yang bodoh itu nescaya kebodohannya akan menular kepadamu. Bersahabat dengan orang-orang yang bodoh itu adalah merugikan dirimu. Oleh itu bersahabatlah kamu dengan orang-orang yang beriman, orang yang alim dan mengamalkan ilmunya. Alangkah bagusnya kedudukan dan keadaan orang yang beriman dalam segala bidang. Alangkah kuatnya mereka dalam memerangi dan menundukkan hawa dan nafsunya. Oleh yang demikian, Rasulullah s.a.w. bersabda:

بِشْرُ الْـمُؤْمِنِ فِىْ وَجْهِهِ وَحُزْنُهُ فِىْ قَلْبِهِ.

Ertinya:
"Kegembiraan orang mukmin itu terpancar di wajahnya, sementara kesedihannya berada di dalam hatinya."

(Ada pendapat yang mengatakan bahawa kata-kata ini dinisbahkan kepada Ali bin Abi Talib r.a.)

Ini adalah sebagai petanda akan kekuatan jiwa mereka, iaitu mereka mampu untuk menampakkan kegembiraan di wajah mereka, sebaliknya mereka juga mampu untuk menyembunyikan kesedihan dan kesusahan antara mereka dengan Allah. Orang mukmin itu banyak bersedih, banyak berfikir, banyak menangis dan sedikit tertawa. Kerana itulah Rasulullah s.a.w. bersabda:

لاَ رَاحَةَ لِـمُؤْمِنٍ غَيْرُ لِقَاءِ رَبِّهِ عَزَّوَجَلَّ.

Ertinya:
"Tiada kegembiraan bagi orang yang beriman, kecuali bertemu

dengan Tuhannya 'Azza Wajalla."

(Ini adalah kata-kata sebahagian Salafus-Soleh dan bukan hadis)

Orang mukmin itu menutupi kesusahannya dengan kegembiraannya. Secara tegasnya, orang mukmin itu sentiasa bersikap dinamik dalam mencari keperluan hidupnya, sementara batinnya sentiasa bertafakkur kepada Allah. Zahiryahnya untuk keluarganya, sementara batiniyahnya adalah untuk Tuhannya. Tidak dibukakannya rahsia hatinya kepada ahli keluarganya, anaknya, jiran tetangganya, pembantunya mahupun kepada siapa juapun daripada makhluk Ilahi. Selalu terngiang di telinganya sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

إِسْتَعِيْنُوْا عَلَى أُمُوْرِكُمْ بِالْكِتْمَانِ.

Ertinya:

"Mintalah pertolongan atas semua urusanmu dengan cara tersembunyi."

(Al-Albani mentashihkan hadis ini dalam As-Silsilah As-Sahihah)

Ia sentiasa menyembunyikan apa-apa yang berlaku ke atasnya. Jika ada sesuatu yang mendesaknya, atau mulutnya telah sempurna dengan suatu kalimah, maka ia mengalihkan permasalahan yang sedang dihadapinya itu dengan menggantinya, menutupi apa yang nyata daripadanya dan mengemukakan alasan terhadap apa yang nampak daripadanya.

Wahai hamba...! Jadikanlah aku sebagai cerminmu, jadikanlah aku ini sebagai cermin hati dan batinmu, cermin semua amal dan perbuatanmu, mendekatlah kamu kepadaku, kerana kamu akan dapat melihat apa yang ada di dalam jiwamu, yang kamu tidak mampu melihatnya apabila kamu berada jauh daripadaku.

Jika kamu mempuyai keperluan dalam agamamu, maka kembalilah kamu kepadaku, kerana aku tidak akan menggelincirkan kamu daripada agama Allah. Aku mempunyai kemahuan yang keras untuk kembali kepada-Nya. Aku telah mendidiknya dengan tangan yang dingin, tanpa melalui jalan kemunafikan. Tinggalkanlah duniamu di rumahmu dan mendekatlah kamu kepadaku, kerana aku telah bermukim di gerbang akhirat, diamlah kamu di sisiku dan dengarkanlah ucapanku, serta amalkanlah ia sebelum kamu mati. Lingkaran kekhuatiran kepada Allah, begitu juga dengan ketakutan. Jika engkau tidak merasa takut kepada-Nya, maka engkau tidak akan merasa aman di dunia dan di akhirat. Ketakutan

yang bersumber daripada Allah merupakan perwujudan daripada ilmu pengetahuan. Kerana itu Allah berfirman:

إِنَّمَا يَخْشَى ٱللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ ٱلْعُلَمَٰٓؤُا۟ ...

Ertinya:

"Sesungguhnya yang paling takut kepada Allah dari kalangan hamba-Nya, ialah para ulama."

(Al-Fathir: 28)

Tidak akan takut kepada Allah, kecuali ulama yang mengamalkan ilmunya. Orang-orang yang beramal dan berilmu tidak akan menuntut ganjaran atau balasan daripada Allah atas segala sesuatu yang dilakukannya. Tetapi mereka menghendaki Zat al-Haq, dan mengharapkan cinta dan redha-Nya, serta sentiasa berdekatan dengan hijab-Nya. Mereka menghendaki agar tidak tertutup bagi mereka pintu dunia dan akhirat. Mereka tidak mencintai apa yang ada di dunia, apa yang ada di akhirat dan apa yang ada pada selain Allah.

Dunia ini adalah untuk kaum lain, dan akhirat juga untuk sesuatu kaum, sementara al-Haq juga untuk suatu kaum, iaitu golongan manusia yang beriman, orang yang yakin, arif, cinta, takut dan tunduk kepada-Nya. Orang yang bersedih dan bergembira kerana-Nya.

Suatu kaum yang takut kepada Allah secara zahir dan batin, Allah itu ghaib di mata kasar mereka dan hadir di dalam basirah (mata hati) mereka.

Bagaimana mungkin mereka tidak akan takut kepada Allah, sementara setiap hari mereka berada dalam suatu keadaan yang bertukar ganti, yang ini ditolong dan pihak lain pula dihinakan, yang ini dihidupkan dan yang ini pula dimatikan, yang sepihak diterima dan pihak lain pula ditolak, yang sepihak didekati dan yang sepihak lagi dijauhi. Allah berfirman yang berbunyi:

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

Ertinya:

"Dan Ia tiada ditanya tentang apa yang diperbuat-Nya, tetapi merekalah yang akan ditanyai."

(Al-Anbiya': 23)

Ya Allah...! Dekatkanlah kami kepada-Mu dan janganlah Engkau jauhkan kami daripada-Mu.

Majlis 6

Jauhilah Sikap Sombong Dan Takbur

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat, 15 Syawal 545H.

PADA hakikatnya, hati seseorang itu bersih dan suci, lalai daripada permasalahan manusia dan selalu ingat kepada Allah, lupa kepada dunia dan sentiasa ingat kepada akhirat, lupa kepada apa yang ada di sisi makhluk (manusia) dan sentiasa ingat dan berharap kepada apa yang ada di sisi Allah.

Kamu terhalang daripada mereka dan daripada segala apa yang berada di sisi mereka. Kamu disibukkan oleh urusan duniamu sehingga kamu terlalai akan urusan akhiratmu. Kamu meninggalkan rasa malu kepada Allah dan melakukan keburukan kepada-Nya. Oleh itu, terimalah nasihat dan peringatan saudaramu yang beriman, dan janganlah kamu menentangnya, kerana ia melihat terhadap apa yang tidak dapat engkau lihat di dalam dirimu sendiri. Inilah yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabda baginda yang berbunyi:

اَلْـمُؤْمِنُ مِرْآةُ الْـمُؤْمِنِ.

Ertinya:
"Orang mukmin itu adalah cermin bagi mukmin (lain)."

(Hadis Hasan)

Seorang mukmin yang memberi nasihat secara benar dan jujur kepada

saudaranya, hendaklah menjelaskan segala sesuatu yang tidak jelas baginya, membezakan antara yang baik dengan yang buruk, memperkenalkan kepadanya sesuatu yang menjadi hak dan kewajipannya, perkara-perkara yang menguntungkan dan merugikannya.

Maha Sucilah Zat yang telah menuangkan di hatiku untuk memberi peringatan kepada manusia dan menjadikannya sebagai cita-citaku yang paling besar. Sesungguhnya aku adalah orang yang memberi peringatan dan sesungguhnya aku tidak menuntut balasan atasnya. Akhiratku telah aku perolehi di sisi Tuhanku, dan aku bukanlah orang yang memburu dunia. Aku bukanlah seorang hamba dunia mahupun hamba akhirat, dan tidak pula hamba selain daripada Allah Taala. Aku tidak menyembah selain Maha Pencipta Yang Maha Esa lagi Maha Qadim.

Kejayaan kamu adalah kegembiraanku, sementara kerosakan kamu adalah kesedihanku. Jika engkau melihat orang yang benar-benar telah berjaya dalam asuhanku, maka aku juga akan turut bergembira dan berpuas hati, terhormat dan merasa bahagia. Bagaimana aku mesti melahirkan orang-orang seperti itu di dalam asuhanku...?

Wahai hamba...! Yang aku maksudkan adalah kamu, bukan aku. Jika kamu berubah, maka itu adalah kamu, bukan aku. Aku hanya memberikan nasihat dan semestinya kamu menyukaiku, mengingat keterkaitanmu denganku sehingga kamu dipisahkan dengan kematian.

Wahai kaumku...! Jauhilah sikap sombong dan takbur kepada Allah dan terhadap makhluk-Nya. Kenalilah kemampuan dirimu sendiri dan rendahkanlah hatimu. Awal kejadianmu adalah air mani yang kotor dan hina, manakala akhir dari kehidupanmu adalah bangkai yang terbuang. Janganlah kamu menjadi orang yang dituntun oleh ketamakan dan diburu oleh hawa nafsu, diperdayakan oleh hawa nafsu untuk melangkah ke gerbang istana raja untuk mengemis sesuatu daripadanya, baik kamu diberi atau tidak dengan kerendahan dan kehinaan. Diriwayatkan dari Rasulullah s.a.w. bahawa baginda bersabda:

اَشَدُّ عُقُوْبَاتِ اللهِ عَزَّوَجَلَّ لِعَبْدِهِ طَلَبُهُ مَا لَمْ يُقْسَمْ لَهُ.

Ertinya:

"Hukuman Allah yang paling berat bagi seseorang hamba-Nya, ialah menuntut sesuatu yang tidak diberikan kepadanya."

Celakalah engkau...! Wahai orang-orang yang bodoh tentang takdir dan Zat yang mempunyai takdir...! Engkau menyangka bahawa orang-orang di dunia ini mampu memberimu sesuatu yang tidak ditentukan untukmu, sesuatu yang bukan bahagianmu. Tetapi ia adalah godaan syaitan yang ditanamkan ke dalam hati dan pemikiranmu. Engkau bukan hamba Allah, tetapi kamu adalah hamba nafsumu, hawamu, syaitanmu, tabiatmu, dinar dan dirhammu. Berusahalah kamu untuk melihat kepada orang yang berjaya, sehingga engkau dapat mencapai kejayaan melalui jalan yang sudah ditempuhnya.

Sebahagian daripada ulama berkata:

"Barangsiapa yang tidak melihat orang yang berjaya, maka dia tidak akan berjaya."

Kamu melihat orang-orang yang berjaya, tetapi kamu hanya melihatnya dengan dua mata kepalamu, tidak dengan kedua-dua mata hatimu (basirah). Keimanan yang engkau miliki, bukanlah keimanan yang bermanfaat bagimu sehingga engkau tidak melakukan dosa. Kamu tidak mempunyai mata hati, yang dengannya engkau dapat melihat kepada orang lain. Allah berfirman:

فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى ٱلْأَبْصَـٰرُ وَلَـٰكِن تَعْمَى ٱلْقُلُوبُ ٱلَّتِى فِى ٱلصُّدُورِ ﴿٤٦﴾

Ertinya:
"Kerana sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta, tetapi yang buta ialah hati yang di dalam dada."

(Al-Hajj: 46)

Orang yang tamak dalam menginginkan harta dunia yang dimiliki oleh orang lain, sama halnya dengan seseorang yang menjual agamanya dengan lumpur. Ia menjual sesuatu yang kekal dengan sesuatu yang mudah rosak. Maka sudah pasti hal ini tidak akan terlaksana dengan kemampuan mereka, tidak ini dan tidak pula itu. Selama keimananmu belum sempurna, maka berhati-hatilah dalam mendayungkan bahtera kehidupanmu, sehingga kamu tidak memerlukan manusia lalu kamu menyerahkan agamamu kepada mereka, lantas engkau memakan harta mereka dengan agamamu.

Namun, jika imanmu sudah kuat dan sempurna, maka ia akan mendekatkan kamu kepada tawakkal kepada Allah, dan menyingkap semua sebab, mengalahkan semua pemikiran, melewati semua ini dengan hatimu, di mana ia sudah terlepas dari negerimu, keluargamu, kedai dan semua kenalanmu dan menyerahkan apa yang ada di tanganmu kepada keluargamu, kepada saudara dan teman-temanmu, sehingga seakan-akan malaikat maut telah mengambil nyawamu, seakan-akan renggutan kematian telah merenggutmu, seakan-akan dunia ini telah menyedut dan menenggelamkan engkau, seakan-akan gelombang kudrat yang telah ditakdirkan menyeretmu ke dalam samudera ilmu dan menenggelamkan engkau. Maka barangsiapa yang telah sampai ke maqam ini, maka ia tidak akan dipengaruhi atau dibahayakan oleh sebab-sebab, kerana sebab-sebab itu hanya akan berpengaruh pada zahiryahnya saja, tidak kepada batiniyahnya. Sebab-sebab itu kerana yang lain, bukan kerana dirinya sendiri.

Wahai kaumku...! Jika kamu tidak mampu melaksanakan apa yang sudah aku tuturkan kepada kamu tentang pelepasan diri daripada sebab-sebab, sehingga kerana suatu pandangan hatimu menjadi begini, tidak menjadi begini. Jika kamu tidak mampu melaksanakannya secara keseluruhan, lakukanlah semampu kamu tetapi janganlah berkurang daripada separuhnya. Rasulullah s.a.w. bersabda:

تَفَرَّغُوْا مِنْ هُمُوْمِ الدُّنْيَا مَا اسْتَطَعْتُمْ.

Ertinya:
"Berlepas dirilah kamu (kosongkanlah hatimu) daripada cita-cita keduniaan semampu kamu."

(Hadis Marfu')

Wahai hamba...! Jika kamu mampu melepaskan diri daripada cita-cita dan kepentingan dunia, maka lakukanlah itu. Jika tidak bersegeralah dengan hatimu kepada Allah al-Haq, dan bergantunglah kepada curahan rahmat-Nya, sehingga engkau terlepas daripada kedukaan dunia ini. Dialah Yang Maha -Kuasa atas segala sesuatu, dan Dialah Yang Maha Mengetahui segala sesuatu. Berdiamlah engkau di pintu-Nya, dan bermohonlah kepada-Nya agar hatimu disucikan-Nya daripada yang lain dan memenuhinya dengan keimanan kepada Allah, makrifat kepada-Nya, mengenal-Nya, dan kaya dengan-Nya serta jauh daripada manusia.

Bermohonlah engkau kepada-Nya untuk keyakinan dan ketenteraman hatimu dengan-Nya, menyibukkan anggota badanmu dengan beribadah kerana taat kepada-Nya, carilah segala-galanya daripada-Nya, janganlah engkau cari dan tuntut dari selain-Nya. Janganlah engkau menghinakan dirimu kepada manusia sesamamu, tetapi lakukanlah itu kepada-Nya, bukan kepada yang lain. Beramallah kamu kerana-Nya dan untuk-Nya, bukan untuk yang lain.

Wahai hamba... ! Kepandaian lidahmu berkata-kata tanpa diiringi dengan amalan hati, tidak akan membawa langkahmu kepada al-Haq walau selangkahpun. Tariqat (perjalanan) itu adalah tariqat (perjalanan) hati, dan taqarrub (kedekatan) itu adalah taqarrub (kedekatan) sirr (batin).

Amal adalah pengamalan secara maknawi yang disertai dengan sikap sentiasa menjaga batas-batas syarak melalui semua anggota badan dan tunduk kepada Allah, yang dinyatakan dengan sikap tawaduk kepada hamba-hamba-Nya. Barangsiapa yang menjadikan nafsunya sebagai ukuran, maka tidak akan ada ketenangan baginya. Barangsiapa yang menunjuk-nunjukkan amalnya kepada manusia, maka tiadalah amal baginya. Amal itu akan wujud hanya dalam kesunyian, tidak menampakkannya di khalayak ramai, kecuali amal-amal wajib yang memang kita dikehendaki menampakkannya.

Telah kami nyatakan pada bahagian yang terdahulu tentang hukum-hukum bagi suatu dasar yang akan memberi manfaat bagi bangunan hukum yang berdiri di atasnya. Jika bangunan itu bergeser, sedangkan dasarnya telah engkau tanam dengan kuat, maka ia akan mampu menopang bangunan tersebut. Dasar suatu amal ialah Tauhid dan Ikhlas. Maka barangsiapa yang tidak bertauhid dan tidak ikhlas kepada-Nya, maka tiadalah amal baginya. -Kukuhkanlah amalmu dengan tauhid dan keikhlasan. Kemudian engkau bangunlah amalmu dengan daya dan kekuatan Allah, bukan dengan daya dan kekuatanmu.

Kekuatan tauhid itulah yang membangun, bukan tangan kekuatan syirik dan munafik. Seorang yang bertauhid akan sentiasa mengukuhkan dan meningkatkan amalnya semaksimal mungkin, sementara orang munafik tidak seperti itu.

Ya Allah...! Jauhkanlah kami daripada kemunafikan dalam seluruh keadaan dan tindakan kami.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنۡيَا حَسَنَةٗ وَفِي ٱلۡأٓخِرَةِ حَسَنَةٗ وَقِنَا
عَذَابَ ٱلنَّارِ ٢٠١

Ertinya:

"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 7

Bersabarlah Kamu Kerana Dunia Ini Adalah Malapetaka

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad, 17 Syawal, 545H.

DALAM memberikan wasiat dan nasihat kali ini, al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir al-Jalinai mendahului pengajiannya dengan doa sebagai berikut:

"Ya Allah...! Limpahkanlah rahmat-Mu kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan keluarganya, dan limpahkanlah kesabaran ke dalam diri kami, serta kukuhkanlah pendirian kami. Perbanyaklah pemberian-Mu kepada kami serta berilah kami rezeki dan kemampuan untuk bersyukur terhadap rezeki itu."

Kemudian beliau melanjutkan wasiat dan nasihat beliau:

Wahai kaumku...! Bersabarlah kamu, kerana sesungguhnya dunia dan segala isinya merupakan malapetaka dan bencana. Amat jarang sekali yang terjadi sebaliknya. Tiada suatu kenikmatan kecuali ia mesti disertai oleh sesuatu yang tidak menyenangkan. Tidak ada kebahagiaan, kecuali ia mesti disertai oleh sesuatu yang menyusahkan. Tidak ada kelapangan, kecuali ia mesti disertai oleh kesempitan. Berikanlah dunia untuk hidupmu dan raihlah bahagianmu di dalamnya dengan tangan syarak. Kerana ia adalah merupakan penawar terhadap apajua yang kamu perolehi di dunia ini.

Wahai hamba...! Ambillah pemberian itu dengan tangan syarak apabila

kamu seorang yang menghendakinya, dan dengan ketentuan perintah jika engkau termasuk orang yang khusus dan benar, atau dengan tangan kudrat Allah, jika engkau seorang yang tunduk, yang selalu menemui-Nya dan mendekati-Nya, dengan suatu tuntutan kepadamu, dan perintah yang memerintah dan larangan yang melarangmu, serta perbuatan yang tergerak hatimu untuk melakukannya.

Manusia terbagi kepada tiga golongan, iaitu:

1. Golongan (عام) (umum).
2. Golongan (الخواص) (khusus, istimewa).
3. Golongan (الخواص الخواص) (golongan yang khusus atau istimewa daripada orang-orang yang istimewa).

Adapun kelompok pertama, ialah orang-orang umum, mereka adalah kaum muslimin yang bertakwa, yang mengambil syariat dengan tangannya, kemudian mereka memegangnya dan tidak melepaskannya selama-lamanya, mereka sentiasa mengamalkan firman Allah, yang berbunyi:

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ...

Ertinya:
"Apa yang di datangkan oleh Rasul kepadamu, maka hendaklah engkau terima, dan apa-apa yang dilarangnya bagimu, maka hentikanlah."

(Al-Hasyr: 7)

Apabila hal ini sempurna sesuai dengan hak-haknya, dan telah diamalkan zahir dan batin, maka jadilah hati menjadi hati yang terang, sehingga ia mampu melihat dengannya (mata hati, basirah). Jika ia mengambil sesuatu dengan tangan syarak, maka akan kayalah hatinya dan memohon ilham dari Allah al-Haq, kerana ilham-Nya itu bersifat umum untuk semua makhluk-Nya. Allah berfirman:

فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَىٰهَا ﴿٨﴾

Ertinya:
"Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasiqkan dan ketakwaannya."

(As-Syams: 8)

Maka hatinya menjadi hati yang bertakwa dan ia menunggu ilham Allah al-Haq. Sementara tanda-tandanya ialah bahawa ia mengambil zahir perintah. Dalam erti bahawa semua yang ada dalam pasaran kehidupan ini merupakan miliknya dan dengan kekuatannya. Kemudian ia kembali dan hatinya menjadi bersinar, sehingga ia mampu melihat segala sesuatu yang ada di sisi-Nya dalam keadaan ini.

Semuanya ini hanya dapat dicapai dan dilakukan setelah seseorang itu membenamkan dirinya dalam semua amalan syariah, ketika iman dan tauhidnya menjadi kuat, setelah hatinya tidak lagi terikat kepada dunia dan makhluk. Setelah ia mampu menaklukkan padang pasir dan menyeberangi samuderanya.

Setelah itu datanglah kepadanya cahaya penerang, cahaya iman, cahaya kedekatan kepada Allah, cahaya amal, cahaya sabar, cahaya kasih sayang dan ketenteraman. Semuanya ini adalah hasil daripada melaksanakan semua hak-hak syariah dan berkat mengikutnya.

Adapun para Wali Abdal. Mereka adalah khawwas al-khawwas, mereka mencari fatwa syariah, kemudian mereka menunggu perintah Allah, perbuatan-Nya, gerak-Nya dan ilham-Nya.

Mereka yang tidak termasuk ke dalam tiga golongan di atas, adalah golongan yang berada dalam kelompok kebinasaan di atas kebinasaan, derita di atas derita dan haram di atas segala yang haram. Ia adalah merupakan penyakit dalaman bagi agama, bisul yang tumbuh di hati agama dan penyakit paru-paru di dalam tubuh agama.

Wahai kaumku...! Pemberian-Nya kepadamu adalah untuk mengamati atau menilai, bagaimana kamu menggunakannya. Apakah engkau membiarkan apa adanya atau engkau mengubahnya...? Apakah engkau membenarkan atau mendustakan...? Barangsiapa yang tidak sesuai dengan kudratnya, maka ia tidak akan mendapat sahabat dan pertolongan. Barangsiapa yang tidak redha kepada sebarang keputusan yang diberikan kepadanya, bererti mereka tidak suka kepada yang memberikan keputusan itu. Barangsiapa yang tidak mahu memberi, maka dia tidak akan diberi. Barangsiapa yang tidak melakukan dosa, maka ia tidak akan diseksa.

Wahai orang yang bodoh...! Kamu menghendaki untuk menukar, mengubah dan mengganti apa yang telah diberikan-Nya kepada kamu.

Dengan demikian, bukankah bermakna kamu adalah Tuhan yang kedua, yang menghendaki agar Allah mengikutmu...? Ini adalah suatu tindakan yang berlawanan. Kembalilah engkau kepada kebenaran.

Andaikata tidak kerana takdir, maka engkau tidak akan mengetahui pengakuan yang dusta. Mutiara itu hanya akan diketahui melalui ujian. Ingkarilah nafsumu yang mengingkari al-Haq. Jika engkau telah mampu mengingkari nafsumu, maka engkau akan mampu pula mengingkari yang lainnya. Kemungkaran itu akan hilang oleh kekuatan imanmu. Sebaliknya apabila imanmu lemah, maka kemungkaran itu akan duduk dengan tenangnya di rumahmu, sementara engkau tidak mampu untuk menyingkirkannya.

Keteguhan iman itulah yang mampu bertahan dalam menghadapi syaitan manusia dan jin, dialah yang mampu menghadapi malapetaka dan cubaan. Apabila imanmu belum mampu berbuat demikian, janganlah engkau mengaku sebagai seorang mukmin.

Bencilah setiap sesuatu dan cintailah Pencipta segala sesuatu itu. Apabila Dia berkehendak, maka engkau akan dicintai oleh setiap sesuatu yang engkau benci itu, sehingga engkau terpelihara daripada segala sesuatu itu. Kerana hanya Dia sajalah yang memberikan cinta, bukan dirimu. Kerana itulah, Rasulullah s.a.w. bersabda:

حُبِّبَ إِلَيَّ مِنْ دُنْيَاكُمُ الطِّيْبُ وَالنِّسَاءُ وَجُعِلَتْ قُرَّةُ عَيْنِي فِي الصَّلَاةِ.

Ertinya:

"Dijadikan kecintaan kepadaku daripada dunia kamu akan harum-haruman, wanita (isteri) dan dijadikan penyejuk mataku di dalam solat."

(Hadis Dhaif)

Dijadikan rasa cinta kepada baginda setelah baginda membencinya, meninggalkan, zuhud dan berpaling daripadanya. Kosongkanlah hatimu daripada selain-Nya, sehingga Dia mencintakan kepadamu sesuatu yang dikehendaki-Nya.

Ya Allah...! Masukkanlah kami ke dalam golongan mereka yang Engkau beri rahmat dengan cinta dan mencintai.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 8

Riya' Adalah Najis Yang Bersarang Di Dalam Hati

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, petang Selasa, 19 Syawal 545H.

SEORANG yang riya', pakaian dan badannya sentiasa kelihatan bersih, tetapi hatinya najis. Ia membenci terhadap hal-hal yang mubah dan malas dalam berusaha mencari kehidupan, memakan agamanya, dan tidak menghindari makanan yang nyata keharamannya.

Bagaimanapun, permasalahan ini tidak begitu ketara bagi bagi orang yang awam, tetapi ia cukup jelas bagi orang yang khusus. Kezuhudan dan ketatannya adalah secara zahiryah saja. Pada zahirnya, ia seperti orang yang giat dalam agama, namun pada batinnya ia adalah perosak agama.

Celakalah kamu...! Kerana taat kepada Allah hanyalah dengan hati, bukan dengan tubuh. Semuanya ini berkait rapat dengan hati, batin dan segala sesuatu yang bersifat maknawi. Telanjangilah batinmu daripada segala yang engkau alami, supaya engkau memperolehi pakaian dari Allah. Jangan engkau pedulikan balasannya. Tanggalkanlah pakaianmu sehingga engkau diberi pakaian oleh-Nya. Tanggalkanlah pakaian kelemahan dalam hak-hak Allah. Tanggalkanlah baju kejumudanmu bersama manusia dan persekutuanmu dengan mereka. Tanggalkanlah pakaian syahwatmu, baju kedunguanmu, baju kebanggaanmu, baju munafik dan baju kecintaanmu untuk diterima oleh manusia dan penerimaan mereka terhadapmu serta pemberian mereka kepadamu. Tanggalkanlah pakaian dunia dan pakailah pakaian akhirat. Maka engkau akan terlucut daripada upayamu, daripada

dayamu dan daripada kewujudanmu. Campakkanlah dirimu di hadapan al-Haq, tanpa daya dan kekuatan, tanpa berdiri dengan sebab-sebab dan tanpa persekutuan dengan makhluk.

Jika engkau melakukan ini, maka engkau akan melihat kelembutan-Nya mengelilingimu dan mendatangimu serta Rahmat-Nya menyatu denganmu. Nikmat dan anugerah-Nya menyelubungimu dan menarikmu untuk berkumpul dengan-Nya. Larilah kamu kepada-Nya. Putuskanlah dunia dan larilah kepada-Nya dengan batin yang bertelanjang tanpa dirimu atau yang lain. Berjalanlah kepada-Nya dengan terputus dan terpisah daripada selain-Nya. Berjalanlah kepada-Nya dengan terpisah-pisah, hingga kamu menyatu dan bertemu dengan kekuatan zahir dan batinmu. Sehingga sekiranya alam ini terkunci untukmu dan dibebankan kepadamu semua bebannya, engkau tidak akan merasa keberatan, malahan Allah Taala akan melindungimu.

Siapa juapun yang merosak makhluk dengan tangan tauhidnya, merosakkan dunia dengan tangan zuhudnya dan menghancurkan apa yang selain daripada Allah dengan tangan kecintaan. Maka sempurnalah baginya kebaikan dan kejayaan, mendapat bahagian di dunia dan di akhirat. Peliharalah dirimu dengan melindunginya daripada nafsu, kesombongan dan syaitan-syaitanmu, sebelum maut memisahkan engkau dengan dunia. Peliharalah dirimu daripada kematian khusus sebelum engkau mati secara umum.

Wahai kaumku...! Perkenankanlah seruanku ini, kerana akau mengajak dan menyerumu kepada Allah, menyeru kamu kepada gerbang Allah, kepada mentaati Allah dan aku tidak mengajakmu kepada diriku. Seorang munafik tidak akan mengajak manusia kepada Allah, tetapi ia hanya akan mengajak manusia kepada dirinya, ia adalah golongan pencari keuntungan dan pencari dunia.

Wahai orang yang bodoh...! Kamu menganggap remeh perkataan ini dan kamu meninggalkannya, lantas kamu duduk di dalam rumah peribadatanmu dengan bertemankan hawa dan nafsumu. Pertama sekali yang amat kamu perlukan ialah berteman dengan para ulama, membunuh nafsu, gharizah dan sesuatu selain daripada Allah. Apabila ini sudah engkau lakukan, barulah engkau dapat memasuki pintu gerbang mereka, yakni orang-orang yang alim. Kemudian kamu mengasingkan diri daripada mereka dan duduk di dalam rumah peribadatanmu bersama

al-Haq. Jika semua ini telah engkau jalani dengan sempurna, maka jadilah engkau sebagai penawar bagi manusia, orang yang mendapat petunjuk dan memberi petunjuk dengan izin Allah.

Jika tidak demikian, maka hanya lidahmu yang warak, sedangkan hatimu derhaka kepada Allah. Lidahmu basah kerana memuji Allah, tetapi batinmu berpaling daripada-Nya. Pada zahirnya engkau adalah seorang muslim, tetapi batinnya engkau adalah kafir. Pada zahirnya engkau adalah seorang pengamal Tauhid, tetapi batinmu adalah musyrik. Kezuhudanmu dan agama hanya pada zahirnya saja, sedangkan batinmu penuh kekotoran, tak ubahnya sebagai tong sampah, yang di luarnya nampak cantik dan bersih, tetapi di dalamnya penuh kekotoran. Jika kamu selalu begini, maka syaitan akan bersarang di hatimu dan ia akan menjadikan hatimu sebagai tempat tinggalnya.

Pada permulaannya, seorang mukmin akan berusaha untuk menyemarakkan kehidupan batiniyahnya, kemudian akan menyemarakkan kehidupan zahiryahnya. Bagaikan seorang yang mengerjakan sebuah rumah, yang selalu memberi sedekah atau perbelanjaan kepada setiap orang memasuki rumahnya, sementara pintu rumah itu masih rosak. Oleh itu, jika penyemarakan ini sudah sempurna, maka barulah dia mahu memperbaiki pintunya. Demikianlah langkah permualaan bagi merintis jalan kepada Allah dan redha-Nya, kemudian barulah menoleh kepada makhluk dengan izin-Nya.

Merintis jalan Allah untuk memperolehi kehidupan akhirat, kemudian kamu akan memperolehi bahagianmu di dunia.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 9

Ujian Untuk Orang Mukmin

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat, 22 Syawal, 545H.

DIRIWAYATKAN, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

إِنَّ اللهَ لَا يُعَذِّبُ حَبِيْبَهُ وَلَكِنْ قَدْ يَبْتَلِيْهِ.

Ertinya:
"Sesungguhnya Allah tidak akan menyeksa kekasih-Nya, tetapi Dia kadang-kadang hanya mengujinya."

Seorang mukmin, semestinya berkeyakinan, bahawa Allah tidak akan mengujinya dengan sesuatu, kecuali untuk kemaslahatan yang akan mengiringi ujian itu. Mungkin kemaslahatan itu akan diperolehinya di dunia, atau mungkin juga di akhirat. Mereka redha dengan ujian Allah Taala dan bersabar atas ujian tersebut sehingga datang perubahan dari Allah. Mereka disibukkan oleh Allah dengan suatu ujian atau cubaan yang ditimpakan ke atas mereka.

Wahai orang yang disibukkan oleh masalah dunia, jadikanlah dirimu jauh daripada memperkatakan maqam ini. Kerana sesungguhnya kamu hanya berkata-kata dengan lidahmu, bukan dengan hatimu. Kamu berpaling daripada Allah dan daripada firman-Nya, kamu juga berpaling daripada para Nabi-Nya dan para pengikut mereka, yang pada hakikatnya para tabi'in dan tabi' al-tabi'in itu adalah para pewaris dan penerima wasiat

daripada mereka. Kamu semua memperebutkan sesuatu serta melawan Zat Yang Menentukan dan ketentuan itu sendiri. Kamu semua telah puas menikmati pemberian-pemberian makhluk dan menjauhkan engkau diri daripada pemberian Khaliq dan anugerah-Nya.

Tidak ada ucapan kamu yang akan didengar oleh Allah Taala, sedangkan di sisi-Nya terdapat hamba-hamba-Nya yang soleh, sehingga kamu bertaubat dan ikhlas dengan taubat kamu itu. Teguh dalam taubat tersebut dan menyesuaikannya dengan kudrat dan keputusan Allah al-Haq, dalam sesuatu yang menguntungkan dan merugikan kamu, dalam sesuatu yang terhormat dan terhina, dalam kaya dan miskin, dalam sihat atau sakit, dalam sesuatu yang kamu cintai dan yang kamu benci.

Wahai kaumku...! Jadilah kamu sebagai pengikut, sehingga engkau diikuti. Jadilah kamu sebagai pelayan, sehingga kamu dilayani. Ikutilah keutamaan dan beberapa ketentuan dan layanilah ia, sehingga ia mengikut dan melayanimu. Berhina dirilah kamu kepadanya, sehingga mereka menghinakan diri kepadamu. Tidakkah kamu mendengar ungkapan yang berbunyi:

كَمَا تُدِيْنُ تُدَانُ - كَمَا تَكُوْنُ يُوَلَّ عَلَيْكُمْ.

Ertinya:
"Sebagaimana kamu berhutang, maka kamu pun dihutangi. Sebagaimana kamu ada, maka kamu pun diperhatikan."

Semua amalanmu adalah pekerjamu, sementara al-Haq bukanlah Zat yang menganiayai hamba-hamba-Nya yang beribadah kepada-Nya. Dia membalasi amal yang sedikit dengan ganjaran yang banyak. Orang yang benar tidak dinamakan-Nya dengan orang perosak, dan orang yang jujur tidak dinamakan-Nya dengan orang dusta.

Wahai hamba...! Jika kamu melayani, maka kamu akan dilayani. Jika kamu bersetuju, maka kamu akan disetujui. Layanilah al-Haq dan jangan lupa terhadap-Nya, sehingga kamu menjadi jauh daripadanya dengan melayani para raja yang sedikit pun tidak akan mendatangkan mudarat dan manfaat kepadamu. Apakah para raja atau sultan itu mampu memberikan kepadamu sesuatu yang tidak menjadi bahagianmu...? Atau, apakah para raja dan sultan itu mampu untuk memberikan kepadamu sesuatu yang tidak diberikan oleh al-Haq kepadamu...? Ingatlah, bahawa tiada suatu apapun yang bermula daripada mereka. Jika engkau mengatakan

bahawa pemberian mereka itu bersumber dari sisi mereka, maka engkau telah menjadi manusia yang mengingkari Allah (kufur). Bukankah kamu sudah tahu, bahawa tiada yang mampu memberi, mencegah, merugikan, mendatang manfaat, mendahulukan, mengkemudiankan dan sebagainya selain daripada Allah...?

Jika kamu mengatakan bahawa kamu mengetahui hal itu. Maka aku katakan kepadamu: "Bagaimana kamu mengetahui hal ini semua, sedangkan kamu mendahulukan yang lain selain daripada-Nya..? Mengapa kamu merosakkan kehidupan akhiratmu dengan duniamu...? Mengapa kamu merosakkan ketaatan kepada Allah al-Haq dengan ketaatan kepada nafsu, hawamu, syaitanmu dan ketaatanmu kepada manusia...? Mengapa kamu merosak takwamu dengan mengadukan urusanmu kepada selain-Nya...? Bukankah kamu tahu, bahawa Allah akan memelihara orang-orang yang bertakwa dan menolong mereka...? Menolak segala sesuatu yang merugikan mereka, memberi pengajaran kepada mereka, menjelaskan kepada mereka tentang jiwa mereka, memegang tangan mereka dan menyelamatkan mereka daripada segala sesuatu yang tidak mereka sukai...? Dia melihat hati mereka dan memberi rezeki kepada mereka tanpa mereka sangka-sangka. Allah berfirman dalam sebahagian kitab-Nya:

يَا ابْنَ ءَادَمَ اسْتَحْيِ مِنِّيْ كَمَا تَسْتَحْيِيْ مِنْ جَارِكَ الصَّالِحِ

Ertinya:
"Wahai anak Adam...! Malulah kamu kepada-Ku, sebagaimana kamu malu kepada jiranmu yang soleh."(14)

Sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

إِذَا أَغْلَقَ الْعَبْدُ أَبْوَابَهُ وَأَرْخَى أَسْتَارَهُ وَأَخْتَفَى مِنَ الْخَلْقِ وَخَلَا بِمَعَاصِي اللهِ عَزَّوَجَلَّ، يَقُوْلُ عَزَّوَجَلَّ، يَقُوْلُ عَزَّوَجَلَّ: يَا ابْنَ ءَادَمَ جَعَلْتَنِيْ أَهْوَنَ النَّاظِرِيْنَ إِلَيْكَ.

Ertinya:
"Jika seseorang hamba mengunci semua pintunya, menutupkan semua tirainya, bersembunyi daripada manusia, dan bersunyi-sunyi

14. Kami belum menemui sumber Kalam Ilahi ini. Besar kemungkinan ia adalah hadis qudsi, bagaimanapun sanad dan perawinya tidak terdapat dalam kitab asal (Penterjemah).

dengan kemaksiatan kepada Allah 'Azza Wa Jalla. Maka Allah 'Azza Wa Jalla berfirman: "Wahai anak Adam, kamu jadikan Aku sehina-sehina yang melihat kepada dirimu."

Majlis 10

Tidak Ada Yang Memberatkan Bagi Orang Yang Bertakwa

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad pagi, 24 Syawal, 545H.

DIRIWAYATKAN bahawa baginda Rasulullah s.a.w. bersabda yang berbunyi:

أَنَا وَالأَتْقِيَاءُ مِنْ أُمَّتِي بَرَآءٌ مِنَ التَّكَلُّفِ.

Ertinya:
"Aku dan orang-orang bertakwa di kalangan umatku, terlepas daripada sesuatu yang membebankan."

Ketakwaan tidak memberatkan diri seorang untuk melakukan ibadah kepada Allah, kerana melakukan amal itu sudah menjadi watak mereka. Orang yang bertakwa kepada Allah akan melakukan ibadah secara zahiriyah dan batiniyah tanpa merasa berat melakukannya. Manakala orang munafik, dalam semua hal dan perilakunya, mereka akan merasa sebagai sesuatu beban yang menyusahkan diri mereka dalam melakukan ibadah kepada Allah. Mereka memberatkannya dalam zahir, namun secara batinnya mereka meninggalkan ibadah itu. Mereka tidak mampu untuk merintis jalan sebagaimana yang sudah dilakukan oleh golongan muttaqin atau orang-orang bertakwa. Bagi setiap tempat ada pembicaraan, bagi setiap pekerjaan ada pelakunya, dan untuk suatu peranan, lelaki diciptakan.

Hai orang-orang munafik...! Bertaubatlah kamu daripada kemunafikan kamu dan kembalilah kamu daripada pelarianmu. Bagaimana kamu meninggalkan-Nya sedangkan syaitan menertawakanmu dan menenggelamkan engkau di dalam kemunafikanmu...? Jika engkau melakukan solat dan puasa, maka semuanya itu engkau lakukan kerana manusia, bukan kerana Allah al-Haq. Demikian juga ketika engkau bersedekah, zakat dan haji. Kamu adalah golongan manusia sebagaimana yang disentuh oleh al-Haq dalam firman-Nya, yang berbunyi:

عَامِلَةٌ نَّاصِبَةٌ ﴿٣﴾ تَصْلَىٰ نَارًا حَامِيَةً ﴿٤﴾

Ertinya:
"Bekerja keras lagi kepayahan, memasuki api yang sangat panas (neraka)."

(Al-Ghasyiyah: 3-4)

Apabila kamu tidak segera memperbaiki diri dengan bertaubat serta meneliti semua kesalahanmu, maka hendaklah engkau bersedia untuk ittiba' (mengikut sunnah Rasul) tanpa mengikut dan melakukan perbuatan bid'ah. Jagalah olehmu mazhab salaf al-Solehin. Berjalanlah kamu di atas jalan yang lurus, jalan yang tiada keraguan dan kebimbangan padanya, bukan jalan yang penuh hawa nafsu. Oleh yang demikian, hendaklah engkau mengikut Rasulullah s.a.w., tanpa memberatkan diri dan rasa diberati dalam melakukannya, tanpa dicampuri oleh keinginan naluriyahmu, tanpa kepayahan, tanpa mengukurnya dengan akalmu. Dengan demikian, jiwamu akan dipenuhi dengan apa yang memenuhi orang-orang sebelum kamu.

Celakalah kamu...! Kamu membaca dan menghafal al-Quran, tetapi kamu tidak mengamalkannya. Kamu menghafal sunnah Rasulullah s.a.w. tetapi segala peraturan yang disampaikannya engkau ketepikan. Lantas, untuk apa kamu lakukan semuanya itu...? Engkau menyuruh manusia melakukan kebaikan sedangkan engkau sendiri tidak melakukannya. Engkau mencegah manusia daripada melakukan kemungkaran tetapi engkau tidak mencegah dirimu sendiri daripadanya. Ingatlah akan firman Allah yang berbunyi:

كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُوا۟ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾

Ertinya:
"Sebesar-besar kebencan di sisi Allah, ialah bahawa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan."

(As-Shaf: 3)

Mengapa engkau sanggup mengatakannya sedangkan engkau tidak melakukannya...? Tidakkah engkau malu mengatakan, bahawa engkau adalah orang beriman sedangkan pada hakikatnya engkau tidak beriman...? Iman adalah manifestasi daripada ketabahan mengadapi malapetaka, iman merupakan kesabaran memikul semua beban dan dalam melaksanakan kewajipan. Iman adalah penangkis dan pembunuh semua bentuk kemaksiatan dan kemungkaran. Iman membuat mulianya isi dunia dan segala sesuatu yang ada padanya. Iman menjadi mulia kerana zat al-Haq semata-mata. Sementara hawa dan nafsu itu menjadi mulia kerana syaitan dan beberapa tujuan kemaksiatan.

Barangsiapa yang tertutup dari pintu Allah, maka ia akan bersimpuh di pintu-pintu makhluk. Barangsiapa yang mensia-siakan jalan Allah dan tersesat daripadanya, maka ia akan duduk dan tersungkur di jalan makhluk. Bagaimanapun, barangsiapa yang dikehendaki oleh Allah dengan kebaikan, maka Dia akan mengunci semua pintu manusia daripadanya demi dzat-Nya dan diputuskan-Nya semua pemberian manusia kepadanya, sehingga dengan itu ia akan kembali ke pangkuan Allah, memindahkannya daripada pengkhianatan kepada kejujuran, daripada sesuatu yang tidak berharga kepada sesuatu yang berharga.

Celakalah engkau...! Engkau bergembira tanpa bekerja di pagi hari musim hujan, sementara dalam waktu dekat akan datang musim kemarau yang akan menyerap dan mengeringkan semua simpanan airmu, maka kamu akan mati di tempatmu, walaupun engkau berada di tepi sungai, kerana kemarau telah memutuskan airnya, sementara di musim hujan, airnya akan bertambah dan semakin banyak.

Hendaklah engkau sentiasa bersama al-Haq, nescaya engkau akan kaya, terhormat, pemimpin atau amir yang diberi perintah dan diberi hidayah. Barangsiapa yang mengayakan dirinya bersama Allah, maka akan memadailah baginya segala sesuatu yang ada di sisi-Nya. Namun semuanya ini tidak akan wujud hanya dengan khayalan atau angan-angan, melainkan ia akan wujud dan menetap di dalam dada dan dinyatakan melalui suatu tindakan.

Wahai hamba...! Hendaklah kebisuan itu menjadi perilakumu, kasih sayang menjadi pakaianmu, lari daripada manusia menjadi kesimpulan tujuan hidupmu. Jika kamu mampu untuk mengorek bumi, kemudian kamu bersembunyi di dalam lubang itu, maka lakukanlah. Jadikanlah semuanya ini sebagai perilakumu hingga imanmu berkembang, tiang keyakinanmu sudah berdiri dengan kukuhnya, sayap kejujuranmu telah tumbuh bulunya, dua mata hatimu telah terbuka. Maka engkau akan mengangkat tanah kediamanmu dan menerbangkannya ke angkasa Ilmu Allah. Kamu mengelilingi timur dan barat, laut dan darat, lembah yang curam dan gunung-ganang yang menjulang tinggi, mengelilingi tujuh lapis petala langit dan tujuh lapis petala bumi, sementara engkau bersama pemandu atau penunjuk jalan yang dan penjaga yang sentiasa untuk menemani dan menolongmu.

Pada ketika ini, lancarlah lidahmu untuk berkata-kata. Tanggalkanlah baju kelemahanmu dan janganlah engkau menjauhkan diri daripada manusia, ke luarlah engkau daripada persembunyianmu dan kembalilah kepada manusia, kerana engkau adalah pemberi ubat kepada mereka tanpa membahayakan dirimu sendiri. Janganlah engkau pedulikan, sama ada mereka banyak atau sedikit, janganlah engkau hiraukan sama ada mereka menghadap kepadamu atau berpaling daripadamu, jangan engkau terpengaruh oleh pujian dan celaan mereka, janganlah engkau pedulikan di mana engkau akan jatuh dan ditemui, kerana kini engkau telah bersama al-Haq.

Wahai kaumku...! Kenalilah Pencipta semua ini dan beradablah kamu di hadapan-Nya. Selama hatimu masih berjauhan dengan-Nya, bermakna engkau tidak beradab kepada-Nya. Sebaliknya jika engkau dekat kepada-Nya, bermakna engkau telah melakukan adab sopan dengan baik terhadap-Nya. Tak ubahnya bagaikan para khadam atau pelayan raja yang bising di depan pintu sebelum raja menaiki kenderaannya. Apabila raja sudah menaiki kenderaannya, maka semua mereka akan membisu dan mereka menunjukkan adab dan kesopanan yang luhur kerana ketika itu mereka berhadapan dengan raja.

Orang-orang yang semacam ini hendaknya dilarikan ke sudut-sudut kediaman. Mereka adalah pencari muka kepada manusia, dan sikap ini adalah menjadi sikap orang yang berpaling daripada Allah.

Tiada kebahagiaan bagimu sehingga engkau meninggalkan semua

sikap itu, memutuskan sebab dan membuang pandangan bahawa seorang manusia akan memberi manfaat atau mudarat kepadamu. Sesungguhnya engkau merupakan seorang yang sakit dalam kesihatanmu, orang yang miskin dalam kekayaanmu, orang yang mati dalam kehidupanmu, orang yang kekurangan dalam keberadaanmu. Sejauh manakah pemalingan dan pelarianmu daripada Allah ini...? Sampai bilakah kamu hendak menyemarakkan dunia dan menghancurkan akhirat...? Sudah semestinya, setiap manusia itu hanya mempunyai sekeping hati. Oleh itu, bagaimana pula dalam masa yang sama seseorang itu boleh melakukan dua cinta, iaitu cinta kepada dunia dan cinta kepada akhirat. Bagaimana pula manusia boleh mengarahkan kecenderungannya kepada makhluk dan Khaliq dalam masa yang sama pula...? Bagaimana ini semuanya boleh tercapai dalam satu kesempatan di dalam hati yang hanya satu...? Ini merupakan kedustaan. Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

اَلْكَذِبُ مُجَانِبُ الْإِيمَانِ.

Ertinya:
"Pembohongan itu menjauhkan iman...!"

(Hadis Marfu')

Setiap bekas akan membasahi apa yang ada di dalamnya. Amalan yang engkau lakukan akan menunjukkan i'tiqad yang engkau miliki, sementara zahirmu menunjukkan batinmu. Oleh yang demikian, sebahagian ulama mengatakan, bahawa "yang zahir menunjukkan yang batin." Batinmu sangat nyata bagi Allah dan dalam pandangan hamba-hamba-Nya yang khusus. Apabila engkau berkunjung kepada salah seorang daripada mereka, maka berkunjunglah engkau dengan sopan dan bertaubat daripada dosa-dosamu sebelum bertemu dengannya. Anggaplah dirimu kecil di hadapannya dan rendahkanlah dirimu kepadanya. Sikapmu yang merendahkan diri kepada orang-orang soleh, sama halnya dengan engkau merendahkan diri kepada Allah al-Haq. Rendahkanlah dirimu, kerana barangsiapa yang merendahkan dirinya akan diangkat darjatnya oleh Allah. Perbaikilah adab sopanmu di hadapan orang yang lebih tua daripada kamu, kerana Nabi s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

اَلْبَرَكَةُ فِى أَكَابِرِ كُمْ.

Ertinya:
"Keberkatan itu ada di tangan orang-orang yang lebih tua daripada

kamu."

(Hadis ini adalah Sahih berdasarkan syarat Imam Bukhari)

Rasulullah s.a.w. tidak hanya menghendaki untuk memperkatakan tentang usia semata-mata, namun ketuaan itu baginda sandarkan kepada ketakwaan dalam melaksanakan semua suruhan dan menjauhi semua larangan, serta berpegang teguh kepada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya. Jika tidak demikian, maka betapa ramai orang tua yang tidak boleh dan tidak patut dihormati, tidak perlu memberi salam kepadanya, dan tidak ada keberkatan dalam memandangnya.

Orang tua yang dimaksudkan oleh baginda Rasulullah s.a.w. dalam sabda baginda di atas, ialah orang tua yang bertakwa, soleh, menjaga diri, mengamalkan semua ilmunya dan ikhlas di dalam semua amalnya. Orang tua yang hatinya sentiasa bermakrifat kepada Allah, mengetahui dan dekat kepada-Nya. Setiap hati yang masih mempunyai rasa cinta kepada dunia, maka ia akan terhalang dari Allah al-Haq, dan setiap hati yang mencintai akhirat, maka hati itu akan terhalang daripada Allah dalam ukuran tertentu. Sedalam mana kecintaannya kepada dunia maka sejauh itu pulalah akan berkurang rasa cintanya kepada akhirat. Selanjutnya sedalam mana kecintaannya kepada akhirat, maka sejauh itu pulalah berkurang rasa cintanya kepada Allah.

Ketahuilah kemampuanmu, janganlah kamu menempatkan dirimu pada suatu kedudukan yang tidak ditempatkan untukmu oleh Allah. Inilah yang menyebabkan sebahagian ulama berkata, katanya:

"Barangsiapa yang tidak mengenal kemampuannya, maka nasib yang diterimanyalah yang akan menunjukkan kemampuannya itu kepadanya."

Janganlah kamu duduk di tempat yang digunakan untuk berdiri. Jika engkau seorang tetamu kepada sebuah rumah, maka janganlah engkau duduk di tempat yang tidak dipersilakan oleh pemilik rumah tersebut. Kerana kedudukan di situ bukan atas kuasamu. Oleh itu, jika engkau enggan mengikut kehendak tuan rumah tersebut, maka engkau akan disuruh berdiri, dihinakan atau akan diusir dari rumah tersebut.

Wahai hamba...! Engkau telah membuang masamu dengan menulis dan menghafal ilmu, namun engkau tidak mengamalkannya. Dengan demikian, apakah yang akan memberi manfaat kepadamu...? Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

يَقُوْلُ اللهُ عَزَّوَجَلَّ يَوْمَ الْقِيَمَةِ لِلْأَنْبِيَاءِ وَالْعُلَمَاءِ: أَنْتُمْ قُلْتُمْ رُعَاةُ الْخَلْقِ فَمَا صَنَعْتُمْ فِيْ رُعَايِكُمْ...؟ وَيَقُوْلُ لِلْمُلُوْكِ وَالْأَغْنِيَاءِ أَنْتُمْ كُنْتُمْ خُزَّانٌ كُنُوزِيْ هَلْ وَاصَلْتُمُ الْفُقَرَاءِ وَرَبَّيْتُمُ الْأَيْتَامِ وَاخْرَجْتُمْ مِنْهَا حَقِّى الَّذِيْ كَتَبْتُهُ عَلَيْكُمْ.

Ertinya:

"Pada hari kiamat kelak Allah 'Azza Wa Jalla berfirman kepada para Nabi dan para ulama, "Kamu adalah penggembala makhluk maka apakah yang kamu buat terhadap gembalaanmu...?" Dan Dia berfirman kepada para raja dan orang-orang kaya, "Kamu adalah benteng penyimpan harta-harta-Ku, Apakah kamu telah menyampaikannya kepada kaum fakir, apakah kamu memelihara anak yatim, dan apakah kamu telah mengeluarkan daripada harta-harta itu hak-hak-Ku yang telah diwajibkan ke atas kamu...?"

Wahai kaumku...! Ambillah pengajaran daripada nasihat- nasihat sabda Rasulullah s.a.w. dan terimalah sabda baginda, betapa kerasnya hati kamu...! Maha Suci Zat yang memberi kekuatan kepadaku dalam menghadapi kekerasan manusia.

Wahai munafik...! Celakalah kamu...! Kamu berharap agar aku keluar dari negeri ini. Aku tidak akan ke luar, walaupun sekiranya kamu bergerak untuk menggantikan permasalahan ini dan memisahkan semua anggota badanku dan mengubah semua perkataanku. Aku lebih takut kepada seksaan Allah di hari kemudian. Bukan kerana aku berpengalaman, tetapi aku mengetahui kemampuanku. Aku redha dan berserah diri kepada-Nya. Ya Allah...! Berilah aku keselamatan.

Celakalah engkau...! Engkau mentertawakan aku, pada hal aku berdiri di pintu Allah, menyeru makhluk kepada-Nya. Kelak, kamu akan melihat jawapan untukmu. Bangunlah satu depa ke atas dan seribu depa ke bawah bumi, maka engkau akan melihat wahai munafik azab Allah dan seksa-Nya di dunia dan di akhirat. Waktu ini selalu mengandungi sesuatu, kelak engkau akan melihat apa yang ada dalam kandungan waktu itu. Aku berada dalam kekuasaan Allah s.w.t. Suatu ketika Dia menjadikan aku besar seperti gunung, suatu ketika Dia menjadikan aku kecil sekecil proton atau neutron. Suatu ketika Dia menjadikan aku

sedahsyat samudera, suatu ketika Dia menjadikan aku bagaikan setitik air. Suatu ketika Dia menjadikan aku laksana mentari, namun pada ketika lain, Dia menjadikan aku kecil bagaikan pijar api atau cahaya kilat. Ia menggerakkanku sebagaimana berganti-nya siang dan malam. Allah berfirman, yang berbunyi:

كُلَّ يَوْمٍ هُوَ فِي شَأْنٍ ﴿٢٩﴾

Ertinya:
"Setiap waktu Dia berada dalam kesibukan."

(Ar-Rahman: 29)

Bahkan setiap detik, ketika ini untukmu dan pada saat yang lain pula untuk yang lain.

Wahai hamba...! Jika engkau menginginі agar dadamu lapang dan menghendaki agar hatimu bersih, maka janganlah engkau dengarkan apa yang diucapkan oleh makhluk, dan janganlah kamu menerima berita yang mereka sampaikan. Tidakkah kamu tahu, bahawa mereka itu tidak redha kepada Pencipta mereka, bagaimana mungkin mereka akan redha kepadamu...? Tidakkah kamu tahu, bahawa sebahagian mereka itu adalah manusia yang tidak berakal, tidak mempunyai basirah dan tidak beriman...? Tetapi mereka tidak mengakuinya.

Ikutilah kaum yang tidak memikirkan kecuali Allah dan tidak memandang selain Allah. Bersabarlah kamu atas penganiayaan makhluk terhadap dirimu kerana mencari redha Allah al-Haq. Bersabarlah kamu atas ujian yang diberikan kepadamu dengan berbagai macam bencana dan kesusahan. Inilah perilaku Allah al-Haq terhadap hamba-hamba-Nya yang terpilih dan merendahkan diri. Diputuskan-Nya mereka dari segala-galanya dan menguji mereka hamba-hamba pilihan-Nya itu dengan berbagai macam ujian dalam bentuk kesusahan, bencana dan bahaya. Disempitkan-Nya bagi mereka dunia dan akhirat, dan apa yang berada di bawah 'Arasy hingga ke bumi.

Dengan demikian, akan leburlah kewujudan mereka, kemudian mereka akan menemui al-Haq, tidak menemui yang lainnya. Ditegakkan-Nya mereka bersama-Nya, tidak bersama yang lain-Nya dan membangkitkan mereka sebagai makhluk yang lain. Allah Taala berfirman:

ثُمَّ أَنشَأْنَٰهُ خَلْقًا ءَاخَرَ ۚ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ أَحْسَنُ ٱلْخَٰلِقِينَ ﴿١٤﴾

Ertinya:
"Kemudian Kami jadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain, maka Maha Sucilah Allah, Pencipta yung paling baik."

(Al-Mukminun: 14)

Makhluk yang pertama itu adalah makhluk yang musytarak, yang mempunyai bentuk yang umum, sementara makhluk yang bangkit kedua kalinya ialah makhluk yang tersendiri, yang mempunyai bentuk khusus yang berbeza dengan saudaranya dan keturunan anak cucu Adam. Diubah-Nya pengertian yang ada pada bentuknya yang pertama dan menggantikannya sebagai hamba yang abid, yakni hamba yang rajin beribadah kepada Allah. Hatinya sempit untuk melihat makhluk, mengunci pintu hatinya daripada manusia. Baginya, dunia, akhirat, syurga, neraka, semua makhluk dan alam nyata ini merupakan sesuatu yang tunggal.

Kemudian semuanya itu diserahkannya kepada kekuasaan batinnya, maka ia menelannya tanpa penjelasan apapun. Ketika ini nyatalah kekuasaan Allah, sebagaimana ia nyata dalam tongkat Nabi Musa a.s. Maha Suci Allah, yang menampakkan kudrat-Nya pada sesuatu yang dikehendaki-Nya dan berada di tangan orang yang dikehendaki-Nya.

Tongkat Nabi Musa a.s. menelan tali ahli sihir Firaun yang menjadi ular dengan banyaknya dan benda-benda lainnya, namun perutnya tidak berubah. Allah berkehendak untuk mengajarkan kepada mereka bahawa segala semuanya ini merupakan kudrat, bukan suatu hikmah. Kerana segala sesuatu yang dilakukan oleh ahli sihir pada masa itu merupakan suatu pengetahuan dan ilmu teknik. Manakala yang nampak di dalam ular tongkat Nabi Musa a.s. adalah kudrat yang menyalahi kebiasaan dan suatu mukjizat. Oleh itu, seorang pemimpin ahli sihir Firaun tersebut berkata kepada temannya, katanya:

"Lihatlah Musa, sedang dalam keadaan bagaimanakah dia...?" Ujarnya.

"Ia benar-benar telah berubah warnanya, sementara tongkat itu telah melakukan pekerjaannya...!" Jawab temannya itu.

"Ini adalah perbuatan Allah, bukan pekerjaan tongkat itu dan bukan pula perbuatan Musa. Kerana seorang tukang sihir tidak akan takut kepada sihirnya, dan seorang pembuat tidak akan takut kepada buatannya...!"

Kata pemimpin ahli sihir tersebut lagi.

Kemudian mereka beriman kepada Nabi Musa a.s. dan diikuti oleh teman-temannya.

Wahai hamba...! Bilakah engkau akan berdiri dan melangkah daripada pengetahuan yang engkau miliki (hikmah) kepada kudrat al-Haq...? Bilakah engkau akan mempertemukan amalmu dengan pengetahuan kepada kudrat al-Haq...? Bilakah engkau akan menghantarkan keikhlasan di dalam amalmu menuju gerbang kedekatan (taqarrub) kepada al-Haq...? Bilakah engkau akan memperlihatkan matahari kemakrifatanmu dalam menghadapi dan mengetahui hati orang awam dan orang khusus...? Janganlah engkau menghindar dari al-Haq kerana ujian-Nya. Kerana Dia mengujimu adalah untuk mengetahui apakah engkau kembali kepada sebab dan kamu tinggalkan gerbang Ketuhanan, atau sebaliknya. Apakah engkau kembali ke sisi zahiryah atau ke sisi batiniyah, kepada sesuatu yang wajar atau kepada sesuatu yang tidak wajar, kepada sesuatu yang terlihat atau kepada sesuatu yang tidak terlihat...?

Ya Allah...! Janganlah Engkau menguji kami. Ya Allah...! Berilah kami rezeki untuk berdekatan dengan-Mu tanpa cubaan. Ya Allah...! Kami mohon kedekatan dan kelembutan. Kedekatan yang tiada kejauhan, dan tidak ada kemampuan bagi kami untuk menjauhi-Mu dan juga kami tidak mampu untuk menghadapi kerasnya ujian-Mu. Maka berilah kami rezeki dengan kedekatan daripada-Mu tanpa disertai api bahaya. Malahan, ya Tuhanku...! Jika akan ada dan kami perlu merempuh api bahaya itu, maka jadikanlah kami padanya bagaikan alas kaki yang tebal dan melekat di dalam api, sementara api itu tidak membahayakan dan tidak membakarnya.(15)

Jadikanlah ia bagi kami bagaikan api Nabi Ibrahim a.s. Khalil-Mu tumbuhkanlah rerumput di sekitar kami sebagaimana Engkau tumbuhkan di sekitarnya. Tenteramkanlah kami, lindungilah kami sebagaimana Engkau melindunginya, dan jagalah kami sebagaimana Engkau menjaganya. Amin...!

Nabi Ibrahim a.s. telah memperolehi teman sebelum baginda menemui jalannya, baginda telah memperolehi jiran sebelum baginda memperolehi rumahnya, baginda telah memperolehi ketenteraman sebelum ketakutan,

---

15. Ada juga yang mengertikannya dengan burung Samandar, sejenis burung di India, yang dikatakan bertelur dan beranak di atas api, tetapi api itu tidak membahayakan dan tidak pula membakarnya. (Penterjemah)

memperolehi redha sebelum qadha'. Belajarlah kamu daripada bapamu, Ibrahim a.s. Ikutilah dia dalam perkataan dan perbuatan.

Maha Suci Zat yang telah memberi kelembutan baginya dan mengasihinya di dalam lautan bahaya dan membebaninya untuk berenang di dalam lautan bahaya itu dan memberi baginda kekuatan bersama-Nya, Zat yang membebaninya untuk menghadapi musuh, sementara dia berada di atas kepala kuda, Zat yang membebaninya untuk mendaki suatu tempat yang tinggi, sementara tangannya berada di belakangnya, Zat yang membebaninya untuk menyeru manusia menuju hidangan-Nya dan nafkah dari sisi-Nya. Inilah kelembutan yang samar dan tersembunyi.

Wahai hamba...! Tetaplah engkau bersama Allah ketika datang kudrat dan perbuatan-Nya, sehingga engkau akan melihat kelembutan yang banyak daripada-Nya. Bukankah kamu telah mendengar cerita pelayan Jalinus yang bijaksana...? Bagaimana dia berpura-pura bisu, berpura-pura bodoh dan berpura-pura diam, sehingga dia mampu menghafal semua ilmu yang ada di sisinya. Hikmah daripada Allah tidak akan datang ke dalam hatimu, kerana banyaknya kicauan dan igauan serta penentanganmu kepada-Nya serta berpaling daripada-Nya.

Ya Allah...! Berilah kami rezeki untuk selalu mengikut perintahMu, dan jauhkanlah kami daripada menderhaka kepada Engkau, dan Allah berfirman:

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 11

Kenalilah Allah Melalui Ciptaan-Nya

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat pagi, 29 Syawal, 545H.

WAHAI kaumku...! Kenalilah Allah, dan janganlah kamu bersikap bodoh terhadap-Nya. Taatilah Allah, dan janganlah kamu menderhaka kepada-Nya. Ikutilah Allah, dan janganlah kamu menentang-Nya. Redhalah dengan semua keputusan-Nya, dan janganlah kamu mempersoalkannya.

Kenalilah Allah melaui ciptaan-Nya. Dia adalah Zat Maha Pencipta, Zat Maha Pemberi rezeki. Dialah Yang Awal tanpa permulaan dan Dialah Yang Akhir tanpa kesudahan. Dialah Yang Zahir dan Dialah Yang Batin. Dialah Yang Qadim (tanpa permulaan) dan Dialah Yang Kekal Abadi, dan Dialah Yang Melakukan apa yang dikehendaki-Nya.

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

Ertinya:
"Dia tidak ditanya tentang cara yang dilakukan-Nya, dan merekalah yang akan ditanya."

(Al-Anbiya': 23)

Dialah yang memberikan kekayaan dan kemiskinan. Dialah yang memberi manfaat dan mudarat, yang menghidupkan dan mematikan, yang memberi seksaan dan pengampunan, yang ditakuti dan yang harapkan.

Takutlah kamu kepada-Nya dan janganlah kamu takut kepada

selain-Nya. Berharaplah kamu kepada-Nya dan janganlah engkau berharap kepada selain-Nya. Bergeraklah kamu bersama kudrat dan hikmah-Nya, kecuali jika kudrat itu mengalahkan hikmah yang ada. Beradablah kamu bersama hitam dan putih, hingga kamu sampai kepada apa yang menghalang di antara kamu dengan-Nya. Dengan demikian, maka kamu akan terpelihara daripada melampaui batas-batas syariah yang telah ditunjukkan kepadamu secara maknawi, bukan secara betuk, secara hakikat bukan secara nyata.

Bagaimanapun, tidak akan mampu mencapai maqam ini, melainkan oleh orang-orang soleh. Kami tidak mempunyai kepentingan yang berada di luar lingkaran syarak. Tidak ada yang mengetahui semua ini, kecuali mereka yang telah memasukinya. Sedangkan hanya dengan penggambaran semata-mata, kamu tidak akan mampu mengetahuinya. Jadilah kamu dalam semua urusanmu orang yang berpegang teguh kepada Rasulullah s.a.w., bernaung di bawah perintah dan larangannya, mengikutnya hingga kamu menerima panggilan daripada makhluk yang diberi kuasa untuk menghadap-Nya.

Pada ketika ini, mintalah izin kepada Rasulullah s.a.w., dan masuklah kamu ke jalan-Nya. Sudah semestinyalah seorang wali itu disebut dengan Abdal, kerana mereka tidak menghendaki sesuatu kehendak bersama dengan al-Haq, dan tidak mempunyai suatu pilihan yang sama dengan pilihan-Nya. Mereka menetapkan suatu hukum berdasarkan hukum-hukum yang nyata dan mengamalkan amalan-amalan zahir.

Kemudian secara bertahap mereka menyendiri mengamalkan amalan yang khusus bagi mereka. Sejalan dengan semakin naiknya darjat dan kedudukan mereka, bertambah pula perintah dan larangan mereka, hingga kemudian mereka mencapai suatu kedudukan (maqam) di mana tiada lagi perintah ataupun larangan. Manakala beberapa perintah sya'riyyah telah dilaksanakan di dalamnya dan disandarkan kepada mereka, sementara mereka berada di datam tempat khalwat mereka.

Tidak henti-hentinya mereka menyendiri (khalwat) bersama Allah, mereka hadir pada waktu datangnya perintah dan larangan, mereka terjaga di dalamnya sehingga mereka tidak ke luar dari batas-batas sya'riyyah. Kerana meninggalkan ibadah- ibadah yang wajib, bermakna seseorang itu telah jatuh kepada zindiq, dan melakukan sesuatu larangan, bermakna seseorang itu menderhaka. Tidak ada kewajipan yang gugur

dari seseorang, walau dalam keadaan bagaimana juapun dia, atau apa pun tahap dan maqamnya.

Wahai hamba...! Beramallah kamu dengan hukum dan ilmu-Nya, janganlah kamu ke luar dari ketentuan-Nya. Janganlah kamu lupakan perjanjian dengan-Nya, dan perangilah nafsumu, hawamu, syaitanmu, perangai dan duniamu. Janganlah kamu putus asa daripada pertolongan Allah, kerana sesungguhnya pertolongan Allah itu akan datang kepadamu bersama keteguhan hatimu. Allah berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٥٣﴾

Ertinya:
"Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar."

(Al-Baqarah: 153)

Dan firman-Nya lagi, yang berbunyi:

فَإِنَّ حِزْبَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿٥٦﴾

Ertinya:
"Maka sesungguhnya pengikut (agama) Allah itulah yang pasti menang."

(Al-Maidah: 56)

Dan firman-Nya lagi, yang berbunyi:

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُواْ فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ ...

Ertinya:
"Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keredhaan). Nescaya Kami akan tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami."

(Al-Ankabut: 69)

Tahanlah lidahmu ketika engkau mengadukan halmu kepada manusia. Jadilah engkau sebagai jurubicara Allah untuk dirimu dan untuk semua manusia. Memerintah mereka untuk melakukan ketaatan dan mencegah mereka dari kederhakaan. Cegahlah mereka dari kesesatan, bid'ah, mengikut dorongan hawa dan tunduk kepada kehendak nafsu, kemudian hendaklah engkau suruh mereka mengikut kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya.

Wahai kaumku...! Muliakanlah kitab Allah dan beradablah kamu dengan adab-adab al-Quran, al-Quran adalah perantara antara kamu dengan Allah. Janganlah kamu menganggapnya sebagai makhluk, kerana Allah berfirman: "Inilah firman-Ku...!" Apakah engkau akan mengatakan: "Tidak...?"

Barangsiapa yang menolak Allah dan menjadikan al-Quran sebagai makhluk, maka ia telah kufur kepada Allah dan al-Quran pun berlepas diri daripada-Nya. Inilah al-Quran yang diikuti, dibaca, didengar dan diamati. Semua yang termaktub di dalam-nya adalah firman Allah Taala. Imam Syafi'i dan Imam Ahmad berkata:

"Qalam ini memang makhluk, sementara yang tertulis dengannya itu bukan makhluk. Hati itu adalah makhluk, manakah yang tersimpan di dalamnya (al-Quran) yang dihafal) bukan makhluk."

Wahai kaumku...! Ambillah nasihat dari al-Quran itu dengan mengamalkannya, bukan dengan mendiskusikan, memperdebatkan atau membincangkannya. Suatu keyakinan atau i'tfqad hanya tadiri daripada beberapa patah perkataan saja, tetapi hasil pengamalannya akan sentiasa mengalir. Hendaklah kamu beriman kepadanya, benarkanlah ia di dalam hati kamu, amalkanlah dengan semua anggota badanmu, sibukkanlah dirimu dengan apa yang memberi manfaat bagimu, dan janganlah kamu berpaling kepada memikirkan duniawi yang rendah nilainya.

Wahai kaumku...! Apa yang dinukilkan dari kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya tidak dapat disimpulkan dengan akal, suatu nash tidak dapat ditinggalkan kerana adanya qiyas. Janganlah kamu meninggalkan saksi dan hanya berpijak kepada dakwaan. Harta seorang manusia tidak dapat dipedomani hanya dengan dakwaan tanpa suatu bukti. Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَوْ أُخِذَ النَّاسُ بِدَعَاوِيهِمْ لَادَّعَى قَوْمٌ دِمَاءَ قَوْمٍ وَأَمْوَالَـهُمْ لَكِنَّ الْبَيِّنَةَ عَلَى الْـمُدَّعِي وَالْيَمِيْنَ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ.

Ertinya:
"Seandainya seorang manusia itu dapat dihukum dengan mendakwa mereka, nescaya suatu kaum akan menuntut hutang darah kaum yang lain beserta harta mereka. Akan tetapi, bukti adalah suatu kewajipan bagi orang yang menuduh, dan sumpah adalah bagi orang

yang menyangkalnya."

(Hadis Hasan, riwayat al-Baihaqi 252 (10)

Lidah yang pandai berkata-kata itu tiada manfaatnya, jika hati bodoh. Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَخْوَفُ مَنْ اَخَافُ عَلَى أُمَّتِى مِنْ مُنَافِقٍ سَلِيْمِ اللِّسَانِ.

Ertinya:

"Yang paling aku takuti atas umatku, adalah orang munafik yang pintar berkata-kata."

(Hadis Marfu' dan Mauquf)

Wahai para ulama...! Wahai orang-orang yang bodoh...! Wahai orang-orang yang hadir...! Wahai orang-orang yang ghaib...! Malulah kamu kepada Allah. Lihatlah Allah dengan hatimu. Merendah dirilah kamu kepada-Nya. Letakkanlah dirimu di bawah naungan kekuasaan-Nya, dan tetaplah di situ dengan mensyukuri nikmat-Nya. Tembusilah kegelapan dengan sinar ketaatan kepada-Nya. Jika semuanya itu telah engkau laksanakan, akan datanglah kepadamu karamah Allah s.w.t. dan keperkasaan-Nya, di dunia dan di akhirat.

Wahai hamba...! Bersungguh-sungguhlah engkau meraih cinta dan mencintai Allah, sehingga tidak tinggal satupun di alam ini yang engkau cintai. Apabila hal ini telah sempurna dalam dirimu, maka nafsumu tidak akan tinggal bersamamu, meskipun hanya sebentar. Jika engkau terlupa, maka ia akan mengingatkan engkau, jika engkau lalai, maka ia akan menyedarkan engkau. Dia tidak akan meninggalkan engkau, kerana engkau melihat kepada selain al-Haq secara menyeluruh. Barangsiapa yang telah merasakan peringkat ini, maka bermakna ia telah mengenal-Nya. Peringkat ini merupakan tahap khusus bagi seorang manusia, yang tidak merasa tenang bersama makhluk, kecuali hanya bersama Khaliq.

Wahai munafik...! Bencana dan ujian itu sentiasa menduduki di dalam hatimu. Apabila suatu kaum melihat dengan mata hatinya kepada selain Allah, bererti kaum itu telah memberikan kepercayaan tentang keselamatan mereka kepada makhluk, mencampakkan diri mereka kepadanya. Bersamaan dengan itu mereka membuta di belakang-Nya dan telah menutup mulut untuk berpaling daripada-Nya. Maka bergantilah siang dengan malam, bulan dan tahun, sedangkan mereka tetap berada dalam kejumudan, tidak berubah dan bergerak bersama Allah.

Orang-orang yang paling baik dari makhluk Allah s.w.t. seandainya kamu melihat mereka, maka kamu akan berkata: "Orang-orang yang selamat...!" Dan sekiranya mereka melihat kepada kamu, maka mereka akan berkata: "Bagaimana mereka akan selamat di hari amat...?" Hati mereka sedih dan gusar di hadapan Allah, dan mereka sentiasa takut dan gementar. Ketika terbuka tirai keagungan dan kemuliaan-Nya kepada hati mereka, maka bertambahlah rasa takut di dalam hati mereka, sehingga hati mereka hampir jatuh dan otot-otot mereka hampir terpisah.

Ketika sebahagian mereka melihat hal itu, maka terbukalah pintu rahmat-Nya keindahan dan kelembutan-Nya, sementara harapan sentiasa berada di dalam diri mereka, maka mereka tenang dengan apa yang ada pada mereka.

Tidak ada suatupun yang lebih aku sukai, selain daripada orang yang mencari akhirat dan menuntut Allah. Aku tidak suka beramal dengan manusia-manusia yang memburu dunia, manusia, dan hawa nafsunya. Malahan aku lebih suka mengubati mereka, kerana sesungguhnya mereka itu sedang sakit, dan tidak ada yang mampu mengubati orang-orang yang sakit, kecuali tabib.

Celakalah engkau...! Kamu sembunyikan persoalan dan urusanmu daripadaku, padahal hal itu tidak tersembunyi bagiku. Kamu perlihatkan kepadaku, bahawa kamu adalah pencari akhirat, sedangkan pada hakikatnya kamu adalah pemburu dunia. Kebodohan yang bersemayam di dalam hatimu itu tertulis di dahimu, manakala rahsiamu terbayang pada jasad lahirmu. Wang dinar yang berada di tanganmu itu adalah palsu, kerana enam dirham saja di antaranya yang emas, sedangkan selebihnya adalah perak. Janganlah kamu memberikan yang palsu kepadaku, kerana aku pernah melihat yang lebih banyak daripada itu. Serahkanlah dinar itu kepadaku menurut apa adanya, agar aku lebur dan aku pisahkan mana yang emas dan membuang selebihnya. Ketahuilah olehmu, bahawa yang sedikit itu lebih baik dan lebih berharga daripada sesuatu yang banyak, tetapi buruk.

Tempahlah dinarmu kepadaku, kerana aku adalah seorang pencetak dan aku mempunyai alat untuk itu. Bertaubatlah kamu daripada sikap riya' dan munafik, dan janganlah kamu malu untuk mengakuinya atas dirimu sendiri. Adalah merupakan suatu kebiasaan, bahawa orang-orang yang ikhlas itu dahulunya adalah seorang munafik. Oleh yang demikian,

maka sebahagian ulama berkata:

"Tidak akan pernah mengenal keikhlasan, kecuali orang- orang yang pernah bersikap riya'."

Adalah merupakan sesuatu yang amat jarang sekali berlaku, bahawa seseorang itu ikhlas semenjak dari awal kehidupannya hingga nyawanya berpisah dengan badannya. Hal ini boleh kita umpamakan kepada kanak-kanak. Pada awalnya mereka berdusta, bermain-main dengan debu dan najis, menceburkan diri mereka di dalam kerosakan, mencuri harta ayah dan ibu mereka dan mereka suka mengadu. Setiap kali akal meresap ke dalam jiwa mereka, maka mereka akan meninggalkan sikap dan sifat itu sedikit demi sedikit, mereka mendapat pengajaran daripada ibu, ayah dan para guru mereka.

Barangsiapa yang dikehendaki oleh Allah untuk menjadi baik, maka Dia akan mengajarkan sopan santun kepadanya, sehingga hamba itu meninggalkan segala perbuatan yang merugikan dirinya. Sebaliknya, barangsiapa yang dikehendaki oleh Allah untuk menjadi buruk, maka ia akan hidup atas apa yang merugikannya, hingga binasalah dia di dunia dan di akhirat.

Allah Taala menurunkan penyakit dan juga menurunkan ubatnya, iaitu:

Maksiat adalah penyakit dan ketaatan adalah ubatnya. Kezaliman adalah penyakit dan keadilan adalah ubatnya. Kekeliruan adalah penyakit dan kebenaran adalah ubatnya. Menentang Allah adalah penyakit dan bertaubat daripada dosa yang memabukkan adalah ubatnya.

Ubat itu akan berkesan dengan sempurnanya bagimu, apabila kamu memisahkan makhluk dengan hatimu dan kamu menghubungkan hatimu dengan Allah dan mengangkat hati itu kepada Allah, sehingga hatimu itu berada di langit, sedangkan roh dan rumahmu berada di bumi.

Menyendirilah dengan hatimu bersama Allah dengan apa yang engkau ketahui. Dan bergaullah engkau dengan manusia dalam melakukan sesuatu pekerjaan berdasarkan hukum. Janganlah kamu menyalahi mereka dalam perlakuan itu, sehingga mereka dan hukum itu tidak memiliki terhadapmu.

Menyendirilah engkau bersama Allah dengan batinmu, dan bergaullah engkau bersama makhluk dengan lahirmu. Janganlah engkau memberi peluang kepada nafsumu. Jika engkau mampu, maka engkau akan

mengendalikannya, jika tidak nafsumu itu akan mengendalikan kamu. Jika engkau mampu, maka engkau dapat melemparkannya, jika tidak nafsumu itu akan melemparkan engkau. Jika engkau tidak mengajarkan ketaatan kepadanya dalam apa yang dikehendaki untuk taat kepada Allah, maka nafsu itu akan mengendalian engkau dengan cemeti kelaparan, kehausan, kehinaan, telanjang dan bersunyi-sunyi di suatu tempat yang tidak ada ketenteraman padanya daripada manusia.

Janganlah kamu dekatkan cemeti ini kepadanya, sehingga ia merasa tenang dan patuh kepada Allah dalam segala keadaan. Jika ia sudah tenang, maka tidaklah akan tercela akibat yang timbul antara engkau dan dia. Bukankah ketika engkau melakukan perbuatan begini dan begitu, ia selalu ada bersamamu...? Sudah semestinya ia menjadi pembantu terhadap semua ini dengan mencari kehendak Allah, taat kepada-Nya dan meninggalkan kederhakaan atau kemaksiatan kepada-Nya. Sehingga antara zahir dan batinmu menjadi satu, saling bersesuaian tanpa adanya pertelingkahan, sama-sama taat tanpa adanya kederhakaan, sama-sama melahirkan rasa syukur tanpa adanya kekufuran, sama-sama ingat tanpa adanya kelupaan, sama-sama baik tanpa adanya keburukan.

Tidak akan ada kebahagiaan di hatimu, apabila di sana bersemayam sesuatu selain daripada Allah, bahkan seandainya engkau melakukan sujud selama seribu tahun di atas bara api sementara engkau menghadapkan hatimu kepada selain Allah, maka hal itu tidak akan bermanfaat bagimu. Tidak ada akibat yang bermanfaat bagi hati, sementara dalam masa yang sama ia mencintai selain daripada Allah. Tidak ada keuntungan dengan cintanya itu sehingga ia melenyapkan semuanya, selain daripada-Nya.

Apakah akan bermanfaat bagimu menampakkan kezuhudan dalam segala sesuatu, sedangkan hatimu tidak menghadap kepadanya dengan sepenuhnya...? Bukankah kamu tahu, bahawa Allah mengetahui apa yang tersembunyi di dalam dada semua manusia di alam raya ini...? Apakah engkau tidak malu, dengan lidahmu engkau mengatakan bahawa engkau tawakkal kepada Allah, sedangkan dalam hatimu engkau berkata lain...?

Wahai hamba...! Janganlah engkau tertipu dengan kemurahan Allah kepadamu, kerana kemurkaan-Nya amat keras sekali. Janganlah engkau tertipu oleh ulama yang bodoh tentang Allah al-Haq, semuanya ilmu mereka itu merugikan mereka, tidak menguntungkan mereka sedikit pun. Mereka adalah orang yang hanya pandai dengan hukum-hukum

Allah, sedangkan mereka tidak mengerti tentang Allah sendiri. Mereka menyuruh manusia dengan suatu suruhan, sedangkan mereka tidak melakukannya. Mereka mencegah manusia daripada sesuatu, tetapi mereka sendiri melakukannya. Mereka menyuruh manusia bersimpuh di hadapan al-Haq, sedangkan mereka menjauhkan diri daripada-Nya.

Ya Allah...! Terimalah taubat kami dan taubat mereka. Berikanlah kami kepada NabiMu, Muhammad s.a.w. dan kepada bapa kami Ibrahim Khalil-Mu.

Ya Allah...! Janganlah engkau kuasakan sebahagian kami atas sebahagian yang lain, dan jadikanlah kemanfaatan sebahagian kami atas sebahagian yang lain, serta masukkanlah kami semuanya ke dalam rahmat-Mu. Amin...!

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 12

Jangan Mengharap Kepada Selain Allah

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad pagi, 2 Zulkaedah, 545H.

WAHAI hamba...? Tidaklah benar harapanmu kepada Allah al-Haq, sementara engkau tidak mengharap kepada-Nya. Kerana orang yang mengaku berharap kepada Allah itu, dan dalam masa yang sama ia mencari yang lain selain daripada-Nya, maka batallah pengakuannya itu.

Orang-orang yang mencintai dunia sangat ramai sekali, sementara orang-orang yang mencintai akhirat hanya sedikit bilangannya dan orang-orang yang mencintai al-Haq adalah sedikit daripada yang sedikit, bagaikan permata delima merah, bahkan mereka dipandang sebagai kelompok individu yang ganjil dan jarang ditemui, sehingga dari sekian banyak manusia ini hanya akan ditemukan seorang saja yang demikian, manakala jumlah mereka yang dikatakan sampai puluhan orang itu masih dipertikaikan.

Mereka adalah pemuka qabilah. Mereka adalah tambang atau lombong harta yang tersimpan di dalam perut bumi. Mereka adalah benteng pertahanan dan keamanan negara dan bangsa, dengan kekuatan mereka dapat ditolak dan ditangkis segala macam bencana manusia. Kerana merekalah hujan turun dan kerana merekalah Allah memberi hujan kepada langit dan menurunkannya untuk menumbuhkan tumbuh-tumbuhan yang ada di bumi.

Dalam memulakan pengenalannya, mereka berlari dari satu gunung ke gunung yang lain, dari sautu negeri ke negeri yang lain, dari satu kehancuran kepada kehancuran yang lain. Ketika mereka sudah dikenali pada suatu tempat, maka mereka akan segera berpindah dari tempat itu, mereka lemparkan seluruhnya ke belakang mereka dan mereka menyerahkan semua kunci duniawi kepada pemiliknya.

Mereka tidak berhenti melakukan hal yang demikian, hingga mereka mampu mendirikan benteng di sekeliling mereka, dan mengalirkan sungai-sungai ke dalam hati mereka serta mereka dikelilingi oleh bala tentera Allah s.w.t. Masing-masing mereka menyendiri dalam penjagaan dan perlindungan Allah, mereka dihormati, dijaga dan dikasihi oleh semua makhluk. Semuanya ini terjadi di luar jangkauan pemikiran mereka. Ketika ini mereka wajib menghadapi manusia, kerana mereka berperang sebagai doktor sedangkan manusia lain merupakan pesakit mereka.

Celakalah engkau...! Engkau mengaku sebagai sebahagian daripada mereka. Apakah tanda-tanda mereka yang ada padamu...? Apakah tanda kedekatan dan kelembutan al-Haq...? Di tempat mana engkau berdiri di sisi Allah dan di maqam yang mana...? Siapakah namamu dan apakah gelarmu dalam dunia arwah yang tinggi (al-Mala al-A'la)...? Apakah sebab pintumu ditutup setiap malam...?

Makanan dan minuman itu berasal daripada barang yang bebas (mubah), barang yang halal hanya ketika diucapkan. Engkau berbaring bersama dunia atau akhirat atau bersama kedekatan kepada Allah. Siapakah penghiburmu ketika engkau bersendirian...? Siapakah teman dudukmu ketika engkau berkhalwat...? Hai pembohong...! Penghiburmu saat engkau bersendirian adalah nafsumu, syaitanmu, hawa nafsumu dan fikiran tentang duniamu...! Sementara penghiburmu dalam keramaian adalah syaitan-syaitan manusia, sahabat-sahabatmu yang jahat, yang suka bercakap besar. Ini bukan hayalan dan tuduhan semata-mata, tetapi ia adalah kedunguan yang tidak bererti bagimu.

Oleh yang demikian, hendaklah engkau menenangkan diri dan tunduk di hadapan Allah dan meninggalkan sikap burukmu. Jika ketika ini engkau mesti berbicara, maka pembicaraanmu adalah untuk mencari berkat dengannya, sedangkan mencari berkat itu hendaklah dilakukan dengan mengingati Pemberi berkat itu sendiri. Bagaimanapun, engkau berdoa kepada-Nya hanya dengan wadah zahiryahmu saja, dengan hati

yang kosong. Setiap bentuk zahir yang tidak disertai dengan bentuk batin adalah suatu mimpi yang tidak mungkin menjadi kenyataan. Bukankah engkau telah mendengar sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

مَا صَامَ مَنْ ظَلَّ يَأْكُلُ لُحُومُ النَّاسِ.

Ertinya:
"Tidaklah berpuasa bagi orang-orang yang sentiasa dibayangi memakan daging manusia."

(Hadis Marfuk, riwayat Anas bin Malik r.a.)

Adapun yang dimaksudkan dengan memakan daging manusia di sini ialah mengumpat manusia di belakangnya. Rasulullah s.a.w. telah menjelaskan, bahawa berpuasa itu bukan hanya meninggalkan makan, minum dan perkara-perkara yang membatalkannya saja. Tetapi ia juga disandarkan kepada meninggalkan perbuatan-perbuatan dosa.

Berhati-hatilah kamu, jauhkanlah dirimu daripada perbuatan dengki, kerana ia akan memakan semua kebaikanmu, bagaikan api memakan kayu yang kering. Sikap suka mengumpat tidak pernah membuat pelakunya bahagia, sebagaimana yang telah terjadi di masa lampau. Dan barangsiapa yang menyebarkannya, akan berkuranglah kehormatannya di mata manusia.

Berhati-hatilah engkau, jauhilah memandang dengan syahwat, kerana ia akan menanamkan kemaksiatan di dalam hatimu. Perbuatan itu akan menimbulkan akibat yang tidak terpuji di dunia dan di akhirat. Berhati-hatilah kamu, jauhilah sumpah palsu (syahadat al-zur), kerana hal itu tak ubahnya bagaikan meninggalkan rumah dengan membawa aib serta menghilangkan berkat harta dan agama.

Celakalah engkau...! Kamu membelanjakan hartamu dengan sumpah palsu, dan itu akan merugikan agamamu. Sekiranya engkau mahu berfikir, nescaya engkau akan menyedari bahawa hal ini adalah merupakan kerugian itu sendiri.

Engkau mengatakan:

"Wallahi...! Di negara ini tidak ada barang seperti ini, dan tiada seorang pun yang memilihnya. Demi Allah...! Sesungguhnya ia sama dengan ini dan ini, dan ia menurutku mempunyai harga sekian dan sekian."

Sementara dalam ucapan itu engkau adalah seorang pembohong, kemudian engkau bersaksi dengan bohong dan bersumpah dengan nama Allah, bahawa engkau adalah orang yang benar. Maka dalam waktu dekat, akan datang kepadamu kebutaan dan bencana.

Bersopanlah kamu di hadapan Allah, semoga Allah mengasihi kamu. Barangsiapa yang tidak beradab menurut adab syariah, maka ia akan diajar beradab dengan api di hari kiamat kelak.

Suatu ketika, seseorang bertanya kepada Syeikh: "Apakah seseorang yang ditemukan kelima-lima sikap ini atau sebahagiannya pada dirinya, maka puasa dan wuduknya dianggap batal...?" Maka Syeikh menjawab: "Puasa dan wuduknya tidak batal, tetapi ini adalah bertujuan untuk memberikan bimbingan, peringatan, khabar gembira dan khabar menakutkan."

Wahai hamba...! Barangkali hal ini akan datang besok pagi, tetapi engkau meskipun sudah tidak lagi berada di permukaan bumi ini, namun engkau merupakan manusia yang masih wujud. Atau mungkin ia akan datang pada waktu yang lain. Aduhai...! Sedarilah kelalaian ini...! Alangkah kerasnya hatimu...! Batu hitamkah kamu...? Aku selalu memberi nasihat kepada kamu, demikian juga orang-orang yang selain aku, namun kamu masih tetap tidak berganjak dari pendirianmu. Al-Quran sudah dibacakan kepadamu, demikian juga sunnah Rasulullah s.a.w. dan sejarah orang-orang terdahulu juga telah dibacakan kepadamu. Namun kamu tidak pernah mempedulikannya. Kamu tetap tidak mahu menjauhi kederhakaan dan tidak mahu mengubah perbuatanmu. Barangsiapa yang sudah menyaksikan dan mendengar sepotong kalimah, tetapi ia tidak mengambil suatu iktibar apapun daripadanya, maka ia adalah seburuk-buruk manusia yang paling buruk.

Wahai hamba...! Penghinaanmu terhadap para Waliyullah, menunjukkan betapa sedikitnya ilmu makrifatmu tentang Allah. Engkau mengatakan bahawa mereka (para Wali) adalah orang-orang yang sengsara, sehingga kamu mengatakan mengapa mereka tidak hidup dan tinggal bersamamu saja. Sebenarnya, kata-kata itu kamu ucapkan adalah kerana kebodohanmu untuk mengenali dirimu sendiri. Ketika sedikit pengetahuanmu tentang dirimu sendiri, maka rendahlah pengetahuanmu tentang kemampuan seorang manusia, dan demikian jugalah sedikitnya pengetahuanmu tentang dunia dan akibatnya, bahkan

engkau juga tidak mengerti terhadap ketentuan akhirat. Seiring dengan rendahnya pengetahuanmu tentang akhirat, demikian jugalah rendahnya pengetahuanmu tentang Allah s.w.t.

Wahai orang-orang yang sibuk dengan dunia...! Tidak lama lagi kerugian dan penyesalan akan terlihat dengan jelasnya di hadapanmu...! Terlihat dengan jelas di dunia dan akhirat. Akan nampak penyesalanmu di hari kiamat, yakni hari nyatanya semua penipuan, semua keburukan, hari yang penuh dengan penyesalan dan kerugian.

Periksalah dirimu sebelum datangnya hari akhirat itu. Janganlah engkau tertipu dengan kebijaksanaan Allah s.w.t. atasmu dan kemurahan-Nya. Engkau berdiri dalam kondisi yang amat kritis, dari kederhakaan, kesalahan dan penganiayaan terhadap manusia. Kederhakaan adalah asal kekufuran sebagamana sakit adalah asal kematian. Hendaklah engkau bertaubat sebelum datang kematian, sebelum datangnya malaikat yang ditugaskan untuk mencabut nyawamu.

Wahai pemuda...! Bertaubatlah kamu. Bukankah engkau telah melihat, bahawa Allah akan menguji kamu dengan berbagai cubaan hingga kamu bertaubat...? Sementara kamu tidak bafikir, malahan engkau tetap bertahan dalam kederhakaanmu itu...?

Dusta itu adalah seksaan, bukan kenikmatan. Memberikan hukuman pada suatu pembohongan tidaklah menambah darjat dan kemuliaan. Suatu kaum itu diuji adalah untuk menaikkan darjat mereka di hadapan Allah Yang Maha Memiliki, mereka bersabar bersama-Nya kerana mereka mendambakan dzat-Nya.

Jika semuanya itu telah sempurna bagi mereka, maka telah sempurnalah pemilikan mereka. Sebaliknya, jika hal ini tidak terlaksana secara sempurna bagi mereka, maka kita yakin bahawa mereka berada di dalam kerosakan.

Ya Allah...! Janganlah Engkau berikan kehancuran kepada kami. Kami bermohon kepadaMu untuk dekat kepada-Mu, dan memandang kepada-Mu di dunia dan akirat. Di dunia dengan hati kami sementara di akhirat dengan mata kami.

Wahai kaumku...! Janganlah kamu berputus asa dan pada kelapangan Allah dan kebahagiaan-Nya. Kerana sesungguhnya Dia itu amat dekat. Janganlah kamu berputus asa, kerana yang menciptakan dan menjadikan

segala sesuatunya adalah Allah.

Ingatlah firman-Nya yang berbunyi:

لَا تَدْرِى لَعَلَّ ٱللَّهَ يُحْدِثُ بَعْدَ ذَٰلِكَ أَمْرًا ﴿١﴾

Ertinya:

"Engkau tidak mengetahui, boleh jadi Allah mengadakan sesuatu hal yang baru sesudah itu."

(At-Thalaq: 1)

Janganlah engkau menghindarkan diri daripada suatu cubaan atau ujian Allah, kerana setiap ujian atau cubaan yang dihadapi dengan kesabaran merupakan asas yang kuat bagi segala kebaikan. Ia juga merupakan asas bagi kenabian, kerasulan, kewalian, kemakrifatan dan cinta.

Apabila kamu tidak bersabar atas setiap ujian yang didatangkan kepadamu, bermakna engkau tidak mempunyai asas. Sebuah bangunan itu tidak akan dapat berdiri dengan kukuh, jika tidak ada asas yang kuat. Bagaimana pendapatmu, mengenai sebuah rumah yang didirikan di atas sebidang tanah yang lembut...?

Kamu menghindar daripada ujian dan bencana adalah kerana kamu tidak mempunyai kepentingan terhadap kewalian, kemakrifatan dan taqarrub kepada Allah. Bersabarlah kamu dan beramallah, sehingga engkau mampu berjalan dengan hatimu, batinmu dan rohmu menuju gerbang taqarrub kepada Allah.

Para ulama, para wali dan wali abdal adalah pewaris para Nabi. Para Nabi bagaikan seorang penguasa, sementara mereka semua adalah bagaikan rakyat yang dipanggil untuk menghadap. Orang mukmin tidak takut kepada selain Allah dan tidak mengharap kepada selain-Nya. Mereka telah diberi kekuatan di dalam hati dan batin mereka. Bagaimana hati orang mukmin tidak akan kuat dengan pertolongan Allah, kerana ia telah melangkah dan berjalan kepada-Nya...? Tidak henti-hentinya hati orang mukmin itu berada di sisi-Nya, sementara badan pemilik hati itu berada di bumi. Allah berfirman yang berbunyi:

وَإِنَّهُمْ عِندَنَا لَمِنَ ٱلْمُصْطَفَيْنَ ٱلْأَخْيَارِ ﴿٤٧﴾

Ertinya:
"Dan sesungguhnya mereka berada di sisi Kami, mereka benar-benar termasuk orang-orang pilihan yang paling baik."

(Sad: 47)

Mereka terpilih dari kalangan keluarga dan masyarakat yang sezaman dengan mereka. Mereka mempunyai pengertian yang istimewa dan bersinarlah tubuh zahir mereka. Kerana itulah mereka kelihatan berbeza daripada makhluk yang lain, dan mereka berzuhud terhadap masalah yang disenangi manusia biasa.

Mereka melangkah ke hadapan, sementara di belakang mereka tumbuh hanya rumput-rumput. Mereka tidak pernah kembali ke belakang untuk mencari hiburan kepada seseorang, kerana mereka telah merasa terhibur secara sendirian. Mereka memilih tempat-tempat yang tidak terjaga seperti tepian pantai, daratan dan padang pasir yang gersang, mereka memilih tempat yang tiada keramaian di sana. Mereka makan dari sayur-sayur yang tumbuh liar dan minum dari anak-anak sungai. Mereka hidup laksana binatang liar. Suasana seperti inilah yang membuat mereka merasa dekat kepada Allah dan menenteramkan hati mereka.

Kehidupan zahiryah mereka tak ubahnya bagaikan kehidupan para Nabi, para Rasul, para syuhada' dan para al-siddiqin. Sementara sudut batiniyah mereka tertuju kepada melayani Allah siang dan malam, mereka menyepi dan mencari ketenangan seperti orang yang sedang diamuk rindu serta enaknya orang yang memperolehi ketenangan bersama Allah.

Wahai hamba...! Adalah merupakan sesuatu yang pasti terjadi tentang manis, pahit, kebaikan, kerosakan, kotor ataupun bersih. Apabila engkau menghendaki semuanya menjadi baik, maka pisahkanlah hatimu daripada manusia dan hubungkanlah ia dengan Allah. Pisahkanlah dunia ini, dan tinggalkanlah keluargamu serta serahkanlah mereka kepada Tuhanmu. Kemudian keluarlah engkau dengan hati yang kosong daripada segala sesuatunya. Mendekatlah engkau ke pintu akhirat, lantas masuklah engkau ke dalamnya.

Jika engkau tidak menemui Tuhanmu di sana, keluarlah daripadanya dan berlarilah engkau untuk mencari kedekatan kepada-Nya. Jika engkau sudah menemui-Nya, maka engkau akan menemui semua kebersihan dan kebaikan di sisi-Nya.

Seorang yang mencintai Allah tidak akan beramal kepada selain-Nya.

Syurga adalah perkampungan orang yang mencari darjat, perkampungan para saudagar yang menukar dunia untuknya. Kerana itu Allah berfirman, yang berbunyi:

وَفِيهَا مَا تَشْتَهِيهِ ٱلْأَنفُسُ وَتَلَذُّ ٱلْأَعْيُنُ ۖ وَأَنتُمْ فِيهَا خَـٰلِدُونَ ﴿٧١﴾

Ertinya:
"Dan di dalam syurga itu terdapat segala yang diingini oleh hati dan sedap (dipandang) mata, dan kamu kekal di dalamnya."

(Az-Zukhruf: 71)

Segala sesuatu yang diingini oleh hati, batin dan perasaan kita, terdapat di dalam syurga. Syurga adalah untuk orang- orang yang berpuasa, orang-orang yang beribadah pada keheningan malam, menegakkan agama, orang yang meninggalkan dan berzuhud daripada kesenangan dan kenikmatan.

Tukarlah puasa itu dengan puasa, kebun dengan kebun, rumah dengan rumah. Kamu diharapkan untuk beramal tanpa banyak bicara. Orang-orang yang arif dan beramal kerana Zat Allah mempunyai paluan yang mengetuknya, sementara ia tidak berbicara. Bumi terus berputar, berubah dan berganti padahal ia tetap membisu. Mereka adalah suatu kaum yang tidak melihat kepada selain Allah, mereka tidak mendengar selain daripada Allah, mereka mempunyai hati tanpa lidah. Mereka tak ubahnya bagaikan undang-undang bagi diri mereka dan bagi orang lain selain daripada mereka.

Mereka sentiasa berkeadaan demikian. Jika Allah menghendaki menyebarkan mereka, maka Allah menjadikan hati sebagai jurubicara mereka, seakan-akan mereka orang yang memakan buah yang memabukkan, mereka seakan-akan terbius. Malaikat akan mencabut nyawa mereka dengan tangan kasih sayangnya. Mereka bergerak untuk Allah dan mereka bangkit untuk Allah, bukan untuk yang lain. Mereka dipilih untuk diri-Nya, sebagaimana yang telah dilakukan-Nya kepada Nabi Musa a.s., ketika Dia berfirman kepadanya:

وَٱصْطَنَعْتُكَ لِنَفْسِى ﴿٤١﴾

Ertinya:
"Dan aku telah memilihmu untuk-Ku."(16)

Dan firman-Nya lagi:

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١١﴾

Ertinya:
"Tiada satupun yang serupa dengan-Nya, dan Dia (Allah) Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

(Asy-Syura: 11)

Dia menjadikan ketenangan tanpa kesusahan, ketenteraman tanpa ketakutan, nikmat tanpa seksaan, kegembiraan tanpa kesyukuran, kemanisan tanpa kepahitan, dan menciptakan suatu kerajaan tanpa kerosakan.

هُنَالِكَ ٱلْوَلَـٰيَةُ لِلَّهِ ٱلْحَقِّ ۚ ...

Ertinya:
"Di sana, pertolongan itu hanya datang daripada Allah Yang Haq."

(Al-Kahfi: 44)

Barangsiapa yang telah sampai ke tahap ini, maka ketenangan akan segera datang kepadanya. Adapun dengan apa yang ada pada dirimu sekarang, kamu belum memperolehi ketenangan di dunia, kerana sesungguhnya dunia ini tak ubahnya bagaikan tempat yang kotor dan tempat bencana. Hendaklah engkau ke luar daripadanya. Hendaklah engkau mengeluarkan dunia dari hati dan tanganmu. Jika kamu tidak mampu melakukannya, maka tinggalkanlah dia di tanganmu, tetapi keluarkanlah ia dari hatimu. Jika engkau mampu, keluarkanlah dunia ini dari tanganmu dan berikanlah ia kepada orang miskin, kerana orang-orang miskin itu adalah keluarga Allah.

Dengan demikian, semua yang berada di dalam genggamanmu tidak terlepas dari mereka. Hendaklah engkau berikan ia kepada mereka, sama ada kamu seorang kaya, miskin, menyukai harta atau membencinya. Semuanya ini tergantung kepada sihat dan bersihnya hati serta batinmu. Kedua-duanya dapat menjadi bersih dengan mempelajari suatu ilmu,

16. Maksudnya ialah bahawa Allah telah memilih Nabi Musa a.s. untuk menjadi Rasul-Nya.

mengamalkannya dan ikhlas dalam beramal serta jujur dalam mencari Allah al-Haq.

Wahai hamba...! Bukankah engkau telah mendengarkan wasiat ini...? Oleh itu, hendaklah ia engkau fahami dan kemudian hendaklah engkau simpan di dalam kalbumu. Fahamilah ia dengan kefahaman zahiryah dan asingkanlah dengan kafahaman batiniyah. Beramallah engkau dengan pemahaman zahiryah ini, sehingga amalan itu mendekatkan engkau kepada suatu ilmu yang belum lagi engkau amalkan.

Ilmu zahiryah itu akan memberi cahaya kepada bahagian yang zahir, manakala ilmu batin akan memberi cahaya kepada bahagian yang batin pula. Dia adalah cahaya antara kamu dengan Tuhanmu. Ketika engkau mengamalkan semua ilmumu, maka dekatlah jalanmu kepada Allah, dan terbukalah pintu antara engkau dengan Dia seluas-luasnya, dan diangkatlah daun pintu yang khusus untukmu.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 13

Dahulukanlah Kehidupan Akhirat Daripada Kehidupan Dunia

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Selasa petang, 4 Zulkaedah, 545H.

WAHAI hamba...! Dahulukanlah kepentingan akhirat daripada kepentingan dunia, kerana dengan cara demikian engkau akan memperolehi keuntungan dan pada kedua-duanya. Sebaliknya, apabila engkau mendahulukan dunia daripada akhirat, maka engkau akan memperolehi kerugian daripada kedua-duanya.

Celakalah engkau...! Bagaimana engkau dapat mengutus sesuatu dan sibuk dengannya, pada hal kamu tidak diperintah untuk berbuat demikian...? Apabila engkau tidak menyibukkan dirimu dengan urusan dunia, maka Allah akan memberikan pertolongan ke atas duniamu. Dan Dia akan memberi rezeki dengan beberapa pertolongan, di saat engkau ingin mengambil bahagian di dunia. Demikian juga, ketika engkau mengambil sesuatu dari dunia ini, maka diletakkan-Nya keberkatan terhadapnya.

Seorang mukmin akan beramal untuk dunia dan akhiratnya. Ia beramal untuk dunianya sekadar sebagai bekal untuk memenuhi keperluan hidupnya. Ia menerima apa adanya seperti bekal seseorang yang naik kenderaan, yakni dia tidak dapat membawa bekal yang banyak.

Orang yang bodoh, menumpukan cita-cita dan keinginannya untuk memburu dunia semata-mata. Sementara orang yang arif, semua tekad dan

azamnya ditujukannya untuk kepentingan kehidupan akhirat, kemudahan menemui Tuhannya. Jika di hadapanmu terbentang kesenangan duniawi, dalam masa yang sama batinmu menolaknya sedangkan nafsu syahwatmu menuntut untuk mencapainya. Maka dalam keadaan demikian, lihatlah olehmu, siapakah orang yang mampu mengalahkan syahwatnya...? Oleh yang demikian, tiadalah kebahagiaan bagimu, sehingga engkau mampu mengalahkan nafsumu dan membiasakannya agar sentiasa berada di sisi Allah. Golongan yang benar (اَلصِّدِّيْقِيْنَ) mengenal antara satu dengan yang lainnya. Masing-masing mereka akan mencium aroma penerimaan dan kejujuran daripada yang lain.

Wahai orang yang berpaling dari kebenaran...! Wahai orang-orang yang berpaling daripada hamba-hamba-Nya yang benar...! Mengapa kamu sentiasa menghadap kepada manusia dan bersekutu dengan mereka...? Sampai bilakah kamu akan menghadapi mereka...? Apakah mereka berguna bagimu...? Kekuatan mereka tidak akan mendatangkan manfaat dan mudarat kepadamu, mereka tidak mampu memberi dan tidak mampu pula mencegah. Tidak ada bezanya mereka dengan benda-benda padat (jamadat) yang selalu berpengaruh padanya kemanfaatan dan kemudaratan.

Ingatlah...! Maha Raja itu hanya satu, Yang Memberi manfaat hanya satu dan Yang Mendatangkan mudarat juga hanya satu. Yang Menggerakkan dan mendiamkan juga hanya satu, Yang Menguasai hanya satu, Yang Menundukkan hanya satu, Yang Memberi hanya satu dan Yang Mencegah juga hanya satu, Yang Menciptakan hanya satu dan yang Memberi rezeki juga hanya satu. Dialah Allah, Dialah Yang Qadim, Abadi dan Azali. Dialah yang wujud sebelum makhluk, sebelum ibu-bapamu, sebelum orang-orang kaya di kalangan kamu. Dia dahulu tanpa permulaan. Dialah yang menciptakan langit dan bumi, serta semua isinya dan apa-apa yang ada di antara kedua-duanya.

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١١﴾

Ertinya:
"Tiada suatu juapun yang menyerupai-Nya, dan Dia (Allah) Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

(Asy-Syura: 11)

Alangkah bodohnya kamu, wahai makhluk Allah...! Kamu tidak

mengetahui Zat Yang Menciptakan kamu dengan pengetahuan yang sebenarnya. Jika pada hari kiamat kelak aku mempunyai sesuatu di sisi Allah, nescaya akan kupikul beban-benanmu semua, mulai dari orang yang pertama hingga orang yang terakhir.

Wahai orang yang membaca...! Bacakanlah untukku satu buku dari penduduk langit dan bumi. Setiap orang yang beramal dengan suatu amalan, maka amalnya itu akan menjadi pintu antara dia dengan Allah, pintu tempat masuknya hati mereka kepada-Nya. Adapun kamu wahai orang-orang alim...! Kamu hanya disibukan dengan pendapat ini dan pendapat itu, kamu hanya disibukkan dengan mengumpulkan harta daripada mengamalkan ilmumu. Dengan sikapmu itu sudah cukup jelas, bahawa kamu hanya memegang suatu gambaran yang tidak mengandungi sebarang makna.

Apabila Allah menghendaki suatu kebaikan bagi seorang hamba-Nya, maka Dia akan mengajar hamba-Nya itu suatu ilmu, lalu diilhamkan-Nya kepadanya untuk mengamalkan ilmunya itu dengan ikhlas. Dia mendekatkan hamba-Nya itu kepada-Nya, kemudian Dia memperkenalkan dan mengajarkan ilmu tentang hati. Semua rahsia itu dipilih untuk Allah, bukan untuk selain-Nya. Allah memilihnya sebagaimana memilih Musa dan Dia berfirman kepadanya:

وَٱصۡطَنَعۡتُكَ لِنَفۡسِي ﴿٤١﴾

Ertinya:
"Dan Aku telah memilihmu untuk diri-Ku."

(Thaha: 41)

Melalui ayat ini, seakan Allah s.w.t. berfirman: "Bukan untuk selain Aku, bukan untuk kesenangan, kenikmatan dan kemewahan, bukan untuk langit dan bukan pula untuk bumi, bukan untuk syurga dan bukan pula untuk neraka, bukan untuk memelihara dan bukan pula untuk merosak. Tidak ada sesuatu yang membimbingmu selain Aku, engkau tidak disibukkan oleh suatu kesibukan selain daripada sibuk kerana Aku. Engkau tidak terpengaruh oleh sesuatu yang menjauhkanmu daripada-Ku, engkau tidak terhalang daripada-Ku oleh makhluk dan engkau tidak terlepas daripada-Ku oleh suatu kesenangan dan kemewahan."

Wahai hamba...! Janganlah kamu berputus asa daripada nikmat Allah kerana suatu dosa dan kemaksiatan yang pernah engkau lakukan.

Bahkan bersihkanlah najis yang melekat di baju agamamu dengan air taubat, kemudian engkau teguh dalam taubatmu itu serta ikhlas dalam melakukan dan mengharumkannya. Keharumannya akan memperbaiki kemakrifatanmu kepada Allah. Oleh itu, waspadalah kamu pada kedudukanmu yang kini kamu berada padanya. Kerana sesungguhnya, walau ke mana juapun engkau menoleh, maka sekelilingmu terdapat binatang liar, sementara bahaya dan bencana selalu mengintai dirimu. Pindahlah dari tempatmu itu dan kembalilah kepada Allah dengan hatimu.

Janganlah kamu makan dengan nafsu dan syahwatmu. Janganlah kamu makan kecuali dengan dua orang saksi yang adil, iaitu Kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya. Kemudian carilah olehmu dua saksi yang lain, iaitu hatimu dan perbuatan Allah. Jika al-Quran dan al-Sunnah telah memberi izin, sementara hatimu menoleh kepada saksi keempat, iaitu af'al Allah, maka engkau tidak akan seperti pencari kayu api di malam hari yang tidak mengetahui apa yang terpegang di tangannya, sementara engkau bersama Khaliq dan makhluk. Semuanya itu tidak akan datang dengan hayalan atau angan-angan, tidak akan datang dengan dibuat-buat dan kepura-puraan. Akan tetapi ia adalah sesuatu yang menetap di dalam dada dan dibenarkan oleh amal, yakni amal yang dimaksudkan untuk Allah.

Wahai hamba...! Kesihatan terletak dalam ketidak-pedulian kita mencari kesihatan. Kekayaan akan datang ketika kita tidak memburu kekayaan. Suatu ubat akan ada jika kita tidak mencari ubat. Setiap ubat terdapat dalam penyerahan kepada al-Haq, memutuskan sebab-musabab dan mencabut semua keraguan di hatimu. Suatu ubat terdapat dengan pengesaan Allah dengan hati, ia tidak memadai hanya dilafazkan dengan mulut saja. Tauhid berada di dalam hati, zuhud berada di dalam hati, takwa berada di dalam hati, makrifat berada di dalam hati, pengetahuan tentang al-Haq berada di dalam hati. Kecintaan kepada Allah berada di dalam hati. Kedekatan dengan-Nya juga berada di dalam hati.

Oleh itu, wahai manusia...! Berfikirlah kamu, janganlah kamu berbuat bodoh. Janganlah kamu berpura-pura dan memberatkan diri. Engkau berada di dalam ketololan, kepura-puraan, memberatkan diri, berbuat dusta, riya' dan munafik. Semua cita-citamu menjadi daya tarik makhluk manusia kepadamu. Tidakkah kamu mengetahui bahawa setiap langkah yang engkau langkahkan menujui makhluk dengan hatimu, maka hatimu semakin jauh dari al-Haq.

Kamu mengatakan, bahawa kamu mencari Allah al-Haq, padahal engkau hanya mancari manusia. Dalam hal ini tak ubahnya engkau bagaikan seseorang yang berkata bahawa dia ingin menuju Makkah namun ia melangkah menuju negeri Khurasan, maka iapun akan semakin jauh dari Makkah.

Kamu mengatakan, bahawa hatimu telah terlepas dari manusia, padahal engkau takut dan berharap kepada mereka. Zahirmu sebagai orang zuhud, sementara batinmu menyenangi dunia. Zahirmu mencintai Khaliq, sementara batinmu mencintai makhluk. Urusan ini tidak akan datang hanya dengan kepetahan berkata-kata. Keadaan ini tidak memandang adanya makhluk, dunia, akhirat dan segala sesuatu selain Allah secara menyeluruh.

Dia hanya satu dan tidak menerima kecuali satu. Sesuatu yang tunggal tidak akan menerima persekutuan. Kerana sesungguhnya Dia telah menjaga urusanmu, maka terimalah apa yang diucapkan untukmu. Manusia itu lemah, ia tidak mendatangkan mudarat dan manfaat kepadamu. Semuanya itu hanyalah dilakukan oleh Allah melalui tangan mereka. Perbuatan-Nya berperan di dalam dirimu dan diri mereka.

Telah tergores Qalam dengan ilmu Allah, berkenaan dengan sesuatu yang mendatangkan manfat dan mudarat ke atasmu. Orang-orang yang bertauhid dan orang-orang soleh adalah wakil Allah atas semua makhluk. Sebahagian mereka ada yang melepaskan diri daripada dunia lahir dan batin. Manakala sebahagiannya ada yang melepaskan diri dari dunia pada batinnya saja. Al-Haq tidak memandang wujudnya dunia di dalam batin mereka sedikitpun. Itulah hati yang bersih.

Barangsiapa yang mampu melakukan ini semua, maka dia telah diberi kerajaan, dia adalah pahlawan dan seorang pemberani. Orang yang berani adalah orang yang bersih hatinya daripada sesuatu selain daripada Allah. Memusatkan fikiran di pintu-Nya dengan pedang Tauhid dan perisai syariah, meleburkan hatinya dengan Zat yang menterbalikkan hati. Syariah mendidik jasad zahirnya, sementara tauhid dan makrifat akan membersihkan jasad batinnya.

Wahai insan...! Di antara apa yang kamu katakan dan apa yang kami ucapkan, tidak ada satupun yang menjadi kenyataan. Engkau mengatakan ini haram, tetapi engkau melakukannya. Engau mengatakan ini halal, tetapi engkau meninggalkannya. Kamu adalah orang bodoh dalam kebodohan.

Diriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

وَيْلٌ لِلْجَاهِلِ مَرَّةً وَلِلْعَالِمِ سَبْعَ مَرَّاتٍ.

Ertinya:
"Orang yang bodoh akan mendapat seksaan satu kali, sementara orang yang alim akan mendapat seksaan tujuh kaji."

Orang yang bodoh dikenakan satu kali seksaan, kerana mereka tidak mengetahui. Sedangkan orang yang alim dikenakan tujuh kali seksaan, kerana mereka mengetahui, tetapi tidak mengamalkan apa yang sudah diketahuinya. Diangkat daripada mereka keberkatan ilmu, dan yang tinggal pada mereka hanyalahnya saja, tidak lebih dari itu.

Belajarlah kamu, kemudian amalkan ilmu yang engkau pelajari itu. Selepas itu menyendirilah kamu dalam khalwatmu daripada makhluk dan sibukkanlah dirimu dengan cinta kepada Allah. Jika khalwatmu itu engkau lakukan dengan benar dan cinta kepada-Nya, maka Dia akan mendekatkan engkau kepada-Nya, merendahkan engkau daripada-Nya, dan Dia menjadikan engkau fana' di dalam-Nya. Kemudian, jika Allah menghendaki, Dia akan memasyhurkan engkau dan menampakkan engkau di mata manusia dan menghendakimu untuk mengambil semua bahagianmu di dunia, yakni urusan yang menguntungkan, yang sudah diciptakan sebelumnya.

Sementara ilmu-Nya telah berada di tanganmu, maka ia akan ditiupkan kepada keagungan khalwatmu dan engkau pun dibawa pergi bersamanya sehingga terlihatlah semua permasalahan dan urusanmu oleh makhluk. Semuanya ini berlaku kerana kehendak-Nya, bukan kerana keinginan kamu. Penuhilah semua bahagianmu tanpa disertai oleh dorongan nafsu, keserakahan dan ingin menang sendiri. Kembalikanlah ia kepada kadar bahagian yang sudah ditentukan buatmu, sehingga engkau tidak melanggar undang-undang ilmu Allah. Penuhilah semua bahagianmu, sementara hatimu hendaklah tetap bersama Allah...!

Wahai orang bodoh...! Dengarkan dan beramallah kepada Allah mengikut cara para wali-Nya. Wahai orang yang mencela Allah dan para wali-Nya...! Kebenaran itu hanya untuk Allah, sedangkan kabatilan itu berada di pihak engkau. Wahai manusia...! Kebenaran itu sentiasa berada di hati, batin dan sesuatu yang dicapai dengan pengertian (maknawi), sementara kesalahan itu berada pada hawa nafsu, perangai, kebiasaan,

dunia dan segala sesuatu selain daripada-Nya. Sekeping hati tidak akan pernah merasa bahagia, sehingga ia mampu untuk mencapai kedekatan (taqarrub) kepada Allah Yang Maha Qadim, Maha Azali dan Maha Kekal.

Janganlah kamu bersesak-sesakan, wahai orang-orang munafik. Apakah engkau mempunyai yang lebih baik daripada itu...? Engkau adalah hamba makananmu, hamba lauk-paukmu, hamba manisanmu, hamba pakaianmu, hamba kenderaanmu dan hamba sultan atau rajamu. Hati yang benar itu sentiasa berkelana dari makhluk kepada Khaliq. Sementara di sepanjang perjalanannya itu dia telah melihat sesuatu yang boleh menyelamatkannya.

Dapatkah seorang ulama yang mengamalkan semua ilmu itu untuk menggantikan para ulama salaf yang menjadi pewaris para Nabi dan menjadi sebahagian ulama salaf yang masih ada sekarang ini. Mereka sentiasa menyeru manusia dan memerintahkan mereka untuk meramaikan kota syarak dan mencegahnya daripada menghancurkan kota itu. Mereka dan para Nabi berkumpul pada hari kiamat dengan dipenuhi pahala oleh Tuhan mereka Azza Wa Jalla. Sementara Allah Taala telah menyamakan seorang alim yang tidak mengamalkan ilmunya dengan keldai, sebagaimana firman-Nya yang berbunyi:

كَمَثَلِ ٱلْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًۢا ۚ

Ertinya:
"(Perumpamaan mereka), adalah bagaikan himar yang membawa kitab-kitab yang tebal."

(Al-Jumuah: 5)

Kitab-kitab yang tebal, adalah kitab-kitab ilmu pengetahuan. Apakah manfaat yang dapat diambil oleh keldai (himar) daripada buku-buku ilmu pengetahuan...? Kitab-kitab yang mereka bawa itu hanyalah akan menyusahkan dan meletihkan mereka. Barangsiapa yang bertambah ilmunya, sepatutnya bertambah pulalah ketakwaan dan ketaatannya kepada Allah.

Wahai orang yang mengaku berilmu...! Di manakah tangismu kerana takut kepada Allah...? Di manakah ketakutan, kekhuatiran dan kewaspadaanmu...? Di manakah pengakuanmu atas semua dosa-dosa yang pernah engkau lakukan...? Di manakah pengantaramu kepada

cahaya dengan kegelapan kerana takut kepada Allah...? Di manakah pengajaranmu terhadap dirimu...? Di manakah penggemblenganmu terhadap nafsumu sehingga ia tunduk dan patuh kepada Allah dan selalu berkeadaan demikian...?

Aduhai...! Cita-citamu hanyalah pakaian, serban, maka berkahwin, hilir mudik tak menentu, kedai dan toko yang banyak serta duduk-duduk bersama manusia dan rasa terhibur bersama mereka. Jauhkanlah cita-citamu daripada semuanya itu, kerana jika memang ada bahagianmu padanya, maka bahagianmu akan datang sendiri kepadamu pada waktunya, sedangkan hatimu akan merasa tenang daripada susahnya penentian dan beratnya beban kerakusan, serta beratnya untuk berdiri bersama Allah...! Maksudnya ialah bahawa hatimu tidaklagi akan terseksa oleh penantian dan kelobaan serta tidak lagi berat untuk berdiri bersama al-Haq. Apakah yang bermanfaat bagimu, sedangkan semuanya itu dapat engkau hilangkan, jika engkau mahu?

Wahai hamba...! Khalwatmu itu telah rosak. Kerana suatu najis tidak akan menjadi benda baik, ia tidak akan menjadi suci. Apa yang telah diamalkan oleh hatimu adalah tidak benar, kerana ia tiada disertai oleh Tauhid dan keikhlasan.

Wahai orang-orang yang terlena...! Janganlah engkau terlena dari mereka. Wahai orang-orang yang berpaling, janganlah kamu berpaling daripada mereka. Wahai orang-orang yang lupa, janganlah engkau lupa dari mereka. Wahai orang-orang yang meninggalkan, janganlah kamu meninggalkan. Wahai orang-orang yang jahil mengenai Allah dan Rasul-Nya, orang-orang yang dahulu mahupun orang-orang yang kemudian. Kamu tak berubahnya bagaikan rumput panjang yang menjalar, yang tidak layak untuk apa juapun.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْـَٔاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 14

Perbezaan Antara Mukmin dengan Munafik

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat pagi, 7 Zulkaedah, 545H.

WAHAI Munafik...! Semoga Allah membersihkan bumi-Nya ini daripada kamu. Tidak ada kemunafikan di kedua-dua belah tanganmu, sehingga engkau mengutuk dan mengumpat para ulama, para wali dan orang-orang yang soleh dengan memakan daging mereka. Kamu dan para sahabatmu sesama munafik, tidak lama lagi lidah dan dagingmu akan dimakan oleh belatung,[17] kamu akan dipotong-potong dan dikoyak-koyak.

Sementara bumi akan menghimpunmu, kemudian menghimpit, menghancurkan dan membolak-balikkan kamu. Tidak akan ada kebahagian dan keuntungan bagi orang-orang yang tidak bersangka baik kepada Allah, kepada hamba-hamba-Nya yang soleh dan tidak merendahkan diri kepada mereka.

Bagaimana mungkin kamu tidak akan bersifat tawaduk kepada mereka, sedangkan mereka adalah pemimpin dan amir bagi kamu...? Mereka adalah orang-orang tempat kamu bergantung. Siapakah kamu, jika dibandingkan dengan mereka...? Allah telah menyerahkan kebebasan dan ikatan kepada mereka. Kerana merekalah Dia menurunkan hujan dan memberi kehidupan bagi bumi ini.

Seluruhnya adalah rakyat mereka, setiap mereka adalah bagaikan

17. Sejenis ulat-ulat kecil yang suka memakan bangkai.

sebuah gunung yang tidak akan tergoncang dan digerakkan oleh angin bencana dan musibah. Mereka tidak akan berganjak daripada kedudukan Tauhid dan keredhaan mereka kepada Tuhan mereka. Mereka mencari untuk diri mereka sendiri, dan dalam masa yang sama mereka juga mencari untuk orang lain.

Bertaubatlah kepada Allah dan kemukakanlah alasan dan kamu kepada-Nya, akuilah dosa-dosamu kepada Allah serta tunduklah kamu di hadapan-Nya. Apakah yang berada di hadapan kamu semua...? Seandainya kamu mengetahui dan mengerti, maka kamu akan segera berpindah daripada tempat yang kini kamu berada padanya. Bersopan santunlah kamu di hadapan Allah, sebagaimana sopan santun yang dilakukan oleh orang-orang yang sudah mendahului kamu. Kamu adalah orang-orang khuntha atau seorang perempuan, jika dilihat keberanianmu dalam menghadapi godaan nafsu, syahwat dan kelakuan kamu. Dalam pandangan agama, keberanian itu adalah dilihat daripada keberanian seseorang melaksanakan hak-hak Allah.

Janganlah kamu mengejek dan merendah-rendahkan ucapan para ulama dan ahli hikmah. Kerana sesungguhnya setiap buah tutur mereka itu boleh manjadi ubat bagi kamu dan kalimah yang mereka utarakan itu adalah buahnya. Wahyu Allah tidak akan turun lagi kepada kamu, sementara para Nabi hanya diikuti dengan meneladani sikap, sifat dan perbuatan mereka melalui athar atau sabda mereka. Kerana masa kini tiada lagi Nabi yang hidup di antara kamu. Jika kamu mengikut mereka yang mengikut Nabi (Muhammad s.a.w.), dan mereka benar-benar mengikutnya, maka samalah halnya dengan kamu mengikut baginda. Jika kamu melihat mereka, maka seakan-akan kamu telah melihat Nabi.

Bersahabatlah kamu dengan ulama-ulama yang bertakwa, kerana sesungguhnya persahabatan kamu dengan mereka itu adalah memberi berkat atas kamu. Sebaliknya, janganlah kamu bersahabat dengan ulama yang tidak mengamalkan ilmu mereka, kerana bersahabat dengan mereka itu adalah menjadi racun bagi kamu. Apabila kamu bersahabat dengan orang yang lebih tinggi tingkat ketakwaan dan ilmunya daripada kamu, maka persahabatnmu itu akan mendatangkan kebaikan kepada dirimu. Selanjutnya, apabila kamu bersahabat dengan orang yang lebih tua usianya daripada kamu, tetapi orang tua itu tidak bertakwa dan tidak mempunyai ilmu, maka persahabat itu juga akan memberi racun kepadamu.

Beramallah kamu untuk Allah, janganlah beramal untuk selain-Nya. Tinggallah kamu untuk-Nya dan janganlah kamu tinggal untuk selain-Nya. Amal untuk selain Allah sama keadaannya dengan kufur, dan meninggalkan amal kerana selain-Nya adalah riyak. Barangsiapa yang tidak mengetahui ini dan beramal selain daripada ini, bermakna ia telah melakukan suatu ketololan. Dalam waktu dekat, kematian akan menghabiskan ketololanmu itu.

Celakalah kamu... ! Sambungkanlah hatimu hanya kepada Allah semata-mata, dan putuskanlah hubungan hatimu dengan yang lain. Dengan demikian kamu akan berbahagia. Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

صِلُوْا الَّذِيْ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ رَبِّكُمْ تَسْعَدُوْا.

Ertinya:
"Hubungkanlah di antara kamu dengan Tuhanmu, maka kamu akan berbahagia."

Luruskanlah apa yang ada di antara kamu, dan apa yang ada di antara kamu dengan Tuhanmu dengan menjaga hati orang-orang yang soleh.

Wahai hamba...! Jika engkau mempunyai pandangan, bahawa terdapat perbezaan antara kaya dan miskin ketika kamu berhadapan dengan mereka. Maka tidak akan ada kebahagiaan bagimu. Hormatilah orang-orang miskin yang sabar, mintalah berkat dari mereka, temuilah mereka dan duduklah bersama mereka. Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

اَلْفُقَرَاءُ الصَّبْرُ جُلَسَآءُ الرَّحْمَنِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Ertinya:
"Orang-Orang fakir yang sabar, adalah teman duduk al-Rahman kelak di hari kiamat."

Menjadi teman duduk Allah pada hari ini ialah dengan hati mereka, sementara menjadi teman duduk Allah di akhirat kelak ialah dengan jasad mereka. Merekalah orang-orang yang bersikap zuhud di dunia dan berpaling dari perhiasannya. Mereka memilih kefakiran daripada kekayaan, dan mereka bersabar dengan kefakiran mereka. Apabila semua ini telah sempurna mereka lakukan, maka akhirat akan berbicara kepada mereka, dengan menampakkan dirinya, sehingga mereka pun bertemu

dengannya. Ketika semua ini telah terjadi bagi mereka, maka mereka memandang, bahawa dunia ini bukanlah Tuhan mereka. Oleh itu, mereka melepaskan diri daripada kongkongannya, memutar hati mereka dan berpaling daripadanya, kerana malu kepada Allah.

Bagaimana mereka dapat berdiam bersama selain Allah...? Bagaimana mereka boleh menenteramkan diri kepada sesuatu yang baru dan berbahagia dengannya...? Menyerahkan kepadanya semua amal, kebaikan dan semua bentuk ketaatan, kemudian mereka terbang bersama kebenaran mereka menuju syurga Tuhan mereka. Mereka meninggalkan sangkar mereka di dunia, dan ke luar daripada sangkar wujud mereka dan mereka terbang kepada zat yang mewujudkan mereka. Mereka mencari teman Yang Maha Tinggi, teman Yang Maha Awal dan Maha Akhir, Yang Maha Zahir dan Maha Batin, sehingga jadilah mereka dalam buruj yang tedekat dengan-Nya, jadilah mereka sebagaimana orang yang dinyatakan oleh Allah Taala dalam firman-Nya, yang berbunyi:

وَإِنَّهُمْ عِندَنَا لَمِنَ ٱلْمُصْطَفَيْنَ ٱلْأَخْيَارِ ﴿٤٧﴾

Ertinya:
"Dan sesungguhnya mereka ada sisi Kami, benar-benar termasuk orang-orang pilihan yang baik."

(Shad: 47)

Hati mereka untuk Kami...! Tekad dan azam mereka untuk Kami...! Batiniyah mereka untuk Kami. Akal mereka untuk Kami dunia dan akhirat. Jika semuanya ini dilaksanakan dengan sempura oleh suatu kaum, maka tiada satupun milik mereka yang terabai, baik di dunia mahupun di akhirat. Dilipat langit dan bumi serta semua isinya, dalam pandangan hati dan batin mereka. Mereka difana'kan daripada selain-Nya. Namun begitu, jika mereka mempunyai bahagian di dalam dunia, maka ketika itu akan dikembalikan kemanusiaan mereka, agar mereka dapat memenuhi bahagian mereka. Agar dia tidak mengubah ilmu dan ketetapan. Sehingga mereka akan berlaku sopan santun bersama ilmu Allah, Qadha' dan Qadar-Nya.

Mereka menggunakan sesuatu yang dikurniakan kepada mereka dengan kezuhudan bukan dengan nafsu syahwat dan serakah. Hukum-hukum zahiryah sentiasa terpelihara di sisi mereka dalam semua keadaan dan sikap mereka. Mereka tidak bakhil terhadap makhluk dengan harta

dunia mereka. Apabila mereka memiliki kemampuan, maka mereka akan menjadikan semuanya itu sebagai jalan untuk mendekatkan manusia kepada al-Haq. Tiada tersisa di dalam hati mereka, tentang semua kemanusiaan dan segala hal yang baru walau sebesar zarah pun. Selama kamu memeluk dunia, maka kamu tidak akan dapat memeluk akhirat, dan selama engkau bergayut dengan akhirat, maka engkau tidak akan dapat bergayut kepada Tuhanmu.

Jadilah engkau sebagai seorang yang beramal, janganlah engkau berpura-pura tidak mengerti tentang apa yang sedang engkau lakukan. Engkau termasuk ke dalam golongan manusia yang sudah disesatkan oleh Allah daripada ilmumu. Adapun memberikan sesuatu kepada orang fakir dan miskin, adalah merupakan salah satu sarana untuk bertemu dengan Allah Tidakkah kamu mengetahui, bahawa bersedekah itu adalah berkerjasama dengan Allah, kerana Dialah Zat Yang Maha Kaya lagi Maha Pemurah. Apakah bekerjasama dengan Yang Maha Kaya dan Maha Pemurah itu akan merugikan seseorang...? Belanjakanlah hartamu kerana mencari keredhaan Allah, walau hanya sekadar sebesar biji sawi, maka Dia akan memberimu batasan sebesar gunung. Belanjakan hartamu sekadar setitik air, maka Dia akan memberimu samudera dunia dan akhirat. Semuanya itu akan memenuhi ganjaran dan pahalamu.

Wahai kaumku...! Apabila kamu bekerjasama dengan Allah, maka akan suburlah semua tanamanmu, akan mengalirlah sungai-sungaimu, akan tumbuhlah pokok-pokokmu dan merimbunlah daun-daunnya sehingga bercabang dan berbuah. Suruhlah orang melakukan kebaikan dan cegahlah mereka daripada melakukan kemungkaran, tolonglah agama Allah dan biasakanlah melakukan kebenaran dan kejujuran terhadap agama itu.

Barangsiapa yang bersedekah dengan kebaikan, maka sedekah itu akan tetap kekal dalam kesunyian, dalam keramaian, dalam keadaan senang dan susah, dalam kesempitan dan kelapangan. Tuntutlah semua keperluanmu dari Allah, bukan dari makhluk-Nya. Tetapi jika engkau terpaksa mencarinya dari makhluk, maka carilah ia kemudian masuklah kamu kepada Allah dengan hatimu. Kerana hanya Dia yang memberi ilham padamu untuk mencari dengan berbagai cara dan dari semua arah. Jika engkau dicegah daripada memilikinya, atau engkau diberi kurnia dengan memperolehinya, maka semuanya itu adalah dari Allah, bukan dari makhluk-Nya. Suatu kaum hanya mampu mengeluarkan tekad dan

keinginan untuk mencari rezeki dari hati mereka, manakala mereka sudah mengetahui bahawa rezeki itu sudah ditetapkan masa dan waktunya. Oleh yang demikian, maka mereka berhenti daripada pemburuan mereka dan berdiam diri di hadapan pintu raja mereka.

Berlepas dirilah kamu daripada segala sesuatu dengan anugerah Allah, dengan kedekatan kepada-Nya dan ilmu-Nya. Apabila hal ini telah engkau lakukan dengan sempurna, maka jadilah engkau bagaikan kiblat bagi semua manusia dan sebagai jurubicara bagi mereka dalam mengajak manusia ke pintu raja mereka. Mereka mengambil dengan dua tangan hati mereka kepada Allah dan dengan itu mereka mendekati Allah, agar Dia menerima dan meredhai mereka.

Sebahagian ulama berkata: "Hamba Allah dengan orang-orang yang menyatakan pengabdian mereka, tidak menuntut dunia dan akhirat daripada-Nya. Akan tetapi meminta kepada-Nya dengan Dia sendiri, bukan yang lainnya."

Ya Allah...! Berilah petunjuk kepada semua manusia untuk menuju pintu-Mu. Ini adalah permohonanku selama-lamanya, dan urusan itu terserah sepenuhnya kepada-Mu. Ini adalah doa umum yang diajukan kepada-Nya. Sementara Allah akan berbuat sekehendak-Nya kepada makhluk-Nya. Jika suatu hati berada dalam kebenaran, maka ia akan dipenuhi dengan rahmat dan belas kasihan.

Sebahagian ulama berkata:

"Orang yang mampu melakukan kebaikan itu banyak, tetapi orang yang mampu meninggalkan dosa-dosa itu tidak ada, kecuali orang-orang yang benar (al-siddiqin). Seorang yang benar, akan mampu meninggalkan dosa-dosa besar dan dosa-dosa kecil, kemudian mereka menyempurnakan kewarakannya dengan meninggalkan semua yang merangsang syahwatnya, kemudian meninggalkan sesuatu yang mudah sebagaimana yang biasa kita lakukan. Kemudian mereka hanya mencari sesuatu yang halal secara mutlak."

Seorang yang benar (al-siddiqin) tidak akan berhenti beribadah kepada Allah, sebahagian besar waktu siang dan malamnya, mereka gunakan untuk mengabdi kepada al-Haq. Mereka mengoyak atau menyalahi semua kebiasaan manusia, sehingga mereka mempunyai kebiasaan yang tertutup, mereka diberi rezeki secara tidak disangkanya, mereka diperintah untuk mengambil rezeki itu, dimurnikan dan dibersihkan

segala sesuatu untuknya. Kerana ia telah lama dihalang dan dipatahkan semua kepentingannya yang berada di dalam dadanya, dan ia bersabar atas patahnya semua tujuannya, dikembalikannya semua sikapnya.

Maka dia berdoa, tetapi tidak dikabulkan, dia memohon tetapi tidak diberi apa yang dipohonkannya. Maka iapun mengadu dan bertambahlah apa yang diadukannya. Dia mencari kebahagiaan, tetapi dia tidak menemuinya. Dia bertakwa, tetapi dia tidak menemui jalan keluarnya. Dia mentauhidkan dan beramal dengan ikhlas, namun dia tidak melihat kedekatannya kepada Zat Yang menjadi tujuan amalnya itu, seakan-akan dia bukanlah seorang mukmin dan mengesakan Allah.

Bersamaan dengan semuanya ini, dia merupakan orang yang melatih diri dan bertahan atau bersabar atas terjadinya segala sesuatu. Dia tahu, bahawa sabar adalah ubat bagi hatinya, dan menjadi sebab kesucian dan kedekatannya. Semua kebaikan itu akan datang setelah semuanya ini. Inilah usaha yang membezakan antara orang yang beriman dengan orang yang munafik, antara orang yang mentauhidkan Allah dengan mempersekutukan-Nya, antara orang yang ikhas dengan orang yang riya', antara seorang pemberani dengan seorang pengecut, antara orang yang teguh pendirian dengan orang yang mudah berputus asa, antara orang yang benar dengan orang yang salah, antara orang yang membenarkan dengan orang yang mendustakan, antara orang yang membenci dengan orang yang mencintai, antara orang yang taat dengan orang yang suka melakukan perkara bid'ah.

Dengarlah sebahagian ucapan para ulama:

"Jadilah kamu di dunia ini bagaikan orang yang membalut lukanya dan menahan pahitnya suatu ubat kerana mengharapkan hilangnya penyakit."

Semua cubaan, ujian dan penyakit akan timbul daripada pergaulanmu dengan manusia dan dengan pandangan bahawa mereka boleh mendatangkan mudarat dan manfaat, memberi dan mencegah. Ubat yang sebenarnya dan hilangnya penyakit akan berlaku jika engkau melepaskan diri dari manusia, dari hatimu, dan dari maksudmu ketika turunnya qadha' dan qadar. Agar engkau tidak menuntut untuk menjadi pemimpin di kalangan manusia dan mencari ketinggian atas mereka. Hendaklah hatimu menyendiri kepada Allah, dan membersihkan batinmu untuk-Nya serta menaikkan tekadmu untuk-Nya.

Jika semuanya ini terlaksana dengan sempurna, maka akan naiklah

darjat hatimu, dan berdesak-desaklah dengan barisan para Nabi, Rasul, para syuhada, para solehin dan malaikat muqarrabin. Apabila semuanya ini mampu engkau kekalkan, maka engkau akan menjadi orang yang terbesar, terhormat, tertinggi, terdepan, berkuasa dan memerintah. Dikembalikan kepadamu apa yang sudah terlepas daripadamu, diberikan kepadamu apa sudah kamu berikan. Orang yang bernasib buruk adalah orang yang terhalang mendengarkan perkataan ini, percaya kepadanya dan menghormati para pelakunya.

Wahai orang yang disibukkan oleh mata pencarian...! Kekayaan dan penghidupan ada di sisiku, semua keuntungan ada padaku, kenikmatan yang terakhir juga berada padaku. Suatu ketika, aku tak ubahnya sebagai seorang penguasa, adakalanya aku sebagai perantara dan adakalanya aku menjadi pemilik kesenangan itu, sedangkan engkau tidak memiliki harta akhirat. Jika diperolehi sesuatu dari akhirat di sisiku, maka aku tidak akan memakannya seorang diri, kerana seorang yang mulia tidak akan makan seorang diri.

Barangsiapa yang telah melihat kemuliaan Allah, maka engkau tidak menemui kebakhilan padanya. Barangsiapa yang mengenal Allah, maka akan rendahlah dalam pandangannya semua yang ada di alam raya ini, dan yang mulia baginya hanya Allah. Orang yang mengenal Allah itu telah mati nafsu kemanusiaannya. Dia menjadi tenteram dan berpegang teguh kepada janji Allah dan takut kepada-Nya.

Ya Allah...! Berilah kami rezeki sebagaimana yang telah direzekikan kepada kaum yang lain.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 15

Membentuk Keutamaan Pada Diri Mukmin

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad, 9 Zulkaedah, 545H.

ORANG mukmin hanya berusaha untuk mencari bekalan menuju akhirat, sementara orang kafir berusaha untuk mencari harta bagi kesenangan mereka di dunia. Orang mukmin mencari bekal kerana mereka sedang berada dalam suatu perjalanan yang memadai dengan hanya berbekalkan sedikit harta, dan menyediakan harta yang banyak untuk keperluan kehidupan akhirat. Mereka menyediakan untuk dirinya sekadar untuk menjadi bekal, bagaikan orang yang berkenderaan dengan kadar apa yang dapat dibawanya. Semua miliknya dipersiapkannya untuk akhirat. Semua hati dan cita-citanya digantungkannya di sana. Dialah orang yang memutuskan hatinya di dunia.

Mereka menumpukan semua ketaatannya untuk akhirat, bukan untuk dunia dan penghuninya. Seandainya mereka mempunyai makanan yang baik, maka diserahkannya kepada orang-orang fakir dan miskin, kerana dia tahu bahawa di akhirat kelak ia akan memakan makanan yang lebih baik dari itu. Tujuan terakhir bagi seorang yang beriman, orang yang arif dan alim adalah kedekatan kepada Allah Taala, mengaitkan hatinya kepada Allah di dunia sebelum di akhirat. Mendekatkan diri kepada Allah sejauh langkah hatinya dan sejauh pengembaraan batinnya.

Sesungguhnya aku melihatmu dalam keadaan berdiri, duduk, rukuk, sujud, jaga dan dalam keadaan keletihan, sedangkan hatimu tidak

berpindah dari tempatnya, tidak ke luar dari selubung perwujudannya dan tidak berpindah dari kebiasaannya. Luruskanlah pencarianmu kepada Allah, Tuhanmu, yang telah membuatmu kaya sehingga engkau mampu bersedekah lebih banyak daripada kerja keras yang engkau kerjakan. Ukirlah benih kewujudanmu dengan paruh sedekahmu, robohkanlah dinding pandanganmu kepada manusia dan membatasinya dengan pertolongan keikhlasan dan ketauhidanmu.

Pecahkanlah sangkar hatimu untuk condong kepada sesuatu dengan kezuhudan padanya. Terbanglah engkau dengan hatimu sehingga engkau mendapatkan pantai yang mendekatkan engkau kepada Tuhanmu. Ketika itu akan bertiuplah angin haluan yang kencang beserta dengan sampan pertolongan, mengangkatkmu dan menyampaikan kamu kepada Tuhanmu.

Dunia ini tak ubahnya bagaikan samudera, sedangkan imanmu adalah bagaikan perahunya. Oleh yang demikian, maka Luqman al-Hakim berkata:

"Wahai anakku...! Dunia ini adalah samudera, dan iman itu adalah perahunya. Angin haluan adalah ketaatan, sementara pantai itu adalah ibarat akhirat."

Wahai orang yang terus menerus melakukan perbuatan maksiat...! Tidak lama lagi akan datang kepadamu kebutaan, kepekakan, bencana, kemiskinan dan kekerasan hati semua makhluk akan engkau terima. Semua hartamu akan hilang musnah dengan kerugian, terbuang dan dicuri orang. Jadilah kamu orang yang berfikir, taubatlah kepada Tuhanmu. Janganlah kamu bersekutu dengan hartamu, janganlah kamu bersusah payah untuknya, janganlah kamu berdiam diri bersamanya.

Keluarkanlah ia dari hatimu. Letakkanlah harta itu di rumahmu, dalam dompetmu atau bersama sahaya dan wakilmu. Waspadalah kamu tentang kematian. Sedikitkan kerakusan dan ketamakanmu, serta pendekkanlah angan-anganmu.

Abu Yazid al-Bustami berkata:

"Seorang yang beriman dan arif tidak akan menuntut sesuatu dari Allah baik di dunia mahupun di akhirat. Akan tetapi ia akan menuntut atau mencari Tuhannya."

وَأَنِيبُوٓا۟ إِلَىٰ رَبِّكُمْ ...

Ertinya:
"Dan kembalilah kamu kepada Tuhanmu."

(Az-Zumar: 54)

Iaitu kembali kepada Tuhanmu, dalam erti kembalilah dan serah-kanlah semuanya kepada-Nya. Serahkanlah jiwamu kepada-Nya. Campakkanlah ia di hadapan qadha'-Nya, qadar-Nya dan amar-Nya, nahi-Nya dan putaran oleh-Nya. Campakkanlah hatimu di hadapan-Nya, tanpa lidah, tanpa tangan, tanpa kaki, tanpa mata, tanpa cara, tanpa mencela, menentang dan berselisih. Bahkan hendaknya dengan mengikut dan membenarkan. Hendaklah engkau mengatakan, bahawa semua perintah itu adalah benar, semua kepastian itu adalah benar, dan semua yang telah berlalu itu adalah benar. Apabila kamu telah berbuat demikian, sudah pasti hatimu akan kembali kepada Allah, menghadap kepada-Nya dan tidak terhibur dengan sesuatu selain daripada-Nya. Bahkan merasa khuatir dengan apa yang berada di bawah 'Arasy hingga sampai ke bumi.

Kamu menghindar atau menjauhkannya daripada manusia. Kekal dalam keadaan terputus dan tercabut dari semua yang baru (huduth). Tidak akan bersopan santun kepada guru, kecuali orang-orang yang telah melayani mereka dan melihat bagaimana sikap mereka terhadap Allah.

Suatu kaum telah menjadikan pujian dan celaan bagaikan musim hujan dan musim kemarau, bagaikan siang dengan malam. Kedua-duanya dipandang sama-sama datang dari Allah, kerana tidak akan mampu menciptakannya kecuali Allah. Ketika semuanya ini ternyata di kalangan mereka secara sesungguhnya, maka mereka tidak akan melakukan kesalahan dengan adanya suatu pujian, dan tidak pula akan memusuhi orang yang mencela mereka. Mereka tidak disibukkan oleh orang-orang pemuji dan pencela tersebut. Kerana hati mereka sudah kosong daripada rasa cinta dan rasa benci terhadap makhluk, yang tinggal bermayam di dalam hati mereka ialah perasaan kasih sayang.

Apakah akan bermanfaat bagimu ilmu tanpa kebenaran....? Sesungguhnya Allah telah menyesatkan engkau dari ilmu pengetahuan. Engkau belajar solat dan puasa adalah untuk manusia, sehingga mereka mengakui kataatan engkau dan menyerahkan mereka untukmu, memujimu di dalam rumah dan di tempat-tempat pertemuan mereka.

Engkau dianggap berjaya dalam hal ini. Tetapi jika kematian datang menjemputmu, seksaan, kesusahan, kesempitan dan berbagai jenis kesulitan akan mengubah bahkan memutuskan hubungan antara kamu dengan mereka, mereka tidak berguna bagimu walau sedikit pun, dan semua yang engkau perolehi dari mereka telah dimakan oleh orang lain, manakala seksaan dan hisab terhadap semuanya itu adalah tanggungjawabmu.

Wahai orang yang berpaling dari kebenaran...! Wahai orang yang bernasib buruk...! Engkau termasuk ke dalam golongan orang yang bekerja keras di dunia, hingga engkau letih. Namun di akhirat kelak, engkau akan lebih letih lagi di dalam neraka. Ibadah adalah suatu amalan, dan orang yang ahli di bidangnya ialah para auliya' dan para wali abdal, yang selalu ikhlas dan mendekatkan diri mereka kepada Allah. Seorang alim yang mengamalkan ilmunya adalah khalifah Allah di permukaan bumi, bahkan ia juga sebagai utusan, sebagai pewaris para anbiya' dan mursalin. Bukan kamu, wahai orang-orang yang bodoh, wahai orang-orang yang disibukkan dengan ucapan lidah, orang yang kelihatannya pandai pada zahir, tetapi bodoh di dalam batinnya.

Wahai hamba...! Kamu bukanlah apa-apa...! Islam tidak layak bagimu. Islam tak ubahnya bagaikan suatu dasar yang di atasnya didirikan suatu kesaksian. Engkau tidak mampu mengucapkan syahadah dengan sempurna malahan engkau mendustakannya. Di dalam hatimu terdapat beberapa Tuhan, ketakutanmu tertuju kepada pemerintahmu dan orang-orang yang berkuasa engkau jadikan Tuhanmu. Kekuatanmu engkau gantungkan kepada usahamu, keuntunganmu, daya dan upayamu, pendengaranmu, penglihatanmu dan ketangkasanmu, seakan-akan semuanya itu adalah Tuhan bagimu. Engkau menyangka, bahawa bahaya, mudarat, manfaat, memberi dan mencegah adalah terletak di tangan manusia dan datang dari manusia. Ini juga merupakan suatu pentuhanan.

Tidak sedikit orang yang bergantung kepada hal ini dengan sepenuh hati, mereka seakan-akan menampakkan kebergantungannya kepada Allah. Pada hal ucapan mereka mengenai Allah hanya suatu kebiasaan belaka, ia hanya ucapan lidah tidak disertai dengan hati. Apabila mereka diyakinkan tentang perkara tersebut, maka mereka membantah dan mengatakan: "Apakah yang akan kamu katakan kepada kami mengenai hal ini...? Bukankah kami juga orang-orang Islam...?" Namun kelak akan jelaslah keaiban mereka dan tampaklah kecenderungan mereka.

Celakah engkau...! Ketika engkau mengucapkan (لَا إِلَهَ), maka bererti ucapanmu itu mengukuhkan tentang penafian segala sesuatu secara keseluruhan (kulli). Manakala ucapan yang berbunyi: (إِلَّا الله) adalah mengukuhkan untuk menetapkan (ithbat) bahawa segala sesuatunya ini adalah milik Allah semata-mata, bukan untuk yang lain. Maka jika suatu ketika hatimu bergantung kepada yang lain selain daripada al-Haq, maka engkau telah berdusta dalam ucapanmu itu, dan bermakna apa yang engkau pergantungi itu adalah Tuhanmu ketika itu. Tanpa memandang kepada faktor lahiriyah.

Hati...! Hatilah yang beriman...! Hatilah yang mengesakan Allah...! Hatilah yang memurnikan akidah...! Hatilah yang ikhlas...! Hatilah yang bertakwa...! Hatilah yang memelihara diri daripada yang haram dan yang syubhat (wara')...! Hatilah yang yakin...! Hatilah yang zuhud...! Hatilah yang arif...! Hatilah yang beramal...! Hatilah yang memimpin seluruh jasad manusia, sementara seluruh anggota badan (jawarih) adalah anggota pasukan dan pengikutnya. Jika engkau mengucapkan (لَا إِلَهَ إِلَّا الله), maka lebih dahulu hendaklah engkau ucapkan dengan hatimu, kemudian engkau iringi dengan lidahmu, berserah dirilah engkau atasnya dan bergantunglah engkau kepadanya, jangan kepada yang lain.

Sibukkanlah jasad lahirmu dengan hukum Allah, sementara batinmu engkau sibukkan dengan Allah. Tinggalkanlah kebaikan dan keburukan pada zahiryahmu, sementara batinmu engkau sibukkan dengan al-Khaliq, pencipta kebaikan dan keburukan. Barangsiapa yang mengenal-Nya, maka ia akan merendahkan diri kepada-Nya, lidah akan berkata-kata di hadapan-Nya. Rendah diri kepada-Nya dan kepada hamba-hamba-Nya yang soleh. Berlipat gandalah tekadnya, kesusahan dan tangisnya. Bertambahlah ketakutan dan gementarnya, bertambah banyak malu dan penyesalannya atas tindakannya yang telah berlalu dengan berbagai kesalahannya, bertambahlah kewaspadaan dan ketakutannya akan hilangnya sesuatu yang dimilikinya, berupa pengetahuan dan ilmu serta kedekatannya kepada Allah, kerana Allah telah berfirman, yang berbunyi:

إِنَّ رَبَّكَ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٠٧﴾

Ertinya:
"Sesungguhnya Tuhanmu Maha Pelaksana terhadap apa yang dikehendaki-Nya."

(Hud: 107)

Dan firman-Nya lagi, yang berbunyi:

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

Ertinya:
"Dia tidak ditanya tentang apa yang dilakukan-Nya, tetapi merekalah yang akan ditanyai (tentang apa yang mereka lakukan)."

(Al-Anbiya': 23)

Dia mundar-mandir dalam pandangannya tentang apa yang telah berlalu daripada keterlaluan dan kelalaian, tidak tahu malu, kekerasan, kebodohan dan kesedihannya, maka mengalirlah perasaan malu dan ketakutannya akan seksa, lantas iapun memandang ke masa depan, apakah ia akan menerima atau menolak. Apakah ia akan merampas apa yang diberikan atau ia akan tetap bingung dalam keadaannya. Apakah pada hari kiamat kelak, ia akan berteman dengan orang-orang beriman atau berteman dengan orang kafir. Kerana Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

أَنَا أَعْرَفُكُمْ بِاللهِ وَاَشَدُّكُمْ لَهُ خَوْفًا.

Ertinya:
"Aku adalah orang yang lebih mengenal Allah daripada kamu, dan aku adalah orang yang lebih takut di antara kamu kepada-Nya."

(Riwayat Imam Bukhari)

Termasuk orang-orang yang arif dalam keganjilan dan kejarangannya, adalah orang-orang yang tidak mahu mendatangi tempat mereka, kecuali orang-orang yang telah dibacakan apa yang telah ditetapkan untuknya pada masa lalu. Ia mengetahui tempat berlindungnya dan tempat ke mana ia akan kembali. Telah dibacakan semua rahsianya yang berada di Lauh Mahfuz. Maka hatipun disuruh untuk hal ini dan disuruh untuk menyembunyikannya, serta tidak memperlihatkannya kepada nafsu.

Permulaan dari perintah itu ialah Islam, lalu melakukan semua perintah dan menghentikan semua larangan, bersabar terhadap semua ujian. Adapun puncak perintah ini adalah zuhud daripada apa yang selain Allah. Baginya adalah sama antara emas dan debu, pujian dan celaan, pemberian dan pencegahan, syurga dan neraka, nikmat dan seksa, miskin dan kaya, wujudnya manusia atau tidak. Jika semua ini telah terlaksana

dengan sempurna, maka Allah akan berada di sebalik semuanya. Kemudian datanglah pengesahan dari Allah dengan kepemimpinan dan kekuasaan atas semua manusia. Setiap orang yang memandangnya akan memperolehi manfaat daripadanya. Semuanya itu adalah kerana wibawa Nur Ilahi yang telah disandangnya.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 16

Janganlah Menentang Takdir dan Menghujahnya

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Selasa, 11 Zulkaedah, 545H.

IMAM Hasan al-Basri berkata:

"Rendahkanlah dunia, kerana Demi Allah ia tidak akan menjadi baik, kecuali setelah engkau merendahkannya."

Wahai hamba...! Mengamalkan al-Quran itu akan menghentikan engkau untuk tegak di persemayaman Allah. Manakala mengamalkan sunnah Rasulullah s.a.w., akan menghentikan engkau untuk tegak di persemayaman Rasulullah s.a.w. Semangat dan jiwa al-Quran itu sentiasa mengitari jiwa suatu kaum tanpa hentinya. Dialah yang mengharum dan mewangikannya, yang akan membersihkan batin mereka dan menghiasainya, dialah yang akan menjadi anak kunci gerbang kedekatannya.

Dialah yang mengatur dan menghubungkan antara hati dengan batin dan di antara mereka dengan Allah. Ketika kita langkahkan kaki kita selangkah ke hadapan, maka bertambahlah kegembiraan dan kebahagiaannya. Barangsiapa yang dikurniai hal seperti ini, maka wajiblah atasnya bersyukur dan menambah ketaatannya. Adapun kegembiraan tanpa hal ini adalah merupakan suatu kebodohan. Seorang yang bodoh dan dungu akan bergembira di dunia, sementara orang yang mengerti akan merasa sedih. Orang yang bodoh akan menyaingi dan melawan takdir, sementara orang yang berilmu akan berusaha untuk menyesuaikan diri

dengan takdir dan meredhainya.

Wahai fakir...! Janganlah kamu menentang takdir dan melawannya, kerana perbuatan itu akan membinasakan engkau. Sebaliknya, hendaklah engkau meredhai semua perbuatan Allah, dan lepaskanlah perhatianmu daripada semua manusia, kemudian tumpukanlah ingatanmu kepada Allah, Pencipta manusia. Dengan demikian, engkau akan menemui-Nya dengan hatimu, dengan batinmu dan dengan pengertianmu. Jika kamu sentiasa mengikut dan mentaati Allah, Rasul-Nya dan hamba-hamba-Nya yang soleh. Jika kamu mampu melayani orang-orang yang soleh, maka lakukanlah, kerana semuanya itu akan mendatangkan kebaikan kepadamu, baik di dunia dan di akhirat.

Seandainya kamu memiliki seluruh dunia dan isinya, sedangkan hatimu tidak seperti mereka, maka engkau tidak akan mampu memiliki walau sebesar zarah pun daripada apa yang telah dimiliki oleh mereka, yakni orang-orang yang telah tenang hatinya dengan Allah dan sentiasa bersama-Nya, dunia mahupun akhirat, memberikan hukum kepada orang-orang awam dan orang-orang yang khusus dengan hukum-hukum Allah.

Celakalah engkau...! Kenalilah kemampuan dan kedudukanmu. Apakah yang sudah engkau miliki jika dibandingkan dengan mereka...? Kamu dan semua cita-citamu hanyalah untuk makan, minum, pakaian, kahwin, mengumpulkan harta yang disertai sifat tamak. Seseorang yang terlalu cenderung dan aktif dalam urusan dunia, akan kosong jiwanya daripada memikirkan masalah akhirat. Tindakan yang kamu lakukan itu bermakna engkau berusaha menyegarkan dagingmu, kemudian engkau hidangkan dagingmu itu kepada lalat atau ulat-ulat dan serangga bumi. Ingatlah pesanan Rasulullah s.a.w., yang berbunyi:

إِنَّ اللهَ عَزَّوَجَلَّ مَلَكًا يُنَادِي كُلَّ يَوْمٍ غَدْوَةً وَعَشِيَّةً يَا بَنِيْ ءَادَمَ لِدُوا لِلْمَوْتِ وَابْنُوْا لِلْخَرَابِ وَاجْمَعُوْا لِلأَعْدَاء.

Ertinya:
"Sesungguhnya Allah 'Azza Wa Jalla mempunyai Malaikat, yang sentiasa memanggil setiap pagi dan petang. "Hai anak Adam...! Bersiap-siaplah kamu untuk mati, dan bangkitlah kamu untuk kebinasaan, serta berkumpullah kamu untuk musuh."

Seorang mukmin itu mesti mempunyai niat yang baik dalam semua

tindakan dan perilakunya. Ia tidak beramal di dunia untuk dunia, malahan ia melakukan segala sesuatunya di dunia ini adalah untuk akhirat. Diramaikannya masjid-masjid, rumah-rumah ibadah, madrasah-madrasah, pondok-pondok dan dibersihkannya jalan-jalan kaum muslimin. Dan jika bukan untuk itu, maka untuk keluarga, wanita-wanita janda, orang-orang miskin dan orang-orang fakir serta sesuatu yang wajib dilakukan ke atas harta tersebut.

Dilakukannya hal itu sehingga dibangunkan untuknya sebuah mahligai di akhirat sebagai gantinya. Ia tidak membangun untuk memenuhi keinginan dan hawa nafsunya. Jika semua ini telah dilaksanakan dengan sebaik-baiknya oleh anak Adam, maka ia akan berada bersama-sama Allah dalam seluruh keadaannya. Maka jadilah wujudnya bersama Allah dan fana'nya bersama Allah. Hatinya tak ubahnya bagaikan hati para Nabi dan Rasul. Ia menerima semua yang mereka sampaikan, baik ucapan, perbuatan, keimanan mahupun keyakinan, sehingga sudah pasti hati mereka setingkat dengan hati para Nabi dan Rasul itu, baik di dunia dan akhirat.

Orang yang sentiasa ingat kepada Allah, akan sentiasa hidup, berpindah daripada suatu kehidupan kepada kehidupan yang lain.[18] Maka tiada kematian baginya, kecuali dalam waktu yang relatif singkat.

Apabila yang demikian itu telah menetap di dalam hatinya, maka akan sentiasalah hamba itu mengingat Allah dengan hatinya. Jika ia mampu berbuat demikian, maka ia akan sentiasa memeliharanya, meskipun mereka tidak mengingati-Nya dengan lidahnya. Setiap kali hamba itu ingat kepada Allah, maka akan sentiasalah ia setuju dan tunduk serta redha atas semua perbuatan Allah.

Andaikata dia tidak setuju kepada Allah dengan datangnya musim panas. Apakah dia akan mendustakan adanya musim panas itu...? Andaikata ia tidak bersetuju kepada Allah dengan didatangkan-Nya musim sejuk, apakah dia boleh berkehendak menciptakan musim panas...? Persetujuan atau redha terhadap kedua-dua musim itu akan melenyapkan semua hal-hal yang menyakitkan dan kesulitan yang timbul akibat kedua-dua musim tersebut ketika ia telah mencapai puncaknya. Begitu juga dengan kesetujuan dan keredhaanmu terhadap sebarang bencana dan malapetaka, akan melenyapkan kesusahan, kesempitan, keterkejutan dan

---

18. Maksudnya bepindah daripada kehidupan dunia kepada kehidupan akhirat. (Penterjemah)

kegoncangan ketika datangnya bencana itu.

Betapapun mengagumkan prestasi yang dicapai oleh suatu kaum atau bangsa, dan walau betapapun hebatnya kedudukan mereka, namun semuanya itu adalah datang dari al-Haq demi kebaikan mereka. Allah 'Azza Wa Jalla telah menyirami mereka dengan saripati kemakrifatan-Nya, dan ditidurkan-Nya mereka di dalam pangkuan Rahman dan Rahim-Nya, dihibur-Nya mereka dengan kelembutan-Nya. Dengan demikian, sudah pasti mereka akan memperolehi kedudukan yang baik bersama-Nya dan meninggalkan segala sesuatu selain daripada-Nya. Mereka sentiasa mati di hadapan-Nya, sementara al-Haq telah memberikan kehebatan-Nya. Jika Allah menghendaki, maka Dia akan membangunkan mereka, menegakkan dan menghidupkan mereka serta menghantarkan mereka ke puncak yang tertinggi. Mereka di hadapan Allah, tak ubahnya bagaikan Ashab al-Kahfi di dalam gua mereka, sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya, yang berbunyi:

وَنُقَلِّبُهُمْ ذَاتَ ٱلْيَمِينِ وَذَاتَ ٱلشِّمَالِ ۖ ...

Ertinya:
"Dan Kami bolak-balikkan mereka ke kanan dan ke kiri."

(Al-Kahfi: 18)

Mereka adalah manusia yang paling cerdik, mereka sentiasa mengharapkan pengampunan dan keselamatan daripada Tuhan mereka dalam segala keadaan. Itulah cita-cita hidup mereka.

Celakalah kamu...! Kamu beramal dengan amalan penghuni nereka, padahal kamu mengharapkan syurga. Kamu telah mengharapkan sesuatu yang tidak pada tempatnya. Janganlah kamu tertipu dengan sesuatu yang engkau pinjam dan engkau menyangka bahawa pinjaman itu milikmu. Ingatlah, dalam waktu dekat semuanya itu akan ditarik daripada kamu. Allah Yang Maha Benar memang telah meminjamkan kehidupan kepada kamu, sehingga engkau memperolehi suatu pemberian di dalamnya. Kamu dapat saja melakukan dalam hidup ini segala sesuatu yang kamu ingini, namun kamu akan dimintai bertanggungjawab kelak di hadapan Rabb al-Jalil. Begitu juga dengan kesihatan, kekayaan, pangkat dan semua apa yang ada di sisimu, semuanya itu adalah pinjaman buatmu.

Ingatlah...! Bahawa semua kenikmatan yang engkau miliki itu adalah

datang dari Allah. Maka jadikanlah semuanya itu sebagai penolong kamu dalam melakukan ketaatan. Segala yang engkau sukai akan mendatangkan kesibukan, sementara orang yang sibuk tidak akan mengharapkan selain daripada keselamatan bersama al-Haq.

Diriwayatkan oleh sebahagian ulama, dia berkata:

"Ikutilah kehendak Allah terhad makhluk-Nya, dan jangan engkau ikuti kehendak makhluk terhadap Allah."

Hilanglah semangat orang yang hendak memutuskan hubungan dengan-Nya, dan sejahteralah bagi mereka yang ingin memperbaiki hubungan dengan-Nya. Belajarlah engkau bagaimana mengikut dan meredhai Allah daripada hamba-hamba-Nya yang soleh dan sentiasa mentaati semua perintah-Nya:

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 17

Tiada Kebahagiaan Selama Cinta Tertumpah Kepada Dunia

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat pagi, 14 Zulkaedah, 545H.

JANGANLAH engkau cemas tentang rezekimu, kerana pencariannya kepadamu lebih kuat daripada engkau mencarinya. Apabila kamu telah memperolehi rezeki untuk hari ini, maka janganlah engkau risaukan rezeki untuk hari esok, sebagaimana engkau tidak lagi merisaukan hari kemarin yang sudah berlalu. Sedangkan hari esok, apakah engkau tahu sama ada ia akan sampai kepadamu atau tidak.

Uruslah keperluanmu untuk hari ini. Seandainya kamu mengenal Allah, maka kamu akan menyibukkan diri dengan-Nya dan menjauhkan dirimu daripada memburu rezeki, kerana perasaan takut kepada-Nya itu akan mampu mencegahmu daripada memburu rezeki. Seseorang yang mengenal Allah itu akan kaku lidahnya, ia akan sentiasa membisu di hadapan al-Haq, hingga Dia mengembalikannya sebagai orang yang memperbaiki keadaan manusia. Jika Dia telah mengembalikannya kepada manusia, maka dibuangkanlah segala kekakuan lidah dan kebisuannya dengan segera.

Ketika Nabi Musa a.s. menjadi penggembala kibas , lidahnya gagap dan ia bercakap dengan gopoh, sehingga ucapannya adakalanya tidak dapat difahami. Maka ketika Allah menghendaki untuk mengembalikannya kepada kaumnya, maka Dia memberi ilham kepada hamba-Nya itu, sehingga Musa berkata:

وَٱحۡلُلۡ عُقۡدَةٗ مِّن لِّسَانِي ٢٧ يَفۡقَهُواْ قَوۡلِي ٢٨

Ertinya:
"Dan lepaskanlah simpulan lidahku, supaya mereka faham perkataanku...!"

(Thaha: 27-28)

Melalui permohonan ini, seakan-akan beliau berkata:

"Ketika aku berada di padang penggembalaan kibasku, aku tidak mempedulikan hal ini. Tetapi, sekarang aku telah dan mesti mengurus semua manusia dan berkata-kata kepada mereka, maka ketika ini aku amat menghendaki agar kekakuan lidahku ini dihilangkan."

Maka dihilangkanlah kekakuan lidahnya sehingga beliau mampu berkata-kata kepada manusia sebanyak 90 perkataan dengan fasih, kata-kata yang dapat difahami oleh orang yang mendengarnya dengan mudah, setaraf dengan kata-kata yang diucapkan oleh orang lain, bagaikan kemampuan beliau berkata-kata ketika beliau masih kecil, di saat beliau mampu berbicara sebelum ketikanya kepada Fir'aun dan Asiah. Maka Allah menyuapkan bara api ke mulutnya, sehingga ia menjadi kurang fasih berkata-kata.

Wahai hamba...! Aku melihat, bahawa kamu hanya sedikit sekali mengenal Allah dan Rasul-Nya, sedikit sekali mengenal kekasih Allah dan pewaris para Nabi-Nya untuk manusia. Kamu adalah manusia yang kosong daripada pengertian, tak ubahnya bagaikan sebuah sangkar tanpa burung, atau bagaikan rumah kosong yang sudah hancur luluh, atau bagaikan pohon kering yang daunnya berguguran.

Semaraknya hati seorang hamba adalah dengan Islam, kemudian dengan meyakini hakikat dan kewujudan Islam itu, iaitu penyerahan jiwa dan raga secara menyeluruh. Serahkanlah dirimu kepada Allah Yang Haq, maka Dia akan menyelamatkan engkau, menyelamatkan nafsumu dan dirimu sendiri. Keluarlah engkau dengan hatimu dari dirimu dan dari semua makhluk, khususnya manusia, kemudian menetaplah kamu di hadapan Yang Maha Haq dengan bertelanjang daripada dirimu dan daripada segala insan.

Jika al-Haq mengehendaki, maka Dia akan memberimu pakaian dan mengembalikan engkau kepada mahluk manusia. Kerana itu, ikutilah

perintah-Nya kepadamu dan kepada semua makhluk, disertai dengan sikap redha kepada Rasul yang saudah diutus-Nya. Kemudian hendaklah kamu berdiam, menunggu apa yang akan diperintahkan kepadamu, selaku orang yang mentaati semua ketentuan yang sudah ditetapkan buatmu. Setiap orang yang sudah melepaskan diri daripada segala sesuatunya selain daripada Allah, dan memusatkan fikiran di hadapan-Nya dengan tapak hati dan batinnya, maka orang itu telah berkata dengan cara ungkapan lisan al-hal (bahasa tindakan), sebagai-mana yang diucapkan oleh Nabi Musa a.s., yang berbunyi:

قَالَ هُمْ أُوْلَآءِ عَلَىٰٓ أَثَرِى وَعَجِلْتُ إِلَيْكَ رَبِّ لِتَرْضَىٰ ﴿٨٤﴾

Ertinya:
"Berkata Musa, 'Itulah mereka sedang menyusuli dan aku bersegera kepada Engkau, ya Tuhanku, supaya Engkau Redha (kepadaku).'"

(Thaha: 84)

Aku telah melepaskan duniaku, akhiratku dan semua manusia. Telah aku putuskan semua sebab akibat dan telah aku tinggalkan semua bentuk pemilikan. Aku datang kepada-Mu dengan tergesa-gesa, agar Engkau meredhaiku, memberi keampunan kepadaku dan menempatkan aku bersama orang-orang yang telah mendahuluiku.

Hai orang-orang yang bodoh...! Apakah yang engkau memiliki dan untuk apakah semuanya itu...? Engkau hanyalah seorang hamba nafsu, hamba dunia dan hamba makhluk. Engkau hanyalah hamba manusia, engkau bersekutu dengan mereka. Kerana engkau berpendapat, bahawa akan ada manfaat dan mudarat yang datang dari mereka. Engkau hanyalah hamba syurga, kerana engkau sentiasa berangan-angan untuk memasukinya. Engkau juga adalah hamba neraka, kerana engkau sentiasa takut untuk masuk ke dalamnya.

Di manakah letak kedudukan kamu di hadapan Yang Maha Mengubah hati dan penglihatan. Yang berkata kepada sesuatu dengan kalam-Nya yang berbunyi:

كُن فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

Ertinya:
"Jadilah...! Maka jadilah sesuatu itu...!"

(Yasin: 82)

Wahai hamba...! Janganlah kamu tertipu dengan kepatuhanmu dan janganlah kamu kagum dengannya. Bermohonlah kamu kepada Allah, agar Dia berkenan menerima ketaatan itu. Selain itu, waspada dan hati-hatilah, takutlah engkau jika engkau dialihkan kepada yang lain. Apakah yang akan melindungimu, jika dikatakan kepada ketaatanmu itu: "Jadilah engkau sebagai suatu kederhakaan...!" Dan dikatakan pula kepada kebersihanmu: "Jadilah engkau sebagai kekotoran...!"

Barangsiapa yang mengenal Allah, maka dia tidak akan menetap dengan sesuatu dan tidak akan tertipu dengan sesuatu. Dia tidak akan merasa aman, sehingga dia ke luar dan dunia ini dengan pegangan agama yang selamat, dan terpelihara apa yang ada di antara dirinya dengan Allah.

Wahai kaumku...! Adalah wajib atasmu untuk mengamalkan amalan-amalan hati dan mengikhlaskannya. Ikhlas yang sejati ialah menjauhkan daripada selain Allah, sedangkan mengenal Allah itu dapat dikatakan sebagai sumber keikhlasan. Aku tidak melihat kebanyakan manusia, kecuali orang-orang yang berdusta dalam ucapan dan tindakannya, baik secara terang-terangan mahupun secara samar-samar. Mengapa engkau tidak memiliki keteguhan hati dalam berkata dan bertindak...? Mengapa segala tindakanmu tidak mempunyai nilai keikhlasan dan tauhid...? Semua keburukan dan kebusukan telah disampaikan kepadaku, dan kamu telah mengakuinya. Oleh itu, apakah yang bermanfaat bagimu, sehingga engkau berharap, bahawa Allah al-Haq akan menerima dan meredhaimu...?

Dalam waktu dekat ini, akan terlihatlah betapa buruknya balasan yang akan engkau terima ketika dituang dan dinyalakan api neraka. Dikatakan, ini putih, ini hitam dan ini samar-samar, maka semuanya itu ditempatkan dengan penuh teliti pada hari kiamat. Ketika itu dikatakan kepada makhluk: "Amal yang telah engkau lakukan dalam hal ini, balasannya begini...!" Setiap amal yang diperuntukkan kepada selain Allah akan batal. Maka beramallah kamu, cintailah, bersahabatlah dan carilah Zat:

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ۝١١

Ertinya:

"Tiada suatu yang sama dengan-Nya, dan Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha melihat."

(Asy-Syura: 11)

Nafikanlah, kemudian tetapkanlah. Nafikanlah daripada-Nya segala sesuatu yang tidak layak bagi-Nya, kemudian tetapkanlah dengan-Nya sesuatu yang layak bagi-Nya, iaitu sesuatu yang Dia redha bagi-Nya dan diredhai oleh Rasul-Nya.

Jika engkau lakukan semuanya ini, maka akan hilanglah kebimbangan dan kekosongan dalam hatimu. Bersahabatlah engkau dengan Allah, Rasul-Nya dan hamba-hamba-Nya yang soleh dengan menggunakan, memuliakan dan bersikap hormat. Jika salah seorang di antara kamu menghendaki kebahagiaan, maka janganlah ia datang kepadaku kecuali dengan akhlak dan adab yang baik. Jika tidak, maka janganlah engkau datang, selama kesombongan masih bersarang dalam hatimu. Campakkanlah kesombongan itu ketika ini yakni ketika engkau berada di sisiku. Boleh jadi, seseorang yang mahu menghormati sekaligus mempunyai adab dan kelakuan yang baik secara sedar dan disengaja.

Seorang tukang masak itu akan mengetahui masakannya. Seorang pembuat roti akan mengetahui rotinya. Seorang tukang akan mengetahui hasil kerjanya. Seorang juru dakwah itu akan mengetahui objek dakwahnya, iaitu orang-orang yang hadir ketika ia menyampaikan dakwahnya.

Duniamu telah membutakan mata hatimu, sehingga engkau tidak melihat sesuatu pun dengannya. Berhat-hatilah engkau terhadap dunia, kerana ia akan meletakkan engkau di dalam dirinya setahap demi setahap sehingga engkau tersepit olehnya, dan kelak di akhirat dunia ini akan menyembelihmu.

Dunia akan memberi engkau minum dengan minuman yang memabukkan dan menghilangkan akal. Kemudian ia akan memutuskan tangan dan kaki kamu serta menusuk matamu. Ketika pengaruh dzat yang menghilangkan akal kamu itu telah hilang dan engkau beransur-ansur sembuh, maka engkau akan melihat apa yang telah dilakukan oleh dunia ini kepadamu. Itulah akibat mencintai dunia, mengikut kemahuannya dan rakus terhadapnya serta tamak dalam mengumpulkan isinya. Itulah perbuatan dunia terhadap kamu. Oleh itu, sentiasalah engkau berhati-hati terhadap dunia.

Wahai hamba...! Tidak akan pernah wujud kebahagiaan di dalam hatimu, selama cintamu tertumpah kepada dunia. Dan engkau, wahai manusia yang mengaku mencintai Allah...! Tidak akan ada kebahagiaan

dan kebenaran bagimu, selama engkau mencintai akhirat dan segala sesuatu selain daripada Allah. Seorang yang arif tidak akan mencintai ini dan tidak akan mencintai itu serta apa juapun selain daripada Allah al-Haq. Jika cintanya kepada al-Haq sudah sempurna dan nyata, maka akan datanglah dunia itu kepadanya dengan merendah diri dan mencukupkan segala keperluannya.

Demikian juga ketika ia telah mencapai akhirat, maka semua yang telah ditinggalkannya akan dilihatnya di pintu gerbang al-Haq. Sesuatu yang ditinggalkannya itu, telah lebih dahulu sampai ke sana, kerana ia meninggalkannya kerana Allah. Allah akan memberi bahagian kepada para kekasih-Nya, padahal mereka menjauhkan diri daripadanya.

Bahagian untuk hati berada di dalam batinnya, sementara bahagian untuk nafsu berada pada jasad zahiryahnya. Oleh yang demikian, bahagian hati tidak akan datang, kecuali apabila seseorang itu menolak bahagian nafsunya. Jika engkau mampu melakukannya, maka akan terbukalah kepadamu pintu-pintu bahagian hatimu, sehingga ketika hati telah merasa cukup dengan bahagiannya, maka Allah akan memberikan rahmat-Nya untuk nafsu. Dikatakan kepada hamba ini: "Janganlah engkau bunuh nafsumu...! Kerana ketika ini ia akan memperolehi bahagiannya, sehingga engkau akan memperolehinya dalam keadaan tenang (mutmainnah)."

Tinggalkanlah tempat duduk pada suatu majlis atau pertemuan yang mungkin akan menjadikan engkau seorang pencinta dunia, sebaliknya carilah tempat duduk yang memberi pengaruh kepadamu untuk membenci dunia (zuhud). Setiap jenis manusia akan cenderung kepada jenisnya sendiri, yang satu akan bersandar kepada yang lain. Orang yang mencintai akan bersama dengan orang yang dicintainya, sehingga mereka akan menemui apa yang mereka cintai di sisi mereka. Orang yang mencintai Allah, akan saling memadu cinta kerana-Nya.

Dengan demikian, pastilah sudah bahawa Dia mencintai mereka, mendukung dan mengukuhkan antara satu dengan lainnya. Mereka saling membantu untuk menyeru manusia kepada keimanan, tauhid dan keikhlasan dalam setiap amal yang mereka lakukan. Meraih tangan mereka dan membimbingnya menuju jalan al-Haq kemudian meletakkannya di situ. Barangsiapa yang mahu melayani, maka dia akan dilayani, barangsiapa yang mahu melakukan kebaikan, maka dia akan diperlakukan dengan baik, barangsiapa yang memberi, maka dia akan

diberi. Jika engkau berbuat untuk neraka, maka neraka itulah kelak yang akan menjadi milikmu.

كَمَا تَدِيْنُ تُدَانُ - كَمَا تَكُوْنُوْا يُوَلَّ عَلَيْكُمْ.

Ertinya:
"Sebagaimana engkau berhutang, maka engkau akan dimintai hutang. Sebagaimana engkau ada, maka engkau akan dikuasai."

(Hadis dianggap dhaif oleh Al-Asqalani dan Al-Albani)

Semua amalmu itu adalah pekerja-pekerjamu. Engkau beramal sebagaimana amal penghuni neraka, padahal kamu mengharapkan syurga dari Allah. Bagaimanakah kamu berangan-angan untuk menjadi penghuni syurga sedangkan engkau tidak beramal dengan amalan yang boleh membawamu ke syurga...? Orang-orang yang berhati akan beramal di dunia dengan hatinya, bukan hanya dengan anggota badannya semata-mata. Apakah dapat disebut suatu amal, apabila perbuatan atau suatu amalan itu tidak seiring dengan hati...?

Seorang yang riya' akan beramal dengan anggota badannya saja, manakala orang yang ikhlas akan beramal dengan hati dan anggota badannya secara serentak. Mereka beramal dengan hatinya sebelum melaksanakan suatu amalan itu dengan anggota badannya. Orang yang beriman itu tak ubahnya bagaikan orang hidup, sedangkan orang munafik itu tak ubahnya bagaikan orang mati. Orang beriman itu beramal kerana Khaliq, sedangkan orang munafik beramal kerana makhluk, dengan mengharapkan pujian serta pemberian atas amal yang dilakukannya.

Amal orang mukmin itu adalah lahir dan batin, baik dalam keadaan bersendirian mahupun sedang dalam keramaian, baik secara samar-samar atau terang-terangan, baik dalam kemudahan mahupun kesulitan. Sementara amal yang dilakukan oleh orang munafik itu hanya dari segi zahirnya saja, ia akan mereka lakukan di saat orang ramai, mereka akan beramal hanya ketika berada dalam kemudahan, apabila ia mendapat kesulitan, maka ia akan berhenti beramal.

Orang-orang munafik tidak mempunyai tali persahabatan dengan Allah. Mereka tidak mempunyai keimanan terhadap Allah, para Rasul-Nya dan kitab-kitab-Nya. Mereka tidak ingat sama sekali kepada suatu hari, di saat manusia dihimpunkan dan hari perhitungan amal semua manusia. KeIslaman mereka hanyalah untuk menyelamatkan kepala dan

harta mereka di dunia, bukan untuk menyelamatkan diri mereka dari seksaan neraka Allah di akhirat kelak. Mereka melakukan puasa, solat dan membaca ilmu di hadapan manusia. Selanjutnya, apabila mereka telah berpisah dengan manusia, maka mereka akan kembali kepada kesibukan dan kekufurannya.

Ya Allah...! Lindungilah kami daripada keadaan ini. Kami bermohon kepada-Mu akan keikhlasan di dunia dan keikhlasan di akhirat kelak. Amin...!

Wahai hamba...! Adalah wajib bagimu untuk ikhlas dalam semua amalmu. Palingkanlah pandanganmu daripadanya (amalmu) dan janganlah kamu meminta balasan terhadap amalmu itu, baik kepada makhluk mahupun kepada Khaliq. Beramallah kamu kerana semata-mata mencari keredhaan Allah, bukan kerana kenikmatan-kenikmatan-Nya. Jadilah engkau sebahagian daripada orang-orang yang mengharapkan dzat Allah. Harapkanlah Zat Allah, sehingga Dia memberimu. Apabila Dia telah memberikannya kepadamu, maka engkau akan memperolehi syurga di dunia dan di akhirat. Syurga di dunia ialah dengan kedekatakan kepada-Nya, sedangkan syurga di akhirat ialah dengan melihat-Nya serta memperolehi balasan-balasan yang sudah dijanjikan.

Wahai hamba...! Serahkanlah diri dan hartamu kepada kekuasaan takdir-Nya, kepada hukum dan keputusan-Nya. Serahkanlah daripada satu pembeli kepada satu pembeli yang lain, dan kelak engkau akan memperolehi buahnya.

Wahai hamba Allah...! Serahkanlah jiwa kamu kepada-Nya, bernilai atau mungkin bernilai di sisi-Nya. Katakanlah:

"Jiwa, harta dan syurga itu semuanya adalah milik-Mu. Segala sesuatu selain daripada Engkau adalah milik-Mu. Kami tidak mengharapkan sesuatu selain daripada diri-Mu."

Ingatlah...! Bahawa jiran itu sebelum rumah, dan kawan itu sebelum berjalan.

Wahai orang yang menghendaki syurga, penanaman modal dan sahamnya adalah hari ini, bukan hari esok. Perbanyakkanlah sungai dan aliran airmu di sana pada hari ini bukan esok.

Wahai kaumku...! Hari kiamat akan menggoncangkan hati dan bashirah. Hari bergetarnya tapak kaki semua makhluk. Setiap orang akan

bersama orang-orang yang disayanginya, berdiri di atas landasan iman dan ketakwaannya. Kukuhnya suatu keyakinan bergantung kepada kadar keimanannya. Ingatlah firman Allah, yang berbunyi:

وَيَوْمَ يَعَضُّ ٱلظَّالِمُ عَلَىٰ يَدَيْهِ ...

Ertinya:
"Dan (ingatlah) hari (yang pada ketika itu) orang-orang zalim menggigit kedua-dua tangannya."

(Al-Furqan: 27)

Bagaimana ia akan dapat melakukan kezaliman, pada hal orang yang melakukan kerosakan itu menggigit tangannya....? Bagaimana ia melakukan kerosakan dan tidak melakukan perbaikan...? Bagaimana ia akan melarikan diri daripada Tuannya...?

Wahai hamba...! Janganlah kamu tertipu oleh amalan yang engkau kerjakan, kerana nilai suatu amal itu terletak pada ketentuan akhirnya. Wajib bagimu bermohon kepada Allah, agar Dia berkenan memperbaiki ketentuan akhirmu, dan membimbingmu kepada sesuatu yang boleh membawamu ke arah itu. Takutlah kamu dengan takut yang sesungguhnya. Jika engkau bertaubat, kemudian engkau merosakkan taubatmu itu semula dengan kembali kepada melakukan kemaksiatan. Janganlah engkau berpaling daripada taubatmu itu kerana kecelaan orang-orang yang mencela. Janganlah engkau turuti godaan hawa dan nafsumu, dan perangai yang sentiasa menentang Tuanmu.

Kemaksiatan pada hari ini dan hari esok, apabila kamu menderhakai Tuhanmu, maka Dia akan merendahkanmu dan tidak akan menolongmu.

Ya Allah... Berilah kami pertolongan dengan ketaatan kepada-Mu dan janganlah Engkau merendahkan dan menghinakan kami dengan derhaka kepada-Mu.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ ٱلنَّارِ 

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 18

Berjihad Memerangi Nafsu dan Godaan Syaitan

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad, 16 Zulkaedah, 545H.

ALLAH telah memberitakan kepadamu tentang dua bentuk jihad, iaitu jihad batin dan *jihad zahir*.

Adapun yang dikatakan dengan jihad batin ialah berjihad memerangi nafsu, hawa, syaitan dan bertaubat daripada kederhakaan dan kesalahan serta teguh dalam taubat, dan meninggalkan kesenangan yang diharamkan.

Manakala jihad zahir ialah berjihad mememerangi orang kafir yang memusuhi Allah dan Rasul-Nya. Melawan serangan pedang, tombak dan anak panah mereka, memerangi dan membunuh mereka.

Jihad batin adalah lebih berat daripada jihad zahir, kerana jihad batin adalah suatu jihad yang tetap dan berterusan. Bagaimana jihad batin itu tidak lebih berat daripada jihad zahir...? Jihad batin bermakna memutuskan semua kehendak dan dorongan hawa nafsu untuk melakukan perkara-perkara yang terlarang serta mengekang keinginan terhadapnya. Kemudian mengikut semua perintah syarak dan menjauhi semua larangannya. Maka barangsiapa yang mengikut perintah Allah dalam kedua-dua jenis jihad tersebut, ia akan memperolehi balasan dunia dan akhirat. Luka yang terjadi pada tubuh para syuhada' tidak ubahnya bagaikan hingus yang keluar dari hidung salah seorang kamu, mereka

tidak merasakan kesakitan walau sedikit pun. Manakala kematian bagi orang yang berjuang melawan nafsunya dan bertaubat daripada semua dosanya, bagaikan seorang yang sedang kehausan memerlukan air yang segar.

Wahai kaumku...! Kami tidak membebani kamu dengan sesuatu, kecuali kami akan memberikan kebaikan daripada beban tersebut. Yang dimaksudkan, ialah bahawa setiap detik akan ada perintah dan larangan yang khusus tertuju kepada hati. Berbeza dengan sebahagian makhluk, berbeza dengan orang-orang munafik, musuh Allah dan Rasul-Nya. Mereka tidak mengerti akan Allah dan memusuhi-Nya dan mereka akan masuk neraka.

Bagaimana mereka tidak akan masuk neraka...? Padahal ketika mereka hidup di dunia, mereka selalu menentang al-Haq, mereka sentiasa mengikut langkah nafsunya, instinknya, perangainya, kebiasaannya, syaitannya dan mereka lebih mementingkan kehidupan dunia daripada kehidupan akhirat.

Bagaimana mereka tidak akan dimasukkan ke dalam neraka...? Mereka mendengar al-Quran dan tidak pernah beriman kepadanya, tidak mengamalkan perintah-perintahnya dan tidak menjauhi larangan-larangannya.

Wahai kaumku...! Berimanlah kamu kepada al-Quran..! Beramallah kamu dengannya dan ikhlaskanlah semua amalmu itu. Janganlah engkau menunjuk-nunjukkan amalmu. Janganlah kamu munafik dalam beramal. Janganlah kamu mencari pujian dan balasan manusia atas semua amal yang engkau lakukan.

Ingatlah...! Hanya sedikit saja manusia ini yang benar-benar percaya kepada al-Quran ini dan mengamalkan isinya kerana Allah. Oleh yang demikian, amat sedikit sekali orang yang ikhlas, dan banyak orang munafik. Alangkah malasnya kamu untuk melakukan ketaatan kepada Allah dan alangkah giatnya kamu untuk taat kepada musuh-Nya dan musuhmu sendiri, iaitu syaitan yang terkutuk.

Mereka (orang-orang soleh) bercita-cita dan berharap agar tidak kosong atau terlepas daripada bebanan-bebanan Allah. Mereka mengerti, bahawa dalam kesabaran dalam menghadapi beban (tanggungjawab), keputusan dan kepastian Allah, terdapat kebaikan yang sangat banyak, sama ada di dunia mahupun di akhirat. Mereka sentiasa mengikut-Nya

dalam semua tindakan dan kegiatan batinnya.

Suatu ketika dalam kesabaran, dan suatu ketika dalam kesyukuran.

Suatu ketika dalam kedekatan, dan suatu ketika dalam kejauhan.

Suatu ketika dalam kesedihan, dan suatu ketika dalam kegembiraan.

Suatu ketika dalam kekayaan, dan suatu ketika dalam kemiskinan.

Suatu ketika dalam keadaan sihat, dan suatu ketika dalam keadaan sakit.

Seluruh keinginan dan cita-cita mereka hanya tertuju kepada pemeliharaan hati mereka bersama Allah. Inilah cita-cita yang paling penting bagi mereka. Mereka selalu mengharapkan keselamatan mereka dan keselamatan semua manusia bersama Khaliq. Mereka sentiasa bermohon kepada Allah untuk kesejahteraan dan keselamatan semua makhluk, terutama manusia.

Wahai hamba...! Jadilah kamu sebahagai orang yang benar (al-siddiq), maka engkau akan memperolehi sinar yang terang benderang. Jadilah kamu orang yang benar dalam hukum, maka engkau akan memperolehi sinar terang dalam ilmu. Jadilah engkau sebagai orang yang benar dalam penyendirianmu, maka engkau akan memperolehi sinar terang di dalam keramaian. Setiap keselamatan sentiasa berada dalam ketaatan kepada al-Haq. Dalam pengertian mentaati semua perintah dan menjauhi semua larangan serta bersabar atas semua keputusan-Nya. Barangsiapa yang mengikut Allah, nescaya Dia akan mengabulkan semua permintaannya. Barangsiapa yang tunduk kepada Allah, maka akan ditundukkan-Nya semua makhluk kepadanya.

Wahai kaumku...! Menghadaplah kamu kepadaku, terimalah apa yang aku sampaikan kepadamu, kerana sesungguhnya aku ini memberi nasihat kepadamu. Aku sentiasa berpihak kepada diriku dan kepada kamu, meliputi segala apa yang aku ada padanya. Apakah kamu akan melepaskan diri dari perbuatan Allah di dalam diriku dan di dalam diri kamu semua...? Janganlah kamu bersangka buruk kepadaku, kerana aku menginginkan bagi kamu sebagaimana aku menginginkan bagi diriku sendiri. Rasulullah s.a.w. bersabda yang berbunyi:

لَا يُكْمِلُ الْـمُؤْمِنُ إِيْمَـانَهُ حَتَّى يُرِيْدُ لِأَخِيْهِ الْـمُسْلِمِ مَا

يُرِيْدُهُ لِنَفْسِهِ.

Ertinya:
"Tidaklah sempurna iman seorang mukmin, hingga ia mengingini bagi saudaranya sesama muslim, sebagaimana yang diingininya bagi dirinya sendiri."(19)

Inilah sabda pemimpin kita, ketua kita, pembesar kita, panglima kita, pembimbing kita, duta kita dan penolong kita dengan syafaatnya, pemimpin para Anbiya' dan Mursalin serta para al-Siddiqin semenjak dari Nabi Adam hingga hari kiamat.

Kesempurnaan iman telah dinafikan daripada seseorang yang tidak mencintai saudaranya sesama muslim, sebagaimana ia mencintai dirinya sendiri. Jika engkau mencintai dirimu, maka engkau akan memberikan makan yang baik, memberi pakaian yang baik, memberi tempat tinggal yang baik, pandangan-pandangan yang baik dan harta yang banyak untuk dirimu. Pada hal kamu menyukai untuk saudaramu sesama muslim berlawanan dengan itu semua, maka engkau telah berdusta tentang pengakuan kesempurnaan imanmu.

Wahai orang yang jarang sekali merenung ke dalam dirinya...! Kamu mempunyai jiran yang fakir, dan engkau juga mempunyai keluarga yang miskin, sementara engkau mempunyai harta yang wajib engkau zakatkan. Di samping itu, engkau juga mempunyai keuntungan yang semakin bertambah dari hari ke hari, sehingga semua yang engkau miliki itu melebihi keperluanmu. Sikapmu yang bakhil sehingga engkau tidak mahu menghulurkan bantuan kepada mereka, tidak ubahnya bagaikan kerelaanmu atas kemiskinan mereka. Tetapi, jika ini timbul dari hawa, nafsu dan syaitanmu yang beraksi di belakang tabir, sudah tentu amat susah bagimu untuk melakukan kebaikan. Engkau akan mempunyai keinginan yang amat kuat, berkhayal, berangan-angan, mencintai dunia disertai dengan ketakwaan dan keimanan yang amat tipis.

Ketika ini, engkau telah bersekutu dengan dirimu, dengan hartamu, dengan manusia dan dengan apa yang engkau miliki, yang engkau anggap sebagai suatu kebaikan yang tiada taranya. Barangsiapa yang

19. Sanad dan perawi hadis ini tidak tercantum dalam buku asal. (pen). Bagaimanapun, hadis ini seirama dengan hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, yang berbunyi: *"Tidaklah beriman salah seorang kamu, hingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri."*

banyak kecintaannya kepada dunia, kerakusan yang sangat kepada dunia, melupakan kematian dan perjumpaan dengan Allah, dan tidak membezakan antara yang halal dengan yang haram, maka ia telah serupa dengan orang kafir, yang berkata:

وَقَالُوا۟ مَا هِىَ إِلَّا حَيَاتُنَا ٱلدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا يُهْلِكُنَآ إِلَّا ٱلدَّهْرُ ۚ...

Ertinya:
"Dan mereka (orang-orang kafir) berkata, 'Kehidupan ini tidak lain hanyalah kehidupan dunia semata-mata Kita mati dan kita hidup dan tidak ada yang akan membinasakan kita melainkan masa.'"

(Al-Jatsiyah: 24)

Seolah-olah kamu salah seorang daripada mereka, hanya saja engkau telah menghiasi dirimu dengan Islam dan melindungi darahmu dengan Dua Kalimah Syahadah, mengikut kaum muslimin ketika menunaikan solat dan puasa, malangnya engkau hanya memandangnya sebagai tradisi, bukan sebagai ibadah. Di hadapan manusia engkau memakai topeng sebagai manusia yang bertakwa, sementara hatimu hanya berisi kezaliman. Semuanya ini tidak akan bermanfaat bagimu.

Wahai kaumku...! Tidaklah berguna bagimu menahan lapar dan dahaga pada waktu siang, dan berbuka dengan yang haram pada waktu malamnya. Kamu berpuasa pada siang hari dan melakukan maksiat pada waktu malamnya. Wahai orang-orang yang suka memakan yang haram...! Kamu mencegah dirimu daripada meminum air pada waktu siang, kemudian engkau berbuka dengan darah kaum muslimin pada waktu malamnya. Sebahagian daripada kamu terdapat orang yang berpuasa pada siang hari, namun melakukan kefasiqan pada waktu malamnya.

Diriwayatkan dari Rasulullah s.a.w., sesungguhnya baginda bersabda:

لَا تُخْذَلُ أُمَّتِي مَا عَظَّمُوْا شَهْرَ رَمَضَانَ.

Ertinya:
"Tiadalah umatku akan terhina selama mereka mengagungkan bulan Ramadhan."

Mengagungkan Ramadhan ialah dengan takwa dan berpuasa padanya kerana Allah serta menjaga batas-batas syariah.

Wahai hamba...! Berpuasalah kamu...! Dan ketika engkau berbuka, maka bantulah orang-orang miskin dengan makanan-makanan yang engkau makan ketika berbuka. Janganlah engkau makan sendirian, tanpa memberi makan kepada orang-orang yang memerlukan makanan, kerana dikhuatirkan engkau akan menjadi orang miskin dan suka menipu.

Wahai kaumku...! Perutmu kenyang, sementara jiranmu kelaparan, padahal engkau mengakui bahawa engkau adalah seorang mukmin. Tidaklah sah iman seseorang yang mempunyai banyak makanan melebihi keperluannya dan keluarganya sementara di pintu rumahnya berdiri seorang pengemis, kemudian dia menolak permintaannya sehingga pengemis itu pergi dengan kekecewaan.

Tidak lama lagi, kamu akan melihat beritamu, sebentar lagi kamu akan menjadi seperti pengemis itu, dan kamu diusir sebagaimana kamu mengusir, padahal kamu mampu untuk memberinya.

Celakalah engkau...! Mengapa engkau tidak berdiri dan mengambil apa yang ada di hadapanmu kemudian memberikan kepadanya...? Jika engkau melakukannya, bermakna engkau telah menyatukan dua perkara, iaitu ketawadhu'an (kerendahan hati) mu ketika engkau berdiri dan pemberian hartamu. Nabi Muhammad s.a.w. sentiasa memberi pengemis atau peminta-minta dengan tangan baginda sendiri. Baginda memberi makan unta baginda, memerah susu kambing dan menjahit pakaian baginda sendiri. Bagaimana engkau berani mengaku bahawa engkau mengikutnya, sementara engkau menentangnya dalam perbuatan, ucapan dan perilakumu...?

Engkau telah mengemukakan suatu dakwaan tanpa bukti. Ambillah perumpamaan, umpamanya engkau seorang Yahudi yang sungguh-sungguh, jika tidak maka janganlah engkau mengatakan bahawa engkau menyukai kitab Taurat. Demikianlah aku katakan kepadamu, jika engkau telah memenuhi semua persyaratan, maka engkau adalah seorang Islam. Engkau wajib memenuhi syarat-syarat Islam. Engkau wajib memenuhi hakikat Islam, iaitu menyerahkan dirimu di hadapan Allah al-Haq. Bantulah manusia pada hari ini, sehingga kelak Allah akan membantumu dengan rahmat-Nya. Kasihanilah mereka yang berada di bumi, sehingga engkau akan dikasihi oleh yang berada di langit.

Selama engkau masih berdiri dengan nafsumu, maka engkau tidak akan mampu mencapai maqam ini. Selama engkau mengalirkan semua bahagian kepadanya, maka engkau akan berada dalam kongkongan dan pengaruhnya. Penuhilah haknya dan cegahlah kelebihannya. Dengan memenuhi haknya, maka dia akan kekal, dan dengan memenuhi kelebihannya maka ia akan rosak. Hak yang perlu dipenuhi ialah makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Manakala kelebihannya ialah kelazatan dan syahwat.

Ambillah haknya dan genggaman syariah dan serahkanlah kelebihannya kepada takdir dan ketentuan yang telah terdahulu dalam ilmu Allah. Berilah makan dengan yang mubah, bukan dengan yang haram. Duduklah engkau di pintu syarak dan tetaplah engkau di sana untuk melayaninya, maka engkau akan benar-benar bahagia. Bukankah engkau telah pernah mendengar firman Allah, yang berbunyi:

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمۡ عَنۡهُ فَٱنتَهُواْۚ ...

Ertinya:
"...dan apa-apa yang didatangkan Rasul kepadamu, terimalah dia Dan apa-apa yang dilarang Rasul bagimu, maka hentikanlah...!

(Al-Hasyr: 7)

Terimalah yang sedikit dan tenangkanlah jiwamu menerimanya. Bagaimanapun, sekiranya datang yang banyak daripada apa yang sudah ditentukan dan telah tersurat di dalam ilmu Allah, maka beradalah engkau di dalamnya. Jika engkau mahu dan redha menerima yang sedikit, maka jiwamu tidak akan rosak dan tidak akan terlepas daripadanya bahagian yang sudah ditentukan untukmu.

Imam al-Hasan al-Basri berkata:

"Memadailah bagi seorang mukmin itu apa yang memadai bagi seekor anak kambing betina, yakni memadailah hanya dengan tamar dan air minum. Orang mukmin itu makan adalah untuk menjaga kekuatan, sementara orang munafik makan adakah untuk bersenang-senang dan bermewah-mewah. Seorang mukmin sentiasa mencari kekuatan, kerana ia sedang dalam perjalanan menuju tempat tinggalnya yang abadi. Ia benar-benar insaf dan yakin, bahawa di tempat tinggalnya sudah tersedia semua yang diperlukannya. Sedangkan orang munafik tidak memiliki tempat

tinggal dan mereka tidak mempunyai tujuan."

Aduhai...! Betapa banyak kesalahan dan keterlanjuran yang sudah engkau lakukan setiap hari dan bulan. Engkau telah membuang-buang umurmu tanpa makna dan erti. Aku melihat bahawa engkau tidak pernah sedikit pun melalaikan urusan duniamu, namun engkau telah melalaikan agamamu. Putar balikkanlah keadaan itu, nescaya engkau akan menemui kebenaran. Dunia ini tidak akan kekal di tangan seorang saja, dan demikian juga bahawa dunia ini tidak akan kekal pada kamu semua.

Wahai kaumku....! Apakah engkau telah mendapat kebenaran daripada al-Khaliq untuk kehidupan ini...? Betapa pendeknya pemikiranmu. Barangsiapa yang telah membangun dunia maka dia akan berubah dengan merobohkan kehidupan akhiratnya. Ia mengumpulkan dunia yang menjadi milik orang lain dengan mencerai-beraikan agamanya.

Ia melakukan tindakan yang mendapat murka dari Allah atas dirinya, kerana ia mencari keredhaan makhluk yang sama tarafnya dengannya. Seandainya ia sedar dan insaf bahawa tidak lama lagi dia akan meninggalkan dunia ini, kemudian menghadap kepada Allah al-Haq, selanjutnya akan diadakan hisab atau perhitungan ke atas semua tidakan dan perilakunya selama di dunia, maka dia tidak akan melahirkan kesalahan dalam sebahagian besar perbuatannya.

Diriwayatkan dari Luqam al-Hakim, bahawa sesungguhnya beliau telah berkata kepada anaknya:

"Wahai anakku....! Sebagaimana engkau sihat dan engkau tidak mengetahui bagaimana engkau boleh sakit. Maka demikian jugalah dengan kematian. Engkau tidak akan tahu bagaimana engkau boleh mati."

Aku memperingatkan kamu dan mencegahmu, namun kamu tidak mempedulikan peringatanku itu dan kamu tidak mahu dicegah.

Wahai pembenci kebaikan...! Wahai orang yang sibuk dengan keduniaan...! Dalam waktu dekat ini, dunia akan semakin tumbuh dan berkembang kemudian ia akan mencekikmu. Ketika itu tidak akan bermanfaat bagimu semua yang engkau kumpulkan di dunia ini. Malahan engkau tidak akan dapat menikmati kelazatannya. Sebaliknya, semuanya itu akan menjadi punca bencana pada dirimu.

Wahai hamba...! Adalah merupakan suatu kewajipan bagimu untuk

menanggung penderitaan, dan memotong tali keburukan yang terentang dari suatu pembicaraan, kerana kata-kata itu mempunyai saudara. Apabila engkau berbicara dengan seseorang, kemudian engkau menyetujuinya, maka datanglah saudara kata-kata itu, yang kemudian mendatangkan keburukan kepada engkau dan lawanmu berbicara itu.

Sebahagian kecil daripada manusia itu mempunyai kepandaian untuk menyeru manusia menuju pintu al-Haq, dan mereka akan memenangkan atas makhluk. Jika mereka tidak mahu menerimanya (seruan itu), maka ia adalah merupakan kenikmatan bagi orang-orang yang beriman dan merupakan seksaan bagi orang-orang munafik, musuh agama Allah.

Ya Allah...! Perbaikilah kami dengan Tauhid dan harumkanlah kami dengan fana' daripada manusia dan apa-apa yang selain daripada Engkau.

Wahai orang-orang bertauhid...! Tidak ada seorangpun daripada manusia yang mempersekutukan Allah yang mempunyai kekuatan, bahkan semuanya lemah. Para raja, sultan, orang kaya dan orang-orang fakir serta orang-orang miskin adalah tawanan kekuasaan Allah. Semua hati mereka berada di tangan-Nya. Dia membalikkan hati-hati itu sebagaimana yang dikehendaki-Nya.

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١١﴾

Ertinya:
"Tiada satupun yang menyamai-Nya, sesugguhnya Dia (Allah) Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

(Asy-Syura: 11)

Janganlah kamu gemukkan nafsumu kerana ia akan memakanmu sebagaimana orang yang memelihara seekor anjing liar yang sedang kelaparan, lantas dia memelihara dan menggemukkannya serta sentiasa bersamanya. Namun pada suatu ketika pasti anjing yang dipeliharanya itu akan memakannya. Janganlah engkau perturutkan semua kehendak dan kemahuan nafsumu, sebaliknya hendaklah engkau batasi ruang geraknya. Kerana ia akan melemparkan engkau ke dalam jurang kerosakan dan menghinakan engkau. Putuskanlah semua kesenangannnya dan janganlah engkau bebaskan ia dalam semua kehendaknya.

Ya Allah...! Berilah kami pertolongan untuk mengalahkan nafsu-nafsu kami.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنۡيَا حَسَنَةٗ وَفِي ٱلۡأٓخِرَةِ حَسَنَةٗ وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ٢٠١

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 19

Tetaplah Kamu Dalam Ketakwaan Kepada Allah

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Selasa petang, 18 Zulkaedah, 545H.

ALLAH al-Haq adalah Zat yang lebih layak ditakuti dan diharapkan, walaupun seandainya Dia tidak menciptakan syurga dan neraka. Patuhlah kepada-Nya semata-mata kerana mengharapkan keredhaan-Nya, bukan kerana nikmat atau seksaan-Nya. Ketaatan kepada-Nya ditandai dengan mengikut segala perintah dan menjauhi semua larangan-Nya serta bersabar atas semua ketentuan yang sudah ditetapkan-Nya.

Bertaubatlah engkau kepada-Nya. Menangislah engkau di hadapan-Nya. Rendahkanlah dirimu kepada-Nya, dengan bercucuran air mata dan hatimu. Menangis di hadapan Allah itu adalah ibadah, kerana ia sama dengan menghina diri di hadapan-Nya. Jika engkau mati dalam keadaan bertaubat, niat yang baik dan amal yang suci, maka Allah akan memberikan manfaat bagimu, dan menjatuhkan balasan kepada orang-orang yang menganiayamu. Kerana di sana kelak (hari kiamat), tidak akan ada orang yang mampu menampakkan kasih sayang kepada orang yang patuh kepada-Nya, melainkan Dia. Wajib atasmu mencintai-Nya, baik di dunia mahupun di akhirat. Bahkan engkau jadikanlah kecintaan kepada-Nya itu sebagai sesuatu yang amat penting bagimu.

Ha ini adalah suatu kemestian bagimu dan inilah yang akan bermanfaat buatmu. Setiap manusia menginginkan engkau untuknya, sedangkan Allah

menghendaki engkau untuk dirimu sendiri.

Wahai bangsaku...! Kamu mengaku bahawa kamu cinta kepada Tuhan, padahal kamu tidak pernah memiliki suatu kebaikanpun dalam hidup kamu, kerana kamu bersikap sombong kepada Allah al-Haq, engkau menginginkan apa yang tidak dikehendaki-Nya, engkau mencintai makhluk yang menjadi musuh-Nya, iaitu syaitan yang terkutuk dan tidak mencintai-Nya.

Apabila turun qadha' dan qadar-Nya, kamu tidak redha dan tidak bersabar atasnya, bahkan kamu menentang qadha' dan qadar-Nya itu. Padahal yang terkandung dalam sifat sabar itu ialah penyerahan diri secara menyeluruh kepada segala ketentuan yang diberikan-Nya. Engkau telah menerima kebaikan, iaitu Islam, tetapi kamu tidak pernah memanfaatkannya, sehingga Islam itu tidak bererti apa-apa buatmu.

Wahai hamba...! Tetaplah kamu dalam ketakutanmu kepada-Nya. Janganlah engkau berangan-angan sehingga engkau menemui Tuhanmu, mengukuhkan pijakan hati dan niatmu di hadapan-Nya. Hingga dianugerahkan-Nya jaminan keamanan kepadamu. Pada ketika ini, sudah sewajarnya jika engkau merasa aman, kerana Dia telah memberi perlindungan kepadamu.

Jika Dia telah melindungimu, maka engkau akan melihat kebaikan yang amat banyak di sisi-Nya. Jika Dia telah memberi keamanan kepadamu, maka anugerahnya itu akan tetap. Kerana jika Dia telah mengurniakan satu anugerah, Dia tidak akan mencabutnya kembali. Apabila Allah sudah menetapkan pilihan kepada seseorang hamba-Nya, maka Dia akan mendekatkan hamba itu kepada-Nya dan Dia juga akan mendekati hamba-Nya itu. Ketika rasa takut itu menguasai dirinya, maka dia akan menemui penawarnya pada al-Haq, sehingga hati dan batinnya menjadi tenang. Semuanya itu wujud di antara dirinya dengan Allah al-Haq.

Celakalah engkau, wahai orang-orang yang bodoh...! Engkau berpaling daripada Allah al-Haq dan mengosongkan kamar-kamar hatimu daripada-Nya, sementara engkau hanya akan sibuk melayani manusia dan makhluk-makhluk-Nya. Suatu kaum yang sentiasa mengingat Allah, maka hatinya akan dekat kepada Allah, dan Dia akan mengenal-Nya.

Apabila engkau telah mengenal-Nya, maka orang lainpun akan mengenal-Nya juga. Jika orang tersebut telah mengenal Allah, kemudian membersihkan dirinya dari mereka dan dari dunia, serta telah dibukakan

baginya pintu kedekatakan kepada al-Haq, kerana menuntut kegiatan yang telah dilakukannya, maka dikatakan kepadanya:

"Kembalilah kamu ke belakangmu dan bergiatlah kamu dengan sibuknya melayani manusia, dan bimbinglah mereka kepada-Ku. Layanilah orang yang mencari dan menghendaki-Ku. Kamu telah melupakan apa yang telah dialami oleh kaummu. Hubungkanlah cahaya ini dengan kegelapan yang menyelubungi jiwa kamu, kegelapan (nafsu) itu adalah musuh kamu, sementara kamu meredhai isteri kamu tanpa kamu pedulikan kemurkaan Allah."

Sebahagian besar manusia lebih mementingkan keredhaan isteri dan anak-anaknya daripada keredhaan Allah al-Haq. Aku melihat, bahawa semua gerak dan diammu serta semua tekad dan keinginanmu hanyalah engkau peruntukkan bagi nafsumu, untuk isteri dan anak-anakmu. Sementara semua yang engkau miliki itu telah diberitakan oleh Allah.

Celakalah engkau...! Kamu tidak dianggap sebagai seorang lelaki, kerana seorang lelaki yang hakiki dan sempurna tidak akan beramal untuk selain Allah. Engkau benar-benar telah membutakan mata hatimu dan mengotori kemurnian batinmu. Sementara itu, engkau benar-benar telah menutupi dirimu daripada Allah al-Haq, sedangkan apa yang engkau miliki ketika ini hanyalah berupa bayangan yang akan lenyap (fatamorgana) belaka. Kerana itu, sebahagian ulama berkata:

"Celakalah bagi mereka yang terhalang, sementara mereka tidak mengetahui bahawa mereka terhalang."

Aduhai...! Celakalah engkau...! Dalam masa mudamu, cerminmu sudah retak. Di dalam rotimu terdapat pecahan kaca, namun engkau menelannya jua tanpa menyedarinya. Semuanya ini berlaku adalah kerana kerakusanmu, keinginan yang tak kunjung padam dan dorongan hawa nafsumu yang bergejolak serta hebatnya ketamakanmu. Tidak berapa lama kemudian, pecahan kaca yang engkau makan tanpa sedar itu akan menghancurkan ususmu sehingga kamu binasa kerananya.

Semuanya ini terjadi adalah kerana engkau menjauhi Tuhanmu, dan kamu sibuk memilih dan melayani sesuatu selain daripada-Nya. Seandainya kamu memberitahu manusia kerana kebencian kepadanya dan mencintai Yang Maha Khaliq, maka Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

أُخْبُرْ تقله.

Ertinya:
"Beritahulah, maka kamu akan membencinya."

(Hadis Marfu')

Adapun yang dimaksudkan oleh baginda dengan kata-kata: *"Maka kamu akan membencinya"* dalam sabda baginda di atas, ialah bahawa engkau mencintai dan membenci tanpa berusaha memikirkannya. Beritahulah dan jangan engkau fikirkan. Hati itu membuat pilihan, sedangkan engkau tidak mempunyai hati lagi. Hati itu selalu berfikir, berzikir dan mencari pelajaran Ilahi, sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya, yang berbunyi:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَذِكْرَىٰ لِمَن كَانَ لَهُۥ قَلْبٌ أَوْ أَلْقَى ٱلسَّمْعَ وَهُوَ شَهِيدٌ ﴿٣٧﴾

Ertinya:
"Sesungguhnya pada yang demikian itu, benar-benar terdapat peringatan bagi orang-orang yang mempunyai hati atau orang-orang yang menggunakan pendengarannya, sedangkan Dia menyak-si-kannya."

(Qaf: 37)

Pengolahan akal bergerak menuju hati, sementara pengolahan hati bergerak menuju batin, sedangkan pengolahan batin bergerak menuju peleburan diri (fana'), peleburan diri tersebut akhirnya menentukan kewujudan kita. Nabi Adam dan para Nabi keseluruhannya juga mempunyai keinginan dan kesenangan, namun mereka sentiasa melawan gejolak nafsu mereka dan bergerak serta berbalik mencari keredhaan Allah, Tuhan mereka.

Adam a.s. pernah terpedaya oleh suatu keinginan ketika beliau berada di dalam syurga Allah, dan beliau juga pernah melakukan satu kesalahan, iaitu kesalahan yang terjadi di dalam syurga. Kemudian beliau bertaubat, dan tidak mengulangi lagi perbuatan tersebut. Keinginan yang bersemayam di dalam diri mereka itu adalah keinginan yang terpuji, iaitu keinginan yang sentiasa berharap agar tetap menjadi jiran Allah.

Para Nabi a.s., tidak pernah berhenti daripada menentang dan

memerangi nafsu mereka, mengekang perangai dan keinginan mereka, sehingga dari segi hakikatnya mereka menyamai malaikat, kerana mereka banyak berjuang dan menyengsarakan hawa nafsu mereka. Para Nabi, Rasul dan para kekasih Allah (aulia') itu sentiasa bersifat sabar, dan kamu hendaklah meneladani kesabaran mereka.

Wahai hamba...! Bersabarlah kamu terhadap pukulan musuhmu...! Percayalah...! Bahawa dalam waktu dekat ini engkau juga akan mampu memukulnya, membunuhnya, mengambil rampasannya, mengambil alih kuasa dan memutuskan hubungan mereka.

Wahai hamba...! Berjuanglah dengan bersungguh-sungguh dengan hati yang suci dan niat yang bersih. Janganlah engkau melukai seseorang, kecuali terhadap orang yang diperintahkan oleh syarak untuk melukainya. Jika demikian, maka sikapmu melukainya itu adalah dipandang sebagai suatu ibadah.

Orang-orang yang berakal, orang-orang yang baik dan benar telah ditiupkan sangkakala ke dalam jasad mereka, sehingga terjadilah kiamat terhadap nafsu mereka. Dengan tekad dan azam mereka yang sungguh-sungguh, mereka telah berpaling dari dunia. Mereka telah melintasi al-Shirath dengan kebenaran dan kejujuran mereka. Mereka berjalan dengan hati mereka, sehingga mereka berhenti di pintu gerbang al-Jannah. Mereka berhenti di pinggir jalan, dan berkata: "Kami tidak akan makan dan minum sendirian." Maka mereka kembali mundur ke masa yang telah lalu. Maksudnya bahawa mereka menyeru manusia agar mentaati Allah, memberitahu kepada mereka akan apa-apa yang telah mereka lihat di sana. Supaya urusan itu menjadi mudah bagi mereka.

Barangsiapa yang kuat keimanannya dan mantap keyakinannya, maka ia melihat apa yang diberitahu kepadanya oleh Allah[20] dengan mata hati (basirah) nya. Mereka melihat syurga dan neraka serta semua isinya. Mereka melihat sangkakala dan malaikat yang bertugas meniupnya. Bahkan dia melihat segala-galanya sebagaimana dia melihat di dunia, dengan mataharinya yang tergelincir dan semua gerak-geri penduduk dunia.

Mereka melihat manusia seolah-olah melihat kuburan yang berjalan. Ketika mereka melintasi kubur, maka mereka seakan-akan merasakan apa yang sedang terjadi di dalamnya, baik berupa seksa mahupun nikmat

20. Berkenaan dengan hari kiamat dan segala peristiwa yang berkaitan dengannya. (Penterjemah)

yang sedang menimpa penghuninya. Dia juga melihat kiamat serta semua isinya, semenjak mulai berdirinya hari kiamat hinggalah kejadian-kejadian yang mengiringinya. Dia melihat rahmat dan seksaan Allah, melihat yang berdiri bersaf-saf, sementara para Nabi, Rasul, Wali Abdal dan para Kekasih Allah berada di dalam urutan mereka. Dia melihat penduduk syurga yang saling kunjung mengunjungi, dan dia juga melihat penduduk neraka yang saling bermusuhan.

Barangsiapa yang mempunyai pandangan yang baik, maka dengan mata lahirnya ia dapat memandang hati manusia, dan dengan basirahnya ia dapat memandang perbuatan Allah terhadap mereka. Ia melihat gerak dan diamnya perbuatan itu bagi mereka. Inilah pandangan yang hanya dapat dilakukan oleh para wali (kekasih) Allah, iaitu orang yang jika dia melihat kepada seseorang, maka dia dapat melihat zahirnya dengan mata kepalanya dan melihat batinnya dengan mata hatinya, dan melihat Rabbnya dengan mata batinnya.

Barangsiapa yang melayani maka ia akan dilayani. Jika datang suatu kepastian (takdir) kepada mereka, maka dia akan pasrah kepadanya, baik takdir itu membawanya ke daratan mahupun ke lautan, baik ke lembah-lembah mahupun ke pergunungan, memberi makannya dengan yang manis atau dengan yang pahit. Ia akan sentiasa mentaatinya baik dalam keadaan miskin atau kaya, dalam keadaan mulia atau hina, dalam keadaan sihat atau sakit. Ia akan berkelana bersama takdir itu, sehingga sampai ketikanya dia memberitahu kepada takdir itu bahawa dia sudah kepayahan, maka takdir itu akan turun dan menaikkan dirinya pada tempatnya, maka jadilah dia menaikinya, takdir itu melayaninya dan merendahkan diri kepadanya. Semuanya itu adalah kerana kedekatannya kepada Allah dan pengagungan yang telah dilakukannya. Semuanya itu diperolehinya kerana dia telah menentang dan memusuhi nafsunya, syahwatnya, perangai dan kebiasaannya, syaitan dan teman-temannya yang jahat.

Ya Allah...! Berilah kami rezeki untuk sentiasa pasrah kepada takdir-Mu dalam segala keadaan.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْـَٔاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 20

Ikhlas Adalah Nyawa Setiap Amalan

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat pagi, 21 Zulkaedah, 545H.

WAHAI penduduk negeri ini...! Telah banyak sekali timbul kemunafikan di kalangan kamu, dan sedikit sekali keikhlasan. Banyak orang yang pandai berkata, namun mereka tidak pernah melakukannya. Ucapan tanpa perbuatan tidak bererti apa-apa, bahkan ia tak ubahnya bagaikan hujah tanpa adanya tempat memberi hujah.

Suatu ucapan yang tidak pernah diamalkan, tak ubahnya bagaikan rumah tanpa pintu dan tanpa jiran. Suatu perbendaharaan yang tidak pernah dibelanjakan itu, adalah hanya pengakuan semata-mata, tanpa bukti, tanpa bentuk dan roh, bagaikan berhala yang tidak mempunyai tangan dan tidak mempunyai kaki dan tidak mempunyai kekuatan untuk melakukan sesuatu.

Sebahagian besar amalmu adalah bagaikan jasad yang tidak bernyawa. Nyawa daripada setiap amalan itu adalah keikhlasan, tauhid dan teguh memegang kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya. Janganlah engkau lalai, kembalilah maka engkau akan menemui yang sebenarnya. Laksanakanlah semua perintah, jauhilah semua larangan dan turutilah garis takdir.

Sebahagian manusia menyirami hati mereka dengan siraman yang lembut, kerananya mereka tidak merasakan kesakitan sebuah takdir dan semua cubaannya, sehingga akhirnya takdir itu berlalu tanpa mereka

sedari, maka mereka memuji Allah dan bersyukur kepada-Nya, bahawa mereka tidak akan pernah wujud sehingga mereka tidak berpaling daripada-Nya.

Bencana itu terjadi pada suatu kaum, sebagaimana ia juga terjadi pada kamu semua. Sebahagian daripadanya ada yang mampu bertahan, sedangkan sebahagian lain ada yang melarikan diri daripadanya kerana tidak mampu menahannya. Mengeluh terhadap suatu ujian hanya akan wujud bagi sesiapa yang lemah keimanannya, yang hal itu mungkin hanya terjadi ketika masih kanak-kanak. Bersabar ketika mereka menjadi seorang remaja yang sedang melangkah ke alam dewasa. Menurut kehendak takdir itu ialah ketika mereka telah dewasa, dan meredhainya ketika mereka telah dekat kepada Allah dan mampu memandang kepada Tuhannya.

Ghaib dan fana' hanya terjadi di dalam hati, sementara semua sirr adalah dalam pandangan Allah, iaitu ketika *musyahadah* dan *muhadasah* atau ketika ia dapat dilihat dan diamat-amati. Apabila batinnya fana' maka wujudnya pun fana', dan semuanya itu adalah sesuatu yang tidak terlihat oleh manusia, tetapi ia sentiasa wujud dalam pandangan Allah al-Haq. Ia terhapus dan lebur di sana, kemudian apabila Allah menghendaki maka Dia akan membangkitkannya. Apabila Dia berkehendak untuk mengembalikannya, maka akan dikembalikan-Nya. Dia akan menghimpunkan semua yang bertaburan, sebagaimana Dia akan mengumpulkan jasad manusia itu kelak pada hari kiamat, setelah semua jasad itu terputus-putus dan bercerai-berai, kemudian memerintahkan kepada Israfil untuk meniupkan roh semula ke dalamnya.

Semua ini adalah dalam pandangan manusia. Pada hakikatnya mereka dapat tercipta tanpa melalui pengantara. Mereka akan dileburkan dalam waktu yang singkat, dan dalam waktu yang singkat juga mereka akan dikembalikan.

Ketahuilah...! Bahawa di antara syarat cinta itu ialah bahawa kamu tidak mempunyai keinginan bersama zat yang engkau cintai. Kamu tidak menyibukkan diri dengan dunia, akhirat dan manusia, sehingga engkau melupakan-Nya. Mencintai Allah, bukanlah suatu hal mudah dilakukan, sehingga setiap orang mengaku bahawa dia mencintai Allah. Betapa ramai orang yang telah mengaku bahawa dia mencintai Allah, sedangkan pada hakikatnya ia masih jauh daripada-Nya. Sebaliknya, ada pula yang

tidak mengakui bahawa dia mencintai Allah, tetapi dia dekat kepada-Nya. Janganlah kamu menghina salah seorang daripada orang Islam, kerana rahsia Allah itu tercurah di dalam diri mereka.

Rendahkanlah dirimu, dan janganlah kamu menyombongkan diri kepada hamba-hamba Allah. Bangkitlah kamu daripada kelalaianmu, kerana kamu sedang berada dalam kelalaian yang sangat besar. Bangkitlah, seakan-akan kamu sedang dihisab (diperhitungkan amal di hadapan Rabb al-Jalil), melintasi *Sirat* dan melihat tempatmu di syurga.

Aduhai...! Betapa besarnya penipuan ini. Setiap peribadi manusia telah derhaka kepada Allah dengan kederhakaan yang tidak terkira banyaknya, sementara mereka tidak memikirkan kederhakaan itu. Bahkan tidak pernah bertaubat daripada kederhakaan itu dan menyangka bahawa semuanya itu tidak tercatat di dalam ilmu Allah, dan telah dilupakan sama sekali.

Ingatlah...! Bahawa semuanya itu telah tercatat dalam kitab kamu, lengkap dengan saat dan tanggal berlakunya. Semuanya akan dihitung dan diberi ganjaran, baik dosa itu sedikit atau banyak, kecil atau besar. Bangunlah kamu, wahai orang-orang yang lalai...! Bangunlah wahai orang-orang yang tertidur...! Kemudian menghadaplah kamu kepada rahmat Allah. Barangsiapa yang terlalu derhaka, dan dia meneruskan kederhakaannya, tidak bertaubat tidak menyesalinya, maka dia telah mendatangi keinginan untuk kufur.

Jika engkau tidak dapat menemui permasalahannya, wahai dunia tanpa akhirat, wahai makhluk tanpa Khaliq. Maka tiadalah yang akan kamu takuti kecuali kemiskinan dan tiada yang kamu harapkan melainkan kekayaan.

Celakalah engkau...! Rezeki itu sudah ditentukan, tidak dapat ditambah dan tidak dapat pula dikurangi. Tidak dapat dipercepatkan dan tidak dapat pula dilambatkan, tidak dapat dimajukan dan tidak pula dimundurkan. Kamu ragu terhadap jaminan Allah, sehingga engkau sibuk untuk mencari apa yang bukan menjadi bahagianmu, kerakusan dan ketamakanmu itu telah menghalang engkau untuk mendatangi para ulama dan menyaksikan kebaikan. Engkau takut mengurangi keuntungan dan kedunguanmu.

Wahai manusia...! Siapakah yang memberi engkau makan ketika engkau berada di dalam rahim ibumu...? Engkau hanya bergantung dan bersandar kepada dirimu sendiri, kepada manusia, kepada dinarmu, dirhammu dan

wang ringgitmu, kepada pemulaanmu, kepada pembelianmu dan kepada pemerintah negaramu. Setiap orang yang engkau gantungkan harapanmu kepadanya, maka dialah Tuhanmu...! Setiap orang yang engkau takuti dan engkau harapkan, dialah Tuhanmu...! Setiap orang yang engkau anggap dapat mendatangkan manfaat dan mudarat kepadamu, sementara engkau tidak melihat bahawa al-Haq yang menggerakkan semuanya itu, maka dialah Tuhanmu...!

Sebentar lagi, akan engkau ketahui perihal dirimu...! Allah al-Haq akan mengambil pendengaranmu, penglihatanmu, kekuatanmu, hartamu dan segala yang engkau jadikan sebagai sandaran dan tempat menggantungkan harapanmu, yang ternyata adalah milik-Nya, dan Dia juga mampu memutuskan hubunganmu dengan sesuatu yang engkau handalkan itu. Dia juga mampu mengeraskan hati mereka kepadamu, meletakkan kekuasaan mereka kepadamu, menghinakan engkau dengan kesibukanmu, mengunci pintu mereka terhadapmu, menolak engkau dari suatu pintu ke pintu yang lain, dan tidak memberimu makanan walau sesuap dan tidak pula biji-bijian walau sebiji. Selanjutnya apabila engkau berdoa kepada-Nya, maka Dia tidak akan meperkenankan doamu.

Semuanya itu adalah disebabkan engkau mempersekutukan-Nya, dan kamu bergantung harapan kepada selain-Nya, menyandarkan dirimu kepada yang lain untuk memperolehi nikmat-Nya, kemudian nikmat yang sudah dikurniakan-Nya itu engkau gunakan untuk menderhakai-Nya. Semuanya ini adalah kejadian-kejadian yang sering engkau lihat pada manusia jenis ini, kerana mereka telah dikuasai oleh kemaksiatan.

Bagaimanapun, sebahagian daripada mereka, ada yang menyusuli perbuatannya itu dengan taubat kepadaAllah, dan Allah Yang Maha Pengasih menerima taubatnya itu, dan memandangnya dengan penuh rahmat dan menerima keluhannya dengan penuh kemuliaan dan kelembutan.

Wahai ciptaan Allah...! Wahai para ulama...! Wahai ahli fiqh...! Wahai orang-orang yang zuhud...! Wahai ahli ibadah...! Bertaubatlah kamu...! Kerana tiada seorang juapun diantara kamu yang tidak perlu bertaubat, disebabkan semua perihal dirimu berada di sisi Al-Haq, baik hidup mahupun matimu. Jika kamu merasa kesulitan pada permulaan urusanmu, maka kami akan membukakannya pada akhir urusan kamu, iaitu di saat datangnya kematian kepadamu. Jika kamu kebingungan tentang asal-usul

harta salah seorang di antara kamu, maka amatilah pengeluarannya. Jika dia mengeluarkannya untuk nafkah anak dan ahli keluarganya, untuk orang-orang fakir dan miskin serta untuk kemaslahatan manusia, maka engkau telah tahu, bahawa asal-usul harta itu adalah dari sumber yang halal.

Selanjutnya, apabila seseorang itu mengeluarkan hartanya kepada orang-orang soleh dan para al-siddiqin orang-orang yang istimewa di sisi Allah maka engkau telah mengetahui, bahawa asat-usul dan caranya memperolehi harta itu ialah melalui ketawakkalan kepada al-Haq, dan ia adalah merupakan harta yang halal mutlak. Ketahuilah...! Bukanlah aku ikut bersama kamu di pasar-pasarmu, tetapi al-Haq telah menerangkan kepadaku tentang harta kamu dengan cara ini dan dengan cara yang lain.

Wahai hamba...! Takutlah engkau kepada Allah. Andainya Dia ada bersama selain-Nya di dalam hatimu, maka kamu akan binasa, kerana engkau telah merendahkan martabat dan kemuliaan-Nya. Takutlah engkau, dan ketahuilah bahawa Dia melihat di dalam hatimu ada rasa takut kepada selain-Nya, berharap kepada selain-Nya dan mencintai selain daripada-Nya. Bersihkanlah hatimu daripada selain-Nya, janganlah engkau melihat manfaat dan mudarat selain daripada-Nya. Kamu berada di dalam kediaman dan perjamuan-Nya.

Wahai hamba...! Setiap sesuatu yang engkau pandang sebagai kebaikan dan engkau mencintainya, maka cintamu kepadanya adalah bukan cinta yang sejati. Engkau sedang terpedaya. Cinta yang hakiki ialah cinta yang tidak berubah, iaitu cinta kepada Allah, yakni cinta yang engkau lihat dengan dua mata hatimu, iaitu cinta para al-siddiqin ruhaniyyin. Mereka tidak mencintai dengan keimanan mereka, tetapi dengan keyakinan dan mata hati mereka. Terbukalah hijab yang menyelubungi mata hati mereka, sehingga mereka mampu melihat apa yang ada di alam ghaib, melihat sesuatu yang tidak mungkin bagi mereka untuk menjelaskannya.

Ya Allah...! Berilah kami rezeki untuk mencintai-Mu, beserta keampunan dan kesihatan.

Bahagian kamu adalah tinggal di dunia dalam jangka waktu yang sudah ditentukan oleh Allah al-Haq. Tidak ada seorang juapun yang mampu untuk menolak, ketika batas waktu itu diserahkan kepadanya. Pada ketika datangnya izin daripada yang memilik waktu itu (Allah), dia tertawa kepada manusia, membinasakan pemikiran mereka dan

mentertawakannya. Dia mentertawakan manusia yang memburu apa yang bukan menjadi bahagiannya, dan menertawakan orang yang menuntut bahagiannya di dunia tanpa izin Allah.

Wahai kaumku...! Jika engkau berpaling daripada pintu- pintu manusia dan kamu menghadap kepada pintu Allah, maka engkau telah melepaskan dirimu daripada kungkungan dunia. Tuntutlah akal dari Allah. Jika engkau menyerahkan dunia kepada kekasih (aulia') Allah, maka mereka akan berkata:

"Pergilah kamu...! Pergilah dan godalah orang-orang selain kami. Kami telah mengenal dan melihatmu. Janganlah kamu melintas di antara kami, kerana kami benar-benar telah mengenal semua keteranganmu. Janganlah engkau menipu dan memperdayakan kami, sesungguhnya dinarmu itu baik, sedangkan engkau hanya akan menghiasi sebuah boneka kosong yang terbuat dari kayu dan tidak bernyawa. Kamu adalah zahir tanpa makna. Suatu pemandangan yang tidak memberi sebarang kesan apa-apapun kepada orang yang memandangnya Engkau adalah penantian tanpa ujian, pada hal yang dinantikan dan yang ada hanyalah akhirat.

Ketika kecacatan dunia nampak di sisi kaum itu, maka mereka lari meninggalkannya. Dan ketika nampak oleh mereka kecacatan manusia, maka mereka pergi meninggalkan manusia itu dan merasa takut dan tidak tenang bersama manusia. Mereka lebih tenteram berada di gurun-gurun, padang pasir, tempat-tempat yang tidak berpenghuni, gua-gua, atau bersama jin dan malaikat yang berkelana di bumi ini. Malaikat dan jin datang kepada mereka dalam bentuk yang bukan bentuk asalnya. Mereka datang menyamar sebagai seorang ahli zuhud, dan adakalanya mereka menyamar sebagai seorang biarawan yang berada di tepi-tepi jalan, atau datang dalam bentuk binatang liar. Bahkan mereka menampakkan diri dalam bentuk apapun yang mereka ingini. Suatu bentuk rupa para malaikat dan jin adalah hampir sama dengan pakaian yang tergantung dekat mereka di rumahnya, dan mereka akan memakai pakaian mana yang dikehendakinya.

Seorang murid yang mempunyai tujuan yang benar dalam keinginan-nya kepada Allah dalam permulaan pengembaraannya, maka hendaklah dia menyepikan diri daripada pandangan manusia dan menghindarkan diri daripada mendengar pembicaraan mereka, dan dia juga diperintahan untuk tidak melihat walau sekecil manapun benda di dunia ini. Dia

tidak mampu untuk melihat sesuatupun dari makhluk ini. Hatinya telah bingung dan akalnya seakan-akan telah pergi entah ke mana, manakala pandangannya tertuju kepada satu arah. Dia sentiasa berkeadaan demikian hinggalah diletakkan-Nya tangan rahmat di hujung hati mereka, yang menyebabkan ketenangan di dalam hati mereka. Ia sentiasa dalam keadaan mabuk, hingga dia menikmati harumnya kedekatakan kepada Tuhannya. Pada saat itu juga dia disembuhkan dan mereka sedar.

Jika dia mampu meneguhkan tauhid, keikhlasan, makrifat kepada Tuhannya, mengetahui tentang-Nya dan kecintaan kepada-Nya, maka terciptalah keteguhan dan kelapangan makhluk. Datanglah kekuatan dari Allah kepadanya, sehingga dia mampu memikul beban yang berat tanpa merasa kepayahan. Dia mendekatinya dan mencarinya dan semua kemaslahatannya ditujukan kepada kebenaran. Dia tidak pernah menyibukkan diri sehingga menjauhi al-Haq walau sekelip matapun.

Seorang yang berzuhud dan baru berada pada tahap permulaan, mesti menghindarkan diri daripada semua manusia. Tetapi seorang zahid yang telah mencapai tahap kesempurnaan tidak akan mempedulikan mereka, dan tidak akan menghindarkan diri daripada mereka, bahkan ia akan mencari mereka kerana dia telah mengenal Allah. Kerana seseorang yang benar-benar telah mengenal Allah, tidak akan menghindar dari sesuatu dan tidak akan takut kepada sesuatu selain daripada Allah.

Seorang yang baru berada pada tahap permulaan, mesti menghindarkan diri daripada orang fasiq dan orang-orang yang melakukan maksiat. Sedangkan orang yang sudah berada pada tahap puncaknya akan mencari mereka. Bagaimana mereka tidak akan mencarinya, kerana penawar mereka itu ada padanya. Kerana itu, maka sebahagian ulama berkata:

"Tidak akan mampu tertawa di hadapan orang fasiq, kecuali para 'arifin (orang-orang yang arif."

Barangsiapa yang sudah sempurna kemakrifatannya kepada Allah, maka kemakrifatan itu akan menjadi pemandu baginya, dengan makrifat itu ia akan memerangkap dan menjaring manusia untuk memburu manusia di lautan dunia. Ia memberikan kekuatan kepadanya, sehingga ia mampu menghancur leburkan pertahanan iblis dan tenteranya dan mengambil semua manusia dari genggamannya.

Wahai orang yang menyendiri dengan kezuhudan serta

ketidaktahuannya...! Majulah kamu dan dengarlah apa yang aku katakan. Wahai orang-orang yang zuhud di muka bumi...! Mendekatlah kamu kepadaku dan robohkanlah pondok peribadatan kamu. Kamu telah duduk di khemah perkhalwatan kamu tanpa mempunyai sebarang dasar. Kamu tidak pernah memperolehi sesuatu daripadanya. Majulah kamu, dan temuilah buah-buahan hikmah semoga Allah menyayangi kamu. Bukanlah aku bermaksud mendatangkan apa yang akan datang kepadamu itu untukku, tetapi aku bermaksud untuk kemanfaatan kamu.

Wahai hamba...! Engkau perlu bersusah payah sehingga engkau mampu mempelajari suatu hasil pertukangan. Engkau membangunkan atau merobohkannya sampai seribu kali sehingga engkau dapat memperbaikinya. Bangunlah apa yang tidak akan pernah rosak. Jika engkau telah merosakkan dan merobohkan suatu bangunan, maka Allah membangunkan suatu bangunan yang tidak pernah rosak.

Wahai bangsaku...! Bilakah kamu akan berfikir dan menyusuli apa yang telah aku jalani...? Berkelilinglah kamu di sisi orang yang menghendaki Allah. Apabila engkau telah menemui mereka, maka layanilah mereka dengan harta dan jiwa kamu. Seorang murid yang benar, akan mengeluarkan bau yang wangi dan mempunyai ciri-ciri yang tampak bercahaya di wajahnya.

Namun bencana itu terjadi pada kamu, iaitu pada penglihatan kamu dan pemahaman kamu yang sedang sakit. Kamu tidak dapat mebezakan antara orang-orang yang benar dengan orang-orang zindiq, antara yang halal dengan yang haram, antara yang beracun dengan yang tidak beracun, antara orang yang musyrik dan orang yang bertauhid, antara orang yang ikhlas dengan orang yang munafik, antara orang yang derhaka dengan orang yang taat, antara orang yang menghendaki Khaliq dengan orang yang menghendaki makhluk.

Oleh itu, layanilah para guru (mursyid) yang mengamalkan ilmunya sehingga mereka meperkenalkan kamu kepada sesuatu sebagaimana adanya. Bersungguh-sungguhlah kamu untuk mengenal Allah, kerana jika kamu telah mengenal-Nya, maka Dia akan memperkenalkan kamu kepada apa yang selain-Nya. Kamu akan mengenal-Nya dan mencintai-Nya. Jika kamu kebingungan untuk melihat-Nya dengan mata kepala kamu, maka lihatlah Dia dengan mata hatimu. Jika kamu telah melihat kenikmatan-Nya, maka kamu akan mencintai-Nya tanpa syarat. Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَحِبُّوْا اللهَ لِـمَـا يُعَذِّيْكُمْ مِنْ نِعَمِهِ وَأَحِبُّوْنِي بِحُبِّ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ.

Ertinya:

"Aku mencintai Allah, kerana kenikmatan yang telah dianugerahkan kepada kamu. Cintailah oleh kamu akan diriku dengan kecintaan Allah 'Azza Wa Jalla kepadaku."

Wahai kaumku...! Kamu telah diberi-Nya makanan ketika kamu semua masih berada di dalam perut ibumu dan setelah kamu lahir ke dunia. Kemudian diberi-Nya kamu kesihatan dan kekuatan sehingga kamu mampu membawa sesuatu. Dia memberimu ketaatan kepada-Nya, dan menjadikan kamu muslim yang mengikut Nabi-Nya, Muhammad s.a.w. Oleh itu syukur dan cinta kepadanya (Rasulullah s.a.w.) adalah sama seperti syukur dan cinta kepada Allah. Apabila kamu telah melihat kenikmatan daripada-Nya, maka hilanglah kecintaan hatimu kepada makhluk.

Seseorang yang telah mengenal Allah, mencintai-Nya dan memandang kepada-Nya dengan kedua-dua mata hatinya, dengan pandangan bahawa semua mudarat dan manfaat hanya datang daripada-Nya, maka tidak akan tinggal padanya sedikitpun pandangan, bahawa makhluk mampu mendatangkan mudarat dan manfaat kepadanya. Apabila dia melihat suatu kebaikan daripada manusia, maka dia akan memandang penak-lukkan Allah kepada manusia. Jika dia melihat keburukan daripada manusia, maka di sana dia melihat kekuasaan Allah atas manusia. Pandangannya berpindah daripada makhluk kepada Khaliq.

Dalam masa yang sama, diberikanlah syariah sebagai haknya, dan dia tidak pernah melanggar hukum-hukumnya. Hati seorang yang arif sentiasa berpindah daripada satu keadaan kepada satu keadaan yang lain, hingga dia mampu mengukuhkan kezuhudannya terhadap manusia, meninggalkan mereka dan berpaling dari mereka, mencintai al-Haq dan mengukuhkan tawakkal kepada-Nya. Dia tidak mempunyai keinginan untuk mengambil sesuatu apapun dari manusia. Namun yang tinggal bagi mereka, adalah ketika mereka mengambil dari manusia atas kekuasaan Allah al-Haq. Dia sentiasa menguatkan dan mengukuhkan akalnya yang bersekutu dengan makhluk, kemudian dia menambahnya dengan akal yang lain, iaitu akal yang berasal dari al-Haq.

Wahai orang-orang yang mengharapkan manusia...! Wahai orang-orang yang bersekutu dengan mereka...! Takutlah kamu akan datangnya

kematian, sementara kamu tetap berada dalam keadaanmu seperti sekarang ini. Allah tidak akan membukakan pintu-Nya untuk ruhmu, tidak akan memandang rohmu itu, kerana Dia sangat murka kepada sesiapa yang mempersekutukan-Nya dan menyandarkan harapan kepada selain-Nya.

Adalah wajib bagimu untuk membersihkan dirimu daripada nafsu, kemudian membersihkan diri daripada manusia, kemudian membersihkan dirimu daripada dunia, kemudian membersihkan dirimu dari akhirat, kemudian daripada selain Allah. Apabila kamu berkehendak untuk berkhalwat bersama Allah, maka leburkanlah perwujudan dirimu, perancanganmu dan perkataanmu.

Celakalah engkau...! Kamu duduk bersimpuh di hamparan peribadatanmu, sementara hatimu masih tertambat di rumah-rumah manusia menanti kedatangan mereka dan hadiah-hadiah yang bakal mereka persembahkan kepadamu. Sia-sialah masamu, dan engkau hanya membuat bentuk lukisan tanpa makna buat dirimu. Janganlah engkau mengaggap bahawa sesuatu itu layak bagi dirimu, sedangkan Allah tidak menganggapnya layak untukmu. Jika memang demikian keadaannya, maka tiada yang mampu melaksanakannya, baik dirimu mahupun semua manusia.

Jika al-Haq menghendaki agar kamu melaksanakan sesuatu, maka akan dipersiapkan-Nya sarana bagimu untuk itu.

Jika engkau tidak mempunyai batin yang suci dan bersih serta hati yang kosong daripada sesuatu selain daripada Allah, maka khalwat semata-mata tidak akan bermanfaat bagimu.

Ya Allah...! Berilah manfaat kepadaku atas apa yang aku ucapkan ini dan juga bermanfaat bagi mereka daripada apa-apa yang aku ucapkan kepada mereka, dan mereka tidak keberatan untuk mendengarkannya:

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ٢٠١

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 21

Lapangkanlah Batinmu Daripada Selain Allah

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Selasa petang, 25 Zulqaedah, 545H.

DUNIA adalah hijab bagi akhirat. Akhirat adalah hijab bagi Tuhan dunia dan akhirat. Manakala setiap makhluk adalah hijab bagi Khaliq. Selama engkau memusatkan fikiranmu kepada sesuatu, maka ia adalah hijab bagi dirimu terhadap yang lain. Janganlah engkau berpaling kepada manusia, kepada dunia dan kepada selain daripada Allah al-Haq, sehingga engkau datang ke pintu gerbang Allah Taala dengan tapak batinmu dan kebenaran zuhudmu terhadap apa yang selain Dia.

Lapangkanlah batinmu dari segala-galanya, gelisahlah engkau tentang-Nya, merataplah engkau kepada-Nya dan minta pertolongan daripada-Nya, sebagai seorang yang sentiasa memperhatikan keputusan (takdir) -Nya yang sudah berlalu dan kepada ilmu-Nya.

Apabila telah nyata terkaitnya hati dan batinmu sehingga kedua-duanya telah masuk kepada-Nya, maka engkau telah dekat kepada-Nya, dan engkau akan semakin bersikap tawaduk, bersikap hormat dan akan menguasai setiap hati manusia. Engkau akan mampu menundukkan mereka serta akan menjadi suatu penawar bagi mereka.

Dalam keadaan seperti ini, tolehkanlah pandanganmu kepada makhluk, manusia dan dunia, kerana tolehanmu kepada mereka akan mendatangkan kenikmatan bagi mereka, manakala pengambilanmu

terhadap dunia dari tangan mereka dan mengembalikannya kepada orang-orang fakir serta kamu mengambil bahagianmu dari dunia adalah merupakan ibadah, ketaatan dan keselamatan bagimu.

Barangsiapa yang mengambil harta dunia dengan cara seperti ini, maka dunia tidak akan memudaratkannya, bahkan dia akan selamat daripadanya, serta bahagian-bahagian yang diambilnya itu bersih daripada lumpur dan kekotoran dunia ini. Bagi para kekasih (aulia') Allah, penguasaan terhadap dunia dapat diketahuinya daripada tanda-tanda yang terlihat di wajahnya, yang hanya dapat diketahui oleh kemampuan firasat. Kerana tanda-tanda kewalian hanya akan ditunjukkan oleh isyarat atau tanda-tanda yang ada padanya, bukan dengan ucapan lidah.

Barangsiapa yang menghendaki kebahagiaan, maka hendaklah dia menyerahkan diri dan harta kekayaannya kepada Allah al-Haq, dan melepaskan atau mengeluarkan semua manusia dan kehidupan dunia ini dari hatinya, laksana terlepasnya rambut dari kulit kepala, atau laksana ke luarnya air susu dari susu seorang ibu. Begitu juga dengan yang lainnya, dan demikian juga dengan yang lain selain daripada Allah al-Haq.

Dalam keadaan seperti ini, akan diberikanlah semua bahagian kepada semua yang menghendakinya, dan di hadapan-Nya engkau akan memakan bahagianmu dari kehidupan dunia dan akhirat. Sementara engkau berada di pintu gerbang Allah al-Haq, kedua-duanya (dunia dan akhirat) akan berdiri tegak melayanimu. Janganlah engkau makan bahagian duniamu, sementara dunia ini duduk dan engkau berdiri. Tetapi makanlah dunia ini di atas pintu gerbang Kerajaan Allah, sementara engkau duduk dan dunia dalam keadaan berdiri dan menundukkan kepalanya melayani orang-orang yang berdiri di pintu gerbang Ilahi, sedangkan dunia akan menghinakan orang-orang yang berdiri di pintunya.

Semuanya itu berpijak pada kekayaan dan kemuliaan dari Yang Maha Haq, iaitu mereka yang redha akan ketentuan-Nya dengan kebankrapan di dunia dan redha atas kepastian-Nya dengan kehidupan di akhirat agar Dia mendekatkan mereka kepada-Nya. Mereka tidak mendambakan dari Allah, selain daripada Allah itu sendiri. Mereka sedar, bahawa bahagian manusia di dunia ini sudah ditentukan kadarnya, sehingga mereka tidak berkeinginan untuk memburunya. Mereka juga sedar, bahawa tingkatan kehidupan di akhirat dan kehidupan syurga pun sudah dibahagi-bahagi sehingga mereka tidak ingin memburunya dan beramal untuknya. Tiada

yang mereka inginkan, kecuali Zat Yang Maha Haq. Jika mereka telah masuk ke dalam syurga, maka mereka tidak akan membuka mata mereka hingga mereka melihat cahaya Ilahi (Nur al-Haq)

Cintailah olehmu kekosongan terhadap semua makhluk dan perbanyakkanlah menyendiri (khalwat). Barangsiapa yang hatinya tidak kosong daripada makhluk dan segala sebab-akibat, maka dia tidak akan mampu melalui jalan yang sudah dilalui oleh para Anbiya', para al-siddiqin, orang-orang soleh, hingga dia mampu menerima dunia ini walaupun hanya sedikit, dan menyerahkan harta yang banyak ke tangan takdir. Janganlah engkau berpaling daripada sikap zuhudmu dan berpindah kepada keinginan untuk membunuh harta yang banyak, kerana engkau akan binasa olehnya. Bagaimanapaun, jika harta yang banyak itu berasal daripada Yang Maha Haq, bukan kerana usahamu memburunya, maka engkau akan terpelihara padanya.

Diriwayatkan dari Hasan al-Basri, bahawa beliau berfatwa:

"Bimbinglah manusia dengan ilmu dan perkataanmu. Wahai orang-orang yang memberikan bimbingan...! Bimbinglah manusia dengan batin yang bersih dan hati yang bertakwa. Janganlah kamu membimbing manusia dengan kebaikan zahiryah, sedang batiniyahmu penuh dengan kebusukan."

Allah telah menuliskan keimanan di dalam hati orang- orang yang beriman sebelum Dia menciptakan mereka. Inilah yang tersurat dahulu kala. Bagaimanapun seseorang itu tidak dibolehkan berpangku tangan dari apa yang telah terdahulu itu dan menjadikannya sebagai sandaran tawakkal. Tetapi hendaklah kita berjuang, memandang ke masa depan dan mengubah apa yang mesti kita perjuangkan.

Berjuanglah untuk memperolehi keimanan, keyakinan dan berpaling-lah kepada anugerah Ilahi dan berusaha untuk selalu bersimpuh di pintu gerbang-Nya. Maka hati kita akan bersungguh-sungguh dalam memperolehi keimanan, sehingga mungkin Yang Maha Haq akan memberikannya kepada kita, tanpa mesti berusaha untuk mencarinya dan tanpa kesusahan.

Apakah kamu tidak malu, bahawa Allah telah memberikan sifat kepada diri-Nya dengan sifat-sifat yang diredhai-Nya, kemudian kamu menafsirkannya dan kemudian menolaknya...? Kamu tidak akan mampu untuk menanggung beban sebagaimana yang pernah ditanggung oleh

orang-orang yang terdahulu daripada kamu, yang terdiri daripada para sahabat dan tabi'in. Tuhan kita bersemayam di 'Arasy, sebagaimana yang difirmankan-Nya, tanpa perumpamaan, kekosongan dan kebendaan (material).

Ya Allah...! Berilah rezeki kepada kami, tolonglah kami dan jauhkanlah kami daripada segala perbuatan bid'ah dan khurafat.

Ya Allah...! Berilah kami kemantapan hati untuk mencari redha-Mu, baik di dunia mahupun di akhirat. Serta masukkanlah kami ke dalam dalam golongan para hamba-Mu yang soleh.

Ya Allah...! Jauhkanlah kami daripada sifat tamak dan haloba terhadap duniamu, jika hal itu akan menjauhkan kami daripada Engkau.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksa api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 22

Bagaimana Mengeluarkan Rasa Cinta Kepada Dunia...?

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad 30 Zulkaedah, 545H.

SETELAH mendengarkan ceramah Tuan Syeikh, seseorang bertanya kepada beliau: "Bagaimanakah aku hendak mengeluarkan cinta kepada dunia dari hatiku...?" Tanyanya. Maka beliau menjawab: "Amatilah kegiatannya, berkenaan dengan cara mentadbir dan membangunnya. Bagaimana sikap itu mengubah mereka, membentuk peribadi mereka, dan menciptakan suatu kebiasaan sebagai tindakan selanjutnya, kemudian mereka menapak dari satu tahap ke tahap yang lain, sehingga mereka mengungguli semua manusia serta memungkinkan mereka untuk mengendalikan manusia serta mampu menampakkan perbendaharaan dan keajaibannya."

Ketika mereka merasa bahagia dengan keunggulan, kemampuan dan kebaikan taraf hidup mereka dan pelayanan dunia serta isinya kepada mereka, tiba-tiba dunia ini menangkap mereka, membelenggu, memperdaya dan mencampakkan mereka dari keunggulan tersebut, sehingga mereka berputus asa, hancur lebur dan binasa, sementara dunia hanya berdiam diri dan menertawakan mereka, dan dalam masa yang sama iblis juga berdiri di sisi mereka dan ikut mentertawakan mereka.

Inilah yang dilakukan oleh dunia kepada para sultan, raja dan orang-orang kaya semenjak dari anak cucu Adam dahulu hingga hari kiamat kelak. Begitulah sikap dunia...! Pada mulanya dia mengangkatmu tinggi-tinggi

sehingga engkau menjadi manusia yang terunggul kemudian menjatuhkan kamu, memajukan kamu kemudian memundurkan kamu, membuat engkau kaya kemudian menjadikan engkau miskin, mendekatimu seolah-olah ia bersahabat denganmu, kemudian ia mencekik lehermu.

Sedikit sekali daripada manusia yang selamat daripadanya dan mampu mengalahkannya, sedangkan kebanyakannya ialah dia sendiri yang dikalahkan oleh dunia. Sedikit sekali orang yang mampu menjadikan dunia sebagai pendukung yang boleh menyelamatkannya daripada keburukan. Adapun yang akan selamat daripada keburukan dan kebusukan dunia adalah orang-orang yang telah lama mengenalnya, dan berhati-hati daripada curamnya jeram yang sangat licin, serta selamat daripada tipu-dayanya.

Wahai orang yang bertanya...! Jika engkau melihat dengan kedua-dua mata hatimu kepada cacat-cela dunia ini, maka engkau akan mampu mengeluarkan dunia ini dari hatimu. Selanjutnya, apabila engkau melihat dunia ini dengan kedua-dua mata kepalamu, maka engkau akan sibuk dengan perhiasan dunia, lalai daripada memperhatikan cacat-celanya dan tidak mampu untuk mengeluarkannya dari hatimu, engkau tidak kuasa untuk bersikap zuhud daripadanya.

Dunia akan membunuhmu sebagaimana ia telah membunuh orang-orang selain engkau. Perangilah hawa nafsumu hingga ia menjadi tenang (mutmainnah). Jika nafsmu sudah tenang, maka engkau akan mampu melihat cacat-cela dunia ini dan kamu akan bersikap zuhud terhadap dunia ini. Ketenangan itu akan wujud jika engkau memandangnya dari hati dan menyesuaikannya dengan bisikan batin, mengikut apa yang diperintahkan oleh kedua-duanya dan menghentikan semua yang ditegah oleh kedua-duanya, menerima pemberian kedua-duanya dan bersabar atas pencegahan kedua-duanya.

Jika nafsu itu telah tenang, maka dia akan begegas menuju hati dan beristiqamah padanya. Maka engkau akan melihat adanya mahkota ketakwaan di atas kepalanya dan mahkota kedekatan (taqarrub) kepada-Nya. Peliharalah olehmu keimanan, kejujuran dan menjauhi kedustaan kepada suatu kaum serta berdebat dengan mereka. Janganlah engkau menghampiri mereka, kerana mereka tak ubahnya bagaikan raja-raja di dunia dan akhirat. Milikilah kedekatan kepada Allah, dengan demikian engkau akan memiliki segala-galanya selain daripada-Nya. Allah Yang

Maha Benar telah memberikan kekayaan kepada hati mereka, memenuhi hati mereka dengan kedekatan kepada-Nya, ketenteraman bersama-Nya dengan cahaya dan kemuliaan-Nya

Mereka tidak mempedulikan harta dunia yang berada di tangan seseorang dan siapa yang akan memakannya. Mereka tidak melihat kepada permulaan dunia ini namun mereka melihat kepada akibat dan kehancurannya. Mereka menjadikan Allah sebagai sasaran yang tepat bagi pandangan batin mereka. Mereka tidak beribadah kepada Allah kerana takut akan kehancuran, dan juga bukan kerana mengharap untuk diberi kekuasaan ke atas makhluk-Nya.

Dia menciptakan mereka untuk-Nya dan untuk bergaul dengan-Nya, sementara Allah akan menciptakan apapun yang tidak mereka ketahui. Allah akan menciptakan apa yang dikehendaki-Nya. Seorang itu akan sentiasa berdusta apabila berbicara, dan apabila mereka berjanji tidak akan pernah menepatinya, dan jika mereka diberi kepercayaan, maka mereka akan mengkhianatinya. Barangsiapa yang bersih daripada sifat dan sikap ini, sebagaimana yang dituturkan oleh Rasulullah s.a.w., maka dia telah bersih daripada kemunafikan.

Sikap tersebut akan membezakan antara seorang mukmin dengan seorang munafik. Ambillah kemuliaan ini, dan pandanglah dengannya wajah hatimu. Lihatlah di sana, apakah engkau seorang mukmin atau seorang munafik...? Apakah engkau orang yang mentauhidkan Allah atau orang yang mempersekutukan-Nya...? Ketahuilah...! Bahawa segala harta dunia ini adalah fitnah dan selalu menyibukkan orang-orang yang memburunya, kecuali apabila ia diambil dengan maksud baik untuk kehidupan akhirat.

Jika niat engkau dalam melakukan sesuatu yang bersifat duniawi ini sudah baik, maka ia akan menjadi sesuatu yang bersifat ukhrawi bagimu. Setiap kenikmatan sentiasa terlepas daripada kesyukuran kepada Allah. Maka engkau tuntutlah nikmat Allah itu untuk bersyukur kepada-Nya. Bersyukur kepada Allah adalah dengan mensyukuri kenikmatan yang dikurniakan-Nya itu.

Adapun syukur kepada Allah itu ada dua macam, iaitu:

1. Nikmat itu digunakan sebagai cara penyokong untuk melakukan ketaatan dan memberikan sebahagiannya kepada orang-orang fakir.

2. Mengakui adanya nikmat itu dengan memakainya kepada Zat Pemberi nikmat, dan bersyukur atas nikmat tersebut kepada Zat yang menurunkannya, iaitu Allah al-Haq.

Diriwayatkan oleh sebahagian ulama, bahawa sesungguhnya dia berkata:

"Setiap sesuatu yang menyibukkan dirimu sehingga menjauhkan engkau daripada Allah, maka ia adalah merupakan suatu kesialan bagimu. Sesungguhnya kesibukanmu dengannya akan membuat engkau selalu mengingatinya dan menjauhkan engkau daripada Allah, maka ia juga merupakan suatu kesialan bagimu. Jika nikmat Allah itu menyibukkan engku sehingga engkau terjauh daripada-Nya, maka ia adalah suatu kemalangan bukan nikmat bagimu."

Engkau menerima nikmat itu dengan kederhakaan, dan dalam hal-hal yang penting engkau mengembalikan kepada selain-Nya. Boleh jadi pembohongan dan kemunafikan telah wujud dalam dirimu, dalam semua gerak-gerikmu, dalam diammu, dalam perangkaan dan penghayatanmu, dalam malam atau siangmu. Mungkin syaitan telah menyelimuti hatimu dan engkau telah dihiasinya dengan kedustaan serta kebusukan dan keburukan. Sehingga engkau pun berdusta dalam ibadah solat yang engkau kerjakan, kerana engkau mengucapkan *Allahu Akbar*, sedangkan engkau dianggap berdusta, kerana di hatimu terdapat Tuhan yang lain selain daripada Allah.

Segala sesuatu yang engkau jadikan sebagai sandaran dan tempat menggantungkan harapanmu, maka ia adalah Tuhanmu. Segala sesuatu yang engkau takuti dan engkau harapkan daripadanya, ia adalah merupakan Tuhan bagimu. Hatimu selalu bercanggah dengan lidahmu. Tindakanmu selalu bercanggah dengan ucapanmu. Ucapkanlah Allahu Akbar seribu kali dengan hatimu, dan ucapkan sebanyak satu kali dengan mulutmu.

Apakah engkau tidak malu mengucapkan kalimah (لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ), sementara engkau mempunyai seribu Tuhan yang lain selain daripada-Nya. Bertaubatlah engkau kepada Allah daripada segala yang engkau ada di dalamnya. Sementara engkau, wahai orang-orang yang menuntut ilmu, hanya akan memperolehi daripadanya satu sebutan, bukan satu kenyataan.

Apakah akan bermanfaat bagimu, jika engkau mengatakan: *"Aku orang*

yang mengetahui...!, dan ternyata engkau seorang pembohong. Bagaimana engkau dapat meredhai dirimu sendiri, sementara engkau menyuruh orang lain untuk melakukan sesuatu yang engkau sendiri tidak pernah melakukannya.

Ingatlah firman Allah, yang berbunyi:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٢﴾

Ertinya:
"Wahai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu lakukan...?"

(As-Shaf: 2)

Celakalah kamu...! Kamu telah menyuruh manusia berlaku jujur, sedangkan engkau adalah seorang pendusta. Kamu memerintahkan manusia untuk mentauhidkan Allah, sedangkan engkau sendiri adalah orang yang mempersekutukan-Nya. Kamu memerintahkan manusia untuk bersikap ikhlas dalam semua perbuatan, sedangkan engkau adalah seorang yang riyak dan munafik. Kamu memerintahkan manusia untuk menjauhi kederhakaan kepada Allah, sedangkan engkau melakukannya. Engkau telah menanggalkan sifat malu daripada kedua-dua matamu. Andaikata engkau benar-benar seorang yang beriman, sudah pasti engkau akan bersifat malu. Rasulullah s.a.w. telah bersabda, yang berbunyi:

اَلْـحَيَاءُ مِنَ الْإِيمَـانِ.

Ertinya:
"Malu itu adalah sebahagian daripada iman."

Engkau tidak mempunyai keimanan dan keyakinan.

Engkau juga tidak memelihara amanah yang diserahkan kepadamu. Engkau telah mengkhianati ilmu, maka hilanglah sifat amanahmu, sehingga engkau ditulis sebagai seorang pengkhianat di sisi Allah.

Aku tidak mengetahui ubat yang sesuai untukmu, kecuali bertaubat dan istiqamahlah engkau dalam taubat itu. Barangsiapa yang beriman dengan sebenar-benarnya kepada Allah dan segala takdir-Nya, maka dia akan menyerahkan semua permasalahannya kepada Allah, dan dia tidak akan mengadakan sekutu bagi-Nya dalam segala urusannya.

Janganlah engkau mempersekutukan-Nya dengan makhluk serta

sebab akibatnya dan membelenggu dirimu dengannya, sementara engkau menjauhkan dirimu daripada Allah. Jika semuanya ini telah terlaksana dengan benar, maka Dia akan menyelamatan engkau daripada semua ujian dan bencana dalam semua keadaan.

Kemudian dia berpindah daripada keimanan kepada yakin.Kemudian datang kepadanya kekuasaan pengganti atau *wali abdal*, kemudian meningkat lagi kepada *wali ghaib*, dan besar kemungkinan pada akhir keadaannya datanglah pengangkatan *wali qutub* kepadanya, yang akan dibanggakan oleh Allah terhadap makhluk-makhluk yang terdiri daripada jin, manusia, makhluk dan roh. Mendahulukannya, mendekatkannya dan memberinya kekuasaan kepada makhluk. Bagaimanapun, ini adalah sebagai dasar dan permulaan daripada semuanya.

Beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan membenarkan kedua-duanya adalah menjadi dasar daripada semuanya ini. Pada awalnya Islam, kemudian beriman, kemudian mengamalkan Kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya, kemudian bersikap ikhlas dalam mengamalkannya yang disertai dengan ketauhidan yang bersemayam di dalam hati, ketika keimanan itu telah sempurna.

Seseorang yang beriman akan meleburkan diri kepada-Nya (fana'), dari segala amalnya dan dari segala sesuatu selain daripada-Nya, sehingga dia melakukan beberapa amal sementara dirinya sendiri mengasingkan diri daripada amal-amal itu. Tidak henti-hentinya dia memerangi nafsu dan semua makhluk, dia sentiasa berada di dalam naungan Allah, sehingga Dia memberi petunjuk kepadanya untuk menuju jalan-Nya. Allah berfirman:

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُوا۟ فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ لَمَعَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Ertinya:
"Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keredhaan) Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka, jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah sentiasa bersama-sama orang yang melakukan kebaikan."

(Al-Ankabut: 69)

Jadilah kamu orang-orang yang berzuhud terhadap segala sesuatu, sementara engkau telah benar-benar redha dengan perancangan-Nya,

yang membalikkan hatimu dengan kekuasaan-Nya. Jika engkau meredhainya maka Dia akan memindahkan engkau ke dalam kudrat-Nya.

Wahai...! Sungguh beruntung orang-orang yang menyetujui dan meredhai kudrat-Nya dan menanti perbuatan Zat Yang Maha Menentukan. Beramal dengan ketentuan-Nya, berjalan dengan ketentuan-Nya dan tidak kufur atas nikmat yang dikurniakan oleh Pemilik Qudrat. Adapun tanda-tanda nikmat Zat Yang Memiliki Qudrat itu ialah kasih sayang-Nya, dekat kepada-Nya, kaya dengan-Nya terhadap seluruh makhluk-Nya.

Jika sekeping hati seorang hamba itu telah mencapai hadrat Tuhannya, maka akan menjadikannya seorang yang kaya dengan pencapaiannya itu dan menjauhkannya daripada makhluk, mendekatkannya, memberi kemampuan kepadanya dan memberi suatu milik baginya. Allah berfirman:

إِنَّكَ ٱلْيَوْمَ لَدَيْنَا مَكِينٌ أَمِينٌ ﴿٥٤﴾

Ertinya:
"Sesungguhnya engkau (mulai) hari ini menjadi seseorang yang berkedudukan tinggi lagi dipercayai pada sisi Kami..."

(Yusuf: 54)

Dia menjadikan Yusuf sebagai khalifah di dalam kerajaan-Nya, sebagaimana pembesar Mesir telah mengambil Yusuf sebagai penggantinya, menyerahkan semua urusan negara dan khazanahnya, mengawasi negara dengan semua seluk-beluknya, serta menjadikan Yusuf sebagai orang yang dipercayai mengawasi khazanah atau gedung perbendaharaan negara.

Begitu juga dengan hati...! Apabila dia sudah benar serta telah nampak ketulusan dan kebersihannya daripada selain Tuhannya, maka Dia akan menempatkannya di tengah-tengah hati para hamba-Nya dan kerajaan-Nya, dunia dan akhirat, seakan-akan ia menjadi kiblat bagi para murid yang bermaksud hendak merintis jalan tariqat.

Usaha pengembaraan untuk mencapai semua ini adalah dengan ilmu dan mengamalkan ilmu secara zahiryah. Janganlah engkau mengulangi kesalahan dan kemalasan untuk tunduk dan taat kepada Allah, kerana Allah akan mengujimu dengan suatu seksaan. Diriwayatkan dari Rasulullah s.a.w., bahawa baginda bersabda, yang berbunyi:

إِذَا قَصَّرَ الْعَبْدُ فِى الْعَمَلِ ابْتَلَاهُ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ بِالْهَمِّ.

Ertinya:
"Apabila seseorang hamba itu telah memendekkan amalnya, maka Allah 'Azza Wa Jalla akan mengujinya dengan perasaan dukacita."

(Hadis Marfu')

Allah akan mengujinya dengan perasan dukacita kerana ia tidak memperolehi apa yang bukan menjadi bahagiannya, kesedihan keluarga dan terhinanya anggota keluarganya, berkurangnya keuntungan perniagaan, derhakanya anak-anaknya kepada dirinya, larinya sang isterinya meninggalkannya, dan dari segi manapun kesusahan yang boleh mendatangkan semacam hukuman dan seksaan kepadanya, kerana kesalahan yang telah dilakukannya dalam melakukan ketaatan kepada Tuhannya dan kerana kesibukannya terhadap urusan dunia sehingga menjauhkan dirinya daripada Allah Yang Maha Benar. Dia berfirman, yang berbunyi:

مَّا يَفْعَلُ ٱللَّهُ بِعَذَابِكُمْ إِن شَكَرْتُمْ وَءَامَنتُمْ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ شَاكِرًا عَلِيمًا ﴿١٤٧﴾

Ertinya:
"Apa yang perlunya Allah meryeksa kamu, jika kamu bersyukur dan beriman. Dan Allah Maha Mensyukuri dan Maha Mengetahui."[21]

(An-Nisa': 147)

Selain itu, tidak ada hak manusia untuk menghujjah-Nya atas ketentuan yang sudah diberikan-Nya (Qadha' dan Qadar-Nya dan menentang semua hukum yang sudah dilakukan-Nya, sesuai dengan firman-Nya yang berbunyi:

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

Ertinya:
"Tidak ditanya tentang apa yang diperbuat-Nya, dan merekalah yang akan ditanya (tentang apa yang mereka lakukan)."

(Al-Anbiya': 23)

21. Adapun yang dimaksudkan dengan "Allah Maha Mensyukuri" dalam fiman-Nya di atas, ialah bahawa Allah mensyukuri hamba-Nya dengan memberi pahala terhadap amal hamba-hamba-Nya, mengampuni kesalahan hamba-Nya dan memberi-Nya nikmat. (Penterjemah)

Celakalah kamu...! Sampai bilakah kamu hendak menyibukkan diri dengan nafsumu dan ahli keluargamu, sehingga engkau lalai dan menjauhkan diri daripada Allah...? Diriwayatkan dari sebahagian ulama, bahawa dia bertakwa:

"Jika seorang anakmu telah belajar membuang biji kurma, maka berpalinglah daripadanya dan sibukkanklah dirimu bersama Tuhanmu."

Adapun maksud daripada fatwa ulama di atas, ialah apabila anakmu sudah tahu bahawa biji kurma untuk berguna dan mempunyai harga, dan dia telah melakukan perbuatan itu dengan sedar dan tahu akan nilainya. Maka janganlah engkau sia-siakan waktumu untuk terpedaya dengan hal itu, kerana anakmu itu telah melepaskan diri daripada kamu, yakni bahawa dia tidak lagi memerlukan kamu dalam hal ini.

Langkahmu selanjutlah ialah bahawa engkau didiklah anakmu dalam bidang keterampilan membuat barang-barang yang bermanfaat dan luangkan waktumu untuk beribadah kepada Allah. Kerana isteri dan anak-anakmu tidak akan mempengaruhimu dalam beribadah kepada Allah.

Tanamkanlah dalam dirimu, dalam diri isteri dan anak- anakmu untuk menerima apa yang mesti diterima, atau merasa puas dengan apa yang ada, kemudian luangkan waktumu dan mereka untuk taat kepada Ilahmu. Jika suatu ketika, kamu memperolehi rezeki yang banyak dalam keghaiban, maka rezeki itu akan datang pada waktu yang sudah ditentukan oleh Allah. Maka ketika itu engkau akan melihat bahawa segala sesuatunya itu berasal daripada Allah.

Bersihkanlah dirimu dari syirik atau bersekutu dengan makhluk. Namun jika engkau sudah ditentukan tidak akan memiliki hal tersebut, maka seharusnyalah engkau telah memiliki kekayaan, dengan tidak memerlukan segala sesuatu dengan sikap kezuhudan dan sifat qana'ah yang ada pada dirimu.

Orang mukmin yang bersifat qana'ah (redha dengan apa yang ada padanya), apabila dia memerlukan sesuatu daripada harta benda dunia maka dia akan menghadap kepada Tuhannya dengan memanjatkan permohonannya, dengan ketundukan dan kehinaan dirinya serta bertaubat kepada-Nya. Jika Allah memberi apa yang diingininya, maka dia akan bersyukur atas pemberian itu. Sebaliknya, jika Allah tidak memberinya, maka diapun redha dengan ketentuan itu, bersabar atas kehendak-Nya tanpa berpaling daripada Allah dan menderhakai-Nya.

Mereka tidak akan memburu kekayaan dengan agamanya, dengan keriyakannya, dengan kemunafikannya dan dengan hasutannya sebagaimana yang pernah engkau lakukan, hai munafik.

Ketahuilah...! Bahawa riya', munafik dan maksiat adalah punca kemiskinan, kehinaan dan terjauhnya seseorang daripada pintu gerbang Ilahi. Seseorang yang riya' dan munafik, yang mengaut keuntungan dari dunia dengan menjual agamanya, menghiasai dirinya dengan hiasan orang-orang soleh (berlagak seperti orang soleh) sedangkan dia bukanlah tergolong kepada mereka, berbicara dengan pembicaraan orang-orang soleh, menyandang pakaian mereka, tetapi tidak beramal seperti amal mereka.

Mereka mendakwa adanya hubungan darah dengan orang-orang soleh, sedangkan mereka bukanlah bersaudara dengan orang-orang soleh itu.

Ucapan (لَا إِلَٰهَ إِلَّا اللهُ) yang engkau lafazkan itu hanyalah sebuah pengakuan, kepasrahan dan perjanjianmu dengan-Nya, sementara pemalingan hatimu daripada-Nya adalah sebagai buktinya.

Wahai orang-orang pembohong...! Berkata benarlah kamu...! Wahai orang-orang yang lari dari Tuhannya...! Kembalilah kamu...! Serahkanlah hatimu kepada pintu gerbang Allah al-Haq. Luruskanlah iktikadmu dan berilah alasan atas kesalahan-kesalahan yang sudah engkau lakukan kepada-Nya.

Dalam tingkat keimanan, ambillah dunia dengan keizinan syarak, manakala dalam tingkat kewalian, ambillah dunia ini dengan tangan Allah, iaitu perintah Allah yang disaksikan oleh dua saksi, iaitu kitab-Nya dan sunnah Rasul-Nya. Sedangkan dalam tingkatan wali abdal dan wali qutub, ambillah dunia itu dengan perbuatan Allah, kerana engkau telah menyerahkan semua urusan ini kepada-Nya.

Wahai hamba...! Apakah kamu tidak malu tentang dirimu sendiri dan kepada bapamu, kerana engkau telah menghalang dirimu daripada kebenaran dan pertolongan Allah...? Apakah engkau tidak malu, kerana pada waktu pagi engkau adalah orang yang taat kepada Allah, sementara pada waktu petangnya engkau menjadi seorang penderhaka...? Apakah engkau tidak malu, kerana pada hari ini engkau menjadi seorang yang ikhlas, sedangkan besoknya engkau menjadi seorang munafik dan musyrik. Diriwayatkan dari Rasulullah s.a.w., bahawa baginda bersabda, yang berbunyi:

مَنِ اسْتَوَى يَوْمَاهُ فَهُوَ مَغْبُوْنٌ وَمَنْ كَانَ أَمْسُهُ خَيْرًا مِنْ يَوْمِهِ فَهُوَ مَحْرُوْمٌ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang hari-harinya sentiasa sama, maka orang itu adalah seorang yang kerugian. Barangsiapa yang hari semalamnya lebih baik daripada hari ini, maka dia adalah orang yang bernasib buruk."

(Hadis ini tidak Sahih)

Wahai hamba...! Dirimu tidak mampu mendatangkan sesuatu, sedangkan akan datang sesuatu yang mesti datang kepadamu. Berjuanglah engkau dengan bersungguh-sungguh, sedangkan pertolongan akan datang daripada Tuhanmu. Bergeraklah engkau di samudera yang engkau sedang berenang di permukaannya ini, sedangkan ombaknya akan melemparkan engkau dan gelombangnya akan membawa dan mengembalikan engkau ke pantai.

Doa adalah dari kamu, sementara yang memakbulkannya adalah Allah. Bersungguh-sungguh itu dari kamu, sedangkan taufik itu datang dari Allah. Meninggalkan sesuatu kederhakaan itu dari kamu, sedangkan perlindungan akan datang daripada-Nya. Luruskanlah permohonan dan permintaanmu, sedangkan aku telah menunjukkan pintu kedekatan kepada-Nya. Engkau sentiasa mengharapkan rahmat-Nya yang selalu terhulur untukmu, dan engkau juga mengendaki kemuliaan dan cinta-Nya selalu tercurah kepadamu.

Inilah puncak permintaan dan harapan sesuatu kaum. Tetapi manakah amalmu untuk mengharapkan semuanya itu wahai orang yang sentiasa menghambakan dirinya kepada nafsu, orang yang menurut hawa nafsu dan kemahuan syaitan...? Tiada sesuatupun di dalam diriku, kecuali kebenaran di dalam kebenaran (Haq di dalam Haq) intisari di dalam intisari, kebersihan di dalam kebersihan, memutuskan dan menghubungkan.

Putuskanlah hubunganmu dengan selain daripada Allah dan hubung-kanlah dirimu dengan-Nya. Janganlah menghadap Allah dengan kedunguanmu, wahai orang munafik, wahai orang-orang yang suka menyeru, wahai orang-orang yang suka berdusta. Aku tidak malu terhadapmu semua. Bagaimana aku akan malu kepadamu, kerana kamu tidak malu kepada Tuhanmu. Melakukan keburukan kepada-Nya

meremehkan pandangan dan malaikat-Nya yang dijadikan wakil-Nya kepada kamu.

Aku mempunyai kebenaran yang akan dapat memutuskan kepala setiap orang kafir, orang munafik dan para pendusta yang tidak bertaubat dan kembali kepada Tuhannya dengan langkah taubat dan pengakuan terhadap dosa-dosanya.

Diriwayatkan dari sebahagian ulama, bahawa dia berfatwa:

"Kebenaran itu tak ubahnya bagaikan pedang Allah di permukaan bumi, yang tidak diletakkan di atas sesuatu kecuali dia akan memutuskannya."

Menghadaplah kamu kepadaku, kerana aku adalah orang yang memberi nasihat kepada kamu. Aku menginginkan sesuatu yang bermanfaat bagimu. Aku tak ubahnya bagaikan orang yang mati perasaannya kepadamu, dan sebaliknya aku adalah orang yang hidup dengan Allah al-Haq. Barangsiapa yang berteman secara jujur denganku, maka dia akan mendapat manfaat dan berbahagia. Barangsiapa yang khianat dalam persahabatannya denganku, maka dia akan terhalang dan terseksa, baik cepat ataupun lambat, dunia dan akhirat.

Sebahagian daripada sebab yang menyeluruh untuk mengenal-Nya ialah tidak menentang-Nya dan tidak berpaling daripada-Nya, redha dengan perancangan-Nya dan pasrah terhadap takdir-Nya. Oleh kerana itu, Malik bin Dinar berkata kerpada sebahagian muridnya, katanya:

"Jika engkau menginginkan kemakrifatan kepada Allah, maka redhalah dengan qadha' dan qadar-Nya, dan janganlah engku jadikan nafsu, syahwat, perangai dan keinginanmu sebagai sekutu bagi-Nya dalam kedua-dua hal tersebut."

Wahai orang yang bertubuh sihat...!
Wahai orang yang kosong daripada beramal...!
Bagaimanakah engkau lewatkan untuk beribadah kepada Tuhanmu.
Seandainya hati kamu meneliti semuanya ini, maka kamu akan rugi dan menyesal.
Oleh itu bangkitlah kamu dan sedarlah.

Wahai kaumku...! Tidak berapa lama lagi kamu akan mati. Tangisilah dirimu sebelum kamu ditangisi oleh orang lain. Kamu mempunyai dosa yang amat banyak, sedangkan akhir kehidupanmu masih belum menentu (sama-samar). Manakala hati kamu sedang sakit kerana mencintai dunia

dan ketamakan terhadapnya. Ubatilah kerakusan dan ketamakanmu itu dengan zuhud, meninggalkan dunia dan menghadap kepada Allah al-Haq. Keselamatan agama tak ubahnya bagaikan modal dalam sesuatu perniagaan, sedangkan amal adalah keuntungannya.

Tinggalkanlah sesuatu yang akan menjadikan kamu derhaka kepada Allah, dan terimalah ia sekadar keperluanmu. Seorang yang berakal tidak akan berbahagia dengan sesuatu, kerana segala sesuatu yang halal itu akan diperhitungkan (dihisab), sementara yang haram akan diseksa. Sedangkan sebahagian besar daripada kamu telah lupa kepada hisab dan seksaan itu.

Wahai hamba...! Jika sesuatu daripada harta kekayaan dunia ini hadir di hadapan kamu, dan hatimu merasa jijik melihatnya, maka tinggalkanlah harta itu. Tetapi apabila engkau tidak mempunyai hati, maka semuanya itu adalah kerana dorongan hawa, nafsu, syahwat dan kerakusanmu.

Oleh itu bersahabatlah engkau dengan orang-orang yang memiliki hati, sehingga engkau juga akan memiliki hati. Semestinya engkau mempunyai seorang guru yang bijaksana dan adil dengan hukum Allah, kerana guru yang demikian akan membersihkanmu, mendidikmu dan menasihati kamu.

Wahai orang-orang yang menjual sesuatu yang berguna dengan sesuatu yang tidak berguna...? Wahai orang yang membeli sesuatu yang tidak berguna dengan sesuatu yang berguna...! Kamu telah membeli dunia dengan akhirat dan menjual akhirat dengan dunia. Engkau adalah orang bodoh dalam kebodohan, orang yang hampa dalam kehampaan serta gila dalam kegilaan. Engkau makan sebagaimana binatang ternak makan, tanpa periksa, tanpa perhitungan dan tanpa bertanya, tanpa niat dan tanpa perintah lebih dahulu tentang apa yang engkau makan.

Orang mukmin itu hanya akan makan sesuatu yang dibolehkan oleh syarak. Seorang wali (kekasih) Allah hanya akan makan dengan perintah dan larangan-Nya melalui hatinya. Sedangkan seorang wali abdal tidak pernah mementingkan sesuatu, bahkan dia akan melakukan segala sesuatu di dalam sisi ghaibnya bersama Allah dan kefanaannya di dalam-Nya. Seorang wali (kekasih Allah) akan berdiri dan berbuat dengan perintah. Seorang wali abdal telah terlepas daripada ikhtiar, meskipun semuanya itu terjadi dengan selalu memelihara batas-batas syariah.

Seseorang yang meleburkan diri kepada-Nya (fana') dan menjauhkan diri daripada manusia, akan sentiasa memelihara batas-batas syariah,

kemudian dia akan berteriak meminta pertolongan di dalam samudera kudrat, maka ombaknya akan melambungkannya pada suatu ketika dan menenggelemkannya pada ketika yang lain, mengombang-ambingkan dan menghempaskannya ke pantai pada suatu ketika, dan meletakkannya di tengah-tengah pusaran ombak pada ketika yang lain. Dalam keadaan demikian, dia tak ubahnya bagaikan pemuda Ash-hab al-Kahfi, sebagaimana yang sudah dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya, yang berbunyi:

وَنُقَلِّبُهُمْ ذَاتَ ٱلْيَمِينِ وَذَاتَ ٱلشِّمَالِ ۖ ...

Ertinya:
"...dan Kami bolak-balikkan mereka ke kanan dan ke kiri."

(Al-Kahfi: 18)

Mereka ketika itu tidak mempunyai akal, perancangan dan perasaan. Mereka berada di dalam rumah kelembutan, kasih sayang dan kedekatan kepada-Nya. Mereka sentiasa memejamkan mata mereka lahir dan batin. Beginilah keadaan orang-orang yang sudah dekat kepada Allah, dia memejamkan kedua-dua mata hatinya kepada selain Allah.

Maka janganlah kamu melihat kecuali kepada-Nya, dengan-Nya dan jangan pula mendengar kecuali sesuatu yang datang daripada-Nya.

Ya Allah...! Fana'kanlah kami daripada selain engkau dan pertemukanlah kami dengan-Mu.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 23

Membersihkan Hati dan Hakikat Taubat

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat pagi, 12 Zulhijjah 545H.

DIRIWAYATKAN dari Rasulullah s.a.w., bahawa baginda bersabda yang berbunyi:

إِنَّ هَذِهِ الْقُلُوْبَ لَتَصْدَأُ وَإِنْ جَلَاءَهَا قِرَأَةُ الْقُرْءَانِ وَذِكْرُ الْمَوْتِ وَحُضُوْرُ مَجَالِسِ الذِّكْرِ.

Ertinya:
"Sesungguhnya hati ini berkarat, dan yang boleh menghilangkan karatnya itu ialah membaca al-Quran, mengingati mati dan menghadiri majlis-majlis zikir."

Hati itu akan berkarat, jika pemiliknya tidak membersihkannya dengan apa yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabda baginda sebagaimana yang kita sebutkan di atas. Sebaliknya, jika pemiliknya membersihkannya dengan cara pembersihan sebagaimana yang dinyatakan tersebut, maka hati-hati itu akan kembali bersih. Hati itu berwarna hitam adalah kerana ia jauh daripada Nur dan kerana cintanya kepada dunia dan memperolehi dunia ini tanpa kewarakan. Kerana barangsiapa yang mengumpulkan kecintaan kepada dunia di dalam hatinya, maka akan pupuslah kewarakannya. Kemudian dia mengumpulkan yang halal dan yang haram, maka dilenyapkan baginya perbezaan

di antara kedua-dua hal yang berlawanan tersebut, dan dengan demikian juga lenyaplah malunya kepada Allah, yakni kepada pemeliharaan dan pengawasan-Nya.

Wahai kaumku...! Terimalah apa yang sudah dikatakan oleh Nabimu itu dan hilangkanlah karat hatimu dengan ubat yang sudah disebutkannya. Bayangkanlah, seandainya seorang di antara kamu menderita sakit, kemudian datang seorang doktor melakukan pemeriksaan kepadanya dan memberikan ubat untuk menyembuhkan penyakitnya itu, maka dia tidak akan mampu meringankan penyakitnya itu, hinggalah dia melakukan apa yang dinasihatkan oleh doktor tersebut.

Takutlah kamu kepada Tuhanmu dalam kesunyian mahupun dalam keramaian. Jadikanlah Dia sebagai tumpuan pandangan kedua-dua matamu, sehingga seakan-akan engkau melihat-Nya. Namun jika engkau tidak mampu melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihat engkau. Barangsiapa yang mengingat Allah dengan hatinya, maka dialah orang yang benar-benar ingat.

Sebaliknya, barangsiapa yang mengingat Allah bukan dengan hatinya, maka bermakna bukanlah dia seorang yang mengingat Allah. Lidah itu adalah khadam hati dan pengikutnya. Sentiasalah engkau mendengar fatwa, kerana apabila sekeping hati itu tidak pernah mendengar tuntunan dan nasihat maka ia akan menjadi buta.

Hakikat taubat ialah mengikut dan mengagungkan semua perintah Allah dalam segala situasi dan keadaan. Inilah sebabnya, maka sebahagian ulama berkata:

"Semua kebaikan terletak dalam dua kalimat ini, iaitu mengagungkan perintah Allah dan mengasihi semua manusia."

Setiap orang yang tidak mengagungkan perintah Allah dan tidak mengasihi sesama manusia, maka dia telah jauh daripada Allah. Allah telah menurunkan wahyu kepada Nabi Musa a.s., kata-Nya:

"Sayangilah, sehingga Aku menyayangimu. Sesungguhnya Aku adalah Maha Pengasih. Barangsiapa yang mengasihi, maka Aku akan mengasihinya dan Aku akan memasukkannya ke dalam syurga-Ku."

Alangkah beruntungnya orang-orang yang bersikap belas kasihan dan penyayang. Kamu telah mempersia-siakan umurmu dalam kecenderungan kepada makanan, minuman pakaian dan mengumpulkan harta kekayaan.

Barangsiapa yang menginginkan kejayaan, maka hendaklah dia menahan nafsunya daripada semua yang diharamkan, syubhat dan sesuatu yang tidak baik.

Bersabarlah kamu dalam melaksanakan perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya serta dalam melalui garis takdir-Nya. Suatu kaum sentiasa mampu untuk bersabar bersama Allah, tetapi mereka tidak mampu bersabar terhadap semua yang datang daripada-Nya.

Sabarlah kamu untuk-Nya dan kerana-Nya, agar kamu dapat bersama-Nya. Segolongan manusia memburu untuk mendekat kepada-Nya, mereka ke luar daripada kungkungan nafsu, syahwat, dan perangai mereka. Mereka bersahabat dengan syariah dan berjalan menuju Tuhan mereka.

Namun mereka dirintangi oleh berbagai bencana, kesulitan, musibah, kesedihan, kesengsaraan, kehausan, kelaparan, ketiadaan pakaian dan kehinaan serta kerendahan. Tetapi mereka tidak mempedulikan semuanya itu, mereka tidak berniat untuk mundur daripada pengembaraan mereka, dan mereka tidak berpaling kerana sesuatu yang mereka lalui. Tidak pernah mereka menghentikan langkah mereka, walau setapak pun. Mereka sentiasa berkeadaan demikian sehingga mereka dapat melihat tetapnya hati dan Penggerak hati itu.

Wahai kaumku...! Beramallah engkau untuk menemui Allah, dan malulah kamu sebelum kamu menemui-Nya, yakni malunya seorang mukmin. Kerana seorang mukmin itu akan malu kepada Allah, kemudian kepada semua manusia, kecuali dalam sesuatu yang kembali kepada urusan agamanya dan melanggar batas-batas syariah. Kerana dalam keadaan seperti ini, dia tidak boleh merasa malu, bahkan hendaklah dia menebalkan mukanya dalam agama Allah, menegakkan batas-batas yang sudah ditentukan oleh Allah, mengikut perintah-Nya dan menjauhi semua larangan-Nya. Allah berfirman:

وَلَا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْآخِرِ ۖ

Ertinya:
"...dan janganlah belas kasihan kepada kedua-duanya itu sehingga mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu

beriman kepada Allah dan hari Akhirat."

(An-Nur: 2)

Barangsiapa yang mengikut Rasulullah s.a.w. secara benar dan jujur, maka Rasulullah s.a.w. akan memberi padanya baju besi dan perisai, ia juga akan diberi pedang serta haiwan tunggangan dan cara-cara menggunakannya, watak dan pekertinya, baginda juga memakaikan mahkota kepadanya. Alangkah bahagianya Rasulullah s.a.w. dengan orang tersebut, kerana orang itu adalah dari kalangan umatnya.

Baginda bersyukur kepada Allah atas semuanya ini, kemudian menjadikan orang tersebut sebagai pengganti baginda untuk umat baginda, bagi menunjukkan dan menyeru manusia ke pintu gerbang Yang Maha Haq. Dengan demikian, maka jadilah dia sebagai seorang penyeru dan sebagai orang yang menunjukkan manusia kepada pintu gerbang Ilahi.

Ketika Allah s.w.t. mewafatkan baginda, maka Dia akan mengangkat seseorang dari kalangan umatnya untuk penggantinya, seorang dari setiap sejuta orang. Begitulah seterusya hinggalah seseorang itupun meninggal dunia. Mereka menunjuki manusia dan bersabar atas penganiayaan manusia terhadapnya serta sentiasa memberi nasihat kepada manusia.

Mereka tersenyum kepada orang-orang munafik dan fasiq, merancangkan kebaikan kepada mereka dengan segala bentuk kebaikan, sehingga membebaskan orang-orang munafikin dan fasiqin itu daripada apa yang mereka alami dan membawa mereka ke hadapan Tuhan mereka. Kerana itulah, maka sebahagian ulama berkata:

"Tidak akan berani tertawa kepada orang munafik, kecuali orang yang benar-benar arif. Tertawa kepadanya seolah-olah dia tidak mengetahui perihal mereka, hancurnya bangunan agama mereka, hitamnya hati mereka, banyaknya pengkhianatan dan kekejian mereka."

Orang-orang munafik dan orang-orang fasiq itu menyangka bahawa semuanya itu terselubung dalam diri mereka dan tidak dapat diketahui orang yang arif tersebut. Tetapi, ketahuilah, bahawa kedua-duanya itu tidak terselindung daripada para arifin, mereka mengetahuinya melalui pandangan, perkataan dan gerak-gerinya. Mereka mengetahui kedua-duanya secara zahir dan batin, tanpa disangsikan lagi.

Celakalah kamu...! Kamu menyangka bahawa semuanya itu terselindung daripada para 'arifin dan *al-siddiqin* serta orang-orang

yang mengamalkan ilmunya. Sampai bila kamu akan mensia-siakan umurmu terhadap sesuatu yang tidak bererti...? Carilah orang yang akan menunjukkan jalan ke akhirat bagi kamu, wahai orang yang tersesat daripadanya.

Allah Maha Besar...! Hati-hatilah kamu terhadap dirimu, wahai orang-orang yang sudah mati hatinya, wahai orang-orang yang bersekutu dengan sebab-akibat, wahai penyembah berhala, wahai orang yang berkiblatkan daya dan kekuatan, kehidupan dan modal kekayaan, penguasa negara mereka dan pengagungan mereka terhadap semuanya itu, merupakan suatu hijab yang boleh menghalang engkau dari Allah.

Seseorang yang memandang adanya manfaat dan mudarat yang timbul daripada selain Allah, maka dia adalah hamba daripada sesuatu yang dipandangnya sebagai sumber manfaat dan mudarat itu. Pada hari ini, dia berada di dalam neraka kemurkaan dan terhalang daripada Allah, dan kelak ia akan berada di dalam neraka jahannam. Tidak akan selamat daripada neraka Allah, kecuali orang-orang yang bertakwa, yang mengesakan Allah, yang ikhlas dan bertaubat kepada Allah.

Bertaubatlah engkau dengan hatimu lebih dahulu, kemudian dengan lidahmu. Taubat akan menggoncang kerajaan dan kekuasaan hawa nafsumu, syahwatmu, syaitanmu dan teman-temanmu yang jahat. Jika engkau bertaubat, maka akan bergantilah semua pendengaranmu, penglihatanmu, lidahmu, hatimu dan semua anggota tubuhmu. Taubat akan membersihkan makanan dan minumanmu daripada kotoran haram dan syubhat. Taubat juga akan memelihara penghidupanmu, jual belimu dan menjadikan semua cintamu hanya tertuju kepada Tuhanmu.

Selain itu, taubat juga akan menghilangkan kebiasaanmu dan menggantikan tempatnya dengan ibadah. Taubat akan menghilangkan maksiat dan menggantikannya dengan ketaatan. Kemudian taubat juga akan menyatakan dengan sesungguhnya tentang kebenaran yang hakiki, disertai dengan syariah dan kesaksiannya. Kerana setiap hakikat yang tidak disertai oleh syariat adalah sama dengan zindiq.

Jika semua ini menjadi kenyataan padamu, akan terlepaslah engkau daripada akhlak yang tercela dan daripada pandangan seorang semua manusia. Dalam keadaan seperti ini, jasad zahiryahmu akan terpelihara sementara jasad batiniyahmu akan sentiasa sibuk bersama Allah.

Seandainya hal ini telah sempurna bagimu, walaupun dunia dan

segala isinya datang dan memberikan kedudukan kepadamu, atau engkau ditaati oleh semua manusia dari yang dahulu hingga sekarang, maka hal itu tidak akan membahayakan engkau, ia tidak menggoyahkan engkau dari pintu gerbang Ilahi, kerana engkau telah berdiri bersama-Nya, menghadap kepada-Nya, sibuk dengan-Nya sebagai seorang yang memandang Keagungan dan Keindahan Allah. Jika engkau memandang kepada Keagungan-Nya, akan terpisahlah dirimu dari dunia dan segala isinya. Ketika engkau pandang Keindahan-Nya maka akan menyatulah dirimu dengan-Nya.

Ketika memandang Keagungan-Nya engkau akan takut (khauf), dan ketika memandang Keindahan-Nya engkau akan berharap (raja'). Ketika memandang Keagungan-Nya engkau akan bergetar, dan ketika memandang Keindahan-Nya engkau akan berdiri kukuh. Maka beruntunglah manusia yang telah menikmati hidangan ini.

Ya Allah...! Hidangilah kami dengan hidangan kedekatan-Mu dan beri minumlah kami dengan minuman kesejukan-Mu.

Ya Allah...! Berilah kami kesempatan untuk memandang Keagungan-Mu sehingga menimbulkan ketakutan di dalam hati kami, dan berilah kami kesempatan untuk menatap Keindahan-Mu, sehingga menimbulkan harapan kepada kami.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 24

Melawan Takdir Bererti Membinasakan Diri

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad pagi, 14 Zulhijjah, 4H.

JANGANLAH kamu menyertai Allah dalam perancangan dan ilmu-Nya dengan hawa nafsu kamu, syahwatmu dan gahrizahmu. Bertakwalah kamu kepada-Nya dalam dirimu sendiri dan orang-orang selainmu. Diriwayatkan dari sebahagian ulama, bahawa dia berfatwa:

"Redhailah Allah dalam segala ciptaan-Nya, dan janganlah engkau meredhai manusia dalam keinginannya kepada Allah."

Patahkanlah orang yang ingin mematahkan, dan gagahilah orang yang ingin menggagahi. Belajarlah engkau untuk mentaati Allah daripada hamba-hamba-Nya yang soleh, yang sentiasa mentaati-Nya.

Suatu ilmu adalah untuk diamalkan, bukan hanya untuk dihafal dan kemudian diajarkan kepada manusia lain. Tetapi, belajarlah engkau, tuntutlah ilmu, kemudian amalkan ilmu yang engkau tuntut itu, selanjutnya ajarkanlah kepada orang lain. Jika engkau menuntut ilmu, kemudian engkau amalkan dan seterusnya engkau ajarkan kepada orang lain, maka ilmu itu akan berbicara kepadamu. Meskipun ilmu itu kelihatan diam, namun pembicaraannya dengan bahasa amal lebih banyak daripada pembicaraannya dengan bahasa ilmu. Kerana itulah, maka sebahagian ulama berkata, yang berbunyi:

"Sesiapa yang tidak bermanfaat padangan (nasihat) nya bagimu, maka

ilmunya dan fatwanya juga tidak bermanfaat bagimu."

Seorang yang mengamalkan ilmunya, maka ilmunya itu akan bermanfaat baginya dan bagi orang lain. Kerana Allah akan menentukan kepadaku sesuai dengan kehendak-Nya sesuai dengan kedudukan dan keadaan yang wujud pada diriku. Seandainya bukan demikian, maka di antara aku dan kamu akan terdapat pertentangan yang serius. Kemuliaan dan hartaku sentiasa kuberikan kepada kamu, sedangkan aku tidak pernah mendapat apa-apa daripada kamu. Seandainya aku memiliki sesuatu maka aku tidak akan pernah menahannya daripada kamu. Tidak ada suatu apapun di antara aku dan kamu, kecuali nasihat, yakni aku memberi nasihat kepada kamu kerana Allah, bukan kerana diriku.

Setujuilah takdir yang sudah ditentukan buatmu, jika tidak maka dia akan membinasakan dirimu. Berjalanlah kamu bersama takdir itu menurut ketentuannya, dan jika tidak maka takdir itu akan menyembelihmu. Jadilah engkau sebagai orang yang mengharapkan berkat dan kebaikan dari Allah, hingga Dia mengasihimu dan menjadikan kamu sebagai pengikut di belakang-Nya.

Permulaan utusan dari suatu kaum itu ialah bekerja untuk mengambil bahagiannya di dunia menurut ketentuan syar'iyyah, sesuai dengan keperluannya. Sehingga kemampuan untuk bekerja itu sudah lemah, kemudian datanglah tahap kepasrahan (tawakkal) yang kemudian dia menutupi hati dan membelenggu anggota badan mereka. Kemudian datanglah kepada mereka bahagian dunia mereka yang tersedia secara cukup tanpa perlu bersusah payah.

Seorang yang dekat kepada Allah, maka di akhirat kelak ia akan memperolehi kenikmatan syurga tanpa dikehendakinya. Malahan Allah yang memenuhi semuanya itu sebagaimana Allah juga telah memenuhi mereka dengan bahagian dunianya. Dipenuhi-Nya bahagian mereka di dunia dan akhirat, kerana Allah itu tidak pernah menzalimi hamba-Nya.

Wahai hamba...! Jauhilah segala sesuatu selain daripada Allah dengan hatimu, setaraf dengan nilai cinta yang engkau berikan kepada-Nya, sehingga engkau merasa dekat kepada-Nya. Matilah engkau dari dirimu sendiri dan dari semua makhluk, maka dengan demikian akan terbukalah hijab yang ada di antara kamu dengan Allah.

Engkau bertanya, bagaimana mematikan diri itu...? Matikanlah dirimu daripada mengikut hawa nafsumu, syahwatmu, tabiat dan kebiasaanmu

serta daripada mengikut manusia dan hubungan sebab-akibat serta hiburan dari mereka. Tinggalkanlah persekutuan dengan makhluk, dan tinggalkan kesibukan mencari sesuatu selain daripada Allah. Jadikanlah semua amalanmu untuk Allah, bukan untuk memburu dan mengaut kenikmatan-Nya.

Redhalah kamu dengan semua rancangan, keputusan dan perbuatan-Nya. Jika engkau telah melakukan semuanya ini, maka engkau telah mematikan dirimu dan hidup dengan-Nya. Jadikanlah hatimu sebagai kediaman-Nya. Dia yang membolak balikkan hatimu sesuai dengan kehendak-Nya. Jadikanlah dia di dalam kaabah kedekatan-Nya, yang sentiasa bergantung kepada tirai-tirainya, sentiasa ingat kepada-Nya dan lupa kepada selain-Nya.

Kunci pembuka pintu syurga adalah kalimah (لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ) hari ini, dan hari esok dengan ke*fanaan*mu dari dirimu sendiri, dari orang lain dan daripada selain Allah serta sentiasa memelihara batas-batas syarak.

Dekat kepada Allah adalah tak ubahnya bagaikan syurga bagi suatu kaum, sementara jauh daripada-Nya tak ubahnya bagaikan neraka bagi mereka. Mereka tidak mengharapkan kecuali syurga ini dan tidak takut, kecuali hanya kepada neraka ini, yakni dosa yang akan membawa mereka masuk neraka sehingga mereka takut kepadanya. Dia (dosa) mengeluh kerana orang mukmin berlari daripadanya. Bagaimana mereka (dosa) itu tidak akan lari daripada orang-orang yang mencintai Allah dan ikhlas kepada-Nya..?

Betapa indahnya keadaan orang mukmin di dunia dan akhirat. Di dunia dia tidak peduli terhadap sebarang keadaan yang berlaku padanya, setelah ia mengetahuai bahawa Tuhannya redha kepadanya. Di manapun dia terjatuh, ia sentiasa memperolehi bahagiannya dan dia selalu redha dengan bahagiannya itu. Ke manapun dia menghadap maka dia akan memandang dengan cahaya Allah, sehingga tiada kegelapan baginya.

Seluruh isyaratnya tertuju kepada Allah, setiap sandaran dan harapannya hanya kepada Allah. Semua kepasrahannya terserah kepada Allah. Oleh itu, berhati-hatilah kamu, jangan sampai engkau melakukan penganiayaan kepada orang yang beriman, kerana menganiaya atau menyakiti orang beriman itu tak ubahnya bagaikan memberi racun kepada orang yang menyakiti itu sendiri, menyebabkan mereka fakir dan terseksa.

Wahai orang-orang yang tidak mengenal Allah...! Wahai orang yang

tidak mengenal hamba-hamba-Nya yang khusus...! Janganlah engkau melakukan ghibah kepada mereka, kerana perbuatanmu itu dapat menjadi racun yang amat berbisa bagi dirimu. Takutlah kamu...! Takutlah kamu...! Takutlah kamu...! Kemudian takutlah kamu untuk melakukan keburukan kepada mereka, sesungguhnya mereka akan memperolehi keuntungan daripada apa yang engkau lontarkan kepada mereka.

Wahai orang munafik...! Di dalam hatimu telah tergantung kenifaqan, sehingga sifat munafik itu telah mewarnai dan menguasai zahir dan batinmu. Tauhidkanlah Allah dan bersikap ikhlaslah kamu dalam semua keadaanmu, kerana ia akan menyembuhkan engkau dan menghilangkan kesulitan yang sedang engkau rasakan. Betapa banyaknya batas syariah yang sudah engkau langgar, engkau hancurkan baju besi ketakwaanmu, engkau koyakkan kain tauhidmu, engkau padamkan cahaya keimananmu dan engkau lakukan perbuatan yang dimurkai Allah dalam semua tindak lakumu.

Jika salah seorang daripada kamu memperolehi kejayaan dan melakukan ketaatan, maka perbuatannya itu hanyalah disebabkan kerana mengingini kebanggan semata-mata, menunjuk-nunjukkan kepada manusia (riya') dan mengharapkan pujian mereka atas perbuatan yang dilakukannya itu. Barangsiapa di antara kamu yang ingin beribadah kepada Allah, maka hendaklah dia mengasingkan diri daripada semua manusia, kerana pandangan mereka terhadap amal-amal yang sedang dilakukan itu dapat merosak dan mengurangi nilai amal tersebut. Diriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

عَلَيْكُمْ بِالْعُزْلَةِ فَإِنَّهَا عِبَادَةٌ وَإِنَّهَا دَابُ الصَّالِحِيْنَ مِنْ قَبْلِكُمْ.

Ertinya:

"Hendaklah kamu ber'uzlah (memencilkan diri) kerana ia adalah ibadah, dan kerana ia (ber'uzlah) itu adalah merupakan perilaku orang-orang yang sebelum kami."

Wajib ke atasmu beriman, kemudian yakin, kemudian fana' dan wujud bersama Allah, tidak dengan dirimu atau dengan selain engkau serta sentiasa memelihara batas-batas syarak dengan mengharapkan keredhaan Rasulullah s.a.w. dan keredhaan kitab yang dibaca, didengar dan diteliti. Tiada kemuliaan bagi orang berkata selain dengan Kitab itu, yakni Kitab yang berada di dalam mushaf dan Lauh Mahfuz, Kalam Allah

Yang Mulia, dengan kekuasaan-Nya dan dengan tangan-tangan (usaha) kita.

Tetaplah bersama Allah dan meleburkan diri serta bergantung kepada-Nya, kerana hanya Dialah yang akan mencukupi keperluan dunia dan akhiratmu, dan Dia jugalah yang akan menjaga engkau ketika engkau hidup dan mati Dia jugalah yang akan membelamu dalam semua situasi dan keadaan.

Hendaklah engkau sentiasa memelihara dan berpegang kepada hitam di atas putih (al-Quran) ini. Layanilah dia sehingga dia melayanimu, ambillah dia dengan tangan hatimu dan bawalah dia menghadap Tuhanmu. Beramallah engkau dengannya, kembangkanlah kedua-dua sayap hatimu dan terbanglah kepada Tuhannya.

Wahai orang-orang yang sudah memakai pakaian kebersihan...! Wahai orang-orang yang sudah mengenakan pakaian kebersihan ke dalam batin dan ke hatinya, kepada diri dan ke seluruh badannya...! Permulaan zuhud adalah di sini, bukan dari zahir atau batin. Jika batin telah bersih, maka kebersihan itu akan menjalar kepada hati, kemudian memenuhi jiwa, anggota badan, pakaian dan makanan, selanjutnya ia akan menyelimuti semua keadaanmu.

Langkah pertama yang mesti engkau lakukan ialah menyemarakkan suatu ruangan dalam rumah. Setelah ini selesai, maka engkau semarakkan pula pintunya. Tidak akan ada wadah luar tanpa adanya wadah dalam, tidak akan ada makhluk tanpa Khaliq, dan tidak akan ada pintu tanpa rumah, bahkan tidak akan ada kunci yang tergantung pada reruntuhan sebuah bangunan.

Wahai dunia tanpa akhirat...! Wahai makhluk tanpa Khaliq...! Semua yang ada padamu itu tidak akan bermanfaat padamu kelak di hari kiamat, malahan ia akan membahayakan engkau. Kesenangan yang engkau nikmati sekarang ini tidak akan laku dijual. Kerana kesenangan dan kecenderungan yang engkau miliki hanyalah riyak, munafik dan melakukan maksiat, dan semuanya itu tidak akan laku di pasar akhirat.

Oleh yang demikian, benarkanlah Islam dan engkau akan memperolehinya. Islam terlahir daripada ketawakkalan. Jika engkau menyerahkan urusan Allah kepada-Nya, maka engkau telah menyerahkan dirimu kepada-Nya, bersandar kepada-Nya dan melupakan daya serta kekuatanmu. Segala harta dunia yang engkau miliki engkau dermakan untuk ketaatan

kepada-Nya. Beramallah engkau dengan ketaatan, kemudian engkau serahkanlah amalmu itu kepada-Nya dan seterusnya engkau lupakan.

Seluruh amalmu itu tak ubahnya bagaikan buah yang kosong. Setiap amal yang tidak ikhlash, tak ubahnya bagaikan buah yang berkulit tetapi tidak berisi tak ubahnya bagaikan kayu yang panjang tanpa nyawa, bentuk tanpa makna. Inilah amal-amal orang munafik.

Wahai hamba...! Semua makhluk ini adalah perkakas atau alat, sedangkan Allah adalah Maha Penciptanya dan yang memberi warnanya. Barangsiapa yang sudah mengetahui hal ini, maka dia akan berlepas diri daripada ketergantungan kepada perkakas atau alat, tetapi mereka akan melihat kepada siapa yang membuat perkakas atau alat itu. Menetap bersama makhluk adalah suatu kebencian, beban dan kesusahan. Manakala menetap bersama Khaliq adalah suatu kejayaan, kesenangan dan kenikmatan.

Engkau adalah kaum yang terputus daripada kemuliaan orang-orang yang sudah mendahuluimu. Tiada lagi hubungan antara engkau dengan mereka. Engkau telah puas dengan pendapat dan pendirianmu dengan tidak menjadikan mereka sebagai guru yang mengajar dan mendidik kamu.

Wahai orang yang terputus dari jalan Allah...! Wahai orang-orang yang sudah dipermainkan oleh syaitan-syaitan...! Wahai hamba nafsu dan syahwat...! Celakalah kamu...! Kerana kamu benar-benar telah pekak untuk mendengar kalam Allah dan benar-benar telah bisu untuk meratap kepada-Nya. Kembalikan engkau kepada-Nya dengan langkah penyesalan dan mengakui segala dosa-dosamu, sehingga Dia akan menyelamatkan engkau dari tangan musuh-musuhmu, dan dari hempasan gelombang samudera kehancuranmu.

Berfikirlah kamu tentang akibat daripada apa yang sedang engkau lakukan, padahal amat mudah bagimu untuk meninggalkannya. Kamu adalah bagaikan manusia yang berlindung di bawah pohon kelalaian. Keluarlah engkau dari bawah naungannya, kerana kamu telah melihat sinar sang surya dan engkau juga telah melihat jalan yang akan engkau lalui. Pohon kelalaian itu akan subur dan membesar oleh air kebodohan. Manakala pohon kebangkitan dan kesedaran akan subur oleh air pemikiran, sedangkan pohon taubat akan subur oleh air penyesalan, dan pohon cinta akan subur dengan selalu mengikut perintah orang yang

dicintai.

Wahai hamba...! Sebahagian kendala telah menghadangmu, sedangkan engkau waktu itu masih kecil atau baru meningkat remaja. Sekarang ini engkau telah mendekati usia empat puluh tahun atau bahkan telah melewati usia itu, sementara engkau tetap bermain dengan permainan kanak-kanak. Takutlah kamu untuk bergaul dengan orang-orang yang bodoh, atau menyendiri dengan perempuan dan kanak-kanak. Bersahabatlah engkau dengan orang-orang yang bertakwa, dan jauhilah pemuda yang bodoh dan berdirilah engkau menghadapi kaummu.

Barangsiapa di antara mereka yang datang kepadamu, maka jadilah engkau bagaikan doktor bagi mereka. Dan jadilah engkau kepada manusia, bagaikan seorang ayah yang menyayangi anak-anaknya. Perbanyaklah taat kepada Allah kerana ketaatan itu bererti ingat kepada-Nya. Diriwayatkan dari Rasulullah s.a.w., bahawa baginda bersabda, yang berbunyi:

مَنْ أَطَاعَ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ فَقَدْ ذَكَرَهُ وَإِنْ قَلَّتْ صَلَاتُهُ وَصِيَامُهُ وَقِرَاءَتُهُ الْقُرْآنَ. وَمَنْ عَصَاهُ فَقَدْ نَسِيَهُ وَإِنْ كَثُرَتْ صَلَاتُهُ وَصِيَامُهُ وَقِرَاءَتُهُ الْقُرْآنَ.

Ertinya:

"Baragsiapa yang taat kepada Allah 'Azza Wa Jalla, maka sesungguhnya dia telah mengingat-Nya walaupun sedikit ia melakukan solat, puasa dan membaca al-Quran. Barangsiapa yang menderhakai Allah 'Azza Wa Jalla, maka sesunggunya dia telah melupakan-Nya, walaupun banyak ia melakukan solat, puasa dan membaca al-Quran."

Orang mukmin yang taat kepada Tuhannya, akan sentiasa mengikut-Nya, sabar bersama-Nya dalam mengambil bahagiannya, percakapannya, makan dan minumnya serta seluruh tindakannya. Sedangkan orang munafik tidak mempedulikan semuanya itu dalam semua keadaannya.

Wahai hamba...! Berfikirlah engkau tentang urusan dan tanggungjawabmu. Asahlah dirimu dengan sesuatu yang tidak ada pada dirimu sendiri. Engkau bukanlah seorang jujur dan bukan orang yang membenarkan, kamu bukanlah orang yang mencintai Allah, bukanlah orang yang taat kepada-Nya, dan bukan pula orang yang redha dan mengenal-Nya.

Katakanlah kepadaku, apakah tanda-tanda mengenal Allah itu...? Apakah yang engkau lihat dalam hatimu dari hikmah dan cahaya...? Apakah tanda-tanda wali Allah dan tanda para pewaris para Nabi-Nya...? Engkau menyangka bahawa kekasih Allah itu adalah pengganti para Nabi-Nya. Engkau menyangka bahawa setiap orang yang mengaku, akan diserahkan saja pengakuannya itu kepadanya tanpa dimintai suatu bukti terhadap pengakuannya itu. Janganlah engkau menguji wangnya di atas batu penguji emas.

Sebahagian daripada sifat-sifat para 'aifin adalah bersabar terhadap bahaya dan redha kepada seluruh keputusan dan ketentuan Ilahi dalam semua keadaan, baik untuk dirinya, keluarganya dan semua manusia.

Wahai hamba...! Cinta kepada Yang Maha Haq dan cinta kepada yang lain, tidak mungkin berkumpul dalam satu hati. Allah berfirman, yang berbunyi:

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِى جَوْفِهِۦ ۚ ...

Ertinya:
"Allah sekali-kali tidak akan menjadikan bagi seseorang dua buah hati dalam rongganya."

(Al-Ahzab: 4)

Dunia dan akirat tidak akan pernah berkumpul, Khaliq dan makhluk tidak mungkin akan bersatu. Tinggalkanlah semua yang fana' (binasa) sehingga kamu memperolehi sesuatu yang tidak fana'. Serahkanlah jiwa dan hartamu sehingga engkau memperolehi syurga. Perhatikanlah firman Allah yang berbunyi:

۞ إِنَّ ٱللَّهَ ٱشْتَرَىٰ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُم
بِأَنَّ لَهُمُ ٱلْجَنَّةَ ۚ ...

Ertinya:
"Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang mukmin diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka."

(At-Taubah: 111)

Kemudian bersikap zuhudlah hatimu daripada sesuatu selain Allah sehingga engkau memperolehi kedekatan daripada-Nya, dan engkau

berada dalam persahabatan dengan-Nya, dunia dan akhirat.

Wahai orang yang mencintai Allah al-Haq...! Berjalanlah kamu bersama takdir-Nya sebagaimana berjalannya takdir itu. Bersihkanlah hatimu, kerana hati adalah tempat bersemayamnya taqarrub kepada Allah. Bersihkanlah hatimu daripada selain Allah dan bersimpuhlah engkau di pintu gerbang-Nya dengan pedang tauhid, keikhlasan dan kebenaran. Janganlah engkau membukanya kepada siapa juapun selain daripada kepada-Nya, dan janganlah kamu sibukkan satu ruang daripada ruang-ruang hatimu dengan selain-Nya.

Wahai orang yang bermain-main...! Kami tidak memiliki permainan. Wahai orang yang berperut kosong...! Tiada pada kami kecuali isinya. Pada kami hanya ada keikhlasan tanpa kemunafikan, kebenaran tanpa pembohongan. Allah hanya mengingini ketakwaan dan keikhlasan daripada hati kamu, tanpa memandang kepada amal jariyah kamu semua. Allah Taala berfirman:

لَن يَنَالَ ٱللَّهَ لُحُومُهَا وَلَا دِمَآؤُهَا وَلَٰكِن يَنَالُهُ ٱلتَّقْوَىٰ مِنكُمْ ...

Ertinya:
"Tiadalah akan sampai kepada (keredhaan) Allah daging-daging (ternak korban) itu dan tidak pula darahnya, tetapi yang akan sampai kepada Allah ialah ketakwaan kamu."

(Al-Hajj: 37)

Wahai manusia...! Segala yang ada di dunia ini diciptakan untuk kamu semua. Di manakah rasa syukur kamu dan di manakah ketakwaan kamu kepada-Nya...? Janganlah kamu menyusahkan diri dengan melakukan amalan yang tiada roh sama sekali. Adapun roh amal itu ialah ikhlas dalam melakukannya.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 25

Jauhkanlah Dirimu Daripada Kemewahan Dunia

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat, 19 Zulhijjah, 545H.

DIRIWAYATKAN, bahawa ketika Nabi Isa a.s. mencium bau yang wangi, maka beliau menutup hidungnya, dan berkata:

"Ini berasal dari dunia."

Ini adalah merupakan bagi kamu semua, wahai orang-orang yang mengaku zuhud dengan perkataan dan perbuatanmu. Kamu telah mengenalkan baju zuhud sedangkan batinmu penuh dengan kegemaran dan kecenderungan kepada dunia. Seandainya kamu tanggalkan pakaian itu dan menampakkan kegemaranmu terhadap dunia yang ada di dalam hatimu, nescaya hal itu lebih disukai kerana ia dapat menjauhkan dirimu daripada kemunafikan.

Seorang zahid yang benar, akan datang bahagian-bahagiannya dengan sendirinya kepadanya sehingga dia dapat memperolehinya dengan mudah. Dia mengenakannya pada zahirnya sedangkan dalam hatinya tetap penuh dengan kezuhudan terhadapnya dan selainnya. Kerana itu, Rasulullah s.a.w. adalah orang yang paling zuhud, melebihi kezuhudan Nabi Isa dan Nabi-nabi yang lain. Namun begitu, baginda pernah bersabda, yang berbunyi:

حُبِّبَ إِلَـيَّ دُنْيَاكُمْ: اَلطِّيِّبُ، وَالنِّسَاءُ وَجُعِلَتْ قُرَّةُ عَيْنِي فِى

الصَّلَاةِ.

Ertinya:
"Aku diberikan rasa cintai daripada duniamu (akan tiga perkara), iaitu wangi-wangian, wanita (isteri) dan dijadikan penyejuk mataku di dalam solat."

(Telah dijelaskan darjat hadis ini)

Rasulullah s.a.w. mencintai semuanya itu disertai kezuhudan dalam hal tersebut dan dalam hal-hal yang lainnya, kerana semua itu merupakan bahagiannya, sebagaimana yang sudah ditetapkan semenjak dahulu di dalam ilmu Allah. Dia menetapkannya kerana mengikut perintah, sedangkan menurut perintah itu adalah merupakan sebahagian daripada ketaatan.

Setiap orang yang mendapatkan bahagiannya dengan cara seperti ini, maka dia berada di dalam ketaatan, meskipun dia menyandang dunia dan segala isinya.

Wahai para zahid yang berpijak di atas kebodohan...! Dengarkanlah...! Benarkanlah...! Janganlah kamu mendustakannya. Pelajarilah semuanya ini, sehingga kamu tidak akan menolak suatu takdir dengan kebodohan kamu. Setiap orang yang tidak mengerti suatu ilmu, tidak akan memerlukan pendapat ilmunya, tetapi dia akan lebih menghargai dan merasa cukup dengan pendapatnya sendiri, bisikan nafsu, syahwat dan syaitannya. Orang ini adalah hamba syaitan, pengikutnya dan bahkan dia menjadikan syaitan itu sebagai gurunya.

Wahai orang bodoh...! Wahai orang munafik...! Betapa zalimnya hatimu, alangkan busuknya baumu dan alangkah banyaknya celoteh lidahmu. Bertaubatlah engkau daripada apa yang engkau ada padanya. Tinggalkanlah sikap suka mencela Allah dan para wali-Nya, orang-orang yang dicintai Allah dan mereka pun mencintai-Nya. Janganlah kamu berpaling daripada mereka ketika mereka mengambil bahagian mereka di dunia, kerana sesungguhnya mereka mengambil bahagian mereka dengan perintah Allah, bukan dengan dorongan hawa nafsu. Mereka memiliki rasa cinta yang amat mendalam kepada Allah, mereka memiliki zuq (kecenderungan) kepada-Nya dan membenci segala sesuatu selain daripada-Nya, zahir dan batin mereka berpaling daripada selain-Nya.

Namun mereka mempunyai bahagian sebagaimana yang telah tersurat

sebelumnya dalam ilmu Allah yang wajib mereka mengambilnya. Seberat-berat ujian bagi mereka ialah beradanya mereka di dunia, kekal padanya, mengambil bahagian mereka di dalamnya dan mereka melihat orang-orang yang mendustakan Allah dan mendustakan mereka.

Wahai hamba...! Hindarkanlah pembicaraan dengan semua manusia, selama engkau masih berdiri bersama hawa dan nafsumu. Matikanlah dirimu daripada berbicara, kerana jika Allah menghendaki, maka Dia akan mempersiapkan penyebabnya untukmu. Dan jika Dia menghendaki, maka Dia akan membangkitkan kamu, mengalihkan kamu dan menetapkan kamu. Semuanya itu akan wujud, kerana Dialah Yang Maha Melihat, bukan kamu.

Serahkanlah dirimu, perkataamu dan seluruh keadaanmu kepada takdir-Nya dan sibukkanlah dirimu untuk beramal kerana-Nya. Jadilah engkau sebagai seorang yang banyak berbuat, bukan yang banyak bicara, ikhlas tanpa riyak, tauhid tanpa syirik, terkenal tanpa sebutan, menyepi tanpa keramaian, batin tanpa zahir. Sibukkanlah dirimu dengan pelbagai niat, Engkau sedang bermunajat kepada Allah dengan memberi isyarat untuk itu dengan ucapanmu yang berbunyi:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾

Ertinya:
"Kepada Engkau kami menyembah dan kepada Engkau kami minta pertolong."

(Al-Fatihah: 5)

Ucapan ini adalah suatu pembicaraan yang hadir, sebagaimana engkau hadir di sisiku. Wahai orang yang mengerti denganku dan dekat daripadaku. Wahai orang yang menyaksikan aku. Berbicaralah kamu kepada-Nya dalam solatmu ataupun dalam keadaan lain, dengan niat ini dan dengan cara seperti ini. Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

...أَنْ تَعْبُدَ اللهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ.

Ertinya:
"...Hendaklah engkau sembah Allah, seakan-akan engkau melihat-Nya, dan jika engkau tidak dapat melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihat engkau."

(HR. Bukhari dan Muslim)

Wahai hamba...! Bersihkanlah hatimu dengan memakan makanan yang halal. Bukankah engkau telah mengenal Allah. Bersihkanlah suapanmu, pakaianmu dan hatimu, sehingga engkau menjadi seorang yang bersih. Kerana kebersihan itu hanya akan terjadi daripada sesuatu yang bersih.

Wahai orang yang menyandang kesufian....! Seorang sufi yang benar akan membersihkan dirinya daripada selain Allah. Semuanya itu tidak akan terjadi hanya dengan mengubah pakaian, memucatkan muka dan menggerak-gerakkan jari jemari dengan tasbih atau tahlil. Akan tetapi semuanya itu akan terwujud dengan cara yang benar dalam mencari Allah, zuhud terhadap dunia, mengeluarkan manusia dari hati dan mengasingkan diri daripada selain Allah.

Diriwayatkan daripada sebahagian ulama, bahawa sesungguhnya dia berfatwa:

"Dalam sebahagian malamku, aku berkata:

"Wahai Tuhanku...! Engkau tidak menghalang apa yang bermanfaat untukku, sedangkan ia tidak bererti bagi-Mu."

Aku mengulangi ucapan tersebut, kemudian aku tidur. Maka aku bermimpi dalam tidurku, seakan-akan seseorang berkata kepadaku: "Engkau pun begitu juga, engkau tidak melarang perbuatan yang bermanfaat bagimu, dan tidak mencegah perbuatan yang merugikan engkau."

Luruskanlah nasabmu dengan Nabimu. Siapa juapun yang benar dalam mentaatinya, maka telah luruslah nasabnya. Adapun ucapanmu yang mengatakan bahawa engkau adalah umatnya sedangkan engkau tidak mentaatinya, adalah tidak bermanfaat bagimu. Jika kamu telah mengikutnya dalam perkataan dan perbuatan, maka kamu akan menemuinya kelak di akhirat. Apakah kamu tidak mendengar firman Allah, yang berbunyi:

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ....

Ertinya:
"Dan apa-apa yang datangkan Rasul kepadamu, maka ambillah. Dan apa-apa yang dilarang kamu daripadanya, maka tingalkanlah...!"
(Al-Hasyr: 7)

Ikutlah sesuatu yang diperintahkan oleh baginda kepadamu, dan

jauhilah semua yang dilarangnya kamu melakukannya. Dengan demikian, kamu akan benar-benar dekat kepada Tuhanmu di dunia dengan hati kamu dan di akhirat dengan jiwa dan jasadmu.

Wahai orang-orang yang zuhud...! Apakah kamu telah memperbaiki kezuhudanmu...? Kamu berzuhud dengan nafsu dan syahwatmu disertai dengan keangkuhan terhadap sifat ke "*aku*" anmu. Ikutilah dan bersahabatlah engkau dengan para 'arifin, dengan orang alim yang mengamalkan ilmunya, yang menghadapi manusia dengan nasihat serta tidak bersifat tamak. Dengan berpalingnya hatimu daripada mereka dan menghadapkannya kepada Allah, maka mereka juga akan berpaling dan menghadap kepada-Nya.

Wahai hamba...! Kembalilah engkau kepada Tuhanmu dengan hatimu sebelum penggantimu duduk di tempatmu. Engkau telah mewarisi orang-orang yang soleh dengan perkataan, dan mengangan-angankan tentang mereka, bagaikan seorang yang mengambil air dengan tapak tangannya, kemudian ia membukanya, maka dia pun tidak akan memperolehi apa-apa di dalamnya.

Celakalah engkau...! Berangan-angan adalah jurang kebodohan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah sabda baginda yang berbunyi:

إِيَّاكُمْ وَالتَّمَنِّى فَإِنَّهُ وَادِ الْحُمُقِ.

Ertinya:
"Jauhilah olehmu daripada berangan-angan, kerana sesungguhnya ia (angan-angan) itu adalah jurang kebodohan."

(Ada yang mengatakan bahawa hadis ini adalah kata hikmah Shaikh Abdul Qadi Al-Jailani sendiri, wallahu a'lam)

Engkau beramal seperti amal orang-orang yang menyukai keburukan, sedangkan engkau berangan-angan untuk memperolehi darjat orang yang suka kepada kebaikan. Siapa juapun yang harapannya melebihi ketakutannya, maka dia adalah seorang zindiq. Sebaliknya, barangsiapa yang ketakutannya mengalahkan harapannya, maka dia adalah seorang yang putus asa. Adapun keselamatan itu adalah terletak pada keseimbangan antara kedua-duanya. Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَوْ وُزِنَ خَوْفُ الْمُؤْمِنِ وَرَجَاءُهُ لَاعْتَدَلَا.

Ertinya:
"Sekiranya ditimbang ketakutan orang mukmin dengan harapannya, nesaya ia akan sama timbangannya."

(Hadis ini didapati tiada asalnya, wallahu a'lam)

Diriwayatkan daripada sebahagian ulama, bahawasanya dia berkata:

"Aku bermimpi bertemu dengan Sufyan al-Thauri, maka aku bertanya kepadanya: "Apakah yang sudah dilakukan oleh Allah kepadamu...? Dia menjawab: "Salah satu tapak kaki berada di titian dan sebelah lagi berada di syurga."

Semoga kesejahteraan dan keselamatan Allah dilimpahkan kepada beliau. Beliau adalah seorang ahli fiqh yang zuhud dan warak, yang mempelajari agama dan mengamalkannya. Ia memberikan hak ilmu itu dengan mengamalkannya, dan memberikan hak amal itu dengan mengikhlaskannya. Dan memberikannya kepada Yang Maha Benar dengan meredhainya serta menunjukkan amal itu kepada-Nya, dan memberikan keredhaannya kepada Rasul dengan mengikutnya. Semoga rahmat Allah selalu melimpah kepadanya, kepada semua orang soleh dan kepada orang-orang yang bersama kita.

Setiap orang yang tidak mengikut Rasulullah s.a.w., maka tangannya tidak menggenggam syariahnya sementara tangannya yang lain tidak menggenggam Kitab yang diturunkan kepadanya, maka dia tidak akan menemui jalan kepada Allah, dan akan rosak dan binasalah dia. Dia akan menjadi manusia yang sesat dan menyesatkan. Al-Quran dan al-Sunnah itu adalah penunjuk jalan kepada Allah. Al-Quran adalah penunjuk jalan kepada Allah, manakala al-Sunnah adalah penunjuk jalan kepada Rasulullah s.a.w.

Ya Allah...! Jauhkanlah kami daripada kejahatan nafsu-nafsu kami...!

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 26

Janganlah Kamu Mengadu Kepada Selain Allah

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, tarikh: Sabtu, 10 Zulkaedah, 545H.

DIRIWAYATKAN, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

مِنْ كُنُوْزِ الْعَرْشِ كِتْمَانُ الْمَصَائِبِ.

Ertinya:
"Sebahagian daripada perbendaharaan 'Arasy, ialah menyembunyikan musibah-musibah."

(Hadis Maudhu')

Wahai orang-orang yang mengadukan musibah yang menimpanya kepada manusia...! Apakah pengaduan yang engkau sampaikan kepada manusia itu berguna bagimu...? Tidak...! Kerana manusia tidak mampu mendatangkan mudarat dan manfaat kepadamu...! Jika engkau bersandar kepada mereka dan bersekutu dengan mereka, maka engkau akan terjauh daripada pintu gerbang larangan, tergelincir ke lembah kemurkaan-Nya dan terhalang daripada memperolehi rahmat-Nya.

Wahai orang bodoh...! Engkau mengaku mempunyai ilmu. Ketahuilah, bahawa sebahagian daripada kebodohanmu ialah bahawa engkau menuntut dunia kepada selain Tuhannya, mengharapkan keselamatan daripada bencana dengan pengaduan kepada manusia.

Celakalah engkau...! Jika seekor anjing yang rakus dapat diajar

untuk menjaga binatang beruangnya dan meninggalkan naluri serta kerakusannya. Sementara seekor burung juga dapat dididik untuk menentang naluri dan keinginannya serta meninggalkan kebiasannya untuk memakan binatang beruang yang biasa menjadi makanannya. Maka nafsumu adalah lebih utama untuk ditundukkan dan dididik. Didiklah nafsumu itu dan berilah kefahaman kepadanya, sehingga ia tidak memakan agamamu, menghancurkan engkau, dan tidak membuat engkau mengkhianati sesuatu amanah yang dikirimkan oleh Allah kepadamu. Adapun titipan utama dan pertama yang diamanahkan oleh Allah kepadamu, ialah agama orang mukmin serta daging dan darahnya.

Janganlah engkau bergaul dengannya, sebelum engkau mempelajarinya. Jika engkau telah mempelajarinya dan telah memahaminya, dan nafsumu itu telah menjadi nafsu yang tenang (mutma'innah) maka ketika itu pergaulilah ia, ke manapun engkau menghadap, janganlah engkau terpisah daripadanya dalam semua situasi dan keadaan.

Jika nafsumu itu telah menjadi nafsu yang tenang (mutma'innah) maka engkau menjadi seorang yang penyabar, faham dan redha terhadap setiap bahagian yang diberikan kepadamu oleh ketentuan takdir Ilahi. Ketika itu engkau tidak akan membezakan antara jagung dengan roti yang terbuat daripadanya, sama ada baik atau buruk.

Engkau akan bersifat qana'ah dan merasa puas dengan bahagian-bahagian yang sudah ditentukan untukmu. Kerana itu, janganlah engkau memakan sesuatu yang engkau sukai saja daripadanya. Malahan hendaklah engkau makan sekadar untuk dapat membantumu melakukan kebaikan, ketaatan dan memberi keutamaan kepada makhluk selain engkau. Dengan demikian, engkau akan menjadi seorang yang bersifat dermawan, murah hati, serta bersikap zuhud terhadap dunia dan mencintai akhirat.

Kemudan jika engkau berzuhud terhadap akhirat dan mencari Tuhanmu, maka nafsu yang tenang itu akan ikut mencari-Nya bersama-sama dengan engkau, ia akan melangkahkan kakinya bersamamu menuju pintu gerbang pemilik kebenaran.

Dalam keadaan seperti ini, maka para orang-orang yang mendahuluimu akan mendatangi akhirat, dan setiap orang daripada mereka akan berkata:

"Wahai orang yang tidak makan, makanlah kamu...! Wahai orang-orang

yang tidak minum, minumlah kamu...!"

Seorang pesakit yang berakal, tidak akan memakan, kecuali makanan yang dibenarkan oleh doktor yang merawatnya, atau yang diperintahkannya serta berterusan dalam keadaan demikian di samping menerima semua nasihatnya. Ia akan meninggalkan karakusan, baik ketika ketika doktor itu ada bersamanya, mahupun ketika ia pergi dari sisinya.

Wahai orang yang rakus...! Wahai yang gopoh-gapah ketika menghadapi makanan...! Telah menjadi kepastian, bahawa setiap makanan yang pada awalnya disediakan untukmu, orang lain yang ditakdirkan akan memakannya. Pakaian, tempat tinggal, kenderaan dan wanita yang dikahwini, semuanya itu telah diciptakan untukmu, tetapi juga ditakdirkan orang selain engkau yang akan memperolehi dan mengenakannya.

Apakah ini bukan suatu kebodohan...? Engkau tidak memiliki keteguhan, tidak mempunyai pemikiran, tidak mempunyai keimanan dan tidak pernah membenarkan semua janji Allah. Wahai orang yang membersihkan diri...! Jika engkau bekerja pada seorang lelaki utama, kemudian engkau bertutur dan beradab sopan yang baik kepadanya, janganlah engkau menuntut bayaran atau upah, kerana kedua-duanya itu akan engkau perolehi tanpa perlu menuntut atau berperilaku buruk terhadapnya.

Jika ia melihat dirimu bahawa engkau telah meninggalkan sifat rakus, tidak lagi menuntut upah atau bayaran daripadanya dengan perilaku yang buruk, maka lelaki itu akan membezakan engkau dengan teman sekerjamu yang lain, majikanmu itu akan mengasihimu dan mendudukkan engkau sebagai pengawas terhadap mereka.

Allah tidak akan dapat dipergauli dengan cara berpaling atau menentang, akan tetapi Dia akan dapat dipergauli dengan perilaku yang baik, ketenangan zahir dan batin sentiasa berterusan mentaati-Nya dan menyetujui semua ketentuan dan kepastian-Nya.

Setiap orang yang sentiasa menyetujui takdir dan kepastian-Nya, maka dia berhak untuk bersahabat dengan Allah. Setiap orang yang mengenal Allah dan yang tahu akan Dia akan berdiri bersama-Nya, bukan bersama yang lain-Nya. Menurut kehendak-Nya, bukan menurut kehendak yang selain daripada-Nya. Hidup bersama Allah dan kerana-Nya, dan mematikan diri daripada selain-Nya.

Wahai hamba...! Apabila engkau berkata-kata, maka berkata-katalah engkau dengan niat yang baik, benar dan jujur. Sebaliknya jika engkau hendak diam, maka diamlah engkau dengan niat yang baik, benar dan jujur pula. Setiap orang yang tidak mendahulukan niat sebelum beramal, maka tiadalah amal baginya. Adapun engkau...! Jika engkau berkata-kata atau diam, maka engkau selalu berada di dalam dosa, kerana engkau tidak berniat dengan benar sebelum melakukannya.

Engkau diam dan berkata-kata tanpa mengikut sunnah. Jika suatu keadaan berubah dan rezekimu menjadi sempit, maka kamu akan berubah kerana semuanya itu hanya dengan sesuap nasi. Kemudian, ketika terjadinya kerosakan satu harta, maka kamu akan mengkufurkan semua nikmat yang ada, seakan-akan kamu adalah orang yang berkuasa dan mampu mengatur semua ini.

Aku beramal, sementara engkau tidak beramal. Oleh itu beramallah engkau, dan mengapa engkau mesti beramal...? Sudah sewajarnya semuanya terjadi seperti ini, maka engkau akan terjauh daripada dimurkai dan dilemparkan. Siapakah engkau wahai anak Adam...? Kamu adalah makhluk yang diciptakan dari air yang hina. Oleh itu tunduklah engkau kepada Tuhanmu, dan berhina dirilah kamu kepada-Nya. Jika engkau tidak bertakwa, maka engkau bukanlah orang yang mulia di hadapan Allah, mahupun di hadapan para hamba-Nya yang soleh. Dunia ini semuanya adalah kebijaksanaan dan akhirat dipenuhi oleh kepastian dan kekuasaan.

Wahai kaumku...! Hendaklah kamu meninjau sejauhmana ketawakkalanmu kepada Allah, serta berita Allah untuk kamu. Jadilah engkau sebagai orang yang berakal dan bukalah mata hati kamu semua. Jika datang suatu rombongan ke rumah salah seorang kamu, maka janganlah ia memulakan percakapan, tetapi perkataannya hendaklah sekadar memberi jawapan terhadap pertanyaan mereka, dan janganlah engkau bertanya sesuatu yang tidak berguna.

Mengesakan Allah itu adalah wajib. Mencari yang halal juga wajib. Ikhlas dalam beramal juga wajib. Tidak menuntut balasan daripada suatu amal juga wajib. Menjauhlah engkau daripada orang munafik dan orang fasiq. Berhimpunlah engkau dengan orang soleh dan para al-siddiqin (orang-orang yang benar). Jika engkau mempunyai kesulitan, dan kamu tidak mampu membezakan antara kejujuran dan kemunafikan, maka bangunlah engkau pada waktu tengah malam, solatlah sebanyak dua rakaat, dan ucapkanlah doa seperti berikut:

"Ya Tuhanku...! Tunjukkanlah kepadaku hamba-hamba-Mu yang soleh. Tunjukkanlah kepadaku orang-orang yang mampu membimbingku kepada Engkau. Iaitu, orang-orang yang memberi makan kepadaku dengan makanan Engkau, yang memberi minum kepadaku dengan minuman Engkau, memberi celak mata kedekatanku dengan cahaya kedekatan Engkau, dan memberi tahukan kepadaku akan sesuatu yang sudah dilihatnya dengan nyata, bukan dengan sekadar taklid atau ikut-ikutan."

Suatu kaum yang makan dari hidangan anugerah Allah dan minum dengan minuman ketenteraman-Nya, serta menyaksikan gerbang kedekatan-Nya, tidak akan menerima suatu berita begitu saja, tanpa melakukan penelitian lebih dahulu terhadap berita yang diterimanya itu, kemudian mereka bersabar dan mengembara dari suatu bangsa kepada bangsa yang lain, dari seorang kepada seorang yang, sehingga berita yang mereka terima itu ternyata kebenarannya.

Ketika mereka bertemu dengan Tuhan mereka, maka Dia akan mengajar mereka adab dan tata susila, membersihkan jiwa mereka dan mendidik mereka dengan hikmah dan ilmu. Memperlihatkan kepada mereka tentang isi kerajaan-Nya dan memberitahu kepada mereka, bahawa tiada di langit dan di bumi selain Dia.

Tidak ada yang memberi dan mencegah selain daripada-Nya. Tidak ada yang akan menentukan dan menetapkan suatu keputusan melainkan Dia. Tidak ada yang menjadikan kehinaan dan kemuliaan selain Dia. Tidak ada yang menguasai atau menundukkan selain Dia. Tiada seorangpun yang mampu memaksa selain daripada-Nya. Dia memperlihatkan kepada mereka apa yang berada di sisi-Nya, sehingga mereka dapat melihatnya dengan mata hati dan batin mereka. Kerana itu, mereka tidak meninggalkan daripada harta dunia ini baik sedikit ataupun banyak di sisi mereka.

"Ya Allah...! Perlihatkanlah kepada kami sebagaimana yang Engkau perlihatkan kepada mereka, serta limpahkanlah kesihatan dan kemaafan bagi kami.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksa api neraka."
(Al-Baqarah: 201)

Wahai kaumku...! Bertaubatlah daripada sikap kamu yang meninggalkan ketakwaan kepada Allah. Takwa tak ubahnya bagaikan penawar, sementara meninggalkannya adalah bagaikan penyakit. Bertaubatlah kamu, kerana taubat itu tak berubah bagaikan ubat, sementara dosa adalah sama dengan bibit penyakit. Pada suatu hari, Rasulullah s.a.w. bersabda kepada para sahabat baginda, katanya:

أَلَا مَا دَوَاؤُ كُمْ وَمَا دَاؤُ كُمْ فَقَالُوْا بَلَى يَا رَسُوْلَ اللهِ. فَقَالَ: دَاؤُ كُمُ الذُّنُوْبُ وَدَوَآؤُ كُمُ التَّوْبَةُ.

Ertinya:
"Apakah aku tidak mengajarkan kepada kamu tentang apa ubat dan apa penyakit yang ada pada kamu...?" Mereka menjawab: "Benar ya Rasulullah...!" Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: "Penyakit kamu adalah dosa, sementara ubat (penyakit) mu itu adalah taubat."
(Dalam riwayat yang lain bermaksud memohon keampunan)

Taubat adalah tiang penyokong keimanan, manakala berterusan dalam berzikir dan taat kepada Allah merupakan penawar atau ubatnya. Bertaubatlah engkau dengan lidah iman, maka akan datang kemenangan kepadamu. Berbicaralah engkau dengan lidah Tauhid dan ikhlas, maka akan datang kejayaan kepadamu. Jadikanlah keimanan sebagai senjatamu dalam menghadapai ujian yang datang daripada Tuhan kamu.

Sementara itu Syeikh Abd al-Qadir dalam setiap pembukaan majlisnya, beliau sentiasa mengucapkan tahmid:

اَلْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Ertinya:
"Segala puji bagi Allah, Tuhan (yang memelihara) sekalian alam."

Beliau mengulanginya sebanyak tiga kali. Setiap kali selesai daripada masing-masing ucapan itu, beliau mengucapkan:

عَدَدَ خَلْقِهِ وَزِيْنَةَ عَرْشِهِ وَرِضَى نَفْسِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ وَمُنْتَهَى عِلْمِهِ وَجَمِيْعِ مَا شَآءَ وَخَلَقَ وَزَرَأَ وَبَرَأَ عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ الرَّحْمَنُ الرَّحِيْمِ الْمَلِكُ الْقُدُّوْسِ الْعَزِيْزُ الْحَكِيْمُ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيْتُ وَهُوَ حَيٌّ لَا يَمُوْتُ بِيَدِهِ الْخَيْرِ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٍ وَإِلَيْهِ الْمَصِيْرُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ أَرْسَلَهُ بِالْهُدَى وَدِيْنِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّيْنِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُوْنَ.

Ertinya:

"Sebanyak bilangan makhluk-Nya, seberat timbangan 'Arasy-Nya, dan keredhaan diri-Nya, sebanyak bilangan kalimah-Nya dan seluas ilmu-Nya, sebanyak semua yang dikehendaki dan diciptakan-Nya, diciptakan dan dijadikan, Yang Mengetahui segala ghaib dan semua yang nyata, Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Yang Maha Raja dan Maha Suci, Yang Maha Agung lagi Maha Bijaksana. Dan aku naik saksi, bahawa tiada Tuhan (yang patut disembah) melainkan Allah, Yang Maha Esa dan tidak adu sekutu bagi-Nya. Di tangan-Nya terletak tampuk Kerajaan ini, dan untuk-Nya segala puji, Yang Maha Menghipkan dan Maha Mema-tikan, Dialah yang Hidup dan tidak akan pernah mati. Dalam kekuasaan-Nya terletak kebaikan, dan Dia Maha Berkuasa terhadap segala sesuatu, dan kepada-Nyalah tempat kembali Dan aku naik saksi bahawa sesungguhnya Muhammad itu adalah hamba dan Rasul-Nya, yang diutuskan dengan membawa petunjuk dan agama yang benar. Agar dia memenangkan atas semua agama, meskipun akan benci orang-orang musyrik."

Kemudian beliau lanjutkan dengan bait-bait doa dan ratapan seperti berikut:

"Ya Allah...! Limpahkanlah tambahan rahmat-Mu ke atas Nabi s.a.w. dan ahli keluarganya peliharalah para pemimpin dan umatnya. Himpunkanlah

hati-hati mereka dalam kebaikan, buangkanlah keburukan di antara sebahagian mereka kepada sebahagian yang lain.

Ya Allah...! Engkau Maha Mengetahui akan batin-batin kami, maka engkau benarkanlah ia Engkau Maha Mengetahuai segala kepentingan kami, maka datangkanlah ia kepada kami. Engkau Maha Mengetahui segala dosa-dosa kami, maka ampunilah kami. Engkau Maha Mengetahui akan segala cacat-cela kami, maka tutuplah cacat-cela kami itu.

Janganlah Engkau perlihatkan kepada kami, sekiranya Engkau mencegah kami. Janganlah Engkau singkirkan kami ketika kami diperintah. Janganlah Engkau lalaikan kami untuk mengingat Engkau. Janganlah Engkau beri perlindungan kepada kami untuk menentangMu. Janganlah Engkau jadikan kami sebagai orang yang memerlukan terhadap selain Engkau. Janganlah Engkau jadikan kami sebagai orang yang lupa.

Ya Allah...! Berilah kami ilham tentang kebenaran, dan lidungilah kami daripada kejahatan nafsu kami. Sibukkanlah kami dengan Engkau, dan jauh daripada selain Engkau. Lepaskanlah kami daripada setiap orang yang melepaskan diri daripada Engkau, sebagaimana mereka melepaskan diri daripada-Mu. Berilah ilham kepada kami untuk bersyukur kepada-Mu, mengingati-Mu dan beribadah dengan baik kepada Engkau."

Selepas membaca mukadimah dan bait-bait doa ini, maka beliau menoleh ke sebelah kanannya dan mengucapkan:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ مَا شَاءَ اللهُ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

Ertinya:
"Tiada Tuhan (yang patut disembah) melainkan Allah, barang yang dikehendaki oleh Allah, tiada daya dan kekuatan melainkan dengan pertolongan Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung."

Kemudian beliau memandang arah ke depannya, sambil mengucapkan kalimah tersebut, demikian juga ke sebelah kiri beliau. Kemudian beliau mengucapkan kata-kata berikut:

"Ya Allah...! Janganlah Engkau bukakan rahsia kami, janganlah Engkau koyakkan tirai kami. Janganlah Engkau seksa kami kerana buruknya perbuatan kami. Janganlah Engkau menghidupkan kami dalam kelupaan, dan janganlah Engkau menghukum kami atas kelalaian kami."

Selanjutnya beliau membaca firman Allah yang berbunyi:

لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا ٱكْتَسَبَتْ ۗ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَآ إِن نَّسِينَآ أَوْ أَخْطَأْنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَآ إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُۥ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِۦ ۖ وَٱعْفُ عَنَّا وَٱغْفِرْ لَنَا وَٱرْحَمْنَآ ۚ أَنتَ مَوْلَىٰنَا فَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

Ertinya:

"Allah tidak membebani seseorang, melainkan sesuai dengan kemampuannya. Ia memperolehi pahala (daripada kebajikan) yang diusahakannya, dan memperolehi dosa (daripada kejahatan) yang dikerjakannya. (Mereka berdoa) "Ya Tuhan kami...! Janganlah Engkau hukum kami jika kami terlupa atau tersalah. Ya Tuhan kami...! Janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat, sebagaimana yang sudah Engkau bebankan kepada orang-orang yang sebelum kami Ya Tuhan kami...! Janganlah engkau pikulkan kepada kami apa yang tidak sanggup kami memikulnya. Beri maaflah kami, ampunilah kami dan kasihanilah kami. Engkau adalah penolong kami, maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir.

(Al-Baqarah: 286)

Kemudian, barulah beliau meneruskan ucapan dengan apa yang sudah dibukakan Allah kepada lidah beliau dan keterbukaan alam ghaib tanpa alam nyata dan beliau tidak menemui kesulitan dalam memperkatakannya.

Beliau menghafal suatu hadis dari Rasulullah s.a.w., atau kata-kata mutiara daripada hukamak (ahli hikmah). Beliau memulai dengan semuanya itu, kerana mencari keberkatan dan melandasi ucapan atau kata-kata beliau dengannya.

Majlis 27

Janganlah Kamu Mendustakan Syahadahmu

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat pagi, 7 Jamadilakhir, 545H.

JADILAH kamu orang yang berakal dan suka berfikir, janganlah menjadi orang yang suka berdusta. Engkau mengatakan bahawa engkau takut kepada Allah, padahal sebenarnya engkau tidak takut kepada-Nya, tetapi takut kepada selain-Nya. Janganlah engkau takut kepada jin, manusia atau malaikat. Janganlah kamu takut kepada haiwan, baik haiwan itu mampu berkata-kata atau tidak, dan janganlah kamu takut kepada seksa dunia dan seksa akhirat. Tetapi takutlah kamu kepada Zat yang menyeksa dengan suatu seksaan.

Seorang yang berakal tidak akan takut dengan celaan orang yang mencela dalam hal ia melakukan sesuatu kerana Allah. Dia memekakkan telinganya daripada semua kalam, kecuali kalam Allah. Semua makhluk dalam pandangan orang yang berakal, tak ubahnya bagaikan orang yang lemah, sakit dan miskin. Orang yang seperti ini dan yang sedarjat dengannya adalah para ulama yang bermanfaat ilmunya. Mereka adalah ulama syariat dan hakikat Islam, mereka adalah doktor-doktor agama yang akan membalut semua keretakan agama.

Wahai orang yang retak agamanya...! Menghadaplah kamu kepada mereka sehingga mereka dapat membalut keretakanmu. Zat yang menurunkan penyakit adalah Zat yang menurunkan ubatnya. Dia lebih mengerti terhadap suatu kemaslahatan daripada yang lain. Janganlah

engkau curiga terhadap sesuatu yang diciptakan oleh Tuhanmu. Bahkan dirimu sendiri lebih layak engkau curigai daripada yang lainnya. Ucapkanlah kepadanya, bahawa pemberian itu hanya untuk orang yang taat sedangkan pukulan itu untuk orang yang derhaka. Jika Allah menghendaki agar seorang hamba itu menjadi baik, maka dia akan mencabut nikmat yang sudah dikurniakan-Nya kepada hamba-Nya itu, sehingga ia menjadi sengsara. Apabila hamba itu sabar dengan keadaannya, maka Dia akan menaikkan darjatnya, membaikkannya dan memberinya dengan penuh kecukupan.

Ya Allah...! Sesungguhnaya kami memohon kedekatan kepada-Mu tanpa suatu cubaan atau ujian. Kasihanilah kami dalam qadha' dan qadar-Mu. Lindungilah kami daripada niat buruk orang-orang yang hendak berbuat jahat kepada kami dan tipudaya orang-orang yang zalim.

Peliharalah kami bagaimana jua yang Engkau kehendaki dan seperti yang Engkau kehendaki. Kami mohon kepada-Mu kemaafan dan kesihatan dalam beragama, dunia dan akhirat. Dan kami juga bermohon kepada-Mu taufik untuk melakukan kebaikan dan ikhlas dalam semua amal. Amin.

Seorang lelaki menemui Abu Yazid al-Bustami ra., lalu ia menoleh ke kiri dan ke kanan, maka Abu Yazid bertanya: "Mengapa kamu...?" Lelaki itu menjawah: "Aku mencari tempat yang bersih untuk menunaikan solat." Maka Abu Yazid berkata: "Bersihkanlah hatimu, dan lakukanlah solat di mana jua yang engkau kehendaki...!"

Tidak akan mengatahui riyak kecuali orang yang ikhlas. Mereka berada di dalamnya, namun membersihkan diri daripadanya. Dia selalu berdiri di tepi jalan yang akan dilalui oleh semua kaum. Riya', 'ujub, takbur dan munafik adalah sebahagian anak panah syaitan yang dipanahkan kepada hati manusia. Menghadaplah kamu kepada para guru dan belajarlah dari mereka cara menempuh jalan kepada Allah, kerana itu adalah jalan yang sudah mereka lalui. Bertanyalah kepada mereka (para guru) tentang godaan nafsu, syahwat dan perangai kerana mereka pernah merasakan godaan tersebut, mengetahui tipu daya dan kejahatannya, kerana semuanya itu pernah menetap bersama mereka (para guru) itu beberapa waktu dan mereka dapat menundukkannya.

Dengan bertanya dan berguru kepada mereka itu, kamu akan terjauh daripada godaan-godaan tersebut dan bahkan kamu akan mampu mengalahkannya, menundukkannya kepadamu dan menguasainya.

Janganlah kamu tertipu oleh rayuan syaitan. Janganlah kamu terpukul oleh panah-panah nafsu yang diarahkan kepadamu, kerana hal itu tidak akan dapat mengenai dirimu, kecuali melalui jalan yang sesuai. Syaitan dalam bentuk jin tidak akan mampu berhadapan denganmu kecuali apabila dia sudah berubah menjadi syaitan yang berbentuk manusia, dalam bentuk nafsu dan teman-teman yang jahat.

Tetaplah engkau bersama Allah dan mohonlah pertolongan daripada-Nya untuk menghadapi musuh-musuh ini, kerana sesungguhnya Dia akan mendengar ratapanmu kepada-Nya. Jika engkau telah menemui-Nya dan melihat apa yang berada di sisi-Nya dan kamu telah memperolehinya, maka kembalilah kamu dari sisi-Nya kepada keluargamu dan semua manusia. Kemudian tariklah mereka dan bawalah mereka kepada-Nya. Katakanlah kepada mereka:

"Datanglah kamu kepadaku dengan membawa serta semua ahli keluarga kamu."

Ketika memperolehi harta dan kerajaan, Nabi Yusuf berkata kepada keluarganya:

وَأْتُونِي بِأَهْلِكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٩٣﴾

Ertinya:
"Dan bawalah keluargamu semuanya kepadaku...!"

(Yusuf: 93)

Orang-orang yang malang, ialah orang-orang yang terhalang daripada Allah dan tidak memperolehi kedekatan kepada-Nya di dunia mahupun di akhirat. Allah berfirman di dalam sebahagian kitab-Nya, yang berbunyi:

يَا ابْنَ ءَادَمَ إِنْ فُتِكَ فَاتَكَ كُلُّ شَيْءٍ.

Ertinya:
"Wahai Bani Adam...! Jika Aku menghalangmu, maka akan terhalanglah engkau daripada segala sesuatu."

Bagaimana Allah tidak akan menghalangmu, sedangkan engkau berpaling daripada-Nya dan dari kaum muslimin yang melupakan hamba Allah, menyakiti mereka dengan perkataan dan perbuatanmu, berpaling daripada mereka zahir dan batinmu. Diriwayatkan, bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda, katanya:

أَذِيَّةُ الْمُؤْمِنِ أَعْظَمُ عِنْدَ اللهِ مِنْ نَقْضِ الْكَعْبَةِ وَالْبَيْتِ الْمَعْمُوْرِ خَمْسَ عَشَرَةَ مَرَّةً.

Ertinya:
"Menyakiti orang mukmin lebih besar (dosanya) di sisi Allah daripada merosakkan Ka'bah dan Bait al-Ma'mur sebanyak lima belas kali."

(Penyemak tidak dapat menemui sumber hadis ini, wallahu a'lam)

Dengarlah...! Alangkah celakanya dirimu, wahai orang- orang yang sentiasa menyakiti orang-orang fakir Allah, iaitu orang-orang mukmin yang soleh, para 'arifin dan orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya. Tidak lama lagi engkau akan menjadi mayat yang ditarik dan dikeluarkan dari rumahmu. Sedangkan harta yang kamu bangga-banggakan itu dirampas dari tanganmu, ia tidak berguna lagi bagimu dan tidak akan dikembalikan kepadamu.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 28

Penuhilah Syarat Mencintai Allah dan Rasul-Nya

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad 9 Jamadilakhir 545H.

DIRIWAYATKAN, bahawa pada suatu ketika seorang lelaki datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata kepada baginda: "Sesungguhnya aku mencintaimu dalam cinta Allah 'Azza Wa Jalla." Maka baginda bersabda:

إِتَّـخَذَ الْبَلَاءَ جِلْبَابًا إِتَّـخَذَ الْفَقْرَ جِلْبَابًا.

Ertinya:
"Jadikanlah cubaan (bala, ujian) sebagai pakaianmu dan jadikanlah fakir sebagai jilbabmu."

Jika engkau mengharapkan suatu gambaran daripada sifat-sifat yang aku miliki, maka hendaklah engkau mengikut langkahku dalam memenuhi persyaratan cinta. Adapun syarat mencintai Allah itu adalah menyetujui segala qadha' dan qadar-Nya tanpa sedikitpun timbul kekesalan di dalam hati. Demikian juga syarat cinta kepada Rasulullah s.a.w., seseorang itu hendaklah mengamalkan sifat sebagaimana sifat-sifat baginda.

Abu Bakr al-Siddiq r.a. ketika membenarkan cintanya kepada Rasulullah s.a.w., beliau mendermakan semua hartanya kepada kepentingan agama, kemudian beliau bersifat seperti sifat Rasulullah s.a.w. dan beliau bersekutu dengan Rasulullah s.a.w. dalam kefakiran, sehingga

beliau membiarkan pakaian luarnya berlubang-lubang kerana persediaan beliau sudah kosong. Beliau mentaati dan menyetujui Rasulullah s.a.w. zahir dan batin, secara rahsia mahupun terang-terangan.

Tetapi engkau, wahai pendusta...! Mengaku mencintai orang-orang soleh, sedangkan kamu menyembunyikan wang dinar dan dirhammu daripada mereka, padahal kamu menghendaki untuk dekat dan bersahabat dengan mereka. Hendaklah engkau menjadi orang yang berakal, ketahuilah bahawa semuanya ini adalah cinta palsu. Seseorang yang mencintai tidak akan menyebunyikan sesuatu daripada kekasihnya, dan orang yang dicintai itu boleh mempengaruhi orang yang mencintainya.

Kefakiran itu selalu melekat kepada Rasulullah s.a.w., dan tidak pernah mahu berpisah dengan baginda. Oleh itu baginda bersabda:

اَلْفَقْرُ أَسْرَعُ إِلَى مَنْ يُحِبُّنِيْ مِنْ سَيْلِ الْمَاءِ إِلَى مُنْتَهَاهُ.

Ertinya:
"Kefakiran itu lebih cepat mendatangi orang yang mencintaiku daripada mengalirnya air ke muara."

(Hadis riwayat At-Tirmidzi)

Aisyah r.a. berkata, yang bermaksud:

"Tak hentinya dunia ini dipenuhi dengan kotoran dan kesulitan, selama Rasulullah s.a.w. masih bersama kami. Namun ketika baginda sudah wafat, serasa dunia ini ditumpahkan kepada kami dengan banyaknya. Maka persyaratan untuk mencintai Rasulullah s.a.w. ialah kefakiran, manakala persyaratan untuk mencintai Allah adalah ujian dan cubaan."

Diriwayatkan daripada sebahagian ulama, sesungguhnya dia berkata:

"Setiap bencana atau cubaan akan datang bersama-sama dengan pertolongan, agar seseorang itu mengaku mencintai Allah bersamaan dengan pembohongan, kemunafikan dan riya' yang ada padanya. Tariklah semua pengakuan dan pembohonganmu, janganlah engkau menjadikannya sebagai bahan fikiranmu, jika engkau datang dengan kejujuran. Jika tidak, maka janganlah engkau mengikut kami."

Janganlah engkau menyamar dengan beralih rupa, kerana hal itu tidak akan mendatangkan kebaikan kepadamu, malahan ia hanya akan menampakkan belangmu saja. Janganlah engkau bercinta dengan

seekor ular berbisa atau binatang buas, kerana kedua-duanya itu akan menghancurkan kamu. Jika engkau seorang pawang ular, maka datanglah kepada ular, jika engkau seorang yang mempunyai kekuatan, maka hadapilah binatang buas. Jalan Allah memerlukan kejujuran dan cahaya kemakrifatan. Kerana dengannya mentari kemakrifatan itu akan bersinar di dalam hati orang-orang yang jujur, sinar yang tidak akan pernah padam siang dan malam.

Wahai hamba...! Berpalinglah kamu daripada orang-orang munafik yang sedang menyongsong kemurkaan Allah. Berfikirlah kamu dan janganlah engkau menghampiri orang-orang sekitarmu, kerana sebahagian besar daripada masyarakat masa kini adalah bagaikan seekor serigala yang memakai pakaian manusia. Ambillah cermin pemikiranmu, lihatlah ke dalamnya dan bermohonlah engkau kepada Allah agar cermin itu dapat memperlihat kepadamu tentang dirimu sendiri dan orang selain engkau. Sesungguhnya aku telah mempunyai pengalaman bersama makhluk (manusia) dan bersama Khaliq, maka aku dapati bahawa keburukan itu sentiasa ada bersama makhluk (manusia) dan kebaikan itu tetap berada bersama Khaliq.

Ya Allah...! Selamatkanlah kami daripada kejahatan mereka, dan berilah rezeki kepada kami berupa kebaikan-Mu dunia dan akhirat. Sesungguhnya aku tidak berkeinginan kepada kamu, demi kebaikan diriku sendiri, Bagaimanapun demi kebaikan kamu semua, maka untuk talimu aku memintal. Aku tidak akan mengambil sesuatu daripada kamu, kecuali untuk kebaikan kamu, bukan untuk diriku sendiri.

Aku mempunyai sesuatu yang istimewa untukku, sehingga aku tidak layak untuk mengambil sesuatu daripada kamu. Aku tidak mempunyai, kecuali suatu usaha atau tawakkal kepada Allah. Aku tidak pernah menanti apa-apa yang akan diberikan kepadaku dengan cara itu, sebagaimana yang kamu lakukan, kerana hal itu adalah merupakan petunjuk terhadap orang-orang munafik yang riya' dan tawakkal kepada kamu, tetapi lupa kepada Tuhannya.

Aku adalah bagaikan seorang perantau terhadap penduduk bumi, maka berfikirlah kamu dan janganlah kamu mendatangkan kepalsuan kepadaku, kerana aku telah mengetahui kebaikan kamu terpisah daripada keburukan kamu dengan taufik Ilahi dan keahlian yang dikurniakan-Nya kepadaku. Jika engkau menginginkan kebahagiaan, maka jadilah engkau

sebagai landasan pengasah pedangku, sehingga ia mampu memotong otak hawa nafsumu, syahwatmu dan syaitanmu dan teman-temanmu yang jahat.

Mohonlah pertolongan kepada Tuhanmu untuk menghadapi musuh-musuhmu. Orang yang akan memperolehi pertolongan adalah orang-orang yang bersabar menghadapi musuh-musuhnya, sementara orang yang akan terhina ialah orang-orang yang menyerah kepada musuh-musuhnya. Bancana dan cubaan itu amat banyak, sedangkan Yang Menurunkannya hanya satu. penyakit itu beraneka macam, sedangkan doktornya hanya seorang.

Wahai orang yang sakit jiwa...! Serahkanlah jiwa kamu kepada Maha Penyembuh, janganlah engkau merasa syak dan ragu terhadap-Nya dengan apa yang dilakukan-Nya kepada kamu. Kerana Dia lebih kasihan kepadamu daripada kamu terhadap dirimu sendiri. Berlindunglah kamu kepada-Nya dan janganlah engkau berpaling daripada-Nya. Dengan demikian, maka kamu akan melihat seluruh kebaikan di dunia dan di akhirat.

Suatu kaum itu berada dalam keadaan diam yang menyeluruh, ketenangan yang berkesinambungan dan kebingungan yang sepenuhnya. Jika semuanya itu telah sempurna bagi mereka, maka berbicara kepada mereka tak ubahnya bagaikan berbicara kepada benda mati. Pada hari kiamat kelak, mereka tidak akan mampu berbicara jika tidak disuruh berbicara. Tidak akan mampu mengambil sesuatu, kecuali jika dihulurkan kepada mereka. Mereka tidak akan terhuraikan kecuali apabila mereka dihuraikan. Hati mereka sedarjat dengan hati para malaikat. Allah berfiman, yang berbunyi:

لَّا يَعْصُونَ ٱللَّهَ مَآ أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Ertinya:
"...yang tidak menderhakai Allah terhadap segala apa yang diperintahkan-Nya dan mereka sentiasa melakukan apa yang diperintahkan kepada mereka."

(At-Tahrim: 6)

Mereka menyamai malaikat, bahkan mereka melebihi malaikat dari satu segi, iaitu mereka melebihi malaikat dari segi kemakrifatan kepada Allah, sedangkan malaikat adalah bagaikan hamba dan pengikut mereka, yang mengambil manfaat daripada mereka, kerana semua hikmah telah

dituangkan ke dalam hati mereka. Hati mereka terlindung daripada segala macam bencana yang mengancam anggota badan mereka, baik tubuh atau jiwa mereka. Sementara hati mereka tidak akan pernah terkena bencana.

Jika kamu berharap untuk mencapai tahap dan kedudukan mereka, hendaklah engkau memelihara Islam, kemudian hendaklah engkau meninggalkan dosa, baik yang nyata atau yang terselubung. Selanjutnya hendaklah engkau memelihara diri dengan sesungguhnya, yakni zuhud terhadap dunia yang mubah dan yang halal. Kemudian daripada itu, hendaklah engkau merasa kaya dengan anugerah Allah, dan berzuhudlah engkau daripada anugerah-anugerah tersebut, seterusnya carilah kekayaan dengan taqarrub kepada Allah.

Jika pencarian itu benar, maka semua anugerah-Nya akan ditumpahkan kepadamu, dan terbukalah untukmu pintu bahagianmu, pintu gerbang kelembutan-Nya, rahmat dan nikmat-Nya. Ketika itu dicabutlah dunia daripadamu, lalu dibentangkan sampai ke penghujungnya. Semua ini terjadi terhadap para auliya' Allah yang membenarkan ilmunya dengan ketawaan mereka, mereka tidak pernah disibukkan oleh sesuatu yang membuat mereka jauh daripada-Nya.

Pada umumnya mereka merasakan bahawa dunia tercabut bagi mereka, kerana mereka lebih suka untuk membenamkan diri kepada Allah, berkunjung dan mencari-Nya. Seandainya mereka diberi harta dunia, boleh jadi mereka akan sibuk kerananya dan terlupa untuk melayani-Nya dan duduk bersama dunia. Inilah kemungkinan yang sering terjadi. Namun hal itu adalah jarang berlaku, kerana ia tidak berkaitan dengan kebijaksanaan Nabi s.a.w. Baginda adalah tergolong kepada manusia yang diberi tawaran harta dunia, namun hal itu tidak pernah menyibukkan baginda dan sehingga menjauhkan baginda daripada Allah. Baginda tidak melihat kepada bahagian-bahagiannya itu, baginda berpaling daripada semuanya itu disertai dengan kezuhudan yang sempurna. Diperlihatkan kepada baginda anak kunci perbendaharaan dunia, namu baginda menolaknya, dengan berkata:

رَبِّ أَحْيِنِيْ مِسْكِيْنًا وَأَمِتْنِيْ مِسْكِيْنًا وَاحْشُرْنِيْ مَعَ الْـمَسَاكِيْنِ.

Ertinya:
"Tuhanku...! Hidupkanlah aku dalam keadaan miskin, dan matikanlah aku dalam keadaan miskin, serta himpunlah aku bersama orang-

orang miskin."

(Hadis riwayat At-Trimizi dan IbnuMajah. Imam Bukhari menghukum hadis ini sebagai munkar, manakala Ibnu Taimiyah, Ibn Kathir dan Az-Zahabi menghukumnya sebagai dhaif)

Zuhud adalah merupakan nikmat yang baik. Sekiranya tidak, maka seseorang tidak akan mampu berzuhud daripada bahagiannya. Orang mukmin akan mengambil keuntungan daripada beratnya kelobaan, tidak rakus dan tidak tergesa-gesa, berzuhud dalam segala sesuatu dengan hatinya, berpaling daripadanya dengan batinnya dan menyibukkan diri dengan apa yang diperintahkan kepadanya. Seorang mukmin itu sedar, bahawa apa yang sudah menjadi bahagiannya tidak akan terhalang baginya memperolehinya, maka dia tidak memintanya, bahkan dibiarkannya bahagian-bahagiannya itu mengejarnya dan merendah diri kepadanya serta memohon untuk diterima.

Wahai hamba...! Pengembaraanmu di jalan Allah memerlukan keimanan, dan engkau dikukuhkan di jalan itu oleh kayakinan yang engkau miliki. Pada awal pengembaraanmu itu, engkau memerlukan tekad yang kuat, dan pada akhirnya engkau memerlukan keimanan, berbeza halnya dengan pejalanan menuju Makkah. Sebahagian ulama berkata:

"Jalan menuju Makkah itu memerlukan iman dan tekad secara serentak, sementara jalan ini pada tahap permulaannya memerlukan tekad dan ketika mencapai tahap akhirnya memerlukan keimanan."

Diriwayatkan dari Sufyan al-Thauri, bahawa sesungguhnya ketika permulaan beliau menuntut ilmu beliau mempunyai ikat pinggang, yang di dalamnya tersimpan wang sebanyak 500 dinar, sebagai bekalan beliau dalam perjalanan, seperti untuk belanja, dan pembiayaan belajar yang beliau gunakan secara cermat. Beliau berkata: "Seandainya tidak ada kamu (wang), maka dia (ikat pinggang) sudah aku jadikan ikat kepalaku."[22]

Kemudian, setelah beliau memperolehi ilmu pengetahuan dan mengenal Allah, maka beliau mendermakan baki wang yang masih ada pada beliau kepada fakir miskin dalam satu hari, sambil berkata:

"Seandainya langit itu besi, dan bumi hanya dipenuhi oleh padang pasir, maka tidak akan pernah ada hujan dan tidak akan ada tumbuh-tumbuhan.

---

22. Maksudnya, beliau tidak akan memuliakan wang itu, sehingga meletak-kannya di atas kepala beliau, kerana wang itu adalah dunia dan dunia adalah sebagai jalan bukan sebagai matlamat (Penterjemah).

Dan ketika itu aku menganggap bahawa bekerja kuat untuk mencari rezeki itu adalah suatu yang penting, maka sesungguhnya aku adalah orang kafir."

Hendaklah engkau memelihara suatu usaha dan mengaitkannya dengan sebab akibat hingga engkau mampu menegakkan keimanan di dalam jiwamu. Kemudian hendaklah engkau berpindah dari sebab akibat itu kepada Penyebabnya. Pada awalnya, para Nabi s.a.w. mengalami kegagalan dan sentiasa bergantung kepada sebab akibat, tetapi akhirnya mereka melangkah kepada sikap tawakkal. Mereka memadukan antara usaha dan tawakkal, sebagai permulaan dan penghabisan menurut *syariat* dan *hakikat*.

Wahai orang-orang yang bernasib malang...! Tanganmu sentiasa tidak terlepas daripada usaha-usaha bergantung kepada apa yang ada di dalam kekuasaan manusia dan mengemis kepada mereka, sehingga engkau mengingkari nikmat Allah, maka engkaupun di murkai oleh Allah. Meninggalkan suatu usaha dan mengemis kepada manusia adalah merupakan suatu hukuman daripada Allah kepada seorang hamba-Nya.

Ketika Kerajaan yang dibangun oleh Nabi Sulaiman a.s. mengalami kemunduran, disebabkan oleh beberapa persoalan yang di antaranya disebabkan oleh ramainya pengemis. Sedangkan pada awal pemerintahan baginda, mereka adalah orang yang rajin berusaha dan makan dari hasil usaha mereka sendiri. Bagaimanapun, setelah Allah menyempitkan gerak mereka dengan mengusir mereka dari jawatannya di dalam pemerintahan, dan mempersempit rezeki mereka sehingga mereka mengemis kepada manusia.

Adapun salah satu sebab berlakunya hal ini di kalangan mereka adalah disebabkan pendewaan terhadap sebuah patung yang dilakukan oleh seorang wanita di rumahnya selama 40 hari. Kerana itu mereka diberi hukuman selama empat puluh hari, iaitu sehari kesalahan dihukum dengan sehari. Suatu kaum tidak akan merasa bahagia dengan kesusahan yang mereka alami, dan mereka tidak akan meletakkan beban mereka. Tidak ada penyejuk mata mereka dan tidak ada hiburan bagi mereka sehingga mereka menemui Tuhan mereka.

Pertemuan ini mempunyai dua bentuk, iaitu pertemuan di dunia dengan hati dan batin mereka. Tetapi ini jarang sekali berlaku di kalangan manusia. Manakala yang kedua ialah pertemuan di akhirat. Jika mereka

bertemu dengan Tuhan mereka, maka ketika itu datanglah kepada mereka ketenangan dan kebahagiaan. Adapun sebelumnya adalah musibah yang berkepanjangan.

Setelah beliau berbicara tentang dirinya sendiri, maka Al- Sayyid Syeikh Muhyiddin Abul Qadir al-Jailani kemudian memberikan nasihatnya, dengan berkata:

"Wahai hamba...! Cegahlah dirimu daripada syahwat dan kelazatan-kelazatan, makanlah makanan yang suci, makanan yang tidak pernah terkena najis. Adapun yang suci itu halal, manakala yang najis itu haram."

Kemudian beliau berkata:

"Berikanlah kekuatan untuk dirimu dengan sesuatu yang halal, sehingga dirimu tidak menjadi orang pemalas, bakhil dan mempunyai perilaku yang buruk."

Ya Allah...! Kenalkanlah kami dengan-Mu, sehingga kami mengenal-Mu. Amin...!

Majlis 29

Janganlah Engkau Merendahkan Diri Kepada Orang Kaya

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Selasa, 11 Jamadilakhir, 545H.

DIRIWAYATKAN dari Rasulullah s.a.w., bahawa baginda bersabda, yang berbunyi:

مَنْ تَرَعْرَعَ لِغَنِيٍّ طَلَبًا لِّمَا فِيْ يَدَيْهِ ذَهَبَ ثُلُثَا مِنْ دِيْنِهِ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang merendahkan diri kepada orang kaya kerana mengharapkan apa yang ada padanya, hilanglah sepertiga daripada agamanya."

Dengarlah wahai munafik....! Ini adalah seorang yang merendahkan dirinya kepada orang kaya, kerana mengharapkan sesuatu daripadanya. Selanjutnya, bagaimana pula dengan orang yang solat, puasa dan haji kerana mereka dan menerima cercaan mereka..?

Wahai orang-orang musyrik...! Apa yang telah engkau miliki daripada-Nya dan berita apa yang telah disampaikan oleh Rasul-Nya...? Islamlah kamu dan bertaubatlah dengan ikhlas sehingga imanmu menjadi bersih, keyakinanmu berkembang, dan pohon tauhidmu tumbuh dengan suburnya sehingga cabangnya menggapai 'Arasy.

Wahai hamba...! Jika engkau memelihara imanmu sehingga pohonnya tumbuh menjulang, maka Allah akan mencukupkan dirimu dengan

dirimu sendiri, sehingga engkau tidak memerlukan orang lain. Allah akan mencukupkan keperluanmu, sehingga engkau tidak perlu lagi berusaha dan mencari keuntungan.

Allah Yang Maha Pemurah akan mengenyangkan jiwamu, hatimu dan batinmu, dan ditegakkan-Nya engkau di pintu gerbang-Nya, mencukupkan keperluanmu dengan mengingati-Nya, dekat kepada-Nya dan tenteram dengan-Nya. Sementara engkau tidak mempedulikan mereka yang meratah dan melahap dunia dengan rakusnya dan sentiasa sibuk dengannya, engkau juga tidak akan peduli dengan mereka yang menggenggam dunia. Tetapi engkau akan memandang mereka dengan perasaan kasih sayang, kerana mereka berada di dalam kesusahan dan kegelapan.

Wahai orang yang mengaku berilmu...! Engkau mengaku berilmu, tetapi engkau memburu dunia dari segala segi dan bentuknya, dan engkau merendahkan diri kepadanya. Allah telah menyesatkan engkau dengan ilmu yang sudah hilang keberkatannya. Isinya telah musnah, yang tinggal hanyalah kulitnya.

Sementara engkau wahai orang yang mengaku beribadah, hatimu menyembah makhluk, takut dan berharap kepada mereka. Pada zahirnya engkau beribadah kepada Allah, sedangkan batinnya, ibadah itu adalah untuk manusia. Setiap harapan dan cita-citamu tertuju kepada apa yang ada di tangan mereka, baik berupa dirham, dinar atau harta benda dunia, mengharapkan pujian dan sanjungan daripada mereka. Kamu takut akan celaan dan berpalingnya mereka daripada engkau, takut kepada penolakan dan mengharapkan pemberian mereka dengan banyaknya rayuan, permohonan dan sikap merendah dirimu kepada mereka, serta lemah lembutnya kata-katamu di pintu-pintu mereka.

Celakalah engkau...! Kamu musyrik, munafik, riyak dan termasuk kepada golongan zindiq. Celakalah engkau wahai orang yang memalsukan diri, tidakkah engkau perhatikan firman Allah yang berbunyi:

يَعْلَمُ خَآئِنَةَ ٱلْأَعْيُنِ وَمَا تُخْفِى ٱلصُّدُورُ ﴿١٩﴾

Ertinya:

"Dia mengetahui (pandangan) mata yang khianat, dan apa yang disembunyikan oleh hati."

(Al-Mukmin: 19)

Celakalah kamu...! Engkau berdiri di dalam solat dan lidahmu mengucapkan Allahu Akbar, sedangkan engkau berdusta dalam ucapan itu. Dalam hatimu, manusia adalah lebih agung daripada Allah. Bertaubatlah engkau kepada Allah dan janganlah engkau berbuat kebaikan untuk yang lain selain daripada-Nya, tidak untuk dunia dan tidak pula untuk akhirat.

Jadilah engkau sebagai seorang yang mengharapkan Dzat Allah. Berikanlah hak-hak ketuhanan kepada-Nya, janganlah engkau beramal kerana pujian dan sanjungan, dan jangan pula kerana diberi atau tidak diberi.

Celakalah engkau...! Rezekimu tidak akan bertambah dan tidak akan berkurang. Apa yang sudah ditetapkan buatmu daripada kebaikan dan keburukan pasti akan terjadi. Oleh itu, janganlah engkau sibuk dengan segala sesuatu yang sudah diselesaikan-Nya untukmu, tetapi sibuklah engkau dengan ketaatan kepada Tuhanmu. Kurangkanlah kerakusanmu dan pendekkanlah angan-anganmu. Jadikanlah kematian sebagai titik pandanganmu, sehingga engkau mampu meraih kebahagian dengan sentiasa mengikut hukum syarak dalam segala situasi dan keadaan.

Wahai kaumku...! Tidakkah masih tersisa daripada usiamu untuk berjalan seiring dengan tuntunan syarak, yang selama ini telah engkau tinggalkan dari segi kehidupan zahiryah mahupun batiniyahmu, kerana engkau terus mengikut hawa nafsumu dan mencari celah dari kebijaksanaan Allah. Seksaan dan hukuman telah disingkirkan daripada engkau dari hari ke hari. Namun di akhirat kelak, semuanya itu akan diturunkan-Nya kepadamu dari segala arah, untuk mencabut dan menghukum engkau.

Kemudian datanglah kematian kepadamu, dan kamu dimasukkan ke dalam liang lahad, dan di sana engkau menemui kesempitan dan seksaannya, engkau akan kekal di situ hingga hari kiamat. Kemudian dikembalikan pula kamu kepada bentuk asalmu. Jadikanlah kedai, perniagaan dan hartamu untuk keluargamu. Kamu berusaha untuk mereka dengan perintah syarak, dan dalam masa yang sama hatimu selalu tawakkal kepada Allah. Carilah rezekimu dan rezeki mereka daripada-Nya, bukan dari kedai, perniagaan dan hartamu itu. Kedai dan perniagaan itu hanyalah sebagai jalan, sedangkan yang memberi rezeki adalah Allah Yang Maha Pemurah. Dengan demikian, maka mengalirlah rezekimu dan rezeki mereka di tanganmu, dan Dia menganugerahi engkau dengan hampir kepada-Nya, terhibur dan tenteram hatimu dengan-Nya. Dia menjadikan

keluargamu merasa puas dan memadailah melalui dirimu dan dirimu sendiri merasa cukup dengan-Nya.

Dia menjadikan mereka kaya dengan sesuatu yang dikehendaki-Nya dan dengan yang cara dikehendaki-Nya, dan dikatakan kepada hatinya: "Ini untukmu dan ini untuk keluargamu...!" Bagaimana engkau sampai kepada ucapan ini, sedangkan sepanjang hayatmu, engkau adalah seorang yang musyrik, terhalang dan tertolak.

Engkau tidak akan merasa kenyang dengan dunia dan semua isinya. Kuncilah pintu hatimu dan halangi semuanya agar tidak memasukinya, turunkan zikir kepada Allah di dalamnya, hitung-hitunglah dirimu dan bertaubatlah engkau satu demi satu daripada perbuatanmu. Menyesallah engkau atas semua penyelewengan dan perilaku jahatmu. Perbanyak-kanlah menangis menyesali dirimu semampumu.

Bantulah orang-orang faqir dan miskin dengan hartamu, janganlah engkau bersikap bakhil kepada mereka. Tidak lama lagi engkau akan meninggalkan dunia dan hartamu. Seorang mukmin yang mempunyai keyakinan akan adanya ganti untuknya di dunia dan di akhirat tidak akan bersikap bakhil terhadap hartanya.

Diriwayatkan, bahawa suatu ketika Nabi Isa a.s. berkata kepada Iblis:

"Wahai Iblis...! Siapakah makhluk yang paling engkau cintai...?", tanya baginda.

"Orang beriman yang bakhil...!, jawab Iblis.

"Siapakah yang paling engkau benci...?", tanya Nabi Isa a.s. selanjutnya.

"Orang fasiq yang dermawan...!", jawab Iblis singkat.

"Mengapa demikian...?", tanya Nabi Isa a.s. lagi.

"Kerana aku berharap, agar seorang mukmin itu menjadi bakhil, sehingga kebakhilannya itu akan menyeretnya ke lembah kederhakaan. Dan aku khuatir, jika seorang fasiq itu menjadi dermawan, kerana kedermawanannya itu akan menghapuskan keburukannya...!, jelas Iblis.

Oleh itu, sibukkanlah dirimu dengan dunia untuk dunia, dan syari'ah semestinya dijadikan panduan dalam berusaha, agar engkau menjadikannya sebagai penolong ketaatan kepada Allah. Bagaimanapun, engkau wahai orang derhaka...! Jika engkau memperolehi keuntungan daripada usaha yang engkau lakukan, maka keuntungan itu akan engkau

jadikan sebagai penolongmu melakukan kederhakaan, meninggalkan solat, tidak melakukan kebaikan dan tidak mahu mengeluarkan zakat. Engkau berada di dalam kederhakaan, bukan di dalam ketaatan. Dengan demikian, jadilah kerja yang engkau lakukan itu bagaikan kerja seorang perompak. Tidak lama lagi kematian akan datang, ketika itu semua orang mukmin akan bergembira, manakala orang kafir dan orang munafik merasa sedih.

Diriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

إِذَا مَاتَ الْمُؤْمِنُ يَتَمَنَّى أَنَّهُ مَا كَانَ فِي الدُّنْيَا وَلَا سَاعَةَ لِمَا يَرَى مِنْ كَرَامَةِ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ.

Ertinya:
"Apabila orang mukmin itu meninggal dunia, maka dia bercita-cita bahawa dia tidak berada di dunia dan tidak pula di akhirat, kerana dia telah melihat kemurahan Allah 'Azza Wa Jalla kepadanya."

Di manakah orang yang bertaubat dan teguh dengan taubatnya...? Di manakah orang yang malu kepada Allah dan memelihara dirinya dalam segala keadaan dan tindakannya...? Di manakah orang yang menjaga dirinya daripada perbuatan yang diharamkan, baik secara sembunyi mahupun secara terang-terangan...? Di manakah orang yang memejamkan mata hatinya dan seluruh anggota badannya...?.

Diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

إِنَّ الْعَيْنَيْنِ لَيَزْنِيَانِ وَزِنَاهُمَا النَّظْرُ إِلَى الْمُحَرَّمَاتِ.

Ertinya:
"Sesungguhnya kedua-dua mata itu akan berbuat zina. Perzinaan yang dilakukan oleh kedua-duanya ialah dengan memandang kepada sesuatu yang diharamkan."

Berapa kalikah matamu sudah melakukan zina dengan melihat sesuatu yang diharamkan dari wanita mahupun kanak-kanak..? Tidakkah kamu mendengar firman Allah yang berbunyi:

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا۟ مِنْ أَبْصَٰرِهِمْ ...

Ertinya:
"Katakanlah kepada orang mukmin (lelaki yang beriman), hendaklah mereka menundukkan pandangannya."

(An-Nur: 30)

Wahai orang faqir...! Bersabarlah kamu atas kefaqiranmu, kerana kefaqiran di dunia ini ada batasnya. Diriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda kepada 'Aisyah r.a., katanya:

يَا عَآئِشَةَ تَجَرَّعِى مِرَارَةَ الدُّنْيَا لِنَعِيْمِ الْأَخِرَةِ.

Ertinya:
"Wahai 'Aisyah...! Tahanlah kepahitan dunia demi kenikmatan akhirat..!"

Engkau tidak mengetahui, apakah sebutanmu bersama kaum ini. Apakah engkau orang yang celaka atau orang yang bahagia...? Sebagaimana yang sudah diketahui, bahawa celaka dan bahagia itu berada dalam ilmu dan keputusan Allah. Bagaimanapun, janganlah engkau tinggalkan perasaan takut dan bersandar terhadap ilmu yang telah lalu, sehingga engkau merosak batas-batas syari'ah. Bersungguh-sungguhlah kamu dalam melakukan apa yang diperintahkan untukmu dan apa yang dimestikan kepadamu berdasarkan kepastian itu. Semuanya ini merupakan sesuatu yang tidak difahami oleh dirimu dan orang selain kamu. Dia merupakan suatu masalah yang tersembunyi.

Suatu kaum akan melipat hamparan dunia dan menjauhkan diri daripadanya dan berdiri di hadapan Tuhannya, sibuk berkhidmat kepada-Nya. Mereka mengambil dunia hanya sebagai bekal, bukan untuk kenikmatan. Malahan mereka mengambilnya hanya kerana terpaksa (dharuri) dan mereka melakukannya dengan niat untuk ibadah dan memelihara kemaluan mereka daripada tipu daya syaitan dan bala tenteranya.

Dalam semuannya ini, mereka hanya mengikut perintah Tuhan mereka, mengikut sunnah Rasulullah s.a.w. Semua kesibukan mereka hanyalah di dalam melaksanakan semua perintah dan mengikut sunnah. Mereka sentiasa bersama dengan ketinggian cita-cita dan kekuatan kezuhudan daripada segala-galanya.

Ya Allah...! Jadikanlah kami sebahagian daripada mereka, dan

limpahkanlah kepada kami dari keberkatan mereka...!

Wahai hamba...! Selama cinta dunia masih bersarang di dalam hatimu, maka engkau tidak akan melihat sedikitpun daripada gerak-geri dan keadaan orang-orang soleh. Selama engkau meminta dari makhluk dan bersekutu dengan mereka, maka hatimu tidak akan terbuka. Tidak akan ada pembicaraan bagimu, hingga engkau bersikap zuhud dari dunia dan manusia.

Jadilah engkau bagaikan orang yang berjuang, maka engkau akan melihat sesuatu yang tidak perna dilihat oleh orang lain, semua adat dan kebiasan akan menjadi asing bagimu. Jika engkau meninggalkan apa yang berada dalam perhitunganmu, maka akan datang kepadamu sesuatu yang tidak pernah engkau perhitungkan sebelumnya. Jika engkau bersandar kepada Yang Maha Haq dan bertakwa kepada-Nya, maka Dia akan memberi rezeki kepadamu tanpa batasan.

Tinggalkan olehmu, maka Dia akan memberimu. Bersikap zuhudlah kamu, nescaya Dia akan mencintaimu. Pada hujung masamu di dunia, engkau meninggalkannya, dan di akhirat kelak engkau akan memetik-nya. Pada permulaan urusan ini engkau membebankan hatimu, dengan meninggalkan syahwat dan kesenangan dunia, dan pada akhir urusan ini engkau akan mengambil dan menikmatinya. Yang pertama adalah untuk orang yang bertakwa, yang kedua adalah diperuntukkan bagi wali abdal yang senitasa dalam taat kepada Allah.

Wahai orang munafik...! Wahai orang musyrik...! Janganlah kamu mendesak mereka pada apa yang ditinggalkan. Mereka dapat dihitung dengan jari. Janganlah kamu berharap agar tindakan mereka itu jatuh ke dalam apa yang berada di tanganmu. Mereka telah keluar daripada kebiasaan, sedangkan kamu masih memelihara kebiasaan itu.

Maka sudah pastilah adat kebiasaan itu ganjil bagi mereka, dan tidak bagimu. Mereka beribadah pada malam hari ketika engkau tidur. Mereka berpuasa ketika engkau berbuka. Mereka takut ketika engkau merasa aman, dan mereka merasa aman ketika engkau maras takut, dan mereka memberi ketika kamu menahan pemberianmu. Mereka beramal kerana Khaliq, sedangkan kamu beramal kerana makhluk. Mereka mengharapkan-Nya, sedangkan engkau mengharapkan selain daripada-Nya. Mereka menyerahkan urusan mereka kepada-Nya dan sentiasa memperbaikinya, sedangkan engkau menarik diri dan menentang-Nya.

Dengan demikian, mereka merasa kaya dengan ketentuan dan qadha'-Nya serta mereka menahan lidah mereka untuk mengadu kepada manusia, sementara engkau tidak pernah melakukannya.

Mereka bersabar terhadap pahit dan getirnya kehidupan, sehingga semua kepahitan itu di sisi mereka berubah menjadi manis. Mereka berdiam di dalam kepastian (takdir) yang seakan-akan memotong-motong daging mereka, sementara mereka tidak mempedulikannya dan tidak merasa sakit sedikitpun. Semua itu adalah kerana pengetahuan dan bashirah mereka terhadap Yang Menciptakan kesakitan itu dan kekaguman mereka terhadap-Nya.

Manusia seperti mereka sentiasa berada dalam kesenangan dan tidak pernah disentuh oleh suatu kesakitan. Dikatakan, bahawa orang-orang yang baik tidak akan pernah merasa sakit, meskipun sebesar zarah, sementara zarah itu dapat diumpamakan bagaikan semut kecil yang hampir tidak nampak jika dilihat dengan mata kasar. Mereka menghubungkan diri mereka dengan Allah melalui jalur ketaatan, menghubungi makhluk dengan pergaulan yang baik, dan dengan ahli keluarga dengan mengeratkan tali persaudaraan.

Mereka sentiasa dalam kenikmatan dan kesenangan dunia dan akhirat. Di dunia mereka memperolehi nikmat melalui kedekatan kepada Allah dan di akhirat mereka memperolehi nikmat dan kesenangan melalui syurga, melihat kepada Allah, mendengar firman-Nya dan menyandang mahkota-Nya dan memakai segala sesuatu yang dianugerahkan-Nya.

Aduhai kamu...! Kamu tidak termasuk ke dalam golongan mereka. Sibukkanlah dirimu dengan bertaubat daripada dosa-dosamu serta kelancangan dan keburukan perlakuanmu terhadap-Nya. Hendaklah engkau malu terhadap Allah, bukan terhadap manusia atau makhluk lainnya. Dialah yang wujud sebelum wujudnya segala sesuatu. Lantas mengapa kamu malu kepada sesuatu yang baharu, tetapi tetap tebal mukamu (tidak malu) kepada yang Qadim...? Dialah Yang Maha Pemurah, sementara yang lainnya tercela...! Dialah Yang Maha Kaya, sementara yang lainnya miskin...! Kebiasaan-Nya adalah memberi, sedangkan kebiasaan yang lainnya hanyalah menerima dan tidak pernah memberi-Nya.

Kembalikanlah semua keperluanmu kepada-Nya, kerana Dia adalah lebih utama daripada yang lain, yang dibuktikan dengan semua perbuatan-Nya. Peliharalah batas-batas syari'ah dan tetaplah kamu bertakwa

kepada-Nya. Apabila engkau sentiasa bertakwa kepada-Nya, maka Dia akan menunjukkan jalan kepada-Nya, sehingga kamu sibuk dengan-Nya dan jauh daripada yang selain-Nya.

Carilah petunjuk kepada-Nya dan tinggalkanlah dunia dan akhirat, kerana pemilik kedua-duanya itu akan datang kepadamu dan tidak melewatimu. Sikapmu yang meninggalkan selain Allah akan membersihkan hatimu daripada kekotoran. Jika Dia tidak memberi hidayah kepada hatimu untuk menuju kepada-Nya, maka engkau akan seperti binatang ternak yang tidak berakal.

Bangkitlah engkau dari dunia dan pergilah menemui orang yang berakal, kerana akal tersebut menunjukkan kepada Allah. Akal itu mendidikmu, sehingga engkau mengenal dirimu dan Tuhanmu.

Celakalah engkau...! Usiamu semakin berkurangan, sedangkan kamu belum memperolehi pengalaman. Sampai bila engkau akan berpaling dari akhirat dan menghadap kepada dunia...?

Celakalah engkau...! Rezekimu tidak akan dimakan oleh orang lain. Tempatmu di surga atau di neraka tidak akan diduduki oleh orang lain. Kamu telah dikuasai oleh kelalaian dan dikendalikan oleh hawa nafsumu. Semua cita-cita dan keinginanmu hanya tertuju kepada makan, minum, kahwin, tidur dan memenuhi semua keinginan zahiryahmu. Cita-citamu adalah cita-cita orang kafir, cita-cita orang munafik, setelah mengenyangkan perutmu dengan makanan yang halal mahupun yang haram. Sementara hatimu entah berisi agama entah tidak.

Wahai orang faqir...! Penjagamu terdapat di dalam dirimu sendiri. Kematian anakmu seakan-akan kiamat telah melandamu. Tetapi kematian agamamu engkau tidak peduli sama sekali, dan engkau tidak pernah menangisinya. Malaikat yang bertugas menjagamu menangisi engkau kerana melihat kerugian yang telah engkau lakukan terhadap agamamu.

Engkau memang tidak mempunyai akal...! Seandainya engkau ada mempunyai akal, maka sudah pasti engkau akan menangis kerana ketiadaan agamamu, agama yang menjadi modal utama kehidupanmu sementara engkau tidak pernah memanfaatkannya. Akal dan malu adalah modal utama, tetapi engkau tidak pernah menggunakannya dengan baik. Ketahuilah...! Bahawa ilmu yang tidak diamalkan, akal yang tidak pernah terbuka dan kehidupan yang tidak pernah dimanfaatkan, tak ubahnya bagaikan rumah yang tidak berpenghuni, simpanan yang tidak dikenali

atau makanan yang tidak pernah dimakan.

Jika engkau tidak mengetahui apa yang engkau ada padanya, maka aku mengetahuinya. Aku mempunyai cermin syarak, dia adalah hukum yang zahir, dan cermin untuk mengenal Allah adalah merupakan ilmu batinnya. Bangunlah engkau daripada tidur dan kelalaianmu dan basuhlah mukamu dengan air kebangkitan. Kemudian lihatlah dirimu, apakah engkau seorang muslim atau kafir...? Apakah engkau seorang mukmin atau seorang munafik...? Apakah engkau seorang yang bertauhid atau seorang yang musyrik...? Apakah engkau seorang yang riyak atau seorang yang ikhlas...? Apakah engkau seorang yang taat atau seorang yang derhaka...? Apakah engkau seorang yang redha atau atau seorang yang marah...?

Allah Yang Maha Benar itu tidak pernah peduli, apakah engkau seorang yang redha atau seorang yang marah, kerana kerugian atau manfaat daripada semuanya ini akan kembali kepada dirimu sendiri. Maha Sucilah Zat Yang Mulia, Zat Yang Bijaksana dan Utama. Segala-galanya berada di bawah naungan kelembutan dan anugerah-Nya. Seandainya Dia tidak bersifat Belas Kasihan kepada kita, nescaya Dia akan menghancurkan kita. Seandainya setiap orang daripada kita menerima balasan yang sebenarnya terhadap apa yang kita lakukan, maka kita semua akan binasa.

Wahai hamba...! Engkau bermohon kepada Allah dengan ibadahmu yang bercampur dengan kelalaianmu, serta sifat riya' dan kemunafikanmu. Sedangkan engkau memohon kemuliaan-Nya untuk dirimu, mendekati orang-orang yang soleh dalam kerosakanmu. Apakah yang ada pada dirimu, padahal mereka sentiasa mengingati Allah dan pengakuan kemakrifatan mereka.

Wahai orang-orang yang melarikan diri...! Wahai orang-orang yang sesat...! Wahai orang-orang yang keluar daripada lingkaran orang-orang yang ikhlas dan mentauhidkan Allah...! Celakalah kamu...! Menangislah kamu sehingga Dia menangis bersamamu. Duduklah ketika kamu mendapat musibah dan kenakanlah baju dukamu sehingga Dia duduk bersamamu. Engkau adalah orang yang terhalang, sedangkan berita tidak sampai kepadamu.

Sebahagian orang soleh berkata:

"Celakalah bagi orang-orang yang terhalang. Namun sesungguhnya mereka tidak mengetahui, bahawa mereka adalah orang yang terhalang."

Celakalah kamu...! Apakah yang ada di hatimu...? Apakah yang engkau fikirkan...? Kepada siapakah engkau mengadu..? Kepada siapakah kamu meminta pertolongan...? Bersama siapakah engkau tidur...? Apabila kamu ditimpa kesusahan dan kesulitan, kepada siapakah kamu bersandar...? Ceritakanlah kepadaku. Sesungguhnya aku mengetahui pembohongan dan kemunafikanmu. Bagiku, engkau dan semua manusia tak ubahnya bagaikan kepinding. Jika ada seorang yang benar di antara kamu, maka aku mengetahuinya dan aku melayaninya. Jika dia bermaksud hendak membawaku ke pasar, maka juallah aku, atau jadikanlah aku sebagai hamba. Maka hendaklah kamu melakukannya.

Jika salah seorang di antara kamu bermaksud hendak mengambil pakaianku atau apa yang ada padaku, atau menyuruhku sehingga aku terpaksa mengemis, maka hendaklah dilakukannya. Namun begitu, engkau bukan orang yang benar, tiada tauhid dan keimanan padamu. Apakah usaha yang sudah engkau lakukan untuk menanggulangi kesulitan ini. Engkau tak ubahnya bagaikan kayu yang lapuk, yang tidak layak digunakan untuk apapun, kecuali untuk api.

Wahai bangsaku...! Dunia ini akan pergi, keramaian ini akan menghilang, sementara akhirat sudah semakin dekat kepada kamu. Apakah cita-citamu dalam menghadapi semuanya ini...? Sungguh malang sekali, cita-citamu hanya tertumpu kepada dunia dan mengumpulkan isinya. Kamu memusuhi kenikmatan yang sudah dikurniakan Allah kepadamu. Jika engkau menemui keburukan padanya, maka engkau nyatakan dan engkau perlihatkan. Sebaliknya, apabila engkau memperolehi kebaikan daripadanya, maka engkau sembunyikan. Jika kamu menyembunyikan nikmat Allah dan tidak mensyukurinya, maka nikmat itu akan pergi daripada kamu.

Diriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

إِذَا أَنْعَمَ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ عَلَى عَبْدِهِ نِعْمَةً أَحَبَّ أَنْ تُرَى عَلَيْهِ.

Ertinya:
"Jika Allah memberikan suatu kenikmatan kepada hamba-Nya, maka Dia lebih suka jika nikmat itu diperlihatkan."

(Hadis Masyhur)

Kaumku ini mempunyai satu cita-cita, mengeluarkan segala sesuatu dari hati mereka, dan meninggalkan satu hal saja, tidak banyak. Mereka

membersihkan ibadah mereka daripada riya', munafik dan menunjuk-nunjukkannya. Mereka merealisasikan ibadah mereka kepada Allah, sedangkan kamu adalah orang yang menghambakan diri kepada manusia, hamba riya' dan kemunafikan, hamba hawa nafsu, pencari keuntungan dan sanjungan.

Tidak ada seorang pun di antara kamu yang beribadah dengan benar kepada Allah, kecuali orang-orang yang dikehendaki-Nya. Ia hanya akan diperolehi oleh seorang daripada beberapa orang. Ada di kalangan mereka yang menghambakan diri kepada dunia, mencintai kelanjutannya dan takut akan kehilangannya. Sementara kalangan lain pula menghambakan diri kepada manusia, takut dan berharap kepada manusia. Segolongan yang lain pula ialah kelompok yang menghambakan diri kepada syurga, mengharapkan kenikmatan yang ada padanya dan tidak mengharapkan Yang Menciptakannya. Sedangkan yang lain pula adalah kelompok manusia yang menghambakan diri kepada nereka, takut kepada neraka itu tetapi tidak takut kepada Yang Menciptakannya.

Apakah manusia ini...? Apakah erti syurga...? Apakah erti neraka dan segala sesuatu selain Dia...? Allah berfirman, yang berbunyi:

وَمَآ أُمِرُوٓاْ إِلَّا لِيَعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مُخۡلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ ...

Ertinya:
"Dan tiadalah mereka disuruh, kecuali menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan (ikhlas) kepada-Nya dalam menjalankan agama."

(Al-Bayyinah: 5)

Seseorang yang mengenal dan mengerti tentang Allah, akan beribadah kepada-Nya, untuk-Nya, bukan untuk selain-Nya. Mereka memberikan hak ketuhanan dan penghambaan dengan beribadah kepada-Nya, menurut perintah-Nya, mencintai-Nya, bukan kepada pengertian yang lain. Mereka meminta pertolongan kepada-Nya, bukan kepada yang selain-Nya. Mereka meninggalkan segala sesuatu selain daripada Allah.

Kamu hanya patung tanpa nyawa. Kamu melakukan yang zahir sedangkan mereka mengamalkan yang batin. Kamu merupakan suatu yang nyata, sedangkan mereka adalah merupakan suatu yang batin. Kamu secara terang-terangan, sedangkan mereka secara rahsia.

Kaum itu merupakan kelompok para Anbiya' dari segi keimanan, tabiat dan langkah mereka, dan di belakang mereka tersisa makanan dan minuman milik mereka. Mereka beramal dengan semua ilmu para Nabi, sehingga sahihlah pewarisan mereka daripada Nabi. Sehubungan dengan ini Rasulullah s.a.w. bersabda:

اَلْعُلَمَاءُ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ.

Ertinya:
"Para ulama adalah pewaris para Nabi."

Jika mereka mengamalkan ilmu para Nabi, maka mereka akan menjadi khalifah dan pewaris para Nabi.

Celakalah kamu...! Janganlah engkau datang dengan membawa ilmu semata-mata. Sebagaimana suatu pengakuan, ia tidak akan bererti tanpa suatu bukti, dan suatu ilmu itu tidak akan bermanfaat jika tidak diamalkan. Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

يَهْتِفُ الْعِلْمُ بِالْعَمَلِ فَإِنْ أَجَابَهُ وَإِلَّا ارْتَحَلَ.

Ertinya:
"Suatu ilmu itu akan bersuara dengan amalan jika ia memperkenan-kannya, jika tidak maka ia akan pergi."

Hilanglah keberkatannya dan yang tinggal hanyalah catatannya saja. Hilanglah isinya, dan yang tinggal hanya kulitnya. Wahai orang yang tidak mengamalkan ilmunya...! Salah seorang di antara kamu pintar bersyair, berpuisi, bersajak dan berseloka tentangnya, sedangkan dia tidak mempunyai amal dan keikhlasan.

Seandainya hatimu bersih, maka akan bersihlah semua anggota badanmu, kerana hati itu adalah merupakan raja bagi semua anggota badan. Jika sang raja bersih, maka akan bersihlah semua rakyatnya. Ilmu adalah kulit, dan intisarinya adalah amal. Semestinya kulit luar itu terjaga sehingga isinya pun terjaga, demikian juga dengan isi tersebut, ia akan terjaga jika dia dapat mengeluarkan saripatinya. Jika dalam suatu kulit tidak terdapat isi, apakah yang dapat dilakukan dengannya...? Demikian juga jika isi itu tidak mempunyai saripati, apakah yang akan dilakukan terhadapnya...?

Ilmu itu mungkin akan hilang, jika pengamalannya juga hilang.

Apakah yang akan bermanfaat bagimu, jika kamu hanya menghafal dan mempelajari tanpa mengamalkannya...? Wahai orang alim...! Jika kamu menghendaki kebaikan dunia dan akhirat, maka beramallah engkau dengan ilmu yang engkau miliki dan ilmu manusia. Wahai orang kaya...! Jika engkau mengingini kebaikan dunia dan akhirat, maka berikanlah harta milikmu kepada orang-orang faqir dan miskin. Diriwayatkan, bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersada, yang berbunyi:

اَلنَّاسُ عِيَالُ اللهِ وَأَحَبُّ النَّاسِ إِلَى اللهِ عَزَّ وَجَلَّ اَنْفَعُهُمْ لِعَيَالِهِ.

Ertinya:

"Sesungguhnya manusia itu adalah keluarga Allah. Sedangkan manusia yang dicintai oleh Allah 'Azza Wa Jalla adalah orang yang paling bermanfaat bagi keluarganya."

(Telah dijelas darjat hadis ini)

Maha Sucilah Allah, Zat yang menjadikan keperluan bagi suatu pihak kepada pihak yang lain. Untuk semuanya itu Dia menciptakan suatu hukum.

Wahai orang kaya yang menjauhkan diri daripadaku...! Sesungguhnya yang aku ambil daripadamu adalah untuk dirimu sendiri. Akan datanglah kepadaku kebaikan daripada Allah, dan menjadikan aku tidak memerlukan kamu, sedangkan kamu sangat memerlukan aku.

Katika Nabi Ibrahim melihat betapa rendahnya kesabaran orang miskin, beliau berdoa:

"Ya Allah...! Lapangkanlah kami di dalam dunia beserta kezuhudan kepadnya. Janganlah Engkau himpunkan dia untuk kami sehingga kami terpedaya dan hancur kerana memburunya.

Ya Allah...! Kasihanilah kami dalam qadha' dan Qadar-Mu...!"

Majlis 30

Beruntunglah Orang Yang Mengenal Nikmat Allah

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad, 16 Jamadilakhir 545H.

WAHAI...! Alangkah beruntungnya seseorang yang mengakui dan mengenal nikmat Allah dan menyandarkan segala sesuatunya kepada-Nya, menelanjangi dirinya daripada segala sebab-musabab dan daya upayanya. Seorang yang berakal, ialah orang yang tidak menghitung amal kebaikan yang telah dilakukanya kepada Allah dan tidak pernah mengharap balasan Allah atas semua yang kebaikan yang sudah dilakukannya.

Celakalah kamu...! Kamu menyembah Allah tanpa ilmu pengetahuan mengenaianya. Engkau berzuhud tanpa mengetahui tentang kezuhudan itu. Perbuatanmu itu adalah merupakan hijab di dalam hijab, kemurkaan di dalam kemurkaan.

Kamu tidak dapat membezakan antara kebaikan dengan keburukan. Kamu tidak mampu membezakan antara sesuatu yang mendatangkan keuntungan dengan sesuatu yang mendatangkan kerugian.. Bahkan kamu juga tidak dapat membezakan siapa temanmu dan siapa musuhmu.

Semuanya itu terjadi kerana kejahilanmu terhadap hukum-hakam Allah dan keengganmu mendekati dan melayani para guru (mursyid). Ketahuilah, bahawa para guru amal dan guru ilmu akan menunjukkan engkau jalan menuju Allah. Langkah tahap pertama ialah dengan perkataan, dan pada langkah kedua ialah dengan mengamalkan. Dengan

cara ini, engkau akan bertemu dengan Allah. Seseorang itu tidak akan bertemu dengan-Nya, kecuali dengan ilmu dan zuhud di dalam dunia, berpaling daripada dunia dan segala isinya ini dengan hati dan geraknya.

Seseorang yang zuhud akan mengeluarkan dunia ini dari dalam hatinya. Mereka berzuhud di dalam dunia dengan hatinya, sehingga kezuhudan itu menjadi tabiat bagi mereka, merasuk ke dalam diri mereka, baik zahir mahupun batin. Memadamkan bara tabiatnya dan meremukkan nafsu serakahnya, menenteramkan jiwa dan mengubah keburukan mereka.

Wahai hamba...! Zuhud ini bukanlah suatu kelakuan yang boleh terjadi dengan dibuat-buat. Sikap ini bukanlah sesuatu yang dapat engkau ambil dengan sesuka hatimu, kemudian engkau lemparkan pula dengan sesuka hatimu. Tetapi ialah suatu garis pemikiran yang bermula daripada pandangan terhadap wajah dunia. Kemudian engkau melihatnya dalam bentuknya sesuai dengan pandangan orang-orang yang telah mendahului kamu, yang terdiri daripada para Nabi dan Rasul, para wali dan wali abdal, yang tidak pernah lepas daripada Allah al-Haq walaupun seketika.

Pandanganmu kepada dunia akan menjadi benar dengan mengikut pandangan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, baik dalam ucapan mahupun perbuatan. Jika engkau mengikut mereka, maka engkau akan melihat apa yang pernah mereka lihat. Jika engkau mengikut jejak suatu kaum dalam ucapan dan perbuatan, dalam kesepian dan keramaian, dalam berilmu dan mengamalkannya, maka engkau akan serupa dengan mereka.

Secara tegasnya dapat dikatakan, bahawa engkau berpuasa menurut cara mereka berpuasa, engkau melakuan solat sebagaimana mereka melakukan solat, engkau mengambil dunia sebagaimana mereka mengambilnya, engkau meninggalkan dunia sebagaimana mereka meninggalkannya, dan dalam masa yang sama engkau juga mencintai mereka.

Pada ketika itu, Allah akan memberimu suatu cahaya, yang dengannya engkau akan mampu melihat dirimu sendiri dan orang selain engkau, dan nyata bagimu semua kekurangan dirimu dan kekurangan manusia selain engkau. Oleh itu, berzuhudlah engkau dalam dirimu sendiri dan dalam semua manusia. Jika hal itu telah engkau lakukan dengan benar, maka akan datanglah cahaya taqarrub ke dalam hatimu, sehingga jadilah engkau seorang mukmin yang yakin, yang mengenal Allah dan yang

alim, sehingga engkau mampu melihat segala-galanya dalam bentuk dan perwujudannya yang hakiki.

Engkau memandang dunia sebagaimana pandangan para zahidin terdahulu, yakni zahidin yang berpaling dari dunia. Engkau akan melihatnya dalam bentuk yang sangat tua, buruk dan menjijikkan untuk dipandang. Demikianlah dunia dalam pandangan para zahidin tersebut, sedangkan dalam pandangan para raja, dunia ini tak ubahnya bagaikan seorang pengantin yang cantik dengan pakaian yang serba indah sehingga sejuk mata memandang.

Menurut para zahidin, dunia ini adalah hina dan rendah, mereka bakar rambut dunia dan mereka koyakkan baju dunia ini dan mereka cakar-cakar mukanya. Mereka mengambil bahagian mereka di dunia kerana terpaksa, dan dengan terlebih itu mereka mesti menyumbat hidung dunia yang berlubang. Mereka berada dalam persahabatan akhirat.

Wahai hamba...! Jika kezuhudanmu terhadap dunia ini sudah benar. Maka berzuhudlah engkau dalam semua usahamu dan dalam semua manusia. Janganlah engkau takut dan berharap kepada mereka. Janganlah engkau terima dan engkau taati semua yang diperintahkan oleh nafsumu, kecuali setelah datang perintah Allah, yang biasanya perintah itu akan masuk ke dalam hatimu melalui ilham atau mimpi untuk lari dan berpaling daripada semua manusia. Meskipun sekujur tubuhmu diam dan kaku sehingga engkau tidak mampu untuk mengungkapkannya, namun hal ini tidak akan membahayakan engkau. Kerana ungkapan itu akan hadir melalui ketenangan hati. Inilah ujian yang amat berat.

Tiada ketenangan bagimu hingga engkau mampu mematikan nafsumu, hawamu, tabiatmu dan segala sesuatu yang ada pada dirimu selain daripada Tuhanmu. Dalam keadaan seperti ini, engkau hidup dengan kedekatan kepada-Nya. Engkau mati, kemudian engkau dibangkitkan. Kemudian jika dikehendaki-Nya, maka engkau akan disebar luaskan dan dikembalikan kepada manusia, agar engkau memberi nasihat kepada mereka berkenaan dengan kemasalahan mereka dan mengembalikan mereka ke pintu gerbang Allah.

Allah akan mendatangkan ke dalam jiwamu kecenderungan kepada dunia dan akhirat, agar engkau dapat meraih bahagianmu dari kedua-duanya. Didatangkan kepadamu kekuatan untuk menghadapi kekerasan manusia, agar engkau mengembalikan mereka dari jalan kesesatan

sehingga mereka mematuhi perintah-Nya. Jika engkau tidak dikehendaki berbuat demikian, maka di dalam kedekatan-Nya kepadamu, engkau akan mendapat atau memperolehi kecukupan dan kebebasan membuat pilihan untuk menjauhi selain Dia.

Apakah engkau akan menerima seorang manusia, setelah engkau menemui Penciptanya...? Yakni Yang Maha Menciptakan segala sesuatu sebelum semuanya ini ada. Dialah Yang Wujud sebelum kewujudan segala sesuatu ini, dan Dia jugalah yang Mewujudkan segala sesuatu ini. Dia Yang Wujud setelah wujudnya segala sesuatu ini. Dosa-dosa kamu bagaikan air hujan, maka bertaubatlah engkau sebagai pengimbangi dosa-dosamu itu.

Celakalah engkau...! Kamu sombong, angkuh, pengikut syahwat, pengikut hawa nafsu. Engkau hanya pandai berkata-kata saja. Pandanglah olehmu kubur-kubur yang bertaburan di permukaan bumi ini, berbicaralah engkau kepada penghuninya dengan bahasa iman, maka mereka akan menceritakan kepada engkau tentang keadaan mereka.

Wahai hamba...! Engkau mengaku mengharap kepada Allah dan para wali-Nya. Sedangkan aku akan memanggilmu - bukan untuk mengujimu - tetapi untuk membuat perhitungan ke atasmu dengan izin Yang Maha Haq.

Aku telah mematahkan tuduhan orang-orang munafik dan orang yang berdusta dengan perkataan dan perbuatan mereka. Aku telah mengadakan perhitungan berulang-ulang kali terhadap para guru. sehingga perhitungan yang aku buat itu benar-benar menepati sasarannya.

Wahai penduduk bumi...! Kamu telah mencampurkan amalmu tanpa garam. Bangkitlah kamu, dan bubuhlah garam padanya. Wahai penjual garam ke marilah kamu.

Wahai orang munafik...! Adukan rotimu tanpa garam. Adukan rotimu itu juga memerlukan ragi. Raginya ialah ilmu, dan garamnya ialah keikhlasanan. Wahai orang munafik...! Kamu adalah orang yang diaduk dengan kemunafikan itu sendiri. Dalam waktu dekat, kemunafikanmu akan berubah menjadi api yang akan membersihkan hatimu daripada kerosakan sehingga ia benar-benar bersih. Jika hatimu itu telah bersih, maka akan bersihlah semua anggota badanmu.

Hati adalah penjaga bagi semua anggota badan, maka apabila dia telah lurus, maka akan luruslah semuanya. Jika hati dan semua anggota badan itu telah bangkit, maka akan sempurnalah permasalahan dan

urusan orang mukmin. Jadilah ia selaku penggembala keluarganya, jiran dan semua penduduk negerinya. Naiklah kedudukannya seiring dengan kedudukan iman dan kedekatannya kepada Tuhannya.

Wahai kaumku...! Bergaullah engkau dengan baik bersama Allah, takutlah engkau kepada-Nya, dan beramallah dengan hukum-Nya, kerana kamu telah diberi-Nya tugas untuk beramal dengan hukum-Nya, menyibukkan diri dengan ketentuan yang sudah ditetapkan bagi kamu.

Beramallah kamu dengan hukum dan ketentuan ini dan tunaikanlah hak-Nya. Jika kamu mengamalkannya, bererti engkau telah melakukannya kemudian engkau ambil dan engkau masukkanlah kepada Zat yang engkau beramal dengannya, sehingga engkau dapat memohon syafaat daripada-Nya dengan suatu ilmu yang tidak pernah engkau pelajari, sehingga engkau akan sentiasa bersama-Nya dengan ilmu-Nya dan bersama makhlukNya dengan hukum-Nya. Dengan amal yang pertama engkau mengharapkan yang kedua. Jika langkah pertamamu itu sudah kukuh, maka ambillah langkah yang kedua.

Wahai hamba..! Apakah yang engkau temui...? Bagaimanakan engkau menemui seorang guru...? Kembalilah engkau ke belakang dan berfikirlah. Raihlah suatu ilmu dan amalkanlah dengan ikhlas. Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

تَفَقَّهْ ثُمَّ اعْتَزِلْ.

Ertinya:
"Kuasailah (lebih dahulu suatu ilmu), kemudian mengasingkan dirilah."

(Ini adalah kata-kata Ar-Rabi'e Ibn Haitham, dan bukanlah hadis)

Orang mukmin adalah orang yang mempelajari apa yang wajib atas dirinya, kemudian ia mengasingkan diri daripada manusia, ia menyendiri untuk beribadah kepada Tuhannya. Kenalilah manusia, kemudian bencilah mereka. Kenalilah Allah kemudian cintailah Dia, selanjutnya beramal dan berkhidmat kepada-Nya. Dengan demikian, makhluk akan mengikutnya, kemudian dia menjauhkan diri dan lari untuk mencari yang lain dan senang terhadap yang lain selain daripada mereka itu.

Dia sedar bahawa tidak akan ada mudarat dan manfaat atau kebaikan dan keburukan di tangan mereka, kerana semuanya itu berasal daripada

Allah, bukan daripada mereka. Dengan demikian, akan nyatalah bahawa menjauhi mereka lebih baik daripada mendekati mereka. Dia kembali kepada pokoknya, dan meninggalkan cabang-cabangnya, kerana mereka sedar cabang itu banyak, sedangkan Pokok itu hanya satu. Maka berpegang teguhlah mereka dengan-Nya.

Lihatlah dalam cermin pemikiranmu, maka engkau akan berpendapat bahawa berhenti di hadapan sebuah pintu itu adalah lebih baik daripada berhenti di hadapan beberapa buah pintu. Maka berhentilah dia pada pintu yang satu itu serta berpegang teguh dengannya. Seorang mukmin itu yakin, ikhlas dan berakal, benar-benar telah diberi akal yang baik, kerana itu ia lari daripada manusia dan mengasingkan diri daripada mereka.

Majlis 31

Kemarahan Yang Terpuji dan Yang Tercela

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Selasa, 18 Jamadilakhir, 545H.

SUATU kemarahan yang dilakukan kerana Allah, maka ia adalah kemarahan yang terpuji. Tetapi jika kemarahan itu dilakukan kerana yang lain, maka ia adalah kemarahan yang tercela. Seorang mukmin akan marah kerana Allah, bukan kerana dirinya sendiri. Marah kerana menolong agamanya, bukan kerana menolong dirinya sendiri.

Seorang mukmin akan marah kerana batas-batas (hadd) Allah dilangkah oleh manusia, sebagaimana marahnya seekor harimau apabila seseorang mengambil anaknya. Dengan demikian, maka kemarahan Allah itu akan selaras dengan kemarahannya dan redha Allah selaras dengan redha-Nya. Janganlah engkau menampakkan kemarahanmu seolah-olah engkau marah kerana Allah, padahal yang sebenarnya engkau marah kerana dirimu sendiri, kerana perbuatan itu adalah merupakan suatu kemunafikan atau sikap-sikap yang sejenis dengannya.

Ingatlah...! Bahawa segala sesuatu yang disandarkan kepada Allah itu adalah bersifat sempurna, abadi dan sentiasa bertambah. Sedangkan sesuatu yan disandarkan kepada makhluk akan sentiasa berubah dan sirna. Oleh yang demikian, jika engkau mengerjakan suatu perbuatan, hilangkanlah nafsu, hawa dan syaitanmu daripada perbuatan itu. Janganlah engkau melakukan sesuatu, kecuali dengan perintah yang berpunca dari Allah, yang bolehjadi melalui syariah atau suatu ilham dari

Allah yang dimasukkan ke dalam hati dan sesuai dengan syari'ah.

Zuhudlah engkau terhadap dirimu sendiri, makhluk manusia dan dunia keseluruhannya, sehingga engkau akan terlepas daripada semua manusia. Sehingga engkau akan merasa tenang dengan ketenteraman yang dikurniakan Yang Maha Haq dan dengan kedekatan kepada-Nya. Tiada ketenteraman kecuali ketenteraman bersama Allah, dan tiada ketenangan kecuali ketenangan bersama-Nya, setelah engkau membersihkan dirimu daripada kekotoran nafsu, syahwat dan kewujudanmu.

Hendaklah engkau berada bersama kaum (para zahidin) itu sehingga engkau menjadi tenang bersama ketenangan mereka, memandang dengan pandangan mereka dan engkau akan dibanggakan sebagaimana mereka dibanggakan. Dibanggakan dirimu oleh Maha Raja terhadap para hambanya. Bersihkanlah hatimu daripada selain Allah, kerana dengan kebersihan itu engkau akan melihat selain Allah. Secara umumnya dapat dikatakan, bahawa kamu melihat-Nya, kemudian dengan itu engkau akan melihat perbuatan-Nya terhadap manusia. Sebagaimana halnya dirimu tidak akan mungkin masuk ke dalam istana para raja dengan keadaan badan yang berlumuran najis. Begitu pulaha engkau tidak akan dapat memasuki istana Maha Raja dengan keadaan batinmu yang berlumuran najis.

Engkau tak ubahnya bagaikan bejana yang berisi minyak yang keruh. Apakah yang engkau perbuat dengan dirimu dalam keadaan demikian...? Perbaikilah apa yang ada di dalam dirimu dan bersihkanlah, kemudian barulah engkau menghadap kepada Yang Maha Berkuasa. Dalam hatimu terpendam kederhakaan, perasaan takut kepada manusia, bergembira bersama mereka mencintai dunia serta isinya. Semuanya itu merupakan najis yang melekat di dalam hati.

Tidak perlu lagi pembicaraan hingga engkau mampu membunuh nafsumu dan membawanya ke suatu gerbang yang mampu menghidup-kan kembali kebenaranmu. Dalam keadaan seperti ini, tiada halangan bagimu untuk mendekati manusia. Bagaimanapun, selama engkau memiliki perwujudan yang sama dengan mereka, dan engkau melihatnya, maka janganlah engkau menghulurkan tanganmu kepada manusia, sehingga mereka mahu menerima tanganmu yang dihulurkan itu dengan kemahuan mereka. Tidak ada yang perlu diperbincangkan lagi, hingga engkau mendapati sesuatu yang mencengangkan dengan kedekatan

kepada-Nya. Dengan demikian engkau memperolehi kesibukan dari mereka, dan penerimaan mereka terhadap huluran tanganmu, daripada pemberian, pencegahan, sanjungan dan celaan mereka.

Apabila taubatmnu itu sudah dianggap sah, maka akan sah jugalah imanmu dan imanmu itu akan terus bertambah. Menurut para ahl al-Sunnah, sesungguhnya iman itu dapat berkurang dan bertambah. Ia akan bertambah dengan ketaatan dan akan berkurang dengan kederhakaan. Bagaimanapun, pandangan seperti ini hanya berlaku di kalangan masyarakat awam. Sedangkan bagi orang yang sudah berada pada tingkat khusus, bertambahnya iman mereka terjadi dengan melepaskan manusia dari hati mereka, dan iman mereka akan berkurang dengan memasukkan manusia ke dalam hati mereka.

Selain itu, iman mereka juga akan bertambah kerana tenangnya mereka bersama Allah, dan akan berkurang kerana mereka merasa tenang dengan manusia. Mereka (orang-orang khusus itu) menyerahkan diri kepada Tuhan mereka, mencari kekuatan dengan-Nya, bersandar atau menggantungkan harapan kepada-Nya, kembali kepada-Nya, untuk mereka mengesakan-Nya dan kepada-Nya mereka bergantung. Mereka tidak mempersekutukan-Nya. Kepada semuanya itulah hati mereka terpikat. Tauhid mereka tersimpan di dalam hati, meskipun secara zahir-nya mereka tetap bergaul dengan manusia. Jika mereka dikatakan bodoh, maka mereka tidak akan membalas dengan mengatakan engkau bodoh. Allah berfirman untuk mereka, kata-Nya:

وَإِذَا خَاطَبَهُمُ ٱلْجَٰهِلُونَ قَالُوا۟ سَلَٰمًا ﴿٦٣﴾

Ertinya:
"...dan apabila orang-orang jahil menyapa mereka, mereka mengucapkan kata-kata (yang mengandungi) keselamatan."

(Al-Furqan: 63)

Hendaklah engkau diam dan bersabar atas kebodohan orang-orang yang bodoh, luapan naluri, nafsu dan sifat ke "aku" an mereka.. Akan tetapi jika mereka melakukuan suatu kederhakaan kepada Allah, janganlah engkau berdiam diri, kerana hal itu adalah sesuatu yang diharamkan. Berbicara kepada mereka adalah suatu ibadah, dan membiarkan mereka adalah merupakan suatu kederhakaan. Jika engkau mampu untuk menyuruh mereka melakukan kebaikan dan melarang mereka melakukan

kemungkaran, maka janganlah engkau tunda-tunda lagi, kerana perbuatan itu adalah suatu pintu kebaikan yang terbentang di hadapanmu. Oleh itu segeralah engkau masuk ke dalamnya.

Sesungguhnya Nabi Isa a.s. hanya makan daripada rumput-rumput yang tumbuh di padang pasir, dan minum dari air anak sungai, berlindung ke dalam gua-gua atau rumah yang sudah rosak. Jika tidur, beliau hanya berbantalkan batu dan lengannya. Seorang mukmin akan melakukan semua ini dan berharap untuk dapat menemui Tuhannya dalam pengembaraan ini.

Selanjutnya, jika dia mempunyai bahagian atas duniawi, maka bahagiannya itulah yang akan mendatanginya, kemudian beliau memakainya untuk badan lahir dan untuk memenuhi tuntunan jiwanya, sementara hatinya tetap bersama Allah, sebagaimana pada langkah pertama, pendiriannya tidak pernah berubah. Kerana suatu kezuhudan, jika ia telah tertanam di dalam hati, maka ia tidak akan berubah dengan datangnya dunia dan sikap beliau yang mengambil bahagiannya di dunia.

Apabila seorang mukmin mencintai dunia, mencintai masyarakatnya, kesenangannya dan kelazatannya, maka dia tidak akan terlepas daripadanya, walaupun hanya seketika. Ia akan selalu bersamanya baik siang atau malam sehingga dia tidak sempat beribadah atau beramal atau mengingat Allah atau taat kepada Allah. Kemudian Allah memperlihatkan cacat-cela dirinya, maka dia bertaubat dan menyesali dunia dan atas semua kesalahan yang sudah dilakukannya pada hari-hari yang sudah dilaluinya.

Dan dia memperlihatkan cacat-cela dunia dengan perantaraan Kitab Allah, sunnah Rasul dan pelajaran yang diperolehinya daripada para guru, maka timbullah kezuhudan daripadanya. Sebaik saja dia melihat suatu cela, maka dia pun mengetahui cela yang lain sehingga dia sedar bahawa dunia ini rosak.

Usianya ini hanya dalam waktu yang pendek. Kenikmatannya nescaya akan musnah, kebaikannya juga akan berubah, berwatak jahat dan tangannya selalu mempunyai keinginan untuk membunuh. Perkataan-nya selalu berbisa yang memang merupakan pewarisan keturunan.

Tiada tempat baginya untuk kembali, tiada dasar dan tiada janji. Berdiri di dalamnya laksana membangun di atas air, tidak mungkin dia memperolehi ketenangan kerana air itu sentiasa berkocak dan berputar. Kemudian dia naik satu tingkat dan mengukuhkan kedudukannya pada

tingkat itu, lantas dia mengenal Allah. Lalu dia pun tidak juga menjadikan akhirat sebagai sesuatu yang boleh menenangkan hatinya, malahan dia menjadikan kedekatan kepada Allah untuk menenangkan hatinya, untuk dunianya dan untuk akhiratnya.

Di sana dia membangunkan sebuah rumah untuk hati dan batinnya. Pada tahap ini tidak akan berbahaya kepadanya keramaian dunia, meskipun di dunia ini dibangun seribu rumah, kerana semuanya itu dibangun untuk yang lain, bukan untuk Allah. Dia menurut perintah Allah, menurut garis ketentuan qadha' dan qadar-Nya, yang ditunjuk-kannya dalam sikap pelayanannya terhadap manusia, memberikan kesenangan kepada mereka, memberikan cahaya bagi kegelapan, ia juga menyediakan masakan dan roti untuk mereka, yang kesemuanya ini tidak pernah dimakannya walau sedikit pun.

Dia mempunyai makanan yang khusus untuknya, yang orang lain tidak ikut makan bersamanya. Maka ia menjadi berbuka di hadapan makanan Allah, dan merupakan orang yang berpuasa terhadap makanan dari selain Allah. Seorang yang zuhud selalu berpuasa daripada makan dan minum. Sementara para arifin sentiasa berpuasa daripada apa yang dikenalnya. Dia selalu kelaparan, tidak makan daripada selain daripada makanan yang diberikan kepadanya oleh tabibnya. Penyakitnya adalah jauh daripada Allah, sedangkan ubatnya ialah dekat kepada-Nya

Puasa orang-orang zuhud adalah siang hari, sementara puasa para arifin adalah siang dan malam. Para arifin tidak pernah berbuka daripada puasa mereka hingga mereka bertemu dengan Allah. Puasa arifin adalah puasa abadi selama mereka dilindungi. Mereka berpuasa dengan hatinya dan terjaga dengan batinnya. Mereka sedar bahawa penawarnya adalah pertemuan mereka dengan Allah dan kedekatan kepada-Nya.

Wahai hamba...! Jika engkau menginginkan kebahagiaan, maka keluarkanlah manusia dari hatimu. Janganlah engkau takut (khauf) dan berharap (raja') kepada mereka. Janganlah engkau merasa tenteram dengan mereka dan jangan pula merasa tenang dengan mereka. Segeralah engkau berlari daripada semuanya itu. Jijiklah kamu kepada mereka, seakan-akan mereka adalah mayat yang sudah kering.

Jika semua ini telah engkau lakukan dengan benar, maka akan hadirlah ketenangan ketika engkau berzikir kepada Allah dan gementar ketika mengingati selain daripada-Nya.

Majlis 32

Laksanakan Perintah Allah dan Jauhilah Larangan-Nya

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat, 21 Jamadilakhir 545H

LAKSANAKANLAH semua perintah Allah, dan jauhilah semua larangan-Nya. Sabarlah menerima semua cubaan dan ujian-Nya dan mendekatlah engkau kepada-Nya dengan amalan-amalan sunat, sehingga engkau disebut sebagai seorang yang bangkit, orang yang beramal dan mencari pertolongan daripada Tuhan-mu dengan kesungguhan dan usahamu meninggalkan semua tuntutan keduniaan untuk datang ke pintu gerbang amal, sedangkan itu adalah perbuatan yang akan menjadi amalan bagimu.

Bermohonlah engkau dan berhina-dinalah di hadapan-Nya sehingga dipersiapkan bagimu jalan untuk ketaatan. Kerana jika dia menghendakimu untuk melakukan sesuatu itu, maka Dia akan mempersiapkan dirimu untuk itu. Dia benar-benar telah menyuruhmu, dan hendaklah engkau segera melakukannya, sedangkan Dia akan memberi pertolongan untukmu dalam melaksanakan perintah itu. Secara zahiryahnya hanya terlihat adanya perintah, tetapi secara batin Dia akan memberi pertolongan. Pencegahan dari kederhakaan itu adalah secara zahiryah, sementara batinnya adalah wujudnya perlindungan.

Dengan pertolongan-Nya engkau bergantung, dengan pertolongan dan penjagaan-Nya engkau tinggal, dan dengan kekuatan-Nya engkau bersabar. Hadirlah engkau di sisiku dengan fikiranmu, keteguhanmu, niat dan tujuanmu. Hilangkanlah buruk sangkamu kepadaku dan berbaik

sangkalah engkau terhadapku. Apabila kamu telah benar-benar memanfaatkan apa yang aku ucapkan dan memahami semua pengertiannya.

Wahai orang yang bersangka buruk kepadaku...! Kelak akan kujelaskan kepadamu, bahawa semua yang aku lakukan bukanlah untuk keuntunganku sendiri, kerana aku telah memaksa dan menaklukkan hatimu. Beban berat dunia berada di atas kepalaku, sedangkan beban berat akhirat berada di dalam hatiku, sementara beban berat Allah al-Haq berada di dalam batinku. Apakah ada seseorang di antara kamu yang akan membantuku...? Barangsiapa di antara kamu yang ingin berbuat baik, maka tampillah ke hadapanku, gerakkaanlah kepalamu dan pujilah Allah.

Aku tidak memerlukan pertolongan daripada siapapun, selain daripada Allah. Berfikirlah kamu dan berakhlak baiklah kamu kepada kaum ini (para zahidin) kerana merekalah yang mencabut semua kerosakan kamu serta menjadi pelita bagi bangsa dan manusia pada umumnya. Kerana merekalah bumi ini dipelihara. Kalau tidak, apakah bumi ini akan diperlihara dengan kemunafikan, keriyakan dan kesyirikan...? Wahai orang munafik...! Wahai musuh-musuh Allah dan Rasul-Nya, wahai orang yang menerangi jalan ke neraka.

Ya Allah...! Terimalah taubat kami dan taubat mereka...! Ya Allah...! Bangkitkanlah kami bersama mereka, kasihanilah kami dan mereka...! Kosongkanlah jiwa dan tubuh kami daripada selain Engkau. Jika memang dimestikan, maka biarkanlah anggora badan kami ini untuk ahli keluarga kami dalam urusan dunia, sedangkan jiwa kami untuk akhirat, manakala hati dan batin kami untuk Engkau. Amin...!

Wahai hamba...! Engkau tak mampu menciptakan sesuatu, sedangkan engkau mesti berusaha untuk menciptakannya. Engkau tidak akan mampu untuk mendatangkan sesuatu tetapi adalah suatu kewajipan bagimu untuk datang dan menetap di pintu amal, sehingga Dia memberi kemampuan kepadamu untuk beramal.

Dalam hal ini engkau hendaklah berusaha untuk membangun asas-asas amal itu dengan daya usahamu sendiri, sedangkan untuk seterusnya Allah akan memberikan taufiq kepadamu. Engkau adalah selaku hamba yang diberi tugas untuk membuat pilihan berkenaan dengan amal yang bakal engkau lakukan, sedangkan pemilik amal itu ialah Allah, yang telah memerintahkan kepadamu untuk segera melakukan ketaatan, dan Dia juga yang akan memberikan pertolongan kepadamu dalam

melaksanakannya.

Celakalah engkau....! Engkau telah membelenggu dirimu dengan ketakutan kepada manusia dan dengan menumpukan sepenuh harapanmu kepadanya. Oleh itu, lepaskanlah belenggu itu dari kedua-dua belah kakimu, sehingga engkau dapat berdiri untuk berkhidmat kepada Tuhanmu, dan jadilah engkau tenang di hadapan-Nya dengan kezuhudan terhadap dunia, menjauhi gelora hawa nafsu, wanita dan segala isi dunia ini.

Jika pada alam azali semuanya itu sudah ditentukan untukmu, maka engkau akan memperolehi semuanya itu, dan semuanya itu akan datang kepadamu, tanpa melalui permintaan atau permohonanmu, sehingga engkau disebut sebagai seorang zahid oleh Allah, dan Dia akan memandangmu dengan pandangan kemuliaan. Sedangkan sesuatu bahagianmu tidak akan terlepas daripadamu. Bagaimanapun, selama engkau berpegang kepada kekuatan dan daya upayamu serta apa yang engkau miliki, maka tidak akan ada suatupun yang datang kepadamu dari alam ghaib.

Seorang ulama berkata:

"Selama di dalam hatimu terdapat sesuatu, maka tidak akan datang sesuatu pun dari alam ghaib kepadamu."

Ya Allah...! Kami bermohon kepada-Mu, agar Engkau menjauhkan kami daripada sikap yang selalu bersandar kepada sebab-musabab dan berhenti padanya bersama ketololan kami, hawa kami, nafsu kami dan kebiasaan kami. Kami bermohon kepada-Mu agar terhindar daripada keburukan dalam semua keadaan.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 33

Melihat Allah Pada Hari Qiamat

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad, 23 Jamadilakhir 545H.

BARANGSIAPA yang telah melihat orang yang mencintai Allah, maka bererti dia telah melihat-Nya. Barangsapa yang melihat kepada Allah dengan hatinya, maka dia akan masuk kepada-Nya dengan batinnya. Tuhan kita adalah suatu yang wujud (ada) dan dapat dilihat. Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

سَتَرَوْنَ رَبَّكُمْ كَمَا تَرَوْنَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَلَا تُضَامُوْنَ فِي رُؤْيَتِهِ.

Ertinya:
"Kelak kamu akan melihat Tuhan kamu, sebagaimana kamu melihat matahari dan bulan, dan kamu tidak akan merasa sakit dalam melihat-Nya"

Hari ini kamu dapat melihat-Nya dengan hati dan batinmu, sedangkan di akhirat kelak engkau akan melihat-Nya dengan mata kepalamu sendiri. Allah Taala berfirman, yang berbunyi:

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١١﴾

Ertinya:
"Tiada suatu pun yang serupa dengan-Nya, dan sesungguhnya dia (Allah) Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

(Asy-Syura: 11)

Orang yang cinta kepada-Nya, redha kepada-Nya bukan kepada selain-Nya. Mereka meminta pertolongan kepada-Nya, dan menyingkirkan apa-apa yang selain-Nya. Dengan demikian, maka akan jadilah kepahitan kefaqiran dan kemiskinan itu di sisi mereka sebagai sesuatu yang manis.

Faqir di dunia adalah milik mereka, redha kepada-Nya adalah milik mereka, merasa nikmat dengan kurnia-Nya adalah milik mereka. Mereka kaya di dalam kemiskinan. Memperolehi kenikmatan dalam kesakitan. Tenteram dalam ketakutan. Dekat dalam kejauhan. Senang dalam kesedihan. Apabila sudah demikian, maka keuntunganlah bagi kamu, wahai orang-orang yang sabar, yang redha, yang meleburkan diri daripada nafsu dan syahwat mereka.

Wahai kaumku...! Turutilah Allah dan redhalah kamu atas semua perbuatan-Nya, baik untuk dirimu atau yang lain. Janganlah kamu mengkaji dan memikirkan Dzat yang lebih pandai daripada kamu. Allah berfirman:

وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ وَأَنتُمۡ لَا تَعۡلَمُونَ ﴿٢٣٢﴾

Ertinya:
"Allah mengetahui, sementara engkau tidak mengetahui."

(Al-Baqarah: 232)

Berhentilah kamu di hadapan-Nya atas dasar kebankrapan akal dan ilmu kamu, agar kamu memperolehi ilmu-Nya. Bingunglah kamu dan janganlah memilih-milih sehingga engkau akan mendapat ilmu dengan itu. Adapun yang pertama sekali berlaku ialah kebingungan, kemudian pada tahap kedua ialah ilmu, dan pada tahap yang ketiga ialah mencapai apa yang dimaksudkan. Lebih dahulu bermaksud, kemudian berhasil mencapai apa yang dimaksudkan. Dengarlah dan lakukanlah, kerana sesungguhnya akulah yang memintal tali kamu.

Aku memintal talimu dengan kemas dan penuh kelembutan, jika ia putus, maka penyebab terputusnya adalah dari kamu bukan daripada aku. Aku tidak mempunyai cita-cita, kecuali cita-cita kamu. Tiada kesedihan bagiku, tetapi kesedihan kamu. Sesungguhnya aku adalah seekor burung, di mana aku jatuh, maka engkau dapat memungutnya.

Kerja keras ada di bahu kamu dengan batu yang dilemparkan, wahai orang-orang yang duduk, orang yang terbebani dan terbelenggu oleh nafsu, yang berfikir dengan penuh ke "aku" an.

Ya Allah...! Kasihanilah kami dan mereka.

Majlis 34

Jangan Menyombong Diri Kepada Allah dan Manusia

SUATU kaum disibukkan dengan mencurahkan pemikiran bagi memberi dan mewujudkan kesenangan kepada manusia. Mereka mengambil dan kemudian memberikannya. Mereka mengambil dari anugerah Allah dan rahmat-Nya, kemudian mereka memberikannya kepada orang-orang faqir dan miskin yang sedang dililit hutang yang mereka tidak pernah mampu untuk membayarnya.

Mereka adalah raja, tetapi bukan raja di dunia, kerana raja dunia hanya pandai mengambil, namun tidak pernah memberi. Sedangkan kaum itu mendahulukan atau mengutamakan orang-orang yang sudah hadir dan menunggu-nunggu orang yang belum hadir. Mereka mengambil dari tangan Allah, bukan dari tangan manusia. Usaha anggota badan mereka adalah untuk makhluk, manakala usaha hati mereka adalah untuk untuk diri mereka sendiri. Mereka membelanjakan harta mereka (infaq) itu kerana Allah, bukan kerana nafsu dan hawa mereka, dan bukan kerana pujian dan sanjungan.

Jauhkanlah dirimu daripada sifat membanggakan diri terhadap Allah dan terhadap manusia, kerana sifat membanggakan diri itu adalah satu bentuk daripada beberapa bentuk kesombongan, yang kelak wajah mereka akan ditelungkupkan oleh Allah kelak di hari kiamat.

Jika engkau marah kepada Allah, maka engkau bererti sudah bersikap sombong kepada-Nya. Jika seorang bilal (muazzin) mengumandangkan

azan dan engkau tidak menjawab seruannya itu (dengan menunaikan solat) maka engkau termasuk kepada manusia yang telah menyombongkan diri kepada Allah. Jika engkau melakukan perbuatan zalim kepada salah satu makhluk Allah atau kepada salah seorang manusia, maka hal itu adalah sebagai tanda yang menunjukkan kesombonganmu kepada-Nya.

Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan ikhlas, sebelum engkau dibinasakan-Nya dengan makhluk-Nya yang paling lemah, sebagaimana hancur dan binasanya raja Namrud dan raja-raja sombong lainnya. Ketika kamu bersikap sombong kepada-Nya, maka Dia akan menghina kamu setelah memuliakan kamu. Menjadikan kamu miskin setelah menjadikan kamu kaya. Mendatangkan seksaan kepadamu setelah Dia mendatangkan nikmat-Nya kepadamu. Memenjarakan kamu setelah memberikan kebebasan kepadamu dalam hidup ini.

Jadilah kamu orang-orang yang bertakwa. Kemusyrikan dapat terjadi secara nyata dan secara tersembunyi. Secara nyata atau zahirnya, ialah dengan menyembah berhala. Sedangkan secara batin ialah sikapmu yang menyandarkan diri kepada manusia, dan berkeyakinan bahawa manusia mampu mendatangkan mudarat dan manfaat kepadamu.

Di kalangan manusia, ada yang memiliki dunia tetapi mereka tidak mencintai apa yang dimilikinya itu. Ia memiliki dunia tetapi dunia tidak memiliki dirinya. Dunia mencintainya, tetapi dia tidak mencintai dunia. Dunia menganggap dia berada di belakangnya, sedangkan dia menganggap dunia yang berada di belakangnya. Dunia melayaninya, sedangkan dia tidak melayani dunia. Dia menceraikan dunia, tetapi dunia tidak menceraikannya. Dengan demikian, maka layaklah hatinya untuk Allah. Dunia tidak akan mampu merosaknya. Maka dia dapat bergerak dengan bebas d dalam dunia, tetap dunia tidak mampu bergerak dengan bebasnya di dalam dirinya. Kerana itulah Rasulullah s,a,w, bersabda, yang berbunyi:

نِعْمَ الْـمَـالُ الصَّالِحُ لِلرَّجُلِ الصَّالِحِ.

Ertinya:
"Sebaik-baik harta yang baik, ialah harta yang berada di tangan orang yang baik (soleh)."

(Hadis riwayat I,a, Ahmad dan Tirmizi hadis Sahih)

Sabda baginda lagi, yang bermaksud:

"Tiada kebaikan di dunia, kecuali bagi orang yang mengatakan begini dan begini."

Ketika mengucapkan sabdanya itu, baginda mengisyaratkan bahawa baginda membezakannya dengan kedua-dua belah tangan baginda tentang pandangan mengenai kebaikan dan kejahatan. Biarkanlah dunia di tangan kamu, untuk kemaslahatan anggota keluarga Allah, sementara itu keluarkanlah dunia dari hatimu, maka sudah tentu perbuatan itu tidak akan merugikan kamu. Kenikmatan serta perhiasan dunia ini tidak memperdayakan kamu. Tidak berapa lama lagi, kamu akan menjadi bersih, demikian juga dengan orang-orang yang berada di bawah tanggungan kamu. Selanjutnya kamu akan pergi, dan dunia akan pergi bersamamu.

Wahai hamba...! Janganlah engkau berasa cukup melepaskan diri daripadaku hanya kerana pendapatmu semata-mata, kerana sekarang engkau sedang tersesat. Barangsiapa yang hanya mendengar pendapatnya sendiri, nescaya dia akan tersesat, terhina dan tergelincir. Jika engkau merasa mampu dengan pendapatmu sendiri, maka engkau akan terhalang daripada memperolehi petunjuk dan pemeliharaan, kerana engkau tidak berusaha mencarinya dan tidak pula menyelami sebab-musababnya.

Engkau mengatakan, bahawa engkau melepaskan diri daripada ilmu para ulama. Dalam masa yang sama engkau mengakui bahawa dirimu adalah seorang yang berilmu. Tetapi di manakah amalmu..? Apakah pengaruh daripada pengakuanmu itu dan siapakah yang mahu membenarkannya...? Kebenaran pengakuan seseorang terhadap ilmunya hanyalah dibutkikan dengan amal, ikhlas dalam beramal, sabar menghadapi ujian, tidak goyah pendirian, tidak gelisah dan tidak mengadu kepada manusia.

Engkau adalah orang yang buta, bagaimana pula engkau dapat mengakui bahawa engkau mampu melihat...? Engkau memiliki pemahaman yang salah, bagaimana pula engkau mengakui bahawa engkau adalah seorang faham...? Bertaubatlah kepada Allah daripada pengakuan dustamu itu. Wajib bagimu bertaubat kepada-Nya, bukan kepada orang yang lain.

Berpalinglah engkau daripada makhluk dan berharaplah kepada Khaliq. Engkau bukanlah orang yang mampu merosakkan dan memperbaiki, menghancurkan dan menguasai. Oleh itu hendaklah engkau memelihara kehendak nafsumu, sehingga nafsu itu merasa tenteram dan

dapat mengenal Tuhannya. Selepas itu, barulah engkau berpaling kepada orang lain. Hendaklah engkau pelihara kebaikan kehendak Allah dan carilah persahabatan dengan-Nya di dunia dan di akhirat.

Wajib atasmu bertakwa, menyepi dan mengasingkan diri daripada selain Allah. Hendaklah engkau manfana'kan jiwamu selama-lamanya, janganlah engkau bersifat teguh dan kukuh dalam sesuatu, kecuali dalam melaksanakan perintah Allah atau menjauhi larangan-Nya.

Wahai lelaki...! Wahai perempuan...! Sungguh bahagialah kamu jika kamu memiliki sekelumit kecil keikhlasan dan ketakwaan, sedikit kesabaran dan kesyukuran. Sesungguhnya aku melihatmu bagaikan orang-orang yang bengkrap (muflis).

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنۡيَا حَسَنَةٗ وَفِي ٱلۡأٓخِرَةِ حَسَنَةٗ وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ٢٠١

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 35

Mendekatlah Kepada Allah Sehingga Engkau Melihat-Nya

CELAKALAH kamu, wahai orang-orang yang sombong...! Ibadah yang kamu kerjakan tidak akan menembus bumi, tetapi ia akan naik ke langit, sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya, yang berbunyi:

إِلَيْهِ يَصْعَدُ ٱلْكَلِمُ ٱلطَّيِّبُ وَٱلْعَمَلُ ٱلصَّٰلِحُ يَرْفَعُهُۥ ۚ ...

Ertinya:
"Kepada-Nyalah naiknya perkataan-perkataan yang baik dan amal yang salih dinaikkan-Nya."

(Fathir: 10)

Tuhan kita bersemayam di atas 'Arasy yang rata, berada di atas Kerajaan Yang Menguasai alam semesta. Ilmu-Nya meliputi segala sesuatu. Tujuh ayat di dalam al-Quran telah menerangkan pengertian ini, tetapi aku tidak mungkin untuk menjelasannya kepada kamu, kerana kebodohan dan ketololanmu.

Kamu memeranjatkan aku dengan pedangmu, tetapi aku tidak gentar. Kamu memujukku dengan hartamu, tetapi aku tidak tergoda. Sesungguhnya aku hanya takut kepada Allah, tidak takut kepada selain-Nya. Aku hanya berharap kepada-Nya, dan tidak berharap kepada selain-Nya. Aku hanya menyembah kepada-Nya, tidak menyembah kepada yang lain-Nya. Aku hanya beramal untuk-Nya, tidak beramal untuk yang lain-Nya.

Rezekiku di sisi-Nya dan berada di dalam genggaman-Nya. Segala-galanya adalah makhluk-Nya dan semua manusia ini adalah makhluk dan hamba-Nya. Sementara Dia berdiri dengan sendiri-Nya, tiada yang menggagahi, menguasai dan memerintah-Nya.

Disebutkan bahawa Tuan Syeikh telah mengIslamkan lebih daripada 500 orang dan menaubatkan seramai lebih kurang 20,000 orang. Beliau berkata: "Semua ini adalah kerana berkat Rasulullah s.a.w." Perhatikanlah firman Allah yang berbunyi:

عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٦﴾ إِلَّا مَنِ ٱرْتَضَىٰ مِن رَّسُولٍ فَإِنَّهُۥ يَسْلُكُ مِنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ رَصَدًا ﴿٢٧﴾

Ertinya:
"Dia adalah Tuhan Yang Mengetahui yang ghaib, maka Dia tidak memperlihatkan kepada seorang juapun tentang yang ghaib itu, kecuali kepada Rasul yang diredhai-Nya. Maka sesungguhnya Dia mengadakan penjaga (malaikat) di muka dan di belakangnya.

(Al-Jin: 26-27)

Segala keghaiban itu berada di sisi-Nya, maka mendekatlah engkau kepadaNya, sehingga engkau mampu melihat-Nya dan melihat apa yang ada di sisi-Nya. Tinggalkanlah keluargamu, hartamu, negerimu, anak dan isterimu, keluarkanlah mereka dari hatimu, tinggalkanlah mereka semuanya dan berjalanlah engkau menuju pintu gerbang Allah. Jika engkau telah sampai ke pintu gerbang-Nya, maka janganlah kamu sibukkan dirimu dengan hamba-Nya, dan jangan pula kamu pedulikan kekuasaan mahupun kerajaan para hamba-Nya itu.

Jika mereka menempatkan engkau dalam ruangan tersendiri, maka janganlah kamu berdiam di dalamnya, Jika mereka mengahwinkan kamu, maka janganlah kamu mengahwininya. Janganlah engkau menerima sesuatu juapun daripada yang demikian itu, sehingga engkau menemui-Nya. Sebagaimana engkau dengan pakaianmu, kesengsaraanmu, debu perjalananmu dan kusutnya rambutmu, maka Dialah yang mengubahmu, yang memberi makan kepadamu, memebri engkau minum, yang menghibur engkau daripada ketakutan, menggembirakan engkau, meringankan penderitaanmu, dan melindungimu daripada ketakutanmu.

Jadilah kedekatanmu kepada-Nya sebagai kekayaanmu, dan pandangan-Nya kepadamu menjadi makananmu, minumanmu dan pakaianmu. Apalah erti kekuasaan dari seorang manusia, ketakutan kepada mereka, mengharapkan mereka, merasa tenteram dengan mereka, dan mencari kekuatan bersama mereka. Inikah erti kekuasaan manusia...?

Majlis 36

Jangan Menghitung-hitung Amalan yang Telah Dilakukan

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Selasa petang, 2 Rajab, 545H.

DUNIA ini tak ubahnya bagaikan pasar, tidak berapa saat kemudian ia akan sunyi sepi, tiada seorang pun yang akan dijumpai padanya. Ketika malam datang, semua penghuninya pergi meninggalkan pasar itu.

Berhati-hatilah kamu...! Kerana sesungguhnya kamu tidak menjual dan tidak pula membeli di pâsar itu, kecuali sesuatu yang bermanfaat bagi kamu kelak di pasar akhirat. Kerana wang itu dapat melihat, barang dagangannya adalah tauhid dan keikhlasan dalam beramal kepada Allah, sedangkan barang tersebut hanya sedikit sekali padamu.

Wahai hamba...! Berfikirlah kamu, janganlah kamu bertindak dengan tergesa-gesa, kerana engkau tidak mungkin akan memperolehi sesuatu dengan tergesa-gesa. Janganlah engkau datang pada waktu terbenam matahari, tetapi datanglah ke pasar itu pada waktu pagi dan hendaklah engkau bersabar dan menyibukkan diri hingga datangnya waktu petang dan engkau memperolehi apa yang engkau maksudkan.

Jadilah kamu orang yang berakal, berfikir dan beradab terhadap Allah dan dan manusia. Janganlah engkau menganiayai manusia dan janganlah engkau mengharapkan apa yang ada di tangan mereka, sedangkan itu bukan milikmu. Tiada lagi pembicaraan, sehingga datang pengesahan untuk membuat dan menunjuk perwakilan. Dalam keadaan seperti itu,

engkau melihat adanya pemberian sebelum adanya pengesahan. Padahal tiada pemberian walau sebesar zarah pun, sebelum adanya pengesahan. Mereka tidak akan memberimu walau sebuah biji, sebuah benih, tidak sebuah samudera dan tidak juga setitik air pun, kecuali dengan izin Allah, pengesahan dan ilham-Nya ke dalam hati mereka.

Berfikirlah kamu untuk hal ini, yakni dengan pemikiran yang mantap di hadapan Allah al-Haqq, kerana suatu rezeki itu telah dibahagi-bahagi di sisi-Nya dan dengan tangan-Nya.

Celakalah engkau...! Dengan wajah dan bentuk yang bagaimana engkau akan menemui-Nya kelak...? Sedangkan engkau telah menentang-Nya di dunia. Berpaling daripada-Nya. dan menghadap kepada makhluk-Nya serta mempersekutukan-Nya. Kamu menurunkan keperluan kepada mereka dan menyandarkan kepentinganmu kepada mereka. Keperluan kepada manusia hanya akan mendatangkan seksaan, bagi kebanyakan orang yang meminta. Kerana mereka tidak keluar untuk menadahkan tangan dan meminta-minta, kecuali dengan dosa-dosa mereka. Sedikit sekali daripada mereka yang rela memenuhi permintaan peminta-minta itu tanpa kebencian. Jika seseorang meminta kepadamu, sedangkan engkau merasa benci atau tidak suka untuk memenuhi permintaan itu, maka engkau bernasib malang, kerana kebakhilanmu itu.

Wahai hamba...! Menurut pandanganku, perkara pertama sekali yang mesti engkau lakukan ketika engkau masih lemah, ialah bahawa engkau jangan mengharapkan sesuatu daripada seseorang, dan engkau tidak mempunyai sesuatu yang tidak diketahui dan engkau tidak mengetahuinya, tidak engkau ketahui dan tidak diketahui. Jika engkau mampu untuk memberi dan tidak menerima, maka lakukanlah hal itu. Jika engkau mampu untuk melayani dan tidak mengharapkan pelayanan dari orang lain, maka hendaklah engkau lakukan.

Kaum ini beramal kerana-Nya dan bersama-Nya, maka diperlihatkan-Nya kepada mereka beberapa keajaiban-Nya di dunia dan di akhirat. Diperlihatkan-Nya kepada mereka kasih sayang-Nya dan kekuasaan-Nya.

Wahai hamba...! Jika engkau sampai dikatakan tidak memiliki Islam, apakah engkau masih memiliki keimanan...? Jika engkau tidak memiliki keimanan, apakah engkau masih memilki keyakinan...? Jika engkau tidak memiliki keyakinan, maka tiadalah bagimu pengenalan dan pengertian akan Allah. Semuanya ini bertahap dan bertingkat menurut maqamnya.

Apabila keIslamanmu sudah benar, maka akan bernar pulalah sifat tawakkalmu. Dengan demikian maka jadilah engkau sebagai seorang yang menyerahkan diri (tawakkal) kepada Allah dalam segala keadaanmu, tanpa melanggar batas-batas syarak dan berpegang teguh kepadanya.

Serahkanlah semuanya kepada-Nya akan hak dirimu sendiri dan hak orang lain. Bersopan santunlah engkau dengan baik kepada-Nya dan kepada makhluk-Nya. Janganlah engkau menganiayai dirimu sendiri atau orang lain. Kerana suatu kezaliman itu akan menjadi kegelapan baik di dunia mahupun di akhirat. Kezaliman itu menggelapkan hati, menghitamkan wajah dan mengotorkan buku amalan kita. Jangan engkau berlaku zalim atau menolong orang-orang yang zalim dalam melaksanakan hajat kezalimannya. Kerana Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, yang berbunyi:

يُنَادِى مُنَادٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ اَيْنَ الظَّلَمَةُ...؟ أَيْنَ أَعْوَانُ الظَّلَمَةِ، أَيْنَ مَنْ بَرَى لَهُمْ قَلَمَاءُ...؟ أَيْنَ مَنْ لَاقَ لَهُمْ دَوَاةً، إِجْمَعُوْهُمْ وَاجْعَلُوْهُمْ فِىْ تَابُوْتٍ مِنْ نَارٍ

Ertinya:
"Berserulah tukang seru (malaikat) pada hari kiamat, 'Di manakah orang-orang yang zalim...? Di manakah orang-orang yang menolong dan menyokong orang-orang zalim...? Di manakah orang-orang yang menajamkan pena-pena mereka...? Di manakah orang-orang yang mendatangkan tempat-tempat tinta kepada mereka...? Kumpulkanlah mereka, dan letakkanlah mereka dalam sebuah kotak dari neraka.'"

Menghindarlah engkau daripada manusia, dan berusahalah dengan bersungguh-sungguh agar engkau tidak menganiaya dan tidak dianiaya. Jika engkau mampu, biarkanlah dirimu sebagai orang yang dizalimi tetapi bukan sebagai orang yang menzalimi. Biarkanlah dirimu sebagai orang yang dipaksa, bukan sebagai orang yang memaksa. Ingatlah, bahawa pertolongan Allah itu sentiasa diberikan-Nya kepada hamba-hamba-Na yang teraniaya, lebih-lebih lagi ketika tiada seorang manusiapun yang memberi pertolongan kapadanya.

Diriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

إِذَا ظُلِمَ مَنْ لَمْ يَجِدْ نَاصِرًا غَيْرَا الْحَقِّ عَزَّ وَجَلَّ فَإِنَّهُ يَقُوْلُ:
لِأَنْصُرَنَّكَ وَلَوْ بَعْدَ حِيْنَ.

Ertinya:
"Jika seseorang dizalimi, sedangkan dia tidak memperolehi seorang penolong pun kecuali Allah 'Azza Wa Jalla. Maka Allah berfirman, 'Sesungguhnya Aku akan menolongmu, meskipun selepas waktu ini.'"

Kesabaran adalah sebagai salah satu sebab datangnya pertolongan, ketinggian dan kemuliaan.

"Ya Allah....! Sesungguhnya kami memohon kesabaran bersama-Mu. Aku juga memohon ketakwaan, kecukupan, terlepas daripada segala-galanya. Sibuk dengan-Mu dan terbukanya hijab antara kemi dengan Engkau."

Tanggalkanlah semua perantara yang ada di antara kamu dengan-Nya. Kerana sikap berhenti bersama perantara itu adalah merupakan suatu ketololan bagimu. Tidak ada kerajaan, penguasa, kekayaan dan kemuliaan kecuali milik Allah semata-mata.

Wahai munafik...! Sampai bilakah engkau akan bertahan dengan sifat riya' dan kemunafikanmu itu...? Apakah yang akan engkau perolehi daripada seseorang yang kerananya engkau bersifat munafik...? Aduhai, celakanya dirimu...! Apakah engkau tidak malu kepada Allah, kerana engkau tidak beriman tentang pertemuan dengan-Nya...? Dalam waktu dekat ini, engkau akan melakukan suatu amal kerana-Nya, sedangkan dalam batinmu, amalmu itu adalah untuk selain-Nya. Engkau menipu-Nya, dengan memandang perbuatanmu itu sebagai sesuatu yang baik, padahal Dia mengetahuinya. Kembalilah, perbaikilah urusanmu serta luruskanlah niatmu kepada-Nya.

Berhati-hatilah engkau, agar engkau tidak memakan satu suap makananpun, tidak berjalan satu langkahpun dan tidak melakukan suatu pekerjaan pun, melainkan dengan niat yang tulus dan ikhlas semata-mata kerana Allah. Jika hal ini telah engkau lakukan dengan benar, maka segala amal yang engkau lakukan akan terwujud untuk-Nya, bukan untuk yang lain daripada-Nya Dengan demikian akan terlepaslah engkau daripada suatu beban, dan niat yang tulus ini sudah menjadi kebiasaan bagimu dalam melaksanakan sesuatu ibadah.

Jika pengabdian seorang hamba itu telah benar-benar dilakukannya kerana Tuhannya, maka hamba itu tidak akan ditimpa pembebanan dalam segala sesuatu, kerana Allah telah melimpahkan kasih sayang-Nya kepadanya. Jika Allah telah mengasihinya, maka dia akan menjadi kaya dan menutupinya daripada manusia, sehingga dia tidak memerlukan mereka.

Kesengsaraan itu terjadi ketika engkau mempunyai keinginan, maksud dan pengembaraan. Jika engkau telah sampai dan menghentikan pengembaraanmu, jadilah engkau berada di rumah yang dekat kepada Tuhanmu, maka hilanglah bebanmu sehingga tetaplah engkau di dalam ketenteraman dengan-Nya di hatimu, dan ia akan selalu bertambah sehingga engkau mampu meraih apa-apa yang ada di sisi-Nya.

Pada mulanya, jadilah engkau sebagai orang kecil, kemudian engkau akan menjadi besar. Apabila engkau telah besar, maka hatimu akan penuh dengan Allah, sehingga tiada lagi ruang untuk selain-Nya. Jika engkau menginginkan untuk mencapai semuanya ini, maka hendaklah engkau melaksanakan semua perintah-Nya, menjauhi semua larangan-Nya dan bertawakkal kepada-Nya dalam kebaikan dan keburukan, dalam kekayaan atau kemiskinan, dalam kemuliaan atau kehinaan, ketika telah tercapainya semua tujuan, baik dunia mahupun akhirat.

Beramallah engkau kepada-Nya dan janganlah engkau mengharapkan pahala yang banyak. Beramallah dengan tujuan untuk mencapai dan meraih keredhaan-Nya serta kedekatan kepada-Nya. Pahala adalah keredhaan-Nya kepadamu dan kedekatanmu kepada-Nya dunia dan akhirat. Di dunia Dia dekat kepada hatimu, dan di akhirat kepada seluruh jasadmu.

Beramallah dan jangan engkau menghitung-hitung amal yang telah engkau lakukan, baik amalmu itu sedikit mahupun banyak. Janganlah engkau memperhatikan apa yang telah engkau lakukan, bahkan ketika seluruh anggota badanmu bergerak untuk melakukan sesuatu amal, maka hatimu hendaklah selalu bersama dengan Dzat tempat engkau menujukan amal itu.

Apabila hal itu telah engkau lakukan dengan sempurna, maka hatimu akan mempunyai beberapa mata yang boleh engkau gunakan untuk melihat. Segala sesuatu yang samar-samar akan menjadi jelas dalam pandanganmu dan segala sesuatu yang ghaib akan menjadi nyata bagimu.

Pengalaman adalah suatu kenyataan. Jika seseorang hamba berbuat

baik kepada Allah, maka Dia akan selalu bersama hamba-Nya itu dalam segala keadaan dan ketika, dengan mengubahnya, menggantikannya dan memindahkannya daripada suatu keadaan kepada suatu keadaan yang lain. Maka semuanya menjadi suatu pengertian, keimanan, keyakinan, kemakrifatan, kedekatan dan kesaksian. Semuanya menjadi siang tanpa malam, terangn tanpa kegelapan, bersih tanpa kekotoran, hati tanpa jiwa, fana' tanpa kewujudan, dan ghaib tanpa kehadiran.

Jadilah dia sebagai keghaiban daripada mereka dan dirinya. Semuanya ini bersumber daripada ketenteraman dengan Allah. Berbicaralah, hingga disempurnakannya ketenteraman yang ada di antara kamu dengan Allah. Melangkahlah daripada manusia dengan satu langkah yang tidak membahayakan bagi mereka, dan tidak bermanfaat bagi mereka. sedangkan engkau telah mencubakannya kepada mereka. Melangkahlah engkau daripada nafsu sekadar satu langkah dan jangan sekali-kali engkau menyetujuinya, tetapi hendaklah engkau membiasakannya untuk bersikap redha kepada Tuhanmu, sedangkan engkau telah mengujinya.

Manusia dan nafsu adalah bagiakan dua samudera, dua neraka, dua jurang dan dua perosak yang amat berbahaya. Pasanglah niat dengan kukuh dan teguh di dalam hatimu sehingga engkau mampu melawan perosak yang amat berbahaya ini, kerana ia sudah terjadi dan pernah menimpa dirimu. Pada langkah pertama adalah penyakit dan langkah kedua adalah ubat dari Allah.

Tinggalkanlah penyakit dan ubat itu, kerana semua penyakit ada ubatnya di sisi Allah, dan dengan kekuasaan yang tidak dimiliki oleh seseorang melainkan Dia. Jika engkau bersabar dan menyendiri, maka akan datanglah ketenteraman daripada Yang Maha Esa. Apabila engkau bersabar dalam kefaqiran, maka akan datanglah kekayaan kepadamu daripada-Nya. Tinggalkanlah dunia ini dan carilah akhirat, kemudian carilah kedekatan dengan Tuhanmu. Tinggalkanlah manusia, kemudian kembali kepada Yang Maha Pencipta.

Celakalah engkau...! Manusia mustahil akan dapat bersatu dengan Allah Yang Menciptakannya. Dunia dan akhirat tidak mungkin akan berkumpul dalam satu hati. Kedua-duanya tidak mungkin dipertemukan, tidak benar dan tidak mampu untuk memberikan apa-apa. Adakalanya makhluk dan adakalanya Khaliq. Adakalanya dunia dan adakalanya akhirat.

Bahkan bolehjadi kedua-duanya dapat dipertemukan, bahawa secara

zahiryah engkau cenderung kepada manusia, sedangkan secara batinnya engkau cenderung kepada Yang Maha Pencipta. Dunia berada di tanganmu sementara akhirat berada di hatimu. Adapun dalam suatu hati, maka kedua-duanya mustahil untuk dapat bertemu dan berkumpul.

Lihatlah kepada dirimu sendiri, berikanlah pilihan kepadanya. Jika engkau menginginı dunia, maka keluarkanlah akhirat dari hatimu. Selanjutnya, jika engkau menginginkan Tuhanmu, maka keluarkanlah dunia dan akhirat serta apa-apa yang selain Allah dari hatimu. Kerana apabila di dalam hatimu masih bersemayam selain Allah walau sebesar zarah pun, maka engkau tidak akan menemui kedekatan kepada-Nya di sisimu, dan tidak akan menjadi kenyataan bagimu ketenteraman dan ketenangan bersama-Nya.

Selama di dalam hatimu masih bersamayam dunia ini walau hanya sekadar sebesar biji sawi, maka engkau tidak akan melihat akhirat berada di hadapanmu. Selama di dalam hatimu masih bersemayam akhirat walaupun sebesar biji sawi, maka engkau tidak akan melihat kedekatan kepada Allah. Berfikirlah, janganlah engkau datang ke pintu gerbangnya kecuali dengan langkah-langkah kebenaran dengan kejujuran, kerana celaan itu sentiasa memandang engkau.

Celakalah engkau...! Engkau menutupi dirimu daripada manusia, bukan daripada pencipta manusia itu. Bagaimana engkau akan mampu menutupi dirimu, sedangkan tidak lama lagi akan terbongkar semua keburukanmu di mata manusia dengan melakukan pengkhianatan dari hati dan rumahmu.

Wahai orang yang tidak pernah bercermin...! Untuk kehancuranmu kelak, aku akan memberi makan kepadamu dengan sesuatu dalam botol ubatmu, yang akan menjelaskan keputusan bagimu. Wahai pemakan racun...! Sebentar lagi akan terlihat kesannya di dalam tubuhmu. Memakan barang yang haram tak ubahnya bagaikan memakan racun bagi tubuh agama-mu. Meninggalkan kesyukuran bagi sesuatu nikmat yang engkau terima, juga merupakan suatu racun bagi agamamu. Tidak lama lagi, Allah akan menghukummu dengan kemiskinan, sehingga engkau mengemis kepada manusia dan menanggalkan rasa belas kasihan mereka kepadamu.

Wahai orang yang tidak mengamalkan ilmunya...! Sebentar lagi ilmumu itu akan membuat engkau terlena dan akan hilang berkatnya dari hatimu. Wahai orang yang bodoh...! Seandainya kamu mengenal-Nya maka kamu

akan melihat hukum-Nya. Bersopan santunlah kamu kepada-Nya dan kepada ciptaan-Nya. Kurangkanlah pembicaraan yang tidak bermanfaat bagi dirimu.

Sebahagian orang soleh berkata:

"Aku melihat seorang pemuda yang mengemis, maka aku berkata kepadanya, 'Seandainya engkau bekerja, maka itu akan lebih menyenangkan bagimu. Sebagai hukumnya engkau akan terhalang untuk melakukan ibadah malam selama enam bulan.'"

Wahai hamba...! Tetap atau beristiqamahlah engkau dalam sesuatu yang bermanfaat bagimu, dan hendaklah engkau menjauhkan diri daripada sesuatu yang tidak bermanfaat. Keluarkanlah nafsumu dari hatimu, sehingga kebaikan akan datang kepadamu. Kerana nafsu adalah kotoran yang mengotorkan. Setelah dia dikeluarkan, maka hati tersebut akan menjadi bersih daripada semua kotoran dan benar-benar telah berubah. Allah berfirman, yang berbunyi:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ...

Ertinya:

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga kaum itu sendiri mengubah apa yang ada pada mereka."

(Ar-Ra'd: 11)

Wahai manusia...! Dengarlah, wahai pelupa...! Wahai para mukallaf...! Wahai orang yang sudah baligh...! Wahai orang yang berakal...! Dengarkanlah firman Allah dan semua beritanya, kerana kata-Nya adalah kata yang paling benar.

Ubahlah sesuatu yang dibenci-Nya dari nafsumu kerana-Nya, sehingga Dia memberimu sesuatu yang engkau sukai. Jalan ini sangat luas. Apakah yang telah engkau lakukan wahai masaku...? Berdirilah dan berpegang teguhlah. Beramallah dan janganlah kamu lalai, selama hujung tali ini masih terganggam di tangan kamu.

Mintalah pertolongan kepada-Nya untuk memperbaiki nafsu kamu. Kendalikanlah nafsu itu, jika tidak maka nafsu itu akan mengendalikan engkau. Nafsu itulah yang menjadi pemerintah kejahatan di dunia dan menjadi pencela di akhirat. Menjauhlah engkau daripada orang yang menyibukkan dirimu sehingga engkau terjauh daripada Allah,

sebagaimana menjauhnya kamu daripada binatang buas.

Beramallah engkau kepada Allah, kerana barangsiapa yang beramal kepada Allah, nescaya dia akan memerolehi kemenangan. Barangsiapa yang mencintai-Nya, maka dia akan dicintai-Nya. Barangsiapa yang menginginі-Nya, maka dia akan diingini-Nya. Barangsiapa yang mendekati-Nya, maka dia akan didekati-Nya. Barangsiapa yang berusaha untuk mengenali-Nya, maka Dia akan memperlihatkan diri-Nya.

Dengarkanlah kata-kataku...! Terimalah semua fatwa dan nasihatku. Kerana tidak ada seorang pun di permukaan bumi ini yang akan berbicara kepada manusia dalam hal ini, melainkan aku. Semuanya ini aku lakukan adalah untuk kamu, bukan untuk diriku sendiri. Setiap kalimat yang aku ucapkan, tiada bermaksud apapun, kecuali kerana Allah semata-mata. Apalah ertinya bagiku dunia, akhirat dan apa-apa yang ada pada kedua-duanya, sedangkan Dia melihat kebenaranku, kerana Dia Maha Mengetahui semua hal yang nyata dan tersembunyi.

Datanglah kamu kepadaku, kerana aku memberitahu kepadamu, akulah pemilik pandai besinya dan aku jugalah yang memiliki rumah pencetaknya. Wahai munafik...! Apakah yang engkau hayalkan dalam igauan hampamu itu...? Berapa kali kamu sudah mengatakan "aku", tetapi siapakah dirimu sebenarnya...?

Celakalah dirimu...? Engkau melihat selain daripada-Nya, dan engkau mengatakan bahawa engkau tenteram dengan selain-Nya itu dan dalam masa yang sama engkau juga berkata, bahawa engkau juga merasa tenteram dengan-Nya. Engkau mengatakan bahawa dirimu adalah orang yang redha, sedangkan pada hakikatnya engkau tidak meredhai-Nya. Engkau mengatakan bahawa dirimu adalah orang yang sabar terhadap sesuatu nikmat yang engkau terima dan terhadap sesuatu yang menimpa dirimu, padahal engkau adalah sebagai seorang yang mengkufurinya dan orang yang keluh kesah ketika ditimpa musibah.

Sudahlah...! Tidak ada lagi yang perlu diperkatakan, sehingga dirimu menjadi bangkai kerana banyaknya penyakit dan bencana yang menimpanya, sehingga engkau tidak lagi merasakan sakitnya, kerana penyakit itu sudah selalu menimpa engkau. Sehingga seluruh jiwamu menyepi dengan Allah, hatimu terlepas dari dunia dan akhirat. Maka engkau wujud dalam ketiadaan dengan pandanganmu kepada semuanya dan apa yang ada di dalamnya. Di samping engkau wujud dalam

kewujudanmu ketika melaksanakan perintah dan menjauhi larangan-Nya, kerana Dia telah mewujudkan engkau dan perbuatan-Nya menggerakkan dan membuat engkau diam, sedangkan engkau sentiasa bersama-Nya dalam keghaiban-Nya.

Engkau tidak menempati kedudukan, sehingga engkau menguasai kedudukan ini dengan benar. Allah tidak mengharapkan daripada seorang hamba-Nya dari segi bentuknya saja, tetapi Dia adalah menilai kepada pengertian yang dilakukan hamba-Nya itu, iaitu tauhid dan keikhlasannya, menghilangkan kecintaan kepada dunia dan akhirat dari hatinya, dan menjadikan segala sesuatunya itu terpisah dari dirinya. Jika seorang hamba telah menyempurnakan hal ini, maka Dia akan mencintainya, mendekatinya dan menaikkah darjatnya di atas darjat hamba-hamba-Nya yang lain.

Ya Allah Yang Maha Esa...! Kami mengesakan Engkau, kami membersihkan diri daripada manusia. Kami ingin menjadi hamba yang ikhlas untuk-Mu. Bernarkanlah pengakuan kami dengan bukti anugerah dan rahmat-Mu. Baikkanlah hati kami, dan mudahkanlah segala urusan kami. Jadikanlah kami merasa tenteram dengan-Mu, dan risau dengan selain Engkau. Jadikanlah cita-cita kami menjadi satu, iaitu cita-cita dengan-Mu di dunia kami dan di akhirat kami.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 37

Carilah Negeri Akhirat, dan Pindahkan Kakimu Kepadanya

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat, 5 Rejab, 545H

DIRIWAYATKAN, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

عُوْدُوا الْمَرْضَى وَشَيِّعُوا الْجَنَائِزَ فَإِنَّهُ يُذَكِّرُ كُمُ الْمَوْتَ.

Ertinya:
"Jenguklah orang yang sedang sakit, dan iringilah jenazah-jenazah (ke kubur), kerana perbuatan itu akan mengingatkan engkau kepada mati."

Adapun maksud sabda Rasulullah s.a.w. di atas adalah supaya kamu mengingati akhirat, yang telah kamu hindarkan diri kamu daripada mengingatinya, dan kamu cenderung kepada kehidupan dunia. Tidak lama lagi semuanya akan berubah antara kamu dengan dunia ini, tanpa engkau perintahkan, perubahan itu akan mengambil kebahagiaan yang ada di tanganmu dan menukarnya dengan kemurkaan. Engkau akan menanggung kesengsaraan sebagai ganti daripada kesenangan.

Wahai orang yang lalai...! Wahai orang yang kelaparan..! Bangkitlah kamu, kerana kamu diciptakan bukan untuk kehidupan dunia, tetapi kamu diciptakan adalah untuk kehidupan akhirat.

Wahai orang yang telah melalaikan kewajipannya...! Engkau telah menjadikan cita-citamu hanya untuk memenuhi kehendak nafsumu,

kelazatan syahwatmu dan menghimpunkan dunia di atas tumpukan dinarmu. Engkau telah menyibukkan semua anggota badanmu dengan bermain-main. Jika engkau diingatkan akan kematian oleh seseorang yang mengingat akhirat, maka engkau akan berkata: "Engkau hanya menyusahkan aku saja...!" Kemudian engkau memberi isyarat dengan kepalamu begini dan begini.

Sebenarnya telah datang kepadamu peringatan akan kematian, iaitu uban yang tumbuh di kepalamu, namun engkau kadang-kadang memangkasnya atau mengubah warnanya menjadi hitam. Jika kemudian kematian datang kepadamu, apakah yang akan kamu lakukan...? Apabila malaikat maut datang kepadamu untuk mencabut nyawamu bersama penolong-penolongnya, apakah engkau akan menolaknya...? Jika rezekimu sudah terputus dan tamat riwayat kehidupanmu, dengan cara apakah kamu akan melakukan tipu dayamu untuknya...?

Tinggalkanlah kebodohan ini...! Dunia diciptakan untuk beramal. Jika engkau melakukan kerja di atasnya, maka engkau akan memperolehi ganjarannya. Jika engkau tidak beramal di atasnya, maka engkau tidak akan diberi apa-apa. Dunia adalah tempat beramal dan tempat bersabar atas segala musibah dan bencana yang menimpa. Dunia adalah tempat kesengsaraan, sementara akhirat adalah tempat istirehat. Seorang mukmin akan berpenat lelah selama hidup di dunia, dan di akhirat kelak mereka akan memperolehi keuntungan. Sedangkan engkau begitu terburu-buru untuk bersenang-senang dan mengundur-undur waktu untuk bertaubat, engkau selalu menundanya dari hari ke hari, dari bulan ke bulan, dari tahun ke tahun, sehingga sampailah ajalmu. Tidak berapa lagi engkau akan menyesal. Bagaimana engkau akan dapat menerima nasihat, dan bagaimana engkau akan bangkit dan membenarkan nasihat itu, sedangkan engkau bukanlah orang yang benar.

Celakalah engkau...! Semua payung kehidupanmu sudah hancur berkecai. Wahai orang yang tertipu...! Dinding kehidupanmu telah runtuh. Negeri yang engkau diami sekarang ini telah binasa dan engkau berpindah ke negeri yang lain. Oleh itu carilah negeri akhirat, dan pindahkanlah kakimu kepadanya. Apakah yang dimaksudkan dengan kaki itu...? Kaki itu ialah amal soleh. Hadapkanlah hartamu kepada akhirat, sehingga ketika engkau telah sampai di sana, engkau akan menemui hartamu itu kembali.

Wahai orang yang tertipu oleh dunia...! Wahai orang yang sibuk oleh

sesuatu yang tidak bererti. Wahai orang yang meninggalkan pengabdian dan disibukkan dengan pelayanan...! Celakalah kamu...! Akhirat tidak akan menyatu dengan dunia, kerana ia tidak diperkenankan untuk melayani dunia. Keluarkanlah dunia ini dari hatimu, sehingga engkau akan melihat jalan akhirat, bagaimana ia datang dan menguasai hatimu. Apabila semuanya ini telah sempurna bagimu, maka akan datanglah suatu penggilan bagimu untuk mendekatkan diri kepada Allah. Ketika itu, lepaskanlah akhirat dan carilah Dia, kerana di sanalah terdapatnya kebenaran hatimu dan kebersihan jiwamu.

Wahai hamba...! Jika hatimu telah bersih, maka ia akan dapat menjadi saksimu di hadapan Allah dan para malaikatNya, sementara orang-orang yang berilmu berdiri di belakangmu ketika seseorang mendakwamu, dan ia menjadi saksi terhadapmu sehingga engkau tidak lagi memerlukan saksi lain atas kebenaran hatimu.

Apabila hal ini telah sempurna, maka engkau akan menjadi bagaikan sebuah gunung yang tidak boleh dihempaskan oleh badai dan tidak boleh dirosakkan oleh panah. Bahkan tidak akan berpengaruh sebarang juapun pandangan dan pergaulanmu dengan manusia ke atas dirimu. Engkau tidak akan terkoyak oleh satu cakaran dalam hatimu dan tidak akan mengotori batinmu.

Wahai kaumku...! Berlepas dirilah kamu daripada seseorang hamba yang melakukan amal yang bertujuan untuk mencari muka kepada manusia, supaya manusia menerima dirinya dan menganggapnya sebagai seorang yang suka beramal. Dia adalah seorang hamba yang melarikan diri, musuh Allah, kafir kepada-Nya dan kufur kepada nikmat-Nya. Hamba seperti ini adalah hamba yang terhalang daripada memperolehi rahmat Allah, dimurkai dan terkutuk.

Manusia hanya akan merampas hati, kebaikanmu dan agamamu. Mereka menjadikan engkau bersekutu dengan mereka sehingga engkau lupa kepada Tuhanmu. Mereka mengharapkan daripadamu sesuatu yang menguntungkan bagi mereka, bukan menguntungkan dirimu, sedangkan Allah menghendakimu demi kebaikan dirimu sendiri, bukan untuk mereka.

Maka carilah Zat yang menghendaki dirimu demi kebaikanmu dan sibukkanlah dirimu dengan-Nya, kerana hal itu adalah lebih utama engkau lakukan, daripada engkau mencari seseorang yang menginginkan

engkau untuk kebaikan dirinya sendiri. Jika memang menjadi kemestian bagimu untuk membuat satu permintaan, maka mintalah kepada-Nya, bukan kepada makhluk-Nya. Kerana seseorang itu dapat menimbulkan kemurkaan Allah kepada dirinya dengan meminta dunia ini kepada makhluk-Nya. Merataplah engkau kepada-Nya dalam mencari keperluan duniamu. Kerana Dialah Yang Maha Kaya, sedangkan semua manusia ini adalah miskin. Mereka tidak mampu mendatangkan manfaat atau mudarat kepada dirinya sendiri, apalagi kepada orang lain.

Carilah dan laksanakanlah...! Kerana dalam permulaan pengembaraan itu engkau adalah seorang yang mencari, sedangkan Dia adalah yang dicari. Bagaimanapun pada akhir pengembaraan itu, engkau adalah orang yang dicari, sedangkan Dia adalah yang mencari. Seorang anak kecil akan meminta kepada ibunya ketika dia masih kecil dan belum mampu berusaha. Kemudian apabila dia telah dewasa, maka ibunya pulalah yang akan meminta kepadanya.

Jika kemahuanmu kepada-Nya telah diketahui-Nya, maka Dia juga akan menghendaki kamu. Jika kebenaran cintamu kepada-Nya sudah diketahui-Nya, maka Dia pun akan menunjukkan kecintaan-Nya kepadamu, memberi hidayah kepada hatimu dan mendekatkan engkau kepada-Nya. Bagaimana engkau akan memperolehi kebahagiaan, sedangkan engkau membiarkan tangan nafsumu, hawamu, tabiat dan teman-teman jahatmu bersemayam di atas kedua-dua mata hatimu...?

Tinggalkanlah hal yang tidak akan pernah menemui penyelesaian itu, maka engkau akan melihat segala sesuatunya itu bagaimana adanya. Tinggalkanlah nafsumu dengan perjuangan dan menyingkirkannya. Singkirkanlah tangan-tangan hawa nafsu, tabiat dan syaitanmu sehingga engkau akan menemui-Nya. Singkirkanlah semua tangan-tangan ini, supaya tersingkap semua hijab yang ada di antara kamu dengan Tuhanmu, sehingga engkau dapat melihat dengan-Nya segala sesuatu selain daripada-Nya. Kamu mampu melihat dirimu dan melihat orang selain engkau. Engkau akan melihat cacat-cela dirimu sendiri sehingga engkau mampu menjauhinya. Engkau akan dapat melihat cacat-cela orang lain, sehingga engkau mampu menghindar daripada mereka.

Apabila hal ini telah mencapai tahap kesempurnaan, maka Dia akan mendekatimu dan memberimu sesuatu yang tidak pernah dilihat oleh mata, yang tidak pernah didengar oleh manusia dan tidak pernah

terbayang oleh hati manusia. Maka Dia akan menajamkan pendengaran hatimu, batinmu, serta pandangan kedua-duanya. Dia akan memberi pakaian kepada hati dan batinmu dengan pakaian kemuliaan-Nya, Dia akan mengasihimu dengan belas kasihan-Nya, Dia akan menolongmu, memberi kekuasaan kepadamu dengan kekuasaan-Nya, memberikan kerajaan kepadamu dengan kerajaan-Nya dan menjadi kamu sebagai penjaga makhluk-Nya.

Dia menjadikan kamu sebagai gembala makhluk-Nya, menjadikan kamu sebaga penjaga hatimu sendiri, menjadi para malaikat sebaga pelayanmu dan memperlihatkan kepadamu ar-wah para Anbiya' dan Mursalin. Dengan demikian, tiada satu pun dari makhluk ini yang tersembunyi bagimu.

Wahai hamba...! Carilah maqam ini dan bercita-citalah kamu untuk mencapainya. Tinggalkan kesibukan dalam mengejar dunia, kerana dunia ini tidak akan pernah memberi kepuasan kepadamu. Segala-galanya tidak akan dapat mendatangkan kepuasan kepadamu, kecuali Allah. Maka sibukkanlah dirimu dengan-Nya, kerana Dia sajalah yang akan mendatangkan kepuasan ke dalam batinmu. Jika ini telah engkau capai, maka engkau telah memperolehi kekayaan di dunia dan di akhirat.

Wahai orang yang lalai...! Tolaklah orang-orang yang menghendaki engkau dan carilah Zat yang mencarimu. Cintailah Zat yang mencintaimu dan sibukkanlah dirimu dengan Zat yang merinduimu. Bukanlah engkau telah mendengar bahawa Allah Taala berfirman, yang berbunyi:

يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُۥٓ ...

Ertinya:
"Allah mencintai mereka, dan mereka pun mencintai Allah."

(Al-Maidah: 54)

Firman Allah di atas berkait rapat dengan apa yang sedang kita perkatakan. Sesungguhnya aku amat merindui untuk bertemu dengan kamu. Kamu benar-benar telah diciptakan untuk beribadah kepada-Nya, maka janganlah kamu bermain-main. Dia menghendakimu untuk menemui-Nya, maka janganlah engkau sibuk dengan selain-Nya. Janganlah engkau mencintai seseorang, kecuali dalam pengertian cinta untuk belas kasihan, menyayangi dan bersikap lemah lembut kepada seseorang itu. Hal ini dibolehkan bagi kamu demikian dengan cinta jiwa. Tetapi cinta

hati dan cinta batin tidak dibolehkan.

Adapun Adam a.s. ketika dalam hati baginda timbul rasa cinta kepada syurga dan kedudukan yang sedang disandangnya ketika itu, maka baginda dipisahkan dengan semuanya itu dan baginda dikeluarkan dari syurga dengan bersebab baginda memakan buah yang dilarang oleh Allah memakannya.

Ketika hati baginda terpikat kepada Siti Hawa, maka bagindapun dipisahkan dengannya selama tiga ratus tahun. Nabi Adam a.s. diturunkan di Jazirah Sarandiba di kawasan Lautan Hindi, sedangkan Siti Hawa diturunkan di Jeddah, Jazirah Arabia. Meskipun jarak antara kedua-dua kawasan itu tidak begitu jauh, tetapi mereka dipertemukan tiga ratus tahun kemudian.

Nabi Ya'qub a.s. ketika ingin berkumpul bersama anaknya, Nabi Yusuf a.s., maka baginda dipisahkan dengan putera kesayangannya itu. Demikian juga, baginda Rasulullah s.a.w., ketika hati baginda cenderung kepada 'Aisyah, maka berlakulah apa yang berlaku kepada baginda, yakni isteri kesayangan baginda itu difitnah melakukan perbuatan serong, sehingga beberapa hari lamanya baginda tidak bertemu dengan isteri baginda itu.

Oleh yang demikian, maka sibukkanlah dirimu dengan Allah, bukan dengan yang lain. Janganlah kamu mencari ketenangan dan ketenteraman dengan selain Allah. Malahan, jadikanlah manusia itu sebagai benda yang berada di luar hatimu dari segala segi, menjauhlah kamu daripadanya dan kosongkanlah hatimu daripada mereka kerana Allah.

Wahai orang yang salah...! Wahai orang yang malas...! Wahai orang yang sedikit menerima...! Jika engkau mahu menerima apa yang aku ucapkan dan mengamalkannya, maka engkau dapat beramal untuk dirimu sendiri. Sebaliknya, jika engkau tidak mahu beramal, maka engkau akan dimurkai dan akan terhalang daripada-Nya. Allah Taala berfirman, yang berbunyi

لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا ٱكْتَسَبَتْ ...

Ertinya:
"Baginya pahala dari apa yang dikerjakannya, dan dia mendapat seksa dari kejahatan yang dikerjakannya."

(Al-Baqarah: 286)

Dan firman-Nya lagi, yang berbunyi:

إِنْ أَحْسَنتُمْ أَحْسَنتُمْ لِأَنفُسِكُمْ ۖ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا ...

Ertinya:
"Jika kamu berbuat baik, (bererti) engkau berbuat baik kepada dirimu sendiri, dan jika kamu berbuat jahat, maka (kejahatan) itu juga bagi dirimu sendiri."

(Al-Isra': 7)

Kamu akan menemui amalmu itu kelak di syurga dan hukuman atas perbuatan jahatmu di neraka. Diriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

اَطْعِمُوْا طَعَامَكُمُ الْأَتْقِيَاءَ وَاعْطُوْا خِرَقَكُمُ الْمُؤْمِنِيْنَ.

Ertinya:
"Berikanlah makanan kamu kepada orang-orang yang bertakwa. Dan berikanlah potongan kain kamu kepada orang-orang yang beriman."

Jika engkau menghidangkan makananmu kepada orang yang bertakwa, dan membantunya dalam urusan dan keperluan dunianya, maka engkau telah bersekutu dengannya pada apa yang diamalkannya tanpa mengurangkan pahalanya sedikitpun, kerana engkau telah membantunya untuk mencapai maksud dan tujuannya, meringankan beban berat yang sedang dipikulnya dan mempercepat pertemuannya dengan Tuhannya.

Sebaliknya, jika engkau menghidangkan makananmu kepada orang munafik, orang yang riyak dan derhaka, maka bermakna engkau telah membantunya dalam urusan dunianya dan bersekutu dengannya dalam apa yang telah dilakukannya, sedangkan engkau tidak akan mengurangi sedikitpun dosa-dosa dan hukuman mereka, kerana kamu menolongnya dalam kederhakaan kepada Allah, maka keburukan itu akan kembali kepada dirimu sendiri.

Wahai orang bodoh...! Pelajarilah sesuatu ilmu, kerana tiada faedahnya suatu ibadah yang dilakukan tanpa ilmu, dan tidak ada kebaikan dalam suatu keyakinan tanpa ilmu. Belajarlah kamu...! Kemudian engkau amalkan ilmumu itu, kerana hal itu akan menjadikan engkau bahagia di dunia dan di akhirat. Jika engkau tidak bersabar dalam menuntut ilmu dan mengamalkannya, bagaimana engkau akan memperolehi kebahagiaan..?

Suatu ilmu, jika engkau berikan seluruhnya kepada seseorang, maka dia akan memberimu tambahan dengan sebahagian ilmu yang lain.

Ditanyakan kepada sebahagian ulama, bagaimana mereka memperolehi ilmu yang ada pada mereka. Maka mereka akan mengatakan bahawa metodologi mereka menuntut ilmu ialah bagaikan burung gagak yang terbang dari sarangnya pada waktu pagi, dengan kesabaran seekor unta, dengan ketamakan seekor babi dan dengan kecemburuan seekor anjing.

Hendaklah engkau berangkat pada waktu pagi untuk menuntut ilmu bagaikan burung gagak. Hendaklah engkau bersabar dalam menuntut ilmu bagaikan sabarnya unta membawa beban berat mengharungi gurun sahara yang panas dan gersang. Hendaklah engkau rakus menuntut ilmu, bagaikan kerakusan seekor babi terhadap sesuatu yang dimakannya. Hendaklah engkau bersifat cemburu dan setia kepada para gurumu, bagaikan cemburu dan setianya seekor anjing duduk di pintu tuannya hingga tuannya memberi makan kepadanya.

Wahai orang yang mencari ilmu...! Dengarkanlah ucapan ulama ini dan amalkanlah jika engkau menginginkan ilmu dan kejayaan. Ilmu adalah kehidupan, sedangkan kebodohan adalah kematian. Seorang alim yang mengamalkan ilmunya dan ikhlas dalam amalnya serta bersabar atas pentelaahan ilmu demi kebenaran Tuhannya, tiada kematian baginya.

Kerana itu, jika dia mati dan bertemu dengan Tuhannya, maka kekallah hidupnya bersama-Nya.

Ya Allah...! Berilah kami rezeki berupa ilmu dan keikhlasan dalam mengamalkannya.

Ya Allah...! Jauhkanlah kami daripada kebodohan, dan berilah kami hidayah untuk sentiasa mentaati perintah-Mu...!

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 38

Sakitilah Syaitan-Syaitanmu Dengan Kalimah Syahadah

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad, 7 Rejab 545H.

DIRIWAYATKAN, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

أَضْنُوْا شَيَاطِيْنَكُمْ بِقَوْلِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ يُضْنَى بِهَا كَمَا يُضْنَى أَحَدُكُمْ بَعِيْرَهُ بِكَثْرَةِ رُكُوْبِهِ وَشَيْلِ أَحْمَالِهِ عَلَيْهِ.

Ertinya:
"Sakitilah syaitan-syaitanmu dengan ucapan, لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ *kerana syaitan akan menjadi takut kerananya, sebagaimana salah seorang kamu menyakiti untanya dengan sering menunggangnya dan memberikan beban yang berat kepadanya"*

Wahai kaumku...! Sakitilah syaitanmu dengan keikhlasan dalam membaca (لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ), bukan semata-mata melafazkannya saja. Tauhid itu akan membakar syaitan-syaitan manusia dan jin kerana tauhid itu adalah bagaikan api bagi syaitan dan cahaya bagi orang yang bertauhid

Bagaimana kamu dapat mengucapkan lafaz (لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ) sedangkan dalam hatimu bersemayam bermacam-macam tuhan...? Segala sesuatu yang engkau jadikan sandaran dan engkau anggap sebagai sumber

kekuatan selain daripada Allah, maka bermakna itu adalah sembahan-mu. Tidak ada ertinya Tauhid yang engkau lafazkan dengan lidahmu, apabila ia disertai oleh kemusyrikan yang ada di dalam hatimu. Tiada faedahnya kebersihan tubuh badan zahirmu, apabila hatimu dipenuhi najis.

Seorang yang mengesakan Allah akan menyakiti syaitannya, sementara orang musyrik akan disakiti oleh syaitannya. Keikhlasan adalah intisari daripada suatu ucapan dan perbuatan. Oleh itu, apabila keikhlasan ini tidak wujud dalam hati seseorang, maka tak ubahnya perkataan dan perbuatan yang dilakuannya itu bagaikan kulit tanpa isi, sedangkan kulit itu tidak layak, melainkan untuk api neraka.

Dengarkanlah ucapanku ini dan amalkanlah, kerana nasihatku akan dapat memadamkan api ketamakanmu dan menghancurkan kekuatan nafsumu. Janganlah engkau menghadiri suatu tempat yang akan mengobarkan api nafsu dan perangai jahatmu, sehingga engkau merosakkan rumah agama dan rumah imanmu.

Tabiat, nafsu dan syaitanmu akan selalu berkobar, ia hanya akan dapat dipadamkan dengan agamamu, keyakinanmu dan imanmu. Janganlah engkau mendengarkan perkataan orang munafik yang suka mengada-ada dalam ucapan mereka, dan suka mengadu domba. Tabiat yang suka mendengarkan perkataan yang diada-adakan dan perkataan-perkataan yang bertujuan mengadu domba adalah merupakan suatu kebodohan, tak ubahnya bagaikan adunan roti tanpa garam yang masuk ke dalam perut orang yang memakannya dan menyebabkan perutnya sakit.

Suatu ilmu itu diperolehi daripada mulut seseorang, bukan melalui buku, iaitu daripada orang-orang yang bertakwa kepada Allah, yang meninggalkan semua larangan-Nya, yang menjadi pewaris para Anbiya', yang arif dan yang mengamalkan ilmunya serta ikhlas dalam semua tindakannya. Adapun orang-orang yang tidak bertakwa, adalah merupakan suatu perbuatan main-main dan batil.

Kasih itu bagi orang yang bertakwa adalah dunia akhirat, asas bangunan mereka adalah dunia dan akhirat. Sudah sewajarnyalah Allah mencintai hamba-Nya yang bertakwa, yang beramal soleh dan sabar. Seandainya engkau memiliki suara hati yang benar, maka engkau akan mengenal mereka, menemani dan mencintai mereka. Suara hati itu akan menjadi benar jika ia diterangi oleh kemakrifatan kepada Allah. Janganlah engkau berdiam dalam suara hatimu sehingga makrifat itu menjadi benar

dan nyata bagimu kebaikan dan kebenaran melaluinya.

Pejamkanlah matamu daripada segala yang diharamkan, cegahlah nafsumu, jangan engkau turutkan keinginannya dan biasakanlah nafsumu itu untuk memakan makanan yang halal serta peliharalah batinmu dengan bertakwa kepada Allah. Peliharalah zahiryahmu dengan mengikut sunnah Rasulullah s.a.w. Dengan demikian, akan muncullah bagimu suara hati yang benar dan tepat, demikian juga dengan kemakrifatanmu kepada Allah.

Wajib bagimu mendidik akal dan batinmu. Janganlah engkau memelihara nafsu dan hawa serta perangai dan tabiatmu, kerana tiada kemuliaan dengan memelihara semuanya itu.

Wahai hamba...! Pelajarilah suatu ilmu itu dengan ikhlas, sehingga engkau akan terselamat daripada perangkap kemunafikan. Tuntutlah ilmu itu semata-mata kerana Allah, bukan kerana makhluk atau dunia-Nya. Adapun salah satu tanda bahawa engkau benar-benar menuntut ilmu itu kerana Allah, ialah ketakutan dan kegentaranmu kepada-Nya ketika datangnya suatu perintah dan larangan. Perasaan takut dan merendahkan diri kepada Allah itu sentiasa bermukim di dalam dirimu. Manakala merendahkan diri kepada manusia tidaklah dilarang, asalkan tiada tujuan tertentu yang mendorong engkau melakukannya, umpamanya kerana mengharapkan harta yang mereka miliki, atau kerana sebab-sebab lainnya.

Hendaklah engkau membiasakan diri bersahabat kerana Allah dan bermusuhan kerana-Nya. Kerana persahabatan dengan kerana selain Allah itu akan menimbulkan permusuhan. Manakala bergantung harapan kepada selain Allah akan menghilangkan pemberian, dan pemberian kerana selain-Nya akan terhalang.

Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

اَلْإِيْمَانُ نِصْفَانِ نِصْفٌ صَبْرٌ وَنِصْفٌ شُكْرٌ.

Ertinya:
"Iman itu ada dua bahagian, satu bahagian sabar dan satu bahagian syukur."

Jika engkau tidak sanggup bersabar atas suatu penderitaan dan bersyukur atas sesuatu nikmat, maka engkau bukanlah orang yang

beriman. Sebahagian daripada hakikat Islam ialah tawakkal kepada Allah tanpa berbelah bagi.

Ya Allah...! Hidupkan hati kami dengan sentiasa tawakkal kepada-Mu, dengan ketaatan kepada-Mu, dengan zikir mengingat-Mu, dengan menurut garis takdir-Mu dan dengan mengesakan Engkau. Seandainya bukan kerana orang-orang yang di dalam hati mereka terhadap kehidupan ini, yang mereka terpencar-pencar di bumi ini, maka kamu semua akan binasa, kerana Allah memalingkan seksa-Nya daripada penduduk bumi ini dengan doa-doa mereka.

Bentuk kenabian memang telah lenyap, akan tetapi makna mereka masih kekal hingga hari kiamat. Jika tidak, apa gunanya hingga hari ini masih dikekalkannya seramai 40 orang daripada mereka...? Barangsiapa yang padanya salah satu daripada makna kenabian, maka hatinya bagaikan hati para Nabi. Sebahagian daripada mereka adalah khalifah Allah di permukaan bumi, yang menduduki kedudukan sebagai seorang hamba dalam menggantikan kedudukan para guru. Itulah sebabnya Rasulullah s.a.w. bersabda, katanya:

اَلْعُلَمَاءُ وَرَثَةُ الأَنْبِيَاءِ.

Ertinya:
"Para ulama adalah pewaris para Nabi."

Mereka adalah pewaris Nabi dalam hal pemeliharaan, pengamalan, perkataan dan perbuatan. Kerana suatu ucapan tanpa perbuatan tidak bernilai. Manakala pengakuan tanpa bukti, tidak ada ertinya sama sekali.

Wahai hamba...! Bukti keimanan dan ketaatanmu adalah keteguhanmu terhadap Kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya, serta mengamalkan kedua-duanya dengan ikhlas. Sesungguhnya aku melihat bahawa para guru kamu adalah orang-orang yang bodoh. Orang-orang zuhud dari kalangan kamu itu adalah pengajar dan pencinta dunia, mereka menyerahkan diri (tawakkal) kepada manusia dan lupa kepada Allah.

Mencari kekuatan kepada selain Allah adalah penyebabnya datangnya kutukan. Diriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

مَلْعُوْنٌ مَلْعُوْنٌ مَنْ كَانَتْ ثِقَتُهُ بِمَخْلُوْقٍ مِثْلِهِ.

Ertinya:
"Terkutuklah...! Terkutuklah orang yang bergantung kepada makhluk yang serupa dengannya...!"

Dan sabda baginda lagi:

مَنْ تَعَزَّزَ بِمَخْلُوْقٍ فَقَدْ ذَلَّ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang menjadi mulia kerana makhluk, maka ia benar-benar telah hina."

Celakalah engkau...! Jika engkau melepaskan diri daripada makhluk, nescaya engkau akan berada bersama Khaliq, yang akan memberitahu kepadamu sesuatu yang bermanfaat bagimu dan yang merugikan engkau, membezakan apa yang menjadi milikmu dan apa yang menjadi milik orang lain. Adalah suatu kewajipan bagi kamu untuk sentiasa berpegang teguh dan selama-lamanya berada di pintu Allah, memutuskan sebab-musabab di dalam hatimu.

Kamu telah melihat kebaikan kini atau esok, tetapi semuanya bukanlah sesuatu yang sempurna. Makhluk dan sifat riya' masih bersemayam di hatimu, dan yang lain selain daripada-Nya juga masih bersemayam di hatimu Jika engkau tidak memiliki kesabaran, maka tiada lagi agama di dalam hatimu dan tiada lagi modal bagi keimananmu. Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

اَلصَّبْرُ مِنَ الْإِيْمَانِ كَالرَّأْسِ مِنَ الْجَسَدِ.

Ertinya:
"Sabar adalah sebahagian daripada iman, sebagaimana kepala adalah sebahagian daripada jasad."

Pengertian sabar, adalah bahawa engkau tidak mengadu kepada seseorang, tidak berkaitan dengan sebab-musabab, tidak benci dengan adanya ujian dan dugaan dan tidak gembira dengan hilanganya ujian atau dugaan tersebut.

Apabila seorang hamba bertawaduk kepada Allah dalam kemiskinannya, dalam kesengsaraannya, bersabar bersama-Nya atas semua kehendak-Nya, tidak menolak yang mubah, dan mencari penyuluh dari kegelapan yang ada. Maka Dia akan memandang hamba-Nya itu dengan penuh kasih

tidak akan mengetahui kepalsuanmu, tetapi kelompokku mengetahuinya, kemudian memberitahu tentang kepalsuan itu kepada orang awam sehingga mereka takut kepadamu.

Seandainya kamu mahu bersabar bersama Allah, maka engkau akan melihat keajaiban dan kasih sayang-Nya. Ketika Nabi Yusuf bersabar menerima seksaan, perhambaan, penjara, kehinaan dan menyesuaikan diri dengan af'al dan takdir Allah, maka benarlah kemuliaannya dan beliau menjadi raja. Beliau beralih daripada lembah kehinaan ke puncak kemuliaan, dari kematian kepada kehidupan.

Demikian juga halnya dengan kamu, jika kamu mengikut syari'ah, sabar bersama Allah, takut dan berharap kepada-Nya, melawan godaan nafsu, syahwat dan syaitan-syaitanmu, maka kamu akan beralih daripada apa yang kamu ada padanya kepada yang lain. Daripada sesuatu yang engkau benci kepada sesuatu yang engkau cintai. Berjuang dan berusahalah kamu, kerana dirimu akan bermula dengan dirimu sendiri. Sedangkan merupakan keharusan bagimu untuk berjuang, sehingga engkau memperolehi kebaikan. Barangsiapa yang mencari dan bersungguh-sungguh dalam pencariannya itu, maka dia akan menemui apa yang dicarinya. Berusahalah kamu untuk memakan makanan yang halal, kerana makanan yang halal itu akan menerangi hatimu dan akan mengeluarkannya daripada kegelapannya. Kerana bagaimanapun cerdasanya pemikiran manusia, dia tidak akan mampu mengenalkan kamu akan nikmat Allah, menempatkan kamu untuk menyukurinya dan membantumu untuk mengakui kenikmatan itu dan kadarnya.

Wahai hamba...! Barangsiapa yang mengetahui dengan 'ain al-yaqin bahawa Allah telah menetapkan bahagian segala sesuatu itu dengan nyata, maka dia tidak akan memintanya lagi, kerana dia malu kepada Allah. Tetapi dia akan menyibukkan diri dalam mengingat Allah dengan tidak memburu bahagian yang sudah ditetapkan untuknya itu, dan tidak pula mengharapkan agar bahagian orang lain diberikan kepadanya. Sikapnya adalah menundukkan kepala, diam, beradab sopan yang baik, tidak berpaling daripada Allah dan tidak mengadu kepada manusia, sama ada dalam hal yang sedikit mahupun dalam hal yang banyak. Bagiku, mengemis kepada manusia dengan hati, adalah sama kedudukannya dengan mengemis kepada mereka dengan mulut. Kedua-duanya tidak ada bezanya dari segi hakikat.

Celakalah kamu...! Kamu tidak malu meminta kepada selain Allah, padahal Dia lebih dekat kepadamu daripada selain-Nya. Engkau meminta kepada manusia akan sesuatu yang tidak kamu perlukan. Tidakkah engkau malu, di tanganmu terpegang pundi-pundi emas yang penuh, tetapi engkau masih mahu berdesak-desak bersama orang-orang miskin dalam memperebutkan sebuah biji-bijian yang kecil bagaikan semut.

Jika engkau telah meninggal dunia, maka akan tersingkaplah segala keburukanmu. Akan terlihatlah kegagalan dan kebakhilanmu, dan engkau akan mendapat kutukan dari orang-orang yang ada sekitamu. Seandainya engkau mempunyai akal, maka engkau akan berusaha mencari setitik keimanan yang akan engkau gunakan buat menemui Allah, dan untuk keperluan itu, nescaya engkau akan menemui orang-orang soleh dan bersahabat dengan mereka, engkau berperilaku dengan perilaku mereka dan akan berkata dengan perkataan mereka. Sehingga apabila keimanamu sudah bertambah, dan keyakinanmu sudah sempurna, maka Allah akan memandangmu sebagai orang yang ikhlas kepada-Nya, dan hatimu akan mampu menguasai perilaku, perintah dan larangan.

Wahai penyembah berhala...! Keriyakan tidak akan menjadi saham dalam kedekatanmu kepada Allah, baik di dunia mahupun di ahirat. Wahai orang yang bersekutu dengan manusia....! Orang yang menghadap-kan hatinya kepada mereka...! Berpalinglah kamu daripada mereka, kerana mereka tidak mampu mendatangkan mudarat atau manfaat kepada kamu, tidak berkuasa untuk memberi atau mencegah kepada kamu. Janganlah engkau mengaku bahawa engkau mengesakan Allah dan dalam masa yang sama sikap musyrik bersarang di hatimu. Sebab, jika demikian keadaannya, hatimu tidak akan mampu meraih sesuatu daripada-Nya.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 39

Cintailah Para Wali Allah dan Orang-orang Soleh

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat pagi, 12 Rajab, 545H.

JIKA engkau mendambakan kekuasaan, baik di dunia mahupun di akhirat, maka jadikanlah segala yang ada padamu untuk Allah, maka jadilah dirimu sebagai pemimpin dan penguasa atas dirimu sendiri dan orang selain engkau. Sesungguhnya aku benar-benar telah memberi nasihat kepada kamu, maka terimalah nasihatku ini. Aku benar-benar telah menunjukkan jalan kepada kamu, maka benarkanlah aku.

Apabila aku berdusta, maka aku akan didustakan, lantas kamu berdusta dan kamupun dikatakan sebagai pendusta. Sebaliknya, jika aku benar, maka aku dibenarkan, lantas kamu pun benar dan dikatakan sebagai orang yang benar. Sebagaimana engkau berhutang, engkau akan ditagih.

Ambillah daripadaku ubat-ubat untuk mengubati penyakit agamamu dan gunakanlah ubat itu, maka penyakit agamamu itu akan sembuh. Orang-orang teradahulu mengelilingi Timur dan Barat dalam mencari para wali dan orang soleh, kerana para wali dan orang soleh itu adalah pengubat hati. Jika mereka berhasil menemui seorang daripadanya, maka mereka meminta pengubat agama mereka kepadanya. Namun, kamu sekarang membenci para fuqaha, para ulama dan para wali, sedangkan mereka adalah orang-orang yang mengajarkan ilmu pengetahuan. Dengan sikap kamu itu, sudah pasti bahawa ubat itu tidak akan jatuh ke tanganmu.

Apakah berguna ilmu dan pengubatanku bagimu...? Setiap hari aku membangun suatu asas untukmu, namun setiap hari pula kamu merubuhkannya. Aku ajarkan suatu bentuk pengubatan kepadamu, tetapi engkau tidak pernah melakukannya. Aku katakan kepadamu, janganlah engkau makan suapan ini kerana ia mengandungi racun, dan di dalam makanan ini terdapat ubat, tetapi kamu menentangku dan kamu memakan suapan yang beracun.

Tidak lama lagi aku akan melihat kesannya bagi bangunan agama dan keimananmu. Sesungguhnya aku hanya sekadar memberikan nasihat kepadamu. Aku tidak gentar dengan pedangmu dan tidak menginginkan emasmu. Barangsiapa yang meleburkan wujudnya bersama Allah, maka dia tidak akan gentar kepada semua makhluk, baik terhadap jin, manusia, binatang yang merayap, binatang buas seperti singa dan tidak kepada sesuatu daripada makhluk-Nya ini secara menyeluruh.

Janganlah engkau memandang rendah dan meremehkan para guru - Syeikh atau mursyid - yang mengamalkan ilmunya. Kamu adalah orang yang bodoh tentang Allah, dan tentang orang-orang soleh, para hamba-Nya yang selalu taat kepada-Nya dan selalu redha terhadap semua perbuatan-Nya.

Semua keselamatan dan kesejaheraan itu teletak kepada keredhaan seseorang terhadap takdir, memendekkan angan-angan dan bersikap zuhud terhadap dunia. Jika melihat adanya kelemahan di dalam diri kamu, maka hindarkanlah sifat itu dengan mengingati kematian dan memendekkan angan-angan.

Rasulullah s.a.w. bersabda, ketika menceritakan firman Allah yang berbunyi:

مَا تَقَرَّبَ الْـمُتَقَرِّبُوْنَ إِلَيَّ بِأَفْضَلَ مَنْ أَدَاءَ مَا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِمْ وَلَا يَزَالُ عَبْدِى يَتَقَرَّبُ إِلَـيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ لَهُ سَمَعًا وَبَصَرًا وَيَدًا وَمُؤَيِّدًا فَبِى يَسْمَعُ وَبِى يُبْصِرُ وَبِى يَبْطِشُ.

Ertinya:
"Tiadalah hampir orang-orang yang mendekatkan diri kepada-Ku

dengan keutamaan dan melaksanakan apa yang Aku wajibkan ke atas mereka. Dan tiadalah henti-hentinya hamba-Ku mendekatkan diri kepada-Ku dengan amalan-amalan sunat sehingga Aku mencintanya. Maka apabila Aku telah mencintainya, maka Aku menjadi pendengarannya, penglihatannya, tangannya dan kekuatannya. Maka dengan Aku dia mendengar, dengan Aku dia melihat dan dengan Aku dia melakukan kegiatan."

Apabila sudah sampai ke tahap ini, maka seseorang itu akan memandang seluruh perbuatannya dengan Allah. Dengan demikian, bermakna seseorang itu telah melepaskan diri daripada segala daya dan usahanya, kekuatannya, penglihatannya terhadap dirinya dan orang lain. Jadilah semua geraknya dan daya upayanya dengan Allah bukan dengan dirinya sendiri atau orang lain. Dia memisahkan dirinya daripada nafsunya, dunianya dan akhiratnya. Semuanya itu adalah kerana ketaatannya kepada Allah. Maka sudah pastilah bahawa ketaatannya itu menjadi sebab kecintaan Allah kepadanya. Dengan ketaatan dia mencintai-Nya dan mendekatkan diri kepada-Nya, dan dengan kederhakaan membuat Dia membenci dan menjauhinya.

Dengan ketaatan akan tercapailah ketenteraman dan dengan kemaksiatan akan diperolehi kegelisahan, kerana seseorang yang melakukan keburukan, akan merasa gelisah. Dengan mengikut syari'ah, akan diperolehi kebaikan dan dengan mengingkarinya akan diperolehi keburukan. Barangsiapa yang tidak menjadikan syarak sebagai temannya dalam semua waktu dan keadaan, maka dia adalah orang yang binasa bersama dengan orang-orang yang binasa.

Beramallah kamu, bersungguh-sungguhlah dalam melakukannya dan janganlah engkau menganggap berat dalam melakukan sesuatu amal. Orang yang tidak beramal akan selalu tamak, sementara orang-orang yang terasa berat dalam melakukan amal itu akan membangga diri dan terpedaya.

Ada suatu kaum yang berdiri di antara dunia dan akhirat, ada pula kelompok yang berdiri di antara syurga dan neraka dan ada pula yang berdiri di antara makhluk dengan Khaliq. Jika engkau orang yang zuhud, maka engkau tergolong kepada manusia yang berdiri di antara dunia dan akhirat. Jika engkau orang takwa, maka engkau merupakan kaum yang berdiri di antara syurga dan neraka. Dan jika engkau orang yang

'arif (mengenal Allah) maka engkau tergolong kepada kelompok manusia yang berdiri di antara makhluk dengan Khaliq, sedangkan engkau adalah golongan manusia yang adakalanya memandang kepada makhluk dan adakalanya memandang kepada Khaliq.

Engkau akan dapat mencapai tahap kelompok ini dan mengenali akhirat, hisabnya dan segala isinya. Bukan hanya itu, bahkan kamu juga akan dapat menceritakan apa yang engkau saksikan dan engkau lihat itu, meskipun demikian, berita itu tidak sama dengan melihat dengan mata kepala sendiri.

Kelompok ini sentiasa menunggu pertemuannya dengan Allah, yang sentiasa mengangan-angankan-Nya dalam semua waktu yang mereka lalui. Mereka tidak takut akan datangnya kematian, kerana bagi mereka kematian itu adalah suatu jalan yang membolehkan mereka bertemu dengan Tuhannya.

Pisahkanlah dunia ini daripada dirimu, sebelum engkau dipisahkan daripadanya. Tinggalkanlah dunia ini sebelum engkau ditinggalkannya. Berdiamlah engkau sebelum engkau didiamkan oleh keluargamu dan semua manusia. Semuanya ini tidak akan bermanfaat bagimu setelah engkau menemui kuburmu. Bertaubatlah engkau daripada memperolehi dan memakan semua yang mubah dengan syahwatmu.

Wahai kaumku....! Berlaku waraklah kamu dalam seluruh keadaan dan tindakanmu. Warak itu adalah merupakan baju agama. Carilah daripadaku baju untuk agama kamu. Ikutilah aku, kerana sesungguhnya aku adalah pengikut Rasulullah s.a.w. Aku selalu mengikutnya dalam semua keadaan, dalam makan, minum, menikah dan semua tindakanya dan segala sesuatu yang dikatakan berasal daripada baginda.

Aku sentiasa berkeadaan demikian sehingga aku dapat melaksanakan semua yang dikehendaki oleh Allah bagi diriku, kerana sesungguhnya aku sentiasa berada di atas kehendak tersebut tanpa memikirkan sanjungan atau pujian Allah terhadap diriku, demikian juga dengan pujian dan celaanmu, pemberian dan pencegahanmu, kebaikan atau keburukanmu, penerimaan atau penolakanmu.

Kamu adalah orang yang bodoh, orang yang tidak peduli akan semuanya itu. Maka jika engkau memperolehi kebahagiaan dengan beribadah kepada Allah, maka ibadahmu itu ditolak, kerana ibadahmu itu

diiringi dengan kebodohan, sedangkan semua kebodohan itu merupakan suatu kerosakan. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ عَبَدَ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ عَلَى جَهْلٍ كَانَ مَا يُفْسِدُ أَكْثَرَ مِمَّا يُصْلِحُ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang beribadah kepada Allah 'Azza Wa Jalla di atas kebodohan, maka kerosakannya akan lebih besar daripada kebaikan-nya."

Tiada kebahagiaan bagimu, sehingga engkau mengikut Kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya. Diriwayatkan, bahawa sebahagian ulama berkata:

"Barangsiapa yang tidak mempunyai guru, maka gurunya adalah syaitan."

Oleh itu ikutilah guru yang alim, guru yang faham Kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya, serta mengamalkan kedua-duanya. Bersangka baiklah kamu kepada mereka, dan belajarlah kepada mereka, bersopan santun di hadapan mereka serta bergaul dengan mereka, sehingga engkau memperolehi kebahagiaan.

Jika engkau tidak mengikut Kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya, dan tidak pula mengikut para Syeikh atau mursyid yang menguasai kedua-dua pedoman ulung itu, maka tiadalah kebahagiaan bagimu selama-lamanya. Apakah engkau tidak pernah mendengar, bahawa "Barangsiapa yang merasa cukup dengan pendapatnya. Maka dia akan tersesat."

Oleh yang demikian, bersihkanlah dirimu melalui persahabatan dengan orang yang lebih alim daripada dirimu sendiri. Sibukkanlah dirimu dengan lebih dahulu memperbaiki dirimu sendiri, kemudian memperbaiki orang-orang yang berada di bawah tanggungjawabmu dan selanjutnya, sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. melalui sabda baginda yang berbunyi:

إِبْدَأْ بِنَفْسِكَ ثُمَّ بِمَنْ تَعُوْلُ.

Ertinya:
"Mulailah dengan dirimu, kemudian kepada orang-orang yang menjadi tanggungjawabmu."

Dan sabda baginda lagi, yang berbunyi:

لَا صَدَقَةَ وَذُوْرَحِمٍ مُحْتَاجٍ.

Ertinya:
"Tiada kewajipan untuk bersedekah, sementara kerabatmu memerlukannya."

Majlis 40

Keimanan Hanya Tumbuh Di Dalam Hati Yang Lembut

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad, 14 Rajab 545H.

DIRIWAYATKAN dari Rasulullah s.a.w., bahawa baginda bersabda seperti berikut:

إِذَا أَرَادَ اللهُ بِعَبْدِهِ خَيْرًا فَقَّهَهُ فِى الدِّيْنِ وَبَصَّرَهُ بِعُيُوْبِ نَفْسِهِ.

Ertinya:
"Apabila Allah menghendaki kebaikan bagi seseorang hamba-Nya, maka Dia akan memberi hamba-Nya itu kefahaman dalam agama dan memperlihatkan kepadanya keaiban dirinya."

Kafahaman dalam agama adalah merupakan salah satu sarana untuk mencapai jiwa kemakrifatan. Barangsiapa yang mengenal Tuhannya, maka dia akan dapat mengenali segala sesuatu dengan hal itu. Bahkan akan benarlah peribadatannya dan dia akan mampu memerdekakan dirinya daripada menghambakan diri kepada yang lain.

Tiada kesejahteraan dan kebahagiaan bagimu, sebelum engkau mengutamakannya atas yang lain. Mengutamakan agamamu atas nafsu serakahmu. Mengutamakan akhiratmu atas duniamu. Mengutamakan Khaliq daripada makhluk. Kerosakan dan kebinasaan itu akan timbul, apabila engkau mengutamakan nafsu serakahmu atas agamamu, mengutamakan dunia atas akhiratmu dan mengutamakan makhluk atas

Khaliq.

Lakukanlah hal di atas, bahkan ia sudah memadai buatmu. Apabila engkau terhalang dari Allah, maka tidak akan akan perkenan-Nya buatmu. Suatu perkenan akan terwujud setelah permohonan untuk itu diperkenankan. Jika engkau meperkenankan permintaan-Nya dengan beramal, maka Dia akan memperkenankan permohonanmu ketika engkau bermohon kepada-Nya.

Padi itu akan diperolehi setelah kita mengolah sawah atau bendang tempat menanamnya. Tanamlah padi itu hingga engkau dapat menunainya. Rasulullah s.a.w. bersabda:

اَلدُّنْيَا مَزْرَعَةُ الْأَخِرَةِ.

Ertinya:
"Dunia adalah tempat bercucuk tanam untuk akhirat."

Tanamilah kawasan ladangmu itu dengan hati dan jasadmu, iaitu keimanan. Kemudian hendaklah engkau olah dengan sempurna dan menyiraminya dengan amal kebajikan. Jika hati lunak, mempunyai rasa belas kasihan dan kasih sayang, maka keimanan akan tumbuh di dalamnya. Sebaliknya, jika hati itu keras, kejam dan kasar, maka ia tak ubahnya bagaikan tanah yang tandus dan gersang, sedangkan tanah yang tandus dan gersang itu tidak akan ditumbuhi oleh tumbuh-tumbuhan.

Jika engkau bercucuk tanam di atas puncak gunung, maka tanamanmu itu tidak akan tumbuh di situ, bahkan ia adalah lebih dekat kepada kehancuran dan kebinasaan. Belajarlah engkau bercucuk tanam kepada orang yang memang sudah mahir melakukannya, bukan dengan berdasarkan pendapatmu sendiri. Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِسْتَعِيْنُوْا عَلَى كُلِّ صَنْعَةٍ بِصَالِحِ أَهْلِهَا.

Ertinya:
"Mintalah pertolongan atas segala sesuatu pekerjaan itu dengan cara yang baik kepada ahlinya".

(Hadis Marfu')

Aduhai...! Engkau hanya sibuk mengurus tanaman duniamu, tetapi lupa untuk bercucuk-tanam untuk akhiratmu. Apakah engkau tidak mengetahui, bahawa orang yang memburu dunia tidak akan memperolahi

kejayaan bersama akhirat...? Jika engkau menghendaki akhirat, maka hendaklah engkau meninggalkan dunia. Jika engkau menghendaki Allah, maka hendaklah engkau meninggalkan semua keuntungan yang bakal engkau perolehi dari tangan manusia, sehingga engkau mampu menemui-Nya. Apabila hal ini telah benar bagimu, maka akan datanglah kepadamu dunia, akhirat, semua keuntungan dan manusia, kerana mengikut dan tunduk kepadamu serta dipaksa oleh Khaliq.

Ini adalah disebabkan asal atau pokoknya ada bersamamu, sedangkan cabang-cabangnya ini mengikut pokok tersebut. Berfikirkan engkau, engkau mempunyai keistimewaan, disebabkan engkau engkau berdiri bersama manusia dan bersekutu dengan mereka. Engkau akan binasa, jika engkau tidak bertaubat. Menghindarlah engkau dari jalan-jalan yang dilalui oleh golongan ini, menjauhlah engkau dari pintu-pintu mereka, janganlah engkau menyesakkan mereka dengan bahumu. Janganlah engkau mendesak mereka dengan kemunafikanmu, pengakuan dan kebodohanmu. Tetapi hendaklah engkau desak mereka dengan hati dan batinmu, dengan kepasrahan atau tawakkalmu, dengan kesabaran atas beberapa ujian dan redha dengan bahagian yang ada.

Wahai hamba...! Beradalah kamu di hadapan Allah, sementara malapateka menimpa dirimu. Berdirilah engkau di atas tapak kaki kecintaan kepada-Nya, tidak berubah dan tidak goyah oleh hujan dan badai, dan mata-mata tombak tidak akan menembusimu. Engkau akan begitu kukuh lahir dan batin.

Berdiri di suatu makam yang tiada makhluk di sana, tidak ada dunia dan tidak ada pula akhirat, tidak ada keuntungan ataupun kerugian, tiada perincian dan tidak ada sesuatu selain daripada Allah. Kamu tidak dikeruhkan oleh pandangan manusia dan biaya hidup keluargamu. Engkau tidak berubah kerana sedikit atau banyak, kerana sanjungan atau hinaan, kerana menghadap atau berpaling. Engkau berada bersama-Nya di luar batas kemampuan fikiran manusia, jin, malaikat dan semua makhluk secara keseluruhannya.

Alangkah indahnya apa yang diucapkan oleh sebahagian daripada ulama, jika kamu membenarkan dan menerimanya. Jika tidak, maka janganlah kamu mengikut kami. Sabar, ikhlas dan kejujuran adalah asas yang telah aku terangkan kepadamu. Kamu mengharapkan dariku untuk berlaku munafik kepadamu dan berbicara dengan lemah lembut,

menyenangkan dirimu dan membuatmu terpesona, sedangkan kamu menganggapnya sebagai sesuatu yang tidak berguna dan tidak perlu dihargai.

Saya adalah api. Dan tidak ada yang berani menetap di atas api kecuali salamander, sejenis burung yang bertelur, menetas, berdiri dan duduk di atas api. Berjuanglah engkau sehingga engkau menjadi seekor burung salamander dalam bara api petaka, perjuangan, kesengsaraan dan bersabar di atas semua ketentuan Ilahi buatmu, sehingga engkau mampu bersabar untuk menjadi temanku dan mendengar perkataanku dan bersabar juga atas kekerasan kata-kataku kepadamu, dan kamu mengamalkannya lahir dan batin, tersembunyi atau terang-terangan. Pada tahap pertama dalam kesunyian, tahap kedua dalam keramaian dan tahap ketiga dalam wujudmu.

Jika semua ini telah engkau lakukan dengan benar, maka datanglah kepadamu kebahagiaan dunia dan akhirat dengan kehendak dan ketentuan Allah Yang Maha Haq. Aku tidak mencintai manusia sedikitpun, kerana kecintaanku telah tertumpah sepenuhnya kepada Allah, dan termasuk ke dalam hak-Nya juga agar saya tidak berpaling sedikit pun kepada seseorang tanpa ragu-ragu. Tetapi aku malah mencari kekuatan dari mereka dalam memenuhi hak-hak Allah dari makhluk-Nya, sedangkan aku tidak menjadi lemah, bahkan aku akan semakin kuat bersama jiwaku dan aku menyetujuinya dalam hak mereka.

Sebahagian ulama berfatwa, yang berbunyi:

"Turutilah kehendak Allah di dalam hak makhluk-Nya, dan janganlah kamu mengikut kemahuan makhluk dalam hak Allah."

Kehancuranlah bagi orang yang ingin menciptakan kehancuran, dan sombonglah orang-orang yang sombong.

Aduhai...! Bagaimana aku akan mempedulikan kamu, sedangkan kamu adalah orang yang derhaka kepada Allah, mengabaikan perintah dan larangan-Nya, menentang qadha' dan qadar-Nya, melawan kepada-Nya pada siang dan malammu, maka engkau adalah orang yang dimurkai dan dikutuk.

Allah berfirman dalam sebahagian kalam-Nya, yang bermaksud:

"Apabila kamu taat kepada-Ku, maka Aku redha. Jika Aku redha, maka Aku pun memberkatimu. Sedangkan berkat-Ku itu tidak akan pernah

habis. Sebaliknya, jika kamu derhaka kepada-Ku, maka Aku murka. Jika Aku murka, maka Aku akan mengutukmu, sedangkan kutukan-Ku itu sampai kepada keturunanmu yang ketujuh."

Zaman ini adalah masa orang menjual agama dengan lumpur sawah. Masa manusia memanjangkan angan-angan dan kuatnya kerakusan. Berjuanglah kamu, agar engkau tidak termasuk ke dalam golongan manusia yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya yang berbunyi:

وَقَدِمْنَآ إِلَىٰ مَا عَمِلُواْ مِنْ عَمَلٍ فَجَعَلْنَٰهُ هَبَآءً مَّنثُورًا ﴿٢٣﴾

Ertinya:
"Dan Kami hadapi segala amal yang mereka lakukan, lalu Kami jadikan ia (amal itu) bagaikan abu yang beterbangan."

(Al-Furqan: 23)

Segala amal yang dilakukan bukan kerana Allah, adalah bagaikan abu yang berterbangan.

Celakalah engkau...! Jika bagi orang awam, permasalahanmu akan tersembunyi, tetapi tidak demikian halnya bagi orang khawwas. Orang-orang yang mudah terpedaya akan terpedaya dengan penyamaranmu, namun tidak demikian halnya dengan orang-orang yang suci dan bersih. Orang-orang yang bodoh akan samar bagi mereka, tetapi tidak demikian halnya bagi orang yang alim.

Beramallah dengan ikhlas, sibukkanlah dirimu dengan Allah dan tinggalkanlah kesibukan dengan sesuatu yang tidak berguna bagimu. Janganlah engkau sibuk dengan sesuatu yang tidak bermanfaat bagi dirimu. Kawallah nafsumu, sehingga engkau mampu untuk menundukkannya, memaksanya, menghinakannya dan menjadikannya patuh kepada dirimu, sehingga engkau mampu mengharungi padang pasir dunia yang gersang dan tandus untuk menuju ke akhirat. Engkau mampu menembusi makhluk sehingga engkau sampai kepada Allah Yang Maha Haq.

Apabila hal ini telah sempurna bagimu, maka bermakna engkau telah mencapai kesempurnaan dan kekuatan, dan engkau membawa orang lain mengiringimu. Engkau keluarkan mereka dari dunia ini dan engkau hadapkan mereka kepada Tuhanmu, dan terhadap suapan yang engkau menyuapinya. Hendaklah engkau membenarkan sesuatu perkataan,

janganlah engkau mentakwilkannya, kerana orang yang mentakwilkan itu adalah penipu.

Janganlah kamu takut kepada makhluk dan janganlah kamu berharap kepada mereka, kerana hal itu menunjukkan betapa lemahnya imanmu. Hendaklah engkau istiqamah dalam cita-citamu, sehingga engkau memperolehi ketinggian, kerana Allah akan memberimu sesuatu yang layak dengan cita-citamu, dengan kebenaran dan keiklasanmu. Bersungguh-sungguhlah engkau, songsong dan kejarlah, kerana sesuatu itu tidak akan datang kepadamu begitu saja, tanpa berusaha memperolehinya, sedangkan engkau mempunyai kewajipan untuk melakukan amal kebajikan sebagaimana engkau diwajibkan untuk mencari rezeki.

Syaitan akan mempermainkan orang awam, sebagaimana seorang perajurit berkuda yang mahir mempermainkan lawannya. Syaitan akan mengendalikan salah seorang daripada mereka, sebagaimana kamu mengendalikan haiwan ternakmu sesuka hatimu. Syaitan dengan sekehendak hatinya memukul belakang hati mereka dan menjadikan mereka sebagai pelayannya, untuk melakukan semua yang diingininya. Bahkan syaitan juga akan menurunkan kecerdasan mereka dan mengeluarkan mereka daripada medan peperangan dan menghentikan mereka di hadapannya untuk melayaninya, sedangkan nafsu mereka telah membantu syaitan untuk melaksanakan perkara tersebut dan mempersiapkan segala sesuatu yang diperlukannya.

Wahai hamba...! Pukullah nafsumu dengan cemeti kelaparan dan mencegahnya daripada hidup bersenang-senang, kelazatan duniawi dan sesuatu yang tidak berguna. Kemudian pukullah hatimu dengan cemeti takwa dan pemeliharaan. Jadikanlah istighfar sebagai perilaku nafsumu, hatimu dan batinmu, kerana masing-masing mempunyai dosa-dosa tertentu. Tetapkanlah nafsu, hati dan batinmu itu untuk selalu taat dan patuh kepada Allah dalam segala waktu dan keadaan.

Wahai orang yang sedikit berfikir...! Jika suatu ketentuan tidak mungkin kamu tolak atau engkau ubah, engkau hapus atau menentangnya, maka janganlah engkau mempunyai keinginan selain daripada apa yang dikehendaki oleh ketentuan itu. Jika tidak, maka tidak akan datang kepadamu kecuali dengan apa yang diingini-Nya, maka janganlah engkau mempunyai keinginan selain daripada itu. Jika Dia tidak menghendaki sesuatu, maka Dia tidak akan menjadikannya, maka janganlah engkau

menyengsarakan jiwa dan hatimu dalam hal tersebut. Serahkanlah semuanya kepada Allah Yang Maha Tahu, bergantunglah engkau kepada dahan rahmat-Nya dengan taubatmu kepada-Nya.

Jika semuanya ini dapat berlangsung secara berterusan, maka akan hilanglah dunia ini dalam pandangan hati dan mata kepalamu. Engkau tidak lagi akan khuatir terhadap malapetaka dan bencana, kerana engkau telah bertekad untuk meninggalkan semua kelazatan dan kesenangan, engkau tidak mengadu tentang kesempitan dan keluasannya.

Jadilah dirimu dan sakitnya bagaikan suatu ujian bagimu, sebagaimana Siti Asiyah r.a., isteri Fir'aun laknatullah alaihi, ketika beliau menyatakan bahawa beliau adalah seorang yang beriman kepada Allah, yang kemudian Fir'aun memerintahkan orang suruhannya untuk memukul ibunda angkat Nabi Musa a.s. itu, sementara tangan dan kakinya dipakukan dengan paku besi ke sebuah tiang, kemudian beliau disebat sementara kepala beliau mendongak ke langit, yang ketika itu beliau telah melihat bahawa pintu syurga telah terbuka, dan para malaikat telah membina sebuah mahligai. Dalam keadaan demikian, datanglah malaikat al-maut kepada beliau untuk mencabut nyawa beliau sambil berkata: "Mahligai itu adalah untukmu...!" Maka ketika itu beliau tertawa dan hilanglah rasa sakit dari hukuman yang ditimpakan kepada beliau itu, dan beliau pun berkata:

رَبِّ ٱبْنِ لِى عِندَكَ بَيْتًا فِى ٱلْجَنَّةِ ...

Ertinya:
"Ya Tuhanku...! Bangunkanlah untukku sebuah rumah di sisi-Mu di dalam syurga."

(At-Tahrim: 11)

Begitulah jadinya dirimu, kerana engkau memandang dengan mata hati dan keyakinanmu terhadap apa yang ada di sana, kemudian engkau bersabar dengan apa yang ada di sini dengan menanggung bencana dan malapetaka, kemudian engkau melepaskan diri daripada daya dan upayamu, engkau tidak mengambil dan tidak memberi, tidak bergerak dan tidak diam kecuali dengan kehendak dan kuasa Allah, meleburkan diri (fana') di dalam-Nya, menyerahkan semua urusan dan permasalahanmu kepada-Nya, mentaati-Nya tentang apa yang ada padamu dan apa yang ada pada semua manusia.

Maka janganlah engkau mempunyai peraturan yang sama dengan

peraturan-Nya, janganlah engkau mempunyai hukum yang sama dengan hukum-Nya, janganlah engkau memilih bersama dengan pilihan-Nya. Barangsiapa yang mengetahui keadaan ini, maka dia tidak akan mengejar selain Allah, tidak akan mencari perlindungan selain kepada Allah. Bagaimana seorang yang berakal tidak menginginkan hal ini sehingga dia dapat bersahabat dengan Allah...? Segala-galanya tidak akan terlaksana, kecuali dengan cara ini.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 41

Kecintaan Tidak Akan Bersatu Dengan Pemilikan

KETAHUILAH, bahawa segala sesuatunya ini hanya akan bergerak kerana digerakkan-Nya dan hanya akan diam kerana didiamkan-Nya. Jika keyakinan ini tertanam ke dalam sanubari seseorang manusia, maka dia akan memperolehi kelegaan daripada beratnya beban persekutuan bersama manusia dan manusia pun akan memperolehi kelegaan daripadanya, kerana Dia tidak akan mencela mereka dan tidak akan menuntut mereka dengan sesuatu yang ada pada-Nya, tetapi Dia hanya menuntut mereka berdasarkan apa yang dituntut oleh syarak semata-mata.

Mereka dituntut dengan syarak, sedangkan mereka diberi hujjah dengan ilmu, yang digabungkan antara hukum dan ilmu pengetahuan. Pandangan akan perbuatan Allah terhadap makhluk-Nya adalah suatu akidah yang tidak akan merosak syariat. Dialah yang membuat ketentuan dan Dia pulalah yang menuntut.

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

Ertinya:
"Dia tidak ditanya tentang apa yang dilakukan-Nya, dan merekalah yang akan ditanya (tentang apa yang mereka lakukan)."

(Al-Anbiya': 23)

Inilah kepercayaan yang menjadi pegangan setiap orang Islam yang

yakin, yang mentauhidkan Allah dan redha kepada-Nya, setuju terhadap semua qadha' dan qadar-Nya, menurut perbuatan Allah di dalam dirinya dan terhadap orang lain.

Dia tidak memerlukan dirimu dan kesabaranmu, tetapi Dia sentiasa mengamati bagaimana tingkah lakumu sejalan dengan pengakuanmu. Apakah engkau membenarkannya atau mendustakannya.

Seorang kekasih tidak akan menyimpan sesuatu pada dirinya, melainkan semuanya itu akan diserahkannya kepada kekasihnya, kerana kecintaan tidak akan pernah bersatu dengan pemilikan. Seorang yang cinta kepada Alla secara benar dan jujur, akan menyerahkan segala sesuatunya kepada-Nya, baik dirinya, hartanya dan hari akhirnya, sehingga dia tidak mempunyai pilihan dalam dirinya sendiri ataupun di dalam diri orang lain, dia tidak berprasangka kepada Allah dalam semua perbuatan-Nya, ia tidak menyegerakannya dan tidak pula bakhil kepada-Nya, dia merasakan kemanisan semua yang dimilikinya yang bersumber daripada Allah, dan dia menutup semua jalannya, kecuali hanya sebatang jalan baginya.

Wahai orang yang mengaku cinta kepada Allah...! Kecintaan itu tidak akan mencapai kesempurnaan sehingga menutup semua penjuru dalam hak dirimu sendiri, sehingga tidak ada lagi yang tinggal kecuali satu penjuru. Kekasihmu telah mengeluarkan rasa kemanusiaan dari hatimu, dari makhluk yang berada di 'Arasy hingga sampai kepada makhluk yang berada di bumi, sehingga engkau tidak mencintai dunia atau akhirat. Timbul rasa khuatir dalam dirimu sendiri dan ia kemudian merasa tenteram dan tenang jika berkumpul dengan-Nya. Jadilah kamu bagaikan Qais yang gila kepada Laila. Ketika rasa cinta itu telah timbul dari dirinya, maka dia akan melepaskan diri daripada manusia dan suka dengan hidup seorang diri serta gelisah dalam kekhuatiran. Dia akan melarikan diri dari keramaian dan berpaling menuju kesunyian. Terlepas dari sanjungan atau celaan manusia. Baginya, tiada bezanya antara ucapan dan diam, antara suka dengan benci.

Suatu ketika dia ditanya orang.

"Siapakah dirimu...?"

"Laila...!" jawabnya.

"Dari mana engkau datang...?"

"Laila...!", jawabnya.

"Di manakah kurma itu...?"

"Laila...!", jawabnya lagi.

Semua baginya adalah Laila, kerana dia sudah buta daripada apa yang selain Laila dan tuli daripada mendengar perkataan selain daripada Lalia, dia tidak akan kembali hanya kerana celaan seseorang terhadap dirinya. Betapa indahnya bait-bait syair yang diucapkan oleh seorang ulama, yang berbunyi:

وَإِذَا تَسَاعَدَتِ النُّفُوْسُ عَلَى الْـهَوَى فَالْـخَلْقُ تَضْرِبُ فِيْ حَدِيْدٍ بَارِدٍ.

Ertinya:
"Apabila nafsu telah saling membantu atas semua yang engkau ingin, maka akhlak itu seakan-akan ditempa di atas besi yang dingin."

Apabila hati ini benar-benar telah mengenal Allah, mencintai-Nya dan mendekatkan diri kepada-Nya, maka dia akan rasa gelisah terhadap manusia, yang dapat dilihat dalam makannya, minumnya, pakaiannya dan perhatiannya terhadap pasangan hidupnya. Dia takut akan keramaian dan ke luar mencari kesunyian. Dia tidak terikat oleh sesuatu selain daripada perintah syarak. Dia hanya terikat oleh perintah larangan dan perbuatan syarak, hingga sampai datangnya takdir ke atasnya.

Ya Allah...! Janganlah Engkau jauhkan kami daripada tangan rahmat-Mu, sehingga kami tenggelam dalam samudera dunia dan lautan wujud. Wahai Zat Yang Memberi anugerah kemuliaan dan keputusan yang qadim, tautkanlah kami dengannya.

Wahai hamba...! Barangsiapa yang tidak mengamalkan yang aku ucapkan ini, bererti dia tidak memahami perkataanku. Jika dia mengamalkan, bermakna dia memahami apa yang aku katakan. Apabila kamu tidak bersangka baik kepadaku. tidak percaya kerpada apa yang aku ucapkan dan tidak mengamalkannya, bagaimana kamu dapat memahaminya...?

Engkau adalah orang yang kelaparan yang berhenti di hadapanku tetapi tidak memakan hidanganku, bagaimana engkau akan kenyang...? Dari Abu Hurairah, bahawasanya dia berkata, bahawa Rasulullah s.a.w.

bersabda, yang berbunyi:

مَنْ مَرِضَ لَيْلَةً وَاحِدَةً وَهُوَ رَاضٍ عَنِ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ صَابِرٌ عَلَى مَا نَزَلَ بِهِ خَرَجَ مِنْ ذُنُوْبِهِ كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang jatuh sakit selama satu malam, sedangkan dia redha akan Allah 'Azza Wa Jalla, dan bersabar atas apa yang turun kepadanya, maka dia akan keluar dari semua dosa-dosanya seperti ketika ia dilahirkan oleh ibunya."

Engkau tidak akan mampu mendatangkan sesuatu, sedangkan dia adalah suatu kewajipan bagimu. Sesungguhnya Mu'az berkata kepada para sahabat, katanya:

"Berdirilah...! Marilah kita beriman sesaat...!"

Ucapan itu bermaksud:

"Berdirilah...! Marilah kita rasakan sesaat...! Berdirilah dan masuklah pintu sesaat kerana menemai mereka."

Sedangkan beliau, sambil memberikan isyarat untuk melihat sesuatu dengan mata terpejam. Dia memberi isyarat untuk memandang dengan 'ain al-yaqin. Tidaklah setiap muslim itu mukmin dan tidaklah setiap mukmin itu yakin. Oleh itu, ketika seorang sahabat berkata kepada Rasulullah s.a.w., sesungguhnya Mu'az berkata kepada kami: "Berdirilah...! Marilah kita beriman sesaat..!", bukankah kami ini orang-orang yang beriman...? Maka Rasulullah menjawab:

دَعُوْا مُعَاذًا وَشَأْنَهُ.

Ertinya:
"Biarkanlah olehmu Mu'az dengan urusannya...!"

Wahai hamba nafsu dan hawanya, hamba tabiat dan syaitannya....! Tiada kedudukan bagimu di sisi Allah dan di sisi para hamba-Nya yang soleh. Barangsiapa yang menghambakan diri kepada akhirat, bermakna dia tidak akan melihat kepada-Nya. Lantas, bagaimana pula dengan orang yang menjadi hamba dunia...?

Celakalah kamu...! Mengapa engkau hanya banyak bercakap tetapi

tidak melakukan sebarang amal pun...? Kamu sebenarnya adalah berdusta, tetapi menurutmu engkau orang yang jujur. Engkau memper-sekutukan Allah, tetapi menurutmu, engkau mentauhidkan-Nya dengan benar. Engkau tertipu tetapi kamu berkeyakinan bahawa ia adalah sebutir permata.

Aku menyibukkan diriku bersamamu, agar aku dapat mencegahmu daripada kedustaan, menyuruhmu melakukan kejujuran dan memper-lihatkan tiga alat penguji yang aku ketahui, iaitu Kitab Allah, sunnah Rasul dan hatiku. Di dalam seleksi yang terakhir aku akan menjelaskan siapakah orang tersebut. Tidak mungkin sekeping hati akan mencapai kedudukan ini, hingga ia benar-benar telah merealisasikan Kitab Allah, sunnah Rasul dan ilmu yang sudah dimiliki, kerana pengamalan suatu ilmu adalah mahkota bagi ilmu tersebut

Mengamalkan suatu ilmu adalah merupakan nur atau cahaya bagi ilmu tersebut, jernihnya suatu kejernihan dan permata dari permata, inti dari inti. Mengamalkan suatu ilmu akan meluruskan dan menyucikan hati. Jika hati sudah benar, maka akan benarlah semua anggota badan. Tetapi, jika dia terlepas daripada semuanya ini, maka bererti dia pun terlepas dari syurga. Jika pusatnya bagus, maka kerangka bangunannya akan bagus pula. Jika hati ini sudah benar, maka benar pulalah rahsia yang tersembunyi di antara anak-cucu Adam dengan Tuhannya.

Batin itu adalah burung, sedangkan sangkarnya adalah hati. Hati itu adalah burung, sedangkan sangkarnya adalah tubuh. Manakala tubuh pula adalah burung, dan sangkarnya adalah kubur, bahkan kuburlah sangkar hati yang perlu dimasukinya.

Majlis 42

Takwa Kepada Allah Adalah Sumber Kemuliaan

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat pagi, 19 Rajab, 545H.

DIRIWAYATKAN, bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

مَنْ أَحَبَّ اَنْ يَكُوْنَ أَكْرَمَ النَّاسِ فَلْيَتَّقِ اللهَ وَمَنْ اَحَبَّ أَنْ
يَكُوْنَ أَقْوَى النَّاسِ فَلْيَتَوَكَّلْ عَلَى اللهِ وَمَنْ اَحَبَّ أَنْ يَكُوْنَ
أَغْنَى النَّاسِ فَلْيَكُنْ وَاثِقًا بِمَا فِىْ يَدِ اللهِ أَوْثَقَ عَلَى مَا فِىْ يَدِهِ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang ingin menjadi manusia yang paling mulia, maka hendaklah dia bertakwa kepada Allah. Barangsiapa yang ingin menjadi manusia yang paling kuat, maka hendaklah dia bertawakkal kepada Allah. Dan barangsiapa yang ingin menjadi manusia yang paling kaya, maka hendaklah dia percaya kepada apa yang ada di tangan Allah, lebih kukuh daripada apa yang berada di tangannya."

Barangsiapa yang mengingini kemuliaan di dunia dan akhirat, maka hendaklah dia bertakwa kepada Allah, kerana sesungguhnya Dia berfirman, yang berbunyi:

إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ

Ertinya:

"Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah, ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu."

(Al-Hujurat: 13)

Kemuliaan seseorang itu terletak pada ketakwaannya kepada Allah, sementara kehinaan seseorang pula terletak pada kemaksiatannya kepada Allah. Barangsiapa yang mengingini kekuatan dalam agama Allah, maka hendaklah dia bertawakkal kepada-Nya, kerana tawakkal itu membenarkan hati, menguatkannya, membersihkannya, menunjukkan dan memperlihatkannya kepada beberapa keajaiban.

Janganlah engkau bergantung kepada dirhammu, dinarmu dan sebab-sebabmu, kerana sikap yang demikian itu akan melemahkan dan merendahkan martabatmu. Bertawakkallah kamu kepada Allah, kerana sesungguhnya tawakkal itu menguatkan engkau, membantumu, bersikap belas kasihan terhadapmu, dan membuka jalan untukmu dari arah yang tidak kamu sangka-sangka. Selain itu, tawakkal juga akan menguatkan hatimu.

Janganlah engkau peduli dengan datang dan perginya dunia dan akhirat, menghadap dan berpalingnya manusia. Pada ketika ini jadilah engkau sebagai manusia yang paling kuat. Jika engkau bertawakkal kepada hartamu, pangkatmu, keluargamu dan sebab-musababmu, maka dengan itu bererti engkau telah menghadang kemurkaan Allah, serta menyebabkan lenyapnya semua itu daripadamu, kerana Allah itu amat cemburu. Dia tidak suka jika di hatimu tersemat sesuatu selain Dia.

Barangsiapa yang mengingini kekayaan dunia dan akhirat, maka hendaklah dia bertakwa kepada Allah, bukan kepada selain-Nya. Berhentilah engkau di pintu gerbang-Nya dan malulah engkau kepada-Nya, jika engkau mendatangi pintu gerbang yang lain. Pejamkanlah kedua-dua matamu daripada memandang selain Dia, yakni kedua-dua mata hatimu.

Bagaimana engkau mencari kekuatan dengan sesuatu yang engkau miliki, padahal semuanya itu akan lenyap. Oleh itu hendaklah mencari kekuatan dengan Allah yang tidak akan pernah lenyap. Kebodohanmu jualah yang akan membawamu mencari kekuatan dengan selain Dia. Mencari kekuatan dengan-Nya, tak ubahnya bagaikan kekayaan yang

menyeluruh, sementara mencari kekuatan dengan selain-Nya tak ubahnya bagaikan kemiskinan yang menyeluruh.

Wahai orang yang meninggalan ketakwaan....! Engkau benar-benar telah terhalang daripada kemuliaan dunia dan akhirat. Wahai orang yang menyerahkan dirinya kepada makhluk dan sebab-akibat...! Engkau benar-benar telah terhalang daripada kekuatan dan kemuliaan dengan Allah, di dunia dan di akhirat. Dan, wahai orang yang mencari kekuatan dengan apa yang dimilikinya...! Engkau benar-benar telah terhalang daripada kekayaan dari Allah, dunia dan akhirat.

Wahai hamba...! Jika engkau ingin menjadi orang yang bertakwa, tawakkal dan dan memiliki keyakinan dan kukuh, maka wajib atasmu bersabar, kerana kesabaran itu adalah asas bagi semua kebaikan. Jika niatmu untuk bersabar sudah mantap, maka bererti engkau bersabar kerana Allah, dan balasannya bagimu adalah datangnya rasa kecintaan kepada Allah dan kedekatan-Nya kepadamu, di dunia dan di akhirat.

Sabar bererti menyetujui Allah dalam setiap qadha' dan qadar-Nya, yang semuanya itu telah didahului oleh ilmu-Nya, dan tiada seorang juapun daripada manusia atau makhluk-Nya yang mampu menghapus-kan ketentuan-Nya itu. Semuanya ini berlaku bagi seorang yang beriman yang yakin, sedangkan dia bersabar terhadap apa yang ditakdirkan kepadanya secara sukarela bukan kerana terpaksa.

Pada mulanya kesabaran itu berlaku di atas dasar keterpaksaan, dan pada langkah kedua ia berlaku secara sukarela. Bagaimana engkau boleh mengaku sebagai seorang mukmin, sedangkan engkau tidak sedikit pun memiliki kesabaran...? Bagaimana engkau mengatakan sebagai seorang ahli makrifat, sedangkan engkau tidak memiliki keredhaan di dalam dirimu...?

Ketahuilah...! Bahawa semuanya ini tidak akan terwujud hanya dengan pengakuan semata-mata. Tiada lagi pembicaraan dalam hal ini, sehingga engkau melihat pintu gerbangnya, dan kamu berbantal dengan bantal kesengsaraan serta bersabar di atas pijakan langkah kepastian, langkah mudarat dan langkah manfaat.

Dengan demikian, ia menginjak jasad hatimu, bukan jasad badanmu, sedangkan kamu masih berada kaku di tempatmu, tidak berganjak sedikit juapun, tak ubahnya bagaikan sepokok kayu terpacak, seakan-akan dirimu adalah tubuh tanpa nyawa. Permasalahan ini memerlukan

ketenangan tanpa suatu gerak, tunduk tanpa kata-kata, bersembunyi daripada manusia tanpa hadir bersama mereka secara hati, batin, rahsia dan secara maknawi.

Betapa banyaknya yang telah aku gambarkan, sedangkan kamu tidak pernah melaksanakannya. Betapa banyaknya, betapa panjangnya, betapa terbentangnya dan betapa aku telah membentangkan, sedangkan kamu tidak pernah memahaminya. Betapa banyaknya yang telah aku berikan, tetapi kamu tidak menerimanya. Betapa banyaknya yang sudah aku tuturkan kepada kamu, sedangkan kamu tidak mahu mengambil pelajaran daripadanya.

Seandainya kamu mengenal-Nya, percaya tentang pertemuan dengan-Nya, serta mengingat tentang kematian dan apa-apa yang akan berlaku di sebalik kematian itu, maka kamu tidak akan bersikap seperti ini. Bukankah kamu telah menyaksikan kematian ayah, ibu atau ahli keluargamu...? Bukankah kamu telah menyaksikan kemangkatan raja-raja kamu...? Cepatlah...! Ambillah pelajaran dari semuanya itu. Cegahlah dirimu untuk mengejar dunia dan senang untuk mengekalkan diri di dalamnya. Cepatlah...! Ubahlah hati kamu, gantikan dan keluarkanlah manusia dari dalamnya.

Allah Taala berfirman, yang berbunyi:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُواْ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ ...

Ertinya:
"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum, sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri."

(Ar-Ra'd: 11)

Kamu berkata, tetapi kamu tidak mengamalkannya. Berapa banyak kamu mengatakan bahawa kamu beramal, sedangkan kamu tidak mengamalkannya. Berfikirlah kamu, janganlah kamu berperilaku buruk di hadapan Yang Maha Haq. Carilah kekuatan, nyatakan, gantilah dan berfikirlah kamu semua. Semua yang kamu alami ini tidak akan bermanfaat bagimu di akhirat kelak. Kamu telah bersikap bakhil terhadap dirimu. Seandainya kamu mahu bersikap agak sedikit dermawan, maka kamu akan memperolehi sesuatu yang bermanfaat kerananya di akhirat

kelak.

Kamu hanya disibukkan oleh sesuatu yang bakal musnah, dan melalaikan sesuatu yang tidak akan musnah. Janganlah kamu sibuk dengan mengumpulkan harta, isteri dan anak-anak, kerana dalam waktu dekat semuanya itu akan berubah antara kamu dengan mereka. Di antara kamu dengan mereka akan terdapat suatu penghalang.

Janganlah kamu sibuk mencari dunia, mencari kemuliaan dengan manusia, kerana mereka tidak akan melepaskan kamu dari Allah. Hatimu sudah dikotori oleh kemusyrikan, ragu terhadap Allah, berpaling daripada-Nya dalam segala keadaanmu. Ketika Dia mengetahui bahawa semuanya itu berada di dalam dirimu, maka Dia membencimu dan menaruh rasa kebencian kepadamu di dalam hati para hamba-Nya yang soleh.

Diceritakan, bahawa seorang ulama tidak pernah ke luar dari rumahnya, kecuali dengan kedua-dua matanya yang tertutup dan berjalan dengan dituntun oleh seorang anaknya. Maka ditanyakan kepadanya, mengapa dia berbuat seperti itu. Maka ulama itu menjawab:

"Supaya aku tidak tidak melihat seorang yang ingkar kepada Allah."

Suatu ketika, ulama tersebut ke luar dari rumahnya dengan mata terbuka, lalu dia melihat. Bagaimanapun, jatuh sesuatu yang menimpa matanya sehingga kedua-dua matanya tertutup. Dengan demikian, terlihatlah betapa benarnya kecemburuan Allah. Bagaimana kamu menyembah selain Dia dan mempersekutukan-Nya..? Bagaimana kamu dapat memakan nikmat-Nya, sedangkan dalam masa yang sama kamu mengingkari-Nya.

Kamu tidak merasakan hal itu, bahkan kamu makan bersama-sama dengan orang kafir dan duduk bersama mereka, kerana dalam hatimu tidak bersemayam keimanan dan kecemburuan kepada Allah. Tanggal-kanlah baju kebusukan kepada Allah itu dari tubuhmu. Jauhilah keharaman dunia dan sesuatu yang syubhat, kemudian tinggalkanlah yang mubah-mubah daripadanya, yakni sesuatu yang dibolehkan bagi kamu tetapi kamu mengambilnya dengan dorongan syahwat, kerana apa yang kamu perolehi dengan dorongan syahwat dan kesenangan itu akan menyibukkan kamu sehingga menjauhkan kamu daripada Allah. Rasulullah s.a.w. bersabda:

اَلدُّنْيَا سِجْنُ الْـمُؤْمِنِيْنَ.

Ertinya:
"Dunia adalah penjara orang beriman."

Aduhai...! Bagaimana mungkin seorang pesalah akan rasa berbahagia di dalam sebuah penjara...? Tidak...! Dia tidak akan berbahagia, dia hanya akan menampakkan kegembiraan di wajahnya sedangkan kesedihan bersarang di dalam hatinya. Dia menampakkan kebahagiaan pada zahiryahnya, sedangkan malapetaka mendera batinnya, sirrnya dan pengasingan (khalwat)nya. Pengertiannya adalah bagaikan luka-luka yang dibalutnya di bawah bajunya.

Seluruh anggota badannya dibalut dengan baju senyuman. Kerana itulah dia dibangkitkan oleh Allah di hadapan para malaikat-Nya. Dia memberi isyarat dengan jari, iaitu kepada setiap orang daripada mereka sebagai seorang pemberani di dalam wilayah agama Allah. Mereka bersabar bersama-Nya dan mereka telan kepahitan dan semua ketentuan yang diberikan-Nya. Dia mencintai mereka, Allah berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّـٰبِرِينَ ﴿١٥٣﴾

Ertinya:
"Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar."

(Al-Baqarah: 153)

Semestinyalah Dia mengujimu, agar Dia mencintaimu. Selama engkau melaksanakan perintah dan menjauhi semua larangan-Nya, maka bertambahlah kecintaan-Nya kepadamu. Dan selama engkau bersabar atas semua ujiannya, maka akan bertambahlah kedekatan-Nya kepadamu.

Diriwayatkan, bahawa sebahagian ulama berfatwa, katanya:

"Sesungguhnya Allah tidak akan mahu menyeksa kekasih-Nya, tetapi Dia akan mengujinya untuk melihat kesabarannya."

Rasulullah s.a.w. bersabda:

كَانَ الدُّنْيَا لَـمْ تَكُنْ وَكَأَنَّ الْأَخِرَةَ لَـمْ تَزَلْ.

Ertinya:
"Seakan-akan dunia ini tidak pernah wujud, dan seakan-akan akhirat itu tidak akan pernah musnah."

Wahai pemburu dunia...! Wahai pencinta dunia...! Menghadaplah kamu kepadaku, sehingga aku dapat memberitahu aib-aib dan cela dunia ini kepada kamu semua. Di samping itu, akan kutunjukkan kepada kamu jalan Allah serta mempertemukan kamu dengan orang-orang yang mencari atau menginginkan Zat Allah.

Kamu berada di dalam kebodohan...! Dengarkanlah apa yang aku katakan kepada kamu dan amalkanlah dengan ikhlas. Jika kamu mengetahui apa yang aku katakan dan kamu mati dalam mengamalkannya, maka kamu akan diangkat ke tempat yang paling tinggi عِلِّيِّيْنَ. Maka di sana kamu akan melihat, bahawa sumber daripada yang aku katakan ini adalah dari sana, maka kamu akan mendoakan dan memberi salam kepadaku, sedangkan kamu dapat melihat dan menyatakan hakikat apa yang aku tunjukkan kepadamu.

Wahai bangsaku...! Tanggalkanlah kecurigaan kepadaku dari hatimu. Kerana aku bukanlah orang yang bermain-main dan mengejar dunia. Sesungguhnya aku mengatakan kebenaran dan menunjukkan kebenaran itu kepadamu. Sepanjang usiaku, aku sentiasa bersangka baik kepada orang-orang soleh dan melayani mereka, dan itulah yang kemudian bermanfaat bagi diriku. Aku tidak pernah mengharapkan upah daripadamu atas nasihat yang aku berikan kepadamu, atau ke atas kata-kata yang aku ucapkan kepadamu.

Ketahuilah...! Bahawa harga yang aku harapkan daripada kata-kataku ialah jika kamu mengamalkannya. Dia adalah pembicaraan yang layak untuk khalwat dan ikhlas. Kemunafikan akan terputus ketika putusnya kemampuan. Sedangkan sebab-musabab memandang kepada keimanan dan keyakinan, bukan kepada nafsu dan syahwat, ia diserahkan kepada orang yang beriman, bukan kepada orang munafik.

Wahai bangsaku...! Jauhilah kebodohan dan angan-angan yang batil, sebaliknya sibukkanlah dirimu dengan mengingati Allah. Berbicaralah kamu dengan pembicaraan yang bermanfaat untuk dirimu dan berdiam dirilah kamu daripada sesuatu yang boleh merugikan kamu. Jika kamu ingin berbicara, maka fikirkanlah apa yang akan kamu katakan. Inilah sebabnya, maka dikatakan bahawa lidah orang bodoh itu terletak di depan hatinya, sedangkan lidah orang yang alim itu terletak di belakang hatinya.

Membisulah kamu...! Jika Allah menghendaki pembicaraanmu, maka Dia akan membuatmu berbicara. Jika Dia menginginkan engkau untuk

suatu permasalahan, maka akan disediakan-Nya sarananya buatmu. Temanilah dirimu dengan kebisuan yang menyeluruh, sehingga apabila kebisuanmu itu telah mencapai kesempurnaannya, maka akan datanglah bicara daripada-Nya, jika Dia menghendakinya, atau Dia mengekalkannya hingga engkau bertemu dengan akhirat. Inilah pengertian sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

مَنْ عَرَفَ اللهَ كُلَّ لِسَانُهُ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang mengenal Allah, maka akan kelulah lidahnya."

Kelu lidahnya untuk berpaling daripada-Nya dalam segala-galanya, lahir dan batin. Jadilah engkau menurut-Nya dan tidak pernah menentang-Nya. Kedua-dua matanya buta untuk memandang selain daripada Allah. Remuklah batinnya, kacau bilaulah urusannya dan tercerai berailah hartanya, dia ke luar dari perwujudannya, ia keluar daripada dunia dan akhiratnya, hilang nama dan bentuknya, sebagai-mana yang dinyatakan oleh Allah Taala dalam firman-Nya, yang berbunyi:

ثُمَّ إِذَا شَآءَ أَنشَرَهُۥ ﴿٢٢﴾

Ertinya:
"Kemudian apabila Dia menghendaki, Dia akan membangkitkannya kembali."

('Abasa: 22)

Dia mewujudkannya setelah tiada, dan Dia mengembalikannya dalam bentuk yang lain. Dia meleburkannya dengan kekuasaan peleburan-Nya dan mengembalikannya dengan kuasa kekekalan-Nya untuk mencari pertemuan. Kemudian Dia mengembalikannya untuk menyeru manusia daripada kemiskinan menuju kekayaan. Adapun yang dikatakan dengan kaya itu ialah kaya dengan Allah dan bertemu dengan-Nya. Sedangkan kemiskinan itu ialah terjauh daripada Allah dan merasa kaya dengan selain-Nya. Kekayaan bersumber dari hati dengan kedekatan kepada Allah, sedangkan kemiskinan ialah tiadanya hal tersebut.

Oleh yang demikian, maka barangsiapa yang menginginkan kakayaan, maka hendaklah dia meninggalkan dunia dan akhirat serta apa yang ada di dalamnya, dan secara umumnya ialah meninggalkan segala sesuatu selain daripada Allah. Keluarlah segala sesuatunya dari hatinya sedikit

demi sedikit.

Janganlah engkau terbelenggu dengan sedikitnya harta yang engkau miliki. Sesungguhnya barang yang sedikit padamu itu akan selalu bertambah di dalam jalan kemudahan kepada-Nya. Dijadikan-Nya kenikmatan untuk kamu yang dapat kamu jadikan sandaran kepada-Nya, dan menjadikan nikmat-Nya sebagai dalil bagimu atas sifat pengasih dan penyayang-Nya, serta dijadikan ilmu bagimu agar kamu dapat mengambil petunjuk daripada cahaya-Nya.

Ya Allah....! Tunjukkanlah hati kamu kepada-Mu.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."
(Al-Baqarah: 201)

Majlis 43

Jika Kamu Ingin Bahagia Tentanglah Nafsumu

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad, 21 Rajab, 545H.

WAHAI hamba...! Apabila kamu menginginkan kebahagiaan, maka tentanglah keinginan nafsumu, dengan tujuan untuk mengikut kehendak Tuhanmu. Setujuilah nafsumu dalam mentaati-Nya, tetapi tentanglah ia dalam derhaka kepada-Nya. Nafsumu akan menjadi tabir atau hijab penghalang antara engkau dengan manusia, sedangkan manusia adalah menjadi penghalangmu untuk mengenal Allah.

Selama engkau bersama dengan nafsumu, maka engkau tidak akan mengenal manusia, dan selama engkau bersama manusia, maka engkau tidak akan mengenal Allah. Selama engkau bersama dunia, engkau tidak akan mengenal akhirat, dan selama engkau bersama akhirat, engkau tidak akan melihat Allah.

Raja dengan hamba tidak akan mungkin bersatu, sebagaimana tidak akan mungkin bersatunya dunia dan akhirat. Demikian juga tidak akan bersatu antara makhluk dengan Khaliqnya. Nafsu akan mengajak kepada keburukan. Inilah daya tarikan yang dimainkan oleh nafsu terhadap jiwamu untuk menjauhkan dirimu daripada Allah. Oleh itu, perintahlah nafsumu dengan perintah hati, perangilah ia dalam semua keadaanmu, dan berhujjahlah untuknya dengan firman Allah yang berbunyi:

فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَىٰهَا ﴿٨﴾

Ertinya:
"Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya."

(Asy-Syams: 8)

Nafsu itu akan cair dengan selalu diperangi. Apabila ia sudah cair dan melebur, maka ia akan tunduk kepada hati, kemudian hati itu akan tunduk kepada batin, dan kemudian batin itu akan tunduk kepada Allah, sehingga jadilah segala-galanya terfahami dari sana.

Jika peleburan terhadap nafsu itu telah sempurna, maka akan datanglah panggilan dari hatimu, sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu membunuh dirimu, sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu."

(An-Nisa': 69)

Firman ini adalah datang daripada Allah Yang Maha Benar, setelah bersihnya hati daripada kekotoran dan keburukan-keburukannya. Kejahatan itu akan hancur dan hati akan gemuk dengan mengingati Allah dan taat kepada-Nya. Jika semua ini tidak engkau dapatkan, maka janganlah engkau berharap untuk mendekati-Nya dengan hati yang kotor dan buruk.

Bagaimana engkau akan berjaya mendekatkan diri kepada-Nya dengan hati yang dipenuhi oleh najis...? Pendekatan angan-anganmu adalah nafsu, maka nafsu itu akan menghantar engkau kepada apa yang engkau kehendaki. Nasihatilah nafsumu dengan nasihat Rasulullah s.a.w., iaitu dengan sabda baginda yang berbunyi:

إِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تُحَدِّثْ نَفْسَكَ بِالْمَسَاءِ وَإِذَا أَمْسَيْتَ فَلَا تُحَدِّثْ نَفْسَكَ بِالصَّبَاحِ فَإِنَّكَ لَا تَدْرِيْ مَاسْمُكَ غَدًا.

Ertinya:
"Apabila engkau berada pada waktu pagi, maka janganlah engkau berbincang kepada nafsumu tentang waktu petang. Jika engkau berada pada waktu petang, maka janganlah engkau berbincang

kepada nafsumu tentang waktu pagi. Kerana engkau tidak akan mengetahui apakah namamu esok hari."

Engkau lebih kasihan kepada nafsumu daripada kepada orang lain, sedangkan engkau telah mempersia-siakannya. Bagaimana orang lain akan bersimpati kepadanya dan memeliharanya..? Angan-angan dan gejolak nafsumu yang kuat telah membuat engkau mempersia-siakannya. Bersungguh-sungguhlah engkau untuk memendekkan angan-angan dan mengurangi gejolak nafsumu, mengingat kematian dan takut kepada Allah, mencari pengubatan daripada jiwa para al-siddiqin dan kata-kata mereka, dengan berzikir yang mampu membersihkan diri daripada kekotoran, baik siang atau malam.

Katakanlah kepada nafsumu itu, bahawa akan berguna baginya kebaikan yang diusahakannya dan akan membahayakannya semua keburukan yang dilakukannya. Seseorang tidak akan beramal untuknya dan tidak akan memberikan sedikit pun daripada amalan mereka kepadanya.

Oleh yang demikian, maka amalan dan usaha itu adalah suatu kemestian. Temanmu adalah orang yang mencegahmu, sedangkan musuhmu adalah orang yang menyesatkan engkau. Sesungguhnya aku melihatmu berdiri di sisi makhluk, bukan di sisi Khaliq. Kamu tunaikan hak nafsu dan makhluk, dan kamu abaikan hak Allah. Kamu bersyukur kepada selain-Nya atas nikmat-nikmat yang diberikan-Nya kepadamu.

Ketahuilah, bukan orang yang memberikan kepadamu itu yang memberikan nikmat kepadamu, sehingga engkau bersyukur kepadanya. tetapi semuanya itu adalah nikmat Allah, dan bersyukurlah engkau kepada-Nya.

Jika engkau mengetahui, bahawa semua yang ada padamu itu adalah nikmat daripada Allah, maka di manakah letak kesyukuranmu itu...? Jika engkau mengetahui bahawa Allah adalah Penciptamu, maka di manakah pengabdianmu dalam melaksanakan perintah dan menjauhi larangan-Nya serta bersabar atas semua ujian-Nya...? Perangilah nafsumu hingga engkau mendapatkan petunjuk Allah. Allah berfirman, yang berbunyi:

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُوا۟ فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ...

Ertinya:
"Dan orang-orang yang bersungguh-sungguh untuk (mencari keredhaan) Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami."

(Al-'Ankabut: 69)

Dan firman-Nya lagi yang berbunyi:

إِن تَنصُرُوا۟ ٱللَّهَ يَنصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ ﴿٧﴾

Ertinya:
"Jika engkau menolong (agama) Allah, maka Dia akan menolong kamu dan meneguhkan kedudukanmu."

(Muhammad: 7)

Janganlah engkau memberi kemudahan kepada nafsumu itu dan jangan pulalah kamu mentaatinya, supaya engkau memperolehi kebahagiaan. Janganlah engkau tersenyum kepadanya, dan jawablah seribu persoalannya dengan satu kata saja sehingga dia bersih, tenang dan merasa puas.

Apabila nafsumu itu meminta sesuatu yang menyenangkan dan lazat, maka tundalah kehendaknya itu, kemudian katakanlah kepadanya, bahawa apa yang dijanjikan untuknya adalah syurga. Sabarkanlah nafsumu atas pahitnya halangan sehingga datangnya suatu pemberian.

Jika engkau mampu menyabarkannya, maka engkau akan menjadi sabar, maka Allah akan bersamanya, kerana Allah berfirman, sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran, yang berbunyi:

إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّـٰبِرِينَ ﴿١٥٣﴾

Ertinya:
"Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar."

(Al-Baqarah: 153)

Janganlah engkau menerima bisikannya, kerana nafsu itu tidak akan pernah menyuruh, melainkan keburukan dan kederhakaan. Jika kamu telah mengikut bisikannya, maka tentanglah, kerana di dalam penentangan itu malah terdapat kebaikan bagimu.

Wahai orang yang mengharapkan Allah, sedangkan dia berdiam

bersama nafsunya, maka sesungguhnya dia telah berdusta dengan harapannya itu. Nafsu dan Maha Pencipta tidak akan mungkin bersatu. Dunia dan akhirat juga tidak akan mungkin bersatu.

Barangsiapa yang berdiam bersama nafsunya, maka peluangnya untuk berdiam bersama Allah Yang Maha Haq sudah terlepas. Berdiam bersama dunia akan melepaskan peluangnya untuk berdiam bersama akhirat. Rasulullah s.a.w. bersabda, yang bermaksud:

"Barangsiapa yang mencintai dunianya, maka hal itu akan memudaratkan akhiratnya. Barangsiapa yang mencintai akhirat, maka hal itu akan memudaratkan dunianya."

Bersabarlah kamu...! Jika kesabaran itu telah mencapai kesempurnaan, maka sempurna pulalah keredhaan dan kebebasanmu, sehingga segala-galanya menjadi baik bagimu. Semuanya akan beralih menjadi kesyukuran, kejauhan beralih menjadi kedekatan dan kemusyrikan beralih menjadi tauhid, sehingga engkau akan melihat dan berkeyakinan, bahawa seorang manusia tidak akan mampu memberi manfaat atau mudarat.

Bahkan kamu juga akan melihat hal-hal yang berlawanan, sedangkan pintu-pintu dan penjuru-penjuru angin menjadi satu, sehingga engkau tidak melihat, melainkan kepada satu arah saja. Suatu sikap dan keadaan yang tidak mungkin dapat dilakukan oleh semua manusia, bahkan ia akan hanya dapat dilakukan oleh seorang dalam setiap sejuta manusia, yang sentiasa akan diganti apabila orang-orang ini meninggal dunia.

Wahai hamba...! Bersungguh-sungguhlah kamu agar engkau dapat mematikan dirimu di hadapan Allah. Berusahalah engkau untuk mematikan nafsumu sebelum nyawamu ke luar dari tubuhmu. Matikanlah ia dengan kesabaran dan perlawanan. Maka dalam waktu dekat, akibat perbuatan itu akan terpuji. Kesabaran itu tak ubahnya bagaikan dileburkan, tetapi balasannya tidak akan terlebur. Sesungguhnya aku bersabar, dan aku melihat bahawa akibat kesabaran itu ialah terpuji.

Aku mematikan diriku, kemudian Dia menghidupkanku dan mematikanku. Aku menyembunyikan diriku, kemudian Dia mewujudkan aku daripada tersembunyi itu. Aku menghancurkan diriku bersama-Nya dan aku berkuasa bersama-Nya. Aku berjuang memerangi nafsuku di dalam pemilihan dan keinginan, sehingga semuanya semuanya itu dapat kuperolehi.

Maka jadilah takdir itu sebagai penuntunku, nikmat-Nya menolongku, perbuatan-Nya menggerakan aku, kecemburuan-Nya memeliharaku, kehendak-Nya membuat saya taat, keputusan-Nya yang terdahulu telah menyongsongku dan Allah menaikkan darjatku.

Celakalah kamu...! Kamu menjauhkan diri daripadaku, sedangkan aku telah mendidikmu secara keras untuk menjagamu. Tempatmu adalah di sisiku, jika tidak maka engkau akan menjadi orang yang binasa. Wahai orang kecil yang bodoh...! Kerjakanlah hajimu kepadaku lebih dahulu, kemudian barulah engkau berhaji ke Baitullah. Aku adalah pintu Kaabah yang tinggi sehigga aku dapat melihatmu bagaimana engkau melaksanakan ibadah haji. Aku akan mengajarkan kepadamua bagaimana caranya bermunajah kepada tuhan Kaabah. kamu akan melihatnya kelak, apabila debu-debu yang melekat itu sudah hilang.

Duduklah engkau wahai orang yang sentiasa was-was...! Hampirlah engkau kepadaku, kerana aku akan memberi kekuatan dari Allah. Kaum itu memerintahkan sesuatu yang aku perintahkan kepada kamu, dan mencegah sesuatu yang sudah aku cegah bagi kamu. Telah diserahkan kepada mereka nasihat untukmu, dan mereka telah melaksanakan amanah tersebut.

Beramallah kamu di dalam perkampungan hikmah, sehingga kamu berjaya mencapai perkampungan kepastian dan kekuasaan. Dunia adalah perkampungan hikmah, sementara akhirat adalah negara kepastian. Hikmah memerlukan jalan dan prasarana serta sebab-musabab, sedangkan kepastian tidak memerlukan semuanya itu. Allah menciptakan hal itu untuk membezakan antara perkampungan kepastian dan perkampungan hikmah.

Di akhirat akan terciptalah suatu kewujudan tanpa sebab-musabab. Semua anggota badanmu akan berbicara dengan menjadi saksi ke atas semua yang telah engkau lakukan dari penderhakaan kepada Allah. Pada hari kiamat kelak, akan terbukalah semua hijab, akan tampaklah semua kehinaan, sama ada engkau rela atau tidak.

Tiada seorang makhluk juapun yang memasuki neraka kecuali dengan hati yang dingin, kerana adanya alasan terhadap hal tersebut. Bacalah kitab kamu dengan sunnah Rasulullah s.a.w., fikirkanlah dan kemudian bertaubatlah daripada segala keburukan dan bersyukurlah atas segala kebaikan. Hitunglah catatan kemaksiatanmu dan habiskanlah bait-baitnya

dengan taubat.

Wahai hamba...! Engkau benar-benar telah kembali kepadaku dan bergaul denganku. Seandainya kamu tidak menerima apa yang aku katakan kepadamu, maka apakah lagi yang akan bermanfaat bagi dirimu...? Engkau bersembunyi di sebalik bentuk tanpa hakikat. Barangsiapa yang ingin bersahabat denganku, maka hendaklah dia menerima apa yang aku katakan kepadanya, kemudian mengamalkannya. Berputarlah kamu sebagaimana aku berputar. Jika dia tidak melakukannya, maka janganlah ia bersahabat denganku. Kerana itu akan mendatangkan kerugian yang lebih besar daripada keuntungannya.

Aku tak ubahnya bagaikan meja makan yang dekat, tetapi tiada seorang juapun yang mahu makan sesuatu daripadaku. Aku juga tak ubahnya bagaikan pintu yang terbuka lebar, tetapi tiada seorang juapun yang mahu memasukiku. Apakah yang akan kamu amalkan...? Berapa kalikah sudah aku katakan kepadamu, sedangkan kamu tidak mahu mendengarkan kata-kataku...? Padahal aku menginginkan sesuatu yang bermanfaat bagi dirimu, bukan untuk diriku. Aku tidak pernah takut dan berharap kepadamu.

Bagiku tiada bezanya antara keramaian dengan kesunyian, antara kekekalan dengan kematian, antara kekayaan dengan kemiskinan, antara raja dengan hamba. Semua urusan itu berada di tangan selain engkau. Ketika aku mengeluarkan kecintaan akan dunia dari hatiku, maka terlepas semuanya itu daripadaku.

Bagaimana tauhid yang ada padamu itu akan menjadi benar, sedangkan dalam masa yang sama di hatimu bersemayam kecintaan kepada dunia...? Bukankah kamu telah mendengar sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

حُبُّ الدُّنْيَا رَأْسُ كُلِّ خَطِيْئَةٍ.

Ertinya:
"Mencintai dunia adalah sumber daripada semua kesalahan."

(Hadis dhaif)

Selama engkau masih berada pada tahap permulaan, baru masuk dan masih mencari dan menerokai jalan kebenaran, maka mencintai dunia bagimu adalah merupakan sumber semua kesalahan. Jika batinmu telah mencapai puncaknya dan menemui kedekatan kepada Allah, maka Dia

akan mencintakan kepadamu apa-apa yang menjadi bahagianmu di dunia ini dan membencikan engkau atas bahagian orang lain.

Dia mencintakan kamu atas bahagianmu, sehingga engkau memenuhinya kerana hendak merealisasikan ilmu-Nya yang terdahulu atas dirimu. Kemudian kamu menerima bahagian-bahagian itu tanpa menolah lagi kepada bahagian-bahagian yang diperuntukkan bagi orang lain, sementara hatimu tetap teguh bersama-Nya sambil berbolak-balik di dunia, sebagaimana berbolak-baliknya penghuni syurga di dalam syurga

Semua yang terjadi atas dirimu adalah bersumber dari Allah kekasihmu, kerana kamu mempunyai keinginan yang sejalan dengan keinginan-Nya, dan mempunyai pilihan sesuai dengan pilihan-Nya, berpusat kepada qadha' dan qadar-Nya dan melepaskan hatimu daripada segala sesuatunya selain Dia. Dengan demikian, maka jadilah pengambilanmu terhadap bahagianmu dan kecintaanmu kepadanya adalah kerana Dia, bukan kerana dirimu.

Seorang munafik yang menunjuk-nunjukkan dan membanggakan amalnya, dengan sentiasa berpuasa pada siang hari dan melakukan ibadah solat pada malamnya, makan dan berpakaian dengan semua yang kasar-kasar, sedangkan dia berada dalam kegelapan batin. Hatinya tidak pernah melangkah walau setapakpun kepada Tuhannya. Maka dia termasuk kepada orang yang beramal dengan gigih, yang rahsianya amat nyata di mata para al-siddiqin, aulia' dan orang-orang soleh yang bertemu dengan Allah, yang pada hari ini hal mereka hanya diketahui oleh orang-orang yang khusus, sedangkan kelak ia akan diketahui oleh orang-orang awam.

Apabila orang-orang yang khusus melihatnya maka mereka pun memurkainya dengan hati mereka, tetapi mereka menutupinya dengan tirai Allah. Janganlah suatu kaum mendesakmu dengan kemunafikan-nya, kerana kamu bukan orang yang kosong daripada sikap itu.

Tidak perlu lagi dibicarakan, sehingga engkau memutuskan tali pinggangmu, memperbaharui keIslamanmu, merealisasikan taubat dengan hatimu dan mengeluarkan dirimu daripada jerat perangaimu, hawa nafsu dan kewujudanmu, menarik kemanfaatan untuk dirimu dan membuang kerugian daripadamu.

Tidak perlu dibicarakan lagi, sehingga engkau keluar dari dirimu sendiri dengan meninggalkan nafsu, syahwat, sifat ke "aku" an dan perangaimu di atas pintu hatimu. Engkau tinggalkan hatimu di lorong-lorong yang sempit, dan meninggalkan batinmu di dalam kamar milik Maha Raja.

Segeralah engkau kembali ke dasar bangunannya, jika engkau telah berjaya membangunnya dengan kukuh, maka segeralah engkau menuju kepada bangunannya. Air bagi suatu asas bangunan itu ialah kepandaian di dalam agama, kepandaian hati, bukan kepandaian mulut. Kebijaksanaan hati mendekatkan engkau kepada Allah, sedangkan kebijaksaanaan lisan mendekatkan engkau kepada manusia dan penguasanya.

Kebijaksanaan hati akan meninggalkan engkau di tengah-tangah majlis mendekatkan diri kepada Allah, membangkitkan engkau, menaik-kanmu dan mendekatkan garis kehidupanmu kepada Tuhanmu.

Celakalah engkau...! Engkau telah mensia-siakan waktumu untuk menuntut ilmu, sedangkan engkau tidak pernah mengamalkannya. Engkau berada dalam kebodohan di atas kebodohan. Engkau melayani musuh-musuh Allah dan bersekutu dengan mereka, sedangkan Dia terlepas darimu dan dari orang-orang yang engkau bersekutu dengannya.

Sedarkah engkau, bahawa engkau kini menjadi hamba bagi orang yang mengendalikan dirimu...? Jika engkau ingin kemenangan, maka tangalkanlah tali pengikat hatimu itu dengan kekuasaan Allah, kemudian engkau serahkan tali itu kepada-Nya, bertawakkal kepada-Nya dengan ketawakkalan yang tidak berbelah bagi, layanilah Dia dengan zahir dan batinmu.

Janganlah engkau mempunyai prasangka kepada-Nya, kerana Dia tidak layak untuk dicurigai. Dia lebih mengerti tentang dirimu daripada engkau sendiri. Dia Maha Mengetahui, sedangkan engkau tidak mengetahui. Adalah wajib bagimu untuk berdiri tetap di hadapan-Nya, menundukkan kepala, memejamkan mata dan membisu hingga datang izin daripada-Nya untuk berbicara, sehingga engkau berbicara dengan-Nya, bukan dengan dirimu sendiri. Jika demikian, maka pembicaraanmu akan menjadi ubat bagi penyakit hati, menyembuhkan batin dan menerangi akal.

Ya Allah...! Terangilah hati kami dan tunjukkanlah ia kepada-Mu. Bersihkanlah batin kami dan dekatkanlah ia kepada-Mu.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 44

Dunia Adalah Penjara Bagi Orang Beriman

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Selasa, 23 Rajab, 545H.

ORANG mukmin adalah orang yang terasing dalam dunia, manakala orang zahid adalah orang yang terasing dalam akhirat, sedangkan para 'arifin adalah orang yang mengasingkan dirinya daripada selain Allah.

Seorang mukmin terpenjara di dalam dunia, meskipun dia memperolehi rezeki yang melimpah ruah dan kedudukan yang tinggi. Keluarganya bergelut dengan harta dan kedudukannya, mereka bergembira dan tertawa di sekelilingnya, sementara dia sendiri berada dalam penjara batin. Kebahagiaan terpancar di wajahnya, sementara kesedihan bersemayam di hatinya. Dia mengetahui dunia kemudian dia memisahkannya dengan hatinya.

Talak pertama yang dilakukannya ialah talak satu, kerana dia masih khuatir akan datangnya perubahan bagi satu keadaan. Suatu ketika, di saat mereka berada dalam keadaan demikian, maka akhirat membukakan pintunya, sehingga terpancarlah warnanya, maka dia menceraikan dunia dengan talak yang kedua

Kemudian datang pula cahaya yang lain memeluknya, maka dia mentalak dunia ini dengan talak tiga dan dia bersama akhirat secara keseluruhan. Setelah beberapa ketika dia berada dalam keadaan demikian, maka memancarlah nur (cahaya) Ilahi, maka dia menceraikan akhirat.

Maka berkatalah dunia kepadanya:

"Mengapa engkau menceraikan aku...?", tanya dunia.

"Kerana aku melihat yang lebih baik daripadamu...!", jawabnya.

"Mengapa engkau menceraikan aku...?", tanya akhirat pula.

"Kerana engkau hanyalah ciptaan yang dibentuk...! Bagaimana aku tidak akan menceraikan engkau...?", jawabnya.

Pada ketika ini, nyatalah kemakrifatannya kepada Tuhannya, sehingga jadilah dia merdeka dari selain Allah. Terasing di dunia dan di akhirat. Tersamar daripada segala-galanya dalam menghapuskan segala-galanya.

Maka berdirilah dunia untuk melayaninya. Layanan itu kelihatan nyata dalam kehidupannya dan keluarganya. Keluarganya itu siap sedia melaksanakan amal dengan melepaskan perhiasannya yang kelihatan nyata pada anak-anaknya. Dijadikannya yang demikian itu agar ia berpaling dari dunia bagaikan berpalingnya seorang ratu kepada lelaki yang lain, diberikannya hadiah-hadiah kepada lelaki itu melalui perempuan-perempuan tua dan hamba-hamba sahaya perempuan untuk menjaga lelaki itu dan kecemburuan kepadanya.

Menghadaplah engkau kepada Tuhanmu dengan semua kewujudanmu. Tinggalkanlah hari esok ke menghidupkan malamnya. Barang-kali, ketika datangnya hari esok, engkau sudah menjadi mayat. Dan engkau, wahai orang kaya, janganlah engkau sibuk dengan kekayaanmu dan terlepas daripada-Nya. Barangkali, apabila hari esok datang, sedangkan engkau menjadi orang kafir.

Janganlah engkau bersama sesuatu, malahan bersamalah engkau dengan Maha Pencipta. Dia adalah Zat yang tidak sama dengan sesuatu. Janganlah engkau mencari kesejukan dan ketenangan dari yang lain, selain daripada-Nya. Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا رَاحَةَ لِـمُؤْمِنٍ مِنْ دُوْنِ لِقَآءِ رَبِّهِ.

Ertinya:
"Tiada ketenangan bagi orang mukmin, selain daripada ketika bertemu dengan Tuhannya."

(Hadis Marfu')

Jika apa yang ada di antara engkau dengan manusia itu menjadi hancur,

maka akan bersemaraklah apa yang ada di antara engkau dengan diri-Nya, maka itu bererti Dia telah memilih engkau, janganlah engkau merasa terpaksa dengan pilihan-Nya itu.

Barangsiapa yang bersabar bersama Allah, maka dia akan melihat beberapa keajaiban daripada kelemah-lembutan Allah. Barangsiapa yang bersabar dalam kemiskinan, maka akan datang kepadanya suatu kekayaan. Oleh itu, perbanyakkanlah melakukan apa yang dilakukan oleh para Nabi dalam menjaga dan mengasihi terhadap para hamba dalam suatu daerah asing.

Ketika seorang hamba berhina dina kepada-Nya, maka Dia akan memuliakannya. Ketika seorang hamba bertawaduk kepada-Nya, maka Dia akan menaikkannya. Dialah yang memuliakan dan menghinakan. Dialah yang menaikkan dan menurunkan, yang meletakkan dan memberi pertolongan dan Dia jugalah yang menurut dan memudahkan. Seandainya bukan kerana-Nya, maka engkau tidak akan mengenal-Nya.

Wahai orang bangga dengan amalannya...! Betapa bodohnya kamu. Seandainya bukan kerana pertolongan-Nya, maka kamu tidak akan dapat melakukan solat, puasa dan sabar. Kamu berada pada maqam syukur, bukan pada maqam 'ujub. Sebahagian besar hamba membangga-kan ibadah dan amal yang dilakukannya, mencari sanjungan dan pujian manusia, senang dan gembira menghadapi dunia.

Semuanya itu berpunca daripada sikap manusia yang menurut kehendak hawa nafsunya. Dunia adalah kekasih nafsu, akhirat adalah kekasih hati dan Allah adalah kekasih batin. Terbanglah kamu kepada Allah dengan kedua-dua sayap Kitabullah dan sunnah Rasul-Nya.

Masuklah kepadanya, sementara tanganmu berada di dalam tangan Rasul dan jadikanlah kedua-duanya itu sebagai menteri dan gurumu. Dialah hakim di antara para arwah, perawat bagi orang yang menginginkan, pengamat bagi orang-orang yang dikehendaki, amir bagi orang-orang soleh, pembahagi keadaan dan kedudukan di antara mereka.

Kerana Allah telah menyerahkan semuanya itu kepadanya. Dia menjadikannya sebagai amir bagi semuanya. Apabila Raja hendak membagi-bagikan pakaian, maka pembahagian itu akan diserahkannya kepada amirnya.

Tauhid adalah suatu ibadah, dan syirik adalah suatu kebinasaan. Oleh

itu, teguhlah engkau dengan ibadahmu dan tinggalkanlah kebinasaan, sehingga kebinasaan itu akan terkoyak dan engkau dapat berubah, serta Allah pula akan mengubahmu. Allah Taala berfirman, yang berbunyi:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ ...

Ertinya:
"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum, sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri."

(Ar-Ra'd: 11)

Keluarkanlah nafsumu dan makhluk dari hatimu dan isilah hatimu dengan sesuatu yang tidak disenangi oleh nafsumu. Bagaimanapun ini bukanlah suatu yang datang dengan hanya melakukan puasa pada siang hari dan beribadah pada waktu malamnya, tetapi ia akan dapat dicapai dengan hati yang suci dan batin yang bersih.

Sebahagian ulama mengatakan, bahawa puasa dan beribadah pada malam hari adalah cuka dan sayur-sayuran di atas meja, Manakala makanan itu adalah selain daripada kedua-duanya, iaitu kejujuran.

Cuka dan sayur-sayuran itu adalah awal makanan, kemudian datanglah makanan demi makanan, kemudian memakannya dan selepas itu membasuh tangan. Selanjutnya datang pertemuan dengan Allah, kemudian pemberian pakaian, penentuan tanah, pemberian kekuasaan dan perwakilan, penyerahan kawasan dan pembinaan kubu pertahanan.

Apabila hati seseorang hamba itu telah baik kepada Allah. dan sudah mantap dalam mendekatkan diri (taqarrub) kepada-Nya, maka Dia akan memberikan kerajaan dan kekuasaan di seluruh pesolok dunia, dan Dia menyerahkan kepada hamba itu penyebaran dakwah kepada manusia.

Dia juga memberikan kesabaran kepadanya, yakni kesabaran terhadap hal-hal yang menyakitkan. Diserahkan-Nya kepada hamba tersebut kekuasaan dan kemampuan untuk mengalahkan kebatilan dan memenangkan kebenaran. Dia juga akan memberinya nikmat dan menjadikannya kaya, kerana apabila Allah telah memberikan kurnia-Nya maka Dia akan menjadikan hamba-Nya itu kaya.

Dipenuhi-Nya perut hamba-Nya itu dengan beberapa hikmah

dari celah-celah hati hamba-Nya yang soleh dan arif kepada-Nya. Dia mengalirkan sungai hikmah yang bersumber dari lembah ilmu-Nya di sisi 'Arasy dan Lauh-Nya, yang mengalir ke bumi hati yang sudah mati dan dungu tentangnya.

Wahai hamba...! Memakan sesuatu yang haram akan mematikan hatimu, sedangkan memakan makanan yang halal akan menghidupkannya. Suatu suapan akan menerangkan hatimu, manakala suapan yang lain akan menggelapkannya. Yang satu akan menyibukkan engkan dengan dunia, manakala yang satu lagi akan menyibukkan engkau dengan akhirat.

Makanan yang haram akan menyibukkan seseorang terhadap dunia dan menimbulkan kederhakaan, sementara makanan yang mubah akan menyibukkan seseorang dengan akhirat dan menimbulkan kecintaan kepada ketaatan. Sedangkan makanan yang halal akan mendekatkan engkau kepada Tuhanmu.

Makanan ini tidak akan dapat diketahui, kecuali dengan makrifat kepada Allah, yang dilakukan di dalam hati, bukan melalui buku-buku atau kitab-kitab yang tebal. Kemakrifatan itu akan wujud setelah melaksanakan hukum-hukum Allah, setelah membenarkan-Nya, setelah engkau mengesakan-Nya dan mempercayai-Nya.

Bagaimana engkau akan dapat mengenal Allah, sedangkan engkau hanya dapat mengenal yang engkau makan, yang engkau minum, yang engkau pakai dan perempuan yang engkau kahwini, serta engkau tidak pernah peduli dari mana semuanya itu terwujud. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ لَـمْ يُبَالْ مِنْ أَيْنَ مَطْعَمَهُ وَمَشْرَبَهُ لَـمْ يُبَالِ اللهُ مِنْ أَيِّ بَابٍ مِنْ أَبْوَابِ النَّارِ أَدْخَلَهُ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang tidak peduli dari mana sumber makanan dan minumannya, maka Allah juga tidak akan peduli, dari pintu neraka mana Dia akan memasukkannya."

Janganlah engkau peduli dengan sesuatu dan janganlah kamu menyebutkan sesuatu. Janganlah engkau terbelenggu oleh manusia sehingga engkau jauh daripada-Nya. Tetapi engkau berbicara kepada

mereka dengan apa yang mereka fikirkan, dan bersedekah kepada mereka dengan pergaulan, kerana mengamalkan sabda baginda, Rasulullah s.a.w., yang berbunyi:

مُدَارَةُ النَّاسِ صَدَقَةٌ.

Ertinya:
"Bergaul bersama manusia itu adalah sedekah."
(Hadis riwayat At-Tabarani dan Abu Nua'im)

Engkau memberi mereka dengan pemberian Allah kepadamu. Seorang guru itu terbagi kepada dua golongan, iaitu guru hukum dan guru ilmu yang akan menujukkan engkau ke pintu gerbang kedekatan kepada Allah. Adapun pintu gerbang yang akan engkau lalui itu ada dua lapis, iaitu pintu gerbang makhluk dan pintu gerbang Khaliq, gerbang dunia dan gerbang akhirat. Salah satunya akan mengikut yang lainnya.

Pertama sekali pintu gerbang makhluk, kemudian barulah engkau akan melintasi pintu gerbang Khaliq. Engkau tidak akan melewati pintu gerbang yang kedua, tanpa melalui pintu gerbang yang pertama.

Keluarlah dari dunia dengan hatimu sehingga engkau masuk kepada akhirat. Layanilah guru hukum, sehingga engkau masuk kepada guru ilmu. Keluarlah engkau daripada makhluk menuju kepada Khaliq. Semuanya itu adalah setahap demi setahap.

Ya Allah...! Berilah pertolongan kepada kami atas segala sesuatu yang Engkau redhai dari kami.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."
(Al-Baqarah: 201)

Majlis 45

Berpeganglah Engkau Kepada Tali Yang Kukuh

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat 26 Rajab, 545H.

DIRIWAYATKAN, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

مَلْعُوْنٌ، مَلْعُوْنٌ مَنْ كَانَتْ ثِقَتُهُ بِمَخْلُوْقٍ مِثْلِهِ.

Ertinya:
"Terkutuklah...! Terkutuklah orang yang meletakkan kepercayaan kepada makhluk seumpamanya."

(Yahya ibn Abi Kathir berkata bahawa hadis di atas adalah kata-kata yang tertulis dalam taurat, disebut oleh Abi Nua'im di dalam al-Hilyah)

Tidak sedikit orang yang termasuk ke dalam kutukan ini. Hanya seorang sajalah yang mencari kekuatan dengan Allah. Barangsiapa yang mencari kekuatan dengan Allah, bererti sesuailah ia dengan apa yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya, sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran, yang berbunyi:

فَقَدِ ٱسْتَمْسَكَ بِٱلْعُرْوَةِ ٱلْوُثْقَىٰ ...

Ertinya:
"Maka sesungguhnya dia telah berpegang pada tali yang kukuh."

(Al-Baqarah: 256)

Barangsiapa yang percaya dan mencari kekuatan kepada makhluk,

maka tak ubahnya dia bagaikan orang yang menggenggam air dengan tangan terbuka, maka dia tidak akan memperolehi air walau sedikit pun padanya.

Celakalah engkau...! Manusia hanya akan menutupi keperluan hidupmu sehari, dua hari atau tiga hari, sebulan atau setahun, namun akhirnya dia akan jemu terhadapmu. Oleh yang demikian, adalah wajib bagimu mempergauli Allah dan meminta dipenuhi semua keperluanmu kepada-Nya, kerana Dia tidak pernah jemu dan bosan terhadap semua keperluanmu, baik di dunia mahupun di akhirat.

Seorang mukmin yang kukuh keimanannya, tiada baginya bapa, ibu, teman atau musuh, harta atau kedudukan, tiada tersisa satupun baginya kecuali bergantung sepenuhnya kepada pintu Allah dan nikmat yang dikurniakan-Nya.

Wahai pencari kekuatan dan orang yang meletakkan kepercayaannya kepada dinar dan dirham...! Ingatlah, bahawa tidak lama lagi dinar dan dirham itu akan pergi meninggalkan kedua-dua tapak tanganmu, sebagai hukuman ke atas dirimu kerana engkau telah merosakkannya. Mungkin ia akan berada di tangan orang lain, kemudian dirampas dari tangan orang lain dan dipindahkan semula ke tanganmu, agar engkau dapat menggunakannya sebagai penolong dan penyokong untuk berbuat taat kepada Tuhanmu. Bagaimanapun engkau menjadikannya sebagai berhala, yang engkau sembah pagi dan petang.

Wahai orang yang bodoh...! Tuntutlah ilmu kerana Allah, kemudian amalkanlah ilmu yang sudah engkau tuntut itu, kerana ia telah mengajarkan kesopanan kepadamu. Ilmu itu tak ubahnya bagaikan kehidupan, sedangkan kebodohan itu tak ubahnya bagaikan kematian.

Seorang yang benar, apabila dia telah selesai menuntut ilmu yang bersifat umum, maka dia akan menuntut ilmu yang khusus, yakni ilmu tentang hati dan batin. Jika dia mampu menguasai ilmu itu, maka jadilah dia sebagai penguasa agama Allah. Ia akan memerintah, mencegah, memberi dan menolak dengan izin Tuhannya.

Jadilah ia sebagai sultan bagi manusia, yang memerintah, mengambil, mencegah dan memberi dengan perintah-Nya. Dia bersama manusia dengan kebijaksanaan dan bersama Allah dengan ilmu. Hikmah ialah penjaga yang sentiasa berdiri di pintu, sedangkan ilmu itu ada di dalam rumahnya. Hikmah itu bersifat umum, manakala ilmu itu bersifat khusus.

Seorang yang 'arif itu berdiri di pintu Allah sehingga diserahkan kepadanya ilmu makrifat dan mampu melihat apa yang dilihat oleh orang lain. Dia diperintahkan untuk memberi, maka dia memberi. Dia diperintahkan untuk menahan, maka dia menahan. Dia diperintahkan untuk makan, maka dia makan, dan dia diperintahkan untuk lapar, maka dia lapar. Dia diperintah untuk mendatangi sesuatu dan berpaling daripada yang lain, maka dia melakukannya.

Selanjutnya dia diperintahkan untuk mengambil daripada seseorang dan memberikannya kepada orang lain, maka dia juga melakukannya. Orang yang mendapat pertolongan adalah orang yang ditolong oleh Allah, dan orang yang hina adalah orang yang dihinakan-Nya.

Mereka datang kepadamu untuk kebaikanmu, bukan untuk kebaikan mereka. Kerana mereka tiada keperluan terhadap seorang pun daripada manusia. Mereka memintal tali untuk manusia, mendirikan bangunan untuk mereka dan sayang kepada mereka.

Mereka adalah pengamat dari Allah dunia dan akhirat. Mereka mengambil dari kamu untuk kepentingan kamu, bukan untuk kepentingan mereka. Mereka sibuk memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada manusia dan sentiasa berbuat demikian, kerana setiap sesuatu yang dilakukan kerana Allah itu bersifat kekal, dan sesuatu yang bukan kerana-Nya akan musnah.

Layanilah ilmu dan para ulama yang mengamalkan ilmu itu serta bersabarlah engkau atas semuanya itu. Jika engkau sabar untuk melayani ilmu dalam tahap pertama, maka pada tahap kedua ilmu itulah yang akan melayani engkau. Saya sabar melayani kamu sebagai-mana saya bersabar melayani ilmu. Apabila engkau bersabar melayani ilmu, maka kamu akan diberinya penerang batin dan kepintaran hati.

Wahai kaumku...! Serahkanlah semua urusanmu kepada Allah, kerana Dia lebih tahu daripada kamu. Segala-galanya adalah ciptaan-Nya. Nantikanlah kelapangan dan kemudahan yang akan diberikan-Nya, kerana dari suatu ketika ke suatu ketika itu akan terdapat kelapangan dan kemudahan.

Layanilah Allah dan bermohonlah kepada-Nya agar dibukakan-Nya pintu-Nya, dan agar ditutup-Nya pintu-pintu yang lain, kerana sesungguhnya Dia akan memperlihatkan kepadamua beberapa keanehan yang di luar jangkauan akalmu.

Celakalah engkau...! Ingatlah, jika Allah berkehendak untuk memberi kemanfaatan kepadamu melalui tangan hamba-Nya, maka Dia akan memberikan kemanfaatan itu kepadamu. Sebaliknya, jika Dia berkehendak untuk memudaratkan kamu juga melalui tangan hamba-Nya, maka Dia Maha Menundukkan, Melunakkan dan Mengeraskan hati manusia. Dialah Yang Menghidupkan, dan Dia jugalah Yang Mematikan. Dialah Yang Memuliakan dan Dia jugalah Yang Menghinakan. Dialah Yang Awal dan Dia jugalah Yang Akhir, Dialah Yang Zahir dan Dia jugalah Yang Batin. Semuanya ada pada-Nya, bukan pada yang selain-Nya.

Yakinilah ini dalam hatimu dengan keyakinan yang sesungguhnya, dan dalam masa yang sama bergaullah engkau dengan baik antara sesama manusia saecara zahiryahmu. Ini adalah di antara kesibukan orang-orang yang soleh yang bertakwa. Mereka bertakwa kepada Allah dalam seluruh ketika dan keadaan. Mereka bergaul dengan manusia, berbicara kepada mereka akan apa yang mereka fikirkan dengan akhlak yang terpuji, iaitu akhlak al-Quran dan al-Sunnah.

Mereka menyuruh manusia melakukan dengan apa yang terdapat di dalam kedua-duanya. Jika manusia mahu menerima, maka mereka akan bersyukur atas hal yang demikian itu. Jika manusia ke luar daripada kedua-duanya (al-Quran dan al-Sunnah), maka di antara mereka dengan makhluk tiada lagi terdapat persahabatan dan percintaan.

Mereka berani terhadap makhluk dalam melaksanakan perintah Allah dan menghentikan larangan-Nya. Jadikanlah hatimu sebagai masjid, janganlah engkau menyembah atau bermohon kepada seseorang bersama Allah, sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya, yang berbunyi:

وَأَنَّ ٱلْمَسَـٰجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا۟ مَعَ ٱللَّهِ أَحَدًا ﴿١٨﴾

Ertinya:
"Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu adalah milik Allah, maka janganlah kamu menyeru seseorang pun di dalamnya bersama Allah."

(Al-Jinn: 18)

Apabila darjat manusia itu meningkat daripada Islam kepada iman, dari iman kepada yakin, dari yakin kepada arif, dari arif kepada ilmu, dari ilmu kepada cinta, dari cinta kepada mahabbah (yang dicintai), dari

pencari kepada yang dicari. Maka pada saat itu, apabila ia lupa tidak akan ditinggalkan, jika lalai akan diingatkan, jika tidur akan dibangunkan, apabila dia berpaling akan dihadapkan dan apabila dia diam maka akan dijadikan berbicara.

Ia sentiasa terjaga dan bersih, kerana telah bersih wadah hatinya, bahagian dalamnya tampak dengan jelas dari bahagian luarnya. Ia mewarisi kebiasaan Nabi s.a.w., di mana baginda tidur sedangkan hati baginda terjaga. Dia melihat dari belakang sebagaimana ia melihat dari hadapan.

Setiap orang akan bangkit sesuai dengan keadaannya. Tiada seorang pun yang akan mampu menyamai Nabi s.a.w. dalam kekhususan atau keistimewaan-keistimewaannya. Hanya para abdal dan para wali yang menginginkan agar mereka memperolehi sisa-sisa minuman Rasulullah s.a.w. diberi setitik daripada lautan makam atau kedudukannya, sekepal daripada gunung kemuliaannya, kerana mereka berada di belakangnya, berpegang teguh kepada agamanya, menolongnya dan menunjukkan manusia ke jalannya, menyiarkan ilmu agama dan syariatnya. Semoga keselamatan dikurniakan oleh Allah atas mereka dan orang-orang yang mewarisi mereka hingga hari kiamat.

Seorang mukmin akan dilirik oleh dunia, sehingga dia menginginkan dan memburunya, mendambakan untuk memilikinya, kemudian dia menceraikan dunia dan selanjutnya mencari akhirat hingga dia mendapatkannya dan memenuhi hatinya dengan hal itu. Lantas dia merasa takut akan belenggu dan pemenjaraannya, maka dia menceraikannya dan mendudukkan akhirat itu di sisi dunia, dan dia melaksanakan kewajipannya sehingga dia menemui-Nya. Maka dia menundukkan kepala di sisi-Nya dan berbantal dengan tangga pintu-Nya. Ia mengikut pencarian Ibrahim a.s. dalam perihal bintang, bulan dan matahari, kemudian ia berkata:

قَالَ لَآ أُحِبُّ ٱلْأَفِلِينَ ﴿٧٦﴾

Ertinya:

"Dan dia (Ibrahim) berkata, 'Aku tidak suka kepada yang tenggelam.'"

(Al-An'am: 76)

إِنِّي وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ حَنِيفًا وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٧٩﴾

Ertinya:
"Sesungguhnya aku menghadapkan diriku kepada Tuhan Yang Menciptakan langit dan bumi dengan cenderung kepada agama yang benar, dan aku bukanlah termasuk ke dalam golongan orang-orang yang musyrik."

(Al-An'am: 79)

Ketika dia berterusan dalam berbantal dengan tangga pintu-Nya, maka Allah mengetahui kesungguhannya dan membenarkannya dalam pencarian itu, lantas dibukakanlah pintu itu dan memberi izin kepada hatinya untuk masuk ke dalamnya. Maka hati itu mohon diberitahu kepadanya tentang keadaannya dan apa-apa yang dilakukannya terhadap dunia dan akhirat, kerana Dia Maha Mengetahui dan Dia lebih mengetahui perihal engkau daripada dirimu sendiri.

Maka dia menceritakan kepadanya akan kisahnya, lantas Dia mendekatkannya, mententeramkannya, memberinya mahkota dengan mahkota keredhaan-Nya serta dipenuhi dengan hikmah dan ilmu-Nya. Kemudian diserahkan kepadanya kebebasan dunia dan akhirat dan diperbaharuinya ikatan antara kedua-duanya, ditetapkan suatu ketentuan dan memberi syarat kepada kedua-duanya agar tidak menyakitinya, melayaninya, memenuhi semua bahagiannya dan gugurlah kecintaannya kepada kedua-duanya dan berubahlah perintah menurut haknya.

Dengan demikian, maka jadilah kedudukan hatinya berada di sisi Tuhannya dan jauh daripada selain-Nya. Jadilah ia sebagai hamba yang merdeka, yakni hamba bagi Allah dan merdeka bagi selain-Nya secara mutlak di langit dan di bumi, dia tidak dimiliki oleh segala-galanya dan memiliki segala-galanya. Dia tidak dimiliki kecuali oleh Yang Maha Kuasa, semua pintu telah terbuka di hadapannya dengan kebenaran yang mutlak tanpa adanya sebuah tabir pun yang menghalangnya.

Wahai hamba...! Jadilah engkau sebagai hamba sahaya bagi kaum ini, kerana dunia dan akhirat akan melayani mereka pada bila-bila masa yang mereka ingini. Mereka akan mengambil daripadanya dengan izin Allah Yang Maha Haq. Mereka akan memberikan kepada kamu sesuatu yang

berbentuk dunia namun ia mempunyai erti akhirat.

Ya Allah...! Kenalkanlah kami dengan mereka di dunia dan di akhirat.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 46

Ikutilah Jejak Langkah Rasulullah s.a.w.

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad, 28 Rajab, 545H.

DUNIA tak ubahnya bagaikan pasar, sebentar lagi ia akan ditutup. Ditutup daripada mereka penglihatan kepada makhluk dan dibukakan kepada mereka pintu untuk melihat Khaliq. Ditutup daripada mereka pintu-pintu usaha ketika hati jernih dan dekatnya batin untuk kamu, bukan untuk selain kamu daripada keluarga atau pengikutmu.

Maka hendaklah usaha, manfaat dan kejayaan itu untuk selain kamu, bukan untuk kamu. Carilah sesuatu yang khusus untuk dirimu, iaitu serpihan anugerah-Nya. Tetaplah dirimu bersama dunia, sementara hatimu bersama akhirat dan batinmu bersama Allah. Sesungguhnya kamu mengetahui apa yang kamu inginkan.

Kaum itu adalah sebagai pengganti atau pewaris para Nabi. maka laksanakanlah apa yang mereka perintahkan, kerana mereka memerintah dan melarang adalah atas petunjuk dari Allah dan Rasul-Nya. Mereka diperintahkan untuk berkata-kata, maka mereka berkata-kata. Mereka diberi, lalu mereka menerima. Mereka tidak bergerak atas kehendak mereka sendiri. Mereka tidak menyekutukan Allah dalam masalah agama dengan kehendak nafsu mereka. Mereka mengikut jejak langkah Rasulullah s.a.w., baik dalam ucapan mahupun perbuatan. Mereka mendengar firman Allah, yang berbunyi:

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ...

Ertinya:

"Dan apa-apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah. Dan apa-apa yang dilarangnya kamu daripadanya, maka tinggalkanlah."

(Al-Hasyr: 7)

Mereka mengikut jejak langkah Rasulullah s.a.w., sehingga mereka terdorong untuk sampai kepada keredhaan-Nya. Mereka dekat kepada baginda, sehingga baginda mendekatkan mereka kepada Allah. Baginda memberi gelaran, pakaian dan tanda kepada mereka.

Wahai orang munafik...! Kamu menyangka bahawa kiamat itu boleh disegerakan, dan perkara ini adalah sia-sia. Tiada kemuliaan bagimu, dan tidak pula bagi teman-teman jahat atau syaitan-syaitanmu.

Ya Allah...! Terimalah taubatku dan taubat mereka. Lepaskanlah mereka daripada kehinaan munafik dan kungkungan kesyirikan. Sembahlah Allah dan carilah penolong dalam beribadah kepada-Nya dengan usaha yang halal dan memakan makanan yang halal.

Sesungguhnya Allah meredhai hamba-Nya yang beriman dan taat serta memakan makanan yang halal. Dia meredhai orang yang makan dan berusaha dan membenci orang yang makan tetapi tidak berusaha. Dia mencintai orang yang makan dengan usahanya sendiri dan membenci orang yang makan dengan kemunafikannya dan menjadi beban kepada orang lain.

Dia mencintai orang yang mengesakan-Nya dan membenci orang yang menyekutukan-Nya. Dia mencintai orang yang bertawakkal kepada-Nya dan membenci orang yang menentang-Nya.

Termasuk salah satu tanda cinta ialah taat, dan termasuk salah satu tanda permusuhan ialah keingkaran. Bertawakkallah kamu kepada Tuhanmu, redhalah terhadap takdir-Nya di dunia mahupun di akhirat. Suatu ketika aku pernah diuji dengan suatu ujian, lantas aku bermohon kepada Allah agar menghilangkan ujian itu. Tetapi Allah menambahinya untukku. Maka bingunglah aku ketika itu. Tiba-tiba aku mendengar suatu suara yang mengatakan kepadaku: "Bukankah kamu telah berkata kepada Kami, ketika kamu berada pada tahap permulaan pengembaraanmu, bahawa keadaanmu adalah tawakkal..?" Maka aku sedar dan diam.

Aduhai....! Celakalah engkau..! Engkau mengakui bahawa engkau mencintai Allah, namun pada hakikatnya engkau mencintai selain-Nya. Dia adalah sumber kejernihan, sedangkan selain-Nya adalah sumber kekeruhan. Jika engkau mengeruhkan kejernihan dengan mencintai yang lain selain daripada-Nya, maka engkau akan dikotori oleh kekeruhan itu.

Dia memperlakukanmu sebagaimana Dia memperlakukan Ibrahim al-Khalil dan Ya'qub a.s., tatkala mereka cenderung kepada dua orang anak mereka dengan sudut hati mereka, maka Dia menguji kedua-dua hamba-Nya itu.

Demikian juga ketika Nabi Muhammad s.a.w. mencintai kedua-dua anak dari anak perempuan baginda (cucu baginda) iaitu Hasan dan Husain, maka datanglah Jibril a.s. dan berkata:

"Apakah engkau mencintai kedua-duanya...?" tanyanya.

"Benar...!", jawab baginda.

"Salah seorang daripada keduanya akan diberi minuman racun, dan yang seorang lagi akan mati dibunuh...!", ujar Jibril selanjutnya.

Mendengar penjelasan Jibril itu, maka hilanglah kedua-dua cucu baginda itu dari hati baginda, dan hati baginda hanya baginda peruntukkan untuk Allah semata-mata, dan kegembiraan baginda bertukar menjadi kesusahan.

Allah Taala itu amat cemburu terhadap hati para Nabi-Nya, serta kekasih dan hamba-Nya yang soleh.

Hai pencari dunia dan harta dengan kemunafikannya...! Bukalah tanganmu, nesaya engkau tidak akan melihat sesuatu padanya. Celakalah kamu...! Kamu membenci harta (zuhud), namun engkau memakan harta manusia dengan agamamu. Berusaha itu adalah amalan para Nabi, tiada seorang pun daripada mereka yang mengambil daripada makhluk tanpa seizin Allah. Di akhirat kelak mereka akan berbuat sebagaimana kehendak-Nya terhadap mereka. Mereka tidak akan membantah kehendak-Nya terhadap mereka dan terhadap yang lainnya. Mereka tidak akan membantahnya, baik tentang sedikit atau banyak, tentang mulia atau hina.

Janganlah engkau terganggu untuk beribadah kepada Tuhanmu oleh hawa nafsumu, kerana menurut keinginannya. Para wali terpaksa menuntut daripada manusia tanpa keperluan mereka terhadap hal itu. Namun mereka dilalaikan oleh kasih mereka terhadap makhluk, sehingga

mereka tidak menuntut apa-apa pun daripada mereka. Hati mereka tenteram, dan tiada lagi keinginan mereka terhadap harta.

Engkau menyangka, bahawa hatinya sama dengan hatimu yang gelap dan engkau suruh untuk melakukan apa yang disukainya. Andainya engkau berakal, tentu engkau tidak akan berbuat demikian dan engkau akan beribadah kepada Tuhannya. Nafsu itu adalah musuhmu, adapun cara yang betul yang perlu engkau lakukan ialah tetap untuk tidak menurutnya dan melayani godaannya.

Anggaplah hatimu itu bagaikan orang gila yang sudah hilang ingatan. Janganlah engkau berpaling pada bujukan dan rayuannya untuk menurut keinginan, keenakan serta pembohongan. Kebinasaan engkau dan kebinasaanya ialah apabila engkau menurut kehendaknya. Kebaikanmu dan kebaikannya ialah apabila engkau tidak menurut kehendaknya.

Apabila seseorang itu taat kepada Allah, maka rezeki akan datang kepadanya dan dia akan dapat pergi ke mana jua yang dikehendakinya. Bagaimanapun, apabila seseorang itu derhaka, maka Allah akan menghilangkan jalan usahanya dan dia akan diberi kesusahan dalam hidupnya. Dia akan celaka dan merugi dunia dan akhirat.

Nafsu yang taat dan menerima apa adanya (qana'ah), maka pemiliknya akan berasa cukup, kemana juapun dia pergi, maka dia akan menemui bahagiannya dengan rela. Dia melaksanakan semua kewajipannya dengan hati yang lapang, tanpa rasa terpasa sedikit pun. Hatinya hanya dipenuhi oleh Allah, anggota badannya tenang, tidak sibuk untuk mencari harta dan sisa-sisanya.

Wahai orang yang diberi nikmat...! Bersyukurlah kamu atas nikmat yang engkau terima. Jika tidak demikian, maka nikmat itu akan dicabut daripadamu. Terimalah nikmat itu dengan mensyukurinya, jika tidak maka ia akan terbang dari tanganmu.

Mayat itu adalah orang yang mati, jika bukan kerana Tuhannya yang mematikannya, sudah pasti dia masih hidup di dunia ini. Apakah manfaat kehidupan ini baginya, kalau ia hanya digunakannya untuk menurut keinginan nafsunya...? Pada hakikatnya dia sudah mati, namun dia masih hidup di dunia.

Ya Allah...! Hidupkanlah kami untuk beribadah kepada-Mu. Mati-kanlah kami dari selain Engkau. Wahai orang yang sudah tua umurnya, namun

masih berperangai seperti anak kecil. Bilakah engkau akan meninggalkan perangai kebudak-budakan itu...! Perangaimu dikuasai oleh dunia, engkau menjadikan harta dan kekayaan sebagai tujuan utama dalam hidupmu. Tidakkah engkau tahu, bahawa yang dikatakan tujuan itu ialah sesuatu yang engkau utamakan....?

Tidakkah engkau tahu, apabila engkau sudah dikuasai oleh sesuatu, maka engkau adalah hambanya...? Jika tali kekangmu sudah dikendali-kan oleh harta, maka bererti engkau telah menjadi hamba harta itu. Kalau tali kekang itu dikuasai oleh akhirat, maka engkau adalah hamba akhirat, dan sekiranya tali pemegang itu dikuasai dunia, maka engkau adalah hamba dunia Jika tali pemegangmu dikuasai oleh nafsumu, maka engkau adalah hamba nafsumu itu, jika ia dikuasai oleh syahwatmu, maka engkau adalah hamba syahwatmu. Jika tali pemegangmu itu dikuasai oleh manusia, maka engkau adalah hamba manusia. Akhirnya, apabila tali pemegangmu itu dikendalikan dan dikuasai oleh Allah, maka engkau adalah hamba-Nya.

Maka fikirkanlah olehmu, kepada siapakah engkau menyerahkan pengendalian dirimu yang paling banyak...? Sebahagian daripada kamu menginginkan harta, dan sedikit sekali di antara kamu yang menginginkan akhirat, bahkan lebih sedikit lagi di antara kamu yang menginginkan keredhaan Allah Taala, penguasa dunia dan akhirat.

Temanilah mereka dengan perilaku yang baik, janganlah engkau membantah, mendebat dan mencela mereka yang menyebabkan engkau menjadi orang yang tercela. Janganlah engkau berkelakuan buruk kepada mereka, kerana engkau akan binasa kerana sikapmu itu.

Berfikirlah kamu...! Kamu melawan Allah dengan amal-amalmu. Sayap nyamuk tidak sama di sisi-Nya, kecuali kalau kamu ikhlas kerana-Nya dalam segala keadaanmu, khususnya ketika kamu berada dalam khalwatmu. Mahligai yang tidak akan pernah rosak, ialah kejujuran, keikhlasan dan ketakwaan kepada Allah, meminta kepada-Nya dan kembali kepada-Nya dalam segala keadaan.

Berimanlah engkau, kerana hal itu akan menguntungkan dirimu. Jika kamu melihat salah seorang daripada kaum penganut tariqat, maka hormatilah olehmu akan dia, janganlah engkau pedulikan tingkah lakunya, dan jangan pula engkau membantahnya. Biarkanlah dia, jangan bersikap tidak sopan kepadanya, dan berdiam dirilah engkau jika engkau tidak mengetahui ilmunya. Berdiam diri ketika kita tidak mengetahui sesuatu

masalah adalah termasuk ajaran Islam.

Wahai orang tipis keyakinannya...! Engkau tidak memiliki apa-apa, baik di dunia mahupun di akhirat, kerana engkau tidak mampu berlaku sopan terhadap Allah dan berburuk sangka kepada para wali-Nya dan para ulama pewaris Nabi yang diberi kedudukan oleh Allah seperti kedudukan mereka. Dia mendorong mereka untuk melakukan apa yang dilakukan oleh para Nabi dan al-siddiqin. Biarkanlah mereka melakukan apa-apa yang hendak mereka lakukan. Ilmu yang ada pada jiwa mereka, membuat mereka lupa akan nafsu dan kesenangannya.

Mereka ada kerana ilmu itu dan mereka mendapat kedudukan di sisi-Nya. Dibersihkan-Nya hati mereka daripada yang selain-Nya. Dia memberi kekuasaan kepada mereka berkenaan dengan dunia, akhirat dan manusia. Dia memperlihatkan kekuasaan dan hikmah-hikmah-Nya kepada mereka. Dia menunjukkan kekuatan-Nya atas diri mereka. Sungguh benar sekali ucapan yang berbunyi:

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ.

Ertinya:
"Tiada daya dan kekuatan kecuali dengan pertolongan Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung."

Mereka bersikap benar dalam ucapan mereka ini. Mereka menidakkan daya upaya dan kekuatan mereka, daya upaya dan kekuatan semua makhluk dan mereka berpegang kepada kekuatan Yang Maha Haq, Yang Maha Tinggi dan Maha Agung.

Mu'az bin Jabal pernah berdoa, yang bermaksud:

"Ya Allah...! Jika Engkau tidak memperkenankan doaku, maka berilah aku kesabaran dalam menerima kehendak-Mu."

Wahai hamba...! Berlapang dadalah dalam menerima takdir adalah lebih baik daripada memakan harta dan membantahnya. Takdir yang manis itu akan lebih manis menurut hati para al-siddiqin daripada menurut kesenangan dan kemewahan. Takdir itu lebih manis bagi mereka daripada dunia semuanya. Kerana takdir yang manis itu akan menjadikan kehidupan lebih baik, sama ada secara menyeluruh mahupun secara melihat semua keadaan dan perbezaan-perbezaannya.

Berbicaralah engkau kepada manusia dengan ilmu dan amal yang

ikhlas. Janganlah engkau berbicara kepada mereka dengan lisan ilmu tanpa amal. Kerana hal itu tidak akan bermanfaat bagimu dan bagi orang lain. Diriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

يَـهْتِفُ الْعِلْمُ بِالْعَمَلِ فَإِنْ أَجَابَهُ وَإِلَّا ارْتَـحَلَ.

Ertinya:
"Ilmu itu bersuara dengan amal. Jika amal mengabulkannya (maka ilmu itu akan tetap berada di tempatnya). Jika tidak, maka ilmu itu akan lenyap."

Adapun yang dimaksudkan dengan hilang lenyap di sini ialah berkatnya, yang tinggal hanyalah hujjah-hujjahnya, dan ini akan membahayakan dirimu. Engkau menjadi ulama yang terkutuk kerana ilmu yang engkau miliki. Yang ada padamu itu hanyalah pokoknya, sedangkan buahnya sudah lenyap daripadamu.

Bermohonlah engkau kepada Allah, agar Dia memberimu pangkat dan kedudukan di sisi-Nya. Jika Dia mengabulkan permohonanmu, maka mintalah pangkat dan kedudukan yang tidak terlihat oleh manusia, dan agar engkau tidak suka memperlihatkan sebahagian daripadanya. Jika engkau suka menampakkan apa yang ada di antara Allah dengan engkau, maka itulah yang menyebabkan kehancuranmu.

Jauhilah sifat bangga kerana amal dan ketaatan yang engkau lakukan. Kerana kebanggaan itu menyebabkan engkau dikutuk oleh Allah. Jauhilah sifat suka berbicara dan ingin diterima di kalangan manusia, kerana hal itu berbahaya bagimu bahkan ia tidak sedikit pun mendatangkan manfaat kepadamu.

Janganlah engkau berbicara walau hanya satu kalimat, hingga engkau bertanggungjawab tentang urusanmu dan turun ilham dari Allah Taala ke dalam hatimu. Bagaimana mungkin engkau mengundang orang ramai ke rumahmu, sedangkan engkau tidak menyediakan makanan untuk mereka...? Hal ini memerlukan asas yang dijadikan sebagai tempat tegaknya suatu bangunan.

Galilah bumi hatimu itu sehingga timbul hikmah daripadanya, kemudian bangunlah dengan ikhlas, bersungguh-sungguh dalam melakukan amal soleh, sehingga gedung yang engkau bina itu tinggi menjulang. Kemudian barulah engkau undang orang ramai ke rumahmu.

Ya Allah...! Hidupkanlah jasad dan nyawa kami dengan ruh keikhlasan.

Apakah faedahnya engkau menjauhi makhluk sedangkan mereka masih melekat di hatimu...? Tidak...! Sama sekali engkau tidak akan mempunyai kemuliaan dan tidak pula dalam khalwatmu. Kerana jika engkau bersendirian, sedangkan makhluk masih melekat di hatimu, maka bererti engkau sedang duduk sendiri tanpa teman. Padahal ketenteraman itu adalah berteman dengan Allah s.w.t. Tetapi ketika itu engkau berteman dengan nafsu, syaitan dan kesenangan duniawi.

Jika hatimu tenteram bersama Allah, maka engkau telah terlepas dari makhluk, meskipun engkau berada di tengah-tengah kaluarga dan kaum kerabatmu. Apabila engkau telah merasakan ketenteraman hati, maka akan fana'lah kewujudanmu dan hiduplah indera batiniyahmu. Engkau akan mampu melihat anugerah dan pekerjaan-Nya. Keredhaanmu hanya kepada-Nya, bukan kepada yang selain-Nya.

Barangsiapa yang mengamalkan agamanya setiap waktu dan tidak mengharapkan apa-apa di atas agama itu dan juga tidak terhadap apa-apa yang di bawahnya, tidak mengharapkan hilang dan tetapnya keadaan itu, maka sesungguhnya dia telah berjaya dalam pencariannya. Mereka dijauhkan daripada makhluk dengan izin Allah.

Wahai orang yang mabuk oleh arak dunia, kesenangan dunia dan kegilaannya, sebentar lagi engkau akan dimasukkan ke dalam kuburmu.

Wahai orang yang menyerahkan tali kekangnya kepada makhluk, sedarlah engkau, bahawa engkau sedang menjadi hamba kepada makhluk yang memegang tali kekangmu itu.

Ya Tuhan kami...! Hanya kepada Engkaulah kami menyerahkan segala sesuatunya tentang diri kami. Berilah kami kedudukan yang mula di sisi-Mu, tanpa diketahui oleh orang ramai.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنۡيَا حَسَنَةٗ وَفِي ٱلۡأٓخِرَةِ حَسَنَةٗ وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ٢٠١

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 47

Jauhilah Makhluk Jika Ia Membahayakan Dirimu

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Selasa, 1 Syaaban, 545H

BELAJARLAH kamu, beramallah, kemudian ikhlaslah dalam setiap amalmu itu...! Dengan demikian, engkau akan jauh dari dirimu sendiri dan dari makhluk selain engkau. Kemudian ingatlah firman Allah, sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran, yang berbunyi:

قُلِ ٱللَّهُ ۖ ثُمَّ ذَرْهُمْ فِى خَوْضِهِمْ يَلْعَبُونَ ﴿٩١﴾

Ertinya:
"Katakanlah...! Allahlah (yang menurunkannya), kemudian (sesudah kamu menyampaikan al-Quran kepada mereka), maka biarkanlah mereka bermain-main dalam kesesatannya."

(Al-An'am: 91)

Ucapkanlah sebagaimana yang diucapkan oleh Nabi Ibrahim a.s., baginda berkata:

فَإِنَّهُمْ عَدُوٌّ لِّىٓ إِلَّا رَبَّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٧٧﴾

Ertinya:
"Maka sesungguhnya mereka (sembahan kamu itu) adalah musuhku, kecuali Tuhan sekalian alam."

(Asy-Syu'ara: 77)

Hindarilah makhluk dan bencilah mereka, selama mana engkau menilai bahawa mereka akan mendatangkan kemudaratan kepada dirimu. Apabila tauhidmu sudah benar dan kotoran syirik telah ke luar dari hatimu, maka kembalilah kepada mereka, campuri dan bergaullah dengan mereka, dan berilah mereka kemanfaatan dengan ilmu yang ada padamu sejauh kemampuanmu. Bimbinglah mereka menuju pintu gerbang Ilahi.

Matinya orang-orang khawwas adalah meninggalkan makhluk secara keseluruhan, iaitu jauh daripada keinginan dan usaha. Barangsiapa yang mampu berbuat demikian, maka dia berhak untuk hidup abadi bersama Tuhannya. Kematian zahirnya adalah diam seketika, pengsan seketika, ghaib seketika, tidur, kemudian bangun. Jika engkau mengingini hal seperti ini, maka hendaklah engkau memperolehi pohon makrifat, kedekatan kepada Allah dan tidur pada tangga pintu gerbang Allah s.w.t., sehingga engkau diambil oleh tangan rahmat dan anugerah-Nya. Kemudian Dia menghidupkan engkau dengan kehidupan yang abadi.

Jiwa mempunyai makanan, hati mempunyai makanan dan batin juga mempunyai makanan yang tersendiri. Oleh kerana itu, maka Nabi s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

إِنِّي أَظَلُّ رَبِّيْ فَيُطْعِمُنِيْ وَيَسْقِيْنِيْ.

Ertinya:
"Sesungguhnya aku sehari-hari berada di sisi Tuhanku. Maka Dia memberi makan dan memberi minum kepadaku."

Adapun yang baginda maksudkan dengan makan dalam sabda baginda itu ialah bahawa Allah memberi makanan batin baginda dengan beberapa makna, memberi makan ruh baginda dengan ruhaniah dan memberi makanan kepada baginda dengan makanan yang khusus untuk baginda.

Pada tahap pertama, tubuh dan jiwa baginda dinaikkan, kemudian tubuh baginda tidak dibenarkan naik, yang dibenarkan naik ialah hati dan batin baginda, sedangkan baginda hadir di antara manusia.

Demikian juga para pewaris baginda yang sejati, mereka mengumpulkan antara ilmu, amal, ikhlas dan tarbiyah terhadap manusia.

Wahai kaum ahli tariqat...! Makanlah sisa-sisa makanan kaum itu, dan minumlah sisa-sisa minuman mereka di tempat minum mereka. Wahai orang yang mengaku dirinya berilmu, ilmumu itu tiada bermakna sama

sekali, jika tidak engkau amalkan. Ilmu itu tidak bererti, jika engkau tidak ikhlas, kerana ilmu dan amal tanpa ikhlas tak ubahnya bagaikan tubuh tanpa nyawa.

Adapun tanda-tanda ikhlas ialah sebagai berikut:

1. Bahawa engkau tidak mengharapkan pujian manusia dan tidak pula takut kepada celaan mereka.
2. Engkau tidak tamak terhadap apa yang berada di tangan mereka.
3. Engkau tahu dan mengerti tentang ketuhanan yang hakiki.
4. Engkau beramal kerana Allah yang memberikan nikmat, bukan kerana nikmat yang diberikan-Nya kepada engkau. Kepada Pemilik bukan kepada yang dimiliki, kepada yang Haq bukan kepada yang batil.

Ketahuilah...! Bahawa apa yang pada makhluk itu adalah bagaikan kulit, dan apa yang ada pada Allah itu adalah laksana intisarinya. Apabila telah benar keikhlasanmu kerana-Nya dan telah benar kejujuranmu tentang Dia serta engkau telah berdiri di hadapan-Nya, maka Dia akan memberikan intisari itu kepadamu. Bahkan Dia akan memberimu intisari daripada intisari, dan rahsia daripada rahsia serta makna daripada makna. Maka pada ketika itu akan terlepaslah engkau dari makhluk.

Adapun yang dimaksudkan terlepas itu ialah untuk hati, bukan jasadmu. Zuhud untuk hati bukan untuk jasad, dan berpaling adalah untuk batin bukan untuk zahir. Pandangan adalah kepada makna bukan kepada lafaz, oleh Allah bukan oleh makhluk. Manakala yang lebih penting di sini ialah engkau bersama Allah bukan bersama makhluk. Dunia dan akhirat akan habis jika dibandingkan dengan kamu. Pada hakikatnya dunia dan akhirat itu tidak ada, yang ada hanya Dia.

Orang-orang yang cinta kepada Allah, adalah orang-orang yang tertentu dari kalangan hamba-Nya, mereka merasa memperolehi nikmat jika mereka ditimpa cubaan. Demikian juga para syuhada yang gugur di medan juang melawan orang kafir. Mereka menghadapi ujian Allah dengan tikaman pedang di tubuh mereka. Maka bagaimanakah dengan orang-orang syahid yang terbunuh oleh pedang dalam bentuk rasa cinta kepada Allah...?.

Gedung-gedung dan bangunan itu akan hancur oleh kemaksiatan.

Bukankah kamu telah melihat beberapa tempat yang hancur menjadi padang jarak padang tekukur...?. Kemaksiatan yang dilakukan penghuninyalah yang menyebabkan kehancurannya. Maksiat akan menghancurkan negara dan ahli ibadah. Demikian pula maksiat itu akan menghancurkan dirimu sendiri.

Bangunan itu adalah bagaikan sebuah negara, apabila engkau melakukan maksiat di dalamnya, maka negara itu akan hancur. Bahkan apabila engkau melakukan maksiat, maka dirimu juga akan hancur, lantas jasad agamamu akan ditimpa kebutaan, lumpuh, pekak dan lenyap semua kekuatannya. Engkau akan ditimpa oleh berbagai jenis penyakit. Engkau akan ditimpa kemelaratan, sehingga rumah tempat hartamu rosak binasa dan engkau akan meminta pertolongan kepada teman-temanmu, bahkan juga kepada musuhmu.

Celakah engkau, wahai orang-orang munafik...! Janganlah engkau menipu Allah Taala. Engkau beramal dan menampakkan seakan-akan amal yang engkau kerjakan itu adalah kerana-Nya, sedangkan yang sebenarnya amal yang engkau lakukan itu ialah kerana makhluk. Engkau menunjuk-nunjukkan amalmu kepada mereka, munafik dan bergantung kepada sanjungan dan pujian mereka serta melupakan Tuhanmu. Sebentar lagi engkau akan ke luar dari dunia ini dalam keadaan melarat.

Wahai orang-orang yang sakit batinnya...! Berubatlah engkau. Ubat penyakitmu itu hanya ada pada hamba-hamba-Nya yang soleh. Mintalah ubat kepada mereka dan gunakanlah ubat yang mereka berikan itu. Apabila ini engkau lakukan, maka engkau akan mendapat kesembuhan yang abadi, kesihatan yang berpanjangan bagi batinmu, hatimu, jati dirimu dan bagi khalwatmu bersama Tuhanmu.

Kedua-dua mata hatimu akan terbuka, sehingga dengan kedua-dua mata hatimu itu engkau akan dapat melihat Allah s.w.t.. Engkau tergolong kepada manusia yang mencintai-Nya dan berdiri di pintu gerbang kekuasaan-Nya. Mereka sama sekali tidak pernah melihat selain Dia. Hati yang mengandungi bid'ah, bagaimana mungkin akan dapat melihat Allah...?

Wahai kaumku...! Ikutilah Nabi s.a.w., janganlah kamu melakukan perkara bid'ah, taatlah kamu dan janganlah derhaka, ikhlaslah kamu dan jangan syirik. Bertauhidlah kamu dan janganlah kamu jauh dari pintu-Nya. Mintalah kepada-Nya dan jangan meminta kepada selain-Nya. Mintalah

pertolongan kepada-Nya, dan janganlah kamu meminta pertolongan kepada selain-Nya. Bertawakkallah kamu kepada-Nya, dan janganlah kamu bertawakkal kepada selain-Nya. Redhalah kamu terhadap takdir-Nya tentang dirimu, sibukkanlah dirimu dengan berzikir kepada-Nya, bukan dengan memohon kepada-Nya. Bukankah kamu telah mendengar firman-Nya dalam sebahagian kitab-Nya, yang berbunyi:

مَنْ شَغَلَهُ ذِكْرِى عَنْ مَسْئَلَتِي أَعْطَيْتُهُ أَفْضَلَ مَا أُعْطِى السَّآئِلِيْنَ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang disibukkan oleh berzikir kepada-Ku untuk meninta kepada-Ku, maka Aku akan memberikan kepadanya seutama-utama daripada apa yang pernah kuberikan kepada orang yang meminta."

Wahai orang-orang yang sibuk berzikir kepada-Nya dan pecah hatinya kerana-Nya...! Apakah engkau tidak redha dengan pemberian-Nya bahawa sebahagian daripada pemberian-Nya itu ialah Dia menjadi teman dudukmu...? Dalam sebahagian kalam-Nya, Dia berfirman, yang berbunyi:

أَنَا جَلِيْسُ مَنْ ذَكَرَنِيْ.

Ertinya:
"Aku adalah teman duduk orang-orang yang berzikir kepada-Ku."

Dan Dia juga berfirman, yang berbunyi:

أَنَا عِنْدَ الْمُكَسَّرَةِ قُلُوْبُهُمْ مِنْ أَجَلِيْ.

Ertinya:
"Aku berada di sisi orang yang pecah hatinya kerana Aku".

Wahai hamba...! Ingatmu terhadap-Nya itu mendekatkan hatimu kepada-Nya. Engkau masuk ke rumah kedekatan-Nya, dan engkau menjadi tetamu-Nya. Tetamu itu dimuliakan, terutama tetamu Maha Raja.

Sampai bilakah engkau akan sibuk dengan sesuatu yang dimiliki kerajaannya dan lalai dari rajanya..? Padahal tidak lama lagi engkau akan sampai ke akhirat, dan engkau akan melihat bahawa dunia ini seakan-akan tidak ada, sedangkan akhirat adalah abadi.

Janganlah engkau menjauhkan diri daripadaku kerana aku seorang

yang faqir. Sesungguhnya aku tidak memerlukan kamu, bahkan aku juga tidak memerlukan penduduk bahagian bumi timur dan barat. Aku memerlukan kamu hanya semata-mata untuk dirimu. Pada tali-tali kamulah aku memintal. Janganlah kamu melakukan bid'ah dan mengada-adakan hal yang baru dalam agama Allah s.w.t. Ikutilah dua petunjuk yang adil dan terpercaya, iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Kedua-duanya akan menyampaikan engkau kepada Tuhanmu.

Jika engkau melakukan perbuatan bid'ah, maka dua saksimu ialah akal dan nafsumu. Sudah pasti, engkau akan dihantarkan oleh kedua-duanya itu menuju neraka dan mempertemukan engkau dengan Fir'aun, Haman dan bala tenteranya.

Janganlah engkau berdalih dengan takdir, kerana engkau tidak akan diterima. Hendaklah engkau sentiasa mentelaah, mengajar dan kemu-dian beramal dengan ikhlas. Tidak ada suatupun yang mendatangkan engkau, sedangkan engkau pasti ada. Jadikanlah pengembaraanmu untuk mencari ilmu dan amal, janganlah engkau tumpukan usahamu untuk mencari dan mengumpulkan harta dunia. Ingatlah, tidak berapa lagi akan terputus kemampuanmu untuk berusaha, oleh yang demikian berusahalah engkau untuk sesuatu yang bermanfaat bagimu.

Ada seorang lelaki yang datang kepada Tuan Syeikh, lantas lelaki itu bertanya: "Apakah muqaddimah pengantin perempuan itu sehingga ada ketulusannya dalam perkahwinan...?" Maka beliau menjawab: "Cinta sang pemuda sebelum perkahwinan...!"

Wahai hamba...! Berusahalah engkau dan raihlah keredhaan Allah terhadap dirimu. Apabila Dia sudah redha kepadamu, maka Dia akan mencintaimu. Dia akan melenyapkan kesusahan dari hatimu kerana rezeki. Rezeki itu datang kepadamu dari Allah s.w.t., tanpa engkau merasa letih dan lelah. Dia melenyapkan kesusahan dari hatimu dan menghimpunkannya menjadi satu cita-cita, iaitu Allah. Maka apabila engkau telah melakukannya, bermakna telah cukuplah cita-citamu. Adapun cita-cita itu ialah sesuatu yang engkau pentingkan.

Kalau cita-citamu tertumpu kepada harta, maka engkau ada bersamanya. Jika cita-citamu itu dunia, maka engkaupun ada bersamanya. Demikian juga apabila cita-citamu adalah akhirat, maka engkau juga ada bersamanya. Selanjutnya, jika cita-citamu adalah Allah, maka engkau ada bersama-Nya di dunia dan di akhirat.

Majlis 48

Janganlah Menghiasi Zahir Tanpa Menghiasi Batin

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Selasa, 8 Sya'ban, 545H

DIRIWAYATKAN, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ تَزَيَّنَ لِلنَّاسِ مِمَّا يُحِبُّوْنَ وَبَارَزَ اللهُ بِمَا يَكْرَهُ لَقِيَ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ وَهُوَ عَلَيْهِ غَضْبَانُ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang berhias untuk manusia dengan apa yang mereka sukai dan menghadap kepada Allah dengan apa yang tidak disukai-Nya, maka dia akan bertemu dengan Allah 'Azza Wa Jalla, sedangkan Dia memarahinya."

Wahai orang-orang munafik...! Dengarlah ucapan kenabian...! Wahai orang-orang yang menjual akhirat dengan dunia...! Wahai orang-orang yang menjual Allah s.w.t..! Wahai orang-orang yang menjual sesuatu yang kekal dengan sesuatu yang binasa...! Rugilah perniagaan kamu dan habislah modalmu.

Celakalah kamu...! Kamu menawarkan diri untuk memperolehi kemurkaan dan kutukan Allah. Kerana barangsiapa yang berhias dengan sesuatu yang tidak ada padanya, maka dia akan dimurkai oleh Allah. Hiasilah zahirmu dengan adab sopan dan tatasusila menurut

ketentuan agama, dan hiasilah batinmu dengan menghilangkan makhluk daripadanya. Tutuplah pintu hatimu terhadap mereka, hilangkan mereka dari hatimu, seakan-akan mereka tidak pernah wujud. Janganlah engkau melihat dan beranggapan bahawa kemanfaatan dan kemudaratan berada di tangan mereka.

Aduhai...! Engkau disibukkan dengan menghiasi zahirmu, tetapi engkau lupa untuk menghiasi batinmu. Hiasan batin itu ialah Tauhid, ikhlas, bergantung kepada Allah dan mengingati-Nya (zikir), serta melupakan selain-Nya.

Diriwayatkan, bahawa Nabi Isa a.s. pernah bersabda, yang bermaksud:

"Amal soleh ialah amal yang tidak disukai seseorang untuk didorong melakukannya."

Wahai orang yang bodoh...! Wahai orang yang dungu tentang akhirat, dan berakal menurut ukuran duniawi. Akal itu tidak bermanfaat bagi kamu. Oleh itu bersungguh-sungguhlah kamu dalam beriman, kerana kamu telah beriman. Bertaubatlah kamu, kemukakanlah alasan, sesalilah keterlanjuranmu dan menangislah engkau. Kerana menangis adalah termasuk takut kepada Allah. Tangisan keinsafan itu memadamkan api maksiat dan melebur api kemurkaan Allah. Apabila engkau bertaubat dengan setulus hatimu, maka cahaya taubatmu itu akan menyinari wajahmu.

Wahai hamba...! Bersungguh-sungguhlah engkau dalam memelihara batinmu, selagi engkau mampu melakukannya. Apabila engkau gagal melaksanakannya setelah engkau melakukannya dengan sepenuh hatimu, maka engkau akan diampuni.

Cinta kepada Allah menghancurkan tembok kegelapan, tembok penghalang, tembok malu, tembok kewujudan, dan tembok penglihatan makhluk. Orang yang pura-pura membebani diri hendaklah diusir dan dikeluarkan dari kelompokmu. Seorang mukallaf yang kalah akan memakai celak yang berasal dari debu kakinya. Kerana ini adalah bersifat kejiwaan, ini adalah kebatinan, ini bersifat kemakhlukan dan bersifat ketuhanan.

Berusahalah kamu untuk memahami, bahawa pada hakikatnya engkau tidak ada, yang ada hanyalah Dia. Bersungguh-sungguhlah engkau untuk memahami, bahawa sesungguhnya engkau tidak mampu untuk

menjauhkan dirimu dari bahaya dan mendatangkan manfaat kepada dirimu. Apabila engkau mampu melakukan hal itu, maka Allah akan mengutus seorang malaikat untuk melayanimu bagi menjauhkan sesuatu yang menyakiti dari dirimu.

Anggaplah dirimu di sisi-Nya, seperti mayat yang terbujur di hadapan orang yang memandikannya, atau seperti pemuda Ashab al-Kahfi berada di sisi malaikat Jibril a.s. Anggaplah dirimu di sisi-Nya tidak wujud, tidak memiliki ikhtiar dan tidak berfikir.

Secara garis besarnya, berdirilah engkau di hadapan-Nya dengan dua kaki imanmu dan jiwamu, ketika turunnya qadha' dan qadar-Nya yang berat-berat. Iman itu berdiri teguh mengiringi takdir, sedangkan kemunafikan akan menjauhi takdir itu. Apabila seorang munafik melewati siang dan malam, maka bangunannya akan bergoncang, hawa nafsu dan wataknya akan semakin subur, manakala hati dan kedua-dua mata batinnya akan menjadi buta. Pintu rumahnya kelihatan ramai dan meriah, tetapi di dalam rumahnya rosak binasa. Dia berzikir kepada Allah hanya dengan lisannya, bukan dengan hatinya. Dia marah kerana hawa nafsunya, bukan kerana Tuhannya.

Adapun orang mukmin adalah kebalikan daripada sikap dan sifat orang munafik tersebut di atas. Mereka berzikir kepada Allah dengan hati dan lisan mereka. Sebahagian besar waktunya digunakannya untuk berzikir kepada Allah dengan hatinya, sedangkan lisannya membisu. Dia marah kerana Allah dan kerana Rasul-Nya, bukan kerana hawa nafsu dan syahwatnya, bukan kerana harta dan kekayaannya. Dia tidak hasad dan tidak pula berhasrat untuk memiliki harta yang ada pada orang lain.

Wahai hamba...! Janganlah engkau irihati kepada orang yang beruntung, kerana kehasadanmu itu akan membuat mereka bertambah mulia dan bertambah beruntung, manakala engkau pula akan binasa, darjatmu akan turun, engkau akan menjadi hina dan dipermalukan di hadapan orang ramai.

Bagaimana keuntungannya akan berubah kerana irihati dan kedengkianmu kepadanya, sedangkan Allah sudah tahu apa yang terjadi dengannya. Apabila engkau menentang Allah dalam ilmu-Nya mengenai dirimu dan orang selain kamu, maka engkau akan terusir, engkau akan tersingkir dari rahmat-Nya dan ilmu yang engkau miliki tidak akan memberi manfaat sedikit pun kepadamu, sebagaimana yang dinyatakan

oleh Allah dalam firman-Nya yang berbunyi:

عَامِلَةٌ نَّاصِبَةٌ ﴿٣﴾

Ertinya:
"Bekerja keras lagi kepayahan."

(Al-Ghasyiyah: 3)

Bertaubatlah engkau kepada Allah sekarang juga. Orang yang terpelihara daripada kemaksiatan adalah orang yang beruntung. Janganlah engkau mengundurkan niatmu untuk beribadah kepada Allah, kerana cubaan yang diturunkan-Nya kepadamu. Tunggulah hingga lenyapnya cubaan itu, dan janganlah engkau berputus asa, kerana dari satu ketika ke satu ketika akan ada kelonggaran daripada-Nya.

كُلَّ يَوْمٍ هُوَ فِي شَأْنٍ ﴿٢٩﴾

Ertinya:
"Setiap hari Dia dalam kesibukan."

(Ar-Rahman: 29)

Dia memindahkan sesuatu dari satu kaum ke kaum yang lainnya. Sabarlah engkau bersama-Nya dan redhalah terhadap takdir-Nya, sebab engkau:

لَا تَدْرِى لَعَلَّ ٱللَّهَ يُحْدِثُ بَعْدَ ذَٰلِكَ أَمْرًا ﴿١﴾

Ertinya:
"Engkau tidak mengetahui, boleh jadi Allah mengadakan sesudah itu sesuatu yang baru."

(At-Thalaq: 1)

Apabila engkau bersabar, maka Dia akan meringankan cubaan terhadapmu, dan menciptakan sesuatu yang engkau dan Dia menyukai-nya. Bagaimanapun, sekiranya engkau keluh kesah, mengeluh dan berpaling, maka cubaan itu akan bertambah berat terhadapmu, dan bertambah pula seksaan-Nya untukmu, kerana engkau mengeluh dan berpaling daripada-Nya.

Berpaling daripada-Nya menyebabkan engkau menurut kehendak dan godaan hawa nafsumu, keinginanmu, rasa cintamu terhadap harta benda,

dan kerakusanmu untuk mengumpulkannya.

Wahai ahli tariqat...! Jika memang kamu terpaksa, maka biarkanlah nafsumu bersama harta, tetapi hatimu ada bersama akhirat, batinmu ada di pintu Allah s.w.t., sehingga nafsumu berbalik menjadi hati, dan nafsu itu merasakan apa yang dirasakan oleh hati. Manakala hatimu pula berubah menjadi batin (sirr) dan merasakan apa yang dirasakan oleh batin, dan batin pula berubah menjadi fana' pada-Nya. Dalam kefana'an itu, batin tidak merasakan sesuatu dan tidak dirasakan. Kemudian Allah menghidupkan batin itu untuk-Nya bukan untuk selain-Nya.

Pada ketika itu, satu dirham dari batin senilai dengan seribu mithqal dirham yang dijadikan emas. Inilah puncak kesempurnaan utama yang abadi. Betapa beruntungnya manusia yang mengetahui apa yang aku katakan ini dan mempercayainya. Betapa beruntungnya manusia yang mengamalkannya dengan ikhlas. Betapa beruntungnya mereka yang beramal dengan tangannya sendiri, lalu amal itu didekatkan kepada Dzat yang menjadi tujuannya beramal, iaitu Allah al-Haq.

Wahai hamba...! Apabila engkau mati, maka engkau akan melihat dan mengenalku. Kamu akan melihatku dari sebelah kanan dan sebelah kirimu. Aku akan mengiringi dan membelamu. Aku juga akan meminta bertanggungjawab daripadamu ke atas dirimu, sampai bila engkau bersekutu dengan makhluk dan berpegang dengan mereka..?

Engkau perlu mengetahui, bahawa salah seorang daripada kaum tariqat ini tidak bermanfaat bagimu, bahkan ia akan membahayakan engkau, baik dia faqir atau kaya, mulia atau hina. Sentiasalah engkau berzikir kepada Allah, janganlah engkau bergantung kepada makhluk, dan jangan pulalah engkau bergantung kepada usaha dan daya upayamu, tetapi bergantunglah engkau kepada Allah, berharaplah engkau kepada anugerah-Nya.

Bergantunglah kepada Allah yang memberi kemampuan kepadamu untuk berusaha. Apabila engkau berbuat demikian, maka Dia akan menjalankan engkau bersama-Nya dan memperlihatkan kepadamu kekuasaan-Nya yang ajaib dan hal-hal yang sudah diciptakan-Nya. Dia akan menyampaikan jiwamu kepada-Nya, setelah engkau sampai kepada-Nya, maka diingatkan-Nya engkau kepada masa-masa yang telah engkau lalui, sebagaimana penghuni syurga juga memperkatakan tentang syurga itu ketika mereka di dunia.

Apabila engkau berjaya menembusi jendela ikhtiar, maka engkau akan sampai kepada tujuanmu. Apabila engkau berhasil menembusi jendela sebab-musabab, maka engkau akan sampai kepada Zat Yang Menciptakan sebab-musabab itu. Apabila engkau melampaui adat, maka adat itu akan bertentangan dengan dirimu.

Barangsiapa yang melayani, maka dia akan dilayani.

Barangsiapa yang taat, maka dia akan ditaati.

Barangsiapa yang menghormati, maka dia akan dihormati.

Barangsiapa yang mendekat, maka dia akan didekati.

Barangsiapa yang merendahkankan diri, maka dia akan tinggi.

Barangsiapa yang memberi, maka dia akan diberi.

Barangsiapa yang berakhlak mulia, maka dia akan dekat.

Kemuliaan budi pekerti itu mendekatkan, dan keburukan budi pekerti itu akan menjauhkan engkau.

Kemuliaan budi pekerti adalah taat kepada Allah, dan keburukan budi pekerti adalah maksiat kepada-Nya.

Wahai kaum ahli tariqat...! Janganlah kamu tunda-tunda persiapan dan perhitungan terhadap dirimu. Bersegeralah kamu untuk melaksa-nakan hal itu terhadap dirimu di dunia ini, sebelum engkau menjejakkan kakimu di akhirat. Diriwayatkan, bahawa baginda Rasulullah s.a.w. bersabda, katanya:

إِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ يَسْتَحْيِي أَنْ يُحَاسِبَ الْمُتَوَرِّعِيْنَ مِنْ عِبَادِهِ فِي الدُّنْيَا.

Ertinya:
"Sesungguhnya Allah 'Azza Wa Jalla malu untuk menghisab orang-orang yang warak dari hamba-Nya di dunia."

Jadilah engkau orang yang warak. Jika tidak maka engkau akan ditimpa kehinaan. Jadilah engkau orang yang warak dalam semua tindakanmu di dunia. Jika tidak, maka kesenanganmu akan bertukar menjadi kesusahan di dunia dan di akhirat.

Dinar adalah jembatan ke neraka dan dirham adalah jambatan menuju

kesusahan. Lebih-lebih lagi, apabila engkau mendapatkan kedua-duanya melalui cara yang haram dan menggunakannya pada jalan yang haram pula. Kelak akan nyatalah apa yang aku ucapkan ini bagimu. Tetapi sekarang engkau masih buta dan pekak. Rasulullah s.a.w. bersabda:

حُبُّكَ الشَّيْءَ يُعْمِي وَيُصِمْ.

Ertinya:
"Kecintaan engkau kepada sesuatu itu akan membutakan dan memekakkan."

Kosongkanlah hatimu daripada kecintaan terhadap harta. Laparkan dan dahagakanlah ia, sehingga Allah memberimu pakaian, makanan dan minuman kepadanya. Bertawakkallah engkau kepada-Nya zahir mahupun batin. Janganlah engkau merancang sesuatu, bahkan yang melakukan semuanya itu adalah Dia, bukan engkau.

Beramallah engkau selama-lamanya, kerana dunia ini adalah tempat beramal, sedangkan akhirat adalah tempat pembalasan, tempat pemberian dan tempat anugerah. Inilah yang paling banyak berlaku pada orang-orang soleh. Adapun yang jarang sekali pada mereka ialah orang dikeluarkan oleh Allah daripada amalnya di dunia dan diberi anugerah dan rahmat serta mengistirehatkannya sebelum datangnya akhirat.

Dia hanya memadai dengan melakukan segala yang fardhu dan diberi kelonggaran untuk tidak melakukan amalan-amalan sunat. Kerana yang fardhu itu tidak gugur dalam sebarang waktu dan keadaan. Ini hanya diperolehi oleh sebahagin kecil saja dari hamba Allah, mereka sangat sedikit sekali.

Wahai hamba...! Bersikap zuhudlah engkau dan berpalinglah, maka engkau akan tenang di dunia. Jika engkau memperolehi bahagian daripada harta, maka bahagianmu itu pasti akan datang kepadamu. Engkau akan memperolehi semua bahagianmu itu, sedangkan engkau adalah orang yang mulia, diagungkan dan mereka akan meminta kepadamu. Engkau tidak memakan sesuatu makanan kerana dorongan nafsumu, kerana itu merupakan penghalang antara engkau dengan Tuhanmu.

Seorang mukmin tidak akan makan kerana nafsunya dan tidak pula makan dengan nafsunya. Dia juga tidak akan tertipu oleh nafsunya itu dan tidak pula merasa senang akan nafsunya. Seorang mukmin itu hanya

akan makan dengan tujuan untuk kuat beribadah kepada Allah s.w.t. Dia memakan sesuatu yang boleh menguatkan tapak kakinya di hadapan-Nya. Dia makan dengan dasar agama, bukan dengan dorongan hawa nafsu.

Seorang wali Allah itu hanya akan makan dengan perintah Allah. Wali Abdal adalah wakil wali Qutub, yang makan dengan perbuatan Allah. Sedangkan makan dan semua tindakan wali qutub sama dengan makan dan tindakan Rasulullah s.a.w. Bagaimana dia tidak akan berbuat seperti itu, sedangkan dia adalah pelayan baginda, pengganti dan khalifah baginda untuk umat baginda.

Dia adalah khalifah Rasulullah s.a.w. dan khalifah Allah. Mereka adalah khalifah sejati, sedangkan penguasa kaum muslimin sebelum mereka adalah khalifah zahir. Kaum muslimin tidak dibolehkan untuk tidak mengikut jejak langkah mereka dan mentaati mereka.

Dan telah dikatakan, bahawa jika seorang khalifah kaum muslimin itu bersifat adil, maka dia adalah wali qutub pada zamannya. Janganlah engkau memandang remah akan perkara ini. Engkau telah diawasi oleh malaikat yang mengetahui perbuatanmu, baik lahir mahupun batin.

Tiada seorangpun di antara kamu, kecuali akan didatangkan pada hari kiamat bersama malaikat yang diarahkan untuk mengawasi perbuatan dan perilakunya ketika di dunia. Malaikat ini menuliskan semua kebaikan dan keburukan yang dilakukannya selama di dunia. Mereka membawa sebanyak 99 kitab catatan, dan masing-masing kitab catatan itu adalah sejauh mata memandang.

Di dalam kitab catatan itu tercatat semua kebaikan, keburukan dan semua yang dikerjakannya selama hidup di dunia. Maka hamba itu dipaksa untuk membaca kitab catatan amalnya. Seseorang itu akan pandai membaca kitab tersebut, walaupun ketika di dunia adalah seorang yang buta huruf. Kerana dunia adalah tempat hikmah, sedangkan akhirat adalah tempat kekuasaan Allah. Dunia memerlukan usaha dan alat, tetapi akhirat tidak memerlukan semuanya itu.

Apabila salah seorang daripada kamu mengingkari tulisan atau catatan itu, maka anggota badannya akan berbicara di hadapan Ilahi. Semua anggota badannya akan berbicara dengan marah tentang apa yang mereka lakukan selama mereka hidup di dunia.

Engkau diciptakan untuk melakukan hal yang besar, namun kamu

tidak memiliki kebaikan. Allah berfirman yang bermaksud:

"Maka apakah kamu menyangka, bahawa sesungguhnya Kami menciptakan kamu secara main-main, dan bahawa kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami...?"

(Al-Mukminun: 15)

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 49

Memberi Kepada Orang Yang Meminta

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat, 11 Sya'ban, 545H

DIRIWAYATKAN dari Abdullah ibn al-Mubarak, bahawa pada suatu ketika beliau didatangi oleh seorang pengemis yang meminta makanan. Tetapi beliau tidak mempunyai apa-apa untuk diberikan kepada pengemis itu, selain sepuluh butir telur. Maka beliau menyuruh hamba perempuan beliau agar memberikan kesemua telur itu kepada pengemis tersebut. Bagaimanapun, hambanya itu hanya memberikan sembilan butir saja daripada telur tersebut, sedangkan yang sebutir lagi disimpannya.

Pada ketika matahari hendak tenggelam, datanglah seorang lelaki yang mengetuk pintu rumah beliau, dan lelaki itu berkata: "Ambillah bakul ini...!", katanya sambil menghulurkan sebuah bakul. Maka Abdullah ke luar dan mengambil keranjang yang diberikan oleh lelaki tersebut. Di dalam keranjang itu, beliau melihat beberapa butir telur. Setelah menghitung telur yang ada dalam keranjang tersebut, ternyata jumlahnya sebanyak 90 butir.

Kemudian beliau memanggil hamba perempuan beliau tersebut dan bertanya:

"Di mana telur yang lain...?" Berapa banyakkah yang engkau berikan kepada pengemis itu...?, tanya beliau.

"Saya memberikan sembilan butir telur, dan saya tinggalkan sebutir untuk berbuka..!", jawab hambanya itu.

"Engkau berhutang kepadaku sepuluh butir telur...!" ujar Abdullah selanjutnya.

Demikianlah mereka lakukan untuk Tuhan mereka. Mereka membenarkan dan beriman dengan apa yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Mereka berada di samping al-Quran, dan mereka tidak menderhakainya, baik dalam gerak mahupun dalam diam, baik dalam menerima mahupun memberi.

Mereka beramal untuk Tuhan mereka, lantas mereka memperolehi keuntungan dan mereka sentiasa melakukannya. Mereka melihat pintu-Nya terbuka, lantas mereka memasukinya. Mereka melihat pintu selain-Nya tertutup, lantas mereka menjauhinya. Mereka taat kepada-Nya dan tidak taat kepada selain-Nya. Mereka turut murka terhadap siapa yang dimurkai-Nya dan mengasihi siapa yang dikasihi-Nya.

Oleh yang demikian, maka sebahagian ulama tariqat berkata: "Taatlah kepada Khaliq dan janganlah taat kepada makhluk." Takutlah orang yang takut dan beranilah orang yang berani. Kaum ahli tariqat sentiasa berada di sisi Allah. Mereka meminta pertolongan kepada-Nya atas diri mereka dan selain mereka. Mereka tidak takut dicela demi membela-Nya. Mereka tidak takut kepada seorang juapun tentang hukum dan dalam mendirikan agamanya.

Wahai hamba...! Tinggalkanlah kegilaan yang terdapat pada dirimu. Ikutilah jejak para kaum ahli tariqat dalam segala ucapan dan perbuatan mereka. Janganlah engkau mengharap untuk dapat mencapai sebagaimana yang mereka capai dengan pengakuan dustamu. Bersabarlah engkau dalam menghadapi cubaan, sebagaimana kesabaran mereka, agar engkau dapat mencapai sebagaimana yang mereka capai.

Andainya tiada cubaan, nescaya semua umat manusia akan menjadi ahli ibadah dan zuhud. Tetapi mereka tidak sabar dalam menghadapi cubaan, sehingga mereka terhalang dari pintu Tuhan mereka. Barangsiapa yang tidak sabar menghadapi cubaan, maka dia tidak berhak menerima pemberian. Apabila engkau tidak mempunyai kesabaran dan keredhaan, maka sikapmu itu akan menyebabkan engkau keluar daripada perhambaanmu kepada Allah. Dalam sebahagian kitab-Nya, Allah berfirman, yang bermaksud:

"Barangsiapa yang tidak redha dengan qadha-Ku dan tidak sabar atas ujian-Ku, maka hendaklah dia mencari Tuhan selain Aku."

Puaskanlah hatimu dengan-Nya, bukan dengan selain-Nya. Takdir atau ketentuan Allah akan berlaku padamu, baik berupa manfaat atau mudarat. Laksanakanlah Islam sehingga kamu memperolehi keimanan, kemudian laksanakanlah iman, sehingga kamu memperolehi keyakinan. Pada ketika itu, kamu akan melihat apa yang belum pernah kamu lihat sebelumnya.

Yakin akan memperlihatkan segala sesuatunya kepadamu dalam bentuk asalnya. Khabar akan menjadi kenyataan. Yakin mengajak hati agar selalu ingat kepada Allah s.w.t., dan memperlihatkan kepada hati segala sesuatu yang diciptakan-Nya. Sekiranya hati itu berdiri di pintu gerbang Allah, maka ia akan memperolehi kedermawanan, kemudian akan menjadi pemurah dan berpengaruh. Pemurah kepada makhluk dan tidak bakhil kepada mereka sedikitpun.

Hati yang ikhlas kerana Allah akan mempunyai sifat pemurah. Batin yang hening juga akan mempunyai sifat pemurah. Bagaimana kedua-duanya tidak akan bersifat pemurah, sedangkan kedua-duanya telah dianugerahi kemurahan oleh Allah Yang Paling Pemurah...?

Wahai kaum ahli tariqat...! Tetaplah kamu dalam sifat pemurah dan mendahului orang lain, asalkan tujuannya untuk melakukan ketaatan kepada Allah, bukan untuk menderhakai-Nya. Semua maksiat yang digunakan untuk maksiat, akan pupus sebantar lagi. Sibukkanlah diri kamu dengan beramal dan tetap dalam ketaatan, sehingga kamu merasa dekat kepada-Nya, sehingga tujuan kamu hanya tertumpu untuk-Nya, bukan untuk selain-Nya.

Pada ketika itu, makanan mereka adalah dari pinggan anugerah-Nya, dan kamu tidak tahu dan tidak faham darimana datangnya. Hawa nafsu adalah hijab antara kamu dengan-Nya. Jika nafsu itu telah meninggalkan dirimu, maka akan hilanglah hijab itu. Itulah sebabnya, Syeikh Abu Yazid al-Bustami berkata: "Aku melihat Tuhanku dalam mimpi, lantas aku bertanya kepada-Nya: "Bagaimana jalan menuju Engkau wahai Khaliq..?." Maka Tuhanku menjawab: "Tinggalkanlah nafsumu dan datanglah pada-Ku." Maka aku tinggalkan nafsuku, bagaikan ular meninggalkan kulitnya."

Allah hanya menyebutkan nafsu saja, tidak yang lain. Kerana dunia dan segala isinya serta semuanya selain Allah adalah pengikut nafsu. Dunia adalah kekuasaan nafsu dan sekaligus merupakan kekasihnya. Demikan juga dengan akhirat, kerana Allah telah berfirman, yang berbunyi:

وَفِيهَا مَا تَشْتَهِيهِ ٱلْأَنفُسُ وَتَلَذُّ ٱلْأَعْيُنُ ۖ ...

Ertinya:
"...dan di dalamnya (syurga) terdapat segala yang diingini oleh nafsu, dan sedap dipandang mata."

(Az-Zukhruf: 71)

Pada siang hari mereka melakukan kemaslahatan umat dan keluarga mereka. Manakala pada waktu malanya, mereka melayani Tuhan mereka serta menyendiri bersama-Nya. Demikianlah para raja, yang sepanjang waktu siang mereka bersama pelayan mereka dan menunaikan keperluan rakyatnya. Sedangkan pada waktu malamnya, mereka menyendiri bersama pembantu dan para menteri mereka.

Dengarkanlah apa yang aku katakan ini dengan hatimu, jaga dan amalkanlah. Aku tidak mengatakan sesuatu, kecuali kebenaran yang datang dari Allah. Aku berkata berkenaan dengan jalan untuk menuju keredhaan-Nya. Aku mengatakan hal ini, agar kamu mampu melaluinya. Bahkan aku tidak puas, jika kamu mengatakan kepadaku, bahawa aku telah melakukan kebaikan dengan lisanmu. Tetapi aku akan merasa puas, jika kamu mengatakan hal itu dengan lisan hatimu.

Amalkanlah apa yang aku katakan ini, dan ikhlaslah kamu dalam beramal, sehingga apabila aku melihat kamu maka aku akan mengatakan, bahawa kamu telah melakukan suatu kebaikan. Bilakah engkau akan melakukan silaturrahim kepada dirimu, duniamu, akhiratmu, makhluk dan segala-galanya selain Allah secara menyeluruh...? Makhluk adalah hijab dirimu. Dirimu adalah hijab hatimu, dan hatimu adalah hijab batinmu. Selama engkau masih tetap bersekutu bersama-sama makhluk, maka engkau tidak akan mengenal dirimu sendiri. Apabila engkau telah meninggalkan mereka, maka engkau akan sedar bahawa dirimu telah memusuhi Tuhanmu dan memusuhi dirimu sendiri.

Engkau akan sentiasa memeranginya, hingga ia tunduk kepada Tuhannya, tunduk kepada janji-Nya dan takut terhadap ancaman-Nya. Dia akan mematuhi perntah-Nya, menjauhi larangan-Nya dan redha terhadap takdir-Nya. Pada saat itu, semua penghalang atau hijab akan terhapus dari hati dan batinmu. Kedua-duanya akan melihat apa yang belum dilihatnya sebelumnya. Kedua-duanya akan melihat Tuhan mereka dan berlindung kepada-Nya serta tidak taat kepada selain-Nya.

Seorang wali tidak akan taat kepada sesuatu selain daripada kepada Pencipta segala sesuatu itu. Dia tidak tidur dan tidak pula mengantuk. Tiada hijab antaranya dengan Tuhannya. Seorang kekasih Allah itu sentiasa fana' dan wujudnya sama dengan tidak wujud. Dia berada dalam lembah takdir dan ilmu mengenai Tuhannya. Ombak lautan ilmu akan mengangkat dan menurunkannya. Dia diangkat, kemudian diturunkan ke sempadan kehidupan. Dia tidak melihat dan bingung, dia juga tidak berakal, bisu, pekak dan tidak dapat mendengar selain daripada suara Allah dan tidak melihat kecuali Dia.

Dia mati di sisi-Nya, apabila dikehendaki-Nya, maka Dia akan menghidupkannya. Apabila dikehendaki-Nya, maka Dia akan mewujudkannya. Selama-lamanya dia berada dalam khemah kedekatan kepada Allah. Apabila datang giliran hukum, maka dia akan berada dalam pinggan hukum itu. Apabila datang giliran untuk keluar, maka dia akan berdiri di pintu. Dia sentiasa mendengarkan pengaduan makhluk dan menjadi pengantara antara mereka dengan Allah. Inilah keadaan para wali, bagaimanapun ada sebahagian yang dirahsiakan.

Wahai kaum ahli tariqat...! Kamu berada dalam kegilaan, dan dalam kesia-siaan zaman tanpa manfaat dan faedah. Hendak-lah kamu bersabar bersama Allah, kamu telah melihat kebaikan di dunia dan di akhirat. Apabila engkau hendak merealisasikan Islam dalam dirimu, maka hendaklah engkau bertawakkal. Apabila engkau menghendaki untuk hampir kepada Allah, maka hendaklah engkau menyerahkan diri kepada qadha', qadar dan af'al-Nya, tanpa bertanya "mengapa dan bagaimana." Dengan demikian, engkau akan dekat kepada-Nya. Janganlah engkau menghendaki sesuatu, sebab hal itu tidaklah benar. Ketahuilah, bahawa yang berkuasa hanyalah Allah dan yang berkehendak hanyalah Allah. Ingatlah firman Allah, yang berbunyi:

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ...

Ertinya:
"Dan tidaklah kamu menghendaki (menempuh jalan itu) kecuali jika dikehendaki oleh Allah."

(Al-Insan: 30)

Apabila kehendakmu itu tidak makbul, maka janganlah engkau menghendaki. Janganlah engkau menentang-Nya dalam hal

perbuatan-perbuatan (af'al)-Nya. Apabila dia merenggut dirimu, hartamu, kesihatanmu, anak-anakmu dan menghancurkan segala milikmu, maka tersenyumlah engkau dalam menerima ketentuan atau takdir-Nya, kehendak-Nya dan pengganti yang akan diberikan-Nya.

Demikianlah hendaknya perilakumu, jika engkau ingin dekat dengan-Nya dan murni bersama-Nya. Apabila engkau ingin agar hatimu sampai kepada-Nya, ketika engkau berada di dunia, maka simpanlah kesusahan hatimu dan perlihatkanlah kegembiraanmu, berakhlaklah engkau kepada umat manusia dengan akhlak al-karimah. Rasulullah s.a.w. bersabda:

بِشْرُ الْمُؤْمِنِ فِيْ وَجْهِهِ وَحُزْنُهُ فِيْ قَلْبِهِ.

Ertinya:
"Kegembiraan orang mikmin itu pada wajahnya, dan kesedihannya di dalam hatinya."

Janganlah kamu mengadu kepada seseorang manusia berkenaan dengan apa-apa yang sudah ditentukan Allah buat dirimu. Kerana apabila engkau mengadukan Allah kepada manusia, maka akan hancurlah harga dirimu di sisi-Nya, manakala yang engkau adukan itu tidak akan hilang darimu, engkau tidak akan terlepas dari masalah yang engkau hadapi.

Janganlah engkau bangga dengan sebarang amal yang engkau lakukan, kerana kebanggan itu akan menghancurkan pahala amal tersebut. Yakinlah engkau, bahawa Allah Yang Memberi taufiq kepadamu. Kerana keyakinan itu akan menghilangkan kebanggan dalam hatinya kerana melakukan amal yang sedikit.

Tumpukanlah semua hasrat dan tujuanmu semata-mata kepada-Nya, dengan bersikap demikian, Dia akan merahmati engkau dan memberi jalan kepadamu bagi menuju keredhaan-Nya. Tetapi, wahai manusia...! Bagaimana engkau akan mampu menumpukan hasrat dan tujuanmu kepadanya, jika engkau berdusta dalam perbuatan dan perkataanmu...?. Kamu adalah orang yang mencari sanjungan manusia dan takut akan celaan mereka.

Jalan menuju keredhaan Allah adalah kejujuran. Kaum tariqat mempunyai kejujuran tanpa disertai pembohongan. Mereka bersifat jujur sentiasa, dan tiada siapapun yang boleh mengalahkan kejujuran mereka. Mereka lebih banyak beramal daripada bercakap. Mereka adalah

wakil-wakil Allah dan khalifah-Nya untuk makhluk-Nya, mereka adalah penilai dan pengawas manusia di dunia. Mereka adalah orang biasa yang dipilih-Nya untuk menduduki martabat ini.

Wahai orang munafik...! Engkau tidak termasuk ke dalam golongan mereka. Janganlah engkau berdesakan dengan mereka dengan kemunafikanmu. Ini bukanlah hal remeh yang dapat dihasilkan dengan seorang diri, berangan-angan dan berbantah-bantah.

Ya Allah...! Jadikanlah kami termasuk ke dalam golongan mereka yang benar dan jujur kerana-Mu. Wahai Tuhan kami:

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنۡيَا حَسَنَةٗ وَفِي ٱلۡأٓخِرَةِ حَسَنَةٗ وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Tuhan kami berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

Janganlah engkau merasa bangga dengan nama, dengan gelaran sebagai ahli sufi atau ahli tariqat, dan dengan berpakaian seperti mereka dan berbicara seperti bicara mereka. Kerana hal itu tiada bermanfaat sedikit pun bagimu kalau engkau masih menentang mereka dan menderhakai Tuhanmu.

Engkau adalah golongan manusia yang memburu kekeruhan, bukan yang jernih. Memburu makhluk, bukan Khaliq. Memburu dunia, bukan akhirat. Memburu yang zahir bukan yang batin. Memburu perkataan, bukan amalam. Memburu amal bukan keikhlasan.

Allah Yang Maha Tahu tidak akan menerima apa-apa yang berlawanan dengan Kitab-Nya dan sunnah Rasul-Nya. Namun semuanya itu bagimu adalah pengakuan tanpa diiringi dengan bukti. Oleh yang demikian, maka tiadalah amalmu yang diterima. Manusia akan menerima engkau dengan hal yang demikian, tetapi Allah tidak akan menerimamu. Dia Maha Mengetahui apa yang terpendam di dalam hatimu. Janganlah engkau sombong, kerana seorang pengawas itu mempunyai mata-mata. Allah Taala hanya akan melihat hatimu, bukan melihat tubuhmu. Bahkan Dia juga akan melihat apa yang ada di sebalik bajumu, dalam kulit dan tulangmu.

Dia hanya akan melihat keuntungan dirimu bersendiri, bukan kebersamaanmu dengan orang lain. Apakah engkau tidak tahu, bahawa apabila orang memandang kepadamu, maka engkau akan menghiasi dirimu...? Tetapi, apabila Allah yang melihatmu, mengapa engkau tidak berhias...? Apabila engkau mengingini keuntungan dirimu bersendiri, maka bertaubatlah engkau daripada semua dosa-dosamu dengan ikhlas. Bertaubatlah engkau daripada bersekutu dengan makhluk. Janganlah engkau mengamalkan sesuatu, kecuali kerana Allah.

Aku melihat semua yang ada pada dirimu adalah salah, kerana engkau sentiasa bersama nafsu, harta, syahwat dan kesenangan. Seekor pepijat yang kecil sudah mampu menelanjangi dirimu. Sesuap nasi yang engkau makan kerana redha kepada nafsu akan membuat engkau marah kerana engkau membelanya. Dengan demikian, engkau adalah hamba nafsumu, tali pemegangmu berada di tangannya.

Wahai manusia...! Di manakah kedudukan dirimu, jika dibandingkan dengan hamba-hamba Allah yang merealisasikan kehambaan mereka kepada-Nya dan redha terhadap semua perbuatan-Nya...? Mereka juga ditimpa malapetaka, tetapi mereka tetap tenang dan kukuh, bagaikan sebuah gunung yang tidak berganjak dari tempatnya. Malapetaka itu menimpa mereka, namun mereka tetap sabar dan taat.

Mereka meninggalkan jasad mereka kerana berbagai ujian dan dugaan serta terbang menuju Allah dengan hati mereka. Maka jasad mereka tak ubahnya bagaikan khemah tanpa penghuni, dan bagaikan sangkar tanpa burung. Ruh-ruh mereka berada di sisi-Nya, manakala jasad mereka berada di depan-Nya.

Wahai orang-orang yang berpaling daripada Tuhan mereka...! Wahai orang-orang yang membenci Tuhan mereka...! Datanglah kamu kepadaku, maka aku akan mendamaikan antara kamu dengan Dia. Aku akan bertanya kepada-Nya perihal kamu. Aku akan memintakan keamanan dan ketenteraman kepada-Nya untukmu. Aku akan merendahkan diri di hadapan-Nya. Aku akan memintakan bagi kamu akan hak-hak-Nya atas diri kamu.

Ya Allah...! Kembalikanlah kami kepada-Mu. Letakkanlah kami di pintu-Mu, jadikanlah kami orang-orang yang beramal kerana-Mu, jadikanlah kami orang-orang yang cinta (hubb) kepada-Mu dan sentiasa bersama-Mu. Redhakanlah hati kami untuk berkhidmat kepada-Mu. Jadikanlah kami

orang-orang yang memberi dan menerima kerana Engkau. Bersihkanlah batin kami daripada selain Engkau. Janganlah Engkau malihat kami dengan pandangan kebencian. Janganlah engkau melihat kami ketika Engkau melarang, dan janganlah Engkau kehilangan kami ketika engkau memerintah. Janganlah engkau jadikan zahir kami melakukan maksiat kepada-Mu, dan jangan pula Engkau jadikan batin kamu menyekutukan Engkau. Jauhkanlah kami daripada nafsu kami dalam menuju Engkau. Jadikanlah kami semua beramal kerana Engkau. Jadikanlah kami orang-orang yang merasa cukup dengan Engkau. Ingatkanlah kami akan kealpaan kami kepada-Mu. Takdirkanlah kami untuk menjadi orang-orang yang taat dan bermunajah kepada-Mu. Lazatkanlah hati dan batin kami dengan kedekatan kepada-Mu. Pisahkanlah antara kami dengan kederhakaan, sebagaimana Engkau memisahkan langit dengan bumi. Dekatkanlah kami dengan ibadah, sebagaimana Engkau mendekatkan antara hitam dengan putih pada mata kami. Jauhkanlah kami daripada perbuatan yang tidak Engkau redhai dan engkau benci, sebagaimana Engkau menjauhkan antara Yusuf dan Zulaikha untuk melakukan maksiat kepada-Mu.

Wahai hamba...! Hancurkanlah nafsu, hawa, dan perangai jahat kamu dengan melakukan puasa selama-lamanya, solat selama-lamanya dan sabar selama-lamanya. Apabila dua kehancuran sudah pasti bagi seorang hamba, demikian juga dengan kesenangan dan watak jahatnya, maka tinggallah ia bersama Tuhannya. Ia akan tinggal di tempat yang luas tanpa kesempitan. Di kawasan yang dipenuhi kesihatan tanpa penyakit. Jadilah kamu orang-orang yang berakal. Belajarlah kamu, bertindaklah dengan bijaksana dan ikhlaslah dalam beramal.

Wahai hamba...! Belajarlah kamu dari makhluk, kemudian dari Khaliq. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, yang berbunyi:

مَنْ عَمِلَ بِمَا يَعْلَمُ أَوْرَثَهُ اللهُ عِلْمَ مَا لَمْ يَعْلَمْ.

Ertinya:

"Barangsiapa yang mengamalkan apa yang diketahuinya, maka Allah akan memberi ilmu kepadanya apa yang belum diketahuinya."

(Hadis ini dianggap dhaif oleh Al-Albani)

Peringkat pertama ialah bahawa engkau belajar kepada makhluk berkenaan dengan hukum. Kemudian para peringkat kedua hendaklah

engkau belajar dari Khaliq mengenai ilmu ladduni, yakni ilmu-ilmu yang khusus untuk hati dan batin. Oleh itu, carilah guru yang mursyid, kerana engkau tidak dapat belajar tanpa guru. Engkau berada di alam hikmah, oleh itu cariah ilmu dan ia adalah wajib bagimu. Rasulullah s.a.w. bersabda yang berbunyi:

أُطْلُبُوْ الْعِلْمَ وَلَوْ بِالصِّيْنَ.

Ertinya:
"Tuntutlah ilmu walaupun ke negeri China."

Wahai hamba...! Bersahabatlah engkau dengan orang-orang yang akan membantumu memerangi hawa nafsumu, bukan dengan orang yang membantu untuk menyemarakkannya. Apabila engkau berguru kepada seorang guru yang bodoh, munafik dan yang suka dorongan hawa nafsunya, maka guru itu hanya akan membantu hawa nafsumu untuk melakukan kejahatan kepada dirimu.

Seorang guru itu dijadikan guru bukanlah untuk kepentingan dunia, tetapi adalah untuk kepentingan akhiratmu. Kalau seorang guru itu mengikutkan kehendak dan dorongan hawa nafsunya, maka ia hanya layak sebagai guru untuk dunia. Sebaliknya, apabila seorang guru itu berhati bersih, maka dia layak dijadikan guru untuk akhirat. Selanjutnya, apabila guru itu berhati mulia, maka dia layak dijadikan guru untuk menuju kepada Allah.

Wahai orang-orang yang berguru kepada orang-orang yang ikhlas. Adalah amat jarang sekali terjadi seseorang yang berguru dengan ilkhlas, dan dalam masa yang sama dia menginginkan harta dengan hawa nafsunya. Kerana mereka tak ubahnya bagaikan kana-kanak. Demikian juga jiwa yang berpaling daripada harta, tetapi memperlakukan harta itu seperti biasa, bukan kerana terpaksa, atau nafsu berubah menjadi hati. Hal ini jarang terjadi dan amat jauh daripada jangkauan akal manusia.

Hal itu akan menjadi sempurna pada jiwa, apabila jiwa itu telah menjadi buta terhadap dunia, akhirat dan segala sesuatunya selain daripada Allah. Semakin dekat seorang hamba kepada Tuhannya, akan semakin bertambah pulalah kekhuatiran dan ketakutannya kepada-Nya. Oleh itu, seorang wazir adalah orang yang paling khuatir terhadap kerajaannya, kerana dialah orang yang paling hampir dengan kerajaan. Seorang mukmin

tidak mungkin akan sampai kepada keredhaan-Nya kecuali dengan ilkhlas. Itulah sebabnya para ahli tariqah amat khuatir terhadap keikhlasan hati ini. Kekhuatiran mereka itu tidak akan pernah lenyap dari hati dan batin mereka, sehingga mereka bertemu dengan Allah. Barangsiapa yang telah mengenal Allah, maka dia akan sangat takut kepada-Nya. Inilah sebabnya Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

أَنَا أَعْرَفُكُمْ بِاللهِ وَأَشَدُّ كُمْ لَهُ خَوْفًا.

Ertinya:
"Aku adalah yang paling tahu tentang Allah di antara kamu, dan yang paling takut kepada-Nya di antara kamu."

Allah Taala sentiasa menguji para wali-Nya agar hati mereka bersih. Mereka sangat takut akan perubahan pada masa yang datang. Mereka tetap merasa takut, walaupun mereka berada dalam keadaan aman. Mereka tetap akan terkejut, walaupun mereka diberi ketenangan. Mereka sentiasa memelihara nafsu mereka, meskipun dalam hal-hal yang kecil dan remeh.

Apabila Allah memberi ketenangan kepada mereka, mereka akan gelisah. Setiap kali Allah memberi kekayaan kepada mereka, mereka akan merasa miskin. Setiap kali Allah memberi keamanan kepada mereka, maka mereka akan takut. Setiap kali Allah memberi kepada mereka, mereka akan menolak.

Setiap kali Allah melimpahkan rasa takwa ke dalam hati mereka, maka mereka akan menangis. Setiap kali Allah memberi rasa kegembiraan kepada mereka, maka mereka akan menjadi susah. Mereka amat takut akan perubahan pada masa yang akan datang dan akhir kehidupan yang buruk. Mereka yakin bahawa Tuhan mereka adalah:

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

Ertinya:
"Dia tidak ditanya tentang apa yang dilakukan-Nya, dan merekalah yang akan ditanya (tentang apa yang mereka lakukan)."

(Al-Anbiya': 23)

Wahai orang-orang yang lupa diri...! Engkau memperlihatkan dirimu kepada Allah dengan melakukan dosa dan maksiat, tetapi engkau merasa

aman dari seksaan-Nya. Sebentar lagi ketenangan dan ketenteramanmu itu akan berubah menjadi ketakutan, kelapanganmu akan berubah menjadi kesempitan, keseihatanmu itu akan berubah menjadi kesakitan, keagunganmu itu akan berubah menjadi kehinaan, dan kekayaanmu akan berubah menjadi kemiskinan.

Yakinlah engkau...! Bahawa keselamatanmu daripada seksaan Allah pada hari kiamat adalah bergantung kepada ketakutanmu terhadap seksaan itu semasa di dunia, dan ketakutanmu di akhirat adalah tergantung kepada perasaan amanmu di dunia. Bagaimanapun, kamu menyelami lautan dunia dan menetap di dasar kelalaian. Maka kehidupanmu tak ubahnya bagaikan kehidupan binatang. Kamu hanya tahu makan, minum, kahwin dan tidur. Keadaanmu nampak dengan nyatanya bagi mereka yang memiliki hati yang bersih. Serakah terhadap dunia dan bekerja mencari rezeki adalah menjadi penghalang bagi kamu daripada jalan dan pintu gerbang Ilahi.

Wahai orang yang dimalukan oleh sifat serakahnya...! Andaikata engkau dan seluruh penghuni jagat raya ini bersepakat dan bersetuju untuk memberikan sesuatu kepadamu, maka engkau tidak akan akan mendapat bahagian kerana engkau tdak memiliki kekuasaan untuk memilikinya. Oleh yang demikian, tinggalkanlah keserakahanmu untuk mendapat apa yang menjadi bahagianmu dan apa yang bukan menjadi bahagianmu.

Bagaimana engkau selaku orang yang berakal, tetapi membuang waktunya untuk mengurus takdir...? Hilangkanlah makhluk dari hatimu. Jangan engkau berkeyakinan bahawa mereka mampu memberikan kemudaratan dan kemanfaatan kepadamu. Mereka tidak akan mampu mendatangkan mudarat, manfaat, memberikan sesuatu, menghalang sesuatu, memberikan pujian, mendatangkan celaan, memuliakan, menghinakan. Bahkan mereka tidak mampu membuat engkau berpaling atau mengadap.

Tanamkanlah suatu keyakinan yang mantap dan kukuh dalam jiwamu, bahawa yang mampu mendatangkan manfaat dan mudarat itu hanyalah Allah. Kebaikan dan kejahatan datang daripada-Nya. Dia akan melakukannya kepada makhluk-Nya. Apabila engkau mampu, hendaklah engkau menjadi pengantara antara makhluk dengan Khaliq. Ajaklah mereka menuju ke pintu-Nya.

Apabila engkau menganggap mereka tidak mengikut nasihat dan buah fikiranmu, atau engkau menganggap mereka dungu, gila dan bodoh. Maka bergaullah engkau dengan mereka, engkau ubatilah hati mereka, engkau jauhkan mereka daripada kejahatan dan ajaklah mereka untuk meninggalkan kedunguan dan kebodohan mereka. Orang yang taat kepada Allah hanya orang berilmu, manakala perbuatan maksiat itu hanya akan dilakukan oleh orang-orang yang bodoh dan gila. Orang yang melakukan maksiat itu adalah bodoh tentang Tuhannya, maka dia menderhaka kepada-Nya dengan mengikut ajakan dan pujukan syaitannya.

Andaikan dia bukan orang bodoh, nescaya dia tidak akan menderhakai Tuhannya. Andaikata dia tahu bahawa nafsunya membisikkan keburukan kepadanya, maka dia tidak akan menurut bisikannya.

Sudah berapa kali aku memberi peringatan kepadamu tentang Iblis dan semua sahabatnya, namun engkau masih bersahabat dengannya dan menerima semua sahabatnya dalam hidupmu. Mereka semua adalah musuh-musuhmu. Sama sekali engkau tidak mempunyai kekasih, kecuali Allah semata-mata. Dia menghendaki engkau untuk dirimu sendiri, sementara yang lain-Nya menginginkan engkau untuk dirinya.

Sekiranya engkau tidak mempunyai nafsu ketika engkau berkhalwat dan engkau mencari-Nya bersama-sama orang lain selain engkau, maka ketika itu, khalwatmu akan mendatangkan ketenteraman kepadamu kerana Allah Taala.

Apabila engkau membiarkan nafsumu bersama dunia dan hatimu bersama akhirat, manakala batinmu bersama Allah, maka ketika itu khalwatmu merupakan ketenteraman kerana Allah. Tetapi apabila disertai oleh nafsu dan keinginan yang lain-lain, maka tiada ertinya engkau melakukan khalwat.

Bersendirian bersama-Nya hanya akan wujud apabila engkau seorang diri, tidak bersama selain-Nya. Engkau hanya akan dapat menemui-Nya, apabila engkau telah membenci yang lain selain daripada-Nya.

Bilakah engkau akan menjadi suci, sehingga engkau mengetahui kesucian dan orang-orangnya...? Bilakah engkau akan mengetahui kejujuran, sehingga engkau mengetahui kejujuran dan orang-orangnya...? Bilakah engkau akan berlaku ikhlas, sehingga engkau mengetahui pintu Allah dan ahli-ahli yang mendudukinya...?

Jika engkau benar-benar mengetahui tentang keadaan dirimu, maka engkau akan melihat para ulama Allah. Apabila engkau mengetahui pintu kerajaan, maka engkau akan melihat pelayan dan khadam-khadamnya berdiri. Di sana terdapat pintu kerajaan yang tidak dapat engkau lihat dan tidak pula dapat engkau pijak.

Bagaimana engkau akan dapat melihat pelayan-pelayan dan khadamnya...? Tiada perkataan, sehingga engkau dapat melihat pintu itu maka saat itulah engkau akan dapat melihat pelayan dan khadamnya. Tiada perkataan, sehingga engkau melihat Allah. Maka pada saat itulah engkau melihat kejujuran. Di sana engkau akan melihat kejujuran yang akan mendorongmu, memuliakanmu dan akan membangunkan engkau, sedangkan pembohongan akan menolakmu dan menidurkan engkau.

Hendaklah engkau sentiasa bersama orang-orang yang jujur, sehingga engkau diperlakukan sebagaimana mereka. Berlaku jujurlah engkau dalam semua tindakan dan perkataanmu. Bersabarlah engkau dalam segala tingkah lakumu. Kejujuran adalah tauhid, ikhlas dan tawakkal kepada Allah s.w.t. Adapun hakikat tawakkal adalah meninggalkan usaha dan pengantara, meninggalkan daya usaha dalam hati dan batin.

Apabila engkau ingin bersama dengan-Nya, maka tinggalkanlah segala sesuatu selain daripada-Nya dan berpalinglah engkau daripada nafsumu dan mereka. Berpalinglah engkau dari makhluk sehingga engkau sampai kepada Khaliq. Selagi engkau bersama nafsumu dan nafsu mereka, maka engkau tidak akan beruntung. Kedekatan kepada Allah tidak akan mengenal keterpaksaan walaupun oleh sejuta orang, hingga nyawa bercerai dengan badan. Ada di antara kamu yang memahami apa yang aku katakan ini dan mengamalkannya. Sesungguh-nya aku menghendaki kebaikan bagi kamu dunia dan akhirat.

Dunia adalah penjara bagi orang mukmin. Jika dia melupakan penjaranya maka dia akan merasa lapang. Orang mukmin berada dalam penjara, sementara orang yang mengenal Tuhan berada dalam keadaan bersyukur. Mereka tidak berada dalam penjara, kerana Allah telah memberi mereka minuman kerinduan untuk bertemu dengan-Nya, iaitu minuman ketenteraman bersama-Nya, minuman mengharap kepada-Nya, minuman yang membuat seseorang lupa kepada makhluk dan hanya ingat kepada-Nya. Dia memberikan minuman itu kepada mereka, sehingga mereka menjauhi makhluk dan menjadi mulia di sisi-Nya.

Mereka dan orang-orang yang menjadi tahanan ke luar dari penjara. Orang-orang tahanan tersebut telah merasakan syurga dan neraka mereka di dunia. Neraka mereka adalah menentang Allah, dan syurga mereka ialah redha terhadap takdir. Neraka mereka ialah lupa kepada Allah, dan syurga mereka adalah ingat kepada-Nya.

Kiamat bagi orang-orang awam adalah perhitungan amal, sedangkan bagi orang khusus, kiamat itu adalah pencelaan. Bagaimana mungkin mereka tidak berpendirian demikian, sedangkan mereka telah merasakan kiamat pada diri mereka di dunia. Mereka menangis sebelum datangnya pukulan. Maka mereka mendapat manfaat dari tangis mereka ketika datangnya pukulan itu.

Seseorang bermimpi bertemu dengan Imam Sufyan al-Thauri. Maka dia bertanya kepada beliau berkenaan dengan perkara yang dilakukan oleh Allah kepadanya. Maka beliau menjawab:

"Dia mendirikan aku di hadapan-Nya dan berfirman kepadaku: "Hai Sufyan, apakah engkau tidak tahu, bahawa Aku adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang...? Engkau menangis seperti itu adalah kerana engkau takut kepada-Ku. Apakah engkau tidak malu kepada-Ku...?"

Demikianlah jawapan Imam al-Thauri dalam mimpi orang tersebut. Oleh itu, lawanlah watakmu, hawa nafsu dan syaitanmu Janganlah engkau condong kepadanya. Apabila engkau sudah sampai ke tahap ini, maka menjauhlah engkau daripada teman-temanmu yang jahat, janganlah engkau bersahabat dengan mereka, sehingga mereka meniru tindakanmu.

Bertaubat adalah inti kekuatan sesuatu masyarakat. Barangsiapa yang bertaubat, tetapi tidak mengubah tingkah lakunya sebelum taubat, maka dia adalah pembohong. Apabila engkau mengubah, maka engkaulah yang akan menerima akibat daripada perubahan itu. Allah berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ ...

Ertinya:
"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum, sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri."

(Ar-Ra'd: 11)

Janganlah engkau menganiaya seseorang di dunia, sebab engkau akan diseksa keranànya di akhirat kelak. Berlaku adillah engkau di dunia, supaya engkau tidak digelincirkan dari jalan syurga. Tatkala orang-orang zalim berpaling dari keadilan, maka mereka dipalingkan dari jalan yang dilalui oleh orang-orang yang adil.

Letakkanlah setiap sesuatu pada tempatnya, sehingga engkau mendapat tempat di sisi Allah. Sekarang ini akhir zaman. Aku melihat kamu mengubah dan mengganti, akau sangat khuatir terhadap kamu akan hal itu. Mesikipun perubahan dan penggantian itu pasti akan terjadi, namun ia adalah sebahagian barang halal yang dirahsiakan.

Wahai makhluk Allah...! Pada umumnya, aku ingin agar kamu semua menjadi orang soleh dan bermanfaat bagi dirimu serta semua makhluk. Aku ingin menutup pintu-pintu neraka, bahkan ingin meniadakannya sama sekali. Aku ingin agar tiada seorang juapun yang terjerumus ke dalamnya. Aku juga ingin membuka pintu-pintu syurga, agar tidak seorang pun daripada hamba Allah yang dihalang memasukinya. Aku mendambakan hal itu, kerana aku melihat rahmat Allah dan kerana aku merasa kasihan kepada makhluk-Nya.

Aku duduk kerana hendak memperbaiki hati kamu dan membersihkannya, bukan kerana hendak mengubah ucapan dan menghiasinya dengan kata-kata yang manis. Janganlah kamu menjauhi ucapanku yang kasar dan tajam. Kerana hanya kekasaran itulah yang mendidikku terhadap agama Allah.

Ucapanku kasar dan makananku juga kasar. Barangsiapa yang menjauhkan diri daripada aku dan orang-orang yang sama dengan aku, maka dia tidak akan beruntung. Apabila engkau berlaku tidak sopan terhadap sesuatu yang berkaitan dengan agama, maka dia tidak memperkatakan engkau dan aku juga tidak akan menyuruhmu melakukannya dengan ucapan: "Lakukanlah perkara itu." Bahkan aku juga tidak akan mempedulikan, apakah engkau hadir di sisiku atau tidak. Aku tidak mengharapkan tipu muslihat, kecuali kerana Allah dan dari Allah, bukan dari kamu. Aku adalah sebahagian daripada kamu. Apa yang terdapat padaku tidak akan dapat diubah dengan lisan, tetapi ia hanya akan dapat diubah dengan hati. Tidak ada kanan, kiri dan belakang, yang ada hanyalah depan, dada tanpa belakang.

Ikutilah jejak para Nabi dan Rasul serta para ulama salaf al-solehin.

Aku tidak pernah tergelincir daripada jalan mereka dalam menuju kedekatanku kepada Allah. Bertaubatlah kamu daripada dosa-dosa dan kesalahan yang telah kamu lakukan. Taubat inilah yang menjadi temanku di dasar hati kamu. Di dalam dirimu terdapat beberapa bangunan. Aku akan merobohkan bangunan syaitan dan akan mendirikan bangunan Allah. Aku akan mempertemukan kamu dengan Tuhanmu. Aku berdiri bersama intisari, bukan bersama kulit. Adapun yang zahir ini adalah kulit, dan yang batin adalah intisarinya dan aku tidak berdaya untuk mendidiknya, aku hanya mendidik akalmu dan menjauhkan kulit daripadamu. Aku akan mendidikmu sehingga Nabimu berasa gembira kerana kamu.

Wahai para hamba...! Janganlah kamu berguru kepadaku kerana keduniaanmu. Tetapi bergurulah kamu kepadaku kerana akhirat. Kalau benar kamu berguru kepadaku kerana akhirat, maka dunia akan datang kepadamu tanpa engkau perlu berusaha untuk mencarinya. Kamu boleh memanfaatkan dunia itu menurut kadar kezuhudan. Aku menjamin, bahawa kamu tidak akan dihisab kerananya.

Dahulukanlah akhirat atas dunia, dahulukanlah batin atas zahir, dahulukanlah kebenaran atas kebatilan dan dahulukanlah keabadian atas sesuatu yang fana'. Tinggalkanlah kemudian ambillah. Maksudku, ialah supaya engkau meninggalkan daripada mengambil sesuatu kerana didorong oleh tabiat dan nafsu. Kemudian ambillah sesuatu itu dengan dasar dorongan hati dan batin. Janganlah kamu mengambil apa yang ada di tangan makhluk. Tetapi hendaklah engkau memintanya kepada Allah s.w.t. Taatlah kamu kepada Rasul dan terimalah apa yang dikata-kannya kepadamu, baik dalam bentuk perintah mahupun larangan. Allah Taala berfirman:

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ۚ

Ertinya:

"Dan apa-apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah. Dan apa-apa yang dilarangnya kamu daripadanya, maka tinggalkanlah."

(Al-Hasyr: 7)

Jadilah kamu bagi akan binatang buas, ketika Allah dan Rasul-Nya memerintah. Dan jadilah engkau bagaikan orang yang sedang sakit, ketika Allah dan Rasul-Nya melarang, dan jadilah kamu bagaikan orang mati

ketika menerima takdir-Nya. Namun demikian, hendaklah kamu bergaul sesama umat manusia dengan akhlak dan perilaku yang baik. Janganlah kamu meminta kepada Allah akan sesuatu yang tidak dikehendaki-Nya. Taatlah kepada Allah dalam hukum dan takdir-Nya, baik mengenai dirimu mahupun orang-orang selain kamu.

Diriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

لَـمَّـا خَلَقَ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ الْقَلَمَ قَالَ لَهُ اكْتُبْ، قَالَ مَا الَّذِيْ أَكْتُبُ...؟ قَالَ اُكْتُبْ حُكْمِيْ فِيْ خَلْقِيْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

Ertinya:
"Tatkala Allah 'Azza Wa Jalla menciptakan qalam, maka Dia berfirman kepadanya, 'Tulislah...!' Maka berkata qalam, 'Apakah yang hendak aku tulis...?' Allah berfirman, 'Tulislah hukum-hukum-Ku terhadap makhluk-Ku sampai hari kiamat.'"

Wahai orang-orang yang sudah mati hatinya...! Wahai orang-orang yang hidup nafsunya...! Hati kamu sudah mati. Oleh itu kamu lebih berhak menerima musibah ini daripada orang selain kamu. Kematian itu adalah lupa kepada Allah dan tidak pernah berzikir mengingati-Nya. Barangsiapa di antara kamu yang ingin menghidupkan hatinya, maka hendaklah dia membiasakan berzikir kepada Allah di dalam hatinya itu dan hendaklah dia merasakan ketenteraman bersama-Nya, serta melihat kerajaan, keagungan dan perbuatan-Nya terhadap makhluk-Nya.

Wahai hamba...! Berzikirlah engkau kepada Allah dengan hatimu sebanyak seribu kali dan dengan lisanmu sekali. Zikirlah engkau kepada-Nya dalam semua waktu dan keadaan.

Sabar adalah zikir ketika kamu ditimpa melapetaka.
Menjauhi adalah zikir ketika datangnya harta.
Redha adalah zikir ketika datangnya akhirat.
Mengesakan Allah adalah zikir tatkala datang kebenaran.
Berpaling daripada selain-Nya adalah zikir ketika datangnya selain daripada-Nya.

Apabila engkau mengurangkan pengawasanmu terhadap nafsu, maka akan beroleh harapan untuk mengalahkan engkau dan melemparkan engkau ke lembah kederhakaan. Kendalikanlah nafsumu dengan tali

kekang kewarakan, janganlah engkau suka berbantah dan ingatlah bahawa kematian sedang menanti di hadapanmu. Mengingati kematian itu akan membersihkan hati, dan akan membuat engkau benci kepada harta dan makhluk. Hatimu akan terbebas daripada hijab, maka engkau melihat bahawa semua makhluk ini akan fana', mati, rosak, lemah dan tidak mampu mendatangkan kemudaharatan mahupun kemanfaatan.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:

"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 50

Bebaskanlah Dirimu Dari Kesusahan Dunia

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad, 13 Sya'ban, 545H

DIRIWAYATKAN, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

تَفَرَّغُوْا مِنْ هُمُوْمِ الدُّنْيَا مَا اسْتَطَعْتُمْ.

Ertinya:
"Lepaskanlah diri kamu daripada kesusahan dunia semampu kamu."

Wahai orang yang tidak mengetahui tentang harta...! Seandainya engkau mengetahaui, sudah pasti engkau tidak akan mencarinya. Ketahuilah, apabila harta datang kepadamu, maka ia akan menyusahkan engkau. Apabila harta menjauhkan diri daripada, maka ia juga akan menyusahkan engkau. Apabila engkau mengetahui Allah, tentu engkau juga akan mengetahui yang lain daripada-Nya. Tetapi engkau tidak mengetahui Allah, para Rasul dan para Nabi serta aulia'-Nya. Kebodohanmu dalam hal ini menyebabkan engkau juga bodoh mengenai harta.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada kamu...! Apakah engkau tidak memperolehi petunjuk dari kejadian dan peristiwa yang menimpa umat-umat yang terdahulu daripada kamu berkenaan dengan harta ini...? Mudah-mudahan engkau selamat dari kejahatannya. Tanggalkanlah pakaian harta itu dari hatimu, dan jauhilah ia. Tanggalkanlah pakaian nafsumu, dan mendekatlah engkau kepada Allah Yang Memiliki harta itu.

Apabila engkau sudah terlepas dari kongkongan nafsu, maka engkau juga akan terlepas daripada kungkungan selain Allah. Apabila segala sesuatu selain daripada Allah sudah menyerah dan tunduk di bawah pengaruh nafsu, maka jauhilah semuanya itu. Apabila engkau benar-benar telah mengetahui Tuhanmu.

Bertawakkallah engkau kepada Allah ketika engkau sudah pasrah. Perangilah nafsu itu Demi Allah, ketika engkau telah memperolehi hidayah. Bersyukurlah engkau kepada-Nya ketika Allah menambah nikmat-Nya kepadamu. Serahkanlah dirimu dan wujud semua makhluk ini kepada-Nya. Janganlah engkau menentangNya disebabkan sesuatu yang menimpa dirimu dan selain engkau.

Kaum tariqat tidak mempunyai kehendak bersama dengan kehendak-Nya, mereka juga tidak mempunyai pilihan bersama dengan pilihan-Nya. Mereka tidak tamak dalam menuntut rezeki yang menjadi bahagian mereka, dan mereka juga tidak menoleh kepada bahagian rezeki yang bukan menjadi bahagian mereka.

Apabila engkau ingin bersama mereka dunia dan akhirat, maka ikutilah perbuatan, tingkah laku dan keinginan mereka. Malangnya, aku melihatmu berbuat kebalikan daripada perbuatan mereka, berperangai dengan perangai yang berlawanan dengan perangai mereka dan berkeinginan yang menyalahi keinginan mereka. Bahkan engkau sentiasa menyalahi mereka, baik siang mahupun malam. Apabila mereka menyuruhmu melakukan, engkau tidak mahu melakukannya. Seakan-akan engkau adalah yang disembah, dan Dia adalah penyembahmu.

Maha Suci Allah Yang Maha Penyantun. Andaikata bukan kerana kesantunan-Nya, maka engkau tidak akan seperti wujud dan keadaanmu sekarang ini. Apabila engkau menginginkan keuntungan, maka tetaplah engkau di hadrat-Nya. Menurut pendapatku, ketenangan lahir batin itu masih belum sempurna, aku hanya menganggapnya sebagai suatu kemurahan Ilahi kepada hamba-Nya.

Oleh itu laksanakanlah perintah dan jauhilah larangan-Nya, turutilah garis ketentuan-Nya, tenangkanlah lahir dan batinmu untuk berbicara di hadrat-Nya, tatkala engkau telah mengetahui kebaikan dan keburukan dunia dan akhirat.

Janganlah engkau meminta sesuatu kepada makhluk, kerana mereka semua adalah lemah dan miskin. Mereka tidak memiliki mudarat dan

manfaat, baik untuk diri mereka atau untuk selain mereka. Bersabarlah engkau bersama Allah. Janganlah engkau meminta kepada-Nya dengan tergesa-gesa dan sifat bakhil, dan janganlah engkau mencurigai-Nya dalam hal itu. Dia lebih kasih daripada kamu terhadap dirimu daripada kamu sendiri.

Tetaplah kamu dalam ketaatan kepada-Nya. Dia lebih tahu tentang dirimu daripada dirimu sendiri. Tidaklah semua hal yang bermanfaat dan mengandungi kebaikan bagi kamu diberitahu-Nya kepadamu. Dia berfirman, yang berbunyi:

وَعَسَىٰٓ أَن تَكۡرَهُواْ شَيۡـٔٗا وَهُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۖ وَعَسَىٰٓ أَن تُحِبُّواْ شَيۡـٔٗا
وَهُوَ شَرّٞ لَّكُمۡۚ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ وَأَنتُمۡ لَا تَعۡلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

Ertinya:
"Dan boleh jadi engkau membenci sesuatu, padahal ia adalah amat baik bagi kamu. Dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu, padahal ia adalah amat buruk bagi kamu. Allah Maha Mengetahui sedangkan engkau tidak mengetahui."

(Al-Baqarah: 216)

Dan firman-Nya lagi:

وَيَخۡلُقُ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ﴿٨﴾

Ertinya:
"Dan Allah menciptakan apa yang tidak kamu ketahui."

(An-Nahl: 8)

Demikian juga firman-Nya yang berbunyi:

وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلۡعِلۡمِ إِلَّا قَلِيلٗا ﴿٨٥﴾

Ertinya:
"Dan tidaklah kamu diberi pengetahuan, melainkan hanya sedikit."

(Al-Isra': 85)

Barangsiapa yang ingin hendak melalui jalan Allah, maka hendaklah dia membersihkan diri-Nya sebelum berbuat demikian. Nafsu itu buruk perangainya, kerana ia memerintahkan seseorang untuk melakukan

keburukan. Apakah yang engkau lakukan di sisi Allah Taala...? Bagaimanakah engkau menempuh perjalanan untuk menuju kepada-Nya.

Didiklah nafsumu hingga ia menjadi nafsu al-mutma'innah (nafsu yang tenang). Apabila nafsumu sudah tenang, maka jadikanlah ia temanmu untuk menuju ke pintu Allah. Janganlah engkau menurutnya kecuali setelah engkau melatih dan mengajarnya hingga pekertinya sudah menjadi baik dan tenteram menghadapi janji dan ancaman Allah.

Nafsu itu adalah buta, bisu, pekak, tolol dan dungu tentang Tuhannya, bahkan ia juga memusuhi-Nya. Apabila engkau salalu melatihnya, maka akan terbukalah matanya hingga ia dapat melihat, lancarlah lisannya hingga ia dapat berkata-kata, hilanglah pekaknya hingga ia dapat mendengar, serta akan hilanglah semua kebodohan dan kedunguannya serta lenyaplah sikapnya yang memusuhi Tuhannya.

Perkara ini memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh, memerlukan guru, teliti dan sabar setiap ketika, dari sejam ke sehari, dari sehari ke sebulan, dan dari sebulan ke setahun. Perkara ini tidak akan berhasil hanya dengan berlatih selama satu jam, sehari, sebulan atau setahun.

Didiklah nafsumu dengan lapar, jauhkanlah dia daripada keinginannya, namun berikanlah haknya kepadanya. Kalahkanlah nafsumu itu, janganlah engkau takut kepada pedang atau pisaunya. Pedangnya adalah kayu yang tajam, ia hanya pandai berkata-kata tetapi tidak berbuat, ia sentiasa berbohong tanpa sedikit pun kejujuran, sentiasa berjanji tetapi tidak pernah menepati. Ia tidak memiliki kasih sayang, ia mempunyai wilayah tanpa kekuasaan. Iblis yang menjadi perdana menterinya tidak akan pernah berjaya mengganggu orang mukmin yang bersungguh-sungguh memusuhinya.

Maka bagaimana dengan nafsu itu...! Janganlah engkau menyangka bahawa ia masuk ke dalam syurga dan mengeluarkan Adam dengan kemampuannya dari dalam syurga itu. Semuanya itu hanyalah kerana Allah memberinya kekuatan untuk itu. Hal itu adalah sebab, bukan musabab.

Wahai orang yang sedikit sekali mempunyai akal...! Janganlah engkau lari dari pintu Allah, hanya kerana sedikit cubaan yang menimpa dirimu. Allah lebih tahu tentang kemaslahatanmu daripada dirimu sendiri. Dia tidak akan mendatangkan cubaan atau ujian kepadamu, jika tiada faedah

dan hikmah di sebaliknya. Apabila dia menimpakan cubaan kepadamu, maka kukuhkanlah pendirianmu, ingatlah akan dosa-dosa dan kesalahan yang pernah engkau lakukan kepada-Nya, perbanyakkan-lah istighfar dan mintalah kesabaran dan ketabahan dalam menghadapinya. Berdirilah engkau di hadrat-Nya dan berlindunglah engkau kepada rahmat-Nya, bermohonlah engkau kepada-Nya agar dihilangkan-Nya cubaan dan dugaan itu daripadamu, serta mohon disegerakan hikmah dan faedah yang terkandung di sebaliknya.

Apabila engkau mengingini keuntungan, maka bergurulah engkau kepada mursyid yang tahu tentang hikmah serta ilmu Allah. Engkau akan diajarinya tentang ilmu dan adab, dan memberitahu kepadamu jalan menuju Allah. Seorang murid tariqat wajib mempunyai mursyid dan pembimbing. Kerana dirinya sedang berada di daratan yang dipenuhi oleh ular, kala, haiwan-haiwan buas, bahaya dan kehausan. Maka mursyidnya akan menjauhkannya dari hal tersebut, dan menunjukkan kepadanya tempat air dan pokok-pokok yang berbuah ranum.

Apabila seorang murid itu belajar tanpa guru atau mursyid yang membimbingnya, maka dia akan tersesat ke daerah yang dipenuhi oleh ular, kala, haiwan buas dan aneka macam bahaya yang siap sedia menerkam dirinya.

Wahai orang yang sedang mengembara di jalan dunia...! Janganlah engkau mengasingkan diri dari kafilah, penunjuk jalan dan rombongan manusia. Kerana engkau akan kehilangan harta dan nyawamu.

Wahai orang yang sedang mengembara di jalan akhirat...! Sentiasalah engkau bersama penunjuk jalan, hingga engkau sampai di tempat yang engkau tuju. Layanilah penunjuk jalan itu ketika dalam perjalanan, bersopan santunlah engkau kepadanya dan janganlah engkau membantah pendapatnya, supaya engkau diberinya pelajaran dan didekatkannya kepadanya. Kemudian dia akan menjadikan engkau sebagai wakilnya dalam pengembaraan itu, kerana melihat kecerdasanmu, kejujuran dan kepandaianmu.

Dia akan menjadikan engkau pemimpin dalam pengembaraan itu dan menguasai semua ahlinya. Dia akan menjadikan engkau sebagai wakil dalam kenderaan-kenderaannya. Engkau akan tetap seperti itu hingga dia membawamu kepada Nabi s.a.w., kemudian menyerahkan dirimu kepada baginda. Engkau akan gembira kerananya. Kemudian baginda

akan menjadikan engkau wakil dalam masalah hati dan hakikat, sehingga engkau menjadi utusan antara Khaliq dengan makhluk-Nya. Engkau akan sentiasa mendatangi Allah dan makhluk-Nya. Bagai-manapun, hal ini tidak akan dapat dicapai dengan belajar seorang diri dan berangan-angan. Tetapi ia hanya akan dapat dicapai dengan sesuatu yang bersemayam di dalam kalbu dan direalisasikan dengan amalan.

Kaum ahli tariqat menjadikan golongan pengikutnya hingga mencapai jutaan orang. Mereka mendengar kalam Allah dengan hati dan batin mereka. Mereka membenarkan pendengaran itu dan mengamalkannya dengan anggota badan mereka.

Wahai orang-orang yang bodoh...! Bertaubatlah kamu kepada Allah. Kembalilah kamu kepada pemimpin-pemimpin yang siddiqin dan ikutilah ucapan serta perbuatan mereka. Janganlah kamu mengikut jejak para munafikin yang kerjanya hanya menumpuk harta dan berpaling dari akhirat. Mereka menjauhi para khalifah Allah yang diikuti oleh orang-orang yang terdahulu. Mereka mencari jalan orang yang bermalas-malasan namun tidak menemui kebaikan pada mereka, iaitu jalan menuju Allah Taala.

Wahai hamba...! Para munafik yang bergaul dengan kamu untuk mendapat harta di dunia ini tidak akan memisahkan kamu pada hari esok. Mereka tidak akan memisahkan engkau dengan teman-temanmu yang jahat yang engkau bergaul bukan kerana Allah. Oleh itu, apabila engkau terpaksa bergaul dengan makhluk, maka bergaullah engkau dengan orang-orang yang warak, zuhud dan mengenal Allah, mengamalkan ilmu dan mengharap kepada Allah.

Apabila engkau berbuat demikian, maka Allah akan menghapuskan kesesatan dari dirimu dan akan menempatkan engkau dalam kebaikan. Dia akan menghilangkan keterikatan dari dirimu dan akan menggantinya dengan kemerdekaan yang hakiki. Dia akan menjauhkan engkau daripada kelompok ular, kala dan haiwan-haiwan buas dan kemudian menempatkan engkau di suatu tempat yang aman untuk beristirehat. Bergaullah engkau dengan orang-orang yang bersifat seperti ini, dan bersabarlah engkau terhadap sebarang ucapannya. Dengarkanlah olehmu perintah dan larangannya. Engkau telah melihat kebaikan di dunia, tetapi sempadan keberanian adalah kesabaran selama satu saat.

Jauhilah keburukan dan amalkanlah ilmumu dengan ikhlas. Apabila

engkau ditakdirkan beramal, maka engkau pasti akan beramal. Berusahalah engkau, kemudian tawakkal dan beramal. Apabila mereka memilih keburukan dan tidak memilih dirimu, maka engkau tidak akan berpindah dari kedudukanmu, kecuali apabila engkau telah berputus asa terhadap orang yang mengajakmu untuk beramal. Pada ketika itu, benamkanlah dirimu dalam lautan tawakkal. Maka engkau akan mengumpulkan sebab dan akibat. Bersopan santunlah engkau di hadapan mursyidmu, dan hendaklah engkau lebih banyak diam daripada berbicara di hadapannya. Kerana sikap itu akan menyebabkan engkau lebih memahami dan mendekatkan dirimu kepadanya.

Bersopan santun menyebabkan engkau dekat dan berakhlak buruk akan menyebabkan engkau jauh. Tetapi, bagaimana mungkin akhlak dan kelakuanmu akan menjadi baik, sedangkan engkau tidak pernah berguru kepada guru yang mengajarmu tentang sopan santun...? Bagaimana mungkin engkau akan mempunyai ilmu, sedangkan engkau tidak pernah redha kepada gurumu dan tidak mempunyai sangka baik terhadapnya..?

Majlis 51

Dunia Berdasarkan Hikmah, Akhirat Berdasarkan Qudrat

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Selasa, 15 Sya'ban, 545H.

INGATLAH...! Bahawa segala sesuatu yang terdapat di dunia ini adalah hikmah, dan segala yang terdapat di akhirat adalah qudrat. Maka dunia ini berdasarkan hikmah dan akhirat adalah berdasarkan qudrat. Janganlah engkau meninggalkan amal di daerah hikmah dan janganlah engkau melemahkan qudrat-Nya di daerah qudrat.

Beramallah engkau di daerah hikmah dengan hikmah-Nya, dan janganlah engkau hanya menyerah kepada takdir-Nya. Janganlah takdir itu engkau jadikan alasan untuk dirimu. Kerana nafsumu akan melakukan helah dengan takdir untuk mengelakkan daripada beramal. Takdir yang digunakan alasan adalah helah orang-orang yang pemalas. Berdalih dangan takdir hanya dibolehkan dalam perkara yang tidak diperintahkan dan yang tidak dilarang.

Seorang mukmin yang hakiki tidak akan tertarik dengan dunia dan isinya. Dia akan mengambil bahagiannya di dunia dan akan menuju kepada Allah dengan hatinya. Dia akan istiqamah di tempat itu sehingga kemewahan dunia ini dihilangkan dari hatinya, dan dia diperkenankan untuk menghadap kepada Tuhannya sebagai utusan.

Batinnya mengeluarkan batin kepada hati, dan hati kepada nafsu yang mutma'innah (tenang, tenteram) serta anggota badan yang taat. Dalam

keadaan seperti inilah secara tiba-tiba dia tidak memerlukan keluarganya dan keluarganya tidak memerlukannya, sehingga dia tidak dapat bertemu dengan mereka. Memadailah baginya keburukan makhluk. Allah Taala menjadikan makhluk taat kepadanya dan menjauhkan hatinya daripada hati mereka. Dia menciptakannya hanya bersama-Nya, seakan-akan makhluk lain tidak pernah seperti dirinya. Bahkan seakan-akan makhluk ciptaan Allah hanyalah dirinya sendiri.

Allah akan tetap menjadi Khaliq dan dia sebagai makhluk. Abadilah apa yang ada di sisi Tuhannya dan dia adalah sebagai pemintanya. Allah kekal sebagai pokok dan dia sebagai cabangnya. Dia tidak mengetahui selain Allah dan tidak melihat selain-Nya. Allah menjauhkan dirinya daripada makhluk.

ثُمَّ إِذَا شَآءَ أَنشَرَهُۥ ﴿٢٢﴾

Ertinya:
"Kemudian apabila Dia menghendaki, Dia membangkitkannya semula."

('Abasa: 22)

Allah menciptakannya di kalangan mereka bukan kerana kemaslahatan-kemaslahatan mereka dan bukan pula kerana hendak menunjuki diri mereka. Dia akan bersabar atas kejahatan mereka untuk mencapai keredhaan Allah.

Kaum ahli tariqat adalah penjaga hati dan batin. Mereka berdiri (istiqamah) bersama Allah s.w.t. bukan bersama selain-Nya. Mereka beramal kerana-Nya, bukan kerana selain-Nya.

Wahai munafik...! Tiada khabar untukmu dari mereka. Dan tiada pula khabar bagi kamu dari keimanan, dan kamu pula tiada mempunyai khabar dari ketenteraman kerana Allah. Sebentar lagi engkau akan mati, dan engkau akan diselimuti oleh penyesalan selepas kematian itu. Engkau telah menerima kefasiqan lisan, sedangkan hatimu kosong. Semuanya ini tidak bermanfaat bagimu.

Fasiq itu terletak di dalam hati bukan pada lidah. Menangislah engkau seribu kali untuk dirimu dan sekali untuk yang selain engkau. Wahai orang-orang yang hatinya sudah mati...! Wahai orang-orang yang menghadap ke belakang...! Wahai orang yang terhalang dari Allah kerana

dirinya dan kerana makhluk. Bertaubat dan beramallah kamu dengan ikhlas, semata-mata kerana Allah.

Ya Tuhanku...! Pada mulanya aku adalah bisu. Kemudian Engkau memberi kemampuan kepadaku untuk berbicara. Maka engkau berilah manfaat kepada makhluk dengan pembicaraanku. Sempurnakanlah kesalihan mereka, kerana usahaku. Kalau tidak, maka Engkau kembalikanlah aku menjadi bisu semula.

Wahai kaum ahli tariqat...! Aku menyerumu menuju kematian, iaitu melawan hawa nafsu, perangai, syaitan, harta dan secara umumnya meninggalkan semua makhluk dan mengeluarkannya dari hatimu. Berperanglah kamu dalam menentang perkara-perkara ini, dan janganlah kamu berputus asa. Kerana Allah Taala adalah:



Ertinya:
"Setiap hari Dia dalam kesibukan."

(Ar-Rahman: 29)

Berdoalah kepada-Nya berdasarkan qudrat-Nya. Berdoalah kepada-Nya melalui sudut qudrat bukan melalui sudut hikmah. Berdoalah engkau kepada-Nya melalui pintu ilmu-Nya, bukan melalui pintu ilmumu. Berdoalah kamu kepadanya dengah hati dan batinmu, bukan hanya dengan lidahmu. Berdoalah kamu kepada-Nya dari belakang ilmu dan kemampuanmu. Berdirilah kamu pada haribaan-Nya, di atas tapak kaki kemiskinan daripada segala sesuatu. Janganlah kamu tawar menawar dengan-Nya. Janganlah kamu merasa bahawa kamu memiliki kemampuan di hadrat-Nya. Janganlah kamu mengandalkan akalmu terhadap-Nya. Janganlah kamu menolak peraturan-Nya dan menyerah atau melaksanakan peraturan orang-orang bodoh.

Barangsiapa yang tidak mengamalkan ilmunya, maka bererti dia orang bodoh, meskipun dia hafal akan matan ilmu itu. Mempelajari ilmu tanpa mengamalkannya akan mengembalikan engkau kepada makhluk. Sedangkan pengamalan itu akan mengembalikan engkau kepada Allah, menjadikan engkau sebagai orang zuhud dalam masalah harta dan orang yang sentiasa waspada terhadap batinmu. Engkau akan menjadi sibuk menghiasi batin dan zahirmu. Pada saat itulah Allah akan memimpinmu kerana engkau layak untuk-Nya. AllahTaala berfirman:

وَهُوَ يَتَوَلَّى ٱلصَّـٰلِحِينَ ﴿١٩٦﴾

Ertinya:
"Dan Dia melindungi orang-orang yang soleh."

(Al-A'raf: 196)

Allah akan melindungi mereka zahir dan batin. Dia mendidik zahir mereka dengan hikmah dan mendidik batin mereka dengan ilmu-Nya, maka mereka tidak akan takut dan tidak akan bermohon kepada selain-Nya. Mereka juga tidak akan meminta kepada selain-Nya, mereka tidak akan memberi kecuali kerana-Nya. Mereka benci kepada selain-Nya dan tenteram kerana-Nya serta tenang menuju kepada-Nya. Ini adalah akhir zaman, akan engkau temui banyak perubahan dan penggantian. Zaman ini adalah zaman di mana manusia tiada lagi menghargai waktu, yakni zaman kemunafikan.

Wahai munafik...! Engkau adalah hamba dunia dan makhluk. Engkau beramal kerana makhluk dan engkau bersikap riya' kepada mereka dengan amalmu. Engkau lupa, bahawa Allah sentiasa melihat dirimu. Engkau menampakkan bahawa dirimu beramal untuk akhirat, padahal tujauan semua amalmu adalah dunia semata-mata. Diriwayatkan dari Nabi.s.a.w.

إِذْ تَزَيَّنَ الْعَبْدُ بِعَمَلِ الْأَخِرَةِ وَهُوَ لَا يُرِيْدُهَا وَلَا يَطْلُبُهَا لُعِنَ فِى السَّمَوَاتِ بِإِسْمِهِ وَنَسَبِهِ.

Ertinya:
"Apabila seorang hamba berhias dengan amal akhirat, pada dia tidak menghendaki dan mencari akhirat itu, maka dia dilaknat di beberapa langit dengan nama dan nasabnya."

Aku mengetahui keadaanmu melalui jalan ilmu dan hikmah, wahai orang-orang munafik. Namun aku menutupmu dengan tutup dari Allah.

Aduh...! Sungguh kasihan nasibmu...! Engkau tidak malu kepada anggota-angota tubuhmu. Engkau tidak suci daripada penderhakaan, maksiat dan najis yang nyata. Engkau mengaku bahawa batin dan hatimu bersih. Bagaimanapun semua pengakuanmu itu adalah bohong.

Oleh itu, bagaimana dengan batinmu...? Engkau tidak bersopan santun

kepada makhluk, namun engkau mengaku mengaku bahawa engkau bersopan santun kepada Khaliq. Gurumu tidak redha kepadamu dan engkau tidak bersopan santun kepadanya serta tidak mendengarkan perintah-perintahnya. Engkau duduk di hadapan sekali dalam sesuatu majlis. Tidak ada pembicaraan, sehingga tauhidmu kuat menurut gurumu dan benar menurut Allah.

Engkau ke luar dari ruang lingkup kewujudanmu, dan engkau mengaku berada dalam pangkuan kefasihan-Nya. Engkau merasa tenteram kerana-Nya, mendapatkan keikhlasan dan memperolehi darjat musyahadah. Kemudian engkau akan tetap seperti itu, hingga engkau menjadi seekor ayam jantan. Ketika itulah engkau menjadi penjaga ayam betina dan berkuasa terhadap mereka dengan kecintaan mereka kepadamu. Engkau mengajar dan memberi ingat kepada umat manusia siang dan malam. Engkau ingatkan mereka kepada Tuhan mereka.

Wahai orang bodoh...! Tinggalkanlah kitab itu dan buanglah ia dari tanganmu. Kemudian datanglah engkau kepadaku, dan duduklah engkau di depanku. Ilmu itu diambil dari mulut ulama, bukan dari kitab...! Ilmu itu diambil dari perbuatan bukan dari ucapan. Ilmu itu diambil daripada mereka yang merasakan kefana'an diri mereka dari semua makhluk dan merasakan bahawa yang ada hanyalah Allah semata-mata. Adapun yang lebih penting daripada itu, ialah bahawa engkau merasakan bahawa dirimu tidak ada, makhluk ini semuanya tidak ada, yang ada hanyalah Khaliq. Matilah engkau daripada selain-Nya dan hiduplah engkau dengan-Nya dan kerana-Nya.

Bergurulah engkau kepada pelayan-pelayan Allah dan sentiasa beridiri di pintu-Nya. Bergurulah engkau kepada orang yang sibuk untuk menjalankan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Redha terhadap takdir-Nya adalah sebagai syarat bagimu untuk memperolehi keredhaan Allah kepada dirimu, bahkan ia juga merupakan syarat agar Allah redha terhadap pengabdianmu dan keberkenanan-Nya menerima perhambaanmu.

Wahai hamba...! Janganlah engkau berbohong. Engkau mengatakan bahawa engkau redha kepada takdir Allah, padahal engkau dengan mudah saja berubah disebabkan seekor pepijat, sesuap nasi, sepatah perkataan dan kerana mempertahankan harga dirimu yang semu itu. Janganlah engkau berbohong. Aku tidak ingin mendengar engkau berbohong. Aku

tidak pernah melakukannya dan aku tidak membenarkan engkau melakukannya. Beberapa orang daripada manusia yang ramai ini adalah yang diberi ilham oleh Allah. Mereka diberi ucapan-ucapan khusus melalui hati mereka. Mereka mengetahui kebaikan dan memperolehi hidayah untuk melakukannya.

Bagaimana mungkin mereka tidak akan demikian, kerana mereka telah mengikut jejak langkah Nabi s.a.w., baik dalam perkataan mahupun perbuatan. Rasulullah s.a.w. diberi wahyu secara nyata, sedangkan mereka diberi ilham melalui hati dan batin mereka. Kerana mereka adalah pewaris dan pengikut segala perintah baginda s.a.w.

Apabila engkau ingin seperti mereka, maka banyak-banyaklah kamu mengingati mati. Kerana banyak mengingati mati itu akan memberi pertolongan kepadamu dalam menghadapi godaan hawa nafsu dan syaitan, serta terlepasnya dirimu daripada kongkongan dan pengaruh harta. Barangsiapa yang tidak menerima peringatan kerana kematian, maka tiada lagi jalan untuk menasihatinya. Ingatlah sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

كَفَى بِالْمَوْتِ وَاعِظًا.

Ertinya:
"Memadailah kematian itu sebagai nasihat."

Bahagianmu akan datang kepadamu, baik engkau zuhud terhadapnya atau mencintainya. Apabila engkau zuhud maka bahagianmu akan datang kepadamu, dan engkau akan mulia. Sebaliknya, apabila engkau mencintainya, maka bahagianmu itu akan datang kepadamu, tetapi engkau tidak akan mulia. Seorang munafik akan merasa malu kepada Allah ketika dia berada di tengah-tengah manusia, tetapi tidak malu kepada-Nya ketika dia berada seorang diri.

Aku kasihan kepadamu...! Andaikata imanmu kepada-Nya benar, nescaya engkau akan malu kepada-Nya, baik ketika engkau berada di tengah-tengah makhluk, mahupun ketika engkau bersendirian. Demikian juga andainya engkau benar-benar yakin bahawa Dia sentiasa melihatmu, dan selalu mengawasi engkau, engkau juga akan merasa malu kepada-Nya.

Aku katakan kepadamu tentang kebenaran. Aku sama sekali tidak takut kepadamu dan tidak pula mengharap kepadamu. Bagiku, kamu

dan seluruh isi bumi adalah bagaikan seekor pepijat dan sebiji gandum, kerana yang memberi manfaat dan mudarat hanyalah Allah, bukan kamu.

Bagiku, hamba dan raja itu adalah sama saja, tiada bezanya antara mereka dalam pandanganku. Ingkarilah olehmu nafsumu, berdasarkan agama bukan kerana didorong oleh nafsu dan perangai. Sesuatu yang didiamkan oleh agama, maka hendaklah engkau ikut mendiamkannya, dan apa yang disuarakan oleh agama, maka hendaklah engkau juga ikut menyuarakannya.

Wahai hamba...! Janganlah ingkari makhluk ini disebabkan kehendak hawa nafsumu. Tetapi ingkarlah engkau terhadap mereka disebabkan imanmu. Imanlah yang menyebabkan engkau ingkar, yakinlah yang melenyapkan dan Allah jualah yang menolong. Dia adalah penolongmu dan yang membanggakan engkau. Ingatlah firman-Nya yang berbunyi:

إِن يَنصُرْكُمُ ٱللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ ۖ ...

Ertinya:
"Jika Allah menolong kamu, maka tiada orang yang akan mampu mengalahkan engkau."

(Ali Imran: 160)

Dan firman-Nya lagi yang berbunyi:

إِن تَنصُرُوا۟ ٱللَّهَ يَنصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ ﴿٧﴾

Ertinya:
"Jika engkau menolong (agama) Allah, maka Allah akan menolongmu, dan meneguhkan kedudukanmu."

(Muhammad: 7)

Apabila engkau mengingkari perkara yang mungkar kerana Allah. Maka Dia akan memberi pertolongan kepadamu untuk melenyapkannya, menundukkan pelakunya dan menghinakan mereka terhadap dirimu. Tetapi apabila engkau mengingkarinya kerana didorong oleh hawa nafsu dan syaitanmu, maka Dia akan menghinakan engkau dan tidak akan memberi pertolongan kepadamu untuk mengalahkan pelakunya, dan engkau tidak akan mampu untuk melenyapkannya.

Pada hakikatnya imanlah yang mengingkari perkara-perkara yang

mungkar. Maka segala sesuatu yang diingkari dengan selain iman, maka ia tidak sebut dengan mungkar. Engkau ingin berbuat kerana seruan atau ajakan semata-mata, bukan kerana makhluk-Nya, kerana agama-Nya, bukan pula kerana nafsumu dan bukan pula dalam dirimu. Jauhkanlah kebodohan ini dari dirimu, ikhlaslah engkau dalam beramal. Ingatlah, bahawa kematian selalu membayangimu. Engkau pasti akan melaluinya. Tinggalkan ketamakan ini, kerana ia akan memalukan dirimu. Apa yang menjadi hakmu pasti akan datang kepadamu. Oleh itu, sibukkanlah dirimu dengan beribadah kepada Allah. Janganlah engkau menuntut apa yang menjadi hakmu dan yang bukan hakmu.

Allah Taala berfirman kepada Nabi s.a.w., yang berbunyi:

وَلَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِۦٓ أَزْوَٰجًا مِّنْهُمْ زَهْرَةَ
ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا لِنَفْتِنَهُمْ فِيهِ ۚ

Ertinya:
"Dan janganlah kamu tujukan kedua-dua matamu kepada apa yang telah Kami berikan kepada golongan-golongan dari mereka sebagai bunga kehidupan dunia, untuk Kami uji mereka dengannya."

(Thaha: 131)

Perkara yang amat penting sekali bagi orang yang sudah mengenali Allah ialah berbicara dan berdiam diri bersama makhluk. Oleh yang demikian, dari seribu orang yang mengenali Allah hanya seorang yang berbicara. Namun dia memerlukan kekuatan para Nabi. Bagaimana mungkin dia tidak memerlukan kekuatan mereka, sedangkan dia berkeinginan untuk berada di tengah-tengah manusia, bercampur dengan orang-orang yang waras dan orang gila...?

Dia akan duduk bersama dengan orang munafik dan orang mukmin, maka dia berada dalam penderitaan yang besar. Dia akan bersabar menghadapi perkara-perkara yang tidak disukainya. Namun demikian, dia dijauhkan daripada segala kemaksiatan dan diberi pertolongan dalam hidupnya. Kerana dia melaksanakan segala perintah Allah dalam berbicara kepada manusia. Dia tidak berbicara dengan hawa nafsunya, keinginan dan ikhtiarnya.

Bahkan Allah memaksanya untuk berbicara, sehingga Allah akan sentiasa memelihara dan menjaganya. Apabila engkau ingin mengetahui

tentang Allah, maka hilangkanlah makhluk dari hatimu, berkenaan dengan manfaat dan mudarat. Kerana engkau tidak akan mengetahui tentang Allah, kecuali dengan cara itu.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada kamu...! Dunia ini boleh saja berada di tapak tangan atau di dalam saku bajumu. Harta ini boleh saja disimpan di tempat mana yang engkau kehendaki. Kerana ikhtiar dengan menggunakan iktikad yang baik itu tidak dilarang. Yang dilarang ialah melekatnya harta di dalam hati. Harta boleh berdiri di depan pintu, tetapi ia tidak boleh masuk ke dalam rumah. Apabila hatimu sudah dikuasai oleh harta, maka engkau tidak akan memperolehi kemuliaan.

Apabila seorang hamba beranggapan bahawa dirinya sendiri yang ada, sedangkan makhluk lain semuanya tidak ada, maka dia seolah-olah tidak ada dan tidak pernah tercipta. Batinnya akan tetap kukuh dan bersemangat, meskipun diriya ditimpa aneka malapetaka dan cubaan. Dia tetap akan melaksanakan segala perintah Allah dan menjauhi semua larangan-Nya. Dia tidak pernah mengharapkan sesuatu dan tidak pernah pula rakus untuk memperolehinya. Dia akan mengem-balikan semua keadaan ini kepada hatinya, dan dia akan sentiasa memiliki pendirian yang kukuh meskipun keadaan berubah.

Wahai orang yang mengkhianati ilmu...! Di manakah kedudukanmu apabila dibandingkan dengan mereka...? Wahai orang yang memusuhi Allah dan Rasul-Nya...! Wahai orang-orang yang menggagahi hamba-hamba Allah...! Kamu telah melakukan kezaliman dan kemunafikan yang sungguh nyata.

Wahai para ulama dan para zahid...! Sampai bilakah kemunafikan ini akan berakhir...? Berapa kalikah kamu sudah melakukan kemunafikan kepada penguasa dan raja..?, sehingga kamu mengambil harta mereka...? Kamu dan raja-raja zaman ini adalah manusia pengkhianat dan berkhianat dalam masalah harta dan hamba-hamba Allah Taala.

Ya Allah...! Engkau hancurkanlah kiranya kekuatan orang-orang munafik dan hinakanlah mereka. Atau Engkau terimalah taubat mereka. Binasakanlah orang-orang yang zalim dan bersihkanlah bumi-Mu ini dari mereka. Atau engkau jadikanlah mereka orang yang baik. Amin...!

Wahai para raja...! Wahai semua hamba sahaya...! Wahai orang-orang yang zalim...! Wahai orang-orang yang adil...! Wahai orang-orang munafik...! Wahai orang-orang yang ikhlas...! Dunia akan hancur lebur

dan akhirat adalah kampung yang abadi. Tinggalkanlah segala sesuatu selain Allah dengan melakukan zuhud dan usaha. Bersihkanlah hatimu daripada segala sesuatu selain Tuhanmu. Janganlah engkau sampai disibukkan, dibelenggu atau dihalang oleh segala sesuatu itu sehingga engkau melupakan Allah Taala.

Apabila yang merupakan bahagianmu sampai kepadamu. Maka engkau akan memakannya sesuai dengan perintah dan jalan kezuhudan, bukan sesuai dengan keinginan dan jalan ketamakan. Kalau engkau melakukan zuhud itu selamanya, maka ia akan berpengaruh kepada tubuhmu. Hati akan terasa susah dan tubuh akan berubah. Apabila kedua-duanya itu telah nyata, maka akan datang kepadamu kelapangan dari Allah, kerana engkau telah mengenal-Nya. Dengan demikian, maka akan hilanglah semua kesusahan dan kekhuatiranmu.

Hati seorang mukmin itu terlepas dari makhluk, keluarga, harta dan anak-anaknya. Walaupun dia sibuk mengurus mereka, namun hatinya menanti kedatangan utusan Allah. Dia telah sampai kepada sempadan sebuah daerah, dan dia telah menitipkan keluarganya, sedangkan dia berada di kalangan mereka. Seorang mukmin adalah seorang yang berpesan untuk dirinya. Dia berada di antara umat manusia, sedangkan dia sudah menitipkan keluarganya ketika dia bersama mereka. Biji gandumnya bersama manusia, sementara talinya bersama Allah. Apabila tauhid telah tertanam dengan benar di dalam hati, maka sahlah amal itu menurut pandangan zahir. Sebab sesungguhnya bagi seorang mukmin itu adalah sama antara zahir dan batin, kaya dan miskin, penerimanaan manusia dan penolakannya, pujian manusia atau celaan.

Bagaimana mungkin engkau tidak akan mengeluarkan manusia dari hatimu, sedangkan darah dagingmu sudah sempit dan penuh oleh keredhaan Allah, oleh zikir dan kerinduan kepada-Nya...? Maka ketika itulah:

هُنَالِكَ ٱلْوَلَـٰيَةُ لِلَّهِ ...

Ertinya:
"Di sana pertolongan itu hanya datang dari Allah...!"

(Al-Kahfi: 44)

Engkau menjadi orang pandai dan menjadi pendidik, cinta dengan sesungguhnya. Engkau adalah orang bijaksana dan gemar melakukan

kebijaksanaan, dekat dan mendekatkan. Engkau adalah orang bersopan santun dan mengajarkannya kepada orang lain. Engkau tidak memerlukan makhluk namun engkau menjamin diri mereka.

Wahai orang yang bodoh...! Belajarlah engkau dari kebodohanmu. Engkau tidak pernah belajar, tetapi engkau menyibukkan dirimu dengan mengajar. Janganlah engkau meletihkan dirimu, tidak ada seorang juapun yang akan beruntung kerana menjadi muridmu. Tidak ada sesuatu apa juapun yang akan dapat engkau berikan. Kerana seseorang yang tidak mampu mengajar dirinya sendiri, bagaimana dia akan mengajar orang lain...?

Wahai kaum ahli tariqat...! Janganlah kamu menganggap bahawa kekuasaan Allah itu lemah, sehingga kamu akan bertemu dengan orang-orang kafir. Beramallah kamu dengan hikmah, sehingga amal itu mempertemukan kamu dengan mereka dengan ilmu. Apabila kamu telah melaksanakan amal, maka kamu akan dapat melihat kekuasaan Allah. Pada ketika itulah kenyataan akan terpampang dalam hati dan batin kamu. Apabila sudah tiada penghalang antara hatimu dengan Allah, maka Allah akan memberi kekuasaan kepadamu untuk mewujud-kan sesuatu, Allah akan memperlihatkan rahsia-Nya kepadamu, memberi anugerah kepadamu, memberikan minuman ketenteraman kepadamu dan mendekatkan dirimu kepada-Nya.

Inilah yang menjadi buah daripada ilmu al-Quran dan al-Sunnah. Amalkanlah, jangan sampai kamu menjauhi kedua-duanya, sehingga Allah menerimamu dan mendekatkan dirimu kepada-Nya. Apabila gurumu yang mengajar ilmu hukum mengetahui bahawa engkau menyalahi adat, maka dia akan memindahkan engkau ke bidang ilmu pengetahuan. Jika ilmumu sudah teguh, maka hati dan batinmu akan bersama Nabi s.a.w.. Baginda memegang kedua-duanya dan membawa-nya kepada Allah, kemudian baginda berkata: "Inilah Tuhan kamu."

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:

"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 52

Janganlah Memandang Makhluk Dengan Pandangan Keabadian

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat, 3 Ramadhan, 545H.

WAHAI kaum ahli tariqat...! Bersegeralah kamu kepada Tuhanmu. Bersegeralah kamu kepadanya dan tinggalkanlah makhluk, dunia dan segala sesuatu selain daripada-Nya. Kembalilah kamu kepada Allah dengan hatimu. Apakah kamu tidak mendengar firman Allah Taala yang berbunyi:

أَلَآ إِلَى ٱللَّهِ تَصِيرُ ٱلْأُمُورُ ﴿٥٣﴾

Ertinya:
"Ketahuilah...! Bahawa kepada Allahlah kembalinya segala urusan."
(Asy-Syura: 53)

Wahai hamba...! Janganlah engkau memandang kepada makhluk dengan pandangan keabadian. Tetapi pandanglah mereka dengan pandangan kefana'an. Janganlah engkau menganggap bahawa mereka boleh mendatangkan mudarat atau manfaat, tetapi anggaplah mereka sebagai makhluk yang lemah dan hina, yang tidak mampu berbuat apa-apa, kecuali dengan izin Allah Taala.

Esakanlah Allah, dan bertawakkallah engkau kepada-Nya serta janganlah engkau mempersoalkan takdir-Nya. Dunia dan segala isinya telah selesai diciptakan. Makhluk dan segala perbuatan mereka sudah

ditentukan. Hati seorang muslim tidak pernah terisi oleh mereka, sehingga hatinya lebih jauh dari mereka. Terutama jika dia tidak berusaha, maka hatinya akan semakin jauh daripada mereka. Apabila datang keperluan berusaha untuk keluarganya, maka dia akan berusaha mengatasinya. Dengan demikian, hatinya akan terisi oleh Allah, dan tidak pernah berpaling daripada-Nya.

Dia tidak pernah memohon penggantian dan perubahan terhadap ketentuan yang menimpa dirinya. Kerana dia yakin, bahawa segala sesuatu yang sudah digariskan oleh Allah tidak akan pernah berubah. Rezeki manusia telah ditentukan, maka ia tidak akan bertambah dan tidak akan berkurang. Maka dia tidak meminta agar rezekinya ditambah atau dikurangi. Dia juga tidak bermohon agar rezekinya dicepatkan atau dilambatkan. Kerana di yakin bahawa rezeki itu akan datang pada waktu yang sudah ditentukan.

Merekalah makhluk yang mempunyai akal sempurna. Mereka yang meminta agar rezekinya ditambah dan dikurang dan mereka yang meminta agar rezekinya dicepatkan atau dilambatkan adalah orang-orang gila. Barangsiapa yang redha kepada Allah s.w.t., maka Allah s.w.t. akan memperkenankan semua keinginannya. Allah s.w.t. akan mencintai-Nya dan juga akan memberitahu perihal dirinya kepada orang lain. Allah s.w.t. akan sentiasa mendampinginya hingga dia mati dan Allah s.w.t. akan mengabulkan segala permohonannya. Allah s.w.t. memberikan pertolongan kepadanya, lalu akan mendekatkan dirinya ke hadrat-Nya dan ketika dia dalam keadaan bingung dan berputus asa, Allah berfirman kepadanya:

أَنَا رَبُّكَ ...

Ertinya:
"Akulah Tuhanmu...!"

(Thaha: 12)

Inilah Kalam yang difirmankan oleh Allah kepada Nabi Musa a.s.

Allah Taala berfirman kepada Nabi Musa secara zahir dan berfirman kepada wali-Nya secara batin. Allah Taala menghendakinya untuk mampu mendengar firman-Nya sebagai rahmat-Nya kepadanya. Mukjizat yang dimiliki oleh para Nabi nampak dengan jelas, sedangkan karamah yang

dimiliki oleh para wali adalah secara batin. Para wali itu adalah pewaris Nabi, merekalah yang menegakkan agama Allah dan menjaganya dari syaitan, manusia dan jin.

Wahai orang-orang munafik...! Wahai orang-orang yang tidak mengetahui tentang Allah, para Rasul dan para wali-Nya...! Apakah yang membolehkan kamu mengetahui apa yang ada pada para wali itu...? Engkau membaca al-Quran, tetapi engkau tidak memahami apa yang engkau baca. Engkau beramal, tetapi engkau tidak mengetahui apa yang engkau amalkan. Itulah dunia tanpa akhirat. Kemudian engkau menentang mereka. Alangkah biadabnya kamu.

Jadilah engkau orang yang berakal, bersopan santun dan bertaubatlah kamu atas keterlanjuranmu itu. Bisukanlah lidahmu daripada memperkatakan sesuatu yang tidak engkau ketahui. Engkau tidak akan mendapat khabar dari Allah s.w.t. dan engkau juga tidak akan mendapat khabar daripada para Rasul dan para wali-Nya. Bahkan engkau juga tidak akan mendapat khabar daripada guru yang mengajar engkau tentang Dia dan makhluk-Nya.

Istiqamahlah engkau dalam taubatmu, berfikirlah engkau tentang kematianmu dan ingatlah bahawa engkau akan diusung ke tanah pekuburan. Apabila semuanya ini ada padamu, maka engkau akan belajar dan menuntut ilmu. Kemudian beramallah engkau sehingga Allah memberimu cahaya dengan Nur yang digunakan-Nya untuk menerangi langit dan bumi, dunia dan akhirat.

Terimalah apa yang aku katakan kepadamu dan bersungguh-sungguhlah engkau untuk melakukannya. Tinggalkanlah ketergantunganmu dengan perkara-perkara yang sudah berlalu, kerana itu adalah kasalahan dirimu sendiri. Menurut kami, alasan orang untuk bermalas-malas tidak termasuk perkara yang sudah berlalu, bakan kami bersungguh-sungguh untuk beramal. Kami tidak mengatakan "dia berkata, kami berkata, mengapa dan bagaimana." dan kami juga tidak mencampuri ilmu Allah. Kami hanya berusaha dan Dia melakukan apa yang dikehendaki-Nya.

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

Ertinya:
"Dia (Allah) tidak ditanya tentang apa yang diperbuat-Nya, dan

merekalah yang akan ditanya (tentang apa yang mereka perbuat)."

(Al-Anbiya': 23)

Apabila engkau telah mencapai puncak ilmu dan makrifat dan Allah telah mendekatkan hatimu kepada-Nya serta engkau telah benar-benar membenci dunia dan mencintai akhirat, maka namamu akan tertulis di pintu kedekatan kepada-Nya, dengan tulisan yang lebih kurang berbunyi:

"Fulan bin Fulan, termasuk mereka yang dimerdekakan oleh Allah daripada api neraka."

Itulah takdir yang tidak dapat diubah dan diganti, yang tidak dapat ditambah atau dikurang. Pada saat itulah engkau meningkatkan kesyukuranmu kepada Tuhanmu, melakukan kebaikan-kebaikan serta taat kepada Allah, tanpa meninggalkan rasa takut di dalam hatimu dan engkau juga tidak menganggap bahawa kekuasaan Allah itu lemah. Ingatlah firman-Nya yang bermaksud:

"Allah menghapuskan apa yang dikehendaki-Nya, dan menetapkan (apa yang dikehendaki-Nya) dan di sisi-Nya terdapat Umm al-Kitab (Lauh Mahfuz)."

(Ar-Ra'd: 29)

Dan firman-Nya lagi yang berbunyi:

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

Ertinya:
"Dia (Allah) tidak ditanya tentang apa yang diperbuat-Nya, dan merekalah yang akan ditanya (tentang apa yang mereka perbuat).

(Al-Anbiya': 23)

Janganlah kamu bergantung kepada tulisan itu. Kerana ia dapat dihapus oleh Allah yang memerintahkan untuk menulisnya. Orang yang mendirikan, tentu mampu merobohkannya. Tetaplah engkau takut kepada Allah, khuatir dan waspada untuk selama-lamanya, hingga maut mendatangi dirimu dan engkau terbang menuju akhirat dengan membawa keselamatan. Pada ketika itulah engkau akan terlepas daripada perubahan dan penggantian.

Wahai orang yang dikalahkan oleh kebodohan dan kemunafiqan...! Wahai orang yang sibuk mengumpulkan harta dan pemakan barang

haram...! Bagaimana engkau akan memperolehi cahaya dalam hatimu...? Bagaimana engkau akan memperolehi kebersihan batin dan mengucapkan hikmah...? Kaum ahli tariqat itu berbicara kerana terpaksa dan mereka tidur bagaikan orang yang tenggelam tidur di dalam air. Mereka makan bagaikan orang sakit makan. Mereka tetap dalam keadaan seperti itu hingga datangnya ajal mereka. Mereka disamakan dengan malaikat yang diterangkan oleh Allah dalam firman-Nya yang berbunyi:

لَّا يَعْصُونَ ٱللَّهَ مَآ أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Ertinya:
"Mereka (para malaikat) tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka sentiasa mengerjakan apa yang diperintahkan kepada mereka."

(At-Tahrim: 6)

Mereka diserupakan dengan para malaikat, namun mempunyai kelebihan atas malaikat. Kerana pemimpin malaikat itu memegang kain cadar di hadapan mereka di dunia dan di akhirat.

Wahai kaum ahli tariqat...! Apabila ucapanku tidak boleh kamu fahami. Maka tuangkanlah iman ke dalam hatimu dan membenarkan apa yang dikatakan oleh agama. Ucapanku adalah gambaran hati, maka oleh itu dengarkanlah ia dengan hati dan batinmu. Zahirmu telah beristirehat, demikian juga dengan batinmu. Kekuatan nafsumu telah hancur dan kami padamkan api syahwatmu.

Hal yang paling buruk pada diri kamu adalah syahwat yang menyebabkan kamu mencintai harta dan membenci kemelaratan, serta menyebabkan kamu terjerumus dalam kehinaan. Sebahagian ulama mengatakan, bahawa:

"Hakikat takwa bahawa engkau tidak terasa malu apabila yang ada di dalam hatimu diletakkan di dalam pinggan dan diperlihatkan kepada penghuni pasar."

Wahai orang bodoh..! Apakah yang menyebabkan engkau tidak bertakwa, sehingga apabila dikatakan kepadamu "bertakwalah kamu kepada Allah...!" Engkau marah. Apabila kebenaran dikatakan kepadamu, maka engkau mendengar dan mengejeknya. Apabila ada kemungkaran yang ditegur atas dirimu, maka engkau marah dan mempertahankan

perbuatan mungkarmu itu...?

Diriwayatkan dari Amir al-Mukminin Umar ibn al-Khattab, bahawa beliau berkata:

"Barangsiapa yang bertakwa kepada Allah, maka dia tidak akan memuaskan kemarahannya."

Allah berfirman:

"Adalah Aku mencintai kamu tatkala kamu taat kepada-Ku. Maka tatkala kamu menderhaka kepada-Ku, Aku membenci kamu."

Suatu hal yang perlu engkau ingat, ialah bahawa Allah mencintaimu bukan kerana Dia memerlukan engkau, tetapi adalah kerana rahmat-Nya kepadamu. Dia mencintaimu adalah untuk dirimu, bukan untuk diri-Nya. Dia mencintaimu kerana ketaatanmu kepada-Nya, manfaat ketaatanmu itu kembali kepadamu. Bertakwalah engkau kepada Zat yang mencintai engkau untuk dirimu, dan berpalinglah engkau daripada orang yang mencintai dirimu untuk kepentingan dirinya.

Seorang mukmin yang lupa akan segala sesuatunya dan sentiasa ingat kepada Tuhannya, akan dekat kepada-Nya dan hidup kerana-Nya. Apabila demikian, maka ketawakkalannya akan dibenarkan dan diterima oleh-Nya. Dia akan mencukupkan kepentingannya dunia dan akhirat.

Apabila ketakwaan seoran mukmin itu sudah benar, maka dia akan diperlakukan oleh Allah Taala, sebagaimana Dia memperlakukan Ibrahim a.s. Dia akan diberi hakikat, bukan hanya panggilan. Dia akan diberi makan dengan makanan Ibrahim a.s. dan ditempatkan di suatu kamar di rumah beliau, tetapi tidak diberi hakikat kedudukan beliau. Maka pada saat itulah, dia berhak menisbatkan dirinya sendiri kepada beliau dari segi makna, bukan dari segi bentuk.

Wahai manusia...! Apakah engkau tidak merasa malu, kerana engkau didorong oleh kerakusanmu untuk menjadi pembantu orang-orang zalim dan memakan barang-barang yang haram...? Sampai bilakah engkau akan memakan barang haram itu dan menjadi pembantu orang-orang zalim...? Sebentar lagi kekuasaan mereka akan lenyap, dan engkau akan melayani Allah yang tidak akan pernah lenyap selama-lamanya.

Hendaklah engkau menjadi orang yang mampu berfikir. Puaskanlah hatimu dengan harta yang sedikit, hingga engkau memperolehi hasil

yang banyak di akhirat kelak. Terimalah rezeki yang dikurniakan-Nya kepadamu dengan rasa zuhud. Hendaklah engkau menerima rezekimu dengan sentiasa ingat kepada Tuhanmu, dengan tangan kekuasaan-Nya, dengan beramal kerana-Nya, bukan kerana dunia dan bukan pula di hadapan raja beserta hawa nafsu dan syaitan. Apabila engkau memakan harta sementara hatimu sentiasa bersama Allah, maka malaikat dan arwah pada nabi berada di sekelilingmu.

Kaum ahli tariqat mampu untuk berfikir, mereka berkata:

"Kami tidak memakan rezeki dengan harta di jalan dan tidak juga di rumah kami. Kami hanya mahu memakannya di hadrat-Nya."

Orang-orang yang zuhud makan di syurga, orang-orang yang menjadi wali makan di sisi-Nya ketika mereka di dunia. Manakala orang-orang yang mencintai Allah, tidak makan sama sekali, baik di dunia mahupun di akhirat. Makanan dan minuman mereka adalah ketenteraman dan kedekatan kepada Tuhan mereka, serta penglihatan mereka kepada-Nya.

Mereka menjual dunia sebagai ganti akhirat, lantas mereka menjual akhirat mereka sebagai ganti hampirnya mereka kepada Allah, Tuhan dunia dan akhirat. Mereka yang benar dalam cinta kepada-Nya menjual dunia dan akhirat sebagai ganti keredhaan-Nya terhadap diri mereka, mereka hanya mengharapkan-Nya, bukan selain-Nya. Tatkala jual beli itu telah sempurna, maka rahmatlah yang menang. Dia akan menjadikan dunia dan akhirat sebagai anugerah yang digunakan sebagai makanan pokok mereka.

Mereka akan menerimanya hanya dengan tujuan melaksanakan perintah, bukan atas dasar kesenangan nafsu mereka. Mereka tidak menerimanya melainkan dengan cara terbatas dan tidak bergantung kepada keinginan syahwat mereka. Mereka melakukan hal itu kerana menyesuaikan diri dengan takdir dan bersopan santun kepadanya. Mereka menerima dan mengambil sementara mereka berkata:

وَإِنَّكَ لَتَعْلَمُ مَا نُرِيدُ ﴿٧٩﴾

Ertinya:
"...dan sesungguhnya engkau telah mengetahui, apa yang sebenanya yang kami kehendaki."

(Hud: 79)

Engkau mengetahui bahawa kami redha kepada-Mu, tidak kepada selain-Mu. Kami rela untuk lapar dan dahaga serta telanjang, hina dan rendah. Kami rela dilemparkan ke pintu-Mu. Mereka rela untuk demikian, mereka menanamkan ketenangan jiwa kerana-Nya, sehingga Dia melihat kepada mereka dengan pandangan kasih sayang. Dia menjadikan mereka mulia setelah mereka dihina. Menjadikan mereka kaya setelah mereka melarat. Kemelaratan dan cubaan yang menimpa diri mereka menyebabkan mereka dekat kepada-Nya, baik di dunia mahupun di akhirat.

Pada asalnya, seorang mukmin adalah zuhud dari dunia, lalu dia menghentikan kezuhudannya itu, sehingga batinnya kotor dan keruh. Lalu datanglah akhirat, kemudian hatinya tenteram, tetapi kemudian datanglah irihatinya dan menghilangkan akhirat itu dari hatinya. Irihati itu memberitahu bahawa hatinya itu adalah penghalang kedekatan kepada Allah. Maka pada saat itulah, dia meninggalkan segala hubungan dengan makhluk dan melaksanakan semua perintah agama. Menjadi batas yang berlaku padanya dan semua orang awam.

Kedua-dua mata batinnya terbuka, sehingga dia tahu cacat-cela yang ada pada dirinya, dan juga cacat yang ada pada semua makhluk. Pada akhirnya dia hanya memusatkan perhatiannya semata-mata kepada Allah. Dia tidak mendengar selain daripada Allah, tidak memikirkan selain daripada-Nya, tidak mempedulikan janji dari lain-Nya, tidak takut kepada ancaman yang datang daripada selain-Nya Dia hanya sibuk beribadah kepada-Nya dan meninggalkan semua hubungannya dengan selain Dia.

Apabila hal ini sudah sempurna, maka dia berada pada suatu tempat yang tidak dapat dilihat oleh mata, tidak dapat didengar oleh telinga dan tidak pernah terlintas dalam hati manusia.

Wahai hamba...! Dahulukanlah dirimu sendiri, uruslah dirimu sendiri, kemudian baru engkau mengurus orang lain. Janganlah engkau bertindak seperti lilin, menerangi orang lain dan membakar dirimu sendiri. Janganlah engkau berkecimpung dalam sesuatu dengan tujuan menurut hawa nafsumu. Apabila Allah menghendaki sesuatu kepadamu, maka Dia akan menyediakan dirimu untuk melakukannya. Apabila dia menghendaki engkau mengurus makhluk, maka Dia akan mengem-balikanmu kepada mereka dan memberikan keteguhan dan keterampilan kepadamu untuk bergaul dengan mereka. Dia akan memberikan kelapangan pada hatimu dan menyiramkan hikmah ke dalamnya. Dia akan mengawasi batinmu

dan memberi kegembiraan kepada batin hatimu. Maka yang ada hanyalah Dia, bukan engkau. Apakah engkau tidak mendengar firman Allah, yang berbunyi:

يَـٰدَاوُۥدُ إِنَّا جَعَلْنَـٰكَ خَلِيفَةً فِى ٱلْأَرْضِ ...

Ertinya:
"Hai Dawud, sesungguhnya Kami menjadikan kamu Khalifah (penguasa) di muka bumi."

(Shad: 26)

Fikirkanlah firman-Nya, yang bermaksud:

"Sesungguhnya Kami menjadikan kamu Khalifah (penguasa)."

Allah tidak berfirman *"Engkau menjadikan dirimu"* Maka kaum ahli tariqat sama sekali tidak mempunyai kehendak, dan juga tidak mempunyai ikhtiar. Bahkan mereka berada dalam kekuasaan, perintah, perbuatan, aturan dan kehendak-Nya.

Wahai orang yang menyeleweng dari jalan yang lurus...! Janganlah engkau berdalih dengan sesuatu. Sama sekali engkau tidak mempunyai dalih yang bererti. Yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Apakah yang membuat engkau malu kepada Allah? Apakah yang menyebabkan engkau meremehkan penglihatan-Nya? Diriwayatkan dari Nabi s.a.w., bahawa baginda bersabda:

خَفْ مِنَ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ.

Ertinya:
"Takutlah engkau kepada Allah seakan-akan engkau. Maka apabila engkau tidak melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihatmu."

Mereka yang ahli terjaga dapat melihat Allah dengan hati mereka. Terhimpunlah segala yang bercerai-berai dalam hati itu, sehingga ia menjadi satu. Hancurlah semua penghalang antara mereka dengan Allah. Runtuhlah bangunan dan tegaklah makna. Putuslah hubungan dan lepaslah ikhtiar. Yang ada pada diri mereka hanyalah Allah. Mereka tidak berbicara, tidak bergerak, dan tidak merasa gembira kerana sesuatu, hingga hal itu sempurna bagi mereka. Apabila hal itu sudah sempurna, maka sempurnalah suatu perkara pada tempatnya. Pertama kali mereka

keluar dari kemelut dan kehambaan dunia, kemudian semua hal selain Allah secara keseluruhan. Mereka selalu dalam muamalah kepada-Nya dan sentiasa dalam cubaan.

فَيَنظُرَ كَيۡفَ تَعۡمَلُونَ ﴿١٢٩﴾

Ertinya:
"Maka Allah melihat bagaimana perbuatanmu."

(Al-A'raf: 129)

Batin tak ubahnya bagaikan raja, manakala hati adalah sebagai perdana menteri, sedangkan nafsu, lisan dan anggota tubuh lainnya adalah pelayan. Batin mencari air dari lautan Allah, hati mendapat sumber dari batin, nafsu yang baik mencari sumber dari hati, lisan mendapat sumber dari nafsu tersebut dan semua anggota tubuh lainnya mendapat sumber dari lisan. Apabila lisan baik, maka baiklah hati, apabila lisan itu rosak, maka hati akan menjadi buruk.

Lisanmu memerlukan pengendali, dan pengendalinya ialah takwa, dan bertaubat daripada pembicaraan dengan berdebat serta kemunafikan. Apabila engkau berada dalam keadaan seperti itu selama-lamanya, maka kefasihan lisan akan berubah menjadi kefasihan hati. Apabila hal ini sudah sempurna, maka hatimu akan memancarkan cahaya yang menuju kepada lisan dan semua anggota badan. Pada saat itu, yang berkata adalah lisan yang didekatkan kepada Allah. Dia sama sekali tidak mempunyai lisan, tidak mempunyai doa dan tidak pula mempunyai zikir. Kerana doa, zikir dan ucapan itu hanya akan dilakukan oleh orang yang berada dalam kejauhan. Apabila seseorang itu sudah berada dekat dengan Allah, maka yang ada hanyalah diam, padam, dan puas dengan memandang dan bertemu dengan-Nya.

Ya Allah, jadikanlah kami dalam golongan mereka yang melihat-Mu di dunia dengan kedua mata hatinya dan di akhirat dengan kedua-dua mata kepalanya, dan:

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنۡيَا حَسَنَةٗ وَفِي ٱلۡأٓخِرَةِ حَسَنَةٗ وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 53

Cubaan dan Ujian Allah Adalah Untuk Kekasih-Nya

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, tarikh: Selasa, 17 Ramadhan, 545H

UJIAN dan cubaan mesti akan terjadi, khususnya bagi orang-orang yang mengaku sebagai kekasih Allah. Andaikata ujian dan cubaan itu tidak ada, nescaya ramai orang yang akan tampil untuk mengakui dirinya sebagai wali Allah.

Oleh yang demikin, sebahagian ulama tariqat berkata: "Cubaan itu digantungkan pada kewalian, supaya kewalian itu tidak hanya didakwakan."

Selain daripada itu, termasuk alamat seorang wali adalah bersabar ketika disakiti oleh umat manusia dan bersedia memaafkan mereka. Para wali mampu untuk berpura-pura tidak mendengar pada apa yang mereka dengar dari mereka. Para umat manusia telah memberikan harga diri mereka kepada wali Allah.

حُبُّكَ لِلشَّيْءِ يُعْمَى وَيُصِمُّ.

Ertinya:
"Kecintaan engkau kepada sesuatu, menyebabkan engkau buta dan pekak."

Para wali itu cinta kepada Allah, sehingga mereka buta dan pekak daripada selain-Nya. Mereka bergaul dengan umat manusia dengan

perkataan yang baik, penuh kasih sayang dan lemah lembut. Namun adakalanya mereka mereka marah kepada mereka kerana membela Allah dan sesuai dengan murka-Nya. Mereka adalah para doktor. Mereka tahu bahawa semua penyakit ada ubatnya. Seorang doktor itu tidak akang mengubati semua penyakit dengan satu jenis ubat saja.

Dari segi hati dan hakikat, mereka berada di depan hadrat Allah, seperti Ashab al-Kahfi. Malaikat Jibril berkali-kali mengubah wujud mereka. Adapun Ashab al-Kahfi digerak-gerakkan dan dibolak-balikan oleh tangan kekuasaan, rahmat dan kelembutan Allah. Tangan cinta membolak-balikkan jasad dan hati mereka bagi mengubahnya daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain.

Dunia mereka adalah untuk orang-orang yang mencari harta, dan akhirat mereka adalah untuk orang-orang yang mencari akhirat. Dan Tuhan mereka memberi pertolongan kepada mereka. Mereka sama sekali tidak pernah bakhil terhadap sesuatu. Apabila engkau meminta sesuatu kepada mereka, tentu mereka akan memenuhi permintaanmu. Bahkan apabila engkau meminta pahala akhirat kepada mereka, mereka juga pasti akan memenuhi permintaanmu. Mereka memberikan harta kepada orang-orang yang fakir dan menyerahkan pahala akhirat kepada orang-orang yang bersungguh-sungguh dalam mencarinya. Mereka meninggalkan makhluk untuk menuju Khaliq dan meninggalkan makhluk untuk mereka sendiri. Mereka mahu memberikan kulit, kerana semua yang selain Allah adalah laksana kulit. Sedangkan intisarinya adalah menuju Allah dan kedekatan kepada-Nya.

Diriwayatkan dari sebahagian ulama tariqat, bahawa beliau berkata:

"Tidak ada yang tertawa di depan orang fasik kecuali seorang wali. Dan dalam masa yang sama dia memerintahkan untuk melakukan kebaikan dan juga melarangnya, serta menanggung kejahatannya. Tidak ada yang kuasa untuk melakukan hal seperti ini kecuali orang-orang yang benar-benar sudah mengenal Allah, yakni para wali."

Orang-orang yang zuhud, ahli beribadah dan para murid tariqat tidak akan mampu berbuat seperti ini. Bagaimana mereka tidak akan terasa hiba dan kasihan kepada orang-orang yang melakukan maksiat, sedangkan merekalah tempat rahmat, taubat dan mengambil hujjah. Budi pekerti seorang wali adalah sebagai akhlak Allah. Dia berusaha untuk menyelamatkan seorang anak manusia yang gemar melakukan

kederhakaan dan maksiat dari tangan syaitan dan hawa nafsu.

Apabila salah seorang daripada kamu mengetahui bahawa anaknya ditawan oleh orang kafir, apakah dia tidak akan berusaha untuk menyelamatkannya...? Maka demikian jugalah seorang wali. Semua umat manusia adalah laksana anaknya. Dia akan berbicara dengan lisan hikmah, lalu melimpahkan kasih sayang kepada mereka, agar mereka tahu tentang ilmu. Maka dia akan tahu perbuatan-perbuatan Allah kepada mereka. Dia akan mengawasi keluarnya keputusan dan takdir dari pintu hikmah dan ilmu. Namun dia akan merahsiakan hal itu dan berbicara kepada umat manusia dengan hukum, iaitu perintah dan larangan Allah. Dia merahsiakan ilmu yang merupakan rahsia, dan berbicara kepada mereka bukan dengan ilmu tersebut.

Allah s.w.t mengutus para Rasul, menurunkan kitab-kitab dan memberi khabar pertakut, untuk menyusun suatu alasan dan mem-beritahunya kepada mereka. Janganlah engkau masuk ke dalamnya dan jangan engkau membantah-Nya. Di dalamnya ada perpecahan yang amat sangat dan di sana ilmu itu teguh dan kukuh, memerlukan hukum yang dipersekutukan antara engkau dan selain engkau. Engkau juga memerlukankan ilmu yang khusus untuk dirimu.

Apabila salah seorang daripada kamu mengamalkan ilmu zahir, maka Rasulullah s.a.w akan memberitahu kepadanya ilmu batin. Baginda akan menyuapinya ilmu batin sebagaimana induk burung menyuapi anaknya. Hal ini akan baginda lakukan kepadanya, kerana dia telah melaksanakan dan membenarkan zahir ucapan baginda, yakni syariat.

Apabila seorang anak Adam itu sempurna, maka tidak akan ada yang menandinginya. Apabila mereka suci, maka tidak ada yang menyamainya. Apabila dekat, juga tidak akan ada yang menyamainya. Seorang yang bodoh akan melihat dengan mata kepalanya. Tetapi seseorang yang pandai melihat dengan mata akalnya. Seorang wali melihat dengan mata hatinya, seperti mutiara. Maka hendaklah para umat manusia menempatkannya di sisi mereka. Dia tidak akan menganggap mereka ada, dan yang ada di sisinya hanyalah Allah semata-mata. Dia akan berkata:

هُوَ ٱلْأَوَّلُ وَٱلْآخِرُ وَٱلظَّٰهِرُ وَٱلْبَاطِنُ ۖ ...

Ertinya:
"Dialah Yang Awal dan Dialah Yang Akhir, Yang Zahir dan Yang Batin"
(Al-Hadid: 3)

Allah Ta'ala akan menjadi zahir dan batinnya, akan menjadi awal akhirnya, akan menjadi bentuk dan hakikatnya. Tidak terdapat sesuatupun baginya, selain daripada-Nya. Apabila demikian keadaannya, maka dia selalu cinta kepada-Nya, baik di dunia mahupun di akhirat. Dia akan sentiasa mentaati-Nya dalam keadaan bagaimanapun. Dia memilih redha-Nya dan tidak mempedulikan cercaan dan makian dalam membela agama Allah s.w.t. Sebagaimana yang dikatakan oleh ulama tariqat:

"Taatlah kepada Allah s.w.t. dalam masalah makhluk, dan janganlah engkau taat kepada makhluk dalam masalah Allah s.w.t. Patah hatilah orang yang patah hati dan tegaklah orang yang tegak."

Syaitan, hawa nafsu, perangai dan teman-temanmu yang jahat adalah merupakan musuh-musuhmu. Oleh itu, jauhilah mereka, sehingga mereka tidak menjerumuskan engkau ke dalam kehancuran. Belajarlah engkau untuk mengetahui bagaimana caranya engkau memusuhi dan menjauhi mereka, kemudian engkau akan mengetahui bagaimana engkau beribadah kepada Allah s.w.t. Ibadah yang dilakukan orang bodoh, tidak akan diterima. Diriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

مَنْ عَبَدَ اللهَ بِجَهْلٍ كَانَ مَا يُفْسِدُ أَكْثَرَ مِمَّا يُصْلِحُ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang beribadah kepada Allah s.w.t. dengan kebodohan, maka apa yang dirosaknya lebih banyak daripada apa yang diperbaikinya."

Tidak ada sesuatupun yang lebih tidak bermanfaat, selain daripada ibadah yang dilakukan oleh orang yang bodoh. Secara keseluruhannya, ibadah yang dilakukan oleh orang jahil itu hanyalah merupakan kehancuran dan kegelapan.

Ilmu tidak akan bermanfaat, jika tidak diamalkan. Amal tidak bermanfaat, kecuali dengan keikhlasan. Semua amal tanpa disertai keikhlasan tidak akan bermanfaat dan tidak akan diterima. Apabila engkau mengetahui tetapi engkau tidak mengamalkan ilmumu, maka ilmu

akan menjadi hujjah yang merugikan dirimu. Diriwayatkan, bahawa Nabi s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

اَلْـجَاهِلُ يُعَذَّبُ مَرَّةً وَالْعَالِـمُ سَبْعَ مَرَّاتٍ.

Ertinya:
"Orang yang jahil itu diseksa satu kali, dan orang yang alim itu diseksa tujuh kali."

Mengapa orang yang bodoh itu tidak belajar...? Mengapa orang yang berilmu tidak mengamalkan ilmunya? Belajar, beramal dan mengajarlah kamu. Hal itu akan mendatangkan semua kebaikan kepada dirimu. Apabila engkau mendengar satu kalimat dari ilmu, lalu engkau meng-amalkannya dan engkau mengajarkannya kepada orang lain, maka engkau akan memperolehi dua pahala, iaitu pahala kesejahteraan dan pahala kerana mengaji. Dunia adalah kegelapan dan ilmu adalah cahaya di dalamnya. Barangsiapa yang tidak mempunyai ilmu, maka dia akan tersesat dalam kegelapan ini, dan apa yang dihancurkannya lebih banyak daripada apa yang dia perbaiki.

Wahai orang yang menganggap dirinya berilmu...! Janganlah engkau mengutamakan nafsu, perangai dan syaitan yang terdapat dalam dirimu. Janganlah engkau mengutamakan riya' dan kemunafikanmu. Pada zahirnya engkau adalah orang yang zuhud, sedangkan pada hakikatnya engkau adalah orang mencintai dunia. Ini adalah zuhud yang keliru. Engkau akan diseksa kerana sikap kepura-puraanmu itu, kerana engkau menipu Allah s.w.t, sedangkan Dia mengetahui segala apa yang terdapat dalam dirimu, baik ketika engkau seorang diri mahupun ketika engkau sedang bersama orang lain, dan Dia juga mengetahui apa yang terdapat di dalam hatimu.

Di sisi-Nya tiada kesendirian, kebersamaan dan tidak ada pula hijab. Katakanlah: "Aduh, betapa malunya aku, aduh betapa hancurnya aku dan aduh betapa terhinanya aku. Bagaimana mungkin Allah melihat amalku, baik siang mahupun malam hari, sementara Dia selalu mengawasiku dan aku tidak malu kepada-Nya?" Bertaubatlah engkau daripada sikap ketidakmaluanmu kepada-Nya dan dekatkanlah dirimu kepada-Nya dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya.

Jauhilah dosa-dosa yang zahir dan yang batin. Lakukanlah semua kebaikan yang nyata. Apabila engkau demikian, maka engkau akan

sampai ke pintu-Nya dan dekat kepada-Nya. Dia akan mencintaimu, dan menyebabkan engkau dicintai makhluk. Dia hanya mencintaimu, bukan semua makhluk-Nya, kemudian kecintaan-Nya akan dipindahkan kepada makhluk-Nya. Allah s.w.t dan para malaikat-Nya telah mencintaimu, kecuali orang-orang kafir dan orang-orang munafik, kerana mereka tidak taat kepada Allah s.w.t untuk mencintaimu.

Barangsiapa yang beriman di dalam hatinya, tentu dia akan mencintai orang mukmin. Dan barangsiapa yang munafik di dalam hatinya, maka dia tidak akan berfikir untuk membenci orang yang kafir dan munafik serta syaitan dan iblis. Orang-orang munafik dan orang-orang kafir adalah syaitan-syaitan yang berbentuk manusia. Orang mukmin yang teguh imannya dan menjadi wali Allah pada hakikatnya adalah terpisah daripada para makhluk, dengan hati dan batinnya. Dia sudah sampai pada keadaan, di mana dia tidak mampu untuk menjauhi bahaya ataupun mewujudkan manfaat untuk dirinya. Dia terlempar di sisi Allah, tidak ada daya mahupun upaya baginya. Apabila hal ini sudah mantap baginya, maka kebaikan akan datang kepadanya dari semua arah.

Janganlah engkau mendesak kaum tariqat dengan pengakuan, menyendiri dan berangan-angan. Hal seperti ini sama sekali tidak bermanfaat bagimu. Engkau tidak akan termasuk golongan mereka, apabila engkau belum mampu menjauhkan diri dan ikhtiarmu daripada kepentingan dunia. Tidaklah engkau akan dianggap termasuk ke dalam golongan mereka kecuali apabila hati, akal dan wajahmu berpaling dari umat manusia. Maka engkau akan membelakang kepada makhluk dan menghadapkan wajahmu kepada Allah. Zahir dan badanmu untuk makhluk, namun hati dan batinmu untuk Allah. Apabila engkau dapat melakukan hal seperti ini, maka hatimu akan seperti hati para malaikat dan para Nabi. Hatimu akan memakan makanan mereka dan akan meminum minuman mereka. Semuanya ini berhubungan dengan hati, bukan dengan zahir dan badan.

Ya Allah...! Bersihkanlah hati kami, jernihkanlah batin kami, sucikanlah akal kami antara Engkau dan kami, jauh dari akal makhluk dan akal kami sendiri. Wahai orang-orang yang hadir dan yang tidak hadir...! Perkara yang akan menghairankan kamu kelak di hari kiamat, ialah bahawa aku akan membela orang-orang munafik. Maka bagaimana dengan orang-orang yang beriman...?

Ya Allah...! Cukupilah aku dari semua makhluk, cukupilah aku dengan-Mu dari selain Engkau. Cukupilah para mursyid dan para murid yang ada di rumah mereka. Jadikanlah rumahnya sebagai rumah tempat pengajian. Ya Allah...! Engkau mengetahui bahawa ucapan ini mengalahkan diriku. Maka ampunilah diriku. Sesungguhnya diriku telah sempurna dan wujud. Namun diriku ini masih mempunyai sisa, iaitu anak-anakku, para pengikutku dan orang-orang yang sedang bermusafir dan lalu di hadapanku. Aku memohon kepada-Mu agar hal itu engkau mudahkan bagiku, beserta kesucian hati dan kebersihan batinku.

Wahai kaum ahli tariqat...! Kamu menganggap bahawa aku mendapat ilmu daripada kamu. Kerana itu aku tidak dapat memandang mulia dan menaruh hormat kepada kamu, kerana aku hanya mengambil ilmu dari Allah, bukan dari diri kamu. Dia hanya menjadikan dirimu sebagai perantara. Tatkala aku bersama kamu, aku belum mengenalmu. Tetapi, setelah aku meninggalkan kamu, maka aku tahu siapa kamu.

Akulah penghancur orang-orang munafik dan pengawas para wali. Aku tak akan memukul orang-rang munafik kecuali dengan menutup diri daripada mereka, bukan dengan bambu. Meja makanku adalah untuk diri kamu, sedangkan makanku adalah setelah kamu. Aku mempunyai persediaan yang datang daripada selain kamu. Aku mempunyai pinggan setelah kamu keluar dari temanku, yang aku layani dengan segala kerendahan hati.

Ada seseorang yang bertanya kepadaku: "Utusan Allah kepada para Nabi-Nya adalah malaikat Jibril. Kemudian siapakah utusan-Nya kepada para wali-Nya?"

Ketahuilah...! Bahawa para wali adalah utusan-Nya kepada mereka tanpa pengantara, dengan membawa rahmat, kelembutan anugerah dan ilham-Nya. Allah melihat hati serta batin mereka. Dia memberi kurnia kepada para wali itu. Mereka melihat-Nya dalam keadaan terjaga mahupun dalam keadaan tertidur dan keadaan hati yang mati dan batin yang hening suci, serta keakraban keterjagaan mereka.

Wahai kaum ahli tariqat...! Pada hakikatnya kamu terhalang sehingga kamu tidak boleh mengetahui Allah s.w.t dan para wali-Nya, kerana kamu mencintai harta, tamak dan menumpuk-numpuk harta itu. Ingatlah kamu terhadap akhirat dan tinggalkanlah dunia dengan mendermakan atau memberikannya kepada orang-orang yang memerlukannnya.

Ya Allah...! Kedermawanan atau pemurah itu adalah termasuk sifat-Mu, sedangkan kami adalah hamba-Mu.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."
(Al-Baqarah: 201)

Majlis 54

Kenalilah Dirimu Mengenal Tuhanmu

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat, 10 Rajab, 545H

WAHAI hamba, terdapat dua langkah bagimu iaitu:

Langkah pertama: Engkau meninggalkan dunia.

Langkah kedua: Engkau meniggalkan akhirat.

Langkah yang pertama ialah untuk meninggalkan dirimu sendiri dan langkah yang kedua ialah untuk meninggalkan makhluk. Tinggalkan zahir, ketika engkau sudah sampai kepada batin. Berusahalah engkau dan tawakkallah engkau kepada Allah s.w.t.

Engkau yang memulai dan Allah yang mengakhiri. Ambillah sesuatu yang pahit dan bawalah sebuah bakul. Kerjakanlah amal, maka engkau akan mendekati kepada orang yang menyuruhmu beramal. Janganlah engkau duduk di atas permaidanimu dan di bawah selimutmu serta belakang pintu yang terkunci, untuk beramal.

Dekatkanlah hatimu terhadap Allah, agar ia sentiasa ingat, khususnya ingat akan hari kebangkitan. Engkau renungkanlah tentang kubur-kubur yang telah hancur. Renungkanlah bagaimana Allah s.w.t mengumpulkan semua makhluk dan menempatkan mereka di hadrat-Nya. Apabila engkau selalu merenung seperti ini, maka hilanglah kekerasan hatimu dan hatimu menjadi bersih, jika memang dirimu mempunyai dasar yang kukuh dan kuat.

Apabila engkau tidak mempunyai dasar yang kuat, maka engkau akan terjerumus dengan segera. Apabila engkau mendasari dirimu dengan hukum zahir, maka tidak ada seorang pun yang mampu untuk mencelanya. Apabila engkau tidak mengingat hal itu, maka engkau tidak akan teguh dan tidak akan mencapai darjat, sementara hati para siddiqin sentiasa memaki engkau dan tidak ingin melihatmu lagi.

Wahai orang yang bodoh...! Engkau menganggap Agama hanya sebagai permainan dan tipuan belaka. Bukan, agama tidaklah seperti itu. Tidak ada kemuliaan bagimu, wahai penipu. Engkau menjadikan dirimu sia-sia untuk mengajar kepada umat manusia, padahal engkau tidaklah mampu berbuat demikian. Hal itu hanyalah mampu dilakukan oleh sebahagian kecil daripada orang-orang yang soleh. Apabila tidak, maka mereka diam dan berisyarat, tanpa sedikit ucapanpun.

Sebahagian dari orang-orang soleh itu ada yang menganggap perlu untuk mengajar. Maka dia dengan terpaksa mengajar kepada mereka. Setelah dia mengajar, maka sesuatu yang menjadi cerita menjadi kenyataan. Segala sesuatu akan menjadi berubah menurut perasaan hati dan kemurnian batinnya

Inilah sebabnya Amirul Mukminin Ali bin Abi Talib r.a. berkata:

"Andaikata penghalang antara aku dan Allah s.w.t dihilangkan, maka keyakinanku tidak akan bertambah."

Beliau juga berkata:

"Aku tidak menyembah Tuhan yang aku tidak melihat-Nya."

Beliau juga berkata:

"Hatiku memperlihatkan Tuhan kepadaku."

Wahai orang-orang yang bodoh...! Bergaullah dengan mereka. Layanilah mereka dan belajarlah kamu kepada mereka. Ilmu diambil dari mulut para ulama. Temanilah para ulama dengan bersopan santun, tidak membantah sehingga kamu mendapatkan ilmu dari mereka. Supaya kamu memperolehi sebahagian ilmu, berkat dan hikmah dari mereka. Temanilah para wali Allah tanpa berkata-kata. Temanilah para orang yang zuhud dengan mencintai mereka.

Setiap waktu, para waliyyullah akan menjadi lebih dekat kepada Allah s.w.t. dari waktu yang sebelumnya. Setiap saat seorang wali Allah akan

menjadi bertambah khusyuk dan rendah dirinya terhadap Tuhannya. Dia khusyuk kepada Zat yang Ada, bukan Zat yang tidak ada. Khusyuknya menjadi bertambah sejalan dengan semakin bertambah dekatnya dia kepada Allah s.w.t. Bertambah bisunya, seiring dengan semakin bertambahnya dia melihat kepada Allah s.w.t.

Barangsiapa yang benar-benar telah mengenal Allah s.w.t, maka lisannya menjadi bisu, demikian juga perangai, hawa nafsu, adat kebiasaan dan wujudnya. Tetapi lisan hati, batin, tingkah laku, pangkat dan anugerah yang diberikan kepadanya, akan berkata untuk menampakkan apa yang ada pada mereka. Oleh kerana itulah seseorang menemani mereka dan meminum air yang bersumber dari hati mereka.

Barangsiapa yang sering menemani para wali, maka dia akan tahu bahawa dirinya adalah hina di hadapan Allah s.w.t. Oleh kerana itulah, sebahagian ulama berkata:

"Barangsiapa yang mengenal dirinya sendiri, maka dia akan mengenal tentang Tuhannya."

Nafsulah yang menghalang antara hamba dan Tuhannya. Barang-siapa yang mengetahui tentang dirinya sendiri, maka dia akan merasa rendah diri kepada Allah s.w.t. Apabila umat manusia mengetahui tentang nafsu itu, maka mereka akan menjauhinya. Dan dia juga sentiasa bersyukur kepada Allah s.w.t atas pengetahuannya itu. Dia juga akan menjadi yakin bahawa Allah s.w.t. tidak akan memperlihatkan dirinya kepada nafsu itu, kecuali dia menghendaki kebaikan dunia akhirat. Dalam zahirnya dia sentiasa bersyukur dan batinnya sentiasa memuji kepada Allah s.w.t. Dalam zahirnya dia bercerai-berai, tetapi di dalam batinnya dia bersatu. Di dalam batin dia rasa gembira, namun di dalam zahir dia susah untuk me rahsiakan keadaannya.

Seorang wali adalah merupakan jelmaan seorang mukmin, wajah seorang wali tampak berseri-seri, namun dalam hatinya susah. Dia mahir tentang ilmu agama. Dia berdiri di depan pintu Allah s.w.t, padahal dia belum mengetahui apa yang akan terjadi kepadanya, sama ada dia akan diterima atau ditolak. Apakah selamanya pintu itu ditutup atau akan dibuka pada suatu saat...? Barangsiapa yang mengetahui tentang dirinya, maka dia akan menjadi kebaikan baginya dalam segala keadaan.

Seorang mukmin adalah orang yang mempunyai keadaan, sedangkan keadaan itu boleh berubah. Sementara seorang wali adalah mempunyai

pangkat, sedangkan pangkat itu kukuh, tidak mungkin berubah. Seorang mukmin takut terhadap perubahan pada dirinya, sehingga imannya hilang. Maka dia sentiasa merasa susah di dalam hatinya, namun wajahnya sentiasa berseri-seri seiring dengan kesusahannya. Sebab dia berhadapan dengan makhluk, dengan tujuan memberi khabar pertakut. Dia memberi khabar amaran kepada mereka, memerintah dan melarang mereka, sebagai ganti dari Nabi s.a.w.

Kaum ahli tariqat mengamalkan segala apa yang pernah mereka dengar. Amal itulah yang mendekatkan diri mereka kepada Allah s.w.t, yang menjadi tujuan dari amal mereka. Maka mereka mendengar petunjuk-petunjuk-Nya tanpa menggunakan perantara, dengan pendengaran hati mereka. Hal itu terjadi pada saat mereka merasakan bahawa diri mereka tidak berada ditengah-tengah makhluk, tetapi berada di hadapan Allah s.w.t.

Apabila hatimu bersih, maka engkau akan sentiasa merasa bahawa dirimu tidak berada ditengah-tengah makhluk, tetapi hanya merasa berada di hadrat Allah s.w.t. Maka Dia seakan-akan menjadi jelas dan nyata, ketika engkau menyendiri, sedangkan engkau dalam keadaan nyata. Maka hikmah dan ilmu yang berasal dari Allah, selalu tercurah pada batinmu, dan batinmu akan memberitahu hatimu, kemudian hatimu akan memberitahu pada jiwamu, dan jiwamu akan memberitahu kepada lisanmu dan lisanmu akan memberitahu kepada manusia.

Barangsiapa yang berbicara kepada makluk dengan cara yang seperti ini, maka layaklah dia untuk berbicara. Apabila tidak, maka hendaklah dia jangan berbicara. Kegilaan kaum tariqat adalah meninggalkan hal-hal yang bersifat biasa dan perbuatan hawa nafsu, menjauhi syahwat dan kelazatan. Kerana mereka gila, sebagaimana orang-orang yang lainnya. Iaitu mereka yang kehilangan akal.

Hasan al-Bisri berkata:

"Apabila engkau melihat kaum tariqat, maka engkau akan berkata bahawa mereka gila. Apabila mereka melihat kamu, maka mereka akan berkata bahawa kamu tidak pernah beriman kepada Allah sama sekali."

Bersendirian yang engkau lakukan itu belum betul, kerana khalwat itu adalah mengosongkan hati dari segala sesuatu. Batinmu kosong, sehingga ia menjadi telanjang, tanpa dunia, tanpa akhirat dan tanpa sesuatu yang ada selain daripada Allah, secara keseluruhan. Ini adalah

pangkat orang-orang yang terdahulu, iaitu para Nabi, para Rasul, para wali dan orang-orang soleh.

Amar makruf dan nahi mungkar adalah lebih utama bagiku daripada seribu orang yang beribadah di dalam rumah ibadah. Pejamkanlah pandangan nafsumu dan persempitlah keinginannya, sehingga ia tidak menjadi penyebab kehancuran bagi dirimu, kecuali apabila nafsumu itu menjadi pengikut hati dan batin. Nafsu tidak membantah hati dan batin, malahan bersekongkol dengan kedua-duanya dalam pendapat dan tujuan. Sehingga tiada perbezaan dalam ketiga-tiga hal tersebut. Apabila kedua-duanya (hati dan batin) memerintah, maka nafsupun demikian juga. Demikian jugalah halnya dalam masalah larangan dan pemilihan.

Apabila nafsu menjadi demikian, maka menjelmalah ia menjadi nafs mutmainnah (nafsu yang tenang) dan baik. Maka nafsu, hati dan batin bersepakat untuk mencapai suatu tujuan dan harapan. Apabila nafsu telah mencapai hal yang demikian, maka dia berhak untuk memerangi-nya. Janganlah engkau membantah kepada Allah tentang apa yang dilakukan oleh-Nya terhadap dirimu dan semua makhluk. Apakah engkau tidak mendengar firman Allah s.w.t yang berbunyi:

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

Ertinya:
"Dia (Allah) tidak ditanya tentang apa yang diperbuat-Nya, dan merekalah yang akan ditanya (tentang apa yang mereka perbuat)."
(Al-Anbiya': 23)

Bagaimana mungkin Allah akan menerima dirimu, sedangkan engkau tidak bersopan santun. Andaikata Dia berkehendak, tentu Dia akan mengeluarkan engkau dari tempat ini secara hina. Apabila engkau bersopan santun kepada-Nya, maka engkau akan diterima dan diberi-Nya kemuliaan.

Orang yang cinta kepada Allah adalah laksana tetamu-Nya. Sedangkan seorang tamu tentu tidak berhak untuk menentukan makanan dan minuman serta pakaiannya tanpa persetujuan tuan rumah. Bahkan tamu itu akan selalu menurut, sabar dan menerima apa adanya. Maka tentulah akan dikatakan kepadanya:

"Berbahagialah dengan apa yang engkau lihat dan terima."

Barangsiapa yang mengenal Allah, nescaya akan lenyaplah apa yang selain Dia serta dunia dan akhirat dari hatinya. Apabila engkau berbicara, maka hendaklah engkau berbicara kerana Allah. Apabila tidak, maka lebih baik engkau diam. Hendaklah kehidupanmu untuk taat kepada Allah. Jika tidak, maka kematian adalah lebih baik bagimu.

Ya Allah...! Jadikanlah hidup kami untuk bertakwa kepada-Mu dan kumpulkanlah kami bersama orang-orang yang bertakwa. Amin...!

Seorang mukmin adalah orang yang berhijrah untuk dirinya. Dia akan berguru kepada orang yang memberitahu adab dan sopan santun serta ilmu kepadanya. Dia tentu tidak akan meninggalkan mengaji mulai dari masa kecilnya, kecuali apabila Allah mematikannya pada awal umurnya. Pada awal mulanya, dia adalah orang yang mengajarkan ilmu qira'ah yang dijaga oleh Kitab Allah. Pada tahap kedua, dia adalah orang pandai yang mengajarkan sunnah Nabi s.a.w. Namun begitu, dia tetap mendapat pertolongan dari Allah. Dia mengamalkan apa yang diketahuinya, sehingga pengalaman itu mendekatkan dirinya kepada Allah.

Setiap kali dia mengamalkan apa yang diketahuinya, maka Allah memberinya tambahan ilmu yang belum diketahuinya. Hatinya di tempatkan di atas kedua-dua tapaknya dan di atas keikhlasan. Jaraknya kepada Allah hanya beberapa langkah.

Apabila engkau mengamalkan ilmu dan engkau tahu hatimu tidak dekat kepada Allah serta engkau tidak menemui manisnya beribadah dan ketenteraman, maka ketahuilah bahawa engkau belum disebut mengamalkan ilmu dan bahawa engkau terhalang dari Allah kerana cacat yang terdapat dalam amalmu.

Apakah cacat amalmu itu....? Cacatnya ialah riyak, kemunafikan dan sifat membangga diri terhadap amal yang engkau kerjakan. Wahai orang yang beramal, ikhlaslah engkau dalam amalmu. Apabila tidak, maka janganlah engkau meletihkan dirimu dalam melakukan amal tersebut, kerana amal yang engkau lakukan tanpa ikhlas, adalah suatu perbuatan yang sia-sia dan tidak akan mendatangkan manfaat sedikitpun kepadamu.

Hendaklah engkau sentiasa merasakan, bahawa dirimu diawasi oleh Allah, baik ketika engkau berada dalam khalwatmu mahupun dalam keadaan biasa. Merasa diawasi oleh Allah dalam keadaan biasa adalah untuk orang-orang munafik, sedangkan dalam keadaan sendiri dan bersama orang lain adalah untuk orang-orang ikhlas.

Aduh...! Sungguh aku merasa kasihan kepadamu...! Apabila hanya engkau seorang saja yang engkau anggap bagus, atau perempuan cantik, maka pejamkanlah matamu, kedua-dua mata hatimu, hawa nafsumu dan watak jahatmu serta ingatlah penglihatan Allah kepada dirimu, dan bacalah:

وَمَا تَكُونُ فِي شَأْنٍ ...

Ertinya:
"Kamu tidak berada pada satu keadaan."

(Yunus: 61)

Takutlah engkau kepada Allah s.w.t. Pejamkanlah kedua-dua matamu daripada melihat sesuatu yang diharamkan. Ingatlah penglihatan Allah s.w.t yang sentiasa melihat dan mengetahuimu. Kalau engkau tidak membantah dan tidak menentang Allah s.w.t, maka sempurnalah penghambaanmu kepada-Nya. Engkau menjadi hamba yang sejati dan termasuk ke dalam golongan orang yang difirmankan oleh Allah s.w.t yang bermaksud:

"Sesungguhnya hamba-hamba-Ku, tiada kamu berkuasa atas mereka."

(Al-Isra': 66)

Apabila engkau benar-benar bersyukur kepada Allah s.w.t, maka Dia akan memberi petunjuk kepada hati dan kepada lisan makhluk untuk berterima kasih kepadamu. Apabila memang demikian, maka tidak ada jalan bagi syaitan dan para perajuritnya untuk mengganggumu.

Janganlah engkau berdoa kecuali ada hal-hal yang paling penting dan berdoa itu adalah kemurahan. Berdoa adalah nafas bagi orang yang sedang tenggelam dan khabar gembira bagi orang yang sedang di penjara, hingga dia keluar dari hukuman dan datang kepada Yang Maha Kuasa.

Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang berakal. Kamu tidak melakukan kebaikan, kerana kamu tidak berdoa. Kalaupun kamu berdoa, namun cara kamu melakukannya tidak tepat. Ketahuilah, bahawa tiada suatu perbuatanpun yang tidak memerlukan niat, akal, ilmu, dan teladan. Kamu tidak berfikir apa-apa yang ada di sisi Allah s.w.t dan apa yang terdapat pada hamba-hamba-Nya yang soleh. Oleh kerana itulah, kamu berburuk sangka kepada mereka.

Janganlah kamu menempuh bahaya dengan tindakan burukmu kepada

tokoh-tokoh agamamu. Janganlah kamu menentang mereka dalam semua tindakan yang mereka lakukan. Janganlah kamu menentang mereka, selama agama tidak menyalahkan mereka. Secara zahir dan batin mereka berada di hadapan Allah. Allah selalu memelihara mereka, sehingga Dia menjamin keselamatan mereka.

Wahai hamba-hamba Allah di bumi...! Ke marilah kamu. Wahai orang-orang zuhud...! Belajarlah kamu berkenaan dengan sesuatu yang belum pernah kamu ketahui. Masukkanlah kitabku ke dalam hatimu, sehingga aku perlakukan kamu dengan sesuatu yang belum kamu ketahui. Hati mempunyai kitab dan batin juga mempunyai kitab, iaitu darjat, pangkat dan beberapa maqam.

Maqam yang pertama belum benar pada dirimu. Bagaimana pula dengan maqam kedua, apakah engkau mungkin akan sampai ke sana...? Islammu belum benar...! Bagaimana mungkin engkau dapat mencapai yakin...? Keyakinanmu belum benar...! Bagaimana mungkin engkau dapat mencapai maqam kewalian...?

Hendaklah engkau menjadi orang yang berakal. Pada saat ini engkau tidak memiliki apa-apa. Masing-masing kamu menginginkan kekuasaan pada makhluk, tanpa kemampuan yang memadai. Kekuasaan pada makhluk hanya akan terlaksana dengan benar, apabila seseorang sudah dapat zuhud terhadap mereka, tidak memerlukan penghormatan dari mereka. Demikian juga dia pun mestilah mampu untuk bersikap zuhud terhadap harta, hawa nafsu, watak buruk dan keinginan yang bersifat duniawi.

Pada hakikatnya, kekuasaan itu turun dari langit, bukan dari bumi. Sedangkan kewalian turun dari Allah, bukan datang dari makhluk. Jadilah engkau pengikut untuk selamanya, bukan yang ditemani. Puaslah engkau dengan kehinaan dan ketidak terkenalan. Apabila Allah menghendaki kebaikan hal itu, maka tentu ia akan datang dengan sendirinya pada suatu waktu.

Tetaplah engkau untuk pasrah dan menyerah kepada Allah. Janganlah engkau menunjuk-nunjuk kekuatan dan daya upayamu. Janganlah engkau menentang dan menyekutukan Allah, baik dengan makhluk mahupun dengan dirimu sendiri. Tetaplah engkau menghambakan diri kepada-Nya, iaitu memerintahkan kebaikan, mencegah kemungkaran dan sabar apabila ditimpa bencana.

Dasar tariqat ini adalah tauhid dan teguh memegangnya. Selain itu, amal-amal soleh juga merupakan dasarnya. Aku tidak faham mengenai kamu, apakah yang engkau jadikan landasan amal-amal itu..? Niatmu belum sah, bagaimana engkau boleh berbicara...? Kedudukanmu juga belum sempurna, bagaimana engkau boleh berbicara...? Berbicara kepada manusia ini adalah sebagai ganti Rasulullah s.a.w dan para Rasul lainnya. Pada awalnya merekalah yang mengajarkan agama kepada manusia.. Namun ketika mereka telah dipanggil ke hadapan Allah, maka Allah s.w.t. menempatkan ulama yang mengamalkan ilmu mereka pada tempat mereka dan menjadikan ulama itu sebagai pewaris mereka. Barangsiapa yang ingin mendapat tempat sebagai pewaris para rasul, maka hendaklah dia tampil selaku manusia yang lebih bersih daripada makhluk dan yang paling tahu tentang hukum dan ilmu-Nya. Malangnya. kebanyakan orang menyangka bahawa hal ini remeh dan mudah.

Wahai orang-orang yang bodoh tentang Allah...! Wahai orang-orang yang dungu tentang Rasul-rasul-Nya serta para wali dari hamba-hamba-Nya yang soleh...!. Wahai orang-orang yang bodoh tentang nafsu, tabiat, harta, dunia dan akhirat mereka..! Wahai orang-orang yang dungu tentang hukum dan hikmah...! Bisulah dan diamlah kamu semua, sehingga kamu ditakdirkan untuk mengucap, diusung sebagai mayat, dibangkitkan atau kamu datang sendiri.

Barangsiapa yang ilmunya mengalahkan hawa nafsunya, maka itulah ilmu yang bermanfaat. Bagaimana ia tidak bermanfaat, sedangkan ilmu itu mengunci pintu-pintu makhluk dan membuka pintu Allah yang merupakan pintu terbesar...? Apabila seorang hamba benar-benar sudah dapat membuka dan menutup seperti ini, maka hilanglah kesempitan dari dirinya dan sebagai gantinya datanglah kesendirian.

Hatinya terasa dikosongkan dan dicabut dari tempatnya. Hatinya akan terbuka dan hilanglah penghalang atau kulitnya, yang tinggal hanyalah intisarinya. Hancurlah hawa nafsu dan terbukalah jalan kepada Allah. Nyatalah kebaikan padanya, iaitu kebaikan para Nabi, para Rasul dan para wali. Apakah kebaikan itu...? Kebaikannya ialah:

Suci tanpa kekeruhan.
Tauhid tanpa kesyirikan.
Pasrah tanpa membantah.
Jujur tanpa pembohongan.

Khaliq tanpa makhluk.
Berjaya tanpa usaha.

Inilah keutamaan yang dimiliki para pemuka agama dan para pimpinan para wali, serta para ulama yang merupakan ulama Allah dan pilihan-Nya, yang menolong agama-Nya yang membelanya, dan cinta kepada-Nya.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepadamu...! Engkau mengaku, bahawa dirimu termasuk golongan ahli tariqat, sedangkan engkau menyekutukan Allah s.w.t dengan dirimu dan makhluk-makhluk yang lain. Engkau tidak mempunyai iman sedikit pun, kerana di permukaan bumi ini masih terdapat orang yang engkau takuti dan menjadi tumpuan harapanmu, sehingga engkau tidak melakukukan zuhud. Di dunia ini masih terdapat orang yang engkau inginkan, maka engkau tidak mempunyai tauhid.

Engkau melihat sesuatu yang selain Allah s.w.t, ketika engkau berjalan menuju kepada-Nya. Seorang wali adalah terasing dan zuhud, baik di dunia mahupun di akhirat. Dia juga melakukan zuhud dari segala sesuatu yang selain Allah s.w.t secara keseluruhan. Tidak ada cinta baginya, kecuali cinta kepada Allah s.w.t.

Wahai kaum ahli tariqat...! Dengarkanlah ucapanku...! Hilangkanlah kecurigaan kepadaku dari hati masing-masing kamu. Bagaimana mungkin kamu boleh mencurigai dan mengeji diriku, sedangkan aku mengasihi kamu...? Aku menanggung beban kamu, aku mengum-pulkan amal-amal kamu yang bercerai-berai dan aku meminta syafaat kepada Allah s.w.t. untukmu, agar Dia menerima kebaikanmu dan mengampuni segala dosa-dosamu.

Barangsiapa yang mengetahui tentang diriku, maka dia sentiasa akan berada di sisiku, hingga nyawanya bercerai dengan badannya. Dia akan menjadikan aku sebagai sumber kesenangan, makanan, minuman dan pakaiannya. Dia akan merasa cukup dengan adanya diriku, tidak memerlukan yang selain diriku.

Wahai hamba...! Bagaimana mungkin engkau tidak akan mencintai aku, sedangkan aku mencintaimu untuk dirimu, bukan untuk diriku...? Aku ingin memberikan kemanfaatan kepada dirimu dan menyelamatkan dirimu dari tangan dunia yang sangat membunuh dan menipu. Sampai bilakah kamu akan mengikut dunia...? Sebentar lagi dunia akan berpaling kepadamu dan membunuhmu.

Allah s.w.t tidak akan membiarkan hamba-hamba yang mencintai-Nya bersama dengan cinta kepada dunia, meskipun hanya sekejap. Dia akan menjauhkan mereka dari dunia, dan tidak akan membiarkan mereka bersama dengan yang selain-Nya dalam setiap waktu. Dia akan sentiasa bersama dengan mereka dan mereka akan sentiasa bersama-Nya. Hati mereka sentiasa berzikir kepada-Nya, selalu hadir di hadapan-Nya, berpaling dari yang selain-Nya dan menghadap kepada-Nya. Maka Dia sentiasa bersama mereka dan menjaga mereka. Mereka memerolehi ketenteraman yang abadi.

Ya Allah..! Jadikanlah kami termasuk ke dalam golongan mereka dan peliharalah kami sebagaimana Engkau memelihara mereka dan lindungilah kami sebagaimana Engkau melindungi mereka. Dan:

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Wahai orang munafik...! Allah jualah yang akan memenangkan hamba-Nya yang dikehendaki-Nya. Dia jualah yang akan memanggil mereka. Dialah yang akan mengumpulkan hati para makhluk pada seseorang yang dikehendaki-Nya dan Dia jugalah yang akan menunduk-kan segala sesuatu. Engkau menginginkan sesuatu dengan menggunakan kemunafikanmu, adakalanya engkau menginginkan agar hati para makhluk dapat tunduk kepadamu, namun hal itu tidak akan terjadi.

Wahai hamba...! Tinggalkanlah kesenangan-kesenanganmu. Berpalinglah engkau daripadanya dengan sekuat hatimu. Apabila Allah s.w.t menghendaki engkau untuk melakukan sebahagian daripada kesenanganmu itu, maka hal itu akan terjadi pada waktunya. Sebab kita dilarang membenci takdir, dan ilmu Allah s.w.t. tidak mungkin berubah. Bahagianmu akan datang tepat pada waktunya dengan mudah dan nikmat. Jika ia datang, maka ambillah ia dengan sikap mulia, bukan dengan kehinaan.

Meskipun demikian engkau mendapatkan pahala daripada kezuhudanmu di sisi Allah s.w.t. Dia juga melihatmu dengan pandangan kemuliaan, kerana engkau tidak melakukan keburukan terhadap rezekimu dan tidak serakah atau tamak dalam mencarinya. Setiap kali engkau menjauhi rezeki, maka rezeki itu akan selalu mengejarmu. Oleh itu, maka tidaklah benar zuhud dari rezeki itu. Namun wajib berpaling dari hal itu sebelum nyata.

Belajarlah engkau daripadaku mengenai zuhud dan mengambil rezeki. Janganlah engkau berdiam dalam tempatmu bersama kebodohanmu. Belajarlah engkau melalui fiqh, lalu menjadi jauhlah engkau dari makhluk. Belajarlah tentang hukum Allah, lalu amalkanlah, kemudian engkau akan lepas daripada semuanya itu, kecuali sebahagian kecil dari kalagan ulama. Maka lebih baik engkau belajar dan berguru kepada mereka daripada engkau menjauhi umat manusia. Terutama setelah engkau melihat salah seorang daripada mereka, maka tetaplah engkau bersamanya dan belajarlah engkau kepadanya tentang Allah dan mengenal-Nya.

Belajarlah engkau tentang Allah dengan mendengar langsung dari mulut mereka. Ilmu diambil dari mulut para ulama. Sebahagian daripada ulama tersebut ada yang mengenal Allah, mengetahui hukum-hukum dan ilmu-Nya. Apabila engkau benar-benar seperti itu, maka engkau akan sendirian, tanpa nafsu, syaitan, kesenangan, perangai, kebiasaan dan penglihatan makhluk.

Apabila engkau telah benar dalam khalwatmu ini, maka para malaikat dan para orang soleh serta cita-cita mereka berada di sekitarmu. Apabila engkau telepas daripada makhluk dengan cara seperti itu, maka engkau akan tetap seperti itu. Jika tidak, maka khalwatmu itu adalah kemunafikan dan mensia-siakan waktu untuk melalukan sesuatu yang tidak berguna sama sekali bagimu, dan engkau juga berada dalam neraka, baik di dunia mahupun di akhirat. Di dunia dalam api malapetaka dan di akhirat dalam neraka yang disediakan untuk orang-orang munafiq dan orang-orang kafir.

Ya Allah...! Ampunilah kami, tutupilah kesalahan kami, jagalah rahsia kami dan terimalah taubat kami. Janganlah Engkau membocorkan rahsia kami dan janganlah Engkau menyeksa kami kerana dosa-dosa yang kami lakukan. Ya Allah, Ya Karim, Engkau telah berfirman:

وَهُوَ ٱلَّذِى يَقْبَلُ ٱلتَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِۦ وَيَعْفُوا۟ عَنِ ٱلسَّيِّـَٔاتِ ...

Ertinya:
"Dan Dialah (Allah) yang menerima taubat daripada hamba-hamba-Nya dan memaafkan kesalahan-kesalahan mereka."

(Asy-Syura: 25)

Terimalah taubat kami dan ampunilah kami. Amin.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepadamu...! Engkau mengaku berilmu, tetapi engkau masih bergembira dan bersedih seperti orang-orang bodoh. Kegembiraanmu adalah kerana harta dan penerimaan makhluk terhadapmu. Engkau dilalaikan daripada hikmah dan hatimu menjadi keras. Seorang mukmin tidak akan bergembira kecuali kerana Allah, bukan kerana lain-Nya. Apabila engkau terpaksa bergembira kerana dunia dan harta, maka gunakanlah harta itu di jalan Allah. Engkau berikan kepada orang-orang yang melayani Allah dan memberi pertolongan kepada mereka untuk beribadah. Selalulah engkau takut kepada-Nya, baik siang mahupun malam hari, hingga dikatakan kepada hati dan batinmu:

قَالَ لَا تَخَافَآ ۖ إِنَّنِى مَعَكُمَآ أَسْمَعُ وَأَرَىٰ ﴿٤٦﴾

Ertinya:
"Janganlah kamu berdua khuatir, sesungguhnya Aku bersama kamu berdua. Aku mendengar dan melihat."

(Thaha: 46)

Sebagaimana Dia berfirman kepada Nabi Musa a.s dan Nabi Harun a.s.

Engkau tidak termasuk ulama tariqat, kerana engkau menghafal akan ilmu, namun tidak engkau amalkan. Maka pastilah engkau bukan ulama pewaris para Nabi. Kewarisan hanya benar apabila disertai ilmu, amal dan ikhlas. Ketahuilah kedudukanmu, janganlah engkau berangan-angan untuk mendapatkan sesuatu yang tidak diberikan kepada dirimu. Turutilah takdir Allah terhadap dirimu, dengan demikian Dia akan menerimamu, memberi pertolongan dan rahmat kepadamu, menanggung beban beratmu dan selalu bersamamu di dunia dan di akhirat.

a. Apabila iman seorang itu sudah benar-benar kuat, maka dia disebut orang yang yakin.

b. Apabila keyakinannya sudah benar-benar kuat, maka dia akan disebut wali.

c. Apabila kewaliannya benar-benar kuat, maka dia akan disebut 'alim.

d. Apabila kealimannya benar-benar kuat, maka dia akan disebut orang yang cinta.

e. Apabila kecintaannya benar-benar kuat, maka dia disebut kekasih.

f. Apabila hal ini benar pada dirinya, maka dia disebut orang kaya, dan dia didekatkan kepada Allah serta berasa tenteram bersama-Nya.

Dia berasa tenteram kerana dekat kepada Allah. Allah akan memperlihatkan kepadanya rahsia-rahsia hikmah, ilmu, dan perkara yang telah lalu dan yang akan datang, perintah dan takdir-Nya, bergantung kepada kekuatan hatinya.

Kemudia dia berdiri bersama Allah dan keluar dari makhluk dengan hatinya. Apabila datang ilmu Allah yang telah lalu, sedangkan dia memperolehi rezeki, makanan, minuman, pakaian dan isteri, maka dia tidak menemui orang yang menjadi penyebab rezekinya itu, kerana tidak ada penyebab antara dia dan dirinya. Maka Allah sendirilah yang akan memberikan rezeki itu, agar ilmunya tidak hancur dan batal. Maka Allah menciptakannya dalam wujud lain, agar ilmunya yang dahulu tidak berkurang.

Dia menerima rezekinya, sebagaimana anak kecil disuapkan nasi, atau bagaikan seorang ibu menyuapkan manisan anggur ke dalam mulut anaknya yang sedang menyusu. Rezeki yang menjadi bahagiannya itu turun ke dalam mulutnya dan dia wajib memakannya, sebagaimana seorang pesakit wajib memakan ubat yang diberikan oleh doktor kepadanya.

Dia menjaga kekuatannya dengan rezeki itu tanpa usaha daripadanya, bahkan takdirlah yang mendidik mukmin yang mempunyai keyakinan, kewalian serta lalai untuk menimbulkan kemaslahatan pada dirinya ini dan menjauhkan bahaya daripadanya. Tangan rahmat mengubahnya menjadi sayap kanan dan kiri. Bahkan kefasihan menegakkan dan mengurungnya. Betapa ruginya orang yang tidak mengenal Allah dan

tidak bergantung di tepi rahmat-Nya. Betapa ruginya orang yang tak bergantung kepada-Nya dalam hati dan tidak berharap pada anugerah dan kefasihan-Nya.

Wahai kaum ahli tariqat...! Allah sendirilah yang mendidik hati para siddiqin semenjak kecil hinggalah mereka mencapai dewasa. Setiap kali Dia mencuba mereka dengan sebahagian cubaan dan melihat kesabaran mereka, maka bertambahlah kedekatan mereka kepada-Nya. Cubaan tidak dapat mengalahkan mereka dan tidak sampai kepada mereka. Bagaimana mungkin cubaan itu akan sampai kepada mereka, sedangkan ketika cubaan itu datang, hati mereka ada di atas sayap burung-burung.

Wahai...! Betapa ruginya orang-orang yang menyakiti hati mereka, kerana Allah murka kepadanya, menjauhkannya daripada-Nya dan melaknatnya.

Wahai hamba...! Jadilah engkau sebagai khadam kaum ahli tariqat, milik mereka dan melayani mereka. Apabila engkau selamanya seperti ini, maka engkau akan menjadi pemimpin dan orang yang disegani di kalangan manusia.

Barangsiapa yang merendahkan diri kepada Allah dan kepada hamba-hamba-Nya yang soleh, maka Allah akan mempertemukannya dengan mereka dan menjadikannya sebagai pimpinan mereka. Kemudian, bagaimana pula seandainya engkau melayani orang-orang pilihan-Nya.

Ya Allah..! Takdirkanlah kebaikan-kebaikan kepada kami, kepada tangan dan lisan kami...! Jadikanlah kami termasuk ke dalam golong mereka yang mendapatkan rahmat dan taufik-Mu.

Ya Allah...! Jadilah kami orang yang benar-benar beriman, kemudian yakin, wali, cinta, kekasih serta akhirnya tenteram bersama-Mu di dunia dan akhirat.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 55

Sabarlah Menerima Musibah, Redhalah Menerima Takdir

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat, 17 Ramadhan, 545H.

BARANGSIAPA yang ingin agar dia sentiasa redha terhadap qadha' dan qadar Allah, maka hendaklah dia selalu ingat akan kematian. Kerana mengingati kematian itu dapat meringankan musibah dan malapetaka. Janganlah engkau mencurigai-Nya mengenai dirimu, hartamu dan anak-anakmu. Bahkan katakanlah: "Tuhanku, lebih tahu daripada aku."

Apabila engkau selalu melakukan hal itu, maka engkau akan mendapatkan betapa manisnya redha, pasrah dan taat kepada Allah tentang takdir-Nya. Dengan demikian akan lenyaplah malapetaka dari hatimu, baik pokok mahupun cabangnya, dan ia akan diganti dengan kedatangan nikmat dan kelazatan ke dalam jiwamu. Tatkala engkau redha dan dengan lapang dada menerima takdir, maka nikmat akan datang kepadamu dari segala penjuru.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepadamu...! Wahai orang-orang yang lupa kepada Allah...! Janganlah engkau terganggu daripada mengingati-Nya disebabkan oleh yang selain-Nya. Barangkali engkau memohon kelapangan rezeki kepada-Nya. Barangkali engkau akan terfitnah oleh hal itu, sedangkan engkau tidak tahu apa yang terbaik untukmu. Oleh itu diamlah engkau, pasrahlah dan berusahalah engkau untuk redha terhadap perbuatan-perbuatan-Nya dan bersyukur dalam semua keadaan.

Kelapangan rezeki adalah cubaan apabila tidak disertai dengan syukur. Kesempitan rezeki juga adalah cubaan apabila tidak disertai dengan sabar. Syukur itu menambah nikmat dan mendekatkan dirimu kepada Tuhanmu. Sedangkan sabar itu mengukuhkan tegaknya tapak hatimu, menolongnya, menguatkannya dan menjadikan dia menang. Akhirnya engkau akan terpuji, baik di dunia mahupun di akhirat. Menentang Allah adalah haram dan menyebabkan gelapnya hati dan wajah.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada kamu, wahai orang bodoh...! Beralihlah engkau daripada sikap yang sentiasa menurut kehendak hawa nafsumu kepada sikap menentangnya. Sibukkanlah dirimu dengan memohon kepada Allah s.w.t., sehingga habislah waktu cubaan dan padamlah api malapetaka. Siapakah dirimu, wahai orang yang mengaku dikehendaki oleh Allah dan melihat kebesaran rahmat-Nya serta mencintai-Nya...? Bertanyalah engkau kepada-Nya sebelum engkau sampai kepada-Nya. Apabila engkau kebingungan, maka katakanlah:

"Wahai penunjuk jalan bagi orang-orang yang kebingungan, tunjukilah diriku."

Apabila engkau ditimpa cubaan, sedangkan engkau tidak mampu untuk bersabar, maka katakanlah:

"Ya Tuhanku...! Tolonglah diriku, sabarkanlah aku dan jauhkanlah cubaan ini diripadaku."

Namun apabila engkau sudah sampai dan hatimu hadir serta dekat kepada-Nya, maka tiada lagi permohonan dan ucapan, bahkan yang ada hanyalah diam dan melihat. Engkau menjadi tetamu, sedangkan seorang tamu tidak boleh berbuat sesuka hatinya. Dia wajib bersopan santun dan memakan apa yang dihidangkan kepadanya serta menerima apa yang diberikan kepadanya oleh tuan rumah yang dikunjunginya itu, kecuali apabila ia dipersilakan untuk mengambil apa yang diingini-nya, maka bolehlah dia berbuat demikian kerana mengikut perintah, bukan kerana keinginannya. Meminta adalah ketika jauh, sedangkan diam adalah ketika dekat.

Kaum ahli tariqat tidak mengenal, selain daripada Tuhan mereka. Hilanglah semua usaha dari mereka dan lenyaplah semua pilihan dari hati mereka. Andaikata mereka tidak mempunyai makanan dan minuman selama beberapa hari atau beberapa bulan, maka mereka tidak mempedulikannya dan sikap mereka tidak akan berubah. Kerana

Allahlah yang memberi makan kepada mereka dengan makanan yang dikehendaki-Nya.

Barangsiapa yang mengaku cinta kepada Allah, tetapi dalam masa yang sama dia meminta kepada lain-Nya, maka dia jelas berdusta dalam kecintaannya itu. Apabila dia telah menjadi kekasih Allah, telah berjaya menjadi tamu-Nya yang terdekat, maka akan dikatakan kepadanya:

"Mintalah dan katakanlah apa yang engkau inginkan, nescaya semuanya itu akan dikabulkan."

Orang yang mencintai untuk dilindungi sedangkan yang dicintai akan diberi kebebasan. Halangan adalah untuk orang yang mencintai Allah s.w.t, sedangkan pemberian adalah untuk orang yang dicintai-Nya. Selama seorang hamba masih mencintai Allah s.w.t, maka dia sentiasa berusaha untuk mendapatkan rezeki. Apabila giliran berubah sehingga dia menjadi orang yang dicintai oleh Allah s.w.t., maka segalanya akan berubah.

Dia akan merasakan ketenangan, kelapangan rezeki dan makhluk menjadi tunduk kepadanya. Semuanya ini terjadi kepadanya, berkat kesabaran dan keteguhannya, ketika mencintai Allah s.w.t. Tidaklah akan sama antara perbuatan yang dilakukan oleh hamba dalam menemani Tuhan serta perbuatan Tuhan dalam mencintai hamba-Nya, dan cinta seorang makhluk kepada makhluk yang lain. Allah s.w.t.:

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ ﴿١١﴾

Ertinya:
"Tiada suatu pun yang menyerupai-Nya, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha melihat."

(Asy-Syura: 11)

Ini adalah perumpamaan yang paling tepat bagi manusia...! Mintalah olehmu kefahaman tentang Dia kepada-Nya, mintalah olehmu kesucian hati bersama-Nya kepada-Nya. Dia akan memberikan kesucian hati kepada yang sesiapa yang dihendaki-Nya. Dia juga akan mengurniakan rezeki yang banyak kepada hati sesiapa yang dikehendak-Nya.

Salah seorang daripada ahli tariqat ini dipenuhi hatinya oleh semua penghuni langit dan bumi. Hatinya itu seakan-akan tongkat Nabi Musa a.s. Pada awalnya, tongkat beliau adalah hikmah, kemudian berubah menjadi

kekuasaan. Tongkat itu membawa bekalan milik beliau, ketika beliau tidak berdaya membawanya. Adakalanya beliau menjadikan tongkatnya itu sebagai kenderaan, ketika beliau tidak sanggup untuk berjalan. Tongkat itu juga menjauhkan bahaya daripada beliau ketika beliau tidur sambil duduk. Tongkat itu juga boleh memberikan segala macam buah-buahan kepada beliau. Demikian juga tongkat beliau itu mampu melindungi beliau daripada terik panas matahari.

Allah Taala memperlihatkan kekuasaanNya kepada beliau melalui tongkat tersebut. Kemudian beliau berasa tenteram, kerana kekuasaan Allah yang diberikan-Nya melalui perantaraan tongkat itu. Ketika Allah Taala melantik beliau menjadi Nabi, mendekatkannya, berkata-kata dengannya dan memberi tugas kepadanya, maka Allah berfirman kepada hamba-Nya itu, dengan firman-Nya yang berbunyi:

وَمَا تِلْكَ بِيَمِينِكَ يَٰمُوسَىٰ ﴿١٧﴾ قَالَ هِىَ عَصَاىَ أَتَوَكَّؤُا۟ عَلَيْهَا وَأَهُشُّ بِهَا عَلَىٰ غَنَمِى وَلِىَ فِيهَا مَـَٔارِبُ أُخْرَىٰ ﴿١٨﴾

Ertinya:
"Apakah yang ada di tangan kananmu itu, wahai Musa...? Musa berkata, 'Ini adalah tongkatku, aku bertelekan padanya, dan aku pukul (daun) dengannya untuk kambingku, dan bagiku ada lagi keperluan yang lain padanya.'"

(Thaha: 17-18)

Maka Allah berfirman kepada Nabi Musa, sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran, surah Thaha, ayat 19-21, yang berbunyi:

قَالَ أَلْقِهَا يَٰمُوسَىٰ ﴿١٩﴾ فَأَلْقَىٰهَا فَإِذَا هِىَ حَيَّةٌ تَسْعَىٰ ﴿٢٠﴾

Ertinya:
"Allah Taala berfirman, 'Lemparkanlah ia (tongkatmu itu) wahai Musa..!' Lantas Musa pun melemparkan tongkatnya itu, maka tiba-tiba ia menjadi ular yang merayap dengan cepat."

Melihat tongkatnya yang tiba-tiba berubah menjadi ular besar itu, maka beliau segera menjauhkan diri daripada tongkat tersebut. Melihat sikap hamba-Nya itu Allah sekali lagi berfirman kepadanya, yang berbunyi:

خُذْهَا وَلَا تَخَفْ ۖ سَنُعِيدُهَا

Ertinya:
"Peganglah (tongkatmu itu) dan janganlah engkau takut. Kami akan mengembalikannya (kepada bentuk asalnya)."

(Thaha: 21)

Adapun yang dimaksudkan dengan perkara tersebut ialah untuk memperlihatkan kekuasaan-Nya kepada Nabi Musa, sehingga kerajaan Fir'aun yang dianggap sebagai Kerajaan yang besar ketika itu menjadi kecil dan hina dalam pandangan matanya.

Dalam pada itu Allah memberitahu kepada beliau berkenaan dengan peperangan yang akan berlaku antara beliau dan Fir'aun. Untuk tujuan itu Allah mempersiapkan batin dan keyakinan beliau serta memper-lihatkan keanehan-keanehan kepada beliau. Pada mulanya beliau merasa takut dan gentar untuk menghadapi Fir'aun itu, namun kemudian lapanglah hati beliau dan Allah memberikan hikmah, kenabian dan ilmu kepada beliau.

Wahai orang bodoh....! Siapakah yang kekuasaannya seperti ini patut dilalaikan dan diderhakai...? Janganlah engkau melupakan orang yang tidak melupakanmu. Ingatlah akan kematian, kerana semua roh manusia dan makhluk ini telah diserahkan kepada malaikat maut. Janganlah engkau tertipu oleh apa yang ada pada dirimu, keremajaan, harta dan lain-lainnya. Sebentar lagi segala yang kamu miliki akan diambil semula. Ingatlah kelalaianmu dan sikap yang suka mengabaikan yang kamu lakukan terhadap kehidupanmu di dunia untuk melakukan hal-hal yang tidak ada gunanya. Maka pada saat itulah engkau akan menyesal, tetapi hal itu tidak ada gunanya. Sebentar lagi engkau akan mati.

Ingatlah apa yang telah aku katakan kepadamu. Dan berharaplah, agar engkau ketika berada di dalam kubur berada di dekatku dan dapat mendengarkan aku. Berusahalah engkau untuk menerima segala apa yang aku katakan dan mengamalkannya, sehingga engkau bersama denganku di dunia mahupun di akhirat. Berbaik sangkalah engkau kepadaku, maka engkau akan memperolehi manfaat semua ucapanku. Berbaik sangkalah engkau kepada orang lain dan berburuk sangkalah engkau kepada nafsumu. Apabila engkau dapat melakukan hal ini, maka engkau akan memperolehi manfaat buat dirimu dan buat orang lain.

Selama engkau bersama yang selain Allah s.w.t, maka engkau akan

selalu berada dalam kesusahan, kesedihan, syirik dan merasa keberatan. Apabila engkau menjauhkan hatimu daripada semua makhluk dan mendekatlah engkau kepada Allah s.w.t., maka engkau akan melihat apa yang belum pernah dilihat oleh mata, engkau akan mendengar apa yang belum pernah didengarkan oleh telinga dan akan terlintas kenikmatan di dalam hatimu, akan suatu hal yang belum pernah terlintas dalam hati seorang anak manusia.

Segala yang ada padamu selama ini, adalah salah dan jauh dari kesempurnaan. Kerana dasarnya lemah, tidak kukuh sama sekali, iaitu tempat kotoran haiwan yang didirikan di atas tempat yang tinggi. Bertaubatlah engkau kepada Allah s.w.t. dan mintalah kepada-Nya sebuah perubahan terhadap segala apa yang terdapat dalam dirimu saat ini. Iaitu kecenderungan mengumpul harta dan melupakan akhirat.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada kamu...! Allah s.w.t telah mentakdirkan kemiskinan untukmu, namun engkau menginginkan kekayaan. Apakah engkau tidak mengetahui, bahawa Allah s.w.t memberikan pilihan kepadamu, sedangkan engkau membencinya. Adapun yang membenci pilihan yang diberikan oleh Allah s.w.t., hanyalah nafsumu, perangaimu, syaitanmu, dan teman-temanmu yang jahat. Hal-hal tersebut itulah yang membenci pilihan yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepadamu. Maka janganlah engkau mengikutnya. Bersungguh-sungguhlah engkau dalam melawannya. Bencilah engkau kepada semuanya itu kerana Tuhanmu.

Dengarkanlah apa yang diperintahkan oleh hati dan batinmu, kerana kedua-duanya hanya memerintahkan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Hendaklah engkau merasa puas dengan kemelaratanmu. Sebab kepuasanmu dengan kemelaratan itu adalah hakikat kekayaan. Adalah termasuk penjagaan, apabila engkau tidak mampu. Sebab apabila engkau diberi kekuasaan untuk melakukan sesuatu yang bersifat biasa, maka engkau akan selamat. Apabila tidak demikian, maka jelaslah bahawa engkau akan celaka, kerana melakukan maksiat. Apabila Dia menghendaki engkau menjadi miskin dan lemah, maka bererti engkau akan selamat. Apabila tidak, maka jelas bahawa Dia menjauhkan dirimu dari maksiat. Apabila engkau bersabar atas pilihan-Nya, maka engkau akan memperolehi pahala di sisi-Nya, pahala yang tidak akan dapat dihitung, baik olehmu mahupun oleh seluruh penghuni bumi.

Engkau adalah orang-orang yang tergesa-gesa, sehingga engkau tidak menghasilkan sesuatupun dari Allah s.w.t. Tergesa-gesa adalah perbuatan yang berasal dari syaitan, sedangkan ketenangan adalah perbuatan yang berasal dari Allah s.w.t. Apabila engkau tergesa-gesa, maka engkau bersama-sama dengan syaitan, bahkan engkau termasuk ke dalam kelompok perajuritnya. Dan apabila engkau berbuat sesuatu dengan tenang, teguh, sopan santun dan sabar, maka engkau bersama Allah s.w.t dan termasuk ke dalam golongan bala tentera-Nya.

Hakikat takwa adalah melaksanakan segala perintah Allah s.w.t, menjauhi segala larangan-Nya dan bersabar terhadap segala takdir yang pahit dan segala malapetaka yang menimpa. Kamu adalah para makhluk yang lengkap, jiwa yang lengkap, kesenangan yang lengkap, kelenyapan yang lengkap dan perangai yang lengkap. Kedudukanmu tidak setaraf dengan kedudukan para wali di sisi Allah s.w.t. Kamu adalah orang-orang yang gila, apabila dibandingkan dengan mereka. Mereka adalah orang-orang yang mempunyai akal. Apabila orang yang gila kepada Allah s.w.t sudah sempurna kegilaannya, maka sudah tiba waktunya baginya untuk sembuh dari kegilaannya. Bergerak adalah sebuah permulaan, sedangkan diam adalah puncaknya. Hilanglah penyakit dan datanglah hikmah.

Wahai hamba...! Engkau sama sekali tidak memikirkan akhirat, tetapi hanya memikirkan harta dan kekayaan duniawi. Aku susah kerana memikirkan keadaanmu, apalagi engkau menjauhi para orang-orang soleh dan para wali. Engkau tidak mahu menemani mereka dan hanya mahu memakai pendapatmu sendiri. Apakah engkau tidak tahu, bahawa barangsiapa yang merasa cukup dengan pendapatnya sendiri, maka dia akan sesat..?. Tidak ada seorangpun daripada orang pandai yang tidak memerlukan tambahan ilmu. Tidak ada seorangpun orang yang pandai, kecuali ada orang lain lebih pandai daripadanya. Allah s.w.t. berfirman:

وَمَآ أُوتِيتُم مِّنَ ٱلْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

Ertinya:
"Dan tiadalah kamu diberi pengetahuan, melainkan sedikit."

(Al-Isra': 85)

Tetaplah engkau bersama orang ramai. Tetaplah engku bersama golongan yang terbesar. Tetaplah kamu bersama kebaikan. Tetaplah kamu dalam ketaatan dan tidak derhaka untuk menempuh jalan menuju Allah.

اِتَّبِعُوْا وَلَا تَبْتَدِعُوْا فَقَدْ كُفِيْتُمْ.

Ertinya:
"Taatlah kamu, jangan kamu mengada-ada (bid'ah), kerana semuanya sudah dicukupkan buat kamu."

Tariqat ini tidak akan dapat dijalani dengan menurut hawa nafsu. Tariqat ini hanya dapat dijalani dengan mentaati hukum dan mengamalkannya, meninggalkan daya upaya dan kekuatan, pasrah dan menyerah, tidak tergesa-gesa dan tenang. Perkara ini tidak akan berhasil dengan ketergesa-gesaanmu. Ini memerlukan ketabahan, guru, sabar, sungguh-sungguh, berguru kepada sebahagian pemimpin wali, sehingga dia memberi petunjuk kepadamu, dan menanggung bebanmu serta engkau berjalan menurut petunjuknya.

Apabila engkau merasa keletihan, maka dia akan menanggung bebanmu atau akan memberi boncengan kepadamu. Apabila engkau dicintai Allah, maka dia akan memberikan kenderaannya kepadamu dan dia membonceng di belakangmu. Barangsiapa yang merasakan hal ini, maka bererti dia telah mengenal Allah.

Duduk bersama orang yang patut adalah nikmat. Dan duduk bersama orang yang mendustakan dan munafik adalah seksa. Tetaplah engkau selalu merasa diawasi oleh Allah dan menuntut kepada dirimu terhadap hak-hak yang wajib dilakukannya kepada Allah dan hak-hak hamba-Nya. Apabila engkau menginginkan kebaikan dunia dan akhirat, maka ingatlah bahawa Allah selalu mengawasimu dan tuntutlah dirimu untuk beramal. Engkau menuntut dirimu agar melaksanakan perintah-perintah Allah dan menjauhi larangan-larangan-Nya. Engkau mewajibkan kepada dirimu untuk selalu bersabar tatkala ditimpa musibah, redha menerima takdir dan bersyukur ketika mendapat nikmat.

Apabila engkau dapat melakukan hal ini, maka akan lenyaplah semua penghalang dan engkau akan selalu merasa bersama Allah. Engkau bersama teman dalam perjalanan, bertemu dengan penolong dan harta yang mengikutmu ke manapun engkau pergi. Janganlah engkau peduli, di mana engkau berada, sebab di manapun engkau jatuh, maka engkau tetap akan ditemukan.

Engkau dilayani oleh hukum, ilmu, takdir, manusia dan jin. Engkau akan ditakuti oleh segala sesuatu, kerana engkau takut kepada Allah.

Barangsiapa yang tidak takut kepada Allah, maka tidak ada sesuatupun yang akan takut kepadanya. Barangsiapa yang melayani Allah, maka segala sesuatu akan dijadikan pelayannya. Kerana Dia tidak mensia-siakan sedikitpun dari amal hamba-Nya. Sebagaimana engkau menghutangi, maka engkau akan dibayar. Akhirnya, walau bagaimanapun keadaan yang menimpa dirimu, namun engkau wajib pasrah sepenuhnya kepada Allah.

Ya Allah...! Perlakukanlah diri kami dengan kedermawanan-Mu, kebaikan-Mu, pengampunan-Mu dan rahmat-Mu kepada kami di dunia dan akhirat. Dan:

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Dan di kalangan mereka ada yang berkata, 'Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka.'"

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 56

Maksiat Adalah Gambaran Nyata Daripada Hawa Nafsu

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Ahad, 19 Ramadhan, 545H.

WAHAI hamba...! Aku melihat bahawa tindakan-tindakanmu bukanlah tindakan orang-orang merasa sentiasa diawasi oleh Allah dan takut kepada-Nya. Engkau bergabung dengan orang-orang yang melakukan kejahatan dan menjauhi para wali dan orang-orang suci. Engkau kosongkan hatimu dari Allah dan engkau memenuhinya dengan kegembiraan kerana dunia, penghuninya dan harta benda.

Apakah engkau tidak tahu, bahawa takut adalah penjaga hati dan meneranginya, serta memberikan penjelasan. Apabila engkau selalu merasa diawasi oleh Allah seperti ini, maka bermakna engkau telah mempersiapkan keselamatan di dunia dan akhirat. Apabila engkau ingat akan kematian maka jaranglah engkau bergembira kerana harta, malahan engkau akan bersikap zuhud dari harta itu.

Barangsiapa yang akhir kehidupannya adalah kematian, bagaimana mungkin dia akan bergembira kerana sesuatu...? Rasululah s.a.w. bersabda:

لِكُلِّ سَاعٍ غَايَةٌ وَغَايَةُ كُلِّ حَيٍّ الْمَوْتُ.

Ertinya:
"Setiap orang yang berjalan mempunyai tujuan dan tujuan sebuah

kehidupan adalah kematian."

Akhir daripada kesedihan, kegembiraan, kekayaan, kemelaratan, kesulitan, kemakmuran, sakit dan penyakit adalah kematian. Barangsiapa yang sudah mati, maka itulah kiamat baginya dan dekatlah semua yang jauh baginya. Semua yang ada pada dirimu adalah kegilaan. Jauhilah semua yang ada pada dirimu dengan hati dan batinmu.

Dunia terbatas hingga sampai pada saat tertentu, sedangkan akhirat tidak ada batasnya. Kehidupanmu di dunia adalah terbatas hingga sampai saat yang tertentu. Hidupmu di akhirat adalah sampai waktu yang tidak diketahui. Berusahalah engkau agar semua yang ada pada dirimu adalah ibadah. Apabila engkau dapat melakukan hal itu, maka segenap jiwa ragamu adalah kerana Allah s.w.t semata-mata.

Maksiat adalah gambaran nyata daripada hawa nafsu, sedangkan ibadah adalah ketiadaan hawa nafsu. Tidak menurut kehendak dan godaan hawa nafsu, bukanlah bermakna bahawa hawa nafsu itu tidak ada....?

Jauhilah kesenangan, kecuali kerana mengikut garisan takdir Allah s.w.t, bukan dengan usaha dan keinginanmu. Turutilah keinginan itu bersamaan dengan sikap zuhud, secara terpaksa. Zuhud membawa keinginan kepada hawa nafsu. Zuhud sangat diperlukan, sebelum engkau mengetahui keadaanmu. Zuhud adalah sikap yang dilakukan ketika berada dalam kegelapaan, sedangkan menurut hawa nafsu dan mencintai harta adalah ketika berada dalam keadaan yang terang. Zuhud adalah kegelapan.

Apabila Allah s.w.t telah menghilangkan penghalang dan engkau berada dalam hadrat-Nya, maka jalanmu akan menjadi terang. Apabila cahaya bulan telah mengambang, iaitu mengetahui tentang Allah s.w.t, maka hal itu akan menghilangkan kegelapan Lailat al-Qadar. Apabila matahari ilmu Allah telah muncul dan terbit, maka akan lenyaplah takdir dan kegelapan secara keseluruhan. Akan jelaslah bagimu apa-apa yang sebe-lumnya merupakan kemusykilan bagi dirimu. Akan jelaslah bagimu apa yang buruk dan yang baik, baik pada dirimu mahupun pada orang lain. Akan jelas kehendak makhluk dan kehendak Khaliq. Engkau akan tahu dan melihat pintu makhluk dan pintu Khaliq. Di pintu Allah itulah, engkau akan melihat apa yang belum pernah dilihat oleh mata, belum pernah didengar oleh telinga dan belum pernah terlintas oleh hati anak manusia.

Hatimu akan memakan makanan melihat kepada Allah, meminum-minuman ketenteraman. Hati akan selalu menerima apa yang ditakdirkan oleh Allah. Kemudian hati itu dikembalikan semula kepada makhluk untuk memberikan kemaslahatan kepada mereka dan menyelamatkan mereka dari kesesatan dan kejauhan mereka dari Allah serta kederhakaan mereka kepada-Nya. Dia ditugaskan dengan membawa perisai yang kuat, penjagaan yang berterusan dan keselamatan abadi.

Wahai orang yang tidak menganggap hal ini masuk akal atau tidak mempercayainya..! Engkau bagaikan kulit tanpa sari, kayu yang disandarkan dan rapuh, yang hanya patut untuk dijadikan kayu bakar, terkecuali engkau bertaubat, percaya dan beramal dalam taubat dan imanmu itu.

Aduhai...! Aku singguh kasihan kepada dirimu...! Apabila engkau bertaubat, beriman dan beramal dengan benar, maka engkau akan menemui kebaikan, keselamatan dan kelazatan dalam niatmu. Apabila engkau tidak melakukan hal itu, maka engkau akan menemui sesuatu bagaikan kaca yang mampu memutuskan lisan, anak lidah dan dan hatimu.

Terimalah apa yang aku katakan, sebab aku membela dirimu. Terimalah apa yang aku katakan kepadamu. Janganlah engkau memusuhiku. Apakah ada permusuhan antara aku dengan dirimu...? Aku adalah masjid tempat engkau mengerjakan solat, menghilangkan najis dan semua kotoran dari dirimu. Aku menjadikan jalan untukmu dan menyediakan makanan dan minuman untukmu. Aku kerjakan hal itu bersamamu, dan aku sama sekali tidak mengharap balasan. Upah dan pahalaku dibayarkan oleh orang lain. Kesibukanku adalah melayani mereka yang menginginkan untuk mendapat redha Allah. Apabila engkau benar dalam mengharap redha-Nya, maka engkau akan ditakdirkan untuk melayani dirimu. Apabila niat dan usaha seorang hamba untuk mencari redha-Nya itu benar, maka segala sesuatu akan tunduk kepadanya.

Wahai hamba...! Nasihatilah dirimu sendiri, janganlah engkau memerlukan aku dan selain aku. Nasihatku adalah untuk zahirmu dan nasihatmu adalah untuk batinmu. Nasihatilah dirimu dengan selalu ingat akan kematian, mengurangi urusan dan usaha. Bergantunglah engkau kepada Allah. Berpeganglah engkau dengan hujung rahmat-Nya. Bergantunglah engkau kepada kasih-Nya. Janganlah engkau

melupakan-Nya kerana yang lain-Nya. Apabila salah seorang daripada kamu mendapat keuntungan kerana aku, maka aku bergembira kerana dia. Apabila aku berkata kepadanya namun dia tidak menerima apa yang aku katakan kepadanya, maka aku susah kerana hal itu.

Seorang mukmin akan mendekat kepadaku, akan tetapi seorang munafik akan menjauhkan diri daripadaku. Wahai orang-orang munafik..! Aku taat kepada Allah s.w.t. dalam kemurkaan-Nya kepada kamu. Dia menjadikan aku sebagai api yang akan membakar diri kamu. Apabila kamu mahu bertaubat, menerima apa-apa yang telah aku katakan kepada kamu, dan mahu bersabar terhadap kekasaran ucapanku, maka aku akan menjadi keselamatan dan kesejukan bagi kamu.

Celakalah kamu...! Apakah yang kamu inginkan...? Secara zahir kamu beriman kepada Allah, tetapi dalam batin, kamu adalah menderhakai-Nya. Sebentar lagi kamu akan diragut oleh kematian dan rasa sakit, kemudian kamu akan dipenjarakan di dalam penjara neraka Allah s.w.t.

Wahai orang-orang yang tidak berdisiplin dalam beramal, kamu tidak tahu malu sama sekali. Kamu merasa puas dengan menganggur pada waktu siang dan malam hari. Kamu menginginkan apa yang terdapat di sisi Allah s.w.t, namun kamu berbuat tidak menentu. Bersungguh-sungguhlah kamu dalam melakukan amal yang telah biasa kamu lakukan. Setiap hal yang masih baru, akan menimbulkan rasa terkejut. Pada akhirnya kamu akan menjadi bersih dan hilanglah segala kekeruhan. Apabila kamu bertaubat, maka taubat itu mempunyai awalan dan akhiran.

Wahai orang-orang yang lari dari Tuhan mereka...! Wahai orang-orang yang tidak memerlukan pendapat orang-orang yang suci, itu para Nabi, Rasul dan para orang yang soleh. Wahai orang-orang yang bergantung kepada makhluk dan bukan kepada Khaliq...! Apakah kamu tidak mendengar bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

مَلْعُوْنٌ مَلْعُوْنٌ مَنْ كَانَتْ ثِقَتُهُ بِمَخْلُوْقٍ مِثْلِهِ.

Ertinya:
"Adalah dilaknat, adalah dilaknat orang yang tempat bergantungnya sesama makhluk seumpamanya."

Janganlah engkau mencari harta. Janganlah engkau menurut nafsu amarahmu hanya kerana harta yang tidak seberapa. Sebab hal itu akan

merosak hatimu, sebagaimana asam cuka merosak madu.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada dirimu...! Engkau mengumpulkan antara cinta harta dan takbur, sedangkan siapa saja yang melakukan kedua-duanya, maka dia tidak akan beruntung apabila dia tidak bertaubat. Berfikirlah engkau, siapakah dirimu...? Apakah engkau, dan dari apa asalmu serta mengapa engkau diciptakan...? Janganlah engkau takbur, sebab takbur itu hanyalah sifat orang yang bodoh tentang Allah, utusan-Nya dan orang-orang yang soleh dari kalangan hamba-Nya.

Wahai orang yang berakal sempit...! Engkau mendambakan keagungan dengan bersifat takbur. Apabila engkau meninggalkan sifat itu, maka engkau akan mendapat pahala. Kerana Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ تَوَاضَعَ لِلّٰهِ رَفَعَهُ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ وَمَنْ تَكَبَّرَ وَضَعَهُ اللهُ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang bersikap rendah diri (tawadhu') kepada Allah, maka Allah akan memuliakannya, dan barangsiapa yang takbur, maka Allah akan menghinakannya."

Barangsiapa yang redha dengan akhirat, maka dia berada dalam darjat yang paling utama. Barangsiapa yang redha dengan rezeki yang sedikit, maka dia akan mendapat bahagian yang banyak. Barangsiapa yang redha dengan kehinaan, maka dia akan mendapat kemuliaan.

Redhalah engkau terhadap kerendahan, sehingga keadaannya akan berubah bagi dirimu. Barangsiapa yang hina kerana takdir, dan redha terhadap takdir itu, maka Allah akan mengangkat darjatnya. Allahlah yang kuasa untuk melakukan segala sesuatu. Rendah diri dan sopan santun akan mendekatkan dirimu kepada Allah, sedangkan takbur dan tidak bersopan santun akan menjauhkan dirimu daripada-Nya. Ibadah menjadikanmu dekat kepada Allah, sedangkan maksiat menjauhkan dirimu dari Allah dan merosak dirimu.

Wahai hamba....! Janganlah engkau menjual agamamu dengan buah Tiin. Janganlah engkau menukarkan agamamu dengan buah tiin milik para sultan, raja, orang kaya dan orang yang memakan barang yang haram. Apabila engkau memakan sesuatu yang merupakan pengganti daripada agamamu, maka akan menjadi gelaplah hatimu. Bagaimana hatimu tidak

akan menjadi gelap, sedangkan engkau menyembah makhluk...?

Wahai orang-orang yang terlantar, andaikata terdapat cahaya di dalam hatimu, tentu engkau akan dapat membezakan antara yang haram, halal dan syubhat, antara sesuatu yang menjadikan hatimu gelap dan menjadikan hatimu terang, serta antara sesuatu yang dapat mendekatkan hatimu kepada Allah s.w.t dan yang menjauhkan dirimu daripada-Nya.

Wahai orang yang bodoh...! Adapun yang aku tahu hanyalah usaha atau tawakkal kepada Allah s.w.t, perantara antara dirimu dan Allah s.w.t. Apabila hatimu teguh, maka pada hakikatnya engkau telah memperolehi rezeki yang berasal dari Allah s.w.t, dengan perantara makhluk, sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Allah. Manakala yang aku maksudkan dengan tiadanya sebuah perantara adalah hati tidak bergantung kepada perantara dan tidak syirik, dengan mentaati segala perintah Allah s.w.t. Maka orang yang memiliki hati itu, mendapatkan rezeki dari para makhluk, tetapi dia tidak mempedulikan pujian, cercaan, penerimaan dan pengusiran mereka. Apabila mereka memberikan sesuatu kepadanya, maka mereka meyakini bahawa hal itu adalah takdir Allah s.w.t. kepada mereka. Demikian juga halnya, apabila mereka tidak mahu memberikan sesuatu kepadanya.

Kaum ahli tariqat adalah orang-orang yang pekak, bisu dan buta dari yang selain Allah s.w.t. Hanyalah Dia yang terdapat dalam hati mereka. Dialah yang menolong mereka, menjadikan mereka hina, memberi kepada mereka, tidak memberi kepada mereka, memberikan kerugian kepada mereka dan memberikan manfaat kepada mereka. Pada diri mereka terdapat sari tanpa kulit, kesucian di atas kesucian dan kebaikan di atas kebaikan. Itulah yang mengeluarkan semua makhluk dari hati mereka. Yang terdapat dalam hati mereka hanyalah Allah s.w.t semata-mata. Mereka sentiasa berzikir dalam hati kepada Allah s.w.t, bukan kepada yang lain-Nya.

Ya Allah, berilah kami ilmu tentang Engkau...!

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada kamu..! Engkau menyangka bahawa dirimu mampu untuk menghiasi nafsumu. Andaikata tidak terdapat hukum, tentu nafsu akan mengalahkan dan memperlakukan dirimu.

Wahai munafik...! Janganlah engkau melakukan sesuatu yang berbahaya bagi dirimu di hadapanku. Sebab aku hanya malu kepada Allah

s.w.t dan hamba-hamba-Nya yang soleh.

Apabila seorang hamba telah mengenal Allah s.w.t, maka akan hilanglah pengaruh makhluk dari hatinya, sebagaimana daun-daun kering berguguran dari pokoknya. Maka dia ada tanpa ada pengaruh dari makhluk sama sekali. Dia seakan-akan buta untuk melihat mereka, pekak tidak boleh mendengar ucapan mereka, dalam hati dan batin mereka. Apabila nafsu menjadi badan, sedangkan hati hanya menuju Allah semata-mata, meminta apa yang ada di sisi-Nya. Kemudian datanglah harta, dan nafsu adalah pengawas dan mengurus segala kepentingannya. Ini adalah sunnah Allah terhadap mereka yang berusaha untuk mendapatkan keredhaan-Nya. Mereka diberi harta tatkala datang waktunya, memberikan bahagian rezeki mereka dalam rupa wanita tua yang beruban dan buruk rupa. Maka sempurnalah bahagian rezeki mereka. Rezeki itu akan menjadi pelayan, bukan menjadi tuan. Mereka mengambil apa yang menjadi bahagian mereka, namun mereka tidak mempedulikannya.

Wahai hamba...! Kosongkanlah hatimu untuk beribadah kepada Allah. Biasakanlah dirimu dan anggota badanmu untuk bekerja keras bagi keluarga dan orang-orang yang berada di bawah tanggunganmu. Maka engkau bekerja dengan perintah-Nya untuk mereka. Berdiam di hadrat Allah s.w.t, tidak meminta yang disertai kesabaran dan redha adalah lebih baik daripada berdoa dan meminta dengan mendesak. Ilmumu akan lebur kerana ilmu-Nya dan arahkanlah fikiranmu kepada peraturan-Nya. Buanglah keinginanmu dan ikutilah kehendak-Nya. Singkirkanlah akal fikiran tatkala datang takdir dan keputusan-Nya, apabila engkau menginginkan-Nya sebagai Tuhan, penolong dan penyelamat bagi dirimu.

Tetaplah engkau tenang di hadapan-Nya, apabila engkau berharap untuk mencapai keredhaan-Nya. Seorang mukmin harapan dan cita-citanya adalah menyatu. Tidak ada yang terlintas dalam hatinya, kecuali Allah s.w.t. Dia selalu berdiri di pintu kedekatan-Nya. Apabila dia sudah berhasil menjadi wali-Nya, maka dibukalah pintu untuk dirinya. Maka dia akan melihat sesuatu yang belum pernah dilihatnya, sehingga dia tidak mampu untuk mengatakannya.

Isyarat adalah ucapan samar untuk batin yang lenyap dari dirinya, keinginannya dan akhlaq yang tercela, dan dari semua makhluk dalam keadaan sihat, selamat dan nikmat. Dia adalah orang yang dikendalikan

oleh Allah dalam segala tindakannya, seperti Ashab al-Kahfi. Allah s.w.t. berfirman tentang mereka:

وَنُقَلِّبُهُمْ ذَاتَ ٱلْيَمِينِ وَذَاتَ ٱلشِّمَالِ ...

Ertinya:
"Dan Kami bolak-balikkan mereka ke kanan dan ke kiri."

(Al-Kahfi: 18)

Wahai hamba...! Dengarkanlah apa yang aku katakan ini. Percayalah...! Janganlah engkau mendustakannya....! Jika demikian, maka engkau tidak akan terhalang daripada memperolehi segala kebaikan dari segala penjuru.

Majlis 57

Bersedekahlah Kepada Dirimu Dengan Sedikit Kejujuran

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat, 24 Ramadhan, 545H.

WAHAI hamba...! Bersedekahlah kamu kepada dirimu, dengan sedikit dari kejujuran. Kamu boleh mempergunakan harta dan segala sesuatu yang terdapat di dalam rumah kamu. Aku hanyalah mengharapkan kejujuran dan keikhlasan dari kamu. Hal itu akan bermanfaat bagi diri kamu sendiri.

Aku menginginkan kamu untuk dirimu sendiri, bukanlah untuk diriku. Batasilah ucapan lisanmu, dalam lahir mahupun dalam batin. Sebab, terdapat sebahagian malaikat yang sentiasa mengawasimu. Mereka mengawasi zahirmu dan Allah s.w.t mengawasi batinmu.

Wahai orang-orang yang membangun rumah bertingkat dan yang membina rumah biasa, serta menghabiskan umur untuk memakmurkan dunia...! Janganlah engkau membangun sesuatu, kecuali dengan niat yang baik, sebab dasar daripada bangunan di dunia adalah niat yang baik, bukanlah nafsu dan kesenangan hati. Orang yang bodoh membangun bangunan dengan didasari nafsu, perangai dan kebiasaannya, tanpa hukum dan tidak sesuai dengan takdir. Maka dia tidak mempunyai yang dianggap sah, sehingga dia tidak dapat menempati bangunannya, bahkan bangunan itu akan ditempati oleh orang yang lain. Pada hari kiamat nanti, dia akan bertanya: "Untuk apakah engkau mendirikan bangunan...? Dari manakah engkau memperolehi belanja untuk mem-buatnya...? Dan untuk apakah bangunan itu kamu gunakan...?." Segala sesuatu yang terdapat

pada dirinya akan diteliti. Berusahalah engkau untuk sentiasa bersikap redha dan taat. Puaslah engkau dengan bahagianmu sendiri, dan jangan menuntut apa yang bukan menjadi bahagianmu. Diriwayatkan dari Nabi s.a.w., bahawa baginda bersabda:

أَشَدُّ عُقُوبَاتِ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ لِعَبْدِهِ فِي الدُّنْيَا طَلَبُهُ مَا لَمْ يُقْسَمْ لَهُ.

Ertinya:
"Dan seksaan Allah 'Azza Wa Jalla yang pedih kepada hamba-Nya di dunia ialah perbuatan menginginkan apa yang bukan menjadi bahagiannya."

Engkau datang kepadaku, sedangkan engkau telah bersangka buruk tentang diriku. Maka engkau tidak akan beruntung kerana ucapanku.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada kamu...! Engkau mengaku sebagai seorang muslim, sedangkan engkau menentang Allah s.w.t dan pada hamba-hamba-Nya yang soleh. Engkau berdusta dalam pengakuanmu.

Islam adalah berserah diri sepenuhnya kepada Allah s.w.t, meredhai segala perbuatan-perbuatan-Nya dan menjaga perbuatan dari yang diharamkan. Apabila memang demikian halnya, maka menjadi sahlah keIslamanmu.

Kesan negatif daripada angan-angan yang terlalu jauh adalah menyebabkan engkau melakukan maksiat kepada Allah s.w.t. Apabila engkau tidak melakukannya, maka engkau akan mendapatkan kebaikan. Bergantunglah engkau kepada-Nya, kalau engkau menginginkan keuntungan.

Apapun yang ditakdirkan kepada seorang murid tariqat, maka dia akan mengambilnya dengan hati redha dan sesuai dengan agama, serta agama meredhainya. Dia tidak mempunyai nafsu, perangai dan tidak pula syaitan. Maksudku ialah bahawa dia diberi pertolongan untuk mengalahkan mereka, bukan bererti bahawa nafsu, perangai dan syaitan tidak ada sama sekali. Tidak ada seorangpun yang terlindung daripada mereka, setelah para Nabi wafat. Jiwanya tenang, hawa nafsunya kalah, watak buruknya luluh dan syaitannya kalah. Tidak terdapat sesuatu yang terjadi kepadanya

kerana godaan syaitan. Syaitan sentiasa mengelilinginya, namun tidak dapat menemuinya.

Tawakkal bererti menjauhi ikhtiar. Tauhid bererti tidak meyakini adanya bahaya dan manfaat daripada seseorang. Engkau adalah nafsu secara keseluruhan dan kesenangan secara keseluruhan. Engkau tidak pernah merasakan kepahitan, kemanisan, kemudahan, kesusahan, pemaksaan, kematian dan kehidupan yang abadi dari tawakkal dan tauhid. Hina menjadi mulia, miskin menjadi kaya, tidak ada, kemudian menjadi ada kerana-Nya, bukan kerana dirimu. Apabila kamu bersabar, maka harapanmu kepada Allah akan dikabulkan. Apabila tidak demikian, maka dirimu tidak mempunyai apa-apa di sisi-Nya.

Segala sesuatu yang merupakan dirimu terhadap Allah s.w.t adalah penghalang, meskipun puasa dan solat, setelah melaksanakan fardhu dan sunat. Apabila engkau melakukan puasa yang fardhu, tetapi kelaparan dan kehausan dalam puasa sunat menganggu dirimu, sehingga engkau tidak dapat kusyuk ketika melakukan solat dan tidak merasa diawasi oleh Allah s.w.t, demikian juga ingatanmu diganggu oleh kemakmuran atau kemerosotan ekonomimu, maka yang paling penting adalah khusyuk dan dekat kepada-Nya.

Engkau adalah hamba penghalang, hamba makhluk, dan hamba hawa nafsumu. Seorang wali selalu taat kepada Allah s.w.t, dekat kepada-Nya dan berjalan seiring dengan takdir-Nya. Dan apabila dia sudah mempunyai kekuatan, maka dia berjalan tanpa usaha daripadanya, bergerak tanpa ikhtiar daripadanya dan tenang juga tanpa kehendak hatinya. Dia akan termasuk ke dalam golongan orang-orang yang disifatkan oleh Allah dengan firman-Nya:

وَنُقَلِّبُهُمْ ذَاتَ ٱلْيَمِينِ وَذَاتَ ٱلشِّمَالِ ...

Ertinya:
"Dan Kami bolak-balikkan mereka ke kanan dan ke kiri."

(Al-Kahfi: 18)

Tatkala mereka lemah, maka para wali itu digerakkan. Bergerak adalah ketika mampu melakukannya, sedangkan diam serta pasrah adalah tatkala lemah. Bergerak adalah apabila engkau wujud dan diam adalah ketika engkau tiada. Bergerak adalah secara hukum, sedangkan

diam adalah menurut ilmu.

Dirimu akan benar, apabila engkau keluar daripada nafsu, kesenangan, perangai dan semua makhluk secara keseluruhan. Janganlah engkau terikat oleh makhluk. Sebab yang kuasa untuk memberi mudarat, manfaat dan rezeki hanyalah Allah. Taatlah engkau kepada-Nya, baik dalam perintah mahupun larangan. Adapun yang ada pada dirimu hanyalah Allah. Maka engkau akan menjadi makhluk yang paling kaya dan mulia. Engkau akan seperti Nabi Adam. Semua yang ada akan disuruh untuk bersujud kepada dirimu. Ini adalah menurut akal orang-orang awam dari para wali dan sebahagian besar orang-orang khusus daripada mereka. Inilah kemuliaan Nabi Adam a.s.

Wahai orang yang sempit ilmunya...! Manfaatkanlah ilmumu itu, kemudian menyingkirlah engkau. Kaum ahli tariqat belajar tentang agama, lalu mereka menyingkirkan dari makhluk dengan hati mereka. Zahir mereka bersama makhluk untuk menjadikan mereka soleh, sedangkan batin mereka selalu bersama Allah untuk berbakti dan beribadah. Maka mereka menulis, bertaubat dan ada bersama makhluk dari segi hukumnya, namun jauh dari mereka dengan hati. Hati mereka jauh dan terasing dari segala sesuatu. Pada zahir mereka, mereka melaksanakan hukum agama. Setiap kali pakaian mereka kotor, maka mereka mencucinya, meletakkan wangian dan menutupinya dengan bau kemenyan. Setiap kali ada sobekan dalam baju mereka itu, maka mereka menampalnya dan juga menjahitnya. Mereka adalah tokoh dan pilihan para makhluk, seakan-akan mereka adalah gunung yang tinggi. Hati mereka bersama Tuhan mereka, terserah di hadapan-Nya selalu merasa diawasi-Nya dan menyelam dalam lautan ilmu-Nya.

Ya Allah....! Jadikanlah zikir kepada-Mu itu sebagai makanan bagi kami dan dekat kepada-Mu sebagai kekayaan kami. Amin....!

Hatimu sudah mati, dan engkau menemani orang-orang yang juga berhati mati. Temanilah mereka yang berhati hidup, cerdik, pandai dan Wali Abdal. Engkau tak ubahnya laksana perkuburan yang mendatangi perkuburan sesamanya, orang mati mendatangi orang mati. Engkau laksana orang lumpuh yang ditonton oleh orang yang sama lumpuhnya. Orang buta yang ditonton oleh orang buta.

Bergurulah engkau kepada orang-orang mukmin yang yakin dan soleh. Bersabarlah engkau atas ucapan mereka, terima dan amalkanlah, nescaya

engkau akan beruntung. Dengarkanlah ucapan para guru dan amalkanlah. Hormatilah mereka, apabila engkau ingin keuntungan.

Aku mempunyai seorang guru, yang setiap kali aku mendapat kesulitan, dan terlintas dalam hatiku, maka beliau memberitahu kepadaku tentang hal itu dan tidak memerlukan perbincangan. Hal ini terjadi kerana aku menghormati dan sopan santun kepadanya. Belum pernah aku berguru kepada seseorang, kecuali aku menghormatinya dan bersopan santun dengannya.

Seorang sufi bukanlah orang yang bakhil, kerana tiada suatu apapun padanya yang hendak dibakhlilkannya, disebabkan dia telah mengaku bahawa dia meninggalkan segala sesuatunya. Apabila dia diberi sesuatu, maka dia akan mengambilnya untuk orang lain, bukan untuk kepentingan dirinya sendiri. Hatinya sudah bersih daripada semua hal yang wujud ini. Adapun yang akan bersifat bakhil adalah orang yang mempunyai harta.

Segala sesuatunya adalah untuk orang-orang selain ahli sufi. Bagaimana mungkin dia akan dikatakan bakhil dengan harta milik orang lain...? Orang sufi tidak mempunyai musuh sama sekali, mereka juga tidak mempunyai teman dan tidak pula mahu mendengarkan pujian dan celaan. Bagi mereka tiada bezanya antara celaan dan pujian. Dia hanya meyakini segala manfaat, mudarat, pemberian dan penolakan daripada Allah Taala semata-mata. Dia tidak pernah bergembira kerana kehidupan dan tidak pula khuatir atau duka kerana kematian. Bagi mereka kematian itu adalah kemurkaan Allah kepadanya dan kehidupan adalah keredhaan-Nya.

Kemurungan mereka adalah ketika bersama orang lain dan ketenteramannya adalah ketika mereka bersendiri bersama Allah. Makanannya adalah berzikir kepada Tuhannya dan minumannya adalah ketenteraman kerana-Nya. Maka dia pasti tidak akan bakhil dengan harta benda serta isi jagat raya ini, kerana dia tidak memerlukan semuanya itu.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 58

Tutuplah Olehmu Kitab Ilmu, Dan Bukalah Lembaran Amal

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat, Akhir Syawal, 545H.

BERAPA kalikah engkau mempelajari yang ajarannya tidak engkau amalkan? Tutuplah kitab ilmu, dan setelah itu bukalah lembaran amal dengan ikhlas. Apabila tidak demikian, maka engkau tidak akan mencapai keuntungan. Engkau hanyalah mempelajari ilmu saja. Engkau ingin diperhatikan oleh Allah s.w.t dengan perbuatan-perbuatanmu, sementara engkau tidak mempunyai malu.

Engkau menganggap Allah s.w.t adalah yang paling hina di antara mereka yang melihat kepada dirimu. Engkau menerima, menolak dan bergerak dengan menurut hawa nafsumu. Engkau pasti akan menjadi binasa oleh hawa nafsumu itu. Malulah engkau kepada Allah s.w.t, dalam segala perbuatan. Amalkanlah hukum-Nya. Apabila engkau sudah mengamalkan hukum zahir, maka engkau akan mengetahui ilmu tentang Allah s.w.t kerana amal yang engkau lakukan.

Ya Allah...! Bangunkanlah kami dari tidurnya orang yang kelupaan. Amin.

Apabila engkau melakukan dosa, maka malapetaka akan datang menimpamu. Apabila engkau mahu bertaubat dan meminta ampun kepada Tuhanmu, serta meminta pertolongan kepada-Nya, maka malapetaka itu akan menimpa orang-orang di sekitarmu. Engkau pasti akan mendapat

cubaan. Maka mintalah kepada Allah s.w.t, agar engkau bersabar di dalam menghadapinya. Sehingga Dia menyelamatkan dirimu.

Ketahuilah, bahawa luka itu hanyalah terdapat pada badan, bukan pada hati, ia hanya terdapat pada zahir, bukanlah pada batin, pada harta, bukanlah pada agama. Maka cubaan pada hakikatnya adalah nikmat, bukan seksaan.

Wahai orang munafik...! Engkau sudah merasa puas dengan dikatakan sebagai orang yang taat kepada Allah s.w.t . dan Rasul-Nya, meskipun pada hakikatnya tidak. Hal itu adalah sebuah pembohongan zahir dan batin. Maka engkau akan menjadi hina, baik di dunia mahupun di akhirat. Pada hakikatnya, orang yang melakukan maksiat, dan orang yang pandai berbohong, adalah orang yang hina.

Wahai orang yang pandai...! Janganlah engkau mengotori ilmu dengan mendekati orang-orang yang kaya. Janganlah engkau menukar keagungan dengan kehinaan. Yang agung adalah ilmu dan yang hina adalah harta yang terdapat di tangan mereka. Semua makhluk tidak akan kuasa untuk memberikan sesuatu yang bukan merupakan bahagiannya. Mereka hanyalah sebagai perantara rezeki yang merupakan bahagianmu. Apabila engkau bersabar, maka rezeki akan datang kepadamu dengan perantaraan mereka. Sedangkan engkau tetap mulia.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepadamu...! Allah s.w.t. adalah yang memberikan rezeki, tidak diberi rezeki. Beribadahlah engkau kepada Allah s.w.t. selalu. Janganlah engkau menuntut kepada-Nya. Dia tidak memerlukan pengetahuan tentang kemaslahatan. Allah s.w.t. berfirman dalam sebahagian firman-Nya yang bermaksud:

"Barangsiapa yang disibukkan dengan mengingati Aku untuk meminta kepada-Ku, maka Aku akan memberinya sesuatu yang lebih baik daripada orang-orang yang meminta."

Berzikir yang dilakukan hanya dengan lisan tanpa menggunakan hati, tidak memberikan kemuliaan kepadamu. Zikir adalah zikir hati dan zikir batin, kemudian zikir lisan. Apabila berzikir kepada Allah s.w.t. sudah dianggap sah, maka:

فَٱذْكُرُونِىٓ أَذْكُرْكُمْ وَٱشْكُرُوا۟ لِى وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

Ertinya:
"Ingatlah engkau kepada-Ku nescaya Aku akan ingat (pula) kepadamu, dan bersyukurlah kamu kepada-Ku, dan jangan kamu mengingkari (nikmat-Ku.)"

(Al-Baqarah: 152)

Berzikirlah engkau kepada-Nya, maka Dia akan ingat kepadamu. Berzikirlah engkau kepada-Nya, sehingga zikir itu melebur dosa-dosamu, dengan demikian engkau tidak menanggung dosa sama sekali.

Apabila engkau melakukan taat setelah berbuat maksiat, maka Allah akan mengingatimu dalam golongan orang-orang yang zikir. Sehingga engkau hanya ingat kepada-Nya dan sama sekali tidak ingat kepada makhluk-Nya. Engkau hanya akan berzikir kepada-Nya dan lupa untuk memohon kepada-Nya.

Tujuanmu secara keseluruhan adalah Dia dan engkau melupakan tujuanmu yang lain. Apabila semua tujuanmu adalah keredhaan-Nya, maka segala rahsia alam akan diberikan kepada dirimu dalam hati. Barangsiapa yang cinta kepada Allah, maka dia tidak mencintai yang lain-Nya. Cinta itu akan menghilangkan semua cinta kepada selain Dia.

Apabila cinta kepada Allah sudah tumbuh subur dalam hati seorang hamba, maka keluarlah semua rasa cinta kepada selain Dia. Anggota badannya, lahirnya dan juga batinnya akan selalu berzikir kepada-Nya. Kemudian Allah mempersiapkannya dan mengeluarkan dirinya dari keramaian dan kebiasaan. Apabila hal itu sudah sempurna, maka Allah akan mencintainya.

Apakah engkau tidak mempunyai akal, yang engkau gunakan untuk berfikir dan merenung...? Apakah engkau belum pernah sama sekali menghadiri suatu tempat beristirehat...? Akan hadirlah giliranmu dan engkau akan berjumpa dengan malaikat maut. Kehidupanmu akan dicabut dari tempatnya dan engkau dipisahkan dari semua anggota keluarga dan orang-orang yang terkasih.

Berusahalah dengan sungguh-sungguh, agar engkau dipanggil ke hadrat-Nya, sementara dirimu tidak benci untuk bertemu dengan-Nya. Dahulukanlah apa yang engkau miliki sampai ke akhirat. Nantilah kematian. Kerana engkau akan melihat di sisi Allah apa yang lebih baik daripada apa yang engkau lihat di dunia ini.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Dan di kalangan mereka ada yang berkata, 'Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka.'"

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 59

Kemunafikan Adalah Penyebab Hancurnya Agama Seseorang

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat, 9 Rajab, 546H.

UCAPAN orang yang tamak dan haloba tidak sunyi dari kontroversi dan kejian. Dia tidak mungkin untuk mengaku bahawa dia lebih berhak. Ucapannya itu bagaikan kulit tanpa isi. Kosong bagaikan bentuk tanpa hakikatnya. Orang yang serakah adalah kosong sebagaimana keserakahannya, sebab semua huruf dalam kata "tamak" adalah kosong, iaitu: طأ، مين dan عين.

Wahai hamba-hamba Allah...! Bersikap jujurlah kamu, sedangkan kamu sudah mendapatkan keuntungan. Seseorang yang jujur itu cita-citanya tinggi, di langit dan di bumi. Dia tidak peduli dengan ucapan orang lain. Sesungguhnya Allah mengalahkan perkara dan urusan-Nya. Apabila Dia menghendaki engkau untuk suatu hal, maka Dia akan mempersiapkan dirimu untuk hal itu. Ucapan yang terjadi secara tidak sopan. Dan inilah jawapannya: Keadaan kamu menjadikan aku berbicara dan pembohongan kamu menyebabkan aku terdiam. Aku menjual kamu sebagaimana kamu membeli.

Wahai hamba...! Andaikata engkau berhasil mendapatkan buah dari ilmu, nescaya engkau tidak datang ke pintu raja untuk memenuhi keinginan nafsumu. Seorang yang cerdik pandai tentu tidak mempunyai dua kaki untuk berjalan menuju pintu-pintu makhluk. Seorang ulama yang zuhud tentu tidak mempunyai dua tangan untuk mengambil harta

makhluk.

Seseorang yang mencintai Allah dengan benar tentu tidak ingin untuk melihat semua makhluk di muka bumi ini, andaikata dia bertemu mereka semua. Dia hanya melihat kepada Allah, dunia sama sekali tidak agung dalam pandangan kedua-dua matanya, manakala akhirat pula tidak besar dalam pandangan kedua-dua mata hatinya. Adapun yang besar di mata batinnya hanyalah Allah.

Jadikanlah dirimu orang-orang yang berakal. Kamu sama sekali tidak mempunyai apa-apa. Sebahagian besar dari kamu hanyalah mengikut orang yang berteriak-teriak dan keras suaranya. Sebahagian besar daripada mereka yang berbicara, ucapan mereka adalah dari lidah dan kepalanya, sedangkan ucapan seorang anak manusia yang jujur adalah dari hati dan batinnya. Hatinya berada di pintu itu. Dia selalu mengetuk pintu, hingga dia masuk ke dalam rumah.

Demi Allah...! Engkau sangat berbohong dalam segala keadaanmu. Engkau tidak tahu tentang jalan menuju pintu Allah. Bagaimana engkau memberi petunjuk kepada orang lain untuk menuju Allah, sedangkan engkau sendiri buta...? Bagaimana mungkin orang buta boleh menuntun orang lain...? Engkau buta kerana hawa nafsu, perangai, menurut keinginan, cinta harta, cinta kekuasaan dan semua kesenangan yang ada padamu. Datanglah engkau ke sisiku selama maksiat hanya pada zahirmu, belum sampai batinmu. Maka engkau selalu melakukan dosa, lalu engkau kafir.

Barangsiapa yang benar-benar taat kepada Allah, maka dia kuasa untuk mendengarkan firman-Nya. Allah memilih tujuh puluh orang dari umat Nabi Musa, hanya untuk mendengarkan firman-Nya. Kemudian Allah berfirman kepada mereka namun mereka pengsan dan tinggallah Nabi Musa seorang diri. Tatkala Allah menghidupkan mereka, maka mereka berkata: "Tidak ada kemampuan bagi kami untuk mendengar firman Allah. Maka jadilah engkau perantara antara kami dan Dia." Kemudian Allah berfirman kepada Nabi Musa dan beliau mendengarkan kepada mereka serta mengulangi firman-Nya. Beliau mampu mendengarkan firman-Nya, kerana kekuatan iman beliau dan ketaatan beliau serta kehambaan beliau. Mereka tidak mampu mendengarkan firman-Nya, kerana iman mereka masih lemah. Andaikata mereka menerima apa yang diajarkan oleh Taurat, mentaati perintah dan larangan beliau, sopan santun dan tidak berani mengatakan apa yang mereka ucapkan, nescaya mereka akan mampu

untuk mendengarkan firman Allah s.w.t.

Selanjutnya Tuan Syeikh berkata juga: "Aku diberi kekuasaan untuk mengurus setiap orang yang ahli dalam berbohong dan orang yang munafik. Aku menyerahkan segala makhluk yang melakukan maksiat kepada Allah s.w.t. Adapun yang paling besar di antara mereka adalah iblis, dan yang paling kecil adalah orang fasiq. Aku memerangi segala orang yang sesat, yang menyesatkan dan yang berdakwah menuju sesuatu yang batil. Untuk melakukan semua itu, aku meminta pertolongan dengan ucapan لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ

Kemunafikan tertanam dalam hatimu, maka engkau harus Islam, bertaubat dan menjauhi riya'. Apabila apa yang aku lakukan ini adalah dari Allah s.w.t, maka akan bertambah besar, bertambah banyak dan bertambah agung. Hal ini akan menjadi tegak, terkenal, tersebar, dan semua manusia akan melihatnya, baik dengan menggunakan mata mahupun hati mereka. Tetapi apabila apa yang aku lakukan ini adalah dari hawa nafsuku, wahai syaitan dan kebatilanku, maka akan jauh dan terasing, sebentar lagi akan hancur dan berubah serta tercerai- berai. Sebab Allah tidak akan menguatkan orang yang berbohong, tidak akan menolong orang yang munafik, tidak akan memberikan sesuatu kepada orang yang ingkar dan tidak akan menambah nikmat kepada orang tidak mahu bersyukur. Barangsiapa yang ingin munafik dalam hati, maka dia tidak akan bermanfaat bagi lainnya. Dan kemunafikannya itu adalah penyebab kehancuran agamanya.

Wahai para murid tariqat...! Aku sudah berbicara, namun kamu berpaling dan tidak mengerti namaku di semua tempat adalah Ahras. Aku berpura-pura gila, bisu dan gagap. Namun ternyata hal itu tidak benar bagi diriku. Maka Allah menghendaki aku duduk di atas kerusi. Janganlah engkau berbohong, sebab engkau tidak mempunyai dua hati. Hatimu hanyalah satu, apapun isinya. Sebab hati tidak akan memuat lainnya. Allah berfirman:

مَّا جَعَلَ ٱللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِۦ ...

Ertinya:
"Allah sekali tidak akan menjadikan bagi seseorang dua hati dalam rongganya."

(Al-Ahzab: 4)

Hati yang mencintai Allah dan dalam masa yang sama juga mencintai makhluk adalah tidak benar. Hati yang terisi oleh dunia dan dalam masa yang sama juga terisi oleh akhirat juga tidak benar. Apabila hati adalah untuk Allah dan wajah menghadap kepada makhluk, maka dia boleh berpaling kepada mereka dengan tujuan untuk mendatangkan kemaslahatan dan belas kasihan.

Seorang manusia yang bodoh boleh saja riya' dan munafik, namun orang yang pandai tidak diperbolehkan untuk melakukannya. Orang yang tolol itu melakukan maksiat kepada Allah, namun orang yang berakal taat kepada-Nya. Orang yang serakah untuk menumpuk harta berbuat riya' dan munafik. Sedangkan orang yang tidak berangan-angan untuk harta tidak akan melaksanakan hal itu.

Orang mukmin mendekatkan diri kepada Allah dengan melakukan ibadah-ibadah fardhu dan ingin dicintai oleh Allah dengan melakukan ibadah sunat. Allah mempunyai beberapa hamba yang tidak mempunyai ibadah sunat. Mereka hanya melakukan ibadah fardhu, lalu mereka melakukan ibadah sunat dan berkata: "Ibadah sunat ini adalah fardhu bagi kami, sebab Dia telah memberi kekuasaan kepada kami untuk melakukannya. Kami wajib menyibukkan diri dengan beribadah untuk selama-lamanya." Mereka tidak terasa ada ibadah sunat bagi diri mereka sama sekali. Para wali Allah ada yang membangunkan mereka dari tidur mereka dan pengajar yang mengajarkan ilmu kepada mereka. Allah telah menyediakan semua alat yang diperlukan dalam sebuah pengajaran. Nabi s.a.w. bersabda:

لَوْ أَنَّ الْمُؤْمِنَ عَلَى قِلَّةِ جَبَلٍ لَقَيَّضَ اللهُ عَالِمًا يُعَلِّمُهُ.

Ertinya:
"Sekiranya seorang mukmin itu berada di puncak gunung, sudah pasti Allah akan mentakdirkan seorang mu'allim untuk mengajarnya."

Janganlah engkau meminjam ucapan orang-orang soleh dan engkau ucapkan, kemudian engkau akui sebagai ucapanmu sendiri. Pinjaman adalah jelas. Kuasailah hartamu sendiri, janganlah engkau menguasai harta pinjaman. Tanamlah pohon kapas dengan tanganmu sendiri, siramlah dengan tanganmu sendiri pula, rawatlah dengan sungguh-sungguh, lalu tenunlah, jahitlah dan pakailah. Janganlah engkau merasa gembira kerana harta orang lain. Apabila engkau menggunakan ucapan

orang lain, engkau katakan dan engkau mengakuinya sebagai ucapanmu sendiri, maka engkau dibenci oleh orang soleh dalam hati. Apabila engkau tidak mempunyai amal, maka tidak ada ucapan. Segala sesuatu adalah tergantung pada amal. Allah s.w.t. berfirman:

ٱدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٣٢﴾

Ertinya:
"Masuklah kamu ke dalam syurga itu kerana amal yang engkau lakukan."

(Al-Nahl: 32)

Bersungguh-sungguhlah kamu dalam mencari ilmu pengetahuan tentang Allah. Iaitu merasa bahawa semua yang terjadi adalah kehendak Allah. Ucapanmu menunjukan apa yang ada di hatimu. Lisan adalah penterjemah bagi hati. Apabila hati sedang tidak menentu, maka adakalanya ucapan lisan itu benar, dan adakalanya salah. Janganlah engkau mengira-ngira, apa yang menyebabkan perubahan di hati. Demikian juga perubahan lainnya. Apabila hati sudah normal kembali, atau sudah tidak syirik, maka benarlah ucapan lisan. Namun apabila hati syirik, maka hati akan mengikut kelakuan makhluk. Akan berubah, bergolak, keliru dan bohong. Sebahagian daripada mereka yang berbicara ada yang berbicara dari hatinya, dan ada yang berbicara dari batinnya. Bahkan ada juga yang berbicara atas nama nafsunya, syaitannya, kebiasaan dan wataknya.

Ya Allah...! Jadikanlah kami orang-orang yang beriman, dan janganlah engkau menjadikan kami orang-orang munafik.

Apabila ada seseorang mencintai seorang lelaki, dan membenci lelaki lain, maka janganlah engkau mencintai ataupun membenci salah satu dari mereka, dengan dasar nafsu dan perangaimu. Hukumlah mereka dengan al-Quran dan al-Sunnah Apabila mereka sesuai dengan apa yang engkau cintai, maka tetaplah engkau mencintainya. Sebaliknya apabila mereka berselisih dengannya, maka undurkanlah niatmu untuk mencintainya. Apabila kedua-duanya sesuai dengan orang yang engkau cintai, maka urungkanlah niatmu untuk mebencinya. Dan apabila kedua-duanya setuju dengan orang yang engkau benci, maka tetaplah engkau untuk membencinya. Apabila engkau tidak merasa mendapatkan kemanfaatan dan tidak pula mendapat kejelasan, maka serahkanlah kepada hati para siddiqin dan bertanyalah kepada mereka tentang kedua-duanya.

Kembalilah kepada hati mereka, sebab hati mereka adalah yang benar. Kerana apabila hati telah benar, maka ia akan menjadi suatu yang paling dekat kepada Allah. Apabila hati mengamalkan apa yang tercantum dalam al-Quran dan al-Sunnah, maka ia akan menjadi dekat. Dan apabila dekat, maka akan menjadi sesuatu yang paling dekat kepada Allah.

Apabila hati diserahkan untuk selain Allah, maka apakah yang hak dan benar serta apakah yang batil....? Apabila seorang mukmin biasa mempunyai cahaya untuk melihat, maka bagaimana mungkin seorang siddiq dan orang yang dekat Allah tidak mempunyai cahaya....? Seorang mukmin biasa mempunyai cahaya yang memandang kepada dirinya. Oleh kerana itulah, Nabi s.a.w. menakut-nakuti orang yang dilihat oleh mukmin itu, dengan sabda baginda yang berbunyi:

اِتَّقُوْا فِرَاسَةَ الْـمُؤْمِنِ فَإِنَّهُ يَنْظُرُ بِنُوْرِ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ.

Ertinya:
"Takutlah engkau akan firasat orang mukmin, kerana mereka memandang dengan Nur Allah 'Azza Wa Jalla."

(Telah dijelaskan darjat hadis ini)

Seorang wali yang dekat kepada Allah juga diberi cahaya yang digunakannya untuk melihat kedekatannya kepada Tuhannya dan untuk melihat kedekatan Allah pada hatinya. Dia akan dapat melihat arwah para malaikat, para Nabi, hati para siddiqin dan arwah mereka. Dia dapat melihat keadaan dan pangkat mereka. Semua ini terjadi dalam hati dan batinnya yang suci. Dia selalu berbahagia bersama keredhaan Allah. Dialah perantara yang meminta kepada Allah dan membahagi-bahagikannya kepada makhluk. Sebahagian daripada ulama tariqat ada yang pandai hatinya, tetapi tidak fasih lidahnya. Manakala sebahagian yang lain pula, pandai hatinya dan fasih lidahnya.

Orang munafik pandai berbicara, namun gagap hatinya. Semua ilmunya hanya ada pada lisannya. Oleh kerana itulah, Nabi s.a.w. bersabda:

أَخْوَفُ مَا أَخَافُ عَلَى أُمَّتِيْ مُنَافِقٌ عَلِيْمُ اللِّسَانِ.

Ertinya:
"Yang paling aku khuatirkan atas umatku, ialah orang munafik yang pandai lidahnya berkata-kata."

Janganlah engkau tertipu oleh sesuatu. Sebab Allah s.w.t. melakukan apa yang dikehendaki-Nya. Oleh kerana itulah, diceritakan dari sebahagian ulama yang soleh, bahawa beliau berkunjung kepada saudaranya seagama. Lalu beliau berkata kepada sahabatnya itu: "Wahai sahabatku, datanglah ke sini untuk menangisi ilmu Allah tentang kita." Betapa indahnya apa yang dikatakan orang soleh ini. Dia benar-benar tahu akan Allah dan mendengar sabda Nabi s.a.w.:

يَعْمَلُ أَحَدُكُمْ بِعَمَلِ أَهْلِ الْـجَنَّةِ حَتَّى لَا يَبْقَى بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ أَوْ بَاعٌ فَتُدْرِكُهُ الشَّقَاوَةُ فَيَصِيرُ مِنْ أَهْلِ النَّارِ، وَيَعْمَلُ أَحَدُكُمْ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ حَتَّى لَا يَبْقَى بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ أَوْ بَاعٌ فَتُدْرِكُهُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ حَتَّى لَا يَبْقَى بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ أَوْ بَاعٌ فَتُدْرِكُهُ السَّعَادَةُ فَيَصِيرُ مِنْ أَهْلِ الْـجَنَّةِ.

Ertinya:

"Salah seorang daripada kamu beramal dengan amal ahli syurga, hingga tiada yang tinggal lagi antara dia dan syurga itu melainkan sekadar sehasta atau sedepa. Maka dia akan ditemui oleh kecelakaan, lantas dia menjadi ahli neraka. Salah seorang daripada kamu beramal dengan amal ahli neraka, hingga tiada yang tinggal lagi antara dia dan neraka itu melainkan sekadar sehasta atau sedepa. Maka dia akan ditemui oleh kebahagiaan, lantas dia menjadi ahli syurga."

Ada sebahagian ulama soleh yang ditanya orang: "Apakah Tuan pernah melihat Allah s.w.t...?." Beliau menjawab: "Andaikata aku belum pernah melihat-Nya, maka aku akan meninggalkan tempatku." Apabila ada yang bertanya: "Bagaimana Tuan melihat-Nya?." Maka akan aku jawab: "Apabila semua makhluk tidak terlintas dalam hati seorang hamba, yang ada hanya Allah, maka dia akan memperlihatkannya kepada-Nya serta akan mendekatkannya kepada-Nya. Dia memperlihatkan-Nya kepada hamba itu secara batin, seperti aku melihat selain-Nya secara zahir. Hamba itu akan melihat-Nya sebagaimana Nabi s.a.w. melihat-Nya ketika malam Mi'raj. Sebagaimana hamba ini melihat-Nya, mendekatkan diri kepadanya dan berbicara dengan-Nya dalam tidur. Adakalanya dia berbincang dengan-Nya dalam keadaan terjaga dengan memejamkan kedua-dua matanya,

sebagaimana dia melihat kedekatannya, sifat-sifat-Nya, kemuliaan-Nya, anugerah-Nya dan rahmat-Nya. Dia juga akan dapat melihat kebaikan-Nya dan juga perlindungan-Nya.

Barangsiapa yang bersungguh-sungguh dalam menghambakan diri kepada Allah dan tahu akan Dia, maka orang itu tidak akan berdoa dengan ucapan-ucapan seperti: "Perlihatkanlah kepadaku...!" "Janganlah Engkau memperlihatkan kepadaku...!" "Berilah aku...!" dan tidak juga dengan ucapan seperti: "Janganlah Engkau memberi kepadaku...!" dan sebagainya.. Dia terasa bahawa dirinya adalah tiada sama sekali. Oleh kerana itulah, maka sebahagian wali yang sudah sampai pada tingkatan ini berkata: "Apakah yang berlaku atas diriku ini adalah daripada perbuatanku...?" Betapa indahnya apa yang dikatakannya: "Aku adalah hamba-Nya, sedangkan seorang hamba tidak mempunyai usaha mahupun kehendak beserta tuannya."

Ada seorang lelaki membeli seorang hamba, sedangkan hamba ini termasuk orang yang taat beragama dan soleh. Kemudian terjadilah dialog antara lelaki tersebut dengan hamba yang baru dibelinya itu:

"Wahai hamba...! Apakah yang ingin engkau makan?", tanya lelaki tersebut.

"Aku akan memakan apa saja makanan yang diberikan kepadaku...!", jawab hambanya itu.

"Apakah pakaian yang hendak engkau pakai...?", tanya lelaki itu lagi.

"Aku akan memakai pakaian apa saja pakaian yang tuan berikan kepadaku...!", jawab hambanya itu.

"Di manakah engkau ingin bertempat di rumahku ini...?", tanya lelaki tersebut selanjutnya.

"Aku akan menempati ruang manapun yang tuan izinkan...!", jawab hambanya itu dengan rendah diri.

"Apakah pekerjaan yang engkau inginkan...?", tanyanya lagi.

"Melakukan apa saja pekerjaan tuan perintahkan kepadaku...!", jawabnya.

"Sangat beruntunglah aku, apabila aku dapat melaksanakan seperti apa yang engkau utarakan itu kepada Tuhanku...!", ujar lelaki itu kemudian

sambil menangis.

"Apakah seorang hamba mempunyai ikhtiar atau kehendak beserta tuannya...?", balas hambanya itu.

"Engkau menjadi orang yang merdeka kerana Allah s.w.t dan aku ingin agar engkau berada di sisiku, sehingga aku dapat melayanimu dengan hartaku", ujar lelaki tersebut kepada hambanya itu..

Barangsiapa yang mengenal Allah s.w.t, maka dia tidak akan mempunyai ikhtiar dan kehendak, malahan dia akan berkata: "Apa yang menjadi kewajipan terhadap diriku adalah dari aku...?." Janganlah engkau berdalih dengan takdir dalam beberapa urusan Allah s.w.t dan dalam urusan yang lainnya. Sebahagian kecil daripada hamba-hamba Allah s.w.t melakukan zuhud dari makhluk. Mereka merasa tenteram dengan menyendiri, dengan membaca al-Quran dan al-Hadis Nabi s.a.w. Maka hati mereka merasa tenteram kerana Allah s.w.t dan merasa dekat kepada-Nya. Mereka dapat melihat nafsu mereka dan nafsu orang lain dengan hati mereka. Hati mereka itu sempurna dan bersih, sehingga tidak terdapat sesuatupun yang samar bagi mereka dari keadaan kamu. Mereka berbicara menurut apa yang terlintas di dalam hati kamu dan menceritakan apa yang terdapat dalam rumah kamu.

Aduh...! Aku sungguh kasihan kepada kamu....! Jadilah engkau orang yang mahu berfikir. Janganlah engkau mendekati kaum tariqat dengan kebodohanmu. Engkau menasihati orang ramai setelah engkau selesai mengaji. Hal ini memerlukan pengetahuan hukum zahir dan hukum batin, tidak memerlukan semuanya dan dua jenis keterpaksaan, itu:

1. Tidak terdapat orang yang lain di daerahmu, sehingga engkau menasihati mereka dengan terpaksa.
2. Hatimu memerintahkan dirimu untuk berbicara. Maka engkau akan mencapai darjat ini, agar engkau mampu mengembalikan makhluk kepada Khaliq.

Celakalah engkau...!. Engkau mengaku bahawa dirimu sufi, sedangkan dirimu kotor.

Ketahuilah, bahawa orang sufi itu adalah orang yang suci zahir dan batin, dengan mengikut Kitab Allah s.w.t dan Sunnah Rasul-Nya. Setiap kali kesuciannya bertambah, maka dia keluar dari lautan kewujudannya dan meninggalkan usaha serta kehendak kerana kesucian hatinya. Dasar

segala kebaikan adalah mengikut jejak Nabi s.a.w., baik dalam sabda mahupun perbuatan baginda.

Setiap kali hati seorang hamba itu suci, maka dia akan melihat Nabi s.a.w dalam tidurnya. Baginda akan memerintah atau melarangnya untuk melakukan sesuatu. Dirinya secara keseluruhan menjelma menjadi sebuah hati dan terlepas dari penyakitnya. Dirinya menjelma menjadi suatu rahsia tanpa ada kebocoran, dan suci tanpa kotoran.

Kulit zahirnya menjadi hilang dan tinggallah dia menjadi berseri tanpa kulit. Sehingga pada hakikatnya, dia bersama dengan Nabi s.a.w. Hatinya terdidik oleh baginda, berada di sisi baginda dan tangannya melekat di tangan baginda. Nabi s.a.w. menjadi jurubicaranya dan pengawal peribadinya untuk mengeluarkan segala sesuatunya dari hatinya. Memindahkan gunung memerlukan kerja keras, demikianlah beratnya sabar apabila ada kesulitan dan datangnya malapetaka.

Janganlah kamu menuntut apa yang ada di tangan kamu. Kamu sungguh beruntung apabila mengamalkan hitam ini di atas putih, dan kamu pasrah kepada Allah. Kamu sangat beruntung pada hari kiamat, kerana berada dalam kelompok orang-orang Islam, bukan golongan orang orang kafir. Adalah beruntung berada dalam syurga atau pintunya dan kamu tidak termasuk penghuni neraka. Rendahkanlah hati kamu dan janganlah kamu tinggi hati. Rendah hati menyebabkan mulia dan takbur menyebabkan hina. Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ تَوَاضَعَ لِلّٰهِ رَفَعَهُ اللّٰهُ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang merendahkan diri (tawadhu') kepada Allah, maka Allah akan mengangkat dirinya."

Apabila hati selalu ingat kepada Allah, maka hati itu akan mengenal Allah, ilmu, tauhid, tawakkal dan berpaling daripada semua hal selain Allah secara keseluruhan. Selalu berzikir adalah sebab keuntungan dunia dan akhirat. Apabila hati itu sudah bersih, maka zikir akan selalu ada di dalamnya, zikir tertera di sisi-sisinya dan semua yang ada di hati secara keseluruhan. Maka kedua-dua matanya tertidur namun hatinya tetap berzikir kepada Tuhannya. Hal itu diwarisinya dari Nabi s.a.w.

Ada sebahagian ulama soleh yang memaksa untuk tidur dalam

sebahagian malam dan bersiap-siap untuk tidur tanpa ada keperluan untuk itu. Beliau lalu ditanya tentang hal itu, lalu menjawab: *"Hatiku dapat melihat Allah."* Beliau benar dalam ucapannya. Sebab mimpi yang benar adalah wahyu dari Allah. Kekuatan matanya ada dalam tidurnya.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 60

Tinggalkan Sesuatu Yang Tidak Bermanfaat Bagimu

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Selasa petang, 13 Rejab, 546H.

DIRIWAYATKAN dari Nabi s.a.w. bahawa baginda bersabda:

مِنْ حُسْنِ الْإِسْلَامِ الْـمَرْءِ تَرْكُهُ مَا لَا يَعْنِيْهِ.

Ertinya:
"Adalah termasuk kebaikan Islam seseorang, yakni dia meninggalkan apa yang tidak bermanfaat baginya."

Barangsiapa yang baik dan teguh keIslamannya, maka dia akan melakukan yang bermanfaat baginya dirinya. Melakukan yang sesuatu yang tidak bermanfaat adalah perbuatan murid tariqat yang gila. Adalah mustahil, jika Allah redha terhadap hamba-Nya yang tidak melaksanakan apa yang diperintahkan padanya, bahkan melakukan apa yang tidak diperintahkan kepadanya. Ini adalah hakikat nasib buruk, hakikat kematian dan hakikat jauh dari nikmat rahmat Allah s.w.t. Kesibukanmu dalam menumpuk harta benda memerlukan niat yang baik. Apabila engkau tidak mempunyai niat yang baik, maka engkau dilaknat oleh Allah s.w.t.

Sibukkanlah dirimu, adapun yang paling utama yang perlu engkau lakukan ialah membersihkan hati. Sebab, hal itu hukumnya fardhu. Kemudian cubalah untuk berusaha menjadi wali. Apabila engkau mensia-siakan perkara yang fardhu, maka ibadah sunatmu tidak akan diterima.

Kebersihan dari anggota badan menjadi tidak bermanfaat, apabila hati najis. Bersihkanlah anggota badanmu dengan menggunakan hadis, dan bersihkanlah hatimu dengan mengamalkan segala isi al-Quran.

Jagalah hatimu, sehingga anggota badanmu menjadi terpelihara. Setiap bekas akan menjadi basah oleh air yang terdapat di dalamnya. Apakah ada sesuatu di hatimu yang membasahi anggota badanmu...? Fikirkanlah...! Ini bukanlah perbuatan seorang yang percaya yang meyakini adanya kematian. Ini bukanlah perbuatan yang dilakukan oleh orang yang ingat, bahawa dirinya akan bertemu dengan Allah s.w.t dan teliti terhadap semua perbuatannya.

Hati yang bersih akan dipenuhi oleh tauhid, tawakkal, yakin, taufiq, ilmu, iman dan hampir kepada Allah s.w.t. Orang yang mempunyai hati seperti itu akan melihat makhluk dengan pandangan lemah, hina dan miskin. Walaupun begitu, dia tidak takbur meskipun kepada kanak-kanak yang jauh lebih kecil daripada mereka. Dia akan menjadi seperti haiwan yang buas, ketika bertemu dengan orang yang kafir, munafik dan orang-orang yang suka melakukan maksiat. Di hadapannya, mereka seperti potongan daging yang terbuang. Dia rendah diri dan merasa hina di hadapan orang-orang yang soleh yang bertakwa dan warak. Allah s.w.t. menerangkan tentang orang-orang yang mempunyai sifat demikian, dalam firman-Nya:

أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلْكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ ۖ ...

Ertinya:
"Adalah bersikap keras terhadap orang-orang kafir, tetapi berkasih sayang sesama mereka."

(Al-Fath: 29)

Celakalah kamu...! Wahai orang yang berbuat bid'ah...! Dia tidak ditakdirkan untuk berkata: "Aku adalah Allah...!." Allah adalah Tuhan kita. Dia Maha berfirman, bukan bisu. Oleh kerana itu, Dia menguatkan hal ini dalam firman-Nya kepada Nabi Musa:

وَكَلَّمَ ٱللَّهُ مُوسَىٰ تَكْلِيمًا ﴿١٦٤﴾

Ertinya:
"Dan Allah telah berkata-kata dengan Nabi Musa secara langsung."

(An-Nisa': 164)

Dia mempunyai firman yang dapat didengar dan difahami. Dia berfirman kepada Nabi Musa:

يَٰمُوسَىٰٓ إِنِّيٓ أَنَا ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٣٠﴾

Ertinya:
"Ya Musa...! Sesungguhnya Aku adalah Allah, Tuhan sekalian alam."

(Al-Qasas: 30)

Maksud daripada firman-Nya *"Aku adalah Allah"* adalah Aku bukan malaikat, bukan jin dan bukan pula manusia. Aku adalah Tuahan semesta alam. Maka Fir'aun berbohong dalam ucapannya:

أَنَا۠ رَبُّكُمُ ٱلْأَعْلَىٰ ﴿٢٤﴾

Ertinya:
"Akulah Tuhanmu yang paling tinggi"

(An-Nazi'at: 24)

Fir'aun juga berbohong dalam pengakuannya sebagai Tuhan selain Aku. Tidak Fir'aun, tidak juga selainnya dari semua makhluk. Tatkala Nabi Musa a.s. mengalami kesulitan tersebut, maka tampaklah keyakinan dan imannya. Tatkala beliau a.s berada dalam kegelapan malam dan keprihatinan beliau terhadap isteri beliau kerana kesulitan yang dialami oleh isteri beliau tersebut, maka Allah s.w.t. memperlihatkan beberapa cahaya terang kepada beliau. Maka beliau bersabda sebagaimana kebiasaan beliau:

ٱمْكُثُوٓا۟ إِنِّيٓ ءَانَسْتُ نَارًا ...

Ertinya:
"Tinggallah kamu (di sini), sesungguhnya aku melihat api."

(Thaha: 10)

Ketika ini, seakan-akan Nabi Musa berkata sebagai berikut:

"Aku melihat cahaya yang dapat melihat batin, hati dan hakikat. Cahaya yang telah ditakdirkan dan menjadi petunjuk bagiku. Aku tidak memerlukan makhluk. Aku menjadi wali dan khalifah. Aku mendapatkan pokok, sedangkan unsur hilang daripadaku. Aku mendapatkan kerajaan dan hilanglah kekuasaan terhadap diriku. Hilanglah ketakutanku dari Fir'aun dan ketakutan itu berpindah kepadanya."

Nabi Musa a.s. menitipkan dan menyerahkan semua keluarga beliau kepada Allah s.w.t. Beliau lalu pergi dan keluarga beliau dipelihara dan dijaga oleh Allah s.w.t. Beginilah seorang mukmin. Apabila Allah s.w.t. mendekatkannya dan Allah s.w.t menempatkannya di pintu kedekatan kepada-Nya, maka hatinya menoleh ke arah kanan, ke kiri ke depan dan ke belakang. Kemudian dia mengetahui bahawa semua arah tertutup dengan rapat, kecuali arah menuju Allah s.w.t. Kemudian dia berbicara dengan dirinya, anggota badannya, keluarganya dan semua yang terdapat dalam dirinya.

Dia berkata, "Aku melihat cahaya hati dari Allah s.w.t. Maka aku akan berjalan menuju kepada-Nya. Apabila aku berhak untuk kembali, maka aku akan kembali kepada kamu."

Dia meninggalakan dunia dan isinya, segala usaha dan kesenangan. Dia meninggalkan semua makhluk, dan semua hal tercipta. Dia berjalan menuju kepada Maha Pencipta. Maka Allah s.w.t. pasti akan menjaga isteri, dan anak-anaknya, serta segala usahanya.

Sebahagian daripada sesuatu yang halal ada yang di rahsiakan bagi orang-orang yang jauh dari Allah s.w.t., bukan dari orang-orang yang dekat kepada-Nya. Dirahsiakan dari orang-orang yang dimurkai oleh Allah s.w.t., bukan dari orang-orang yang dicintai oleh-Nya. Dirahsiakan bagi sebahagian besar manusia, bukan bagi sebahagian kecil dari mereka.

Apabila hati itu telah bersih dan suci, maka ia akan dapat mendengar seruan dari Allah s.w.t. dari enam penjuru. Hati dapat mendengar panggilan dari setiap Nabi, Rasul, para siddiqin dan para wali. Maka hati menjadi dekat kepada-Nya dan kematiannya adalah kejauhan daripada-Nya. Hati akan merasa puas dengan hal itu dari segala sesuatu. Dia tidak peduli dengan lenyapnya harta dan dirinya. Dia tidak peduli dengan kelaparan, dahaga, dan telanjang. Kehancuran redha seorang murid tariqat adalah dalam ibadah dan kehancuran redha seorang wali yang dikehendaki adalah dalam kedekatan kepada Allah s.w.t.

Wahai orang berpura-pura...! Inilah apa yang ada pada dirimu. Perkara ini tidak akan sempurna hanya dengan berpuasa, beribadah di waktu malam dan kesederhanaan makanan dan pakaian, namun hawa nafsu, watak, kebodohan dan penglihatan makhluk masih berpengaruh dalam jiwa. Hal ini tidak membawa manfaat apa-apa.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan akan dirimu...! Ikhlaslah engkau dalam

segala amal dan perilakumu, nescaya engkau akan selamat. Benarkanlah...! Maka engkau akan berjaya dan dekat kepada Allah. Tinggikanlah cita-citamu...! Maka engkau akan mulia. Selamatkanlah dirimu...! Maka engkau akan selamat. Taatlah engkau...! Maka engkau akan diberi pertolongan. Redhalah engkau...! Maka doamu akan cepat terkabul. Allah telah menyempurnakan dirimu.

Ya Allah...! Kuasailah segala urusan kami, baik di dunia mahupun di akhirat. Janganlah Engkau menyerahkan diri kami kepada nafsu kami. Dan janganlah Engkau meyerahkan diri kami kepada salah satu daripada makhluk-Mu. Diriwayatkan dari Nabi s.a.w. bahawa baginda bersabda:

يَقُوْلُ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ لِـجِبْرِيْلَ يَا جِبْرِيْلُ أَنِمْ فُلَانًا وَأَقِمْ فُلَانًا.

Ertinya:
"Allah 'Azza Wa Jalla berfirman kepada Jibril, 'Ya Jibril, tidurkanlah si Fulan dan bangunkanlah si Fulan.'"

Hal ini mengandungi dua pengertian.

Pengertian pertama ia bermaksud seakan-akan Allah berfirman:

"Bangunkanlah si Fulan yang cinta kepada-Ku dan tidurkanlah si Fulan yang Aku cintai. Orang ini mengaku cinta kepada-Ku. Aku wajib menelitinya dan menempatkannya di tempatnya, sampai kewujudannya bersama selain Aku hilang dari dirinya. Bangunkanlah dia hingga nyata alasan pengakuannya, hingga nyata kecintaannya kepada-Ku. Dan tidurkanlah si Fulan, kerana Aku mencintainya. Dia sudah lama bersusah payah, selama masih ada selain Aku dalam dirinya. Aku memberikan kecintaan kepada dirinya. Pengakuannya telah nyata. Demikian juga dengan alasan dan menepati janji-janjinya kepada-Ku. Kini tibalah giliran-Ku dan Aku akan menepati janji-janji-Ku kepadanya. Dia adalah tetamu. Tamu tidak melayani dan bersusah payah. Aku menidurkannya di pangkuan rahmat-Ku dan Aku letakkan dia dalam jaminan anugerah-Ku. Aku mententeram-kannya dengan kedekatan kepada-Ku. Aku mengasingkannya daripada selain Aku. Kecintaannya telah benar...!."

Ketahuilah olehmu, bahawa apabila cinta telah benar, maka hilanglah keberatan. Adapun pengertian yang kedua ialah seakan-akan Allah Taala berfirman:

"Tidurkanlah si Fulan, kerana Aku benci untuk mendengar suaranya.

Bangunkanlah si Fulan, kerana Aku ingin mendengar suaranya."

Orang yang cinta berubah menjadi orang yang dicintai hanya tatkala hatinya telah kosong dari selain Tuhannya. Apabila tauhidnya telah sempurna, demikian juga iman, tawakkal, keyakinan dan ilmunya, maka dia berubah menjadi orang yang dicintai. Hilanglah kecelakaan dan datanglah kelonggaran.

Barangsiapa yang mencintai sebahagian daripada raja-raja di dunia ini, sedangkan antara dia dan raja itu ada jarak yang jauh, maka dia akan dikalahkan oleh rasa cinta dan menuju kepadanya tanpa arah yang pasti. Dia akan menghadapi terang dengan kegelapan dalam perjalanan. Dia menanggung segala kesulitan dan ketakutan. Dia tidak menyediakan makanan dan tidak pula minuman hingga dia bertemu dengannya.

Raja itu dikelilingi oleh beberapa pelayan. Tatkala baginda mendengar kedatangan orang yang mencintainya itu, maka baginda menyuruh mereka untuk menyongsongnya dan membawanya ke kamar mandi, lalu dihilangkan semua kotorannya. Kemudian dia diberi pakaian yang paling bagus, diberi wewangian dan dibawa ke hadapan raja. Maka raja memberi ketenteraman kepadanya dan berbicara dengannya. Raja akan bertanya tentang keadaannya dan mengahwinkannya dengan hamba perempuannya yang paling cantik. Raja akan memberikan kenikmatan kepadanya dari kerajaannya itu dan menjadikannya orang paling dekat dengan baginda.

Apakah setelah itu masih ada ketakutan, kesusahan atau harapan untuk kembali ke daerah asalnya...? Bagaimana mungkin dia ingin berpisah dengan raja, sementara dia telah menjadi orang yang kuat dan terpercaya di sisinya...?

Apabila hati seorang hamba telah sampai kepada Allah, maka hamba itu tidak akan menemui kesulitan untuk dekat dan berbisik kepada-Nya serta menjadi orang yang terpercaya di sisi-Nya, serta tidak berkeinginan untuk kembali kepada selain-Nya. Hati hanya akan mampu sampai ke tingkatan ini dengan melakukan semua yang fardhu, bersabar untuk meninggalkan yang haram, syubhat dan kesenangan. Memakan makanan yang halal dan yang diperbolehkan, bukan dengan dasar kesenangan dan syahwat, juga sabar untuk melakukan kewarakan yang mencukupi dan zuhud yang sempurna. Iaitu meninggalkan semua selain Allah, memerangi hawa nafsu dan syaitan, kosongnya hati dari makhluk secara keseluruhan,

sama saja baginya antara pujian dan cercaan, pemberian dan penolakan, batu dan tanah liat.

Barangsiapa yang berhati benar, dan sampai kepada Tuhannya, maka samalah baginya batu dan tanah liat, makian sanjungan, kesihatan dan penyakit, kekayaan dan kemiskinan, berpaling atau datangnya harta kepadanya. Barangsiapa yang dapat melakukan seperti ini, maka nafsunya akan mati, pengaruh syaitannya akan padam dan syaitan itu akan menjadi terhina di sisinya. Dunia dan para pemilikannya begitu rendah nilainya di sisinya dan agunglah akhirat dan para penguasanya di hatinya. Kemudian dia akan berpaling dari kedua-duanya dan menghadap kepada Tuhannya. Hatinya mempunyai jalan yang berada di tengah-tengah makhluk dan berjalan menuju Allah. Mereka memberikan jalan kepadanya, menyingkir, berlari meninggalkan api kejujuran dan wibawa batinnya.

Barangsiapa yang dapat mencapai seperti ini dengan sebenar-benarnya, maka tidak akan ada yang sanggup menjauhkannya dari pintu Allah, benderanya tidak dapat diturunkan, perajuritnya tidak dapat dikalahkan, perintahnya tidak boleh dihalang, pedang tauhidnya tidak tumpul, langkah-langkah keikhlasannya tidak letih, urusannya tidak sulit dan tidak ada gerbang yang tidak dapat dilaluinya. Tidak ada sesuatupun yang menghalangnya hingga dia berdiri di hadapan Tuhannya. Allah akan merahmatinya dan menidurkannya di ribaan-Nya.

Maka Allah memberikan anugerah dan ketenteraman kepadanya. Sehingga dia akan melihat apa yang tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah didengar oleh telinga dan tidak pernah terlintas oleh hati seorang anak manusia. Kembalinya hamba ini kepada makhluk adalah dengan tujuan memberikan petunjuk kepada mereka, menguasai diri mereka. Kerajaan hamba ini akan menyeluruh pada mereka, yakni Kerajaan yang didirikannya sendiri.

Semua yang dilihatnya selain Allah adalah mengganggunya untuk melakukan ibadah. Dia akan menjadi penunjuk jalan bagi makhluk, sebagai utusan dan menunjukan mereka ke pintu Allah. Maka dia akan disebut sebagai orang besar di semua petala langit. Semua makhluk berada di telapak hatinya dan bernaung di bawah naungannya.

Janganlah engkau mengigau, engkau mengakui sesuatu yang bukan milikmu. Engkau dikuasai oleh nafsumu. Semua harta benda dan makhluk tertanam dalam hatimu. Apabila engkau ingin untuk mencapai apa yang

aku katakan, maka sibukkanlah dirimu dengan membersihkan hati dari semua yang ada. Lakukanlah segala perintah dan tinggalkan dunia dari hatimu. Setelah itu, maka datanglah engkau kepadaku, akan aku khabarkan kepadamu mengenai sesuatu yang terselubung di sebalik semuanya itu. Apabila engkau sudah seperti ini, maka akan tercapailah segala apa yang engkau inginkan. Sebelum engkau dapat begini, maka pembicaraan adalah sia-sia.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada kamu...! Engkau tertipu oleh sesuap nasi yang menjadikan engkau miskin. Engkau akan kehilangan satu bibir atau akan kehilangan harga diri. Engkau telah dilanda kiamat dan dihadapkan kepada Allah. Engkau lampiaskan kemarahanmu dengan memukul isterimu dan anakmu serta mencaci maki agama dan nabimu. Andaikata engkau sedar, berakal dan tahu akan pengawasan Allah terhadapmu, maka engkau akan bisu di hadrat Allah. Dan engkau akan tahu bahawa semua takdir-Nya terhadapmu adalah nikmat dan menjadi ujian untukmu. Apabila engkau berdiri dan tidak membantah, bersyukur dan tidak mengkufuri nikmat, redha dan tidak marah, diam dan tidak bimbang, maka akan dikatakan kepada dirimu:

أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِكَافٍ عَبْدَهُۥ ...

Ertinya:
"Bukankah Allah sudah memadai bagi hamba-hamba-Nya..?."

(Az-Zumar: 36)

Wahai orang yang tergesa-gesa...! Bersabarlah engkau. Engkau telah memakan makanan yang enak dan nikmat. Engkau tidak mengerti tentang Allah. Andaikata engkau mengerti tentang-Nya, maka engkau tidak akan mengadu kepada selain-Nya. Andaikata engkau tahu tentang Allah, maka engkau akan bisu di haribaan-Nya. Engkau tidak akan meminta dan terus mendesak, bahkan bersabar dan mentaati-Nya.

Fikirkanlah...! Engkau perlu untuk membersihkan semua perbuatan dan maslahat. Dia menurunkan cubaan kepadamu, supaya Dia mengatahui, bagaimana engkau berbuat...? Dia mengujimu, supaya Dia mengetahui apakah engkau percaya dengan janji-janji-Nya. Apakah engkau tahu, bahawa Dia melihat dan mengetahui tentang dirimu...? Apakah engkau tidak tahu, bahawa apabila seorang pengemis berada dalam rumah seorang raja dan meminta sesuatu, maka hal itu adalah kebodohan dan

ketidak sopanannya...? Dia akan dikeluarkan seketika itu juga dari rumah tersebut dan akan dikatakan kepadanya: "Engkau adalah orang yang memerlukan pemberian....!."

Tidaklah sempurna iman seorang mukmin, sementara di hatinya masih ada kerakusan, ketamakan serta menggantungkan ketakutan dan harapan kepada manusia.. Iman ini hanya akan sempurna baginya dengan bertafakkur untuk selamanya, memikirkan tentang pokok dan unsur, dengan cara berfikir mengenai para Nabi, Rasul dan orang-orang soleh. Tentang bagaimana Allah menyelamatkan mereka dari musuh dan memberikan jalan keluar dari segala urusan mereka.

Apabila cara berfikir ini sudah benar, maka akan datanglah tawakkal, hilanglah dunia dari dalam hatinya, lupa akan manusia, jin, malaikat dan semua makhluk dan hanya ingat kepada Allah semata-mata. Dia akan merasa bahawa seakan-akan hanya dialah yang diciptakan oleh Allah. Seakan-akan hanya dialah yang diperintah, dilarang dan diberi kenikmatan oleh Allah. Seakan-akan semua hukum hanyalah dibebankan kepadanya. Dia akan melihat bahawa semua perintah datang dari Allah. Maka dia bersedia memikulnya sebagai usahanya untuk menyatakan kehambaan dan ketaatannya. Dia akan tampil sebagai penanggung jawab semua makhluk, sedangkan Allah memberikan pertolongan kepadanya.

Pintu makhluk menjadi pintu Allah dan dia menjadi utusan antara mereka dengan Allah. Dia akan menjadi matahari yang akan mereka gunakan untuk menerangi mereka dalam mencari keredhaan-Nya. Dia menjadi makanan dan minuman mereka, sehingga dia tidak akan pergi dari mereka. Semua nikmat yang dterimanya menjadi kemaslahatan mereka dan dia melalaikan dirinya sendiri. Dia seakan-akan tidak mempunyai hawa nafsu. Dia lupa kepada makanan, minuman dan pakaiannya. Dia lupa kepada dirinya dan hanya ingat kepada Allah. Dia keluar dari lingkup nafsu dan makhluk dengan hatinya dan ia hanya bersama Tuhannya. Semua doa yang dia pohonkan kepada Allah bermanfaat kepada makhluk. Dia telah menyerahkan dirinya kepada takdir Tuhannya. Secara keseluruhan dia adalah sebahagian daripada takdir itu. Ini adalah sifat orang yang ingin mengajak makhluk kepada keredhaan Allah.

Engkau adalah orang gila yang bodoh tentang Allah, tentang utusan-utusan-Nya, para wali dan pilihan-Nya dari kalangan makhluk-Nya. Engaku mengaku zuhud, namun engkau pada hakikatnya adalah orang

yang mecintai harta. Zuhudmu lumpuh, tidak mempunyai telapak kaki sama sekali. Semua kecintaanmu adalah untuk harta dan makhluk. Engkau sama sekali tidak mempunyai rasa cinta kepada Tuhanmu. Berdirilah engkau di hadapanku. Dahulukanlah berbaik sangka dan bersopan santun, maka akan aku unjukkan engkau kepada Tuhanmu dan jalan menuju kepada-Nya.

Lepaskanlah pakaian takbur dari dirimu, kemudian pakailah pakaian rendah diri (tawadhu'). Rendahkanlah dirimu, sehingga engkau agung, terasa hinalah engkau, sehingga engkau mulia. Semua yang ada pada dirimu adalah kegilaan. Allah tidak akan memandangnya. Tariqat ini tidaklah mendatangkan perbuatan jasad, tetapi mendatangkan perbuatan hati, kemudian perbuatan jasad. Nabi s.a.w. bersabda:

اَلزُّهْدُ هَهُنَا التَّقْوَى هَهُنَا الْإِخْلَاصُ هَهُنَا وَيُشِيْرُ إِلَى صَدْرِهِ.

Ertinya:
"Zuhud di sini, takwa di sini, ikhlas di sini, sementara baginda menunjukkan isyarat ke dada baginda."

Barangsiapa yang mahukan keuntungan, maka hendaklah dia menjadi tanah di bawah telapak kaki para guru. Apakah sifat mereka...? Mereka meninggalkan dunia dan makhluk. Meninggalkan semua yang ada di bawah 'Arasy hingga sampai ke bumi yang paling bawah. Mereka meninggalkan semua itu tanpa ada keinginan untuk kembali lagi. Mereka berpisah dengan diri mereka dan makhluk secara keseluruhan. Wujud mereka adalah beserta Tuhan mereka dalam semua tingkat, ketika dan keadaan.. Barangsiapa yang ingin mencintai Allah, dan dalam masa yang sama nafsunya masih ada, maka dia berada dalam kegilaan dan kesia-siaan. Sebahagian besar dari orang-orang zuhud yang ahli beribadah adalah para hamba makhluk, menyekutukan Allah dengan mereka.

Janganlah kamu berbicara dan menjadi musyrik kerana usaha, dan janganlah engkau bergantung pada usaha itu, maka Allah akan murka kepada kamu. Allah jualah yang menciptakan usaha dan mengaturnya. Ikutan orang-orang yang ikut adalah kitab Allah dan Sunnah Nabi s.a.w.

Pedang tidaklah dapat memutuskan sesuatu, tetapi Allahlah yang memutuskannya. Api tidak dapat membakar dengan kepanasannya, tetapi Allahlah yang menghendaki agar sesuatu itu terbakar. Makanan tidak boleh menjadikan kenyang tetapi Allahlah yang menghendaki

kenyang. Air juga tidak boleh mendatangkan kesegaran, tetapi Allahlah yang menghendakinya segar. Demikianlah halnya semua keadaan yang bermacam-macam ini, hanya Allahlah yang mengaturnya. Semuanya itu hanyalah merupakan alat, sedangkan. Allah bertindak menurut kehendak-Nya.

Apabila Allah yang menjadi pelaku pada hakikatnya, maka mengapa kamu tidak mengembalikan diri kamu kepada-Nya dalam segala urusan...? Dan mengapa kamu meninggalkan untuk bertauhid kepada-Nya serta meninggalkan keperluanmu dalam semua keadaan....? Hal ini sangat jelas bagi orang-orang yang mempunyai akal:

اَلْعَبْدُ يُضْرَبُ بِالْعَصَا وَالْحُرُّ يَكْفِيْهِ الْإِشَارَةُ.

Ertinya:
"Seorang hamba perlu dipukul dengan tongkat. Sedangkan orang yang merdeka hanya cukup dengan isyarat."

Taatlah kamu kepada-Nya. Sebab orang yang taat itu akan agung. Janganlah kamu derhaka kepada-Nya. Sebab orang yang derhaka akan hina. Kalah atau menang adalah di tangan-Nya. Dia mengagungkan siapa saja yang dikehendaki-Nya dengan pertolongan-Nya dan menghina orang yang dikehendaki-Nya.Dia mengagungkan dengan ilmu terhadap siapa saja yang dikehendaki-Nya dan menghina dengan kebodohan siapa saja yang dikehendaki-Nya. Dia mengagungkan dengan kedekatan siapa saja yang dikehendaki-Nya dan menghinakan dengan kejauhan siapa saja yang dikehendaki-Nya.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 61

Mengenal Allah Adalah Sumber Semua Kebaikan

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Selasa 20 Rajab, 546H.

ADA seseorang bertanya kepada Tuan Syeikh Abd al-Qadir al-Jailani tentang beberapa ancaman. Maka beliau balik bertanya kepada orang itu: "Tahukah engkau, apakah ancaman-ancaman itu? Ancaman-ancamanmu itu datang dari syaitan, watak, hawa nafsu dan harta. Kepentinganmu adalah apa yang engkau anggap penting. Ancaman termasuk jenis kepentinganmu." Tidak akan datang sesuatu yang terlintas yang berasal dari Allah, kecuali pada hati yang kosong dari selain Dia, seperti yang dikatakan oleh Nabi Yusuf:

مَعَاذَ ٱللَّهِ أَن نَّأۡخُذَ إِلَّا مَن وَجَدۡنَا مَتَٰعَنَا

Ertinya:
"Berkata Yusuf, 'Aku mohon perlindungan kepada Allah daripada menahan seseorang, kecuali orang yang kami temui harta benda kami padanya.'"

(Yusuf: 79)

Apabila engkau selalu ingat akan Allah, maka engkau pasti akan dekat kepada-Nya dengan hatimu dan hilanglah semua ancaman syaitan, hawa nafsu dan harta dari sisimu. Dunia ada ancamannya, akhirat juga ada ancamannya. Raja ada ancamannya dan nafsu juga ada ancamannya, demikian juga kalbu ada ancamannya.

Allah mempunyai takdir. Wahai orang yang benar-benar mengingini keredhaan Allah...! Engkau memerlukan kekuatan untuk menangkis semua ancaman dan kembali kepada takdir Allah. Apabila engkau berpaling daripada keinginan nafsu, syaitan dan dunia, maka engkau dapat menunjukan fikiranmu ke akhirat, akhirnya menuju kepada kehendak Allah s.w.t. Itulah puncak dari segala-galanya. Apabila hati itu telah bersih, maka ia akan berhenti pada keinginan. Keinginan akan bertanya kepadanya: "Apakah yang engkau ingini dan dari mana engkau...?" Maka beliau akan menjawab: "Keinginanku adalah ini. Aku adalah kehendak yang benar dari kebenaran. Aku adalah penasihat. Aku mencintai Allah dan engkau. Maka aku mencintaimu. Aku adalah perantara. Akulah bahagianmu dari kenabian."

Wahai hamba....! Berusahalah engkau untuk mengerti tentang Allah, kerana hal itu adalah sumber semua kebaikan. Apabila engkau memperbanyak taat kepada Allah, maka Dia akan menjadikan dirimu sebagai wali. Oleh kerana itulah, Nabi s.a.w. bersabda:

إِذَا طَاعَ الْعَبْدُ رَبَّهُ عَزَّ وَجَلَّ أَعْطَاهُ مَعْرِفَتَهُ فَإِذَا تَرَكَ طَاعَتَهُ لَمْ يَسْلُبْهَا مِنْهُ بَلْ يُبْقِيْهَا فِيْ قَلْبِهِ لِيَحْتَجَّ بِهَا عَلَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، يَقُوْلُ لَهُ: مَيَّزْتُكَ بِمَعْرِفَتِيْ وَتَفَضَّلْتُ عَلَيْكَ بِهَا لِمَ تَعْمَلُ بِمَا عَلِمْتَ...؟

Ertinya:
"Apabila hamba taat kepada Tuhannya, maka Dia akan memberi kewalian kepadanya. Maka apabila dia meninggalkan taat kepada-Nya, maka Dia akan mencabut kewalian itu daripadanya, bahkan Dia menetapkan di dalam hati hamba itu agar dia berhujah dengan hal tersebut pada hari kiamat. Allah berfirman kepadanya, 'Aku telah memberi keistimewaan kepadamu dengan mengenal Aku, dan Aku memberi anugerah kepadamu dengan hal itu, mengapa engkau tidak mengamalkan yang engkau ketahui...?'"

Wahai hamba...! Tidak akan ada sesuatu yang engkau dapatkan daripada Allah dengan kemunafikanmu, kefasihanmu, kepintaranmu berbicara, keramahan dan wajahmu yang manis, tambalan pakaianmu serta semangat dan tawakkalmu. Semuanya itu berasal dari syaitan,

kemusyrikan terhadap makhluk dan tuntutan harta kepada mereka.

Setelah engkau berpangkat dalam kewalian, maka hinakanlah dirimu, simpanlah hal ehwalmu dan hendaklah engkau seperti itu, hingga dikatakan kepadamu: "Ceritakanlah nikmat Tuhanmu....!"

Ibnu Syam'un apabila mendapat kemuliaan, maka beliau berkata: "Ini adalah tipuan. Ini adalah dari syaitan...!." Beliau terus seperti itu, hingga dikatakan kepada beliau: "Siapakah dirimu dan siapa ayahmu.....?. Ceritakanlah nikmat Kami atas dirimu.....!."

Nabi Musa a.s berdoa kepada Allah, tatkala beliau bersujud kepada-Nya: "Ya Tuhanku, berilah aku wasiat....!" Maka Dia berfirman kepada beliau: "Aku berwasiat kepadamu dengan Aku dan tuntutan-Ku." Allah mengulanginya hingga empat kali. Setiap kali beliau berdoa seperti itu, maka Allah menjawab demikian. Allah tidak berfirman kepada beliau: "Carilah harta...!", dan tidak pula "Carilah akhirat....!." Seakan-akan Allah berfirman kepada beliau: "Aku berwasiat kepadamu dengan taat kepada-Ku dan meninggalkan maksiat kepada-Ku. Aku berwasiat kepadamu untuk berusaha mendekatkan diri kepada-Ku. Aku berwasiat kepadamu agar engkau bertauhid dan beramal kerana Aku. Aku berwasiat kepadamu untuk berpaling daripada selain Aku."

Apabila hati telah bersih dan mengenal Allah, maka hati itu akan berpaling daripada selain-Nya, tenteram hanya kerana-Nya, membenci selain-Nya, keluasan bersama-Nya dan bersusah payah bersama yang lain-Nya.

Ya Allah...! Lihatlah, bahawa aku berusaha sekuat tenaga dalam memperingatkan para hamba-Mu. Aku bersungguh-sungguh dalam berusaha agar mereka menjadi orang yang soleh.

Aku terlepas daripada semua yang ada dalam diriku. Aku keluarkan itu semua seperti kamu keluar, dari segi hati dan batin. Tiada kemuliaan bagiku apabila aku menyertai-Nya dalam mengatur dunia dan semua makhluk.

Wahai orang-orang yang beribadah di surau-surau dan masjid-masjid...! Datanglah kamu kepadaku. Dengarkanlah ucapanku walaupun hanya satu huruf. Bergurulah kamu kepadaku dalam satu hari, satu minggu atau agar kamu mempelajari sesuatu yang bermanfaat bagi diri kamu. Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada kamu semua. Sebahagian

besar daripada kamu berada dalam kegilaan. Kamu menyembah makhluk dalam tempat-tempat ibadahmu. Tariqat ini tidak akan dapat dicapai hanya dengan duduk menjauhi makhluk bersama kebodohan.

Celakalah engkau...! Berjalanlah engkau dalam rangka mencari ilmu dan ulama yang mengamalkan ilmunya, hingga engkau tidak kuasa lagi untuk berjalan. Berjalanlah engkau hingga kedua-dua belah betismu tidak kuasa lagi bergerak. Apabila engkau tidak kuasa lagi, maka duduklah. Berjalanlah dengan zahirmu, kemudian dengan hati dan batinmu. Apabila engkau telah penat zahir dan batin dan engkau berhenti, maka engkau akan dekat kepada Allah dan sampai kepada keredhaan-Nya.

Apabila langkah-langkah hatimu terputus dan kekuatanmu untuk berjalan telah habis, maka itu adalah alamat kedekatanmu kepada-Nya. Oleh itu pasrah dan menyerahlah engkau kepada-Nya. Dia adakalanya akan mendirikan tempat ibadah untukmu di daratan, atau menempatkanmu di ruang-ruang kosong, atau mengembalikanmu kepada khalayak ramai dan memerintahkan dunia, akhirat, jin, manusia, malaikat dan semua roh untuk melayanimu.

Apabila hati seorang hamba telah bersih, maka hati itu akan mendapat kewalian dan kedudukan sebagai pengganti Nabi s.a.w dan akan ditawar semua yang ada dalam tempat penyimpanan harta karun serta akan dibantu oleh bumi, langit dan semua penghuninya, kerana kedudukannya di sisi Sang Raja dan kerana kesucian hatinya, batinnya dan cahaya dalam dirinya.

Tidaklah iman dan Islam datang kepadamu dalam keadaan begini. Engkau banyak takut kepada Allah, berpuasa, solat dan bangun pada waktu malam untuk beribadah. Dengan cara inilah, sebahagian kaum tariqat berjalan di atas wajah mereka, dipertemukan dan disamakan dengan haiwan yang buas, berebut dengan mereka untuk mendapatkan rumput dan air fatamorgana. Kegelapan mereka adalah matahari, sementara lentera mereka adalah rembulan dan bintang-bintang. Tinggalkanlah sebahagian besar cakap kosong, perdebatan dan mensia-siakan harta. Janganlah kamu banyak bergunjing dengan para tetangga, teman dan kenalan tanpa sebab. Kerana hal itu termasuk kekurangan akal. Sebahagian besar dusta dan gunjingan terjadi antara dua orang, sedangkan maksiat itu sudah sempurna apabila ia dilakukan oleh dua orang.

Janganlah sampai ada salah seorang daripada kamu keluar dari rumahnya, kecuali ada keperluan yang harus dilaksanakan, baik itu berupa maslahat untuk dirinya sendiri mahupun untuk keluarganya. Berusahalah agar ucapanmu adalah jawapan, bukan sebagai awal pembicaraan. Apabila ada seseorang bertanya kepadamu tentang sesuatu, dan engkau perlu menjawab kerana ada kemaslahatan untuk dirinya atau dirimu, maka engkau boleh menjawab. Apabila tidak, maka janganlah engkau menjawabnya. Kaum ahli tariqat takut kepada Tuhan mereka dalam semua waktu: Firman Allah s.w.t bermaksud:

"Memberikan apa yang telah mereka berikan dengan hati yang takut."

(Al-Mukminun: 60)

Mereka khuatir apabila mereka dipanggil Allah dalam keadaan tertipu. Mereka takut apabila iman mereka kosong. Sebahagian kecil daripada mereka mendapat anugerah dan nikmat-Nya, maka hati mereka masuk ke pintu taqarrub-Nya. Mereka diberi izin untuk masuk. Allah mengatur dan mengurus mereka. Mereka dijadikan sebagai kekasih-kekasih-Nya dan pengganti para Nabi-Nya, makhluk pilihan-Nya. Dia menjadikan mereka termasuk guru-guru hamba-Nya dan para raja. Dia menjadikan mereka sebagai ganti di bumi dan hamba-hamba-Nya yang khusus. Mereka diberi ilmu dan hikmah, dimuliakan dengan karamah dan diberi pertolongan oleh-Nya.

Dia memberitahu kepada mereka apa yang wajib atas mereka dan hak mereka. Dia menetapkan iman di hati mereka dan memberikan kewalian di akhir iman mereka. Takdir melayani mereka. Manusia, jin dan malaikat berdiri di hadapannya. Tanda tangan datang pada hati dan batin mereka. Masing-masing dari mereka adalah raja yang duduk di atas singgasana kerajaannya, menyebarkan prajuritnya di bumi untuk memberi kemaslahatan kepada makhluk bagi melawan Iblis.

Wahai kaum ahli tariqat...! Ikutlah jejak kaum tariqat yang terdahulu. Jangan sampai cita-cita kamu hanya untuk makanan, minuman, pakaian, perkahwinan dan menumpuk harta. Sebab cita-cita mereka adalah beribadah dan meninggalkan adat. Carilah pintu-Nya dan dirikanlah khemah di sana. Janganlah kamu lari meninggalkan pintu Allah kerana malapetaka. Sebab Allah memperingatkan kamu dengan cubaan dan penyakit, supaya kamu memohon kepada-Nya dan tidak berpindah dari pintu-Nya. Janganlah kamu termasuk mereka yang berbuat tidak

menentu dan tidak tahu apa yang dikehendaki oleh Allah dari diri mereka. Sembahlah Dia, kemudian ikhlaslah kamu dalam menyembah-Nya. Apakah kamu tidak mendengar, bagaimana Dia berfirman:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Ertinya:
"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia, melainkan supaya mereka menyembah kepada-Ku."

(Az-Dzariyat: 56)

Kamu telah yakin dan tahu akan hal ini. Mengapa kamu tidak menyembah-Nya dan kamu berbuat tidak tentu arah dalam jalan menuju kepadanya...? Semua orang yang tidak menyembah Allah adalah temasuk orang-orang yang tidak tahu, untuk apa mereka diciptakan. Mereka yang berkeyakinan dan telah sampai kepada ilmu hakikat, telah tahu bahawa mereka diciptakan untuk beribadah, dan mereka telah tahu bahawa mereka akan mati, kemudian dibangkitkan. Maka mereka benar-benar mahu beribadah.

Wahai hamba...! Kemudian perkara-perkara yang bersifat kebatinan tidak akan jelas, terkecuali setelah sampai kepada keredhaan Allah dan berdiri di pintu-Nya, bertemu orang-orang khusus dan para pewaris Nabi yang berada di sana. Apakah engkau tidak akan kembali ke pintu Allah dan selalu berdiri di depan-Nya dengan sopan dan menundukan kepala...? Allah telah membuka pintu di hatimu. Dia menarik hatimu, mendekatkannya, menidurkannya, memberi berita gembira kepadanya, memberi celak kepadanya, menghiasinya, menggembirakannya, meng-amankannya dan mengajaknya berbicara.

Wahai orang-orang yang lupa akan nikmat...! Di manakah kamu...? Apa yang menyebabkan kamu jauh daripada apa yang aku ucapkan kepadamu...? Kamu menyangka bahawa perkara ini mudah, sehingga kamu dapat mencapainya dengan berpura-pura, memaksakan diri dan kemunafikan. Tariqat ini memerlukan kejujuran dan sabar atas datangnya takdir. Apabila engkau kaya raya dan sibuk dengan maksiat kepada Allah, lalu engkau bertaubat dari semua kemaksiatan dan kesalahan, baik yang zahir mahupun yang batin, berkelana dalam daratan dan tanah lapang dan engkau menginginkan keredhaan Allah, maka engkau akan menemui jalan keluar untuk itu. Engkau tertimpa cubaan, lalu nafsumu menuntut

apa yang dia inginkan, iaitu harta dan kesihatan, maka janganlah engkau menerima dan memberikan permintaannya itu. Apabila engkau bersabar, maka engkau mendapatkan keselamatan dunia dan akhirat. Namun apabila engkau tidak bersabar, maka engkau tidak akan mendapatkan apa-apa.

Wahai orang-orang yang bertaubat...! Kukuhkanlah pendiriamu, ikhlaslah kamu dalam melakukannya, kemudian lakukan terhadap nafsumu apa yang merupakan kebalikan daripada hal yang terjadi, walaupun engkau tertimpa cubaan. Tegaskanlah kepada nafsumu, bahawa Allah membangunkannya pada malam hari, membuatnya dahaga pada siang hari, menempatkannya di antara keluarga, tetangga, teman dan kenalan dan bahawa Dia menempatkan kebencian hati mereka kepadanya, tidak akan ada seorangpun daripada mereka yang mahu dekat kepada-Nya.

Apakah engkau tidak pernah mendengar kisah Nabi Ayyub a.s, tatkala Allah berkehendak untuk menyatakan cinta dan pemilihan beliau dan pada diri beliau tidak ada selain daripada-Nya. Bagaimana Dia memisahkan beliau dari harta, keluarga, anak dan para pengikut beliau. Bagaimana Allah menempatkan beliau pada suatu tempat yang berhampiran dengan kotoran haiwan, jauh daripada ramainya manusia, sedangkan tidak ada seorang anggota keluargapun yang bersama beliau, selain isteri beliau. Isteri beliau bekerja sebagai pelayan, lalu datang kepada beliau dengan membawa makanan.

Kemudian Allah menghilangkan daging, kulit dan kekuatan beliau, sehingga yang tinggal bagi beliau hanyalah pendengaran, penglihatan dan hati beliau. Dia memperlihatkan keajaiban kekuasaan-Nya kepada beliau dari dalam diri beliau. Beliau berzikir kepada-Nya dengan lisan dan berdoa kepada-Nya dengan hati. Beliau melihat keajaiban kekuasaan-Nya dengan mata, sementara nyawa berputar-putar dalam diri beliau. Para malaikat datang mengunjungi beliau. Beliau terputus dari umat manusia dan memperolehi ketenteraman. Hilanglah dari beliau usaha, daya upaya dan kekuatan, dan yang masih ada hanyalah cinta kepada Allah, takdir dan kehendak-Nya. Beliau pada awalnya, bersabar, kemudian pada akhirnya menjadi mampu melihat. Pada awalnya pahit dan akhirnya menjadi manis. Kehidupan beliau tatkala diuji itu makmur, sebagaimana Nabi Ibrahim merasakan kedamaian dalam api.

Kaum tariqat membiasakan diri dengan cubaan dan tidak terkejut

seperti kamu. Cubaan pada hakikatnya berbeza-beza. Ada yang dalam hati, ada yang bersama makhluk dan ada yang berhubungan dengan Khaliq. Tidak ada kebaikan bagi seseorang yang tidak pernah merasakan kepedihan musibah, yang merupakan ujian dari Allah. Keinginan orang ahli beribadah yang zuhud dari harta adalah kemuliaan. Keinginan orang yang zuhud dari akhirat adalah syurga, dan keinginan seorang wali adalah tetapnya iman di dunia dan selamat dari neraka Allah di akhirat. Keinginannya tetap seperti ini, sampai dikatakan kepada hatinya: "Apakah ini...?."

Tenang dan kukuhkanlah pendirianmu, Iman tetap ada padamu. Dari engkaulah orang-orang mukmin memperoleh cahaya iman mereka. Pada hari kiamat kelak, syafaatmu akan diterima dan ucapanmu akan didengar. Engkau menjadi penyebab keselamatan sebahagian makhluk daripada api neraka. Engkau berada di depan Nabi s.a.w, pimpinan para pemberi syafaat.

Sibukkanlah dirimu dengan selain hal ini. Hal ini adalah penetapan tetapnya iman, kewalian, selamat pada akhir dan berjalan bersama para Nabi, Rasul dan para siddiqin, yang merupakan pilihan dari makhluk. Setiap kali dikatakan kepadanya tentang keamanan, maka dia bertambah takut, sopan santun dan syukur. Kaum ahli tariqat mengerti tentang makna firman Allah yang berbunyi:

يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ ﴿٢٥٣﴾

Ertinya:
"Allah melakukan apa yang dikehendaki-Nya."

(Al-Baqarah: 253)

Dan firman-Nya yang berbunyi:

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

Ertinya:
"Dia (Allah) tidak ditanya tentang apa yang diperbuat-Nya, dan merekalah yang akan ditanya (tentang apa yang mereka perbuat)."

(Al-Anbiya': 23)

Dan firman-Nya:

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٢٩﴾

Ertinya:
"Dan kamu tidak mengendaki (untuk menempuh jalan itu), kecuali apabila dikehendaki oleh Allah Tuhan sekalian alam."

(At-Takwir: 29)

Mereka faham, bahawa Allah berhak melakukan apa yang dihendaki-Nya, bukan apa yang diinginkan oleh makhluk-Nya, dan setiap waktu Dia dalam kesibukan: memberi rezeki, menghidupkan, mematikan dan lain-lain. Dia mendahulukan, mengkemudiankan menghina dan me-muliakan. Memecat, memberi kedudukan, menghidupkan, mematikan, memberi kekayaan atau kemiskinan, memberi ataupun tidak memberi.

Tidak ada tempat di hati kaum ahli tariqah untuk selain Allah. Dia mengubah, mendekatkan dan menjauhkan mereka. Dia juga yang menegakkan, menundukkan, memuliakan, menghinakan, memberi ataupun tidak kepada mereka. Keadaan selalu berubah bagi kaum ahli tariqat, namun mereka selalu menghambakan diri dengan sopan dan menundukkan kepala.

Ya Allah...! Bimbinglah kami untuk bersikap sopan santun kepada-Mu dan kepada makhluk pilihan-Mu. Janganlah Engkau menguji kami dengan bergantung kepada usaha. Tetapkanlah tauhid kami kepada-Mu, tawakkal kami, dan kecukupan kami dengan-Mu, mengembalikan segala keperluan kepada-Mu. Janganlah Engkau menguji kami dengan amal dan ucapan kami dan janganlah Engkau seksa kami kerananya. Kasihanilah kami dan ampunilah segala dosa kami. Amin..!

Tidak ada makhluk di jalan menuju Allah. Tidak ada pula usaha, tiada sesuatu yang telah diketahui dan tiada pula mata angin mahupun pintu, serta tidak ada pula kewujudan para makhluk. Badan bersama dunia, namun hati bersama akhirat dan batin bersama Allah. Batin menghakimi hati. Hati menghakimi nafsu yang baik. Nafsu ini menghakimi badan. Anggota badan menghakimi semua makhluk. Apabila seorang hamba sudah memperolehi hal begini, maka jin, manusia dan malaikat berada di bawah tapak kakinya. Semuanya berdiri, sementara dia duduk dalam majlis kedekatan.

Wahai munafik...! Hal ini tidak terjadi pada dirimu kerana kemu-nafikan dan kepura-puraanmu. Engkau mendidik kiblat tanganmu. Engkau bernasib malang pada dirimu di dunia dan akhirat dan juga pada mereka yang engkau didik serta engkau perintahkan untuk mengikutmu. Engkau

riyak, pembohong dan perampas harta umat manusia. Maka sudah pasti doamu tidak akan terkabul. Dan engkau tidak mempunyai tempat di hati para siddiqin. Allah s.w.t benar-benar telah menyesatkan dirimu secara ilmu-Nya. Apabila debu telah lenyap, maka engkau akan tahu, apakah yang berada di bawahmu itu keledai atau kuda...? Apabila debu telah lenyap, maka engkau akan melihat para wali Allah berada di atas kuda dan kemuliaan, sedangkan engkau berada di atas keldai yang tertinggal di belakang mereka. Engkau ditangkap oleh syaitan dan iblis.

Berusahalah agar pintu kedekatan tidak tertutup dari hati kamu. Fikirkanlah, bahawa kamu tidak mempunyai apa-apa. Bergurulah kamu kepada guru yang pandai tentang hukum Allah dan ilmu-Nya, maka dia akan menunjukkan kepada kamu. Barangsiapa yang tidak pernah melihat orang yang beruntung, maka dia tidak akan beruntung. Barangsiapa yang tidak berguru kepada guru yang pandai dan mengamalkan ilmu, maka dia berasal dari denyut debu, tiada punya penunjuk jalan dan tiada pula ibu. Bergurulah kamu kepada guru yang mempunyai darjat di sisi Allah.

Apabila malam telah menjadi gelap gelita, dan semua makhluk telah tertidur sehingga suara tidak lagi terdengar, maka hendaklah salah seorang daripada kamu bangun, mengambil wuduk, solat dua rakaat dan berdoa: "Ya Allah...! Tunjukkanlah aku kepada seorang hamba daripada hamba-hamba-Mu yang soleh untuk menyampaikan aku kepada keredhaan-Mu dan memperkenalkan kepadaku jalan menuju keredhaan itu."

Ikhtiar adalah pasti. Allah s.w.t. kuasa untuk memberi petunjuk tanpa perantara para Nabi. Fikirkanlah, kamu sama sekali tidak mempunyai sesuatu, bangunlah kamu dari kelalaian. Nabi s.a.w. bersabda:

مَنِ اسْتَغْنَى بِرَأْيِهِ ضَلَّ.

Ertinya:
"Sesiapa yang merasa cukup dengan pendapatnya sendiri, dia akan sesat."

Telitilah olehmu...! Cermin siapa yang engkau pakai dalam agamamu, sebagaimana engkau melihat cermin dan menyamakan wajah zahir, serban dan rambutmu. Jadilah engkau orang yang berakal. Apakah kegilaan ini...? Engkau mengatakan bahawa dirimu tidak memerlukan seorang gurupun, padahal Nabi s.a.w. bersabda:

اَلْـمُؤْمِنُ مِرْآةُ الْـمُؤْمِنِ.

Ertinya:
"Seorang mukmin itu adalah cermin bagi mukmin lainnya."

Apabila iman seorang mukmin telah benar, maka imannya itu menjadi cermin bagi semua makhluk. Mereka dapat melihat bentuk agama mereka dalam cermin ucapannya tatkala melihat dan dekat kepadanya. Apakah kegilaan ini.....? Setiap saat kamu meminta kepada Allah untuk menambah makanan, minuman, pakaian, isteri dan rezeki kamu. Hal-hal seperti itu tidak akan bertambah dan tidak akan berkurang. Andaikata semua orang yang terkabul doanya, apabila berdoa bersama kamu, maka rezekimu tidak akan bertambah, walaupun sedikit dan tidak akan berkurangan walaupun sedikit. Kerana hal ini sudah ditetapkan.

Sibukkanlah diri kamu dengan melaksanakan perintah dan menjauhi larangan. Janganlah kamu sibuk mengenai sesuatu yang telah dipastikan terjadi, sebab Allah menjamin untuk kamu akan terjadinya hal itu. Semua bahagian rezeki akan datang pada waktu yang telah ditetapkan. Baik yang manis, yang pahit, yang kamu sukai dan yang kamu benci.

Kaum ahli tariqat mampu sampai pada tahap di mana mereka tidak perlu meminta mahupun berdoa dengan menadah tangan. Mereka tidak meminta kemaslahatan mahupun menjauhkan bahaya. Hati mereka merasa ada yang memerintah untuk berdoa, adakalanya untuk diri mereka sendiri dan adakalanya untuk semua makhluk. Mereka mengucapkan doa, namun mereka tidak memahaminya.

Ya Allah...! Berilah kami kesopanan terhadap-Mu dalam semua keadaan.

Puasa, solat, zikir dan semua ibadah adalah menjadi amalan seorang mukmin, suatu kebiasaan yang sudah mendarah daging baginya. Kemudian akan datang penjagaan dari Allah pada semua keadaan. Maka dia sama sekali tidak pernah melalaikan hukum walaupun sekejap. Di sebalik itu hukum adalah bagaikan kenderaan yang dinaikinya. Dia berjalan dalam lautan kekuasaan Tuhannya. Dia terus berjalan di sana, hingga dia berhenti di pantai akhirat, pantai lautan rahmat dan hampirnya kepada Allah. Adakalanya dia bersama makhluk dan seringkali dia bersama Khaliq. Dia bersusah payah bersama makhluk dan beristirehat bersama Khaliq.

Celakalah engkau, wahai munafik...! Engkau sama sekali tidak

mempunyai sesuatupun dari hal ini. Celakalah engkau...! Kerana engkau tidak melakukan hal ini dalam urusanmu. Wahai orang-orang yang bertempat di surau-surau atau rumah ibadah, sementara makhluk memenuhi hati mereka. Kamu tidak mendengar seruanku kepada kamu. Apakah kamu pekak....? Berdirilah kamu. Datanglah, tidak ada bahaya yang akan menimpamu. Aku tidak akan memperlakukanmu dan tidak akan berbicara kepada kamu dengan tidak sopan. Aku belas kasihan kepada kamu. sebagaimana Allah merahmatiku dengan izin-Nya. Janganlah kamu menjauhi kekasaran ucapanku. Sebab itu bukan daripadaku. Allah menghendaki aku untuk mengucapkannya.

Wahai hamba....! Kaum ahli tariqat menggabungkan antara terang dengan kegelapan dalam beribadah kepada Allah. Mereka khuatir dan hati-hati. Mereka khuatir pada keburukan pada hujung kehidupan mereka. Mereka bodoh tentang ilmu Allah mengenai mereka dan akhir kehidupan mereka. Maka mereka menemui antara terang dengan gelap kerana susah, sedih dan menangis tatkala melakukan solat, puasa, haji dan semua ibadah. Mereka berzikir kepada Tuhan mereka dengan lisan dan hati mereka. Tatkala mereka sampai di akhirat, maka mereka masuk ke syurga dan melihat Tuhan mereka, Allah akan memuliakan mereka. Mereka memuji-Nya atas dasar hal itu, dan berkata:

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ اَذْهَبَ عَنَّا الْحَزَنَ.

Ertinya:
"Segala puji bagi Allah yang telah menghilangkan duka cita dari kami."

Allah mempunyai beberapa hamba. Mereka ada yang menjadi ustaz, guru, pemimpin, pemerintah dan raja. Mereka berkata: "Segala puji bagi Allah yang telah menghilangkan duka cita dari kami di dunia dan di akhirat."

Apabila hati mereka telah sampai ke pintu Tuhan mereka, mereka menemuinya dalam keadaan terbuka, sementara beberapa tamu berdesakan untuk bertemu dengan mereka. Mereka berdiri, berbaris dan menanti kedatangan hamba-hamba Allah tersebut. Para tetamu itu mengucapkan salam dan menundukan kepala, kemudian mereka masuk ke rumah berhampiran, lalu mereka melihat apa yang belum pernah dilihat oleh mata, belum pernah didengar oleh telinga dan belum pernah terlintas dalam hati seorang anak manusia. Mereka berkata: "Segala puji bagi Allah

yang telah melenyapkan kesusahan jauh dan kesusahan penghalang. Segala puji bagi-Nya, kerana Dia tidak menyibukan kami dengan dunia, akhirat dan makhluk. Segala puji bagi Allah yang telah memilih kami untuk dekat kepada-Nya dan menghilangkan duka cita terputus daripada-Nya, duka cita menyibukan diri dengan lain-Nya. Segala puji bagi Allah yang memberikan kekuatan kepada kami untuk selalu beribadah kepada-Nya."

إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٢٣﴾

Ertinya:
"Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mensyukuri."
(Asy-Syura: 23)

Wahai hamba...! Apabila engkau memantapkan iman, maka engkau akan sampai ke pangkat kewalian, kemudian ke maqam ilmu, kemudian ke maqam fana' terhadap dirimu dan semua makhluk, kemudian ke maqam wujud dengan-Nya, bukan denganmu dan bukan pula dengan mereka. Pada saat itulah, duka-citamu akan hilang. Penjagaan melayanimu, perlindungan mengitarimu, taufiq memberi jalan di depanmu, para malaikat berjalan di sekitarmu, para arwah datang memberikan salam kepadamu, Allah membanggakanmu kepada makhluk, penglihatan-Nya menjagamu dan mengajakmu untuk dekat, tenteram dan bersujud kepada-Nya. Rugilah orang yang tidak mahu berguru kepadaku tanpa ada alasan.

Celakalah engkau...! Engkau memenuhi tempat yang telah aku tempati. Engkau tidak mampu menakdirkan apa yang engkau hasilkan dari desakanmu ini. Kewalian ini turun dari langit ke bumi. Firman Allah s.w.t.:

وَإِن مِّن شَىْءٍ إِلَّا عِندَنَا خَزَآئِنُهُۥ وَمَا نُنَزِّلُهُۥٓ إِلَّا بِقَدَرٍ مَّعْلُومٍ ﴿٢١﴾

Ertinya:
"Dan tiada sesuatupun melainkan pada sisi Kamilah khazanahnya, dan Kami tidak akan menurunkannya melainkan dengan ukuran tertentu."
(Al-Hijr: 21)

Hujan turun dari langit ke bumi, lalu tumbuhlah tanam-tanaman kerananya. Perkara ini turun dari langit ke hati, lalu hati itu tergetar

dan menumbuhkan semua kebaikan. Tumbuhlah rahsia, hikmah, tauhid, tawakkal, munajat dan taqarrub kepada Allah. Hati ini pada akhirnya mempunyai tumbuhan dan buah-buahan. Dalam hati ini ada batu-batu besar dan batu-batu yang halus, tanah tandus, lautan, sungai dan gunung. Hati menjadi tempat berkumpulnya manusia, jin, malaikat dan roh. Perkara kewalian ini di bawah kesedaran, kehendak dan ilmu yang hanya diketahui oleh Allah semata-mata. Hal ini adalah untuk sebahagian kecil dari makhluk-Nya.

Berusahalah kamu agar kamu terjatuh dalam jaringan ucapanku. Aku menunggu salah satu dari kamu terjatuh ke dalamnya. Meja makan hanyalah milik Allah, bukan meja makanku. Turutilah aku, semoga Allah merahmati kamu. Ikutilah aku, sehingga aku membawa kamu ke pintu Allah s.w.t. Kejujuran mengajak kepada Allah dan pembohongan mengajak kepada syaitan. Kebenaran adalah sesuatu dan kebatilan adalah sesuatu. Kedua-duanya tampak jelas bagi seorang bagi mukmin yang melihat dengan cahaya imannya.

Wahai penduduk kota Iraq...! Kamu menganggap bahawa kamu cerdik, padahal kamu belum benar-benar mengenal kebenaran dan kebatilan, yang berbuat benar dan yang berbuat batil. Bahaya pembohongan kamu kembali kepada kamu sendiri. Aku tidak peduli tentang hal itu. Seseorang yang ingin keredhaan Allah, tidak mengharap akan syurga-Nya dan tidak takut kepada neraka-Nya, dia hanya mengharap keredhaan-Nya semata-mata. Dia ingin dekat kepada-Nya dan takut apabila dia jauh daripada-Nya. Engkau adalah orang yang ditawan oleh syaitan, hawa nafsu, harta dan kesenangan. Engkau tidak mempunyai apa-apa. Kalbumu terikat dan engkau tidak mempunyai apa-apa.

Ya Allah...! Selamatkanlah mukmin itu dari tawanan syaitan, dan selamatkanlah kami semua daripadanya. Amin.

Lakukanlah perkara-perkara yang berat dan berpalinglah kamu daripada mengambil kemurahan. Barangsiapa yang sentiasa melakukan kemurahan, dikhuatirkan agamanya akan rosak. Perkara-perkara yang berat adalah untuk para lelaki, sebab hal itu adalah melakukan bahaya, berat dan perintah. Sedangkan perkara-perkara yang murah dan mudah adalah untuk para wanita dan anak-anak, sebab hal itu paling ringan.

Wahai hamba..! Berusahalah kamu agar berada di barisan pertama ketika solat berjemaah. Sebab itu adalah barisan para lelaki dan

orang-orang yang berani. Tinggalkanlah berisan terakhir, sebab itu adalah barisan orang-orang yang penakut. Suruhlah nafsumu untuk melayani dan biasakanlah nafsumu untuk melakukan hal yang berat, sebab nafsu itu mampu menanggung apa yang dibebankan kepadanya. Janganlah engkau mengangkat cemeti, sebab cemeti itu tidur dan menjatuhkan yang dipukul. Janganlah engkau menggertakkan gigimu kepada cemetimu, dan jangan pula engkau memperlihatkan putih kedua-dua matamu kepadanya. Nafsu adalah hamba yang buruk yang tidak pernah melakukan pekerjaan, kecuali dengan cemeti.

Janganlah engkau mengenyangkan nafsumu dengan makanan kecuali apabila engkau yakin bahawa kekenyangan itu tidak menyebabkan nafsumu menjadi jahat dan mampu melakukan amal sebagai imbangan kekenyangan itu.

Imam Sufyan al-Thauri banyak beribadah dan banyak pula makan. Beliau menyatakan, apabila beliau kenyang, maka beliau mampu menyaingi orang Negro dan mengalahkannya. Lalu beliau melakukan ibadah yang sesuai dan sepadan dengan kekenyangan beliau itu.

Diriwayatkan daripada sebahagian ulama tariqat, bahawa beliau berkata: "Aku melihat Sufyan al-Thauri sehingga aku membencinya, kemudian aku melihat beliau solat dan menangis, hingga aku kasihan kepadanya."

Janganlah kamu ikuti Sufyan dalam banyak makannya, tetapi ikutilah dia dalam banyaknya beribadah. Sebab engkau bukanlah Sufyan. Janganlah engkau mengenyangkan nafsumu sebagaimana Sufyan mengenyangkannya, sebab engkau tidak dapat menguasainya sebagaimana dia menguasainya. Berusahalah engkau dalam menjauhi yang haram dan memakan sedikit yang halal. Zuhudlah engkau dari semuanya. Apabila iman dan keyakinanmu kuat. Maka engkau termasuk hamba-hamba Allah.

Apabila engkau benar dalam berzuhud, maka Allah akan memberi dan menumpahkan nikmat-Nya kepadamu. Adakalanya dengan perantara atau menciptakan kenyataan di hatimu. Engkau tidak dipandang sebagai seorang beriman, hingga engkau termasuk ke dalam golongan hamba-hamba Allah, bukan hamba makhluk dan hamba usaha. Bukan pula hamba dunia, nafsu dan syaitan. Bukan pula hamba pangkat di sisi makhluk, terikat oleh menghadap atau tidaknya mereka, pujian atau celaan mereka. Perkara ini tidaklah patut, selama engkau beramal untuk menuju pintu

Allah s.w.t, dengan satu langkah, namun engkau masih menurut hawa nafsumu. Aku melihat engkau terikat oleh makhluk dan ikhtiar untuk selama-lamanya. Sampai bilakah hal ini akan terjadi....? Engkau melihat aku selamat dari keterikatan terhadap makhluk.

Wahai orang-orang yang bodoh...! Bagaimana hatimu dapat melihat Allah s.w.t, sedangkan hatimu itu penuh dengan makhluk...? Bagaimana engkau dapat melihat pintu masjid jami', sementara engkau duduk di dalam rumahmu...? Apabila engkau meninggalkan rumah, isteri dan anak-anakmu, maka engkau dapat melihat pintu masjid jami'. Tatkala engkau meninggalkan semuanya di belakangmu, maka engkau akan melihat hal yang seperti ini.

Selama engkau masih bersama makhluk, maka engkau tidak dapat melihat kepada Allah s.w.t. Selama engkau masih bersama dunia, maka engkau tidak dapat melihat akhirat. Selama engkau masih bersama akhirat, maka engkau tidak dapat melihat Allah, Penguasa dunia dan akhirat. Apabila engkau telah meninggalakan semuanya, maka batinmu akan dapat bertemu dengan Allah s.w.t, bukan dari segi bentuk tetapi dari segi makna. Amalan adalah untuk hati, sedangkan makna adalah batin.

Para kaum ahli tariqat berpaling daripada amal-amal mereka. Mereka melupakan semua kebaikan yang pernah mereka lakukan dan sama sekali tidak menuntut balasan. Maka Allah s.w.t akan menempatkan mereka di dalam syurga sebagai anugerah-Nya. Mereka di dalam syurga itu, tidak mengenal letih dan lesu. Mereka sentiasa berhubungan dan segar bugar. Mereka tidak perlu bekerja dan juga tidak memerlukan wang untuk memenuhi keperluan mereka, sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya, yang berbunyi:

لَا يَمَسُّنَا فِيهَا نَصَبٌ ...

Ertinya:
"Di dalamnya kamu tiada merasa letih dan tiada merasa lesu."

(Fathir: 35)

Sebahagian ulama tafsir berkata bahawa yang dimaksudkan dengan tiada letih dan lesu di atas, ialah keletihan dan kelesuan kerana mencari makanan dan biaya untuk menghidupi ahli keluarga. Syurga adalah anugerah, kebaikan, keleluasan dan kurnia secara keseluruhan tanpa batas. Pusat dari semuanya adalah hatimu kerana Allah, bukan kerana

suatu sebab dari dunia, akhirat dan makhluk-Nya. Adanya hatimu kerana Allah tidaklah benar kecuali setelah kematian dan membuktikannya dengan berzikir kepada-Nya. Apabila engkau berfikir, maka berfikirlah tentang kematian. Apabila engkau mendengar, maka dengarlah kematian. Mengingat mati pada hakikatnya adalah dalam keadaan terjaga yang sempurna, Engkau membenci semua kesenangan dan engkau berhenti pada setiap lubang. Ingatlah kamu akan kematian, sebab kamu tidak mungkin terhindar daripadanya. Apabila hatimu bersih, maka ia akan menjadi lupa kepada yang selain Allah s.w.t.

Apabila hati dalam keadaan bersih, maka ucapannya adalah Khaliq, bukan makhluk. Tidak terdapat seseorang yang keluar dari dunia ini, kecuali yang telah sempurna rezekinya. Maka bertakwalah kamu kepada Allah s.w.t dan hiasilah diri kamu ketika kamu berdoa kepada Allah s.w.t. bukan kepada makhluk. Usaha adalah merupakan penghalang. Semua pintu kerajaan tertutup rapat. Apabila engkau berpaling dari pintu-pintu itu, maka Allah s.w.t. akan membukakan pintu yang engkau ketahui. Pintu batin berjalan menuju tabir. Maka tabir itu terbuka dengan sendirinya tanpa usaha darimu.

Seorang mukmin akan keluar dari nafsunya menuju kepada Tuhannya, melewati batas-batas peraturan agamanya, tidak memohon pertolongan melalui doa dan tidak meminta pertolongan kepada Tuhannya. Namun dia menuturkan dosa-dosanya dan mencaci maki dirinya sendiri. Hinggalah pada waktu dia selesai melakukan hal itu, maka dia kembali kepada takdir dan pasrah dalam hati. Tatkala dia dalam keadaan seperti itu, tiba-tiba dia melihat sebuah pintu terbuka.

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ﴿٢﴾

Ertinya:
"Dan barangsiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Dia akan mengadakan jalan keluar baginya."

(At-Thalaq: 2)

Allah mengujinya, supaya melihat apa yang dia perbuat, sebagaimana firman-Nya:

وَبَلَوْنَٰهُم بِٱلْحَسَنَٰتِ وَٱلسَّيِّـَٔاتِ ...

Ertinya:

"Dan Kami menguji mereka (dengan nikmat) yang baik-baik dan (dengan bencana) yang buruk-buruk."

(Al-A'raf: 168)

Hati seorang anak manusia berisikan kebaikan dan keburukan, keagungan dan kehinaan, kekayaan dan kemiskinan. Sehingga apabila dia mengagungkan nikmat Allah s.w.t dengan cara bersyukur, iaitu dengan cara melakukan ibadah, maka lisannya tidak bergerak. Dan apabila dia sedang tertimpa musibah dan dia bersabar, maka dia akan mengakui beberapa dosa dan kesalahan. Sehingga berakhirlah langkah kebaikan dan langkah keburukan Tatkala manusia berada di depan pintu Allah s.w.t, maka dia melangkah dengan langkah syukur, sabar dan taufiq. Dia melihat pintu Allah s.w.t. Di sana dia melihat apa yang belum pernah terlintas di dalam akal fikiran manusia.

Kebaikan dan keburukan menjadi lenyap. Sebagai gantinya adalah bercakap-cakap. Wahai orang-orang Iraq...! Apakah hal ini masuk akal menurut engkau...? Wahai unta penggerak pengisar tepung...! Wahai orang yang bodoh...! Engkau duduk dan berdiri tanpa keikhlasan. Engkau melakukan solat kerana manusia. Engkau melakukan puasa sementara kedua-dua matamu memandang ke arah makanan yang ada di pinggan dan rumah mereka.

Wahai orang yang keluar dari umat manusia...! Wahai orang yang menjauhi sifat para siddiqin dan para wali...! Apakah engkau tidak tahu bahawa aku adalah pemimpin, pemimpin perjalanan dan pendidik kamu semua. Berusahalah engkau dengan sekuat tenagamu. Putuskanlah kekuasaanmu dari diriku. Hunuslah pedangmu atas dasar perintahku. Engkau tidak mempunyai landasan tempat berpijak sama sekali.

Wahai orang bodoh yang hina...! Akulah yang memintal talimu. Aku menasihatimu dan kasihan kepadamu. Aku merasa khuatir, andainya engkau dirimu mati dalam keadaan kafir zindiq, riya' dan ahli berbohong. Engkau akan diseksa di dalam kuburmu seperti orang munafik. Kurangkanlah apa yang ada pada dirimu. Buangkanlah daripada dirimu daripada semua pakaian keduniaan dan keangkuhan, kemudian pakailah pakaian tazwa, kerana pakaian yang baik itu adalah pakaian takwa. Sebentar lagi engkau akan mati. Tidak ada permusuhan antara aku dengan engkau. Engkau akan ingat apa yang aku katakan padamu.

Melihat orang soleh bererti tahu keadaannya. Barangsiapa yang mengenal Allah, maka akan kelulah lidahnya, dia berkata dengan lidah itu dan memerlukannya.

Pada waktu aku masih kecil di kampungku, aku mendengar seseorang berkata kepadaku: "Wahai anak yang diberi keberkatan," lalu aku lari dari suara itu. Pada waktu aku menyendiri, aku mendengar seseorang yang berkata kepadaku, katanya: "Aku melihat engkau mempunyai keistimewaan. Apabila engkau menginginkan keuntungan, maka hendaklah engkau menjadi muridku....!."

Apabila engkau melihat seseorang berlari menjauhiku, maka yakinlah bahawa dia seorang yang munafik. Apabila seorang mukmin memejamkan kedua-dua mata kepalanya, maka terbukalah kedua-dua mata hatinya. Dia dapat melihat apa yang terdapat di sana. Apabila seorang mukmin memejamkan kedua-dua mata hatinya, maka dia dapat melihat Allah s.w.t. kerana kedua-dua mata batinnya terbuka. Dia juga dapat melihat takdir Allah s.w.t. kepada makhluk-Nya. Maka Allah s.w.t. berfirman kepadanya, sebagaimana Dia berfirman kepada Nabi Musa:

إِنِّى ٱصْطَفَيْتُكَ عَلَى ٱلنَّاسِ بِرِسَـٰلَـٰتِى وَبِكَلَـٰمِى ...

Ertinya:
"Sesungguhnya Aku memilih (melebihkan) kamu daripada manusia yang lain (pada masamu) untuk membawa risalah-Ku untuk berkata-kata secara langsung dengan-Ku."

(Al-A'raf: 144)

Aku mendekatkanmu pada-Ku. Tatkala engkau menggembala kambing, maka salah satu dari kambing itu terlepas. Kemudian engkau mengejarnya hingga engkau dapat menangkapnya kembali, sedangkan engkau dan kambing yang terlepas itu sudah sama-sama keletihan. Kemudian engkau memeluknya dan berkata: "Engkau meletihkan dirimu dan aku".

Ubat untuk seseorang yang terhalang dari Tuhannya adalah berfikir tentang sebab yang menyebabkan hal itu, melakukan taubat dan patuh di hadapan-Nya. Orang-orang yang terjaga dari segala penjuru tidak mempunyai hak cipta dalam tariqat. Tidaklah engkau mempunyai hak hingga engkau melalui batu yang keras, tanah yang tandus, daratan dan lautan ilmu serta pantainya.

Kaum ahli tariqat tidak mengenal malam mahupun siang. Makan mereka adalah makan orang sakit. Tidur mereka adalah seperti tidur orang tenggelam. Ucapan mereka terjadi kerana terpaksa. Barangsiapa yang mengetahui tentang Allah, maka akan kelulah lidahnya. Namun apabila Dia menghendaki, maka Dia akan membangkitkan lisan itu, menghendaki lisan mengucap tanpa alat, tanpa urutan, tanpa berhenti dan tanpa sebab. Tidak ada perbezaan antara lisan dan jari-jarinya. Maka tidak ada halangan, ikatan, pintu, izin, meminta izin, pelantikan, pemecatan, syaitan, sultan, pengawal, hati dan hujung jari.

Kemudian beliau (Syeikh) mengatakan, bahawa orang-orang yang tidak hadir hari itu adalah orang yang rugi. Mereka tidak hadir pada langkah yang pertama dan kedua. Adapun langkah pertama adalah keluar dari perwujudan mereka dan yang kedua adalah Nikmat-Nya.

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢﴾

Ertinya:
"Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam."

(Al-Fatihah: 2)

Dan berdiri di pintu

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾

Ertinya:
"Hanya kepada Engkau kami menyebah dan kepad-Mu kami meminta pertolongan."

(Al-Fatihah: 5)

Tatkala melihat-Nya

وَٱسْجُدْ وَٱقْتَرِب ۩ ﴿١٩﴾

Ertinya:
"Dan sujudlah, dan dekatkanlah (diri kepada Tuhan)."

(Al-'Alaq: 19)

Setelah melihat-Nya, janganlah engkau menisbatkan nikmat kepada lain-Nya. Jika demikian sikapmu, maka engkau sudah menjadi musyrik. Engkau mengubah nikmat yang diberikan Allah, maka Allah mengubah

apa yang terdapat pada dirimu, iaitu nikmat. Putuskanlah tali pinggangmu dan kembalilah. Engkau tidak dipandang melalui zahirmu sehingga engkau bertaubat melalui batinmu dan mencapai keredhaan Allah.

Wahai hamba...! Wahai hamba yang hina....! Kenabian datang kepada Nabi s.a.w, lalu baginda merahsiakannya selama beberapa tahun. Sebahagian kenabian itu menghilangkan sebahagian lainnya, sehingga dikatakan kepada baginda:

بَلِّغْ مَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ۖ ...

Ertinya:
"Sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu."
(Al-Maidah: 67)

Engkau melihat sesuatu, lalu engkau menampakkannya dan tidak engkau sembunyikan. Engkau memperolehi sebuah bungkusan yang jatuh dari atas rumahmu. Lantas engkau membuka pintu dan berkata: "Belilah...!" Padahal besar kemungkinan bungkusan itu adalah milik tetanggamu. Pinjaman dan titipan ada empat macam yang menyebabkan kebersihan hati, iaitu:

1. Melihat makanan.
2. Sentiasa beribadah.
3. Menjaga kehormatan.
4. Meninggalkan semua yang menghalang kita untuk melakukan ibadah.

Adapun mengenai melihat makanan, engkau tidak mempunyai apa-apa dalam hal ini. Ini dapat dianggap sah hanya apabila engkau bersikap warak yang sesungguhnya, berdiri di hadapan-Nya dan bersumpah kepada Allah untuk menjaga agama. Seorang mukmin itu akan berhenti dahulu sebelum makan dan minum Dia meminta izin dari al-Kitab dan al-Sunnah. Sehingga tatkala dia dekat kepada Tuhannya, lalu memerintah dengan perintah-Nya dan melarang dengan larangan-Nya, maka dia mengetahui dengan ilmu-Nya menolong dengan pertolongan-Nya.

Perbaharuilah perjanjian kamu dengan-Nya sebelum datang kematian. Kamu akan tahu apabila debu telah lenyap, wahai orang-orang yang bodoh dan lupa akan Allah.

وَلَتَعۡلَمُنَّ نَبَأَهُۥ بَعۡدَ حِينِۢ ﴿٨٨﴾

Ertinya:
"Dan sesungguhnya kamu akan mengetahui (kebenaran) berita al-Quran selepas ini."

(Sad: 88)

Ada seseorang bertanya kepada beliau: "Nafsu itu khianat. Bagaimana saya puas dengan fatwanya.....?" Beliau menjelaskan bahawa seseorang itu hendaklah memerangi nafsu itu sampai ia mati. Kemudian hidup-kanlah ia dengan bentuk lain, iaitu dengan memahami ilmu fiqh, ilmu tauhid, tenang dan menutup pintu syahwatnya. Tahanlah nafsu itu dari keinginannya. Sehingga apabila dia telah kurus, maka kembalilah keinginannya kepada batin, dan ia akan berubah menjadi hati. Batin berbicara dengan batin, sedangkan zahir berbicara dengan zahir. Adapun yang dimaksudkan dengan berbicara dengan kebenaran, ialah bahawa. ucapannya hanya tertuju pada hati. Seperti biji-bijian di tanah yang gembur subur dan tidak lembab, sudah pasti ia akan tumbuh.

Apabila hati sudah bersih, maka ia akan menjelma menjadi pohon yang mempunyai dahan, daun serta buah. Doa bermanfaat bagi makhluk. Apabila hati tidak bersih, maka ia tak ubahnya bagaikan hati binatang, yang hanya mempunyai bentuk tanpa hakikat, yang hanya mempunyai tempat tanpa isi.

Manusia, jin dan malaikat adalah pohon tanpa buah, sangkar tanpa burung, rumah tanpa penghuni. Harta simpanan yang berupa dinar dan mutiara tanpa ada yang menafkahkan. Jasad tanpa nyawa. Seperti jasad-jasad yang diubah menjadi batu, yang hanya mempunyai bentuk tanpa hakikat. Hati yang berpaling dari Allah dan mengkufuri-Nya adalah diubah wujudnya. Oleh kerana itulah, Allah s.w.t. menyamakannya dengan batu. Dia berfirman:

ثُمَّ قَسَتۡ قُلُوبُكُم مِّنۢ بَعۡدِ ذَٰلِكَ فَهِيَ كَٱلۡحِجَارَةِ أَوۡ أَشَدُّ قَسۡوَةٗ ...

Ertinya:
"Kemudian setelah itu, hatimu menjadi keras seperti batu, bahkan

lebigh keras lagi."

(Al-Baqarah: 74)

Tatkala Bani Israil tidak mengamalkan kitab Taurat, maka Allah s.w.t mengubah hati mereka menjadi batu dan mengusir mereka dari pintu-Nya.

Wahai umat Muhammad...! Kamu juga demikian. Apabila kamu tidak mengamalkan semua isi dari al-Quran dan menggunakan al-Quran sebagai dasar segala hukum, maka Allah s.w.t akan mengubah hati kamu dan mengusir hati kamu dari pintu-Nya. Janganlah kamu menjadi seperti kaum Bani Israil dan mengusir hati kamu dari pintu-Nya. Janganlah kamu menjadi sebahagian manusia yang termasuk ke dalam golongan orang-orang yang disesatkan oleh Allah s.w.t kerana ilmu.

Apabila engkau mengaji kerana Allah, maka engkau juga beramal kerana Allah s.w.t. Apabila engkau mengaji kerana harta, maka engkau juga beramal kerana harta. Apabila engkau mengaji kerana akhirat, maka engkau juga beramal kerana akhirat. Bahagian tergantung pada pokok. Bayaran sama dengan pinjaman. Setiap bekas akan basah oleh air yang terdapat di dalamnya. Engkau menuangkan minyak tanah ke dalam bekasnya, tetapi engkau menghendaki bekasmu itu memercikkan air bunga mawar.

Engkau tidak mempunyai kemuliaan. Engkau melakukan amalan di dunia kerana harta dan kerana orang-orang yang kaya, sedangkan engkau menghendaki agar engkau selamat di akhirat. Kelak di akhirat, engkau tidak akan mempunyai kemuliaan. Engkau melakukan amalan kerana makhluk, sementara engkau menghendaki agar engkau dekat kepada Allah s.w.t di akhirat dan dapat melihat Allah s.w.t. Engkau tidak mempunyai kemuliaan. Inilah hal yang jelas dan paling banyak terjadi.

Apabila Allah Taala memberimu anugerah tanpa engkau melakukan amalan, maka itu terserah kepada Allah s.w.t. Taat beribadah adalah amal syurga dan maksiat adalah amal neraka. Setelah itu semua diserahkan kepada-Nya s.w.t. Kalau Allah Taala menghendaki, maka Dia s.w.t memberikan pahala kepada salah satu di antara kita tanpa dia melakukan amal, atau menyiksa salah satu di antara kita tanpa dia melakukan dosa. Maka semua itu diserahkan kepada-Nya.

فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٠٧﴾

Ertinya:
"Maha Pelaksana terhadap semua yang dikehendaki-Nya."

(Hud: 107)

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

Ertinya:
"Dia tidak ditanya tentang apa yang dilakukan-Nya, dan merekalah yang ditanya (tentang apa yang mereka lakukan)."

(Al-Anbiya': 23)

Andaikata Allah s.w.t. memasukkan salah satu dari para Nabi dan orang soleh ke dalam neraka, maka Dia s.w.t. tetap dalam keadilan-Nya. Hal itu adalah alasan atau hujjah yang sempurna. Kita diwajibkan untuk mengatakan bahawa Allah itu Maha Benar, dan kita dilarang mempersoalkan perbuatannya dengan mengatakan "mengapa" dan "bagaimana"

Sikap seperti ini boleh saja terjadi. Apabila hal itu terjadi, maka ia terjadi kerana keadilan Allah s.w.t. Tetapi hal tersebut tidak akan terjadi. Dengarkanlah ucapanku dan fikirkanlah, sebab aku adalah pemuda. Aku berdiri di hadapan mereka, memamerkan perkakas mereka, aku berseru agar mereka berkumpul untuk melihat perkakas mereka itu, aku tidak berkhianat kepada mereka di dalam perkakas itu dan aku tidak menganggapnya sebagai milik untuk selamanya dengan ucapan mereka. Aku datang dari sisi mereka dan barakah datang dari Allah s.w.t. Allah s.w.t menjadikan aku sebagai orang yang pandai, kerana berkat mengikut jejak dari Nabi s.a.w, dan aku berbuat kebaikan kepada kedua-dua orang tuaku, semoga Allah s.w.t memberikan rahmat kepada kedua-duanya.

Orang yang melakukan zuhud dari harta, sedangkan dia kuasa untuk memperolehinya maka aku setuju kalau dia melakukan itu dan aku redha terhadap segala perbuatannya.

Kedua-dua orang-tuaku adalah orang-orang soleh, taat beragama, dan belas kasihan kepada umat manusia. Aku tidak berkewajipan sesuatu dari mereka dan tidak pula dari makhluk. Aku mendatangi utusan dan tujuan utusan itu. Aku memperolehi mereka semua. Semua kebaikan dan kenikmatanku adalah bersama mereka dan pada mereka. Aku hanya mengharapkan Nabi s.a.w daripada semua makhluk. Dan aku hanya

mengharapkan Allah daripada Tuhan-tuhan sembahan manusia dungu.

Wahai orang yang pandai, ucapanmu itu keluar dari lisanmu, bukan dari hatimu, dari bentukmu bukan maknamu. Hati yang bersih akan berlari dari ucapan yang keluar dari lisan, bukan dari hati. Tatkala dia mendengar, dia seperti burung dalam sangkar dan orang munafik dalam masjid. Apabila ada seorang daripada golongan siddiqin kebetulan turut serta dalam sebuah majlis orang-orang munafik, maka harapannya adalah keluar dari majlis itu.

Kaum ahli tariqat mempunyai beberapa alamat di hadapan orang-orang munafik yang riyak dan berbohong, di hadapan musuh-musuh Allah dan Rasul-Nya. Alamat munafik itu adalah pada wajah dan ucapan mereka. Mereka menjauhi ucapan para siddiqin sebagaimana seseorang melarikan diri dari harimau. Mereka khuatir apabila terbakar oleh hati para siddiqin itu. Para malaikat mengusir mereka dari para siddiqin.

Salah satu dari orang-orang kelebihan soleh adalah orang besar menurut orang awam. Namun menurut para siddiqin dia adalah hina. Menurut orang awam dia adalah anak manusia dan menurut siddiqin adalah kucing. Tidak ada harga diri baginya pada hati mereka. Salah satu orang siddiqin melihat dengan Nur Allah, bukan nur kedua-dua matanya dan juga tidak nur matahari dan rembulan. Ini adalah Nur Allah yang menyeluruh. Dia juga mempunyai nur khusus yang diberikan oleh Allah kepadanya. Nur ini diperolehi adalah setelah memantapkan hukum, iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Dia mengamalkan kedua-duanya, lantas Allah berkenaan memberikan nur ilmu kepadanya.

Ya Allah...! Berilah kami kebijaksanaan-Mu, ilmu-Mu dan kedekatan kepada-Mu.

Wahai orang-orang munafik...! Semoga Allah tidak memberkati kamu dalam kebanyakan kamu. Semua kesibukan kamu adalah untuk meramaikan apa yang terjadi antara kamu dan para makhluk serta merosak apa yang ada di antara kamu dengan Allah.

Ya Allah...! Berilah aku kekuasaan atas diri mereka, sehingga aku dapat membersihkan bumi ini dari mereka.

Alamat orang munafik pada zaman ini adalah tidak mahu masuk rumahku dan tidak mahu memberi salam kepadaku apabila bertemu denganku. Apabila dia melakukannya, maka hal itu merupakan

keterpaksaan dari dirinya. Agama ini akan dirosak. Dikhuatiri akan roboh tiang-tiangnya. Ya Allah...! Berilah kami penolong untuk mendirikannya.

Wahai orang-orang munafik...! Apakah yang ada pada tangan kamu...? Kamu tidak mempunyai kemuliaan, sehingga tangan kamu tegak. Bagaimana kamu mendirikan bangunan, sedangkan kamu tidak mempunyai tukang dan peralatan...? Wahai orang-orang bodoh...! Tegakkanlah tembok-tembok agama kamu, kemudian tegakkanlah bangunan orang lain. Apabila kamu memusuhiku, maka aku memusuhi kamu kerana Allah dan Rasul-Nya, sebab aku menolong agama-Nya. Janganlah kamu bersikap jahat, sebab Allah sentiasa akan menang atas semua urusan-Nya.

Para saudara Nabi Yusuf a.s berusaha sekuat tenaga untuk membunuh beliau, namun mereka tidak kuasa. Bagaimana mungkin mereka mampu melakukannya, sedangkan Nabi Yusuf itu adalah raja yang mentaati Allah., seorang Nabi dan orang yang sidiq.

Wahai orang-orang munafik zaman ini...! Kamu mahu untuk menghancurkan aku. Kamu tidak mempunyai kemuliaan. Tangan-tangan kamu tidak mampu melakukan hal itu. Andaikata tidak ada hukum, maka aku mencela kamu satu persatu. Hukum adalah dasar segala sesuatu, tatkala berdiri bersama hukum dan bersama ilmu.

Para kaum ahli tariqat tidak takut kepada makhluk. Mereka berada dalam perlindungan dan penjagaan-Nya. Mereka tidak mempedulikan musuh-musuh mereka, sebab sebentar lagi mereka akan melihat tangan musuh mereka itu terpotong-potong, demikian juga kaki dan lisan mereka. Mereka yakin dan keyakinan mereka sungguh mantap, bahawa semua makhluk adalah lemah dan tiada berdaya. Tidak ada kebinasaan pada diri mereka, tidak ada kekuasaan, tidak ada kekayaan yang berman-faat bagi mereka, tidak ada kemiskinan, tidak ada bahaya, tidak ada manfaat dan tidak ada kerajaan bagi mereka melainkan Allah semata-mata. Tidak ada yang berkuasa selain Dia. Tidak ada yang memberi, mencegah, memberi kemanfaatan mahupun kemudaratan selain Dia. Mereka terlepas daripada dosa syirik. Mereka adalah pilihan Allah, tenteram kerana-Nya dan tenang bersama-Nya. Mereka bersenang-senang dengan rahmat-Nya dan menyembah-Nya. Mereka tidak peduli, apakah dunia wujud ataukah tidak. Akhirat ada atau tidak. Kebaikan dan keburukan itu ada atau tidak.

Pada awalnya, mereka memaksakan diri untuk membenci harta,

semua makhluk dan kesenangan. Tatkala mereka selalu melakukannya, maka Allah menjadikan pemaksaan mereka itu sebagai perangai dan anugerah. Zuhud menjadi zuhud dan watak menjadi watak. Belajarlah kamu dari mereka. Paksalah diri kamu untuk beribadah, tinggalkanlah maksiat dan semua kemungkaran. Maka keterpaksaan itu akan berubah menjadi kebiasaan. Berusalah kamu untuk memahami firman Tuhan kamu, amalkanlah dan ikhlaslah kamu dalam beramal.

Wahai hamba...! Engkau adalah hamba nafsu dan kesenangan. Engkau duduk bersama wanita bukan mahram dan anak-anak, lalu engkau mengatakan bahawa engkau tidak mempedulikan mereka. Engkau adalah pembohong. Perbuatanmu itu tidak diredhai oleh agama mahupun akal. Engkau menggabungkan neraka dengan api, kayu bakar dengan kayu bakar yang lain. Maka pastilah iman dan agamamu terbakar. Agama mengingkari hal seperti ini seluruhnya, tanpa kecuali.

Apabila iman dan kewalian serta taqarrub kepada Allah telah dicapai, maka jadilah dia doktor bagi makhluk, sebagai khalifah Allah di permukaan bumi.

Aduh...! Aku sungguh kasihan kepada kamu...! Bagaimana engkau menyentuh ular dan menciumnya, sementara engkau tidak tahu perbuatan pawang ular dan tidak memakan ubat penawar racun....? Engkau buta, bagaimana engkau mampu mengubati mata umat manusia...? Engkau bisu, bagaimana engkau dapat mengajar orang lain berkata-kata...? Engkau bodoh, bagaimana engkau dapat menegakkan agama....? Orang yang bukan pengawal, bagaimana mungkin ia sampai ke pintu baginda...? Engkau bodoh tentang Allah, kekuasaan-Nya, kedekatan kepada-Nya dan siasat-Nya terhadap makhluk. Apakah yang tidak masuk akal bagiku dan apakah yang masuk akal bagi kamu....? Apakah yang dapat aku fahami dan apa pula yang dapat kamu fahami...? Tiada yang tahu takwilannya, melainkan Allah.

Dengarkanlah dan terimalah apa yang aku katakan, sebab aku adalah juru dakwah-Nya dan wakil utusan-Nya pada kamu. Aku menganggap makhluk tidak tahu malu dalam agama. Aku tidak malu kepada kamu di sisi Allah dan Nabi s.a.w. Aku adalah orang yang bekerja kerana-Nya. Kedudukanku berada di sisi-Nya dan dinisbatkan kepada-Nya.

Dunia ini fana' dan ia akan lenyap. Dunia adalah tempat cubaan dan malapetaka. Tidak ada seorangpun yang berkehidupan makmur di dunia,

apalagi jika dia tahu tentang hikmah. Sebagaimana dikatakan, bahawa mata seorang ahli hikmah tidak akan sejuk kerana dunia. Demikian pula mata seseorang yang ingat akan kematian.

Bagaimana mungkin seseorang itu akan merasa tenang dan dapat melelapkan matanya, sedangkan ia sedang berada dekat harimau yang sedang membuka mulutnya...? Wahai orang-orang yang lupa...! Ingatlah kamu, bahawa kubur sentiasa membuka mulutnya, menunggu kedatangan kamu. Haiwan buas dan ular kematian juga sentiasa membuka mulut mereka. Pembuli Ilahi membawa pedang di tangannya, menanti keputusan. Dari satu juta orang ada seseorang yang ahli hikmah dan sentiasa ingat, tidak pernah lupa walau sesaatpun.

Pada awal mulanya, engkau wajib mempunyai pekerjaan yang engkau jadikan sebagai jalan hidupmu, sehingga imanmu menjadi kuat. Apabila engkau selalu seperti ini, maka Allah akan mengeluarkanmu menuju tawakkal. Dia akan memberi makan kepadamu tanpa engkau berusaha. Wahai orang yang menyekutukan usahanya, andaikata engkau pernah merasakan makan dengan tawakkal, maka engkau tidak akan musyrik dan selalu berdiri di depan pintu-Nya, tawakkal dan percaya kepada-Nya. Aku tidak mengenal makan, kecuali dengan dua hal. Adakalanya dengan usaha atau tawakkal.

Aduhai..! Aku sungguh kasihan kepada kamu...! Engkau tidak malu kepada Allah s.w.t. Engkau meninggalkan pekerjaanmu dan memakan harta makhluk. Usaha adalah langkah awal, sedangkan tawakkal adalah puncak. Aku tidak melihat permulaan mahupun akhir pada dirimu. Aku mengatakan kebenaran kepadamu. Aku tidak malu kepadamu. Dengarkanlah ucapanku dan terimalah. Janganlah engkau membantah sebagaimana engkau membantah kepada Allah s.w.t. Aku manusia paling zuhud di antara kamu daripada apa yang ada pada kamu, baik pujian mahupun celaan kamu. Apabila aku mengambil sesuatu dari kamu, maka aku akan mengambilnya untuk orang lain, bukan untuk diriku sendiri. Ucapanku adalah pukulan bagi kamu, bukan melindungi kamu. Aku diperintah untuk mengatakannya dengan cara yang telah aku ketahui dan aku memastikan kebenarannya. Tiada seorang juapun yang mampu menyalahi mahupun menghalang hukum Allah.

Aduhai..! Aku sungguh kasihan kepada kamu...! Janganlah engkau sampai terpengaruh oleh ucapan manusia. Tetapi hendaklah engkau tahu

apa yang ada pada dirimu. Allah s.w.t. berfirman:

بَلِ ٱلْإِنسَٰنُ عَلَىٰ نَفْسِهِۦ بَصِيرَةٌ ﴿١٤﴾

Ertinya:
"Bahkan manusia ini (kelak) akan menjadi saksi terhadap dirinya sendiri."

(Al-Qiyamah: 14)

Aku tidak menganggapmu baik di mata orang awam dan tidak menganggapmu buruk di mata orang-orang khusus. Wahai orang-orang yang mencintai harta dan gembira kerananya, sementara mereka mengaku berakal dan pandai. Apakah kamu tidak mendengar firman Tuhan kamu, yang berbunyi:

ٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّمَا ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهْوٌ وَزِينَةٌ ...

Ertinya:
"Ketahuilah, bahawa sesungguhnya kehidupan dunia itu hanyalah permainan, sesuatu yang melalaikan dan perhiasan belaka."

(Al-Hadid: 20)

Permainan, hiburan dan perhiasan adalah untuk anak-anak yang bodoh, bukan untuk para lelaki yang cerdik. Adakalanya aku memberitahu kepada kamu, bahawa semua itu adalah untuk orang-orang bodoh yang cacat akalnya. Adakalanya aku memberitahu kamu, bahawa engkau tidak tercipta untuk bermain-main. Orang yang menyibukkan diri dengan urusan dunia adalah orang yang bermain-main dan merasa puas dengan dunia itu tanpa akhirat. Dia puas dengan sesuatu yang tidak bermakna. Semua apa yang diberikan oleh dunia kepadamu adalah ular, kalajengking dan racun, apabila kamu mengambilnya dengan dasar nafsu dan kesenanganmu.

Sibukkanlah diri kamu dengan akhirat dan kembalilah kamu kepada-Nya. Kemudian ambillah apa yang datang kepada kamu dari anugerah-Nya. Berfikirlah kamu tentang dunia dan akhirat dan bandingkanlah antara kedua-duanya. Apapun yang telah engkau pelajari, maka aku mempunyai yang lebih banyak daripada hal itu. Tanamanku telah besar dan indah, sedangkan tanamanmu setiap kali tumbuh, akan terbakar.

Jadilah engkau orang yang dapat berfikir. Tinggalkanlah kekuatanmu

dan datanglah engkau ke sini. Duduklah sebagaimana salah seorang dari kumpulan jemaah ini, sehingga padiku telah tumbuh dalam bumi hatimu. Andaikata engkau mempunyai akal, tentu engkau berguru kepadaku dan engkau puas hanya dengan sesuap nasi dariku setiap hari, serta engkau sabar menerima kekasaran ucapanku. Setiap orang yang mempunyai iman, maka ia akan tetap dan menjadi lebih baik. Dan yang tidak mempunyai iman, maka ia akan lari daripadaku.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:

"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Majlis 62

Esakanlah Allah Dan Berpalinglah Daripada Patukan Dunia

Disampaikan Al-Sayyid Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Al-Jailani, di Madrasah al-Ma'murah, hari Jumaat, Akhir Rajab, 546H.

ESAKANLAH Allah s.w.t, sehingga tidak ada sedikitpun dalam hatimu yang tersisa dari makhluk. Engkau tidak melihat rumah mahupun beberapa rumah, melainkan semuanya dijalinkan oleh Tauhid. Semua ubat ada dalam tauhid, mengesakan Allah dan berpaling dari ular dunia. Larilah engkau dari ular ini hingga pawang ular datang kepadamu, lalu dia mencabut gigi gerahamnya, membuang racunnya, mendekatkanmu kepadanya dan memberitahu perbuatannya kepada ular itu dan menyerahkannya kepadamu, namun ular sudah tidak berbahaya lagi. Maka engkau mengurusnya, sedangkan ular itu tidak kuasa meng-gigitmu.

Apabila engkau mencintai Allah dan Allah mencintaimu, maka Dia akan menjauhkanmu dari kejahatan harta, kesenangan dunawi, hawa nafsu dan syaitan. Dengan demikian, engkau dapat mengambil bahagianmu dengan aman. Wahai orang yang mengaku tanpa ada bukti...! Sudah berapa kalikah engkau mengakui bahawa kamu mengesakan Allah, sedangkan engkau adalah seorang musyrik...? Engkau memperkirakan, bahawa engkau keluar bersama aku pada suatu malam dengan berjalan kaki di tempat-tempat yang seram. Aku tanpa senjata dan engkau memegang senjata. Kemudian engkau berfikir, siapa yang ketakutan, engkau ataukah aku...? Siapa yang masuk di bawah lakaran akhirat, aku ataukah engkau? Engkau terdidik dalam kemunafikan, sementara aku terdidik dalam keimanan.

Wahai kaum ahli tariqat...! Kamu berlari di belakang dunia, hingga dunia itu menjadi harapan kamu. Sementara dunia itu berlari di belakang para wali Allah, hingga ia diberikan kepada mereka. Dunia berdiri di hadapan mereka dengan menundukkan kepala. Pukullah nafsumu dengan pedang tauhid dan pakaikanlah kepadanya perisai tauhid. Berikanlah kepadanya tombak untuk memerangi hawa nafsu, perisai takwa dan senjata keyakinan. Adakalanya dengan menusuk dan adakalanya pula dengan memukul. Nafsu selalu demikian hingga ia hina di matamu dan engkau mengendalikannya dengan tanganmu.

Engkau membawa pergi dunia itu, baik di darat mahupun di laut. Maka engkau akan dibanggakan oleh Allah s.w.t. Lalu datanglah orang-orang yang tetap bersama nafsu-nafsu mereka dan tidak selamat dari dunia itu.

Barangsiapa yang mengenal nafsunya dan mampu mengalahkannya, maka jadilah nafsu itu kenderaanya. Apabila sudah demikian, maka nafsu itu akan membawakan bebanmu dan tidak menderhakaimu. Engkau sama sekali tidak mempunyai kebaikan, sehingga engkau mengenal nafsumu, mencegah bahagiannya dan memberikan haknya. Maka nafsu itu akan tenang menuju hati. Hati tenang menuju batin, manakala batin tenang menuju Allah s.w.t.

Janganlah kamu berhenti daripada memerangi nafsu kamu. Janganlah kamu tertipu oleh kecerdikannya. Janganlah kamu tertipu oleh sikapnya yang berpura-pura tidur. Janganlah kamu tertipu oleh haiwan buas yang berpura-pura tidur. Haiwan itu memperlihatkan kepada kamu bahawa ia tidur, padahal ia menunggu kesempatan yang baik untuk menerkammu. Nafsu ini memperlihatkan ketenangannya, hina, rendah diri dan setuju untuk kebaikan, padahal ia menyimpan kebalikan dari itu. Berhati-hatilah terhadap kebaikan yang datang daripadanya setelah itu.

Kaum ahli tariqat mempunyai kesibukan yang menjauhkan mereka dari makhluk. Namun mereka dipaksa untuk memandang ke arah makhluk itu dan duduk bersama mereka, untuk memerintah dan melarang mereka. Perumpamaan kaum yang hidup bersama orang yang banyak adalah kaum yang ingin untuk melalui lautan menuju seorang raja. Sebahagian daripada mereka mengetahui jalan menuju baginda, sehingga mereka dapat menyeberangi lautan itu. Dan tatkala mereka berhasil sampai di dekat baginda, maka raja itu melihat sebahagian kaum itu tidak tentu arah dan hampir tenggelam. Mereka tidak mengetahui jalan yang dilalui oleh

orang-orang yang sudah mendahului mereka untuk sampai di hadapan raja. Maka raja memerintah mereka yang telah sampai kepadanya untuk meninjau mereka agar memberitahu jalan yang mereka lalui. Kemudian datanglah mereka yang diperintah oleh baginda di atas perahu dan berseru kepada mereka untuk menunjukkan jalan yang sudah mereka lalui. Mereka yang diperintah raja itu akhirnya menunjukan jalan kepada mereka. Tatkala mereka dekat kepada orang-orang utusan raja itu, maka orang-orang yang menjadi utusan raja itu memegang tangan mereka. Semuanya ini berdasarkan kepada firman Allah Taala yang berbunyi:

وَقَالَ ٱلَّذِىٓ ءَامَنَ يَٰقَوْمِ ٱتَّبِعُونِ أَهْدِكُمْ سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ﴿٣٨﴾

Ertinya:
"Orang-orang yang beriman itu berkata, 'Wahai kaumku, ikutlah aku, aku akan menunjukkan kepadamu jalan yang benar.'"

(Al-Mukmin: 38)

Orang-orang yang pandai daripada kamu, tidak merasa bahagia kerana harta, anak, isteri, makanan, pakaian, kenderaan dan keluarga. Semua itu adalah kegilaan. Kegembiraan seorang mukmin adalah kerana iman dan keyakinannya yang kuat dan hatinya dekat kepada Allah s.w.t.

Ingatlah..! Bahawa para raja dunia dan akhirat adalah para wali dan orang-orang yang beramal hanya kerana Allah s.w.t.

Wahai hamba...! Bilakah hati dan batinmu akan menjadi bersih, sedangkan engkau menyekutukan Allah s.w.t dengan makhluk....? Bagaimana engkau akan beruntung, sementara setiap malam engkau menolong orang yang engkau inginkan, mengadu kepadanya dan terikat olehnya...? Bagaimana hatimu akan bersih, sedangkan hati itu tidak berisi tauhid sama sekali...? Tauhid adalah cahaya, syirik adalah kegelapan. Bagaimana engkau akan beruntung, sedangkan hatimu tidak berisi ketakwaan sama sekali...? Engkau terhalang dari Allah s.w.t kerana makhluk. Engkau terhalang dari Allah s.w.t, kerana usaha. Engkau terhalang kerana tawakkal dan bergantung kepada makhluk. Pengakuanmu tidak mempunyai sama sekali. Engkau mengaku tanpa adanya sebuah bukti. Masalah kewalian ini, hanya boleh dicapai dengan salah satu dari dua cara, iaitu:

1. Berjuang, menderita, menanggung, kesulitan dan keberatan. Ini adalah yang paling banyak terjadi kepada orang-orang yang soleh.
2. Anugerah yang tanpa usaha. Hal ini adalah jarang terjadi. Ia hanya berlaku bagi sebahagian kecil dari para makhluk.

Allah s.w.t memberi kewalian dan kecintaan kepada-Nya. Dia mengambilnya dari keluarganya serta pekerjaannya dan menampakkan kekuasaan-Nya. Allah s.w.t mengambilnya dari para penjahat dan menaikkannya ke rumah ibadah. Allah mengeluarkan makhluk dari hatinya dan membuka pintu kedekatan baginya dan mengambilnya dari perkataan dusta, sehingga Dia mencukupinya meskipun hanya hajatnya yang paling kecil. Allah memberinya kefahaman, hukum dan keagungan. Semua yang mendengarnya menerima nasihatnya. Semua yang dilihatnya menerima nasihatnya. Dia hanya mengamalkan apa yang mendekatkannya kepada-Nya. Dia dapat memerintahkan petunjuk, pertolongan dan kecukupan. Mereka tidak pernah meninggalkannya. Dia menjadi seperti Nabi Yusuf a.s, sebagaimana firman Allah s.w.t:

كَذَٰلِكَ لِنَصْرِفَ عَنْهُ ٱلسُّوٓءَ وَٱلْفَحْشَآءَ ۚ إِنَّهُۥ مِنْ عِبَادِنَا ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٢٤﴾.

Ertinya:
"Demikianlah, agar Kami memalingkan daripadanya kemungkaran dan kekejian. Sesungguhnya dia (Yusuf) itu termasuk ke dalam hamba-hamba-Ku yang ikhlas."

(Yusuf: 24)

Allah menjauhkan kekejian dan kemungkaran daripadanya dan menjadikan taufiq sebagai pelayannya. Umat manusia menerima nasihat dari orang yang cinta kepada Allah mahupun wali-Nya. Adakalanya melalui ucapan, melalui perbuatan mahupun cita-citanya, dari sudut mana yang mereka boleh faham.

Wahai hamba...! Apabila lemah imanmu, maka uruslah dirimu sendiri. Engkau tidak berkewajipan mengurus keluarga, tetangga, penduduk daerah, mahupun negaramu. Apabila imanmu kuat, maka uruslah anak dan isterimu, kemudian uruslah masyarakat. Janganlah engkau mengurus mereka, kecuali engkau telah berlindung dengan pakaian

takwa, hatimu beriman yang kuat, di tanganmu terdapat pedang tauhid, doamu termakbul, engkau memperolehi taufiq, engkau telah mempelajari siasat perang dan engkau mampu mengalahkan musuh-musuh Allah s.w.t. Apabila sudah demikian, maka engkau akan mendapat pertolongan Allah s.w.t dari enam penjuru. Engkau dapat mengambil makhluk dari tangan syaitan dan membawa mereka ke hadapan pintu Allah. Engkau memerintahkan mereka untuk mengerjakan amal penghuni syurga dan mencegah mereka daripada melakukan amal penghuni neraka.

Bagaimana mungkin tidak demikian, sedangkan engkau benar-benar mengerti tentang syurga dan neraka serta perbuatan yang membawa kepada kedua-duanya.....? Barangsiapa yang telah mencapai tingkatan ini, maka dihilangkanlah penghalang dari mata hatinya. Bagaimana dia akan berpaling daripada penjuru yang enam itu...? Pandangannya membingungkan dan tidak terhalang. Dia mengangkat mata hatinya, maka dia dapat melihat lapisan-lapisan bumi dan para jin penghuninya. Semua ini terjadi berkat iman dan mengenal Allah s.w.t dengan ilmu dan hukum. Apabila engkau sudah sampai pada tingkatan ini, maka ajaklah makhluk menuju ke pintu Allah s.w.t. Apabila engkau mengajak mereka sebelum mencapai tingkatan ini, maka tidak ada manfaatnya sama sekali.

Apabila engkau berdakwah kepada makhluk, sedangkan engkau tidak berada di pintu Allah s.w.t, maka hal itu berbahaya bagi dirimu. Setiap kali engkau bergerak, maka engkau terdiam. Setiap kali engkau mencari keagungan, maka engkau akan menemui kehinaan. Engkau sama sekali tidak mempunyai kedudukan di mata para orang soleh. Engkau gagap. Engkau hanyalah lisan tanpa hati, zahir tanpa batin, ramai tanpa bersendirian, perjalanan tanpa pimpinan. Pedangmu diperbuat dari kayu. Busurmu diperbuat dari belerang. Engkau adalah seorang penakut, bukan seorang yang pemberani. Engkau memegang busur yang dapat membunuh dirimu sendiri, yang menjadi penyebab kiamatmu.

Ya Allah...! Kuatkanlah agama dan iman kami, dengan kedekatan kami kepada-Mu, dan:

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ ٱلنَّارِ 

Ertinya:

"Berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Aku tidak pernah duduk bersama dengan satu orang. Kalau aku duduk, maka aku akan duduk bersama dengan dua atau tiga orang, dari orang-orang yang sependapat denganku. Bergurulah engkau kepada kaum ahli tariqat, sebab apabila mereka melihat seseorang dan mereka mengharapkannya, maka mereka mencintai orang tersebut, meskipun dia adalah orang Yahudi, orang Nashrani ataupun orang Majusi. Apabila dia orang yang beragama Islam, maka keimanan, keyakinan dan keteguhan hatinya akan bertambah.

Apabila hati dalam keadaan bersih, maka penglihatan akan menjadi benar. Apabila hati dalam keadaan bersih, maka hati itu akan dekat kepada Allah s.w.t. Apabila hati memandang dengan pandangan kedekatan dan ilmu, maka penglihatannya itu adalah berasal dari Allah s.w.t. Kedekatan adalah mega dalam hatinya, penglihatan adalah kilatnya dan nasihat adalah hujannya. Lisan sebagai penterjemah terhadap apa yang berada dalam hatinya. Lisan tersebut adalah pena yang terbuat dari kewalian dan lautan ilmu. Ucapan dan penglihatannya adalah kiblat dari isi hatinya. Kedua-duanya tampak dari sisi Allah s.w.t.

Barangsiapa yang bersungguh-sungguh di dalam mentaati perintah dan menjauhi larangan serta diredhai oleh Nabi s.a.w, maka dia berhak mendapatkan keutamaan tersebut. Di dalam dirinya masih terdapat sisa-sisa kebodohan. Kemudian dia berusaha untuk menghilangkannya, sehingga lenyaplah sisa-sisa itu dan bertambahlah ilmu dan hampirnya kepada Allah s.w.t, dalam erti yang sebenarnya.

Mencari keredhaan Allah s.w.t merupakan pokok daripada semua perbuatan atau amal-amal yang soleh. Amal yang soleh adalah amal yang patut untuk diterima di sisi Allah s.w.t dan tidak ada yang menyekutui-Nya. Amal yang soleh menyebabkan engkau berada dalam takdir yang baik. Engkau berjalan di dalam takdir itu, tidak ke arah kanan dan tidak pula ke arah kiri, dengan langkah-langkah hati dan batinmu. Engkau hanyalah sendirian, tidak bersama makhluk, tidak bersama dunia mahupun akhirat. Engkau termasuk ke dalam golongan orang yang mengharap keredhaan-Nya, dan engkau berkata sebagaimana Nabi Musa a.s bersabda:

وَعَجِلْتُ إِلَيْكَ رَبِّ لِتَرْضَىٰ ﴿٨٤﴾

Ertinya:
"Dan aku bersegera kepada-Mu, Ya Tuhanku, agar engkau redha (kepadaku)."

(Thaha: 84)

Barangsiapa yang mencari keredhaan Allah s.w.t, maka dia adalah sebagaimana yang tersebut dalam firman Allah s.w.t tentang Nabi Musa:

۞ وَحَرَّمْنَا عَلَيْهِ ٱلْمَرَاضِعَ مِن قَبْلُ ...

Ertinya:
"Dan kami cegah dia (Musa) daripada menyusu kepada perempuan-perempuan yang menyusukan(nya) sebelum itu."

(Al-Qasas: 12)

Semua susuan adalah barang baru, ada setelah tiada adalah haram bagi hati orang yang cinta kepada Allah dengan benar. Air susu semua wanita yang menyusui masuk ke dalam tekaknya kerana kecemburuan yang bersifat ketuhanan. Semua yang ditelan dan semua dihilangkan dari hatinya, sehingga hatinya itu tidak terikat oleh sesuatu selain daripada Tuhannya. Orang mukmin yang menjadi wali ini selalu diredhai oleh Rasul untuk bekerja pada baginda, hingga dia meminta izin untuk hatinya kepada baginda agar diizinkan untuk bekerja pada Tuhannya dan sebagai pelayan-Nya. Apabila dia telah melayani baginda dalam waktu yang panjang, maka dia akan berkata:

"Wahai guru...! Tunjukkanlah pintu al-Haq kepadaku. Sibukkanlah aku bersama-Nya atau suruhlah aku untuk berdiri di tempat yang dapat digunakan untuk melihat-Nya. Tinggalkanlah tanganku di pintu kedekatannya."

Maka sang guru akan memegang tangan muridnya dan mendekat-kannya ke pintu al-Haq. Ketika itu akan ditanyakan kepadanya:

"Siapakah yang bersamamu, wahai Muhammad...? Siapakah yang bersamamu itu wahai utusan, wahai penunjuk jalan, wahai pengajar....?"

Baginda menjawab:

"Sesungguhnya engkau tahu. Dia adalah murid yang aku didik dan aku

mengajarnya untuk menjadi pelayan pintu ini."

Kemudian baginda berkata kepada hati orang itu: "Inilah engkau dan Tuhanmu"...!, seperti kata malaikat Jibril kepada baginda tatkala beliau dinaikkan ke langit dan di dekatkan kepada Tuhan beliau: "Inilah engkau dan Tuhanmu."

Wahai hamba...! Laksanakanlah amal soleh dan dekatkanlah dirimu kepada Tuhan semesta alam.

Wahai hamba...! Tamak halobamu angan-anganmu dan kurangkanlah nadsu serakah, dan tamak atau halobamu....! Solatlah engkau sebagaimana orang yang ada di penjara. Tidak sepatutnya seorang mukmin tidur, kecuali wasiatnya tertulis di bawah bantalnya. Apabila Allah s.w.t. menghendakinya untuk bangun lagi, maka bererti dia mendapat berkat dan keuntungan. Apabila tidak maka keluarganya mendapatkan wasiatnya yang bermanfaat setelah kematiannya dan memintakan rahmat untuknya.

Makananmu adalah seperti orang tahanan. Kewujudanmu di antara keluargamu seperti kewujudan orang tahanan, Pertemuanmu dengan para saudaramu seperti pertemuan orang tahanan. Maka paterikanlah di dalam jiwamu: "Aku adalah orang tahanan." Bagaimana mungkin orang yang berada di dalam kekuasaan orang lain tidak seperti itu....?

Sebahagian kecil daripada umat manusia ini, ada yang mengetahui apa yang menjadi milik mereka, yang akan mereka lakukan dan bila mereka akan mati. Hal itu tersimpan di dalam hati mereka. Mereka mengetahui hal tersebut secara nyata, sebagaimana kamu melihat matahari ini. Lidah mereka tidak dapat mengatakannya. Adapun yang pertama kali mengetahui tentang kematian itu adalah batin. Batin memberitahu kepada hati, kemudian hati memberitahu hal itu kepada jiwa yang tenang. Selanjutnya kematian itu dirahsiakan.

Jiwa yang tenang mengetahui tentang hal ini, setelah berlaku sopan santun dan memberikan pelayanan kepada hati serta berdiri bersamanya. Hati mempunyai keahlian seperti itu, setelah menderita dan kepayahan. Barangsiapa yang dapat mencapai tingkatan ini, maka bererti dia menjadi wakil dan menjadi khalifah Allah s.w.t. di dunia. Dia adalah pintu rahsia. Dia adalah pemegang kunci perbendaharaan hati, iaitu perbendaharaan milik Allah Yang Maha Mengetahui. Hal ini tidak dapat difahami oleh makhluk. Semua yang terdapat di dalamnya, hanyalah sebahagian kecil dari gunungnya, setitik dari lautannya dan seberkas sinar dari mataharinya.

Ya Allah....! Saya mengemukakan alasan kepada-Mu untuk berbicara tentang rahsia-rahsia ini. Dan Engkau mengetahui bahawa saya tidak dapat dikalahkan.

Sebahagian ulama ahli tariqat berkata: "Jauhilah sesuatu yang diberi alasan." Namun apabila aku naik ke kursi ini, maka aku akan hilang dari kamu. Dia tidak terdapat bagi orang yang aku beri alasan dan berlindung daripadanya untuk berbicara kepada kamu di dalam hatiku. Adakalanya aku lari dari kamu dan terjatuh di dalam batinmu. Aku ingin kembali setiap malam menuju suatu tempat, berjalan dari suatu daerah menuju ke daerah lain dan dari satu desa menuju desa yang lain. Aku juga ingin mengembara dan menyepi hingga aku mati. Inilah yang aku inginkan. Tetapi Allah s.w.t. menghendaki yang lain. Maka aku berada di tengah-tengah daerah yang ingin aku tinggalkan.

Apabila hati ini dalam keadaan bersih dan berdiri di depan pintu Allah s.w.t, maka hati ini berada dalam kebingungan, dalam jurang dan berada dalam lautan penciptaan makhluk. Terkadang dia berkata, bercita-cita ataupun melihat. Perbuatannya adalah perbuatan Allah s.w.t. dan dia menjadi tersingkir. Dia adalah fana, sedangkan Allah s.w.t. kekal. Sebahagian kecil daripada kamu mempercayai hal ini dan sebahagian besar daripada kamu mendustainya. Percaya dan mengamalkan hal ini adalah sangat penting. Hanyalah orang munafik yang pandai dalam berdusta dan menurut hawa nafsunya yang mengingkari hal ehwal dari orang-orang yang soleh.

Perkara ini didasarkan kepada iktikad yang benar, kemudian beramal. Barangsiapa yang mengamalkan hukum zahir, maka dia akan menjadi wali Allah s.w.t. Mengamalkan hukum zahir, menyebabkan hukum itu berada di antara dia dan makhluk, sedangkan ilmu berada di antara dia dan Allah s.w.t. Amal-amal zahirnya adalah sangat sedikit, apabila dibandingkan dengan amal batinnya. Anggota badannya tenang, namun hatinya tidak pernah tenang. Kedua-dua mata kepalanya terpejam, tetapi kedua-dua mata hatinya tidak tidur. Hatinya melakukan zikir tatkala dia tidur.

Diriwayatkan dari sebahagian ulama tariqat, bahawa suatu saat beliau memegang sebuah tasbih. Kemudia beliau tertidur. Lalu beliau terbangun dan melihat tasbih berputar pada tangan beliau dan lisan beliau melakukan zikir kepada Allah s.w.t.

Hati ini diperintah, lalu melaksanakan. Batin ini diperintah, lalu

melaksanakan amal-amal batin.

وَلَهُمْ أَعْمَٰلٌ مِّن دُونِ ذَٰلِكَ هُمْ لَهَا عَٰمِلُونَ ﴿٦٣﴾

Ertinya:

"Dan mereka banyak mengerjakan perbuatan-perbuatan (buruk) selain daripada itu, mereka tetap mengerjakannya."

(Al-Mukminun: 63)

Amal-amal zahir dengan anggota badan adalah untuk mereka yang ahli beribadah. Sedangkan amal-amal batin dengan hati dan batin adalah untuk orang-orang pilihan. Rahsia batin ada di antara mereka dan Allah s.w.t, sementara mereka dekat kepada Allah s.w.t. Mereka khuatir terhadap terjadinya perubahan, kerana perubahan keadaan itu akan menjauhkannya dan dia akan tersingkir dari pangkat. Engkau mengambil dari tangan orang-orang yang kaya dan mengembalikan kepada orang-orang yang miskin. Engkau menjadi pemilik dapur. Rezeki mengalir pada tangan hati dan batinmu.

Wahai orang yang munafik...! Engkau tidak mempunyai kemuliaan, sehingga engkau menjadi seperti itu. Celakalah engkau...! Engkau tidak terdidik oleh seorang guru yang warak, yang zuhud dan pandai tentang hukum Allah s.w.t. Celakalah engkau...! Tidak terdapat satupun harapanmu yang berhasil. Apabila harta hanya boleh dihasilkan dengan membanting tulang, bagaimana dengan pahala di sisi Allah s.w.t...? Bagaimana apabila kamu dibandingkan dengan orang-orang yang disifati oleh Allah s.w.t dalam al-Quran melalui firman-Nya yang berbunyi:

كَانُوا۟ قَلِيلًا مِّنَ ٱلَّيْلِ مَا يَهْجَعُونَ ﴿١٧﴾ وَبِٱلْأَسْحَارِ هُمْ يَسْتَغْفِرُونَ ﴿١٨﴾

Ertinya:

"Mereka sedikit sekali tidur pada waktu malam. Dan pada waktu sahur mereka memohon ampun (kepada Allah)."

(Az-Dzariyat: 17-18)

Tatkala Allah s.w.t. mengetahui kesempurnaan mereka dalam melakukan ibadah, maka Dia menjadikan seseorang yang membangukan dan mendirikan mereka dari tempat tidur. Nabi s.a.w bersabda:

يَقُوْلُ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ يَا جِبْرِيْلُ أَقِمْ فُلَانًا وَأَنِمْ فُلَانًا.

Ertinya:
"Allah 'Azza Wa Jalla berfirman. 'Wahai Jibril, bangunkanlah si Fulan dan tidurkanlah si fulan.'"

Hadis ini mengandungi dua pengertian:

1. Bangunkanlah si Fulan. Sebab dia benar dalam melakukan ibadah dan lari dosa-dosanya. Buanglah nyanyian dan tidur dari dirinya. Tidurkanlah si Fulan. Sebab dia ahli berdusta dan munafik. Batil dalam kebatilan dan laknat dalam laknat. Jatuhkanlah rasa mengantuk kepadanya, sehingga Aku tidak melihatnya dalam golongan orang-orang yang terbangun.
2. Bangunkanlah si Fulan, sebab dia cinta kepada-Ku dan mencari keredhaan-Ku. Sedang kepenatan adalah termasuk syarat orang yang cinta, manakala termasuk syarat orang yang dicintai adalah istirehat.

Dia direhatkan dan ditidurkan, kerana dia menggabungkan terang dengan gelap hingga memenuhi janji dan bersungguh-sungguh dalam kecintaannya. Tatkala dia telah benar dalam hal itu, maka datanglah waktu bagi Allah untuk memenuhi janji-Nya. Kerana dia telah menjamin seseorang yang kepenatan untuk istirehat di dalam haribaan-Nya.

Tatkala langkah hati kaum ahli tariqat telah dinisbahkan kepada Tuhan mereka, maka dalam tidurnya, mereka melihat apa yang tidak mereka lihat dalam keadaan terjaga. Hati dan batin mereka dapat melihat apa yang tidak mereka lihat ketika terjaga. Mereka berpuasa, solat, memerangi nafsu mereka dengan kelaparan dan kehancuran harga diri dan menghubungkan terang dengan kegelapan dalam beribadah, sehingga mereka masuk ke dalam syurga. Tatkala mereka telah mendapatkan syurga, maka dikatakan kepada mereka: "Bukan ini jalannya, tetapi jalannya adalah mencari keredhaan Allah s.w.t." Maka amal mereka berubah menjadi amal hati. Apabila hati sudah dapat demikian, maka hati itu menjadi kukuh dan nyata baginya.

Barangsiapa yang tahu apa yang dicarinya, maka dia merasa mudah untuk mengerahkan kekuatan dan usahanya untuk bertakwa kepada Tuhannya. Seorang mukmin selalu dalam keletihan, hingga dia bertemu dengan Tuhannya.

Celakalah engkau...! Engkau mengaku menurut keinginanku, namun engkau menyembunyikan hartamu dariku. Engkau berdusta dalam pengakuanmu. Seorang murid tariqat tidak mempunyai baju kurung, serban, emas dan harta dibandingkan dengan gurunya. Dia hanya boleh memakan apa yang ada pada pinggannya dan dia disuruh untuk memakannya. Dia ibarat orang mati di sisi gurunya itu. Dia hanya menanti perintah dan larangan. Kerana dia yakin, bahawa semua itu adalah dari Allah s.w.t. Maslahatnya adalah di tangan gurunya. Gurunya itu juga memintal benangnya. Apabila engkau mencurigai gurumu, maka janganlah engkau berguru kepadanya. Sebab ajaran dan keinginannya tidak benar pada dirimu. Apabila seorang pesakit mencurigai doktor, maka dia tidak akan sembuh kerana ubat doktor itu.

Barangsiapa yang benar kezuhudannya dari harta, maka makhluk mencintainya dan dia bermanfaat bagi mereka, baik melalui ucapannya mahupun hanya dengan memandangnya saja. Apabila engkau mengajar makhluk tentang ilmu Allah s.w.t. dan memberitahu kepada mereka tentang kewalian, maka hilanglah sifat-sifat mereka daripadamu. Jin, manusia dan malaikat akan lenyap daripadamu. Sifat hatimu akan berubah. Demikian juga batinmu, semua kewujudanmu akan hilang dari batinmu itu. Iaitu kulit kebiasaan anak manusia.

Hukum menjadi pakaianmu, maka di bumi ini engkau dipersilakan untuk memakai pakaian menurut kehendakmu sendiri. Allah s.w.t menciptakan sesuatu dengan kehendak-Nya. Ilmu kewalian menjadi pakaian bagi hati dan batinmu. Lakukanlah apa yang dibawa oleh Rasul s.a.w, iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Sebab barangsiapa yang meninggalkan kedua-duanya maka dia menjadi kafir zindik dan keluar dari tali Islam. Manakala di akhirat nanti, dia akan masuk neraka dan dia akan mendapatkan seksa. Sementara di dunia dia dimurkai oleh Allah s.w.t.

Ada sesuatu yang lain di dalam hati seorang wali, antara dia dan Allah s.w.t, setelah meyakinkan hukum dan berdiri pada pintu milik Allah s.w.t. Itulah orang yang patut untuk dijadikan ikutan. Oleh kerana itulah, tidak boleh mengikut orang-orang yang tidak mantap tentang hukum, sebab hukum harus dipelajari kerana hukum itulah dasar perkara ini. Barangsiapa yang memantapkan hukum yang diketahuinya dengan mengamalkan, maka dia adalah orang besar di sisi Allah s.w.t. Oleh kerana itulah Nabi s.a.w bersabda:

مَنْ تَعْلَمَ وَعَمِلَ وَعَلِمَ دُعِيَ فِى الْـمَكْتُوْبِ عَظِيْمًـا.

Ertinya:
"Barangsiapa yang belajar, beramal dan mengajar, maka dia akan disebut di kerajaan langit sebagai orang yang besar."

Janganlah engkau menyendiri di rumah ibadahmu, sebab menyendiri dengan kebodohan adalah kerosakan besar secara keseluruhan. Oleh kerana itulah, Nabi s.a.w. bersabda:

تَفَقَّهْ ثُمَّ اعْتَزَلْ.

Ertinya:
"Belajarlah, lalu menghilanglah...!"

Tidak sepatutnya engkau duduk di rumah ibadah atau khemah khalwatmu, dan dalam masa yang sama masih ada seseorang yang engkau takut dan engkau harapkan di atas bumi. Engkau hanya mempunyai satu yang kau takuti dan engkau harapkan, iaitu Allah s.w.t. Engkau hanya mengerti Allah s.w.t. dan melaksanakan agama-Nya agar dekat dengan-Nya. Tegakkanlah agama-Nya dan tolonglah agama itu kerana-Nya, bukan kerana lain-Nya.

Seorang orang yang benar (al-siddiq) dapat mendengar seruan agama. Agama menyeru hati dan batinnya. Apabila orang-orang awam melampaui batas-batas agama, apabila mereka meninggalkan perintah-perintah-Nya dan melanggar larangan-larangan-Nya serta membuang agama di belakang punggung mereka, maka siddiqin itu mendengar bagaimana agama berseru dan meminta pertolongan kepada Allah. Agama bersemangat dan berdiri di depan para siddiqin, menolongnya memerintahkan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Agama menasihati dan membelanya. Dia melakukan hal ini dengan kekuatan Tuhannya, bukan dengan hawa nafsu, watak, ketololan, kebodohan dan kemunafikannya.

Ibadah adalah menjauhi kebiasaan. Tidak boleh mengikut adat sehingga engkau menjadi tempat ibadah. Hilangkanlah kebergantungan kepada dunia, akhirat dan makhluk. Bergantunglah kamu kepada Allah s.w.t. Janganlah kamu bersolek, sebab peneliti adalah orang yang waspada. Apa yang diambil oleh peneliti itu tidak menghilangkan solekan yang ada pada kamu. Janganlah kamu menganggap hal itu sebagai sesuatu. Buanglah apa yang diambil oleh pengawas itu, bukan apa yang masuk

dalam alat peniup api dan dibersihkan dari cacat. Maka janganlah kamu menyangka bahawa perkara ini mudah.

Sebahagian besar daripada kamu mengaku bahawa dirinya ikhlas, sementara dia sebenarnya adalah orang munafik. Apabila tidak ada cubaan, maka banyaklah pengakuan. Barangsiapa yang mengaku bijaksana, maka akan kami uji dia dengan kemarahan. Barangsiapa mengaku dermawan, maka kami akan mengujinya dengan kebalikannya.

Tinggalkanlah kegilaan dari diri kamu. Tetaplah kamu bertakwa dalam segala keadaan. Orang-orang takwalah yang mempunyai Tuhan. Takutilah syirik secara menyeluruh dan maksiat walaupun hanya sebahagian, kemudian bergantunglah kamu kepada dua tali yang amat kukuh, iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Janganlah kamu menjauhkan kedua-duanya dari tangan kamu. Allah s.w.t. Maha Pemurah, tidak akan mengumpulkan dua takut dalam diri seorang hamba. Telah terdahulu mengenai ketakutan kaum tariqat di dunia tatkala mereka makan, minum, memakai pakaian, kahwin dan segala tindakan mereka. Mereka menjauhi perkara-perkara yang haram dan syubhat. Dan kerapa kali mereka menjauhi yang halal kerana takut akan hisab Tuhan mereka dan buruknya siksa mereka. Mereka berlaku warak dalam makanan, minuman dan semua tingkah laku mereka. Mereka menjauhi banyak hal kerana zuhud.

Tatkala zuhud sudah mendalam, maka berubahlah menjadi kewalian. Tatkala Zuhud sudah mendasar, maka datanglah ilmu tentang Allah. Maka jadilah ilmu sebagai mahkota di kepala mereka. Akhirnya semua yang haram, syubhat dan halal pasti akan hilang dari mereka, yang ada hanyalah halal murni, iaitu halal itu dalam hati mereka.

Apabila seorang hamba menjauhi dunia dan akhirat dan keluar dari semua selain daripada Allah s.w.t serta bertempat hatinya dalam daerah taqarrub kepada-Nya, anugerah serta rahmat-Nya, maka Allah s.w.t tidak memaksanya untuk mencari makanan, minuman, pakaian atau sesuatu yang merupakan kemaslahatannya. Hatinya dijauhkan dari menguruskan hal itu.

Hati orang-orang yang hampir kepada Allah s.w.t selalu berada dalam kedekatan dan ilmu khusus. Hati dan batin mereka tahu akan lenyap dan iradah, serta menyerah di hadapan Allah s.w.t. Maka Allah s.w.t akan mengurus mereka, tidak menyerahkan urusan mereka kepada lain-Nya. Ini tidak dapat difahami oleh akal manusia biasa dan secara zahir. Allah

s.w.t melenyapkan mereka, kemudian apabila Dia meng-hendaki, maka Dia membangkitkan dan mengembalikan mereka dengan ilmu pertama tentang ilmu kedua. Pada mulanya kebodohan, kemudian ilmu, kemudian amal dan ikhlas, kemudian meningkat kepada ilmu kedua dan amal kedua. Diam lalu berbicara. Fana' dari dirimu sendiri, lalu wujud dengan-Nya.

Wahai orang-orang yang berhati mati...! Apakah tujuanmu duduk di sisiku...? Wahai hamba-hamba dunia dan para sultan...! Wahai hamba-hamba para jutawan...! Wahai hamba-hamba yang melebihi batas dan kemurahan....! Aku sungguh kasihan kepadamu...! Andaikata sebiji gandum berharga satu dinar, maka seorang mukmin tidak akan mempedulikan tentang rezekinya, sebab iman yang dimilikinya kuat dan dia bertawakkal kepada Tuhannya.

Janganlah engkau menganggap dirimu termasuk orang-orang yang beriman. Menyingkirlah kamu, kerana semua yang engkau temui adalah tentera milik Allah s.w.t dan cemeti-Nya. Berpaling dari para makhluk adalah kebenaran dan menyibukkan diri untuk menyembah Khaliq adalah lebih benar. Aku tidak melihat kamu pandai di dalam ilmu. Aku tidak berkata kepada kamu tentang dalil mengenai tauhid. Memerhatikan adalah kepada ucapan para siddiqin dan para wali. Ucapan mereka adalah seperti wahyu dari Allah s.w.t. Mereka mengatakannya dan mereka juga mengatakan perintah dari Allah s.w.t. Hal ini tidak dapat diterima oleh akal para orang yang awam dan yang peminta-peminta.

Engkau adalah orang yang gila. Engkau menyusun ucapanmu dari beberapa kitab, lalu engkau ucapkan. Apabila kitabmu hilang, atau terbakar, atau lampumu padam, maka apa yang akan engkau perbuat....? Apabila bekas airmu retak, dan air yang terdapat di dalamnya tumpah, maka di mana tempat airmu, kudamu, senjatamu dan penolongmu....?

Barangsiapa yang mempelajari ilmu mahu mengamalkannya dan ikhlas dalam beramal, maka dalam hatinya terdapat nur yang merupakan bahagian dari Nur Allah s.w.t. Maka dia dan orang yang lain menjadi terang kerananya.

Pergilah kamu, wahai anak-anak gagap, wahai anak-anak pungut yang tersusun di tangan nafsu dan kesenangan. Celakalah kamu...! Kamu membantah orang khusus. Kamu akan cacat dan binasa. Kamu tidak akan sampai pada matlamat kamu. Bagaimana mungkin takdir akan berubah, sementara ilmu dapat menyulitkan kamu...? Jadilah kamu orang-orang

yang beriman dan berserah diri. Apakah kamu tidak mendengar firman Allah s.w.t:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِـَٔايَـٰتِنَا وَكَانُوا۟ مُسْلِمِينَ ﴿٦٩﴾

Ertinya:
"(Iaitu) orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami, dan adalah mereka dahulu orang-orang yang berserah diri."

(Az-Zukhruf: 69)

Hakikat Islam adalah berserah diri. Kaum tariqat menyerahkan diri di hadapan Allah s.w.t dan lupa tentang mengapa, bagaimana, lakukanlah dan jangan engkau lakukan. Mereka melakukan bermacam-macam ibadah dan sentiasa takut kepada Allah s.w.t. Oleh kerana itulah, Allah s.w.t berfirman untuk menyifat mereka:

يُؤْتُونَ مَآ ءَاتَوا۟ وَّقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ ...

Ertinya:
"Yang memberikan apa yang telah mereka berikan dengan hati yang takut."

(Al-Mukminun: 60)

Mereka mentaati semua perintah Allah s.w.t, menjauhi semua larangan-Nya, sabar menerima cubaan-Nya, mensyukuri pemberian-Nya, menyerahkan diri, harta, anak-anak dan harga diri mereka kepada-Nya dan dalam masa yang sama hati mereka takut kepada-Nya. Apabila seorang wali itu zuhud dari akhirat, maka dia akan berkata kepada akhirat:

"Pergilah engkau daripadaku. Bagiku engkau dan dunia adalah sama saja. Sebab aku mencari pintu Allah s.w.t. Dunia menghalangku daripadamu, engkau menghalangku dari dirimu dan dirimu menghalangku dari Allah s.w.t. Tidak ada kemuliaan bagi seseorang yang menghalangku daripada-Nya."

Dengarkanlah ucapan ini. Sebab ucapan ini adalah inti ilmu Allah s.w.t, inti kehendak-Nya dari dan dalam makhluk-Nya. Itulah sikap para Nabi, Rasul, wali dan orang-orang soleh.

Wahai hamba-hamba dunia...! Wahai hamba-hamba akhirat...! Kamu jahil tentang Allah s.w.t, dunia dan akhirat-Nya. Apakah kamu ini tembok...? Berhalamu dunia, akhirat, makhluk, dan kesenangan. Engkau penyembah

pujian dan sanjungan serta penerimaan makhluk. Semua selain Allah s.w.t adalah berhala. Kaum ahli tariqat menghendaki dunia dan akhirat. Kedua-duanya ditempatkan pada pintu Allah s.w.t. Ditempatkan di rumah doktor. Doktor mengambil apa yang diingin-kannya daripada kedua-duanya untuk memberi ubat kepada para pesakit.

Wahai orang-orang munafik...! Kamu tidak mempunyai apa-apa dari hal ini. Seorang munafik tidak kuasa untuk mendengar satu huruf pun daripada ucapan ini. Dia telah tertimpa kiamat, kerana dia tidak mampu mendengarkan kebenaran. Ucapanku adalah benar. Aku di atas kebenaran dan ucapanku dari Allah s.w.t, bukan dari diriku, ucapanku adalah bersumber dari agama, bukan dari kebodohan. Tetapi kefahamanmu sangat lemah.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada kamu...! Engkau belajar dan mengaji, namun engkau tidak mengamalkan ilmumu, bagaimana ilmumu itu akan bermanfaat bagimu....? Engkau tidak melayani para guru pada masa muda, bagaimana engkau akan dilayani pada saat engkau sudah tua...? Tidak ada seorang pun dari orang mukmin, kecuali tatkala dia mati, matanya dibuka, lalu dia akan melihat hasilnya di syurga. Dia akan diberi isyarat oleh para bidadari dan anak-anak, dan dia mencium bau wangian syurga. Maka kematian dan sakaratnya ringan bagi dirinya. Allah s.w.t bertindak kepada para mukminin sebagaimana tindakan-Nya terhadap 'Aisyah. Sebahagian daripada mereka ada yang diberitahu tentang hal itu sebelum datangnya kematian, iaitu orang-orang yang terdekat dan dikehendaki untuk hal itu.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepadamu, wahai orang-orang yang menentang Allah...! Janganlah engkau mengigau dengan igauan yang kosong. Tidak ada sesuatu yang dapat menolak dan mengubah takdir ataupun mencegahnya. Bertawakkallah engkau, maka engkau akan tenang. Malam dan siang ini dapat engkau tolak. Apabila malam telah tiba, sedangkan engkau benci atau menolak. Siang juga demikian. Kedua-duanya akan tetap datang meskipun engkau membencinya.

Demikianlah Allah s.w.t menghendaki, baik bermanfaat ataupun mendatangkan mudarat bagimu. Apabila malam kemiskinan telah datang, maka serahkanlah dan tinggalkanlah siang kekayaan. Apabila malam kesakitan telah datang, maka tinggalkanlah siang kesihatan. Apabila malam yang engkau benci telah datang, maka serahkanlah

dan tinggalkanlah siang yang engkau senangi. Malam-malam penyakit, kemiskinan dan hancurnya sebuah harga diri telah datang dengan hati yang tenang. Janganlah engkau menolak sesuatu takdir Allah s.w.t, kerana ia akan membuat engkau menjadi binasa, imanmu menjadi hilang, hatimu menjadi keruh dan batinmu menjadi mati. Allah s.w.t berfirman di dalam sebahagian Kitab-Nya yang bermaksud:

"Aku adalah Allah yang tiada Tuhan selain Aku. Barangsiapa yang tunduk (berserah diri) terhadap ketentuan-Ku, bersabar terhadap cubaan-Ku dan mensyukuri nikmat-Ku, maka Aku menulisnya di sisi-Ku sebagai orang-orang yang benar (al-siddiqin). Dan barangsiapa tidak tunduk terhadap keputusan-Ku, tidak bersabar terhadap ujian-Ku dan tidak mensyukuri nikmat-Ku, maka hendaklah dia mencari Tuhan selain daripada Aku."

Apabila engkau tidak redha terhadap takdir, tidak bersabar terhadap cubaan dan tidak mahu mensyukuri nikmat, maka engkau tidak mempunyai Tuhan. Carilah Tuhan yang selain Dia, sedangkan tiada Tuhan melainkan Dia. Apabila engkau mengiginkan, maka redhalah engkau terhadap takdir dan percayalah engkau terhadap qadar, baik qadar yang bagus, buruk, manis mahupun pahit. Apapun yang akan menimpa engkau, maka pasti akan terjadi kepadamu, meskipun engkau menghindar daripadanya. Dan apa yang tidak akan menimpa dirimu, tidak akan terjadi kepadamu, walaupun engkau berusaha untuk memperolehinya.

Apabila iman telah nyata kepada dirimu, maka engkau akan dibawa menuju pintu kewalian, sehingga engkau akan termasuk ke dalam golongan hamba-hamba Allah s.w.t. Adapun tanda-tanda seorang wali itu adalah mentaati Allah dalam segala keadaan. Secara keseluruhannya dirinya adalah taat, tanpa bertanya mengapa dan bagaimana, serta melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan. Pastilah Allah Taala akan sentiasa bersamanya. Dia sentiasa dekat kepada-Nya, tidak menghadap ke kanan, ke kiri mahupun ke belakang. Tetapi dia hanya menghadap ke depan. Dia menjadi dada yang tidak berpunggung dekat tanpa jauh, bening tanpa keruh dan kebaikan tanpa keburukan.

Harapanmu adalah makhluk dan takutmu hanyalah kepada mereka. Sikap ini bererti menunjukkan bahawa engkau menyekutukan Tuhanmu. Engkau memuji mereka, tatkala mereka memberikan sesuatu kepadamu. Engkau mencela, mereka tatkala mereka tidak memberikan sesuatu kepadamu. Ini adalah menunjukkan bahawa engkau menyekutukan Tuhan

dengan makhluk-Nya.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada kamu...! Mereka tidak mendapatkan sesuatu dari hal itu. Engkau tidak mempunyai apa-apa. Engkau tidak mempunyai tauhid. Segala sesuatu terjadi dan diambil dari Allah s.w.t, bukan dari makhluk-Nya. Diambil dari pintunya dan kembali ke pintu-Nya setelah memutuskan jalan yang menuju ke pintu tersebut. Pada peringkat awal adalah usaha, sedangkan hasil akan diperolehi ketika berada pada tingkat yang akhir. Murid tariqat yang baru saja memulai belajar, masih melakukan ikhtiar sebagaimana seekor anak burung. Dia mencari kedua-dua induknya, sehingga dia mendapat-kan makanan bagi dirinya sendiri. Apakah terdapat salah seorang di antara kamu yang memakan sesuap nasi dari hasil tawakkalnya kepada Allah s.w.t, tanpa daya upaya dan bergantung kepada makhluk...?

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada kamu...! Kamu mengakui apa yang tidak terdapat pada diri kamu. Bagaimana engkau dapat mengaku Islam, iman, yakin, dan tauhid, sementara engkau bergantung kepada daya upayamu dan usahamu....? Tariqat ini tidak dapat diraih dengan pengakuan.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada kamu...! Engkau duduk di tempat ini untuk berceramah kepada para manusia, kemudian engkau tertawa di antara mereka dan engkau menceritakan kisah-kisah yang kelakar. Pastilah engkau tidak beruntung sebagaimana mereka. Seorang mubaligh adalah guru, sedangkan orang-orang yang mendengarkan adalah bagaikan anak kecil, sedangkan anak kecil tidak dapat belajar, kecuali dengan diperlakukan secara kasar, tegas dan dengan muka yang kerut. Sebahagian kecil daripada mereka belajar tanpa hal tersebut, sebagai anugerah yang berasal dari Allah s.w.t. Sebahagian besar daripada orang yang mengaku sebagai Islam secara zahir, berkata sebagaimana yang dikatakan oleh orang kafir:

وَقَالُوا۟ مَا هِىَ إِلَّا حَيَاتُنَا ٱلدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا يُهْلِكُنَآ إِلَّا ٱلدَّهْرُ ۚ ...

Ertinya:
"Kehidupan ini tidak lain hanyalah kehidupan di dunia saja, kita mati dan kita hidup dan tidak ada membinasakan kita selain daripada

masa."

(Al-Jasiyah: 24)

Kaum Dahriyyin mengatakan tentang hal ini. Sebahagian besar daripada kamu juga mengatakan tentang hal itu, tetapi mereka menutupinya dengan perbuatan yang mereka maksudkan untuk itu. Mereka tidak mempunyai pangkat di sisi Allah s.w.t, mereka tidak mempunyai akal dan belum baligh. Mereka tidak dapat membezakan antara mudarat dan manfaat.

Allah s.w.t berfirman tentang kisah Nabi Yusuf a.s.:

قَالَ مَعَاذَ ٱللَّهِ أَن نَّأْخُذَ إِلَّا مَن وَجَدْنَا مَتَـٰعَنَا عِندَهُۥٓ ...

Ertinya:
"Berkata Yusuf, 'Aku mohon perlindungan kepada Allah daripada menahan seorang, kecuali orang yang kami temui harta benda kami padanya.'"

(Yusuf: 79)

Barangsiapa yang ditemui perkakas kewalian, tauhid dan iman pada dirinya, maka Allah s.w.t. tidak akan membiarkannya bersama makhluk, apabila patut untuk menghadap-Nya. Dia tidak akan membiarkannya bersama usaha: jual beli, mengambil dan memberi dengan usaha. Dia membezakannya dan menyelamatkan dirinya. Dia akan membangunkannya dari terjatuh akan menempatkannya pada pintu-Nya akan menidurkannya dalam pangkuan rahmat-Nya.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada kamu...! Pakaian Islammu adalah botol. Baju imanmu adalah najis. Hatimu kosong dan bodoh, batinmu keruh, dadamu tidak lapang kerana Islam. Batinmu sepi, namun zahirmu ramai. Kertas catatan amalmu hitam legam. Harta yang engkau miliki akan pergi. Kubur dan akhirat akan menghadap padamu. Ingatlah akan urusanmu dan kemana engkau akan kembali sebentar lagi. Bolehjadi kematianmu adalah hari ini atau jam ini. Engkau terhalang dari angan-anganmu. Apa yang engkau inginkan tidak engkau dapati dan temui. Sedang apa yang engkau lupakan, iaitu akhirat akan engkau temui.

Menyibukkan diri dengan selain Allah s.w.t adalah perbuatan gila. Takut dan mengharap kepada selain Dia adalah perbuatan gila. Tidak ada sesuatupun yang memberi manfaat dan mudarat kepada kita kecuali Allah

s.w.t. Dialah yang menciptakan sebab bagi segala sesuatu hukum, memberi hukum pada usaha. Apabila engkau mengamalkan dengan usaha, maka engkau merealisasikan pengamalan hukum tersebut, lalu hilanglah usaha seperti daun-daun berguguran dari sebatang pohon. Kemudian tampaklah pencipta usaha, sirnalah usaha. Tampaklah inti sari, hilanglah kulit. Inti sari adalah bergantung kepada pencipta usaha. Inilah yang lebih utama, seperti buah bagi sebatang pohon.

Orang yang bertauhid berpindah-randah dalam segala keadaan. Dari desa berpindah ke sungai kecil, dari sungai kecil berpindah ke sungai besar, dari sungai ini berpindah ke lautan. Dia berpindah dari cabang menuju pokok, dari anak kepada orang tua, dari hamba kepada Tuhan dan dari makhluk menuju Khaliq. Dari yang lemah menuju yang kuat, dari kemiskinan menuju kekayaan, dan dari yang sedikit menuju kepada yang banyak.

Janganlah kamu mengalahkan aku. Hati sebahagian besar daripada kamu adalah kosong dari iman. Barangsiapa yang mempunyai kepentingan dalam dirinya, maka hendaklah dia mengumpulkannya dengan keadaan diam dan sopan, dan hendaklah dia memakaikan baju takwa padanya. Sebab itulah penyebab ketenangan itu dan kesampaian-nya kepada Tuhannya.

Adapun sampai itu ada dua macam, iaitu sampai umum dan sampai khusus. Sampai yang umum adalah sampai kepada Allah s.w.t setelah kematian. Sedangkan sampai yang khusus adalah sampainya sebahagian kecil daripada manusia kepada Allah s.w.t sebelum datangnya kematian. Mereka adalah orang-orang yang memerangi hawa nafsu mereka dengan tidak menurutnya, dan keluar dari makhluk tentang manfaat dan mudarat, apabila mereka terus melakukan hal ini.

Engkau akan sampai kepada-Nya adalah seperti orang awam sampai kepada-Nya setelah kematian. Barangsiapa yang benar dalam hal ini, maka datanglah pengaruh, kegembiraan, pembicaraan dan ketenteraman kepadanya. Pada saat itu, berkatalah orang yang telah sampai:

وَأْتُونِي بِأَهْلِكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٩٣﴾

Ertinya:
"Bawalah keluarga kepadaku semuanya."

(Yusuf: 93)

Tatkala Nabi Yusuf a.s. keluar dari sumur dan penjara serta bersabar menghadapi semua kesulitan, tatkala beliau berpengaruh dan semua berada di bawah kekuasaannya, maka beliau bersabda:

وَأْتُونِي بِأَهْلِكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٩٣﴾

Ertinya:
"Bawalah keluargamu kepadaku semuanya."

(Yusuf: 93)

Tatkala beliau mendapat kekayaan dan kerajaan, hilanglah ikatan serta datanglah kegembiraan. Sebelumnya, beliau bisu ketika berada dalam sumur dan penjara. Tatkala beliau keluar, maka beliau berubah menjadi fasih.

Wahai kaum ahli tariqat...! Carilah semuanya pada Khaliq. Ber-sungguh-sungguhlah kamu dalam mencarinya. Kaum ahli tariqat menyerahkan nyawa mereka dalam berusaha mendekatkan diri kepada Tuhan mereka s.w.t. Mereka tahu apa yang mereka cari, sehingga mereka tidak keberatan untuk menyerahkan jiwa mereka. Barangsiapa yang mengerti apa yang dicarinya, maka dia tidak keberatan untuk berkorban.

Diceritakan, bahawa seorang hamba lelaki melalui kamar seorang penjual hamba. Lalu dia melihat seorang hamba perempuan yang cantik jelita dalam kamar itu. Maka dia jatuh hati kepadanya, hingga dia tidak dapat melalui tempat itu. Dia mempunyai harta seharga seratus dinar, pakaian-pakaian bagus dan pedang yang dihiasi dengan emas. Dia juga mempunyai seorang hamba yang hitam sebagai pelayannya. Lalu dia datang kepada pemilik hamba tersebut dan meminta agar penjual hamba tersebut bersedia untuk menjual hambanya yang jelita itu. Pemilik itu lalu berkata:

"Engkau pasti mencintai hambaku, seorang yang mencintai sanggup mengorbankan semua miliknya untuk mendapatkan orang yang dicintainya. Aku tidak menjualnya kecuali dengan semua yang ada di tanganmu saat ini."

Lelaki tersebut kemudian turun dari kudanya dan tanpa berfikir panjang lagi, dia menanggalkan semua pakaiannya, sehingga dia terpaksa meminjam baju kurung dari penjual hamba tersebut. Kemudian dia menyerahkan semuanya kepada penjual hamba tersebut beserta hamba

yang ada padanya dan mengambil hamba wanita yang jelita tersebut. Dia pulang ke rumahnya dalam keadaan tidak beralas kaki dan tanpa tutup kepala. Tatkala dia menyerahkan harga, maka dia mengambil gantinya. Dia tahu apa yang dia cari, maka janganlah engkau hairan tentang apa yang dikorbankannya.

Seorang mukmin yang benar kecintaannya kepada Allah s.w.t. tidak berdiri bersama selain kekasihnya. Apabila seseorang dari makhluk berkata: "Aku telah mendengar berita tentang syurga dan kenikmatan di dalamnya, sebab firman Allah s.w.t.:

وَفِيهَا مَا تَشْتَهِيهِ ٱلْأَنفُسُ وَتَلَذُّ ٱلْأَعْيُنُ ۖ ...

Ertinya:
"Dan di dalam syurga itu terdapat segala apa yang diingini oleh hati dan sedap bagi mata (memandangnya)."

(Az-Zukhruf: 71)

Apakah yang menjadi tebusannya....?. Kami menjawab kepadanya bahawa Allah s.w.t berfirman:

۞ إِنَّ ٱللَّهَ ٱشْتَرَىٰ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُم بِأَنَّ لَهُمُ ٱلْجَنَّةَ ۚ ...

Ertinya:
"Sesungguhnya Allah Taala telah membeli daripada orang mukmin itu diri mereka dan harta mereka, dengan memberikan syurga bagi mereka."

(At-Taubah: 111)

Serahkanlah diri dan harta yang engkau miliki.

Ada orang lain yang berkata: "Aku ingin masuk ke dalam golongan orang-orang yang menginginkan keredhaan-Nya. Hatiku telah memandang pintu kedekatan dan melihat orang-orang yang cinta kepada Allah s.w.t keluar masuk di pintu tersebut. Mereka memakai pakaian raja. Apakah semua itu dapat digunakan sebagai tebusan untuk masuk ke dalamnya....?." Aku menjawab: "Serahkanlah dirimu secara keseluruhan, tinggalkanlah syurga dan segala isinya, tinggalkanlah hawa nafsu, perangai, kesenangan dunia dan akhirat. Tinggalkanlah segalanya dan biarkanlah mereka di

belakang punggung hatimu, lalu masuklah. Engkau akan melihat apa yang belum pernah dilihat oleh mata, belum pernah didengar oleh telinga dan belum pernah terlintas di dalam hati anak manusia. Barangsiapa yang sudah sempurna di dalam hal ini, maka dia berhak mendapatkan dunia dan akhirat. Kedua-duanya merupakan nikmat yang murni, tanpa seksaan. Kedua-duanya menjadi tempat tinggal baginya. Akhiratnya adalah kedekatan dan melihat kepada Allah s.w.t. Dekat di dunia dengan hati dan melihat di akhirat adalah dengan menggunakan mata."

Wahai hamba...!

قُلِ ٱللَّهُ ۖ ثُمَّ ذَرْهُمْ ...

Ertinya:
"Katakanlah: "Allah", kemudian biarkanlah mereka."

(Al-An'am: 91)

Katakanlah:

ٱلَّذِى خَلَقَنِى فَهُوَ يَهْدِينِ ﴿٧٨﴾

Ertinya:
"(Iaitu Tuhan) Yang telah menciptakan aku, maka Dialah Yang menunjuki aku."

(Asy-Syu'ara: 78)

Wahai orang yang zuhud dari harta, apabila hatimu telah berpaling dari harta untuk mencari akhirat, maka katakanlah:

ٱلَّذِى خَلَقَنِى فَهُوَ يَهْدِينِ ﴿٧٨﴾

Ertinya:
"(Iaitu Tuhan) Yang telah meciptakan aku, maka Dialah Yang menunjuki aku."

(Asy-Syu'ara: 78)

Wahai orang yang menginginkan keredhaan Allah s.w.t, cinta kepada-Nya dan zuhud dari selain Dia...! Apabila hatimu telah keluar dari pintu syurga untuk mencari keredhaan Tuhannya, maka katakanlah:

ٱلَّذِى خَلَقَنِى فَهُوَ يَهْدِينِ ﴿٧٨﴾

Ertinya:
"(Iaitu Tuhan) Yang telah meciptakan aku, maka Dialah Yang memberikan aku petunjuk."

(Asy-Syu'ara: 78)

Sibukkanlah dirimu dengan petunjuk-Nya dari sulitnya tauhid. Wahai orang yang ingin melalui dua jalan ini, mintalah petunjuk kepada orang yang pernah melaluinya dan tahu tempat-tempat yang berbahaya dari kedua-dua jalan itu. Mereka adalah para guru yang mengamalkan ilmu dan ikhlas dalam amal-amal mereka.

Wahai hamba...! Jadilah engkau hamba penunjuk jalan. Ikutlah dengannya. Tinggalkanlah kenderaanmu di hadapannya. Berjalanlah engkau bersamanya, adakalanya di sebelah kanan, adakalanya di sebelah kiri dan adakalanya di belakang atau di depannya. Janganlah engkau membantah pendapatnya. Janganlah engkau menyangkal ucapannya. Maka engkau akan berjaya mencapai maksudmu. Janganlah engkau tersesat dari kebaikanmu. Esakanlah Tuhanmu, kerana Dia telah mencukupi kepentinganmu dan kesusahan hilang dari dirimu.

Tatkala Nabi Ibrahim diletakkan dalam alat pelempar batu, maka semua perantara dan usaha dihilangkan dari beliau, ketika itu beliau hanya menghadap kepada Allah s.w.t., yang bersabda kepada api.

يَـٰنَارُ كُونِى بَرْدًا وَسَلَـٰمًا عَلَىٰٓ إِبْرَٰهِيمَ ﴿٦٩﴾

Ertinya:
"Hai api...! Menjadi dinginlah kamu, dan selamatkanlah Ibrahim...!"

(Al-Anbiya': 69)

Wahai api...! Padamlah, berubahlah, bergantilah...! Sudah cukup panasmu, keburukanmu, mata tombakmu, pedangmu, panas dan amukanmu. Dinginlah dan sejuklah tanpa menyakitkan. Semua ini adalah berkat tauhid dan ikhlas dalam tauhid.

Apabila seorang hamba menemui Tuhannya dan ikhlas kerana-Nya, maka adakalanya Allah s.w.t menolongnya. Maka dia masuk kedalam ciptaan-Nya. Adakalanya Dia menyerahkan dirinya kepada-Nya. Maka dia mengurus dirinya sendiri. Ini adalah untuk makhluk pilihan-Nya. Setiap orang yang masuk ke syurga, akan berkata terhadap sesuatu: "Wujudlah engkau...!", maka wujudlah barang itu. Ketahuilah, bahawa yang penting adalah keadaan hari ini, bukan esok pagi.

Nabi Ibrahim sentiasa bertawakkal kepada Allah semenjak kecil hinggalah beliau dewasa. Apabila para tetangga menjauh, ahli keluarga menjadi ramai, miskin dan faqir, harga barang semakin mahal dan ahli keluarga atau saudara-saudara tidak mau membantu, maka kamu akan mengingat apa yang aku katakan kepada kamu. Kamu akan mengingat dan menyesal. Dengarkanlah ucapanku, sebab aku adalah pengganti Rasul s.a.w. dan Tuhan yang mengutus baginda.

Ya Tuhanku...! Aku meminta ampun dan meminta keselamatan dalam penggantian ini. Berilah aku pertolongan terhadap urusanku ini. Para Nabi dan Rasul telah Engkau panggil untuk menghadap-Mu. Engkau menempatkan aku dalam barisan yang paling depan. Aku mengurus makhluk-Mu, maka aku meminta ampun dan keselamatan kepada-Mu. Jauhkanlah aku daripada kejahatan dari syaitan manusia dan jin, serta kejahatan dari semua makhluk. Amin....!.

Wahai orang-orang yang zuhud...! Wahai orang-orang yang ahli dalam beribadah...! Ikhlaslah kamu dalam kezuhudan dan ibadahmu...! Apabila kamu tidak ikhlas, maka janganlah kamu mengikutku. Kamu telah benar di dalam melakukan puasa, solat, keburukan makanan dan keburukan pakaian tanpa niat dan ikhlas, tetapi bersamaan dengan hawa nafsu.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada kamu. Kaum ahli tariqat mempunyai beberapa amal yang selain hal itu di dalam hati mereka. Mereka hidup bersama dengan takdir, hukum dan menjauhi batas-batas hukum tersebut, secara zahir dan batin, secara samar dan jelas, beserta Allah s.w.t mahupun makhluk. Mereka menghormati orang yang terhormat dan memberikan segala hak kepada mereka yang lebih berhak. Mereka memberikan hak Kitab Allah s.w.t, Sunnah Nabi s.a.w, ilmu-Nya yang mempunyai hak di hati mereka. Mereka berada dalam kepasrahan, menyerah, terpenjara, terlepas, mengambil dan memberi. Mereka menempatkan batas pada hati, batin dan nafsu mereka. Mereka berbuat baik kepada makhluk. Hal ini tidak dapat kamu fahami.

Apabila seorang mukmin menasihati saudaranya, tetapi saudaranya itu tidak menerimanya, maka mukmin itu tetap mengatakan nasihat itu kepadanya. Engkau akan mengingat apa yang aku katakan kepadamu. Aku menyerahkan segala urusanku kepada Allah s.w.t.

Seorang wali adalah orang yang memerangi nafsu para makhluk, kerana pedang tauhid dan kewaliannya. Barangsiapa yang mendapatkan

sebahagian rahsia dari wali itu, maka dia akan dibawa oleh wali itu menuju ke pintu rajanya. Sesungguhnya Allah itu Maha Melihat terhadap hamba-hamba-Nya.

Sesuatu yang paling dicintai oleh seorang mukmin adalah ibadah. Tatkala dia berada di dalam rumah, maka yang paling disukai adalah melakukan solat. Dia menanti suara bilal yang menyeru panggilan dari Allah s.w.t. Apabila mendengar azan. Hatinya merasa gembira. Dia pergi menuju masjid atau masjid jami'. Seorang mukmin juga akan bergembira tatkala ada orang yang meminta kepadanya. Apabila dia mempunyai sesuatu, maka dia akan memberikannya kepada peminta itu. Kerana dia mendengar sabda Nabi s.a.w.:

اَلسَّآئِلُ هَدِيَّةُ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ إِلَى عَبْدِهِ.

Ertinya:
"Permintaan itu adalah hadiah Allah 'Azza Wa Jalla kepada hamba-Nya."

Bagaimana dia tidak akan bergembira, sedangkan dia telah melaksanakan perintah Tuhannya...? Dia memberi pinjaman kepada-Nya melalui tangan seorang faqir miskin. Inilah beberapa adab sopan seorang mukmin yang ahli beribadah. Adapun seorang wali, dia menjaga batas-batas agama dan juga menjaga hatinya agar tidak ada sesuatu yang masuk ke dalam hatinya itu selain Tuhannya s.w.t. Dia khuatir akan melihat hatinya. Maka dia khuatir apabila ada selain Dia datang dan dia bergantung kepadanya. Dia menjauhkan hatinya dari kekotoran oleh makhluk, namun hal itu pasti akan terjadi kepada mereka. Kerana mereka adalah pesakit dan dia adalah doktor. Dia membenci hidup di dunia mahupun hidup di akhirat, kerana keagungan dan kedekatan dirinya kepada Allah s.w.t. Taqarrub itulah harapan dan usahanya secara keseluruhan. Diriwayatkan dari Nabi s.a.w, bahawa baginda s.a.w bersabda:

يَقُوْلُ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لِعِبَادِهِ الْمُؤْمِنِيْنَ أَثَرْتُمْ ءَاخِرَتَكُمْ عَلَى دُنْيَاكُمْ وَأَثَرْتُمْ عِبَادَتِيْ عَلَى شَهَوَاتِكُمْ وَعِزَّتِيْ وَجَلَالِيْ مَا خَلَقْتُ الْجَنَّةَ إِلَّا لَكُمْ.

Ertinya:

"Allah 'Azza Wajalla berfirman pada hari kiamat kepada hamba-hamba-Nya yang beriman, 'Kamu mendahulukan akhirat kamu terhadap dunia kamu, kamu mendahulukan ibadah kepada-Ku terhadap syahwat kamu. Demi keagungan dan kemuliaan-Ku, Aku tidak menciptakan syurga melainkan untuk kamu.'"

Ini adalah firman-Nya kepada mereka.

Adapun firman-Nya terhadap orang-orang yang cinta kepada-Nya adalah:

"Kamu mendahulukan Aku atas semua makhluk-Nya, dunia dan akhirat-Ku. Kamu menyingkirkan makhluk dari hati kamu dan menjauhkan mereka dari batin kamu. Kamu adalah hamba-hamba-Ku yang sesungguhnya."

Sebahagian wali, ada yang pada siang hari memakan makanan syurga dan meminum minuman dari syurga, serta melihat segala isinya. Manakala sebahagian yang lain ada yang tidak memerlukan makanan mahupun minuman, dijauhkan dari makhluk, terhalang dari mereka dan diberi umur panjang di dunia, seperti Nabi Ilyas a.s dan Nabi Khidhir a.s.

Allah s.w.t mempunyai ramai wali di bumi yang tidak diketahui oleh umat manusia. Mereka dapat melihat kepada para manusia, namun manusia tidak dapat melihat mereka itu. Para pemuka di antara mereka adalah sedikit. Sangatlah sedikit sekali. Semua wali datang kepada para tokoh itu dan mendekatkan diri kepada mereka. Para tokoh wali itulah penyebab pertumbuhan bumi, turunnya hujan dan dijauhkannya musibah dari umat manusia.

Makanan dan minuman para malaikat adalah berzikir kepada Allah s.w.t, tasbih dan tahlil. Sebahagian kecil dari para wali juga seperti mereka. Makanannya adalah zikir tersebut. Apa yang kamu dapatkan dari mendengarkankan hal ini...? Sebahagian besar dari kamu adalah kesayangan Iblis dan hamba-hambanya. Tidak ada kemuliaan bagi kamu dan iblis.

Wahai penghuni rumah ibadahku...!. tinggalkanlah pelayanan kepada iblis itu dan menjauhlah kamu daripadanya. Masuklah kamu kepada Allah s.w.t dengan telapak kaki hati kamu.

Bermohonlah kamu kepada-Nya, agar kamu diberi-Nya petunjuk

tentang apa yang menyebabkan Dia redha terhadap kamu.

Bermohonlah kamu kepada-Nya, agar Dia menjadikan kamu sebagai pelayan-Nya.

Bermohonlah kamu kepada-Nya agar ditunjukkan-Nya kepadamu harta simpanan yang tidak akan habis untuk selamanya.

Bermohonlah kamu kepada-Nya agar dunia ini dibencikan kepada kamu dan akhirat dicintakan kepada kamu.

Apabila Dia telah memberikan hal itu kepada kamu, maka berdoalah kamu kepada-Nya agar akhirat dibencikan kepada kamu dan agar kamu beramal kerana-Nya, cinta kepada-Nya dan meninggalkan segala sesuatunya, selain Dia.

Engkau adalah hamba usaha dan hamba makhluk. Andaikata engkau adalah hamba Allah s.w.t, maka semua urusanmu sudah pasti akan engkau serahkan kepada-Nya dan semua keperluannmu akan engkau sandarkan pada-Nya. Mengapa kamu mengatakan sesuatu, sedangkan perbuatan kamu mendustakan ucapan kamu...? Apakah kamu tidak mendengar firman Allah yang berbunyi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٢﴾
كَبُرَ مَقْتًا عِندَ ٱللَّهِ أَن تَقُولُواْ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾

Ertinya:
"Wahai orang-orang yang beriman...! Mengapa kamu mengatakan apa yang tidak kamu lakukan...? Amat besar kebencian di sisi Allah, jika kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu lakukan."

(As-Saff: 2 -3)

Malaikat-malaikat kamu kagum pada sikapmu yang tidak tahu malu. Mereka kagum pada pembohongan yang sering kamu lakukan dalam segala keadaan. Mereka hairan pada pembohongan kamu dalam bertauhid. Semua ucapanmu adalah tentang keterlaluan dan keringanan, hal ehwal para raja dan orang-orang kaya. Si Fulan makan, si Fulan berpakaian, si Fulan nikah, si Fulan kaya, si Fulan miskin dan sebagainya. Semua ini adalah kegilaan, kemurkaan dan siksaan.

Bertaubatlah kamu, tinggalkanlah semua dosa-dosamu dan kembalilah

kepada Tuhanmu, bukan kepada yang lain-Nya. Ingatlah akan Dia dan lupakan semua selain Dia. Teguh menghadapi ucapanku adalah tanda-tanda iman dan lari dari ucapanku adalah tanda-tanda kemunafikan.

Wahai orang yang mencelaku...! Datanglah, sehingga kita dapat meneliti tingkahku dan tingkahmu menurut agama. Barangsiapa yang tingkah lakunya keluar daripada agama, baik serupa atau seakan-akan serupa, maka dia berhak untuk dicela, dibuang dan mati dengan nama Allah s.w.t. Tampakkanlah dirimu dan janganlah engkau bersembunyi dan lari seperti orang lelaki yang menyerupai wanita. Itu bukanlah apa-apa, ia hanyalah kegilaan dan kelalaian.

Celakalah engkau...! Sebentar lagi kedudukanmu akan jelas.

Ya Allah...! Terimalah taubat kami, janganlah Engkau memalukan kami di dunia mahupun di akhirat.

Wahai hamba...! Urusanmu tidak didasari oleh sesuatu. Oleh yang demikian. maka sudah pastilah tembokmu akan hancur. Dasarmu adalah bid'ah dan kesesatan, manakala bangunanmu adalah riyak serta kemunafikan. Bagaimana bangunanmu akan tegak...? Itu adalah kesenangan dan perangai jahat. Engkau makan, minum, kahwin dan bersenggama dengan dasar kesenangan dan perangai atau tabiat kemnausiaanmu. Engkau tidak mempunyai niat baik dalam melakukan hal itu.

Setiap saat, seorang mukmin itu mempunyai niat yang baik dalam semua perbuatannya. Dia tidak makan, tidak minum, tidak berpakaian dan tidak menikah kecuali atas dasar perintah Allah s.w.t. Demikian ini adalah di dunia mahupun di akhirat. Di dunia, Allah s.w.t memberikan perintah kepadanya dengan perantara agama-Nya dan di akhirat tanpa perantara. Dia melihat dunia ini dan cepatnya dunia ini lenyap. Maka dia berzuhud darinya. Dia ingat bahawa bahagiannya akan datang dan bahawa dia memakan dengan saksi agama hatinya. Maka dia berkata: "Aku tidak memerlukan ini dan tidak menginginkannya." Hatinya berlari ke arah kanan dan ke kiri, namun tetap dipaksa untuk menerima dunia. Ini adalah keadaannya di dunia.

Adapun di akhirat, maka dia tidak membuka matanya di depan syurga sehingga dia dimasukkan oleh Tuhannya ke dalamnya. Apabila dia menerima sesuatu dari syurga itu, maka dia tidak menerimanya kecuali dengan perintah yang pasti. Dia menerima perintah kerana memenuhi hak syurga. Dia memenuhi hak-hak bidadari dan anak-anak pelayan syurga

serta semua kesenangan tersebut. Dalam hal ini dia mengikut jejak para Nabi, Rasul, para syuhada' dan orang-orang soleh, dalam sebahagian waktu. Sebab sebahagian waktunya yang lain adalah untuk Tuhannya s.w.t. Apabila engkau bertakwa kepada Tuhanmu, maka engkau akan mendapat jalan keluar daripada-Nya dalam semua keadaanmu. Apakah engkau tidak mendengar, bagaimana Dia berfirman:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ۝٢ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Ertinya:
"Barangsiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar. Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangka-sangkanya."

(At-Thalaq: 2-3)

Ayat ini menutup pintu kebergantungan kepada usaha. Menutup pintu orang-orang kaya dan para raja dan membuka pintu tawakkal. Barangsiapa yang bertakwa kepada-Nya, maka akan dibalas dengan menjadikan keleluasaan dan jalan keluar dari kesempitan yang dirasakan oleh umat manusia. Apakah yang aku lakukan terhadap kamu...? Sudah berapa kalikah aku berkata kepadamu:

لَقَدْ أَسْمَعْتَ لَوْ نَادَيْتَ حَيًّا وَلَكِنْ لَا حَيَاةَ لِمَنْ تُنَادِى.

Ertinya:
"Engkau memberikan pendengaran, jika engkau memanggil orang-orang yang masih hidup. Namun orang yang engkau panggil itu tidak hidup."

Hatimu kosong dari Islam, iman dan keyakinan. Engkau tidak mempunyai kewalian dan ilmu sama sekali. Maka engkau adalah orang yang kurang waras dan berbicara denganmu adalah sia-sia.

Wahai orang-orang munafik...! Kamu merasa puas dengan rerumput dan tawakkal dengan ucapan kamu, sedangkan hati kamu menyekutukan Allah s.w.t dengan makhluk. Hatiku penuh kemarahan kepada kamu, kerana membela agama Allah s.w.t. Apabila kamu diam dan tidak mendesak, maka aku diam. Apabila kamu tidak diam dan mendesak, maka aku akan membakar rumah-rumah kamu. Wahai orang-orang yang

berkhianat, air itu manis dan tawar.

Ya Allah...! Jauhkanlah kami daripada membenci dan membantah kepada-Mu mengenai takdir-Mu. Jauhkanlah kami daripada maksiat kepada-Mu, dengan kelapangan dari rahmat-Mu. Amin...!.

Wahai hamba...! Apabila engkau bertakwa kepada Allah, berzikir kepada-Nya, mengesakan-Nya dan berisyarat kepada-Nya, sebelum engkau ditimpa musibah, maka apabila engkau ditimpa musibah, maka Dia s.w.t berfirman kepadamu:

يَـٰنَارُ كُونِى بَرْدًا وَسَلَـٰمًا ...

Ertinya:
"Hai api...! Menjadi dinginlah kamu, dan selamatkanlah.

(Al-Anbiya': 69)

Ya Allah...! Semoga Engkau memperlakukan kami seperti ini meskipun kami tidak berhak atasnya. Perlakukanlah kami dengan kemurahan-Mu. Semoga Engkau tidak memberikan kesulitan kepada kami, tidak menutupi kami daripada melakukan ketaatan kepada-Mu. Amin....!.

Bersikap sopan dan beradab adalah wajib bagi seorang wali. Ia tak ubahnya bagaikan taubat bagi orang yang melakukan maksiat. Bagaimana mungkin wali tidak akan bersikap sopan dan beradab, padahal dia adalah makhluk yang paling dekat kepada Allah s.w.t...? Barangsiapa yang bergaul dengan raja dengan kasar, maka kebodohannya itu akan menyebabkan dia terbunuh. Barangsiapa yang tidak mempunyai adab sopan, maka dia akan dibenci oleh Allah s.w.t dan makhluk. Setiap waktu yang tidak terdapat sopan santun di dalamnya adalah merupakan kebencian. Kesopanan mesti ada terhadap Allah s.w.t. Oleh itu, maka hendaklah kamu bersopan santun.

Menghadaplah kamu kepada akhirat. Berpalinglah kamu dari dunia. Janganlah kamu mempedulikan dunia, seperti orang yang kafir. Mereka mempedulikan dan mencintainya, kerana pengetahuan mereka sedikit tentang hal itu.

Seorang hamba hendaklah bertaubat dari segala kemaksiatan dan kesalahannya. Sentiasa melakukan puasa pada siang hari dan melakukan solat pada malam hari. Dia memakan barang yang halal dari hasil pekerjaannya. Kemudia darjatnya naik menjadi orang yang warak.

Pekerjaannya menjadi bertambah sedikit, kerana khuatir memakan barang yang haram. Kemudian darjatnya naik menjadi orang yang bersih. Kemudian darjatnya meningkat lagi menjadi orang yang zuhud, dan selanjutnya meningkat lagi menjadi seorang wali.

Hatinya memerlukan Allah s.w.t. Maka dia merasa sentiasa diawasi oleh-Nya serta arwah para Nabi dan orang-orang yang suci. Dia merasa tenteram kerana-Nya dan dekat kepada-Nya.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada kamu...! Engkau tidak mengetahui tentang sesuatu masalah. Oleh itu mengapa engkau berbicara tentang hal itu...? Engkau tidak mengetahui tentang Allah s.w.t, sehingga engkau merasa diawasi-Nya. Mengapa engkau mengajak orang lain kepada-Nya...? Engkau tidak mengenal, kecuali orang kaya dan raja ini. Dia hanyalah utusan, bukan yang mengutus.

Engkau tidak makan atas dasar warak. Tetapi engkau memakan yang haram. Memakan harta dengan agama adalah haram. Engkau adalah munafik yang sangat pintar dalam berbohong. Aku benci dan ingin menghancurkan orang munafik serta merosak akal mereka. Cangkul-cangkulku merosakkan rumah munafik dan menghilangkan keimanan yang diakuinya. Orang munafik tidak mempunyai senjata yang dapat digunakannya untuk berperang. Dia tidak mempunyai kuda yang dapat dikenderainya untuk menyerang. Dia lari antara makhluk dan Allah s.w.t, antara zahir dan batin, antara usaha dan Pencipta usaha, antara hukum dan ilmu.

Tatkala malapetaka datang, maka tampaklah pengaruh iman, amal, keyakinan, kekuatan tauhid, tawakkal dan bergantung kepada Allah s.w.t. Iman adalah bukti suatu pengakuan. Orang-orang yang beriman takut kepada Allah s.w.t dan memohon kepada-Nya, bukan kepada selain-Nya. Mereka menyandarkan keperluan mereka kepada-Nya, bukan kepada selain-Nya. Mereka kembali ke pintu-Nya, bukan kepada pintu yang dimiliki selain Dia dan pengaruh-pengaruhnya.

Bagaimana kamu tidak tahu tentang Tuhan kamu...? Barangsiapa yang sudah mengenal dunia, maka dia akan meninggalkannya. Barangsiapa yang sudah mengerti tentang akhirat, maka dia akan tahu, bahawa akhirat adalah makhluk yang dibuat setelah tiada, lalu dia akan meninggalkannya dan bertemu dengan Pencipta akhirat itu. Maka remehlah dunia dan akhirat pada kedua-dua mata hatinya dan agunglah Allah s.w.t pada

kedua-dua mata batinnya. Dia hanya mencari keredhaan-Nya, bukan keredhaan yang lain-Nya. Allah menjadikan dunia seperti semut di hadapannya. Dia melihat mereka seperti anak-anak yang sedang bermain dengan debu. Dia melihat para raja yang berkuasa diturunkan dari takhta mereka dan orang-orang kaya yang tertipu. Dia melihat orang-orang yang menyibukkan diri dengan selain Tuhan, sehingga mereka terhalang daripada-Nya.

Aku melihat kamu bermain-main denga kitab Allah s.w.t, sunnah Rasulullah s.a.w. dan ucapan para orang soleh. Kamu bermain-main dengan kedua hal itu kerana kebodohan kamu. Andaikata kamu mengikut al-Quran dan al-Sunnah, maka kamu akan melihat keajaiban.

Para wali sentiasa bersabar bersama-Nya, menerima apa yang dikehendaki-Nya, sehingga Dia memberikan kepada mereka apa yang mereka inginkan. Kemiskinan dan cubaan yang tidak diterima dengan sabar adalah seksaan. Kalau diterima dengan penuh kesabaran, maka ia akan berubah menjadi kemuliaan. Seorang mukmin akan merasa mendapat kenikmatan dalam cubaan yang menimpanya dengan hampirnya kepada Tuhannya dan kerana dia berdoa kepada-Nya. Dia tidak ingin pergi dari tempatnya.

Aku tidak menginginkan ucapanku terlalu banyak, sebab ucapanku itu tidak diarahkan kepada hawa nafsu. Ini adalah zaman akhir. Kemunafikan berdiri dengan tegak. Aku berusaha mendirikan agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w, para sahabat baginda dan orang-orang yang mengikut jejak mereka. Ini adalah zaman akhir. Sembahan sebahagian manusia adalah dinar dan dirham. Mereka telah menjadi seperti kaum Nabi Musa a.s. Hati mereka telah dicampuri oleh karat. Karat zaman ini adalah dinar dan dirham.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada engkau.....! Bagaimana engkau mencari pangkat dan harta dari raja ini...? Dan engkau juga bergantung kepadanya dalam semua kepentinganmu...? Padahal sebentar lagi dia akan dipecat, atau mati...? Atau harta, kerajaan dan pangkatnya lenyap berpindah ke kubur, tempat kegelapan, kemurungan, kesendirian, susah dan menjadi sarang ulat...? Seorang raja menjadi orang yang binasa, kecuali apabila dia mempunyai amal soleh dan niat baik kepada makhluk. Maka Allah s.w.t akan melimpahkan rahmat kepadanya dan meringankan hisabnya.

Janganlah engkau bergantung kepada orang yang akan diturunkan dari jabatannya atau orang yang akan mati. Maka harapanmu akan lenyap dan bantuan akan putus. Cita-cita seorang mukmin adalah tinggi di atas bumi, dunia, akhirat dan para pecintanya. Dia yakin bahawa Tuhannya mencintai orang-orang yang bercita-cita tinggi. Maka cita-citanya menjadi tinggi sehingga dia akan dipanggil melalui hati dan batin. Maka Dia memberikan pangkat sebagai pengganti Nabi s.a.w dan menjadi pimpinan. Di dunia menjadi raja dan di akhirat juga menjadi raja.

Wahai kaum ahli tariqat...! Bersyukurlah kamu kepada Tuhan kamu atas nikmat-nikmat-Nya dan janganlah engkau menisbatkannya kepada yang lain-Nya. Apakah kamu tidak mendengar firman-Nya yang berbunyi

وَمَا بِكُم مِّن نِّعْمَةٍ فَمِنَ ٱللَّهِ ۖ ...

Ertinya:
"Dan apa saja nikmat yang ada pada kamu, maka dari Allah jua (datangnya)."

(An-Nahl: 53)

Telitilah para faqir miskin dengan seksama dan berikanlah sesuatu pada mereka. Berusahalah engkau agar engkau tidak tertipu oleh tipu daya orang munafik yang menyamar dan ahli berdusta yang berpura-pura miskin, sedangkan dia sebenarnya adalah orang kaya. Dia bersesakan dengan para faqir miskin dengan zahir, kepura-puraan dan kehinaannya. Apabila ada seseorang dari orang macam ini meminta kepadamu, lalu engkau bimbing sesaat dan engkau meminta petunjuk kepada hatimu. Mintalah fatwa kepada hatimu, meskipun engkau diberi oleh mereka yang ahli berfatwa.

Seorang mukmin mengerti tentang sifat munafik itu. Dia mempunyai tanda-tanda tentang diri mereka. Hati mukmin itu sangat peka. Hati itu melihat dengan cahaya Allah s.w.t yang ditempatkan-Nya di dalam hatinya.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada engkau....! Engkau orang yang malas, maka engkau tidak mendapatkan manfaat apa-apa. Para tetangga, saudara, kerabat bepergian, meneliti dan menggali lubang, sehingga mereka mendapatkan harta simpanan. Keuntungan yang hanya sepuluh dan dua puluh dirham. Dan mereka kembali dengan membawa keuntungan, sementara engakau hanya terduduk di tempatmu. Sebentar

lagi apa yang berada di tanganmu dan yang sedikit itu akan lenyap dan engkau setelah itu meminta-minta kepada umat manusia.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada engkau....!. Bersungguh-sungguhlah engkau dalam melalui jalan menuju Allah s.w.t. Janganlah engkau tergantung pada takdir-Nya. Apakah engkau tidak mendengar, bahawa Dia berfirman, yang berbunyi:

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُواْ فِينَا لَنَهۡدِيَنَّهُمۡ سُبُلَنَاۚ ...

Ertinya:
"Dan orang-orang yang bersungguh-sungguh untuk (mencari keredhaan) Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan Kami."

(Al-'Ankabut: 69)

Berbuatlah engkau...! Meskipun ada orang lain bagimu dan sempurnakanlah pekerjaanmu. Semua perkara ada dalam kekuasaan Allah s.w.t. Maka janganlah engkau mencari sesuatu pada yang lain-Nya. Apakah engkau tidak mendengar firman-Nya yang berbunyi:

وَإِن مِّن شَيۡءٍ إِلَّا عِندَنَا خَزَآئِنُهُۥ وَمَا نُنَزِّلُهُۥٓ إِلَّا بِقَدَرٖ مَّعۡلُومٖ ٢١

Ertinya:
"Dan tiada suatupun melainkan khazanahnya pada sisi Kami, dan Kami tidak menurunkannya melainkan dengan ukuran yang tertentu."

(Al-Hijr: 21)

Setelah ayat ini tidak ada pembicaraan sama sekali. Wahai orang yang mencari dinar dan dirham...! Kedua-duanya adalah benda. Kedua-duanya berada dalam kekuasaan Allah s.w.t. Maka janganlah engkau mencarinya dari makhluk. Janganlah engkau mencari kedua-dua hal itu dengan menggunakan lisan kemusyrikanmu dan kebergantunganmu terhadap usaha.

Ya Allah...! Wahai pencipta makhluk dan ikhtiar...! Selamatkanlah kami daripada ikatan menyekutukan Engkau dengan makhluk dan usaha ciptaan-Mu dan:

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنۡيَا حَسَنَةٗ وَفِي ٱلۡأٓخِرَةِ حَسَنَةٗ وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."

(Al-Baqarah: 201)

Wahai hamba-hamba Allah s.w.t...! Kamu berada di daerah hikmah. Kamu wajib melakukan usaha. Carilah doktor yang mampu mengubati penyakit hati kamu dari sembahan kamu itu., iaitu doktor yang mengubati, menunjukkan dan memegang tangan kamu. Dekatkanlah diri kamu kepada mereka yang mampu untuk mendekatkanmu kepada-Nya, mengajarkan adab sopan kepada-Nya, menjauhkan engkau daripada penghalang untuk dekat kepada-Nya dan penjaga-penjaga pintu-Nya. Kamu puas melayani nafsu kamu dan mengikut kesenangan dan tabiat kamu.

Aku memperbaiki akhlak kamu dan membuat kamu merasa malu di sisi Allah s.w.t. Janganlah kamu mendengarkan mereka yang menghibur diri mereka itu. Mereka merendahkan diri mereka kepada para raja, seperti semut di hadapan mereka, tidak memerintahkan dengan perintah-Nya dan melarang dengan larangan-Nya. Apabila mereka melakukannya dengan dasar kemunafikan dan memaksakan diri. Semoga Allah s.w.t membersihkan bumi ini dari mereka dan semoga Dia menunjukkan mereka jalan menuju pintu-Nya.

Aku merasa cemburu apabila ada orang yang mengatakan "Allah", sedangkan dalam masa yang sama, dia melihat kepada yang selain-Nya. Wahai orang yang melakukan zikir, berzikirlah kepada Allah, dalam keadaan engkau berada di dekat-Nya. Janganlah engkau berzikir kepada-Nya dengan menggunakan lisanmu, sedangkan hatimu berada di sisi yang selain Dia.

Orang yang memusuhi dan mencintaiku, bagiku adalah sama saja. Di atas bumi ini, aku tidak mempunyai kawan mahupun lawan. Ini adalah tentang sahnya tauhid dan melihat makhluk dengan pandangan yang lemah. Tetapi orang yang bertakwa kepada Allah s.w.t adalah kawanku dan orang yang melakukan maksiat kepada Allah s.w.t adalah lawanku. Orang yang bertakwa itu adalah sahabat imanku, dan orang yang melakukan

maksiat ini adalah musuh imanku.

Ya Allah...! Nyatakanlah dan jelaskanlah hal ini bagiku dan semoga Engkau menetapkan diriku terhadap hal ini. Jadikanlah ia sebagai anugerah untukku, bukan sebagai pinjaman.

Tariqat ini tidak dapat dicapai dengan pengakuan, dengan berhias diri, dengan berangan-angan, dengan nama julukan dan gagapnya lisan. Tariqat ini hanya dapat diraih dengan kejujuran, ikhlas, tidak melakukan riya', memerangi hawa nafsu, kesenangan dan syaitan.

Jadilah kamu orang-orang yang mempunyai akal. Aku tidak melihat kamu mempunyai hati dan mengerti tentang Allah s.w.t yang membolak balikkan hati. Jiwa kamu tidak terlatih dan terdidik. Jiwa kamu itu penuh dengan takbur dan membesarkan diri. Aku tidak berada dalam jalan yang menuju kepada Allah s.w.t. Tidak juga milikku dan tidak juga bersamaku. Semua jalan menuju kepada Allah s.w.t ini adalah ketiadaan dan kefanaan pada tingkat pertama, tatkala iman masih lemah, lisan melafazkan: لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ dan tatkala iman sudah sampai pada tingkat yang akhir, maka ucapan lisan ialah: لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ Sebab Allah Taala itu wujud dan dapat dilihat.

Semua orang yang meminta kepada makhluk adalah buta dari pintu Allah s.w.t. Dia tidak melayani-Nya dan tidak merasa diawasi oleh-Nya. Andaikata dia melayani-Nya, maka Allah Taala akan memberi kekayaan kepadanya ketika sudah tua. Dia s.w.t. memberi kepada orang yang tidak melayani-Nya. Bagaimana Dia s.w.t. tidak akan memberi kepada orang yang melayani-Nya...? Setiap kali seorang mukmin menjadi semakin tua, maka imannya menjadi bertambah kuat dan tidak memerlukan makhluk, kerana hampirnya kepada Allah s.w.t. Dia tidak memerlukan mereka meskipun dia tidak memiliki sebutir biji gandum, sesuap nasi atau secarik kain juapun.

Ingatlah oleh kamu apa yang aku katakan, dan janganlah kamu membuangnya ke belakangmu. Aku mengatakan kebenaran dengan kebenaran. Aku berkata setelah aku mencuba. Aku melihat sebahagian besar daripada kamu terhalang dari Allah s.w.t. Mereka mengaku Islam, namun mereka tidak mempunyai sedikitpun dari hakikat Islam itu. Aduh...! Saungguh kasihan nasibmu....! Apa yang ada pada kamu hanyalah namanya saja. Hal ini tidak bermanfaat bagi kamu. Kamu mengetahui syarat-syarat Islam secara zahir, bukan batin. Amal kamu sama sekali tidak mampu

menyamai sesuatu.

Lailatul qadar ada alamat dan tanda-tandanya menurut orang-orang soleh. Sebahagian hamba-hamba Allah s.w.t. ada yang terbuka matanya, sehingga mereka mampu melihat Nur Allah s.w.t yang ada di tangan malaikat, cahaya pada wajah mereka, cahaya pintu-pintu langit dan Nur Allah s.w.t. Sebab pada malam itu Allah s.w.t. menampakkannya kepada penduduk bumi.

Apabila seorang hamba itu telah mengenal Allah s.w.t, maka Dia akan mendekatkannya dengan sempurna, memberi kepadanya semua pemberian, menenteramkannya secara sempurna dan mengagungkannya seagung-agungnya. Apabila dia cenderung kepada hal itu, maka Dia menghilangkannya daripadanya. Dia akan menjadi miskin, mengembalikan kepada nafsunya dan membuat penghalang antara Dia dan dirinya. Dia mengujinya supaya dia tahu apa yang akan dilaukannya. Apakah ia akan lari atau tetap (istiqamah) dalam pengakuanya...? Apabila dia tetap, maka Dia akan menghilangkan penghalang dan mengembalikannya kepada keadaanya semula.

Imam al-Junaid seringkali berkata: "Apakah yang wajib atas diriku dari diriku....?" Hamba dan apa yang dimilikinya adalah milik Tuhannya s.w.t. Dia telah menyerahkan jiwanya kepada-Nya, menghilangkan usaha dari dirinya dan redha akan penguasaan takdir terhadap dirinya. Hatinya bersih dan jiwanya tenang. Dia mengamalkan firman Allah s.w.t:

إِنَّ وَلِـِّۧيَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى نَزَّلَ ٱلْكِتَـٰبَ ۖ وَهُوَ يَتَوَلَّى ٱلصَّـٰلِحِينَ ﴿١٩٦﴾

Ertinya:
"Sesungguhnya pelindungku ialah Allah yang telah menurunkan kitab (al-Quran) dan Dia melindungi orang-orang yang soleh."

(Al-A'raf: 196)

Apabila Imam al-Fudhail bin 'Iyadh bertemu dengan Imam Sufyan al-Thauri, maka beliau berkata kepada Imam Sufyan:

"Datanglah ke sini, agar kita dapat menangisi ilmu Allah tentang kita."

Aduhai...! Betapa indahnya ucapan ini. Ini adalah ucapan orang menjadi wali Allah s.w.t, tentang Dia dan perbuatan-Nya. Adapun ilmu Allah s.w.t. yang beliau katakan itu, ialah firman-Nya yang berbunyi:

هَؤُلَاءِ إِلَى الْـجَنَّةِ وَلَا أُبَالِي وَهَؤُلَاءِ إِلَى النَّارِ وَلَا أُبَالِي.

Ertinya:
"Mereka ke syurga dan Aku tidak peduli. Dan mereka ke neraka dan aku juga tidak peduli."

Allah s.w.t. mencampurkan semuanya dalam firman-Nya, maka beliau tidak mengetahui, termasuk ke dalam golongan yang manakah beliau...?

Kaum ahli tariqat tidak tertipu oleh amal mereka yang nampak kerana nilai sesuatu amal itu adalah pada akhirnya. Kerajaan bagi sebahagian besar makhluk adalah bagaikan sembahan. Dunia, kekayaan, kesihatan, daya upaya dan ketakutan, adalah sembahan.

Aduhai...! Aku kasihan kepada kamu...! Kamu menjadikan cabang sebagai pokok, yang diberi menjadi pemberi, yang dimiliki menjadi yang memiliki, yang miskin menjadi kaya, yang lemah menjadi kuat dan yang mati menjadi hidup. Kamu tidak mempunyai kemuliaan. Kami tidak mengikut dan tidak memakai mazhab kamu. Bahkan kami menjauhi kamu berdasarkan keselamatan, sunnah, menjauhi bid'ah, tauhid, ikhlas, menjauhi riyak dan kemunafikan, memandang makhluk dengan pandangan lemah, tidak berdaya dan terpaksa.

Engkau mengagungkan penguasa. Fir'aun dan orang-orang kaya dunia ini menjadi agung dalam pandanganmu, dan engkau lupa akan Allah s.w.t. serta tidak mengagungkan-Nya. Maka engkau secara hukum adalah penyembah berhala. Engkau pun termasuk berhala yang engkau agungkan itu.

Celakalah engkau....! Sembahlah Pencipta semuanya itu. Maka semuanya itu akan tunduk kepadamu. Engkau akan dekat kepada-Nya dan para makhluk ingin mendekatkan diri kepadamu. Makhluk mengagungkanmu sebagaimana engkau mengagungkan-Nya. Mereka mencintaimu sebagaimana engkau mencintai-Nya. Mereka takut kepadamu sebagaimana engkau takut kepada-Nya. Mereka menghormatimu sebagaimana engkau memuliakan perintah dan larangan-Nya. Mereka mendekatkan diri kepadamu sebagaimana engkau dekat kepada-Nya. Mereka melayanimu sebagaimana engkau melayani-Nya.

Ingatlah bahawa kematian adalah ubat hati, menyembuhkan penyakit di dalamnya dan menghancurkan nafsu. Aku hidup dalam beberapa tahun dan aku banyak mengingati kematian, baik siang mahupun malam. Aku

beruntung kerana hal ini dan aku membunuh nafsuku juga dengannya. Pernah pada suatu malam, aku ingat akan kematian dan menangis semenjak awal malam hingga waktu sahur. Pada malam itu aku menangis dan berkata:

"Wahai Tuhanku...! Aku aku meminta kepada-Mu agar bukan malaikat maut yang mencabut nyawaku, tetapi Engkaulah yang mencabutnya."

Lalu mataku mengantuk dan aku bermimpi melihat seorang lelaki yang sudah tua, tetapi berwibawa dan mempunyai perangai yang baik. Kemudian dia masuk melalui pintu dan terjadilah dialog antara kami.

"Siapakah engkau...?", tanyaku.

"Aku adalah malaikat maut...!", jawabnya.

"Aku telah memohon kepada Allah s.w.t. agar Dialah yang mencabut nyawaku, bukan engkau...!", kataku selanjutnya.

"Mengapa demikian....? Apakah dosaku...? Aku hanyalah seorang hamba yang diperintah untuk bersikap halus pada suatu kaum dan berlaku kasar pada kaum yang lain...!", jawabnya sambil merangkulku dan aku menangis bersamanya.

Kemudian aku terbangun dalam keadaan menangis.

Imam Ahmad bin Hanbal berkata:

"Aku keberatan oleh hati yang dibakar oleh rasa cinta kepada harta, sedangkan hati itu hafal al-Quran."

Aku memperbanyakkan teman yang terdiri daripada orang-orang soleh yang ahli beribadah, rukuk, sujud, menyeru kepada kabaikan dan mencegah kemungkaran, warak, menjauhkan tangan mereka dari pekerjaan dan cita-cita mereka adalah mencari Tuhan mereka. Nafkahkanlah harta kamu untuk mereka, sebab mereka besok di hari kiamat mempunyai pangkat di sisi Allah s.w.t.

Ada seseorang bertanya kepada beliau r.a.: "Manakah yang lebih berat antara api takut dengan api rindu....?" Beliau menjawab: "Api takut untuk murid tariqat, sedangkan api rindu adalah untuk guru tariqat. Ini adalah benda dan ini juga adalah benda. Manakah yang ada padamu, wahai orang yang bertanya....?"

Wahai orang-orang yang bergantung kepada usaha...! Ketahuilah,

bahawa yang memberi manfaat dan mudarat kepadamu adalah Yang Esa. Raja kamu Esa. Sultan kamu Esa. Tuhan kamu Esa. Apakah kamu tidak mendengar firman Allah yang bermaksud:

"Maka barangsiapa yang mengharap untuk bertemu dengan Tuhannya, maka hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah mempersekutukan seorang pun dalam beribadah kepada Tuhannya."

(Al-Kahfi: 110)

Antara engkau dan Tuhanmu adalah dirimu, jauhilah dirimu. sedangkan engkau telah melihat-Nya. Dia mungkin bertanya: "Bagaimana aku berpisah dari diriku....?" Akan aku katakan kepadanya: "Jauhilah nafsumu dengan memeranginya dan dengan berpura-pura tuli untuk menurutnya. Maka engkau akan menjadi hina dan terusir dari hatimu sendiri."

Engkau akan menjadi sepotong daging yang terbuang tanpa dapat bergerak. Kemudian jiwa ketenangan hadir di dalam nafsumu. Apabila jiwa kewujudannya telah disemayami oleh jiwa ketenangan, maka nafsu dan hati dapat melihat kepada Tuhan mereka. Tatkala jiwa menjadi tenang, dan menolong, maka jiwa akan diberi nyawa tenang bukan nyawa yang pertama. Iaitu nyawa ketuhanan, nyawa akal, nyawa zuhud dari makhluk, nyawa wujud dengan Allah s.w.t, dan nyawa ketenangan terhadap-Nya serta menjauhi yang selain-Nya.

Orang yang benar di dalam melakukan amal akan melebihi dan meninggalkan para guru. Dia akan memberikan isyarat kepada mereka: "Saya persilakan kepada para guruku untuk tetap berada di tempat. Saya akan menuju tempat yang kamu tunjukkan kepadaku..." Para guru adalah pintu kefahamanmu. Sebaiknya engkau tetap berada di pintu dan tidak masuk ke dalam rumah.

وَيَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ ...

Ertinya:
"Allah membuat perumpamaan-perumpamaan itu untuk manusia supaya mereka selalu ingat."

(Ibrahim: 25)

Berimanlah kamu kepada Allah s.w.t. dan Rasul-Nya. Benarkanlah Allah s.w.t. dan Rasul-Nya di dalam firman-Nya. Dasar untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t. adalah iman. Dasar dari segala kebaikan

adalah iman dan ikhlas, dasar kenabian. Kenabian adalah dasar daripada kerasulan. Iaitu dasar daripada kewalian.

Tatkala Ali bin al-Fudhail bin 'Iyadh meninggal dunia, maka bapanya bermimpi, dan dalam mimpinya itu beliau bertanya kepada anaknya: "Apakah yang diperbuat oleh Allah s.w.t. kepadamu...?" Beliau menjawab: "Wahai bapa, aku tidak melihat sesuatu yang lemah lembut bagi hamba kecuali Tuhannya."

Wahai anak kecilku...! Engkau mesti beribadah kepada Allah. Janganlah engkau sibuk kerana mengurus yang lain-Nya. Tempat adalah ciptaan-Nya dan rezeki adalah pemberian-Nya. Dia telah mengira makanan para penghuni dunia ini. Para malaikat diserahi untuk mengurus rezekimu, baik yang bagus mahupun yang buruk. Seorang hamba ditimpa malapetaka, sehingga apabila ia memejamkan kedua-dua matanya dari malapetaka itu, maka datanglah kedekatan kepada Allah s.w.t. yang mengubati lukanya, kebaikan yang mengangkat darjatnya dan kerinduan yang merangkulnya. Permulaan itu adalah dengan hal-hal yang dibenci. Apabila syurga dikelilingi oleh hal-hal yang dibenci, maka bagaimana dengan kedekatan kepada Allah s.w.t...?

Seorang mukmin adalah pegawai Allah di dalam dunia ini. Apabila batin menjadi langit dan hati berubah menjadi bumi, maka hati akan memakan batas langit batin. Apabila dia menghendaki, maka dia dapat mengumpulkan kedua-duanya. Kemudian dia melihat sesuatu yang mendekat kepadanya. Dia kemudian menghulurkan tangan seakan-akan merangkul sesuatu. Kemudian dia berkata: "Wahai ahli majlis, fahamilah keadaanku. Aku terikat oleh keadaan. Aku terikat oleh waktu. Aku bisu, aku tuli...!".

Apabila engkau meninggal, maka kematian itu memutuskan semua hubunganmu dan engkau ditinggalkan oleh semua kerabatmu. Maka jauhilah mereka dan putuskanlah hubunganmu dengan mereka, sebelum mereka meninggalkanmu. Sehingga kubur adalah merupakan sebuah lorong sempit yang menuju kepada Allah s.w.t. Matilah engkau sebelum engkau mati. Matilah engkau dari dirimu sendiri dan dari semua makhluk, maka engkau akan hidup dengan keredhaan-Nya. Engkau seakan-akan orang mati yang digerak-gerakkan dan disuapi oleh takdir. Engkau mengambil bahagian rezekimu tanpa rasa peduli. Apabila hal ini sudah sempurna, maka datanglah kehidupan dengan hampirnya kepada Allah

s.w.t. dan ilmu tentang-Nya.

Burung ini berlalu pergi. Dia tidak mempedulikan apakah kiamat telah terjadi atau belum, apakah kematian itu ada atau tidak. Dia mempunyai pekerjaan yang sampai kepada kebenaran. Hukum terpelihara dan terjaga. Maha Suci Allah yang menjalankan kamu dengan hukum dan memfasihkan kamu dengan ilmu. Salah satu dari kamu itu ialah menyerupai pakaian orang-orang yang soleh, biru dan bulu binatang. Sedangkan dia menurut kami adalah orang yang kafir.

Adakalanya seorang hamba memakan hasil pekerjaannya dan imannya menjadi kuat sehingga dia diharamkan untuk memakan hasil pekerjaannya. Dikatakan kepadanya: "Bukalah harta simpanan kehidupan. Ambillah sebahagian harta ilmu." Nabi s.a.w. bersabda:

تَفَرَّغُوْا مِنْ هُمُوْمِ الدُّنْيَا مَا اسْتَطَعْتُمْ.

Ertinya:
"Lepaskanlah diri kamu daripada kesedihan-kesedihan dunia semampu kamu."

Banyak-banyaklah engkau mengingat kematian dan kejadian setelahnya, titian dan apa yang berlaku setelahnya. Ingatlah akhirat beserta nikmat dan seksanya. Kosongkanlah diri kamu dari urusan dunia dengan menyibukkan diri terhadap Allah s.w.t, menyucikan hati, batin, memerangi nafsu dan semua syaitan. Bebaskanlah diri kamu untuk menyembah kepada Allah s.w.t. dan pergunakanlah seluruh waktu kamu untuk-Nya. Tauhid adalah meniadakan makhluk dan keluar dari perubahan watakmu menjadi watak para malaikat, lalu lenyapnya dirimu dari watak malaikat dan bertemu dengan Tuhanmu s.w.t. Dia memberi minuman kepadamu apa yang diberikan-Nya kepadamu dan engkau mengkhususkan dengan amal-amal di sisi-Nya, melebihi amal zahir.

Islam adalah zahir dan iman adalah kekuatannya, lalu setelah itu adalah kewalian, kemudian hidup dengan Allah s.w.t, dengan keredhaan-Nya. Apabila wujudmu adalah atas keredhaan-Nya, maka hal itu adalah kerana-Nya. Seorang mukmin akan makan dari hasil usahanya dan dia tahu bahawa semua itu adalah dari Allah s.w.t. Apabila imannya bertambah kuat, maka dia akan memakan dengan tawakkalnya dan meyakini bahawa hal itu adalah dari Allah s.w.t. serta tidak berubah dari pendapatnya yang pertama tentang hal itu. Andaikata dia duduk di sungai Dijlah selama

seribu tahun, maka hatinya tetap bergantung kepada Allah s.w.t.

Terimalah nasihat orang lain, semoga Dia merahmatimu. Dengan wajah apa engkau bertemu dengan-Nya, sementara engkau menentangnya dalam masalah takdir, padahal takdir-Nya itu tidak dapat ditentang mahupun dibantah.

Jadikanlah istighfar sebagai kebiasaan lisanmu dan pengakuan dosa sebagai kebiasaan hatimu serta diam sebagai kebiasaan batinmu. Pertama kali berzikir adalah dengan lisan, kemudian terus ke hati. Cinta dan rindu menjalar ke lisan. Engkau berguru kepada beberapa orang guru, namun engkau tidak pernah melihat putih gigi salah seorangpun dari mereka. Mereka makan makanan yang enak-enak namun tidak tamak dalam suapan mereka. Mereka bersopan santun.

Tinggalkanlah sesuatu selain dirimu, maka dia akan kenyang. Laparlah engkau, maka orang lain akan mulia dan engkau hina. Orang lain tidak memerlukan, sedangkan kamu amat memerlukan. Aku mendidik dan mengajar kamu hanya untuk hal tersebut pada hari ini. Aku memastikan bahawa kamu tidak memberikan manfaat dan bahaya, menambah mahupun mengurangi rezekiku meskipun hanya sedikit. Setelah itu aku berbicara kepada kamu. Aku meyakinkan hal ini, sementara aku berada di tanah-tanah yang lapang dan bumi yang kosong lagi tandus.

Memakan dengan dorongan syahwat adalah penyebab kekerasan hati, mengikat batin, menghilangkan kepandaian, memperbanyak tidur dan lupa, memperkuat nafsu serakah dan melambungkan angan-angan.

Wahai orang yang terpenjara di dalam penjara hawa nafsunya...! Wahai hamba makhluk...! Wahai orang yang tidak mengaetahui tentang akhir kehidupannya...! Wahai orang yang bodoh tentang makhluk, tentang Allah s.w.t, tentang apa yang berbahaya dan bermanfaat bagi dirinya...! Apabila engkau tidak pernah berfikir, maka sekarang berfikirlah engkau untuk mengingat tentang kematian, sebab mengingat kematian itu adalah kunci dari segala kebaikan dan keselamatan. Apabila engkau mengingati tentang kematian, maka engkau akan jauh dari kerakusan. Apabila nafsu serakahmu lemah, dan angan-angan tidak melambung, maka engkau akan kembali, engkau akan menyerahkan segala urusanmu kepada Allah s.w.t.

Wahai hamba...! Engkau tidak mempunyai keuntungan hingga engkau mahu mengakui nikmat-nikmat-Nya. Nikmat menenggelamkan dirimu dalam bertauhid kepada-Nya, kemudian engkau akan menjadi lenyap di

dalam bertauhid kepada-Nya dari melihat yang selain-Nya. Bagaimana Dia akan mencintai orang yang mengadukan-Nya, menentang dan membantah-Nya...? Hal ini tidak dapat wujud bersama dengan cinta, rindu dan dekat kepada-Nya. Apabila rasa cinta sudah benar, maka tidak akan terdapat kesakitan di dalam menerima takdir. Apabila cinta telah kukuh, maka kecurigaan dan menentang akan lenyap sama sekali. Semua langkah akan berakhir di kubur. Engkau kini sedang melangkah menuju perkuburan.

Sebahagian ulama ahli tariqat berkata: "Seorang wali disibukan oleh Allah s.w.t. untuk menerima, menolak, memuji, mahupun mencela. Apabila nafsu telah lenyap, maka sebagai gantinya adalah urusan Allah s.w.t. Apabila dunia telah lenyap, maka sebagai gantinya adalah akhirat. Apabila akhirat telah lenyap, maka sebagai gantinya adalah hampir kepada Allah s.w.t. Dia merasa mendapat ketenteraman dengan dekat kepada-Nya. Dia merasa puas dengan solat. Engkau telah melalui separuh jalan. Puasa menyebabkan engkau berdiri di pintu dan sedekah memasukkanmu ke dalam rumah."

Demikianlah kata sebahagian guru. Tempuhlah jalan menuju Allah s.w.t. dengan bersabar dan solat. Permintaanmu bukanlah dengan ucapan: "Aduhai...! Aku keseorangan. Aduhai...! Aku terasing....!" dan sebagainya. Andaikata hikmah tidak dijaga, maka kiraan Nabi a.s. mengatakan rahsia-rahsia kamu dan semua amal yang kamu lakukan. Namun hikmah berada dalam lindungan ilmu dan diselamatkan olehnya, supaya ia tidak terbongkar. Adakalanya seorang wali itu zuhud dari nikmat kerana menyibukkan diri dengan Allah Yang Memberi nikmat dan menjauhkan nikmat dari dirinya agar tidak terganggu olehnya. Apabila dia telah benar-benar menyibukkan diri dengan beribadah kepada-Nya, maka Dia akan mendekatkannya kepada-Nya dan memberi kekuasaan kepadanya untuk membuat sesuatu.

Ucapanku di luar jangkauan kamu semua, setelah aku tidak melihat kamu. Oleh kerana itulah, aku melalui dunia kamu dan akhirat. Aku melihat kamu, lalu aku yakin kamu tidak mempunyai mudarat dan manfaat, memberi mahupun menolak. Dialah yang bertindak dalam diri kamu. Kamu tidak berbahaya kecuali setelah Allah s.w.t. menghendakinya untukmu. Maka aku kembali kepada Allah s.w.t. Dunia aku lihat akan hancur, lenyap, musnah, dapat membunuh dan menipu. Maka aku tidak sudi untuk tenteram kerananya dan berdiri bersamanya, kerana

sangat cepat lenyapnya, tetapi akhirat aku mahu berdiri bersama-sama dengannya sesaat. Aku berfikir tentang akhirat itu. Kemudian tampaklah cacatnya kepadaku, iaitu kebaharuan dan dipersekutukan. Aku juga melihat bahawa di dalam syurga Allah s.w.t. itu menyediakan keinginan nafsu dan penyejuk pandangan mata, sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya, yang berbunyi:

وَفِيهَا مَا تَشْتَهِيهِ ٱلْأَنفُسُ وَتَلَذُّ ٱلْأَعْيُنُ ۖ ...

Ertinya:
"Dan di dalam syurga itu terdapat segala apa yang diingini oleh hati dan sedap bagi mata (memandangnya)."

(Az-Zukhruf: 71)

Aku berkata: "Di manakah keinginan hati...? Lantas aku berpaling darinya kepada Tuhan dan penciptanya. Apabila seorang hamba bertakwa kepada Allah s.w.t, maka dia akan berubah dari kebodohan menjadi kepandaian, dari yang jauh menjadi dekat, dari diam menjadi berzikir, dari gelisah menjadi tenteram dan dari gelap menjadi terang.

Wahai hawa nafsu...! Wahai tabiat dan keinginan...! Apabila kamu merasa puas dengan tauhidku, dengan menjauhi makhluk, dan tenang menuju kepada Allah s.w.t. serta tidak mempedulikan penglihatan para makhluk, maka aku tidak mengambil sesuap nasipun dari mereka, kecuali setelah Allah s.w.t. melihat. Apabila tidak demikian adanya, maka aku bersumpah tidak akan makan dan minum. Apabila kamu meninggal dunia, maka aku akan terbang dengan batinku menuju kepada Allah s.w.t.

Dinding-dinding agama Nabi kita s.a.w. saling berjatuhan dan meminta pertolongan kepada siapa saja yang mahu membangunnya. Air sungai agama meresap ke dalam bumi. Tuhan tidak lagi di sembah. Apabila seorang hamba menyembah kepada-Nya, maka dia menyembah kerana menunjuk-nunjuk dan munafik. Siapakah yang mahu memberikan bantuan untuk membangun tembok, menyegarkan sungai dan menghancurkan kemunafikan...? Aku berkata atas nama ilmu. Tidak mungkin bagi kita menjelaskan dan mengetahuinya. Sebuah kerajaan yang tidak pernah diperlihatkan kepada seseorang.

Bukit Tur adalah kecil, tetapi syaitan tidak mampu untuk melihatnya, sehingga dia dapat merosak bukit itu. Dan tidak ada seorang rajapun

yang dapat melihat bukit itu, sehingga dia mampu menguasainya. Allah s.w.t. bersumpah dengan gunung Tur itu untuk menampakkan wujud-Nya kepada Nabi Musa a.s. Apabila hati telah mengenal Allah s.w.t, maka hati itu akan dapat memuatkan jin, manusia dan malaikat. Sehingga tatkala tidak terdapat sesuatu yang menghalangnya dan tidak patut dia memandangnya, maka dia menjadi dekat kepada Allah s.w.t. Apakah engkau tidak mendengar tentang tongkat yang dimiliki Nabi Musa a.s yang telah menewaskan tongkat dan tali ahli sihir Fir'aun, namun tongkat itu tidak berubah...?

Imam Kamil al-Mallah (pedagang garam) bertanya berkenaan dengan ucapan Hasan al-Bisri yang berbunyi: "Apabila orang yang berilmu tidak melakukan zuhud, maka dia menjadi seksaan bagi ahli zamannya, mengapa dia menjadi seksaan bagi mereka....?" Beliau r.a. menjawab: "Kerana dia berbicara tanpa keikhlasan dan amal. Maka ilmu itu tidak difahami oleh hati mereka dan tidak positif. Mereka hanya berusaha untuk mendengarkan, tidak untuk mengamalkan."

Apabila hati telah bersih dan disinari oleh ilmu, maka dengan sinar itu dia akan dapat memadamkan api maksiat makhluk, sebagaimana api memadamkan cahaya seorang mukmin tatkala dia melanggar ketentuan Ilahi. Dikatakan, bahawa perkara yang paling sulit adalah memerangi nafsu dan kesenangan serta makhluk, mengalahkan teman-teman dan kemudian istiqamah dalam pendirian itu. Menyendiri adalah jalan ke akhirat. Nafsu tidak patut menjadi teman dalam tariqat. Demikian juga halnya dengan kesenangan, sehingga kesenangan itu lenyap.

Syaitan adalah musuh yang nyata bagi manusia, ia tidak patut dijadikan teman. Kesenangan adalah malapetaka yang menghancurkan kepandaianmu dalam tariqat. Makhluk adalah penyamun. Tinggalkanlah kesenanganmu pada pintu kesendirianmu lalu masuklah engkau bersendirian, maka engkau akan melihat Dia yang memberi ketenteraman padamu dalam kesendirianmu itu. Para Hawariyun berkata kepada Nabi Isa: "Ajarilah kami ilmu yang terbesar...!." Beliau menjawab: "Takut kepada Allah s.w.t, redha terhadap takdir-Nya, dan cinta kepada-Nya...!."

Engkau adalah kafir zindiq. Engkau menyendiri dengan tujuan melakukan maksiat, kemudian engkau menampakkan ibadah dan kezuhudan kepada orang ramai. Apakah engkau merasa aman dalam menghadapi kematianmu....?

Celakalah engkau....! Semua rezeki ada di tangan Allah s.w.t. Seperti seorang lelaki di Khurasan yang meninggal dunia. Dia mempunyai saudara yang bernasab mulia di Iraq. Lelaki itu mempunyai banyak harta namun tidak mempunyai waris kecuali saudaranya, sedangkan dia belum tahu.

Kamu semua adalah orang-orang awam. Kamu wajar untuk berbicara tentang makanan, minuman dan pakaian. Kita dikalahkan oleh urusan kita, maka kita berbicara selain hal itu. Hati meniadakan keunsuran nafsu, agar nafsu itu kembali kepada Allah s.w.t. dengan jalannya.

Apabila dalam hatimu, engkau mencintai seseorang dan membenci lainnya, apakah yang engkau perbuat...? Engkau mencintai dan membenci dengan perangai dan tabiatmu. Engkau tidak mempunyai kemuliaan. Pertimbangkanlah semuanya dengan al-Quran dan al-Sunnah. Apabila semuanya sesuai dengan kedua-duanya, maka dekatilah mereka. Apabila tidak demikian, maka menjauhlah engkau daripada mereka.

Apabila mereka memberi fatwa dengan sahih, maka kembalilah engkau kepada hatimu. Apabila hati mengamalkan al-Quran dan al-Sunnah, maka hati akan menjadi dekat kepada-Nya. Apabila hati sudah dekat, maka hati akan mengenal-Nya. Apabila hati sudah mengenal-Nya, maka akan diperlihatkan kepadanya apa yang bermanfaat mahupun yang mendatangkan mudarat kepadamu, akan diperlihatkan kepadamu apa yang dimiliki oleh kebenaran dan kebatilan, apa yang dimiliki oleh syaitan dan Allah s.w.t. Dia akan melihat kedekatannya kepada Tuhan dan kedekatan-Nya kepada dirinya. Selamanya dia bergembira kerana Allah s.w.t. Dia menjadi tukang belanja-Nya. Dia berbelanja dan kemudian membahagi-bahagikannya kepada makhluk.

Apabila engkau masuk ke sini, maka lepaskanlah ilmumu dan masuklah engkau dengan jiwa yang lapang. Demikian pula lepaskanlah kezuhudan, kewarakan dan semua sifat-sifatmu. Sebab apabila engkau masuk kepadaku dengan berpakaian, maka terkadang engkau terhalang dariku oleh apa yang ada di sini. Hal itu tidak akan terlambat dari dirimu.

Pernah aku berkunjung kepada seorang mursyid tatkala beliau berbicara tentang hal-hal yang terlintas dalam hati. Beliau bertanya: "Apakah engkau suka apa yang ada padaku...?" Aku menjawab: "Ya." Beliau berkata lagi: "Aku berpuasa selama-lamanya dan berbuka setiap waktu sahur. Makanan daerah ini tidak suci, maka jauhilah makanan itu."

Imam Sirri al-Saqati membantah Imam al-Junaid tentang berbicara

kepada manusia. Kemudian Imam Sirri melihat Nabi s.a.w. dalam tidur (mimpi) yang memerintahkan untuk melakukan hal tersebut. Tatkala beliau bertemu dengan Imam al-Junaid, maka Imam Junaid berkata kepada beliau: "Engkau tidak sepakat dengan kami hingga engkau mendapat perintah."

Celakalah engkau...! Engkau berbicara kepada khalayak ramai, sedangkan setelah engkau ada orang yang berbicara. Tidak ada seorang pun di atas bumi, langit, dunia dan akhirat yang aku takuti dan menjadi tumpuan harapanku kecuali Allah s.w.t.

Sebahagian ulama salaf al-Soleh ditanya orang: "Apakah engkau melihat Tuhanmu...?." Beliau menjawab: "Dia menghendaki kedua-dua mata wujudku terpendam, maka wujudku itu melihat Tuhannya, sebagaimana Dia memperlihatkan Zat-Nya di syurga kepada hamba-hamba-Nya. Dia memperlihatkan kepada hatiku, memperlihatkan sifat-sifat-Nya, kebaikan-Nya, dan perlindungan-Nya mengikut kehendak-Nya."

Imam Abul Qasim al-Junaid berkata: "Apakah yang wajib atas diriku untuk diriku...?" Sufi adalah orang yang suci dari kewujudannya. Hatinya menjadi perantara antara dirinya dengan Tuhannya. Dia menjadi sufi sehingga dia dapat melihat Nabi s.a.w. dalam mimpinya. Baginda s.a.w. memberitahu, memerintah dan melarang kepadanya, hatinya naik dan batinnya suci menuju pintu Allah s.w.t, sedangkan tangannya berada di tangan Nabi s.a.w.

Pertama kali Nabi Adam a.s berbicara dengan bahasa Suryani. manusia dihisab pada hari kiamat dengan bahasa Suryani. Dan tatkala mereka masuk ke syurga, maka mereka berbicara dengan bahasa Arab, bahasa Nabi Muhammad s.a.w.

Sebahagian ulama tariqat berkata: "Apabila seorang hamba taat kepada Allah s.w.t, maka Dia akan memberikan kewalian kepadanya. Apabila dia melakukan maksiat, maka Dia tidak akan dapat mengambil kewalian itu darinya untuk dapat digunakannya sebagai dalih olehnya di hari kiamat."

Ada ilham yang datang dari Allah s.w.t. Lalu ilham itu terlintas dalam hati seorang mukmin dan berhenti padanya. Mukmin tersebut lalu bertanya kepadanya: "Siapakah engkau dan dari mana engkau datang...?" Dia menjawab: "Aku adalah bahagianmu dari kenabian, kebenaran. Akulah kebenaran. Akulah kekasih. Aku datang dari malaikat Raqib...!."

Ilham itu memenuhi batin, pendengaran dan matanya. Dia melihat ilham itu suka hidup bersendirian, meninggalkan kampung halamannya. Kemudian dia akan didatangi oleh hal lain yang akan mengejutkannya juga sehingga datanglah diam kepadanya. Apabila diam sudah tiba, maka ucapan akan terus terjadi. Engkau akan melihatnya seakan-akan dia mendengarkan seseorang yang sedang berada di sampingnya dan berbicara dengannya.

Ada seseorang yang mencari sebahagian daripada harta. Maka beliau mendudukkannya dan berkata kepadanya: "Aku perintahkan engkau untuk berzuhud dari harta, lalu berzuhud dari akhirat, kemudian engkau meminta kepada Allah s.w.t. Berzuhudlah engkau, hingga Allah s.w.t memberi kepadamu, maka janganlah engkau mengambilnya."

Allah s.w.t. memberi peringatan kepada Nabi Isa a.s.: "Wahai Isa...! khuatirlah engkau akan Aku tinggalkan." Nabi Musa a.s. berkata kepada Tuhannya: "Ya Tuhanku...! Berilah aku wasiat...!." Dia berfirman: "Aku wasiatkan kepadamu tentang Aku...!." Beliau berkata lagi: "Berilah aku wasiat...!." Dia menjawab: "Aku wasiatkan kepadamu tentang Aku...!." Beliau berbuat demikian sebanyak empat kali, dan setiap kali beliau bermohon seperti, maka Allah berfirman: "Aku wasiat kepadamu tentang Aku...!."

Engkau tidak akan dipedulikan, kecuali setelah benih kewujudanmu pecah dan engkau dirangkul oleh bayangan agama. Maka seruan akan mempengaruhi dirimu, engkau akan menemui benih anugerah dan engkau terpengaruh oleh anugerah itu. Adapun yang dimaksudkan dengan ucapan ini adalah tidak berbicara di depan khalayak ramai dan tidak mengajak mereka menuju Allah s.w.t, sehingga dia mempunyai kedudukan di sisi Allah s.w.t. dan mempunyai keahlian dan berhak untuk berbicara di depan mereka serta mengajak mereka kepada Allah s.w.t.

Fahamilah hukum zahir ini dengan mengamalkannya, kemudian fikirkanlah apa yang engkau lihat dari keuntungan dekat dan berdoa kepada Allah s.w.t. Orang-orang awam mengharapkan hadirnya makanan. Aku berbicara, sedangkan engkau tidak ada menurut pandanganku. Bumi dan langit juga tidak ada. Tidak ada yang memberikan manfaat dan mudarat kepadaku melainkan Allah s.w.t.

Ada pertanyaan: "Apakah makna ucapan sebahagian guru yang mengatakan bahawa murid tariqat mengaji sebelum menjadi pandai...?"

Beliau r.a berkata: "Maksudnya adalah pelajarilah ilmu tentang ibadah dan bersungguh-sungguh dalam solat dan puasa sebelum dapat untuk hampir kepada-Nya dan rahmat-Nya. Apabila Dia mendekatkannya dan memberi rahmat kepadanya, maka dia terlambat untuk mengetahui tentang Dia, sebelum dia pandai untuk menyekutuimu dengan kehendakmu. Engkau menempuh jalan itu, tetapi kami meninggalkan engkau."

Masing-masing dari umat manusia sibuk. Orang ini adalah hamba rajanya. Orang ini adalah hamba nafsu dan pakaiannya. Masing-masing dari mereka sibuk, orang ini sibuk kerana puasanya, orang ini disibukkan oleh solatnya, orang ini disibukkan oleh riwayatnya, orang ini disibukkan oleh takutnya kepada neraka dan orang ini disibukkan oleh kecintaannya kepada syurga.

Ada seorang lelaki yang berhati-hati kerana Allah s.w.t, bersama-Nya, bergantung kepada-Nya dan berzuhud dari harta. Dia berdiri untuk menolong agama-Nya. Hati-hatilah engkau terhadap kejahatan dunia dan isinya. Apabila kamu menemui orang ini, maka dekatlah kamu kepadanya dan selalulah kamu berada di sisinya. Kegembiraan seorang mukmin ada di wajahnya dan kesedihannya ada di hatinya. Kemudian hal itu menjadi terbalik. Kesedihannya ada di wajahnya dan kegembiraannya ada di hatinya. Kesedihan ada di wajahnya untuk memberi pengertian kepada manusia dan kegembiraan ada di hatinya. Takdir tertawa kepada hati dan wajahnya serta memberi khabar gembira kepada keduanya.

اَلدُّنْيَا سِجْنُ الْـمُؤْمِنِ.

Ertinya:
"Dunia adalah penjara orang mukmin."

Dunia ini adalah penjara baginya, selama dia masih beriman. Apabila dia sentiasa bertakwa, maka Dia akan mengeluarkannya dari dunia. Mengeluarkannya dari penjara kesempitannya.

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ...

Ertinya:
"Barangsiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan ke luar. Dan memberinya rezeki dari

arah yang tiada disangka-sangkanya."

(At-Thalaq: 2-3)

Benih kewujudannya telah hilang dari dirinya. Dia telah menemui biji hukum, dipelihara oleh sayap kedekatan dan dirangkulnya. Dialah pemilik beberapa pinggan dan meja makan.

Wahai orang yang bodoh...! Engkau mempunyai cahaya yang tidak tetap. Engkau mempunyai harta yang perginya sebagaimana datangnya. Engkau masih memerlukan sesuatu selain daripada Allah. Engkau lenyap dan mati seribu kali, lalu pada akhirnya engkau akan berpendirian kukuh sebagaimana datangnya malam dan siang. Engkau selalu istiqamah dan tidak pernah berubah. Engkau jangan mengaku bahawa engkau digigit kutu. Kiamatmu telah tiba. Engkau merasa susah hanya kerana kehilangan sesuap nasi dari makan malammu. Kiamatmu telah tiba Nabi s.a.w. bersabda:

اَلنَّاسُ نِيَامٌ فَإِذَا مَاتُوا انْتَهَبُوْا.

Ertinya:
"Manusia itu dalam keadaan tidur. Apabila mereka mati, barulah mereka terbangun."

Lelaki yang paling buruk adalah lelaki yang terbangun setelah kematian. Sepatutnya seseorang yang faqir membiasakan puasa dan menerima apa adanya serta menjauhi yang haram, sehingga dia dapat mencapai keredhaan Allah s.w.t. Dia dapat berjalan menuju pintu kedekatan, segera menjauhi makhluk dan dunia serta akhirat. Dia akan selalu mendapat pertolongan dan rahmat Allah. Dia akan disertai oleh arwah para Nabi dan Rasul.

Wahai orang-orang yang berhati mati...! Engkau terikat oleh harapan mendapat syurga sehingga engkau terhalang dari Allah s.w.t. Lepaskanlah ikatan itu, kembalilah kamu kepada Allah s.w.t. Janganlah engkau melambungkan angan-angan, supaya hatimu dekat kepada-Nya dan jauh dari makhluk, dekat kepada-Nya dan dapat membaca takdir yang akan terjadi pada dirimu.

Kalimah demi kalimah, baris demi baris dan huruf demi huruf dengan melihat waktu, jam dan masa. Engkau akan tahu apakah akibat semua urusanmu. Apabila engkau takut kepada-Nya, maka engkau akan dekat

pada-Nya. Selanjutnya engkau tidak mempedulikan, apakah umurmu akan panjang atau pendek. Sama ada kiamat itu akan terjadi ataukah tidak. Sama ada engkau dicintai oleh manusia ataukah mereka membencimu. Sama ada mereka memberi ataukah tidak mau memberi kepadamu. Kemudian orang ini akan berdiri dengan berteriak, menutup wajahnya, lalu membukanya kemudian dia akan berkata:

يَٰنَارُ كُونِي بَرْدًا وَسَلَٰمًا ...

Ertinya:
"Hai api...! Menjadi dinginlah kamu, dan selamatkanlah.

(Al-Anbiya': 69)

Ya Allah...! Janganlah Engkau memperlihatkan berita tentang kami, kemudian dia duduk.

Sufyan al-Thauri berkata kepada al-Fudhail bin 'Iyadh: "Datanglah ke sini, agar kita dapat menangisi ilmu Allah tentang kita." Maka mereka menjadi takut dan hati-hati.

يُؤْتُونَ مَآ ءَاتَواْ وَّقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ ...

Ertinya:
"Yang memberikan apa yang telah mereka berikan dengan hati yang takut."

(Al-Mukminun: 60)


Mereka takut apabila amal mereka tidak diterima. Mereka takut akan keburukan akhir hayat mereka.

Imam Ahmad bin Hanbal berkata: "Waktu hanyalah pakaian di bawah pakaian, makanan di bawah makanan dan beberapa hari yang singkat."

Wahai hamba...! Tutuplah pintu pemberian makhluk kepadamu, maka akan terbuka bagimu pintu pemberian Allah. Kemudian Syeikh Abdul Qadir r.a berdiri, kadang-kadang beliau miring ke kanan, kadang-kadang ke kiri, beliau meletakkan kedua-dua belah tangannya di dadanya, memegang kedua-dua susunya, kemudian duduk dan berkata:

"Wahai orang buta...! Masuklah engkau ke pintu yang terbuka. Pintu ini ada dua, ada yang terkunci dan ada yang terbuka. Masukilah pintu melalui pintu yang terbuka ini. Lakukanlah usaha dengan dasar agama untuk

menghidupkan agama Nabi s.a.w. Kemudian berjalanlah engkau menuju Allah s.w.t dengan mengikut Nabi s.a.w dalam segala tingkah laku baginda. Apakah engkau sanggup untuk lenyap dari dirimu...? Kalau engkau sanggup, laksanakanlah tanpa usaha dan tidak pula beserta perbuatan. Apabila engkau menyerahkan dirimu kepada Allah s.w.t, maka Dia akan mencukupimu, mengangkat dan mendekatkanmu kepada-Nya bahkan memberikan kepadamu apa-apa yang belum pernah engkau ketahui.



Ertinya:
"Dan Allah mengetahuai, sedangkan kamu tidak mengetahui."

(Al-Baqarah: 216)

Tawakkallah engkau terhadap gelora dan turun naik takdir-Nya. Di manapun engkau berada engkau akan mendapat anugerah-Nya. Ke manapun engkau menghadap di sana pulalah Allah mengetahuimu. Engkau akan melihat kedekatan-Nya, ketenteraman daripada-Nya dan rahmat-Nya.

Perumpamaan orang kaya adalah bagaikan seorang lelaki yang diberi makanan di atas pinggan. Dia diberi namun tidak tahu arahnya. Sehingga tatkala dia tahu arahnya, maka dia mencari arah itu dan menutup semua arah yang lain. Demikian pulalah hamba ini. Apabila dia mengetahui bahawa Allah yang memudahkan, memberi dan menghadapkan dirinya terhadap tariqat ini, maka hatinya bergantung kepada-Nya.

Nafsumulah yang memerangimu, maka engkau akan melawannya dan menjauhkannya daripada makanan dan minumanmu, kecuali makanan dan minuman yang tidak dapat ditinggalkan, sebab itu adalah haknya. Engkau tidak patut untuk berdiam di sudut-sudut masjid. Engkau hanya patut berdiam di pasar-pasar. Engkau tidak patut untuk tahu tentang rahsia-rahsia Allah s.w.t. Orang yang berhak untuk tahu tentang rahsia-rahsia-Nya adalah orang bisu. Barangsiapa yang tidak mampu menguasai batinnya, maka hendaklah dia menjauh dari khalayak ramai, tempatnya adalah gua-gua, pantai-pantai, gurun-gurun dan tanah mati. Barangsiapa yang tidak mampu untuk mengumpulkan antara hukum dengan ilmu, maka dia hendaklah diajar dengan meja makan raja.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepada engkau...! Engkau mengharapkan dunia dan akhirat, sementara dalam masa yang sama engkau

mengaku cinta kepada-Nya. Wahai orang yang bodoh...! Engkau mengaku cinta kepada-Nya, sementara dalam masa yang sama engkau memohon agar engkau mendapatkan manfaat dan dijauhkan daripada bahaya. Menyingkirlah engkau, sebab engkau tidak termasuk kaum tariqat. Engkau adalah hamba makhluk, hamba nafsu dan kesenangan. Di sisi kamilah pengadilan-pengadilan kamu, pembuat dan pemeriksa wang.

Wahai orang yang mengaku...! Apakah yang engkau lakukan....? Engkau berkata tentang sesuatu bukan pada tempatnya. Doa mempunyai tempat dan masa. Ucapan mempunyai keadaan, diam mempunyai keadaan, memandang ada waktunya dan memejamkan mata juga ada waktunya. Di manakah orang yang beramal, sehingga kami berguru kepadanya...? Para siddiqin melebihi semua zaman. Mereka wajib beribadah dalam setiap saat untuk menyukuri Allah yang memberikan nikmat dengan taat dan bersyukur kepada-Nya.

Engkau cukup dengan rezeki halal yang sedikit. Kurangilah makanmu dari yang halal ini. Apabila engkau berlebihan, maka engkau pasti akan mengambil barang halal yang merupakan persekutuan antara kaum muslimin. Apabila engkau melakukan hal itu, maka engkau akan memakan makanan yang syubhat. Sedangkan syubhat itu dekat kepada haram, dan haram itu dekat ke neraka. Orang zuhud adalah orang yang zuhud dari barang yang halal. Adapun zuhud dari haram, maka hal itu adalah wajib.

Terkadang sesuatu yang terlintas dalam hati, namun hati tidak kuasa untuk memikulnya. Sebagaimana seorang ibu apabila mendapat berita tentang kematian anaknya. Dia akan menjerit dan mengoyak-ngoyak pakaiannya. Akal tidak mampu untuk memikulnya. Kami bercampur dengan khalayak ramai untuk berdakwah. Kami menyesuaikan diri dengan mereka dan mempergauli mereka dengan tujuan berdakwah. Hati kami sejuk melihat kepada janji Allah s.w.t. untuk makan dari anugerah-Nya.

Berzuhudlah engkau dari kehendakmu agar engkau mendapatkan kehendak-Nya. Meninggalakan kehendak dan keinginan sendiri adalah termasuk syarat cinta. Tatkala engkau dalam keadaan demikian, maka lisanmu berkata, telingamu mendengar dan kedua-dua matamu terbuka.

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ...

Ertinya:
"Apa-apa yang diberikan oleh Rasul kepadamu, maka ambillah ia. Dan apa-apa yang dilarangnya bagimu, maka hentikanlah."

(Al-Hasyr: 7)

Laksanakanlah perintah-perintah Allah s.w.t dan Rasul-Nya. Amalkanlah semua itu. Di dalam tariqat ini tidak ada aku, dan tidak ada juga kita, yang ada hanyalah Engkau, Engkau adalah:

ٱلْأَوَّلُ وَٱلْآخِرُ وَٱلظَّـٰهِرُ وَٱلْبَاطِنُ ...

Ertinya:
"Yang Awal dan Dialah Yang Akhir, Yang Zahir dan Yang Batin."

(Al-Hadid: 3)

Beliau r.a berkata tentang firman-Nya:

وَٱلسَّمَآءِ وَٱلطَّارِقِ ﴿١﴾

Ertinya:
"Demi langit yang datang pada malam hari."


(At-Thariq: 1)

Allah s.w.t bersumpah demi langit dan apa saja yang mendatanginya. Nabi Muhammad s.a.w mendatanginya. Langit didatangi oleh cita-cita baginda, kemudian oleh jasad baginda. Nabi kita s.a.w dinaikkan ke langit yang ke tujuh, diajak berbicara oleh Tuhan baginda dan melihat-Nya dengan kedua-dua mata kepala baginda serta dengan kedua-dua mata hati baginda.

Demikian pula semua orang yang berhati bersih. Dia akan melihat Allah s.w.t dan menghilangkan semua penghalang antara dia dan langit dan rahsia-rahsia ILAHI. Beberapa cita-cita datang ke langit sedangkan rahsia berjalan menuju ke sana. Hati para siddiqin penuh oleh rahsia Tuhan semesta alam, hati yang bersinar. Oleh itu, takutlah kamu akan firasat orang mukmin.

Apabila hati telah dekat kepada-Nya, maka Dia akan membuat langit yang berbintang ilmu, bermataharikan kewalian. Malaikat berusaha mendapatkan sinar dengan Nur itu. Tidak ada satu jiwa pun yang tidak ada penjaganya dari Allah, agar tidak disambar oleh syaitan-syaitan.

Sebahagian kecil ada yang dijaga oleh mereka dengan berbaris.



Ertinya:
"Padahal Allah mengepung mereka dari belakang mereka."

(Al-Buruj: 20)

Di manakah kefasihan...? Engkau merosak rumahmu. Engkau berputar-putar, tidak berpindah dari tempatmu, seakan-akan engkau adalah unta pemutar batu pengisar. Barangkali ada sebahagian wali yang berdoa buruk untukmu. Kedua-dua mata hatimu telah buta. Engkau mensia-siakan Allah s.w.t, maka Dia mensia-siakan dirimu. Engkau terlalu banyak tujuan di jalanmu. Banyak sekali kepentinganmu dan tujuanmu menjadi tidak pasti. Masih ada sepotong daging yang ada di antara dunia dan akhirat. Engkau memerlukan seorang teman yang berdoa untukmu setelah engkau jelas jatuh miskin.

Para kaum ahli tariqat merasa tenteram kerana Allah, kemudian dengan malaikat. Apabila engkau merasa tenteram kerana mereka, maka akan dibukakan untukmu pintu yang lain. Apabila engkau tenteram sebab makhluk, maka akan dibukakan untukmu pintu manusia dengan kegilaan. Apabila engkau menutupnya, maka pintu manusia yang berupa kerajaan akan dibukakan untukmu. Segala sesuatu yang tidak bertindak atas nama dirinya sendiri. Api tidak mampu membakar dengan sifatnya dan air juga tidak mampu menyegarkan dengan sifatnya sendiri. Api raja Namrudz tidak kuasa membakar Nabi Ibrahim a.s. Abu Muslim al-Khaulani tidak terbakar tatkala dilemparkan ke dalam api.

Apabila engkau ikhlas dalam segala amalmu, maka engkau akan terlepas dari makhluk. Engkau hanya mampu mendapatkan keredhaan-Nya apabila engkau terlepas daripada mereka dan mencari Allah s.w.t seperti orang asing yang masuk pada suatu lorong untuk mencari seorang temannya. Dia sampai di batas lorong itu dan kembali ke awalnya, sedangkan dia tidak tahu rumahnya, padahal temannya itu melihatnya. Tatkala temannya itu melihat kebingungannya, maka dia merasa kasihan dan keluar untuk menemuinya serta berpelukan dengannya. Sebagaimana Nabi Yusuf berbuat terhadap Bunyamin, beliau berkata kepadanya:

أَنَا أَخُوكَ ...

Ertinya:
"Aku (ini) adalah saudaramu."

(Yusuf: 69)

Allah s.w.t. menjadikan bumi hati sebagai tempat kewalian dan ilmu. Andaikata Dia tidak menjadikannya sebagai tempat bagi kedua-dua hal itu, maka hati akan terputus-putus dan terkoyak-koyak. Apabila hati sudah bersih dan dekat kepada-Nya, maka ia akan diisi dengan hukum agar supaya manusia dapat mendapatkan maslahat daripada ilmu itu dan mereka dijadikan sebagai gunung bagi agama.

Adapun yang besar dari mereka adalah kedudukan para sahabat, dan di bawahnya lagi adalah kedudukan para tabiin. Mereka mengamalkan apa yang mereka katakan kerana takwa, baik ucapan mahupun perbuatan, samar mahupun jelas. Para Nabi merasa puas dengan mereka, dan Allah s.w.t. membanggakan mereka terhadap para Malaikat-Nya.

Betapa beruntungnya orang yang mengikut jejak langkah mereka dan membantu mereka dalam meringankan beban keduniaan serta keluarga. Mereka adalah suatu kaum yang tidak sempat untuk bekerja kerana mengusahakan kemaslahatan bagi semu makhluk. Bagi mereka, manusia semuanya adalah bagaikan anak. Mereka tidak bergantung kepada harta. Harta menawarkan diri kepada mereka, namun mereka berpaling daripadanya. Apa yang ada ditanganmu ini bukanlah milikmu. Barang itu adalah milik bersama, di antara pemiliknya adalah jiran-jiran tetanggamu, kerana mereka adalaha sekutu dekatmu.

وَأَنفِقُوا۟ مِمَّا جَعَلَكُم مُّسْتَخْلَفِينَ فِيهِ ۖ ...

Ertinya:
"Dan nafkahkanlah sebahagian daripada hartamu yang telah Allah telah menjadikan kamu menguasainya."

(Al-Hadid: 7)

فَيَنظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٢٩﴾

Ertinya:
"Maka Allah akan melihat bagaimana perbuatanmu."

(Al-A'raf: 129)

Bantulah tetangga-tetanggamu, berilah makan orang-orang miskin.

Sebab rumah seorang siddiq adalah sempit, namun di dalamnya lebar. Di manakah orang yang mengunci pintu makhluk dan berdiri di pintu Allah s.w.t. serta menyandarkan semua keperluannya kepada-Nya...? Tinggalkanlah semua usaha dan lepaskanlah semua tuhan, lalu lihatlah apa yang dilihat. Berdirilah engkau di pintu-Nya dan bersabarlah atas kepahitan takdir-Nya, maka engkau tidak akan merasa disakiti. Engkau akan melihat pembuatan sesuatu. Bagaimana Dia membuat rahmat dan bagaimana Dia mendidikmu. Bagaimana cinta mempesona dirimu, yang penting ketika ini adalah diam.

أَمَّن يُجِيبُ ٱلْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ ...

Ertinya:
"Atau siapakah yang memperkenalkan (doa) orang yang dalam kesusahan apabila ia berdoa kepada-Nya."

(An-Naml: 62)

Dia memaksamu agar engkau berdoa kepada-Nya. Dia ingin agar engkau mendesak dengan berdoa. Dia menutup semua pintu di wajahmu sehingga engkau berdiri di pintu-Nya. Para kekasih Allah s.w.t. melihat pintu kedekatan itu terbuka, seperti seorang ibu mengunci pintunya untuk selain anaknya. Dia berpesan kepada para tetangganya agar tidak membuka pintu kerana ada maksud tertentu. Anak ibu itu keluar dengan menangis dan menyesal. Semua pintu yang dilihatnya terkunci, maka dia kembali kepada ibunya. Allah s.w.t. menyempitkan hamba-Nya dengan tujuan mengembalikannya kepada-Nya dan agar hatinya tidak tergantung kepada makhluk.

Seorang fakir miskin sepatutnya tidak mendambakan belas kasihan. Apabila dia terpaksa, maka hendaklah dia mencari keperluannya saja. Apabila Dia mendekatkanmu dan memberikan cubaan-Nya. Apabila tidak demikian, maka Dia menyibukkan dirimu dengan memberikan cubaan kepadamu dengan cubaan-Nya. Mencintai sesuatu itu akan mengganggu kedekatanmu kepada-Nya dan kesabaranmu atas cubaan. Orang yang tidak takut kepada Allah s.w.t. adalah orang yang tidak berakal. Daerah tanpa tanah berair dan rosak. Kambing tanpa ada orang yang mengembalakannya dan ditangkap oleh binatang buas.

Agama adalah takut. Barangsiapa yang takut, maka dia akan berpindah-randah, tidak menetap pada suatu tempat, bahkan dia terus berjalan.

Akhir perjalanan hati adalah perjalanan batin. Tatkala mereka sampai ke pintu, maka batin mereka meminta izin untuk masuk, lalu dia diberi izin. Kemudian hati meminta izin agar tenteram. Bintang hati Nabi s.a.w. berubah menjadi terang, batin baginda berubah menjadi zahir.

Mereka adalah ibarat para raja, yakni raja dunia dan langit. Di sisi-Nya mereka adalah pengganti dan khalifah. Aku menanti mereka di pintu Allah s.w.t. Aku melihat kepada mereka, baik dalam keadaan terjaga mahupun dalam keadaan tidur. Aku menanggung kesakitan negeri ini untuk kamu. Aku bersabar atas malapetaka mereka. Aku menggabungkan terang dengan kegelapan, aku menanggung kesusahan, berfikir dan merenung. Setiap aku maju selangkah, maka aku akan dikembalikan.

Pernah suatu ketika Ibrahim bin Adham merasa bingung tentang doa. Kemudian kedua-dua mata beliau terpejam dan Allah s.w.t. memberi ilham kepadanya melalui hatinya.

"Wahai Ibrahim...! Katakanlah, 'Ya Allah...! Jadikanlah aku orang yang redha terhadap takdir-Mu, orang yang sabar atas cubaan-Mu, ilhamilah aku untuk mensyukuri nikmat-nikmat-Mu dan aku meminta kepada-Mu kesempurnaan nikmat-Mu, kelangsungan kesihatan yang Engkau berikan dan tetap mencintai-Mu.'"

Ada lintasan suara yang ditempatkan dalam sanubari Nabi kita s.a.w., yang menceritakan tentang keluarga baginda. Beliau keluar ke tanah Hira', bahagian dari Tursina. Beliau merasakan adanya wahyu. Di daerah yang dinamakan Hira' tersebut, ada sebuah gua yang didiami oleh seorang ahli ibadah yang bernama Abu Kabsyah. Baginda datang ke sana untuk menyembah Tuhan baginda. Tatkala baginda dalam keadaan demikian, tiba-tiba baginda bermimpi seperti cakerawala di waktu pagi hari. Tiba-tiba baginda dipanggil: "Wahai Muhammad, wahai Muhammad." Baginda menjauhi suara itu dan pergi ke rumah. Lantas baginda berkata: "Selimutilah aku...! Tutupilah aku...! Aku mendengar suara." Kemudian dikatakan kepada baginda: "Wahai Muhammad, ini tidak akan lenyap oleh selimut dan penutup."

وَٱللَّهُ غَالِبٌ عَلَىٰٓ أَمۡرِهِۦ ...

Ertinya:
"Dan Allah berkuasa terhadap urusan-Nya."

(Yusuf: 21)

Inilah hati. Ia tak ubahnya bagaikan isi kurma di halaman rumah yang tidak beratap. Rumah itu mempunyai beberapa tembok yang kukuh. Tembok tidak lapuk oleh hujan di waktu musim penghujan dan sinar matahari di musim kemarau. Isi kurma itu tumbuh, sedang tidak ada seorangpun yang tahu. Apabila isi kurma itu telah berubah menjadi pokok, lalu tinggi, berbuah dan masak, maka mereka mengambilnya, namun tidak ada jalan bagi mereka untuk menguasainya. Itulah hati.




Ertinya:
"Apabila Dia menghendaki. Dia membangkitkannya kembali."

('Abasa: 22)

Kewalian adalah bersifat kebatinan dan tersembunyi. Perumpamaan kewalian adalah sesuatu yang sentiasa bersama dengan seorang raja, tidak pernah berpisah darinya, kecuali apabila dia menaiki kenderaan. Janganlah engkau meminta kepada Allah s.w.t., kecuali kebersihan makanan, minuman dan pakaian. Janganlah engkau lari menjauh daripada-Nya. Janganlah engkau menyembah-Nya untuk mendapatkan hal-hal itu. Apakah yang engkau perbuat dengan rahmat...?

Kemudian Tuan Syeikh berkata: "Ya Allah...! Cukupilah kami, agar kami tidak memerlukan yang selain Engkau. Janganlah Engkau menyibukkan kami dengan yang selain Engkau. Apakah ini....?." Beliau berkata demikian dengan wajah yang marah. Kemudian beliau menutupi wajah beliau, berdiri sambil berteriak, kemudian duduk, berdiri dan berkata:



Ertinya:
"Dan sesungguhnya kamu akan mengetahui (kebenaran) berita al-Quran selepas ini."

(Sad: 88)

Ada sekelompok kaum yang tidak suka bermohon kepada Allah s.w.t., agar keburukan dan ketidakpasrahan tidak dinisbahkan kepada mereka. Kerinduan mempercepat langkah-langkah mereka. Apabila engkau melakukan zuhud dari harta, maka engkau mudah untuk

mengorban-kannya.

Para wali Allah s.w.t. mempunyai beberapa keadaan yang tertentu pada mereka. Seorang wali badal, tidak akan menjadi wali badal sehingga beban berat makhluk berada di bahunya dan Allah s.w.t. memberikan pertolongan kepadanya. Sebab dia sentiasa berada di hadrat-Nya, tidak pernah berpindah. Lahirnya pikulan itu ada padanya dan batin pukulan ada di tangan rahmat-Nya. Tetaplah kamu membenarkan dan membuang kecurigaan dari hati kamu.

Beliau r.a. berkata tentang firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

إِنَّ نَاشِئَةَ ٱلَّيۡلِ هِىَ أَشَدُّ وَطۡـًٔا ...

Ertinya:
"Sesungguhnya bangun di waktu malam adalah lebih tepat (untuk khusyuk)."

(Al-Muzammil: 6)

Semuanya itu terjadi ketika tidur dan tidur makhluk, nafsu, perangai, kesenangan dan kehendak, sedangkan hati tetap. Makanan dan minumannya adalah berdoa kepada Allah s.w.t, berdiri, rukuk dan sujud di hadapan-Nya. Apakah engkau belum pernah melihat orang yang zuhud dari harta agar tidak mengurus selain meminta kepada-Nya...? Demikian juga dia zuhud dari akhirat supaya tidak terganggu untuk beribadah kepada-Nya. Dia berangan-angan akhirat tidak terwujud, sebab akhirat adalah manis, tampak dan merupakan rahmat. Hati dan batin menjadi wajah yang pada zahirnya tampak apa yang ada di hatinya. Dia ingin kelangsungan dunia sebab dia menyembah Allah s.w.t. dan beramal kepada-Nya secara rahsia.

Engkau dalam keresahan tentang Allah s.w.t. Bilakah hatimu benci akan makhluk dan tenteram kerana Allah s.w.t. dari pintu ke pintu sehingga tidak ada lagi pintu, dari daerah ke daerah, dari langit ke langit sehingga tidak ada langit....? Dia menjatuhkan kiamat atas dirinya sendiri. Dia berdiri di hadrat-Nya Dia membaca catatan amal-amalnya, sama ada yang baik yang menjanjikan syurga, mahupun yang buruk yang menjanjikan neraka. Tatkala dia berada di antara takut dan harap, memadamkan api dengan air rahmatnya, neraka lalu berseru:

"Lalulah kamu wahai mukmin...! Kerana cahayamu telah memadam-kan

kobaranku...!."

Dia mudah untuk melalui perjalanan sejauh tiga ribu tahun perjalanan dalam sekejap mata. Sehingga tatkala dia mendekati tempat Maha Raja, maka dia kembali kepada akal, kehendak dan kecintaannya terhadap Tuhannya serta kerinduannya kepada-Nya. Dia berkata: "Aku tidak akan masuk kecuali bersama Allah s.w.t."

Apakah engkau tidak melihat anak yang gugur berhenti di pintu syurga. Dia berkata: "Aku tidak akan masuk hingga kedua-dua ayah dan ibuku masuk. Di mana tetangga dan di mana saksi...?" Dia tidak masuk sehingga tangan Nabi s.a.w. mengusapnya.

Kaum ahli tariqat mengaharapkan datangnya malam dan tidurnya ahli keluarganya. Kerana mereka menanggung semua beban berat keluarga mereka dan usaha, sedangkan hati mereka ingin tawakkal kepada Allah s.w.t. Anggota badan mereka mengadakan usaha. Apabila engkau diberi-tahu sebelum datangnya cubaan, maka engkau hanya akan kembali kepada-Nya tatkala datangnya cubaan itu. Engkau meyakini kebaikan dan keburukan adalah datang daripada-Nya. Demikian juga halnya dengan manfaat, mudarat, kemuliaan, kehinaan, kekayaan dan kemiskinan.

Pernah ada seseorang bertanya kepada Tuan Syeikh berkenaan dengan ucapan sebahagian ulama yang mengatakan: "Apabila engkau tidak mendapatkan manfaat daripada pandangannya, maka engkau tidak akan mendapat manfaat dari petunjuknya."

Tuan Syeikh menjawab, kata beliau:

"Kaum ahli tariqat sama sekali tidak mempedulikan dunia dan akhirat dan dapat melihat Tuhan mereka s.w.t. Apabila mereka melihat engkau, maka penglihatannya itu memberi manfaat padamu. Apabila seorang wali memandang bumi yang kering, maka Allah akan menghidupkan dan menyuburkannya, atau melihat seorang Yahudi atau Nasrani, maka Dia akan memberi petunjuk kepada mereka. Ada seseorang yang bertanya kepadanya "Mengapa kami melihat engkau merangkul kayu ini, sedangkan kayu itu hanyalah tunggak sebuah kursi...?" Beliau menjawab, "Sebab kursi itu dekat denganku. Engkau melihat beberapa hal, namun tidak diceritakan dan diterangkan kepadamu. Oleh kerana itulah aku merangkulnya." Orang itu bekata kepadanya: "Kami lebih dekat kepada hatimu...!." Beliau berkata: "Wahai anak-anakku, apabila kamu seperti itu, kamu akan bertakwa

kepada Allah s.w.t., merasa diawasi-Nya dan mencari keredhaan-Nya, maka aku menjadi pelayan dan cinta kepada kamu."

Apabila seorang hamba berzuhud, maka Allah s.w.t. akan membukakan hatinya serta mendekatkannya kepada-Nya. Dia tidak diperkenankan untuk belajar, Dia akan memberinya ilmu.

Kaum ahli tariqat mengucap dengan anggota badan mereka, hati dan batin mereka. Mereka menjauhi apa yang dibenci oleh Tuhan mereka s.w.t. Mereka menjadi orang-orang yang bertakwa dan mulia di sisi-Nya. Sembahan sebahagian daripada kamu adalah dirham dan dinarnya. Apabila dinar dan dirham itu hilang, maka datanglah kiamatnya. Dia terlambat melakukan solat Jumaat atau solat berjemaah, maka dia tidak ambil peduli. Atau anaknya yang fasiq dan jahat hati, maka dia merasa bersedih dan meminta ketenteraman kepada salah satu daripada makhluk, sedangkan mereka tidak meminta ketenteraman kepada malaikat yang bersama mereka.

Apabila hati seorang hamba itu bersih, maka dia akan meminta ketenteraman kepada para malaikat yang engkau ajak bicara tatkala menyendiri. Wahai orang yang lari dari Allah...! Wahai orang yang lari dari agama...! Wahai orang yang berdiri bersama dunia dan hawa nafsu...! Wahai peyembah makhluk...! Wahai orang yang lupa akan Allah s.w.t...! Ingatlah bahawa pertemuan dengan Allah s.w.t. adalah hal yang pasti. Bertemulah engkau dengan-Nya sekarang juga. Jauhilah makhluk dan nafsumu. Engkau akan aman di sisi-Nya. Zikir kepada selain-Nya, adalah batal. Semua ilmu selain tentang Dia adalah batal. Semua hubungan dengan selain Dia adalah batal. Orang yang mencari dunia ini banyak, dan orang yang mencari akhirat adalah sedikit. Bahkan Orang yang mencari keredhaan Allah s.w.t. adalah sangat sedikit.

Engkau hanya sibuk bersama duniamu, baik siang mahupun malam. Dunia menyuruh engkau melayani dirimu, namun perbuatan itu hanyalah memutus-mutuskanmu. Kami suruh dunia untuk melayani kami. Bagaimana dengan engkau, wahai orang yang berpaling...? Dunia mestilah dikongkong oleh agama dan ilmu. Apa yang dibenarkan oleh kedua-duanya untuk engkau ambil, maka ambillah. Dan apa yang tidak dibenarkan oleh kedua-duanya, maka janganlah engkau mengambilnya. Apa yang untuk Allah, maka dekatilah. Dan apa yang untuk lain-Nya, maka berhentilah engkau daripada melakukannya.

Apabila rasa cinta sudah menguasai diri, maka hilanglah perbezaan antara dunia dan akhirat, antara memberi dan menolak, antara menerima dan mengembalikan. Hatinya penuh oleh rasa cinta kepada-Nya. Kebaikan dan keburukan kekasih menjadi satu. Semua pintu dan arahnya menjadi satu. Rasa cinta mengumpulkan semua itu. Khabar dan kenyataan menjadi satu, bahaya dan manfaat menjadi satu. Hatinya sentiasa dalam kegembiraan. Adakalanya dia bergembira kerana berzikir kepada Allah s.w.t., kerana keagungan-Nya dan terkadang juga dia berzikir kepada-Nya kerana keelokan-Nya. Siangnya mereka dalam keadaan bingung.

Setiap kali dia dekat kepada-Nya, maka dia menjadi jauh, seperti api Nabi Musa a.s. Setiap kali beliau dekat ke api itu, maka api itu menjauh, hingga beliau sampai pada:

إِنِّيٓ أَنَا ٱللَّهُ ...

Ertinya:
"Sesungguhnya Aku adalah Allah..!"

(Al-Qasas: 30)

Seperti inilah hati, ia melihat cahaya kedekatan. Setiap kali cahaya itu mendekat, maka ia menjauh.

حَتَّىٰ يَبْلُغَ ٱلْكِتَٰبُ أَجَلَهُۥ ...

Ertinya:
"Hingga sampai masa iddahnya."

(Al-Baqarah: 235)

Terputusnya langkah adalah ajalnya. Perkara menjadi berubah. Yang mencari berubah menjadi yang dicari. Yang menuju berubah menjadi yang dituju. Murid berubah menjadi mursyid. Allah s.w.t. melihat hamba-Nya keluar dari perangai, tabiat dan semua kesenangannya, menjauhi makhluk, meninggalkan syahwat, mencari keredhaan-Nya dan berubah-ubah. Dia berdiri, duduk, tidak ada bekal, tidak ada istirehat dan tidak ada teman. Dia menggabungkan terang dengan kegelapan, puasa, solat dan berperang melawan hawa nafsu. Tatkala dia dalam keadaan demikian, maka dia berada dalam rahmat-Nya dan melihat takdir-Nya. Engkau menyukai sesuatu yang tinggi, sedangkan engkau berada di tempat yang rendah. Engkau menyukai syurga, namun tidak beramal dengan amal yang

memasukkan engkau ke syurga.

Sebahagian ulama ahli tariqat berkata:

"Jauhkanlah nafsumu daripada hal-hal yang bersifat biasa. Janganlah engkau makan dengan perangai atau kebiasaanmu. Janganlah engkau memakan sesuap nasi kecuali dengan sepengetahuan Allah s.w.t. Janganlah engkau menelan ubat kecuali dengan perintah-Nya."

Kondisi badan orang yang sakit itu berubah kerana pengetahuan kedoktoran dan fatwa mereka.



Ertinya:
"Dan Dialah yang melindungi orang-orang soleh."

(Al-A'raf: 196)

Doktornya adalah kekasih di rumahnya. Kekasih itu mengurus makanan dan minumannya.

Kemudian Syeikh Abdul Qadir berteriak dengan sangat keras sambil berdiri. Beliau terkadang miring ke arah kanan, terkadang ke arah kiri dan mengangkat tangan ke langit dengan isyarat pasrah. Seperti itulah sampai akhir majlis beliau. Kemudian beliau berkata:

"Aduh....! Kebakaran...! Aduh...! Musibahku atas diri kamu."

Kemudian beliau mengulurkan kedua-dua tangan beliau untuk berdoa. "Beliau duduk untuk berdoa dan tidak berbicara. Lalu beliau kembali dan berdiri sambil berubah warna wajahnya, kadang-kadang wajahnya berwarna kuning, kadang-kadang berwarna merah. "Apabila hati telah menjadi tamu kedekatan kepada Allah s.w.t. dan meninggalkan dunia, maka hati tidak mahu lagi menerima penjagaan dan perlindungan dari makhluk secara keseluruhan, mulai dari 'Arasy sampai ke dasar bumi. Seakan-akan semua makhluk tidak tercipta. Seakan-akan Allah s.w.t. tidak menciptakan sesuatu. Seakan-akan tidak ada makhluk selain Dia (maksudnya pemilik hati ini). Yang disifati hanya satu. Mencintai dan dicintai, mencari dan dicari, ingat dan diingat. Tidak melihat selain Dia."

Beliau juga berkata: "Aku mendengar khabar tentang musibah yang menimpa daerah ini." Lalu beliau berdoa agar penduduk daerah ini

terhindar dari bahaya. Kemudian beliau berkata seperti orang yang merendah: "Aku tahu bahawa dalam musibah ini ada orang yang berhak untuk dibunuh dan disalib. Namun sebuah mata dapat berbuat baik kepada kita. Apakah amal yang telah kita lalukan....?" Beliau berkata demikian dengan nada marah. "Engkau menjadikan teman dan musuh dalam satu tempat. Janganlah engkau menginginkan keramat dan mukjizat. Janganlah engkau selalu merasa bersama-Nya, maka Dia akan menyuapi makananmu. Dia akan memberi pakaian kepadamu."

Menginginkan hal-hal ini adalah penghalang. Menolaknya setelah terwujud juga merupakan penghalang. Apabila para wali berjalan menuju keredhaan-Nya, maka mereka dilayani oleh para jin, manusia dan malaikat. Di manapun mereka berada, mereka akan diketemukan, hingga mereka sampai kepada-Nya, sehingga hilang keseronokan dunia daripada mereka. Hingga tatkala mereka diizinkan untuk masuk, maka mereka disonsong oleh malapetaka. Malapetaka keagungan, agar supaya nafsu dan sisa-sisa perwujudan mereka hancur. Zahirnya ditahan, demikian pula makanan serta pakaiannya. Tinggallah hati sendirian beserta batin yang bening. Mereka disajikan dengan makanan anugerah, minuman ketenteraman, mahkota kemuliaan, pakaian nikmat. Ilmu ladduni dan hikmah disuapkan pada diri mereka.

Kemudian Allah s.w.t. memberitahu semua nama mereka. Dia memberitahu nikmat-nikmat-Nya kepada mereka, baik yang telah lalu mahupun yang akan datang. Semua itu menenteramkan mereka. Dia mengembalikan mereka ke perwujudan asal mereka, agar mereka memperbaiki, menunjukkan dan menjadi utusan makhluk. Lalu Dia memberi kekuasaan kepada hati mereka untuk berbuat dan lisan mereka untuk berdoa dan dikabulkan.

Ini adalah zaman akhir, zaman kemunafikan, kekaguman dan kufur untuk selamanya dan zaman banyak penghalang. Kekaguman menjatuhkan dirimu dari pandangan Allah s.w.t. Kedua-dua hal yang berlawanan itu menjadi penghalang dari tariqat. apabila ada seseorang berkata: "Apakah kemunafikan itu, sehingga kami boleh menjauhinya....!". Maka katakanlah kepadanya, bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

اَلْـمُنَافِقُ إِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ وَإِذَا حَدَثَ كَذَبَ وَإِذَا أُتُـمِنَ خَانَ.

Ertinya:
"Munafik itu ialah, apabila dia berjanji dimungkirinya, apabila dia berkata dia berdusta dan apabila dipercayai dia khianat."

Seorang mukmin tidak mempunyai pakaian, tidak mempunyai makanan, tidak pernah menikah, tidak bergembira, tidak aman dan tidak tetap, sehingga dia melihat tempatnya dan mendengar gelarannya, sehingga dia melihat takdir dan namanya tatkala dia menyendiri. Dia berpura-pura tertidur di tanah lapang dan gurun-gurun menurut takdir, sedangkan para malaikat melihat tingkah lakunya dan mendengar gelarannya. Para malaikat saling bertanya satu sama lain: "Siapakah orang ini...?" Yang lain menjawab: "Dia adalah Fulan, yang dicintai Allah dan siddiq. Salah satu daripada empat puluh, tujuh atau tiga.[23] Dia mempunyai keistimewaan begini dan begini....!." Dia digerak-gerakkan oleh takdir ke kiri atau ke kanan. Takdir juga menyuapinya.



Ertinya:
"Dan Allah mengepung mereka dari belakang mereka."

(Al-Buruj: 20)

Ada suara yang berbisik di lubuk hatinya. Dikatakan kepadanya: "Kembalilah ke rumahmu. Jagalah harta simpananmu. Sembunyikanlah dirimu." Anggaplah seakan-akan dia tidur. Hati dan batinmu berjalan kepadanya. Duduklah kamu pada ketetapan hukum, kemudian tidurlah pada kitab ilmu, sehingga engkau akil baligh dan hilang keanak-anakanmu. Maka dia akan memberimu pakaian dan makanan. Engkau mengharapkan hal ini, namun engkau penuh hawa nafsu dan kesenangan. Apabila engkau berdiri untuk melakukan solat, maka engkau bererti menjual, membeli, makan, minum, kahwin dengan hatimu dan dengan was-wasmu."

Ada seseorang bertanya kepada beliau: "Apakah ubat penyakit ini....?" Beliau r.a. menjawab: "Ubat yang pertama adalah menjauhkan suapan makananmu daripada makanan yang syubhat dan haram. Ubat yang kedua adalah memerangi hawa nafsu, sehingga engkau tidak menurut keinginannya, iaitu melakukan larangan-larangan."

Apabila seorang hamba terkejut oleh kalimat yang diilhamkan ke

23. Maksudnya ialah salah seorang daripada empat puluh tujuh atau empat puluh tiga orang manusia pilihan Allah yang sedarjat dengannya. (Penterjemah)

dalam hatinya, dan dia merasa gelisah, maka akan ditambahi kalimat yang lainnya untuknya. Dia akan sedikit gelisah dan rasa terkejutnya akan berkurangan, selanjutnya akan ditambahkan dengan kalimat lainnya.

Batu dan tanah liat akan berbicara kepadanya untuk memantapkan dan menenangkannya. Mereka akan berkata kepadanya: "Wahai wali kekasih Allah s.w.t...! Wahai orang yang dikehendaki-Nya...! Wahai kekasih-Nya...! Wahai orang yang terdekat kepada-Nya...!." Dan seseorang akan berkata kepadanya: "Doakanlah aku...!." Lalu dia berkata: "Ya Allah, cukupilah aku atas makhluk...! Cukupilah mereka dengan berzikir kepadamu, agar mereka tidak menjadi peminta-peminta...!"

Apabila tidak lagi memerlukan makhluk, maka dia akan sentiasa di pintu Allah s.w.t. Maka Dia akan mencukupinya dengan kedekatan kepada-Nya. Sementara dia akan terus menerus berzikir dan bersyukur kepada-Nya, tidak sempat untuk berdoa.

Apabila engkau menolak untuk makan dan minum di tanah lapang dan gurun pasir, maka di rumahmu akan terdapat air. Senjata syaitan yang paling tajam adalah makhluk. Perbaikilah hatimu, kemudian zahirmu. Kesibukan yang paling sempurna adalah di daerah makhluk. Nabi Yusuf a.s keluar untuk mencari Nabi Ya'qub a.s. Semua orang yang melihat beliau mencintai dan merindukannya. Beliau di penjara dan Nabi Ya'qublah tujuan beliau, bukan yang lainnya.

وَلَيْتَ الَّذِيْ بَيْنِيْ وَبَيْنَكَ عَامِرٌ * وَبَيْنِيْ وَبَيْنَ الْعَالَمِيْنَ خَرَابٌ.

Ertinya:
"Wahai...! Andainya antara engkau dan aku adalah kawasan yang makmur. Dan antara aku dan alam raya ini adalah tanah yang kosong."*

Datanglah pemanggil dari Allah:

"Putuskanlah hubungan makhluk dari diri kamu...!."

Engkau tidak dipedulikan sehingga kerongkonganmu kering. Sehingga daratan sunyi sepi untuk beribadah kepada-Nya. Batinmu berada di sisi-Nya, dalam perahu takdir-Nya. Katakanlah kepada batinmu itu.

بِسْمِ ٱللَّهِ مَجْرٜىٰهَا وَمُرْسَىٰهَآ ...

Ertinya:
"Dengan Nama Allah di waktu berlayar dan berlabuh."

(Hud: 41)

Dalam lautan ilmu, menemani hamba-hamba Allah s.w.t. itu seperti menemani harimau, dengan takut dan menegakkan bulu roma. Seseorang yang kenyang kerana selain dirimu tidak akan memperhatikan engkau. Sebab dia telah memperhatikan orang lain. Apabila engkau berpaling kepadanya setelah engkau kembali, maka dia akan menangkapmu. Menemui para siddiqin juga demikian halnya, sebab demikian jugalah keadaan mereka dalam menemani raja.

Sebahagian murid Imam al-Junaid dicurigai mempunyai maksud tertentu di hatinya. Beliau lalu diberitahu tentang hal itu. Beliau berkata kepadanya: "Apakah itu...?" Dia berkata: "Mereka mengatakan bahawa Tuan adalah orang yang bodoh." Beliau bertanya lagi: "Benar....! Apakah engkau berbicara melalui hatimu....?" Dia menjawab: "Ya...! Saya berbicara melalui hati saya. Apakah pembicaraan saya itu...?" Beliau menjawab: "Engkau berbicara begini dan begini...!." Dia berkata: "Tidak...! Saya tidak berkata demikian....!." Lalu murid tersebut berkata lagi dan diberitahu kepada Imam Junaid, namun dia tetap berkata: "Tidak...! Saya tidak berkata demikian...!." Kemudian dia berkata lagi dan diberitahu kepada beliau, namun dia tetap berkata: "Tidak...! Saya tidak berkata demikan...!." Kemudian dia berkata: "Wahai guru...! Saya tidak mempunyai hak. Lihatlah, apakah yang ada pada guru....?" Beliau menjawab: "Engkau benar dalam kesemuanya. Aku hanya ingin menguji kebersihan hatimu dan ketetapannya."

Hati para wali adalah tempat aliran kehendak simpanan ilmu-Nya, pusat rahsia-Nya. Harta simpanan takdir dan dalam jurang takdir. Setiap kali batin mereka berputar pada pundak daerah takdir, maka ilmu dan rahsia akan datang menghadap. Apakah yang dapat diperbuat dengan kayu yang disandarkan...? Apakah yang diperbuat dengan bentuk tanpa makna....?

صُمٌّۢ بُكۡمٌ عُمۡيٌ فَهُمۡ لَا يَعۡقِلُونَ ﴿١٧١﴾

Ertinya:
"Pekak, bisu lagi buta, maka (oleh sebab itu) mereka tidak mengerti."

(Al-Baqarah: 171)

Ada seorang anak manusia yang menulis tiga ratus enam puluh kisah. Setiap hari dia menyampaikan sebuah kisah kepada penguasa negeri itu dan tidak pernah bosan, hingga akhirnya datanglah tanda tangan[24] yang merupakan harapannya. Tetapi engkau meminta dan berdoa kepada Allah s.w.t. dalam siang mahupun malam yang singkat. Engkau bosan dan kembali kepada makhluk. Mengapa engkau tidak ingat kisah orang yang suka menulis cerita itu....? Selama engkau masih bersama makhluk, maka engkau tidak akan beruntung. Kembalilah engkau dari makhluk kepada Allah s.w.t. Dan hendaklah engkau berdiri di pintu kedekatan-Nya. Engkau akan ditarik oleh tangan rasa cinta dan kedekatan, sehingga engkau menduduki rumah itu.

Apabila engkau melihat tempat-tempat itu, maka engkau didatangi akan oleh kebahagiaan dari segala penjuru. Sayapmu akan kuat. Engkau akan terbang ke beranda rumah itu. Beranda-beranda itu menjadi bintangmu. Apabila engkau terjatuh, maka engkau akan terjatuh di atas rumah itu. Engkau berputar-putar di depan pemilik rumah tersebut. Engkau berdoa dan doamu terkabul. Apabila engkau ingin memberikan kemanfaatan kepada makhluk dengan cara seperti ini, maka lakukanlah. Janganlah engkau mengigau dengan igauan yang kosong melopong.

Beliau r.a. berkeinginan untuk mengatakan suatu fatwa kepada manusia. "Solat adalah hubungan dengan Allah s.w.t. setelah menjauhi yang selain-Nya. Jasad tidak dapat terbahagi dalam dua tempat, iaitu ia terpisah dari makhluk dan bertemu dengan Allah s.w.t. Ini adalah solat kaum ahli tariqat. Adapun solat para ahli ibadah adalah mereka menjadikan syurga di sebelah kanan hati dan neraka dari sebelah kirinya, shirath di depannya dan Tuhan s.w.t. melihatnya. Sementara solat orang-orang mencintai-Nya adalah menjauhi makhluk dan bertemu dengan-Nya.

Tanda kebenaran tuntutan nafsumu terhadap makanan adalah engkau mendengar sesuatu yang berteriak dari batinmu seperti suara teriakan anak ayam. Apabila sudah demikian, maka nafsu itu akan diberi sesuatu yang menjadi makanan pokoknya. Allah s.w.t. berfirman:

فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَىٰهَا ﴿٨﴾

Ertinya:
"Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasiqan dan

---
24. Sijil penghargaan daripada penguasa tersebut. (Penterjemah)

ketakwaannya."

(Asy-Syams: 8)

Dan dia juga berfirman:



Ertinya:
"Menjadikan orang tertawa dan menangis."

(An-Najm: 43)

Janganlah engkau mengamalkan kedua-dua ayat ini, kecuali setelah hati datang kepada pemiliknya. Pada saat itulah, datang perbuatan dan ilham. Sebelum itu, hati perlu membezakan antara apa yang terlintas di dalamnya, apakah yang terlintas itu ilham dari syaitan, perangai dan nafsu, ataukah ilham dari malaikat.

Apabila engkau ingin berguru kepada seseorang untuk mencari keredhaan Allah s.w.t., maka hendaklah engkau menyempurnakan wudukmu tatkala niat tenang dan mata tertidur. Lalu perhatikanlah solatmu. Engkau membuka pintu solat dengan bersuci dan membuka pintu Tuhanmu dengan solat, lalu berdoalah engkau kepada-Nya setelah selesai solat. Siapakah yang hendak aku jadikan guru...? Siapakah yang memberikan petunjuk...? Siapakah yang memberitakan tentang dirimu...? Siapakah yang sendiri...? Siapakah pengganti...? Siapakah wakil...? Allah s.w.t. adalah Maha Pemurah. Dia tidak akan merugikan persangkaanmu. Dia akan memberikan ilham pada hatimu, memberikan wahyu pada batinmu. Dia juga akan memberikan keterangan kepadamu. Pintu-pintu akan dibuka bagimu dan jalan akan tampak nyata olehmu. Barangsiapa yang mencari dan bersungguh-sungguh dalam pencariannya, maka dia akan berhasil.

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُواْ فِينَا لَنَهۡدِيَنَّهُمۡ سُبُلَنَاۚ ...

Ertinya:
"Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keredhaan) Kami, nescaya akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan Kami."

(Al-'Ankabut: 69)

Penyebabnya ada pada dirimu, bukan pada ucapanmu. Oleh yang demikian, apabila semua penjuru sudah menyatu dalam hatimu dan

engkau menentukan seseorang untuk engkau jadikan sebagai guru, seperti menemani haiwan buas dan ular, maka kami tidak melihat kemiskinannya, nasabnya yang rendah, tingkahnya tercela dan keburukan bahasanya.

Adapun yang terpenting adalah batin, bukan zahir, bukan bentuk, bukan wajahnya. Dan janganlah engkau membantah ucapan dan tingkahnya. Dia menanti keterangan dari Tuhannya. Dia menulis dan memerintah kepada orang lain. Dia adalah utusan dan diisyarati, sedangkan pinggan adalah milik orang lain. Dia yang membuat ibarat, sedang ibarat itu milik orang lain. Maka dia menerima apa yang diberikan-Nya melalui lisannya. Janganlah engkau melanggar batasannya dengan takut dan menundukkan kepala. Janganlah engkau mencurigainya baik dalam ucapan, tingkah mahupun perbuatannya. Allah s.w.t. memberikan keistimewaan kepadanya atas semua makhluk yang berakal. Semoga dia mahu menghantarkan engkau menuju kepada-Nya, bukan kepada yang lain-Nya.

Watak kita adalah seperti watak haiwan. Namun akal, agama, ilmu, kedekatan, kewalian dan ibadah dapat membezakannya. Sedangkan asasnya adalah satu.

Apabila para wali itu mengamalkan ilmu dan bertemu dengan orang yang sudah meninggal dunia, maka mereka akan menghidupkannya, atau bertemu dengan orang yang ahli berbuat maksiat, maka mereka mengingatkannya. Dia di rumah diberi pinggan, namun diberikan kepada orang lain. Dia berusaha untuk menghasilkan penghasilan. Apabila dia berjaya mendapatkannya, maka dia menyerahkannya kepada rajanya. Dia memperolehi upah yang diambil dari makhluk, namun bukan untuk dirinya.

Apabila Allah s.w.t menghendaki kebaikan kepadamu, maka Dia akan membangunkan engkau dan memperlihatkan cacat-cacat dirimu kepadamu. Orang pandai kamu adalah orang yang bodoh. Orang bodoh kamu adalah orang yang berpura-pura. Orang zuhud kamu adalah orang yang tamak dunia. Janganlah engkau memakan sesuatu dengan menjual agamamu. Beliau r.a berkata tentang firman Allah s.w.t., yang berbunyi:

ٱدْعُوا۟ رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً ۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْمُعْتَدِينَ ﴿٥٥﴾

Ertinya:
"Dan serulah Tuhanmu (berdoa) dengan merendah diri dan suara

yang lembut. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas."

(Al-A'raf: 55)

Abdullah bin Mas'ud r.a. mengarahkan ayat ini pada zahirnya, bahawasanya orang yang melampaui batas adalah orang yang meminta kepada selain Dia. Beliau berkata kepada murid-murid beliau: "Kamu adalah keterangan tentang hatiku...! Barangsiapa yang mendengar kerana Allah, dan mendapat manfaat dari ucapanku, maka dia menjadi keterangan. Apabila dia tidak demikian, maka hendaklah dia tidak hadir di depanku. Sebab dia hanya membuat keruh."

Tatkala Nabi Ibrahim keluar dari dalam api dan mempunyai banyak binatang dan pelayan, maka beliau membina rumah di Syam yang mempunyai banyak pintu. Beliau bersembunyi di sana setelah selesai dari segala urusan perdagangan.

Ada seseorang bertanya: "Apakah yang patut dipegangi, ucapan ataukah perbuatan...?" Beliau r.a. menjawab: "Ucapan dipegangi oleh orang awam dan perbuatan adalah pegangan orang-orang khusus." Siapakah keluargamu...? Siapakah engkau...? Perlihatkanlah denyut nadimu kepadaku, maka aku akan menempatkan engkau pada tingkahmu dan akan aku perlihatkan kepadamu bahawa engkau sangat sakit dan aku akan menyembuhkannya.

Kami gemar menjenguk orang-orang yang sihat dengan cita-cita kami.[25] Kaki kami dilarang untuk berjalan menuju rumah-rumah kamu, tangan kami ujuga dilarang untuk mengambil harta kamu. Kami hanya diperintahkan dari segi perbuatan dan kekuatan.

Beliau r.a. juga berkata: "Boleh saja seorang lelaki wafat dan meninggalkan sepuluh orang anak. Kesemuanya berbakti kepadanya secara sama. Mereka membahagi harta warisannya secara merata. Di antara sepuluh anak itu, ada yang paling disayangi oleh bapanya. Bapanya ingin agar semua perwaris selain anak kesayangannya itu meninggal dunia, sehingga yang tinggal hanyalah anak tersebut dan dialah yang akan memperolehi semua warisan tersebut. Apakah dalam takdir itu ada cacat celanya...? Sampai di sini. Wassalam.

Ya Allah...! Jauhkanlah makhluk, nafsu, kesenangan dan perangai jahat

25. Mengajak mereka kepada jalan tauhid dan kesufian. (Penterjemah)

dari kami....!

Aku mengatakan bahawa aku takut untuk mengharungi lautan ini, tetapi kamu malah berenang di dalamnya, sedangkan takut adalah sebaliknya.

إِنَّمَا يَخْشَى ٱللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ ٱلْعُلَمَٰٓؤُا۟ ...

Ertinya:
"Sesungguhnya yang takut kepada Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya adalah ulama."

(Fathir: 28)

Tatkala kaum ahli tariqat telah mengetahui, maka mereka akan merasa takut. Engkau tahu bahawa sesuatu itu berbahaya, maka jauhilah. Maut pasti terjadi padamu, maka beramallah engkau untuk kematian.

Wahai orang yang rumahnya tidak beratap, keluarganya tidak mempunyai kain panas dan selimut, musim dingin segera tiba, bersiap-siaplah kamu untuk menghadapinya. Gabenor akan datang, maka sambutlah. Haiwan buas akan datang, maka berlindunglah, haiwan buas itu adalah kematian. Apakah makna ucapanmu tatkala engkau solat:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾

Ertinya:
"Hanya kepada Engkaulah kami menyembah, dan hanya kepada Engkaulah kami meminta pertolongan."

(Al-Fatihah: 5)

Hanya kepada Engkaulah kami taat, hanya kepada Engkaulah kami mengesakan. Bilakah engkau mengesakan Allah...? Bilakah engkau mengikhlaskan amal perbuatanmu semata-mata kerana-Nya....? Bilakah engkau merasa berada di hadapan-Nya? Tawaduk itu adalah dari segi hati, dari segi kesendirian. Apabila kesenangan nafsu dan penglihatan-Nya saling bersesakan, maka seorang wali itu akan malu terhadap penglihatan-Nya dan meninggalkan nafsunya. Bilakah engkau melihat Nabi Ya'qub a.s. menggigit hujung jari-jari beliau tatkala engkau menyendiri dalam keadaan syahwat...? Bilakah engkau melihat keterlindungan dirimu...? Itu adalah penjagaan daripada-Nya.

Tatkala Nabi Yusuf a.s berkumpul dengan wanita itu, maka datanglah

kecemburuan, beliau berpaling sambil lari daripadanya:

كَذَٰلِكَ لِنَصْرِفَ عَنْهُ ٱلسُّوٓءَ وَٱلْفَحْشَآءَ ۚ إِنَّهُۥ مِنْ عِبَادِنَا ٱلْمُخْلَصِينَ ﴿٢٤﴾

Ertinya:
"Demikianlah, agar Kami memalingkan daripadanya (Yusuf) kemungkaran dan kekejian. Sesungguhnya dia (Yusuf) termasuk ke dalam golongan hamba-hamba Kami yang terpilih."

(Yusuf: 24)

Bilakah sikapmu akan berubah seperti sikap Nabi Ya'qub..?

Tatkala Nabi Yusuf a.s. terpaksa untuk berlindung dalam lindungan Allah s.w.t., maka Dia memberikan penjara kepada beliau dan memberikan perlindungan kepada beliau tatkala menyendiri.

Wahai hamba-hamba Allah...! Jadilah kamu seperti itu. Wahai para murid tariqat, pinjamlah sikap para siddiqin. Carilah sikap atau perangai itu pada Allah s.w.t. Tawakkal adalah menjauhi usaha atau meninggalkan semuanya. Apabila hati telah berubah, maka hati itu akan menjadi malaikat. Ia akan mendengar apa yang didengar oleh malaikat. Ia akan tahu apa yang diketahui oleh malaikat. Kemudian terus berubah, bertambah tinggi dan menjadi malaikat atas malaikat.

Beliau berkata tentang kisah Nabi Musa a.s.: "Rahsia adalah rahsia dari rahsia. Beliau meninggalkan keluarga beliau tatkala beliau melihat api di lereng bukit Tur. Apakah yang beliau lihat...? Mata kepala melihat api dan mata hati melihat cahaya. Mata kepala melihat makhluk dan mata hati melihat Allah s.w.t.

فَقَالَ لِأَهْلِهِ ٱمْكُثُوٓا۟ إِنِّىٓ ءَانَسْتُ نَارًا ...

Ertinya:
"Dia (Musa) berkata kepada keluarganya, 'Tunggulah (di sini), sesungguhnya aku melihat api.'"

(Thaha: 10)

Apilah yang menarik hati beliau dan menyebabkan beliau terlepas dari kekuasaan beliau atas isteri dan anak beliau. Beliau berkata kepada keluarga beliau: "Tunggulah oleh kamu di sini...!." Datanglah beberapa

panggilan yang luhur dan datanglah beberapa pengait takdir, merampas kaum dari keluarga dan anak-anak mereka.

Wahai orang yang bijak...! Kuatkanlah tekadmu...! Wahai orang yang tahu tentang rahsia Allah..! Majulah kamu...!. Wahai nafsu...! Tenanglah kamu..! Wahai kalbu dan batin...! Patuh dan redhalah kamu...! Wahai, betapa meruginya mereka yang tidak mengalami, menyukai dan tidak mempercayai hal ini. Aduhai...! Betapa ruginya dia. Aduhai...! Betapa dia terhalang daripada memperolehi yang diingininya dan terbenci.

لَّعَلِّيٓ ءَاتِيكُم مِّنْهَا بِقَبَسٍ ...

Ertinya:
"Mudah-mudahan aku dapat membawa sedikit daripadanya kepadamu."

(Thaha: 10)

Tetaplah kamu pada tempatmu, hingga aku datang dengan membawa berita mengenai jalan, sebab jalan telah menyesatkan kita. Beliau telah kehilangan penunjuk jalan. Pimpinan para pimpinan hadir di sisi beliau, sedangkan sebelumnya dia tidak hadir. Beliau berkata sambil berisyarat kepadanya: "Wahai...! Andainya engkau tidak tercipta. Apabila engkau tercipta maka engkauakan tahu, untuk apa engkau diciptakan."

Wahai orang yang tidur...! Bangunlah engkau...! Kerana dirimu telah dikepung oleh banjir. Siapakah yang engkau anggap sebagai pemimpinmu di hari kiamat...? Apakah kitabmu...? Siapakah gurumu...? Siapakah Nabimu...? Engkau tidak mempunyai nasab. Nasab yang benar di sisi Allah s.w.t. dan Rasul-Nya adalah ahli takwa. Rasulullah s.a.w. ditanya berkenaan dengan keluarga baginda, maka baginda menjawab:

كُلُّ تَقِيٍّ ءَالُ مُحَمَّدٍ.

Ertinya:
"Setiap orang yang bertakwa itu adalah keluarga Muhammad."

(Hadis dhaif)

Diamlah kamu...! Engkau tidak berakal. Rumahmu berada di atas sungai Dijlah, namun engkau mati kehausan. Dua langkah lagi engkau berjalan, engkau akan sampai kepada Allah s.w.t.

Apabila engkau ingin keuntungan, maka bersabarlah engkau atas isi-isi ucapanku. Apabila aku terkena kegilaan, maka aku tidak melihat kamu. Apabila watak ikhlas dan batinku berkobar, maka aku tidak dapat melihat wajahmu. Aku ingin kebaikan dan menghilangkan kotoran dari hatimu, memadamkan kebakaran dari rumahmu dan menjaga isterimu. Bukalah kedua-dua matamu dan lihatlah apa yang ada di hadapanmu, maka enkau akan melihat tentera yang bakal menyeksa kamu.

Wahai orang yang tolol...! Tidak lama lagi engkau akan mati. Semua yang ada pada dirimu akan hilang dan bercerai berai. Kamu akan berpisah dengan anak, isteri dan rumahmu serta akan menemani debu, kubur dan malaikat, sama ada malaikat Zabaniah atau malaikat Rahmat.

Wahai orang yang sedang bermusafir...! Wahai orang yang akan lenyap....! Wahai orang yang akan berpindah...! Wahai orang yang menerima pinjaman...! Maha Suci Tuhan Yang memberikan anugerah kepada kamu, wahai orang yang lupa dan tidak mengetahui. Wahai orang yang berpaling...! Janganlah engkau datang kepadaku sekali dalam setahun, setiap bulan atau setiap minggu tanpa hasil. Ambillah sesuatu tanpa sesuatu, maka ia akan menjadi sejuta kali.

Akulah yang menanggung beban-bebanmu. Engkau takut aku membebanimu untuk menanggung bebanku. Allah jualah yang mencukupiku tentang beban-beban itu. Berjalanlah selama seribu tahun agar engkau dapat mendengar satu kalimat daripadaku. Bagaimana engkau tidak akan berguru kepadaku, sedangkan jarak antara aku dan engkau hanya beberapa langkah saja...? Engkau pemalas, bodoh dan dungu. Menurutmu, engkau telah memberikan sesuatu. Berapa kalikah engkau telah menyingkirkannya...? Engkau mengemukakannya dengan pangkat dan harta yang banyak, lalu engkau menyingkirkannya. Apabila dalam dunia itu kami melihat ada kebaikan, maka engkau tidak dapat mendului kami:

أَلَآ إِلَى ٱللَّهِ تَصِيرُ ٱلْأُمُورُ ﴿٥٣﴾

Ertinya:
"Ketahuilah, bahawa kepada Allah jualah kembalinya semua urusan."
(Asy-Syura: 53)

Semua yang ada pada kami adalah daripada-Nya.

Tatkala beliau turun dari kerusi, maka sebahagian muridnya berkata

kepada beliau: "Guru sangat bersungguh-sungguh dalam memberikan nasihat dan keras dalam perkataan...!." Beliau menjawab: "Apabila engkau terpengaruh oleh kata-kataku, maka engkau akan kembali....!." Maka murid tersebut selalu hadir dan datang kepada beliau di luar jam belajar. Maka dia duduk di hadapan beliau dengan rendah diri dan merasa hina.

Ya Allah...! Kami mohon kesabaran dan pengampunan daripada-Mu. Ya Allah berilah pertolongan kepada kami.

Apabila engkau berdiri di hadapan seseorang makhluk untuk memperoleh apa yang ada padanya, maka Allah s.w.t. murka kepadamu.

مَنْ تَضَعْضَعَ لِغَنِيٍّ لِأَجْلِ مَا فِيْ يَدَيْهِ ذَهَبَ ثُلُثَا دِيْنِهِ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang merendahkan diri kepada orang kaya, kerana mengharapkan apa yang ada di tangannya, maka hilanglah dua pertiga daripada agamanya."

Engkau membiasakan dirimu untuk memperoleh sesuatu daripada makhluk. Engkau akan bertemu dengan Allah s.w.t. dalam keadaan seperti itu. Aku pernah melihat seorang lelaki meminta kepada manusia, sedangkan dia menjual jubah dari kain sutera dengan harga dua puluh lima dinar. Kemudian aku mengikutnya, lalu dia berhenti pada seorang lelaki yang sedang memakan bubur. Dia tidak berpindah daripada tempatnya itu, hingga lelaki tersebut memberi sesuap. Aku bertanya kepadanya: "Bukankah engkau telah menjual jubah dengan harga sekian...?" Dia menjawab: "Aku meninggalkan pekerjaanku kerana engkau...!."

Barangsiapa yang telah sampai pada puncak kewalian, maka dia akan menjadi pusat dan menanggung beban semua makhluk. Namun dia diberi iman seperti iman semua makhluk, agar dia kuat untuk menanggung beban yang ditanggungnya. Janganlah pakaian dan buanganku yang engkau lihat. Ini adalah pakaian setelah kematian. Ini adalah kafan, sedangkan kafan orang mati dibuat indah. Ini adalah setelah aku memakai kain dari bulu dan memakan makanan kasar serta kelaparan. Aku mempunyai kesibukan yang menyebabkan aku tidak mampu mengurus diri kamu. Wahai penduduk Baghdad...! Wahai penghuni bumi dan langit...! Jadilah kamu orang yang mampu berfikir.

وَيَخْلُقُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

Ertinya:
"Dan Allah menciptakan apa yang tidak kamu ketahui."

(An-Nahl: 8)

Ini bukanlah perhiasan. Ini adalah zahir yang diisi oleh batin dan batin yang diisi oleh zahir. Tidak ada pembicaraan sehingga tuhan-tuhanmu menjadi satu, arahmu menjadi satu dan kekasihmu menjadi satu serta kalbumu menjadi satu. Bilakah kedekatan kepada Allah s.w.t. akan bersemayam dalam hatimu...? Bilakah hatimu akan tertarik dan batinmu didekatkan serta engkau bertemu dengan Allah s.w.t. setelah engkau keluar dari makhluk...? Nabi s.a.w. bersabda:

مَنِ انْقَطَعَ إِلَى اللهِ عَزَّ وَجَلَّ كَفَاهُ مُؤْنَتَهُ وَمَنِ انْقَطَعَ إِلَى الدُّنْيَا وَكَلَهُ اللهُ إِلَيْهَا.

Ertinya:
"Barangsiapa yang selalu beribadah kepada Allah 'Azza Wa Jalla, maka dia akan mencukupi keperluan hidupnya. Dan barangsiapa yang selalu mencari dunia, maka dia akan diserahkan oleh Allah kepada dunia."

Adat tidak sesuai pada dirinya. Dia tidak memperoleh apa-apa di sisi Allah, kecuali setelah beribadah kepada-Nya dengan segenap hati dan semua anggota badannya. Allah s.w.t. berfirman dalam sebuah hadis Qudsi, yang berbunyi:

مَنْ عَمِلَ بِمَا يَعْلَمُ أَوْرَثَهُ عِلْمَ مَا لَمْ يَعْلَمْ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang mengamalkan ilmu yang sudah diketahuinya, maka Allah akan memberinya ilmu yang beliau diketahuinya."

(Telah dijelaskan darjat hadis ini)

Ikhlas adalah bumi seorang mukmin dan amal adalah temboknya. Tembok dapat berubah dan berganti, namun bumi tidak demikian halnya. Dasar bangunan adalah takwa. Apabila ada seseorang bertanya: "Aku telah selalu beribadah kepada Allah s.w.t. Maka hendaklah Dia mencukupi

keperluan hidupku...!" maka jawabnya adalah kerana ada kekurangan dalam dirimu, bukan kerana kekurangan ibadahmu:

وَمَا يَنطِقُ عَنِ ٱلْهَوَىٰٓ ﴿٣﴾

Ertinya:
"Dan tidaklah yang diucapkannya itu menurut kemahuan hawa nafsunya."

(An-Najm: 3)

Apakah kamu mempunyai kedudukan di sisi Allah s.w.t...? Tidak...! Demi Allah...! Malahan kamu adalah orang-orang yang merindukan dunia dan perhiasannya. Andaikata engkau benar dalam pengakuanmu, maka engkau tidak bersusah payah hanya untuk mendapatkan sebuah jagung. Lemparkanlah dirimu ke jurang takdir, sehingga engkau akan dekat ke pintu kehampiran kepada Allah s.w.t. Engkau akan disambut oleh wajah yang lebih indah daripada perhiasan dunia dan akhirat. Sempurnalah rasa cinta kasih antara kamu berdua. Lenyaplah penghalang dan semua perantara daripada kamu.

Namun apabila engkau berkecimpung dalam tariqat itu sebelum engkau dapat melawan hawa nafsu, perangai, kehendak serta persangkaanmu bahawa dirimu termasuk orang-orang yang dekat kepada Allah s.w.t., bahawa engkau orang yang dicintai-Nya, adalah merupakan penyesalan yang berkepanjangan. Andaikata engkau mengetahui bahawa dunia akan menyesatkanmu, maka engkau tidak akan memintanya. Andaikata engkau menundukkan batinmu kepada Allah s.w.t., maka dunia akan tunduk kepadamu.

Minuman dunia ini adalah racun. Pada awalnya dunia kelihatannya manis, namun pada akhirnya ia akan terasa pahit. Sehingga apabila dunia telah berakar di hati dan berada di bawah sayapmu, maka ia akan berubah menjadi racun dan membunuhmu. Orang-orang salaf membezakan antara isi hati yang terlintas dalam batin mereka sebelum mereka beribadah secara berterusan di sudut-sudut masjid.

Ada seseorang berkata kepada orang yang keras fatwanya[26] "Berwasiatlah engkau kepadaku...!." Maka beliau berkata: "Apabila engkau mampu mengalahkan nafsumu, maka engkau akan selamat. Jika tidak,

26. Maksudnya ialah al-Hallaj, seorang ahli sufi.

maka nafsumu itu yang akan mengalahkan dirimu."

Apabila engkau ingin minum bersama-sama para raja, maka sentiasalah engkau berada di tanah-tanah kosong, lengang dan tandus, hingga engkau tersedar dari mabukmu supaya engkau tidak membocorkan rahsia-rahsia mereka. Sebab apabila engkau membocorkannya, maka mereka akan membinasakanmu. Oleh kerana itulah, mencela mereka lebih baik daripada hidup bersama mereka.

Dunia ini akan segera berangkat. Apabila engkau ingin bertemu dengan Tuhanmu, maka menyendiri itu hanya boleh engkau lakukan setelah engkau melakukan hukum agama. Apabila engkau menuju ke pintu Allah s.w.t., maka engkau wajib untuk melakukan perantaranya. Pintu ilmu membawa kepada kefahaman dan pelaksanaan hukum. Hukum adalah yang memerintah dan melarang. Maka hendaklah kita menerima apa yang diperintahkannya, mendengar dan mentaatinya. Pada saat itulah, kita akan tertimpa ujian dan cubaan.

Oleh yang demikian, maka seorang hamba itu memerlukan ilmu. Salah satu dari kita ada yang berkata: "Apakah salahku sehingga aku tertimpa musibah, sedangkan aku selalu beribadah...?" Sebagai jawapannya, akan dikatakan kepadanya: "Engkau memerlukan sedikit ilmu...!." Orang yang pandai tentang hukum mempunyai simpanan. Orang yang pandai tentang ilmu mengeluarkan hukum bersama orang-orang yang zuhud. Ilmu ada beserta para siddiqin yang tercinta. Zuhud ada bersama hukum. Cinta ada bersama ilmu. Ini adalah temannya dan ini adalah perdana menterinya.

Orang yang berusaha untuk zuhud adalah terpuji. Orang yang zuhud adalah orang yang menjauhkan diri dari harta dan seorang wali itu hidup setelah mati. Orang yang berusaha untuk zuhud ini meninggalkan kesenangan-kesenangan dan berpuasa, hingga nafsunya berkobar-kobar. Orang yang zuhud selalu meninggalkan harta, sehingga dia selalu sakit dan menjadikan dia jauh dari harta. Dunia ini mati menurut dirinya. Tatkala dia dalam keadaan demikian, maka dia berada dalam lindungan Allah s.w.t. Dia tidak keluar dari dunia sehingga hartanya sempurna.

Orang-orang kafir dan orang-orang yang ahli maksiat tidak berlaku baik tatkala mereka mencari harta. Mereka mengambil yang haram dan dengan cara yang haram.

Allah s.w.t. menghidupkan hamba itu, lalu membangkitkannya dengan kejadian baru. Daging yang telah lenyap, tulang yang telah lemah,

kulit yang telah tipis dan nafsu yang telah kehilangan kenikmatannya. Kesenangan telah dicabut dan perangai telah dimusnahkan. Dalam hatinya hanya ada nyawa, makna, kewalian dan tauhid. Yang ada hanyalah hati dan Allah s.w.t. Dia menghidupkannya setelah kesena-ngannya mati. Mati secara makna. Kematian ilmuku adalah tatkala kematian temanku. Dia menghidupkannya setelah diberitahu apa yang ada di sana.

Barangsiapa yang dibiarkan Allah s.w.t. berada di pintu-Nya, maka Dia akan memperlihatkan kesempurnaan hukum dan rahsia seperti kesempurnaan perajurit dan rakyat. Tatkala Dia memperlihatkan kerajaan-Nya dan memberitahu tentang rahsia-Nya, maka Dia mengumpulkan antara nyawa dan jasadnya, zahir dan batinnya, untuk melengkapi bahagian-bahagian rezekinya sebelum waktu itu. Andaikata dia ditawar bahagian barat dan timur, maka dia tidak akan mengambil sedikitpun dari hal itu. Kekuatan yang samar dan kehendak yang batin dari Allah s.w.t.

Allah s.w.t menghalang antara para Nabi dan wali-Nya serta orang-orang pilihan-Nya daripada kesenangan, hingga batin mereka bersih. Apabila Dia menghendaki untuk melengkapi bahagian rezeki mereka, maka Dia menghidupkan wajah mereka untuk melengkapi bahagian rezeki tersebut.

Nabi Isa a.s. tidak pernah berkahwin dan tidak pernah menjadi raja. Pada akhir zaman, Allah s.w.t. akan menurunkan beliau dan mengahwinkan beliau dengan seorang dara dari suku Quraisy, dan beliau akan memperolehi seorang anak.

Seorang wali itu hanya mahu makan setelah meyakinkan ilmu dan zuhud. Dia memakan bahagiannya bersama-sama kamu. Beliau memakan kesenangan setelah dia menjauhinya. Apabila dia tahu, maka air menjadi enak, air yang tawar, dan makanan yang enak menurut orang yang berzuhud adalah seperti meminum arak dan makan daging babi hutan. Berapa banyak orang zuhud yang terhalang dari Allah s.w.t. kerana zuhudnya...? Berapa banyakkah wali yang terhalang dari Allah s.w.t., kerana penglihatannya kepada kewaliannya. Hal ini jarang sekali terjadi. Yang banyak dari mereka adalah selamat. Secara umumnya, kedekatanmu kepada para pemilik harta benda adalah menjauhkan dirimu daripada-Nya. Adapun yang penting bagi dirimu adalah selalu beribadah dan memperhatikan akhirat.

Barangkali engkau selamat dan aku memberikan bahagian kepadamu.

Harta akan benci untuk datang kepadamu. Allah s.w.t. memerintahkan kepadamu untuk menjauhi tabiat, digantikan dengan keringanan agama. Kemudian Dia memerintahkan kepadamu untuk menjauhi keringanan sedikit demi sedikit, hingga semua pekerjaanmu adalah melaksanakan tanggungjawab agama. Apabila engkau bersabar untuk melaksanakannya, maka hatimu akan merasa cinta kepada Allah s.w.t. Apabila cintamu kepada-Nya telah tertanam, maka Dia akan mengasihi dirimu.

Apabila engkau mempunyai akal fikiran, maka anggaplah dirimu termasuk penghuni neraka, agar hal itu dapat mendorongmu untuk melakukan kebaikan. Apabila pada kenyataannya nanti engkau termasuk penghuni syurga, maka engkau telah mensyukurinya. Apabila engkau keluar dari dalam rumahmu, maka anggaplah dirimu seakan-akan akan berangkat ke medan perang, seakan-akan engkau tidak akan kembali lagi ke rumahmu. Dan ketahuilah, bahawa engkau akan diuji dengan pekerjaanmu, serta yakinlah bahawa Allah s.w.t. berkuasa untuk memberimu rezeki tanpa engkau berusaha dan memaksakan diri mencarinya.

Seorang mukmin adalah seperti gunung, pada suatu saat, dan pada saat lain ia seperti bulu. Tatkala cubaan dan ujian datang, maka dia seperti gunung yang digerak-gerakan oleh takdir-Nya. Apabila dia bersama Allah s.w.t., maka dia bagaikan bulu yang digerak-gerakkan oleh takdir-Nya.

Wahai kaumku....! Kamu hanya melihat kewalian. Seseorang tidak dikatakan bersama Allah s.w.t. apabila dia masih memperhatikan kewujudannya. Seakan-akan engkau buta, tidak dapat melihat. Seakan-akan engkau segar tanpa minum. Seakan-akan engkau mati, tidak dapat bergerak.

Wahai....! Betapa celakanya orang-orang yang terhalang daripada-Nya. Mereka tidak tahu bahawa mereka terhalang daripada-Nya. Engkau tidak melakukan kebaikan dan tidak pernah menolong mereka yang melakukan kebaikan untuk melakukan hal itu. Engkau adalah orang hina yang mencintai dunia tanpa akhirat, mencintai zahir tanpa batin. kekuasaan dan kekayaanmu tidak bermanfaat kepadamu. Demikian pula temanmu. Sebentar lagi engkau akan mati dan hancur lebur setelah itu.

مَن كَانَ يُرِيدُ ٱلْعِزَّةَ فَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ جَمِيعًا ۚ ...

Ertinya:
"Barangsiapa yang menghendaki kemuliaan, maka bagi Allah jualah kemuliaan itu semuanya."

(Fathir: 10)

Dan juga bagi para wali dan para sidiqin. Lautan adalah dunia. Kenderaannya adalah agama. Pemandunya adalah rahmat Allah s.w.t. Barangsiapa yang menyeleweng daripada menganut agama, maka dia akan tenggelam dalam dunia. Barangsiapa yang mengungsi ke kenderaan agama serta bermukim di sana, maka dia akan dijadikan ganti oleh nahkoda perahu dan dia akan menyerahkan semuanya, yakni perahu dan isinya kepadanya serta ia akan dijadikan mertua. Begitu juga orang yang meninggalkan dunia dan sibuk oleh ilmu serta sabar terhadap rasa sakit, maka dia akan dicintai oleh agama. Tatkala dia dalam keadaan demikian, maka Allah s.w.t. akan merahmatinya. Dia memberikan kewalian kepadanya.

Apabila engkau tertinggal oleh sesuatu, maka janganlah engkau menyusulinya. Sebab Maha Raja bertindak dalam hartanya sendiri. Hamba dan apa yang dia miliki adalah milik tuannya. Apa yang diambil-Nya dari dirimu, maka engkau akan menemuinya kelak pada hari kiamat. Neraka akan berkata kepadanya: "Lalulah, wahai orang mukmin, kerana cahayamu telah memadamkan kobaranku...!" Demikian juga halnya dengan dunia.

Apabila iman telah kuat dan bertemu dengan kedekatan kepada Allah s.w.t., maka malapetaka akan menimpa jalan hati. Kesungguhan akan datang pada jalan para murid tariqat. Maka seorang murid tariqat akan tertimpa bencana itu, kerana pada dirinya masih terdapat sisa dunia, penglihatan makhluk dan kesempurnaan iman. Malapetaka itu akan berkata kepadanya: "Lalulah, wahai orang mukmin, kerana cahayamu telah memadamkan kobaranku....!." Maka mereka tidak mendapat kesulitan disebabkan panas yang mengenai tempat kediaman mereka.

Amalkanlah semua ilmumu, maka api dunia dan akhirat tidak akan berbahaya bagi kamu. Allah s.w.t. mempunyai beberapa hamba yang disebut-Nya sebagai tabib. Dia memberi kemakmuran kehidupan kepada mereka dan memberi kemakmuran pada kematian mereka serta memasukkan mereka ke dalam syurga dalam kemakmuran. Barangsiapa yang mengenal Allah s.w.t., maka akan menjauhi semua kesenangan. Dia

hanya dipaksa untuk memenuhi bahagian rezeki. Tetangga adalah orang yang rumahnya bersebelahan dengan kamu. Orang yang menjadi wali ini berhasil mendapatkan tetangga dan wali yang memiliki berkat ini juga mendapatkan rumah. Dia menjadi orang yang terdekat di sisi Sang Raja. Allah Taala berfirman:

إِنَّكَ ٱلْيَوْمَ لَدَيْنَا مَكِينٌ أَمِينٌ ﴿٥٤﴾

Ertinya:
"Sesungguhnya kamu mulai hari ini menjadi seorang yang berke-dudukan tinggi lagi dipercayai di sisi kami."

(Yusuf: 54)

Barangsiapa yang mengerti tentang Allah s.w.t. dan dimasukkan kepada-Nya, maka tidak akan memandang kepada kerajaannya dan juga kedua tangannya kerana adanya pengantin yang mempersembah-kan makanannya kepada Maha Raja. Minuman pengantin adalah kedekatan kepada Maha Raja. Semua kesenangannya dia temukan di sisi Maha Raja. Apabila nafsu telah taat, maka ia akan hancur luluh bersama hati dan menjadi penjaganya serta hati dikeluarkan dari dalam penjara:

وَقَالَ ٱلْمَلِكُ ٱئْتُونِى بِهِۦ ...

Ertinya:
"Dan berkatalah Raja: Bawalah dia (Yususf) itu kepadaku."

(Yusuf: 54)

Setelah kepandaiannya nampak dan akhlaqnya bagus, maka dia dibawa mengadap. Raja menyambutnya dengan kemuliaan, mendekat-kannya kepadanya, berbuat baik kepadanya, memberinya pakaian dan berbicara kepadanya tanpa perantara:

إِنَّكَ ٱلْيَوْمَ لَدَيْنَا مَكِينٌ أَمِينٌ ﴿٥٤﴾

Ertinya:

"Sesungguhnya kamu mulai hari ini menjadi seorang yang berke-dudukan tinggi lagi dipercayai di sisi kami."

(Yusuf: 54)

Dia tidak mengizinkannya untuk menyibukkan diri dengan selain

daripadanya.

Kemudian Syeikh Abdul Qadir al-Jailani menjerit dan berkata: "Ya Allah...! Ya Allah...! Ya Allah...! Kekasih yang pergi telah tiba." Dia disibukkan hingga tidak sibuk. Apabila dia berguru dalam masa yang lama dan telah hilang keletihannya dari bermusafir, maka tumbuhlah tulangnya dan kuatlah dagingnya, makmurlah kehidupan ekonominya dan dia menjadi orang yang dekat al-Malik. Maka al-Malik menjadi-kannya sebagai gabenor dan diberi kekuasaan atas rakyat-Nya, teman-teman dan negaranya. Dia akan mengutusnya ke lautan untuk menyelamatkan orang yang tenggelam dan diutus ke daratan untuk menyelamatkan orang dewasa dan anak-anak dari tangan haiwan buas.

Tatkala dia sudah keluar dari kungkungan tabiatnya, maka Dia akan memberi keahlian kepadanya untuk menjadi pengganti dan kepercayaan. Dia memberikan anugerah kepada hati mereka, sebagaimana Dia memberikan anugerah kepada hati para Nabi dan Rasul. Julukan mereka adalah julukan para wali dan wali Badal.

Wahai rakyat jelata...! Di sini ada beberapa orang kepercayaan Ilahi yang mempunyai banyak berita. Dengan ucapan itu, Syeikh Abdul Qadir mengisyaratkan kepada mereka yang hadir di majlis beliau dari wali dan malaikat. Mereka samar, tidak diketahui oleh orang-orang yang hadir.

Ada seseorang bertanya kepada beliau:[27] "Bilakah bentangan menjadi genggaman dan gurauan menjadi sungguh-sungguh...?" Beliau r.a. menjawab: "Apabila Dia telah memberikan kegembiraan kepadamu, maka gembiralah engkau, manakala keberatanmu akan menjadi perantara. Hingga apabila engkau telah seperti itu, semuanya hanyalah keberatan, maka Dia memasukkanmu ke tempat anugerah dan ketenteraman. Engkau tinggal hanya sebagai perbuatan saja, tanpa ada keberatan mahupun keringanan. Engkau akan seperti orang yang di depannya terdapat pinggan dan dia memakan sebahagian isi pinggan itu. Dikatakan kepadanya: "Masuklah engkau ke kamar yang lain, dan makanlah apa yang disediakan untukmu...!."

Keringanan adalah bagi orang yang rendah pangkatnya dan keberatan adalah bagi orang yang beriman sempurna serta milik adalah bagi para orang yang mencapai maqam fana'.

27. Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir al-Jailani. (Penterjemah)

Aku belum pernah duduk di atas bumi kecuali dalam kesendirian pada zaman dahulu. Namun sekarang tidak seperti itu lagi. Aku termasuk orang yang tidak malu untuk menyebutkan keadaannya, sebab aku tidak melihat seorangpun. Kebaikan budi pekerti ada dalam dua tempat, iaitu dalam meninggalkan dan mengambil dunia.

Menyendiri tidak terwujud apabila engkau bodoh. Janganlah engkau melakukannya sebelum engkau terdidik. Belajarlah, lalu menyingkirlah. Sudah berapa kali engkau menghadiri majlis tariqat, namun engkau belum mengamalkannya meskipun satu kalimat...? Sudah berapakah orang yang melihat seorang wali, lalu dia meminta wasiat kepadanya, kemudian wali itu memberikan wasiat kepadanya, wasiat itu diamalkannya dan dijadikannya sebagai bekal di akhirat.

Engkau telah melihat banyak hadis, menelaah kata-kata para sahabat, menghadiri majlis-majlis tariqat, namun engkau tidak beramal. Barangkali engkau tetap di tempatmu, bahkan setiap kali engkau maju, maka engkau akan mundur lagi.

Barangsiapa yang hari semalamnya sama dengan hari ini, maka bererti dia orang yang menjadi rugi. Bangunlah, semoga Allah merahmati dirimu. Dunia adalah bekal untuk sesaat maka janganlah engkau tertarik kepadanya.

Kaum ahli tariqat adalah sekelompok orang yang dikuasai oleh wibawa dan anggota badan mereka terikat. Hati mereka dikuasai oleh rasa kecut untuk mengurus makhluk. Maka mereka hanyalah diam dan duduk. Apabila telah tiba waktu untuk menyempurnakan bahagian rezeki mereka, maka Allah s.w.t. mengutus seseorang untuk menyuapi mereka.

Tidak ada seorangpun yang berhak untuk membantah kepada hamba ini.[28] Jagalah pokok agamamu. Apabila engkau tidak menjaganya, maka aku memutuskan nisbat dan tariqatku. Janganlah engkau bodoh, sehingga engkau hanya duduk-duduk di dalam rumah dan mengigau dengan igauanmu. Ubat-ubat yang telah kita minum dan mujarrab bagi kita, menunjukan kamu pada apa yang telah seringkali terjadi pada kami.

Takutlah kamu akan suatu hari, yang pada hari itu tidak akan bermanfaat bagimu harta mahupun anak. Apakah yang dimaksudkan dengan harta itu...? Harta yang engkau kumpulkan dengan bekerja

28. Maksudnya ialah Syeikh Abdul Qadir al-Jailani sendiri.

engkau anggap bermanfaat pada hari kiamat...? Demikian juga dengan anak-anakmu sebagaimana persangkaan orang Arab yang terdahulu. Allah berfirman:

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Ertinya:
"(Iaitu) pada hari yang harta dan anak-anak lelaki tidak lagi bermanfaat, kecuali orang yang menghadap Allah dengan hati yang bersih."

(Asy-Syu'ara: 88-89)

Seorang wali tidak melihat dengan hatinya kepada harta dan anak-anaknya. Bahkan dia meyakini bahawa dia bersikap tawakkal terhadap semuanya itu. Dia menemani mereka kerana mentaati Tuhannya. Maka hatinya selamat dari malapetaka yang ditimbulkan oleh harta dan anak. Sebagaimana seorang lelaki yang memberitahu, bahawa dia akan dikahwinkan oleh seorang raja dengan seorang gadis, dan raja itu ingin membunuhnya dengan tangan gadis itu. Dia akan berkata dalam hati: "Apabila aku lari, maka aku akan ditangkap oleh perajuritnya. Apabila aku tidak mematuhinya, maka aku akan dibinasakan dengan gadisnya...!." Raja memaksanya agar berkahwin dengan salah seorang hambanya dan dia memerintahkan agar hamba itu meracun atau menyembelihnya apabila dia tertidur.

Wahai...! Alangkah ruginya orang yang tidak hadir padaku hari ini. Wahai...! Alangkah ruginya dia. Namun yang paling baik adalah kesopanan, menampakkan sikap setuju dan berhati-hati. Dia mengata-kan: "Daulat Tuanku...!" Kemudian dia masuk lalu menerima akad nikah dan hadiah. Datanglah masa untuk melakukan persetubuhan. Dia mesti memakai baju besi, mencelak kedua-dua mata hatinya supaya selalu bangun agar dia dapat tahu gerak-geri serta diam dan kelakuannya. Dia akan berubah kepada membahagiakannya, sedangkan para pengikut dan pelayan menyangka bahawa dia telah berbahagia dengan apa yang ada pada dirinya. Tatkala pagi menjelang, dia tidak terbunuh oleh racun hamba tersebut.

إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Ertinya:
"Kecuali orang yang menghadap Allah dengan hati yang bersih."

(Asy-Syu'ara: 89)

Dunia adalah bagaikan isteri. Wali tidak pernah tidur bersamanya dan tidak pernah menyendiri dengannya selama hidupnya. Dia datang ke akhirat, sementara dunia tidak dapat menghilangkan ketakwaannya dan tidak dapat mengubah agamanya. Itulah keselamatan. Beginilah seorang wali yang menjauhi dunia dan mencintai akhirat, tatkala utusan ilmu datang ketika batinnya bersih. Bahawasanya Allah s.w.t. akan memberimu sebahagian daripada harta agar menjadi penghidupan hati para siddiqin. Hal itu adalah merupakan gangguan, keletihan, kekeruhan dan berpaling.

Fikirkanlah bagaimana engkau berbuat, maka engkau akan selamat, baik hati mahupun batinmu. Batin sedar akan hal itu. Hati dan batin bersama-sama ke pintu Allah s.w.t. Kedua-duanya berkata: "Apa yang ingin Engkau lakukan terhadap kami daripada-Mu, mengusir kami dari pintu-Mu....? Engkau menyulitkan kehidupan kami. Kami tidak akan pergi kecuali dengan perjanjian." Kedua-duanya tidak pergi sehingga Dia berfirman kepada kedua-duanya:

لَا تَخَافَآ إِنَّنِى مَعَكُمَآ أَسْمَعُ وَأَرَىٰ ﴿٤٦﴾

Ertinya:
"Janganlah kamu berdua khuatir, sesungguhnya Aku bersama kamu berdua, Aku mendengar dan melihat."

(Thaha: 46)

Keduanya lalu kembali ke dunia disertai para penjaga.

إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Ertinya:
"Kecuali orang yang menghadap Allah dengan hati yang bersih."

(Asy-Syu'ara: 89)

Dari malapetaka, riya', kemunafikan dan penglihatan makhluk.

Wahai murid tariqat yang bingung di Padang Tihnya takdir...! Engkau

perlu membersihkan penipuanmu. Janganlah engkau membiarkannya, meskipun sedikit. Engkau perlu membersihkan hatimu dari harta, kesenangan dan semua kemewahan. Isilah hatimu itu dengan berzikir, berfikir, ingat akan kematian dan kejadian setelah itu. Isilah hatimu itu dengan harapan yang tidak muluk-muluk. Katakanlah: "Aku sudah mati sekarang ini." Sebab amal dapat menjadi bersih kerana harapan yang tidak melambung. Apabila harapanmu terlalu tinggi melambung, maka engkau akan melihat barang ini dan akan menafkah-kan barang ini. Orang yang berangan-angan tinggi melambung adalah dijauhi.

Semuanya sentiasa beribadah kepada-Nya, semuanya memakai pakaian zuhud, kemudian pakaian fana', lalu pakaian kewalian. Nabi s.a.w. bersabda:

اكْفُلُوْا اِلَى بِسِتٍّ أَكْفَلْ لَكُمْ بِالْجَنَّةِ، إِذَا حَدَثَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَكْذِبْ، وَإِذَا اؤْتُمِنَ فَلَا تَخُنْ، وَإِذَا وَعَدَ فَلَا يَخْلُفْ، كُفُّوْا أَيْدِيَكُمْ وَغُضُّوْا أَبْصَارَكُمْ وَاحْفَظُوْا فُرُوْجَكُمْ.

Ertinya:
"Jaminlah aku dengan enam perkara, maka aku akan menjamin kamu dengan syurga, iaitu apabila salah seorang di antara kamu berbicara, maka janganlah dia berdusta. Apabila dia dipercayai, maka janganlah dia khianat. Apabila dia berjanji, maka janganlah dia mengingkarinya. Cegahlah tangan kamu, tundukkanlah pandangan kamu dan jagalah kemaluan kamu."

Menurut Imam al-Thabarani, lafaz hadis ini adalah sebagai berikut:

اكْفُلُوْا اِلَى بِسِتٍّ أَكْفَلْ لَكُمُ الْجَنَّةَ، إِذَا تَحَدَّثْتُمْ فَلَا تُكْذِبُوْا، وَإِذَا اؤْتُمِنْتُمْ فَلَا تَخُوْنُوْا، وَإِذَا وَعَدْتُمْ فَلَا تُخْلِفُوْا، احْفِظُوْا أَيْدِيْكُمْ وَأَبْصَارَكُمْ وَفُرُوْجَكُمْ.

Ertinya:
"Jaminlah aku dengan enam perkara, maka aku akan menjamin kamu dengan syurga, iaitu kamu berbicara, maka janganlah kamu berdusta. Apabila kamu dipercayai, maka janganlah kamu berkhianat. Apabila

kamu berjanji, maka janganlah kamu mengingkarinya. Peliharalah tangan kamu, pandangan kamu dan kemaluan kamu.."

Apabila batinmu telah bersih dan bersatu, maka engkau akan mendengar seruan Tuhanmu tanpa perantara. Apabila takut dan harapanmu telah menyatu, maka datanglah firman Tuhanmu.

Wahai anak kecilku..! Menyerahlah engkau kepada takdir-Nya. Adakalanya takdir itu akan mengajakmu atau akan melaluimu. "Barangsiapa yang kebinasaannya berada di tangan Allah s.w.t., maka di tangan-Nya pulalah penggantinya." Apabila takdir melaluimu, maka bergantunglah engkau kepadanya, maka engkau akan tahu tentang takdir itu. Apabila engkau telah tahu hal itu, maka kejadiannya adalah merupakan cakaran, bukan mematikan. Wahai orang yang kosong dari hal itu semuanya...! Belajarlah, majulah dan mulailah beramal. Berpalinglah dari kesemuanya. Bertaubatlah engkau dari kediamanmu di dalam rumahmu, sementara aku duduk di sini. Di tempat ada beberapa kewalian. Di sini ada beberapa pangkat.

Wahai orang yang diuji dengan keluarganya...! Hendaklah kerjamu untuk keluargamu dan hatimu untuk anugerah Tuhanmu. Sebahagian manusia ada yang mendapat yang halal dalam pekerjaan mereka. Dan sebahagian lain yang kehalalan mereka ada dalam doa mereka. Manakala sebahagian yang lain pula memperolehi yang halal dari orang lain tanpa meminta. Dan sebahagian yang lainnya pula mendapatkan yang halal dari umat manusia. Itulah masa riyalat. Hal itu tidaklah berlaku selamanya.

Secara tegasnya ia dapat dinyatakan sebagai berikut:

1. Bekerja adalah sunnah.
2. Meminta adalah hina.
3. Adalah pemberatan.

Meminta adalah kemurahan antara yang kedua dan ketiga. Terkadang ada orang yang tidak makan sehingga dia terpaksa meminta-minta. Ini adalah ujian bagi orang yang diminta. Permintaan hamba ini adalah seperti permintaan malam. Nabi s.a.w. bersabda:

لَا تَرُدُّوْا سُؤَالَ اللَّيْلِ فَإِنَّهُ قَدْ يَأْتِيْكُمْ مَنْ لَيْسَ بِجِنٍّ وَلَا إِنْسٍ لِيَنْظُرَ مَا تَصْنَعُوْنَ فِيْمَا خَوَّلَكُمُ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ.

Ertinya:

"Janganlah kamu menolak permintaan malam. Kerana adakalanya akan datang kepadamu seseorang yang bukan jin dan bukan pula manusia, untuk melihat apa yang kamu lakukan terhadap apa yang dianugerahkan oleh Allah 'Azza Wa Jalla kepada kamu."

Demikian juga dengan hamba ini. Dia diperintahkan untuk meminta-minta, agar Allah s.w.t. melihat apa yang kamu perbuat dengan apa yang telah dianugerahkan-Nya kepadamu, iaitu nikmat. Sering-seringlah engkau mendatangi majlis para ulama, ziarah kubur dan orang-orang soleh. Barang kali hatimu akan menjadi hidup.

Apabila kaum ahli tariqat bersungguh-sungguh dalam mentaati perintah dan menjauhi larangan, maka mereka ditolong oleh takdir. Abdullah bin Zubair hanya makan sekali dalam seminggu. Keadaanmu tidak akan tetap, sehingga engkau seperti tempat air yang retak, tidak tenang air di dalamnya, sebagaimana perahu orang-orang miskin yang di dalamnya terdapat Nabi Khidhir a.s. Beliau merosakkan perahu itu. Keadaanmu adakalanya yakin, adakalanya bimbang, adakalanya sedikit dan adakalanya banyak. Barangsiapa yang keluar dari hadapanku menuju ke neraka, maka dia dirahmati oleh Allah s.w.t.

Ya Allah...! Berilah kami pengampunan. Ya Allah...! Berilah kami tutup. Ya Allah...! Berilah kami keteguhan. Ya Allah...! Berilah kami keredhaan-Mu..

Apabila engkau telah sampai kepada keredhaan-Nya, maka Dia akan redha. Manakala tugasmu hanyalah melakukan perkara-perkara yang fardhu. Tukang masak baginda telah menjadi tua. Hilang akal, penglihatan dan pendengaran serta isyarat. Namun Raja masih memperlakukannya seperti tatkala dia masih muda. Wahai murid yang sungguh-sungguh...! Tetaplah engkau pada sangkaanmu. Bilakah engkau mendahulukan tetanggamu tentang makanan...? Bilakah engkau mendahulukan orang lain tentang pakaian, serban dan tempat solatmu...? Bilakah engkau mendahulukan orang lain dalam hartamu....? Kaum ahli tariqat ini menghancurkan nafsu, perangai, kesenangan dan minuman mereka, sehingga mereka mati secara hakiki. Mereka lenyap dan secara hakiki mereka tiada. Qudrat Allah s.w.t. telah mengatur mereka. Takdir telah menggerak-gerakkan mereka ke arah kiri dan kanan.

وَكَلْبُهُم بَٰسِطٌ ذِرَاعَيْهِ بِٱلْوَصِيدِ ۚ ...

Ertinya:
"Dan anjing mereka mengunjurkan kedua-dua tangannya di depan pintu gua."

(Al-Kahfi: 18)

Sisa-sisa nafsu terbentang di bawah takdir. Ubat semua anggota badan adalah menjauhi segala jenis dosa, iaitu melakukan beberapa keburukan, maksiat dan kesalahan. Tanganmu menjauhkan diri daripada mencuri dan memukul, kakimu tidak berjalan untuk melakukan maksiat dengani wanita-wanita cantik yang menjadi penghibur. Nafsumu diam di depan hukum. Hatimu sentiasa bersama kekasih. Apabila seorang wali-Nya berlaku sopan, maka dia bersifat seperti sifat seorang Nabi. Seseorang yang bijaksana akan bingung antara watak dan ilmunya. Kadang-kadang dia menolak untuk memakai tabiatnya, adakalanya dia menolak untuk memakai ilmunya. Dia berkata:

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ۚ ...

Ertinya:
"Dan apa-apa yang diberikan Rasul kepadamu hendaklah engkau ambil, dan apa-apa yang dicegahnya kamu daripadanya hendaklah engkau tinggalkan."

(Al-Hasyr: 7)

Orang yang bijak itu berkata kepada hatinya: "Tidak memadaikah bagimu bahawa aku berdiri sebagai pelayanmu...?" Engkau mempunyai penjaga yang melindungimu tatkala engkau bersama Sang Raja. Malam adalah ranjang kerajaan mereka. Kesendirian adalah kamar pengantin mereka. Siang mendorong mereka untuk melakukan sebahagian usaha. Musibah mereka, mereka rahsiakan.

يَٰبُنَىَّ لَا تَقْصُصْ رُءْيَاكَ عَلَىٰٓ إِخْوَتِكَ ...

Ertinya:
"Wahai anakku...! Janganlah engkau ceritakan mimpimu itu kepada saudara-saudaramu."

(Yusuf: 5)

Bersikap mulialah engkau di antara mereka. Saling menjaga dan tolong menolonglah kamu, hingga ajal tiba. Tanyakanlah padaku tentang Munkar dan Nakir tatkala mereka mendatangimu di dalam kuburmu. Mereka akan mengabarkan kepadamu tentang diriku. Namamu adalah orang yang berdosa. Namun kelak pada hari kiamat adalah Muhasab (orang yang dihisab) dan Munaqisy (orang yang suka membantah). Di dalam kubur, engkau adalah orang yang dicela. Engkau tidak tahu, apakah engkau termasuk penghuni syurga ataukah termasuk penghuni neraka...? Akhir hayatmu masih samar. Maka janganlah engkau tertipu oleh kebaikan keadaanmu. Engkau belum tahu, siapa namamu esok.

Wahai anak kecilku...! Apabila engkau berada di pagi hari, maka janganlah engkau berkata kepada hatimu tentang petang hari. Dan apabila engkau berada di petang hari, maka janganlah engkau berkata kepada hatimu tentang pagi hari. Kelmarin telah berlalu beserta apa yang terjadi waktu itu. Kelmarin menjadi saksi, apakah ia mendatangkan mudarat dan menyajikan manfaat kepadamu. Engkau tidak tahu, apakah engkau akan hidup pada esok pagi ataukah tidak. Engkau hanyalah hidup di hari ini. Apakah yang menyebabkan engkau lupa....? Tanda-tanda kelupaanmu adalah engkau menemani orang-orang yang lupa.

Wahai orang yang bodoh...! Mengapa engkau berteman dengan orang yang tidak terdapat alamat kebenaran pada dirinya...? Mengapakah engkau berteman dengan orang yang akidahnya lemah....? Zahirnya adalah nafsu dan batinnya adalah ketidakmaluan pada Allah s.w.t. Semua makhluk dan semua pemberatan hukum tidaklah ada.

Wahai orang yang bodoh...! Engkau mendatangi pintu orang lain dan pintu orang ini. Engkau meminta kepadanya, sehingga tumpukan hartamu bertambah banyak. Bagaimana mungkin engkau mengharap keuntungan...? Mengapa engkau tidak berada di pintu Sang Raja seperti pengawal...? Barangsiapa yang datang, maka engkau memberitahu kepadanya tentang tempatnya. Engkau mengambil kisahnya dan engkau menenteramkannya dalam keadaan sendirian. Mengapa engkau tidak menganggap semua makhluk sebagai keluargamu, dan engkau menyingkir dari mereka...? Engkau sibuk dengan pekerjaanmu di rumah. Sehingga apabila mereka mendatangi rumahmu, maka mereka akan melihat apa yang membuat mereka baik pada dirimu.

Rumahmu adalah kesendirianmu. Rumahmu adalah batinmu.

Rumahmu adalah engkau mentaati semua perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Engkau tidak membantah terhadap takdir-Nya. Rezeki semua makhluk adalah dalam doamu, dan cita-citamu. Apabila engkau memuliakan orang-orang yang mulia dalam kesendirianmu, maka bererti engkau mentaati Tuhanmu dan tidak menderhakai-Nya. Apabila engkau memuliakan suatu kaum dan dirimu tidak pernah dipermalukan di depan mereka, maka engkau disebut orang yang mulia. Apabila engkau menjadi orang mulia yang memuliakan, maka seribu jiwa akan dimuliakan kerana dirimu. Semua cubaan akan dihilangkan dari keluargamu, tetangga dan penduduk negerimu untuk selama-lamanya.

Bilakah engkau dimintai...? Bilakah engkau dimintai makanan...? Bilakah pintumu didatangi...? Bilakah di sekitarmu didirikan khemah....? Bilakah engkau menjadi pengantin di hadapan Maha Raja....? Bilakah terlihatnya kehebatan, keahlian dan kesolehanmu untuk mendekati Maha Raja...? Gelaranmu nyata bersama wibawamu dan engkau menjadi cucu Nabi yang paling hebat, sehingga engkau diberi berkat oleh beliau.

اَلْعُلَمَآءُ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ.

Ertinya:
"Ulama itu adalah pewaris para Nabi."

Perkara yang penting dalam hal ini ialah baik ucapan, perbuatan dan tingkahlaku. Bukan nama dan gelaran. Kenabian adalah nama, sedang kerasulan adalah gelaran. Wahai orang yang bodoh...! Apabila engkau tidak melihat kenabian dan kerasulan, maka engkau masih melihat kewalian, baik yang ghayah mahupun wali badal.

أَرَضِيتُم بِٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا مِنَ ٱلْءَاخِرَةِ ...

Ertinya:
"Apakah kamu puas dengan kehidupan dunia sebagai ganti daripada kehidupan akhirat...?"

(At-Taubah: 38)

Kehidupan dunia adalah nafsu, kesenangan dan tabiatmu. Dunia ini bukanlah sesuatu yang lepas dari kesenangan. Maka itulah bahagian-bahagianmu. Apa yang engkau peroleh dari dunia ini tidaklah selalu ada pada dirimu. Allah tidak termasuk dunia. Dia pasti ada. Rumah

yang mencukupi untukmu, pakaian yang menutup auratmu, roti yang mengenyangkanmu dan isteri yang menentramkan engkau tidaklah termasuk dunia. Kehidupan dunia adalah menghadap pada makhluk dan berpaliang dari Allah s.w.t. Kesenangan adalah lawan kufur. Kesenangan adalah lawan ibadah. Sebab dan usaha adalah lawan hasil. Zahir adalah lawan batin. Apabila engkau telah menyempurnakan batin. Apabila engkau telah menyempurnakan pengamalan hukum, maka engkau telah menjadi hamba-Nya. Engkau menjadi pengikut-Nya. Engkau menjadi teman-Nya. Engkau akan mendapat pangkat fana'. Engkau dikendalikan oleh ilmu. Engkau menjadi bagaikan nyawa di antara dua nyawa. Engkau menjadi bagaikan pengawal di antara raja dam perdana menteri. Engkau menjadi kekasih dunia, akhirat, makhluk dan Allah s.w.t. serta malaikat. Engkau menjadi penggembirakan hati manusia. Kami mempunyai perbuatan yang tidak bermakna kerana kehadiran kamu.

Nabi Daud a.s. bersabda kepada putera beliau, Nabi Sulaiman a.s., semoga Allah s.w.t. melimpahkan salam-Nya kepada baginda berdua serta kepada semua Nabi dan Rasul, malaikat muqarrabin, para Wali dan orang-orang soleh: "Wahai anak kecilku, betapa buruknya kesalahan setelah kehinaan. Lebih buruk lagi seorang lelaki yang asalnya ahli beribadah, kemudian tidak beribadah kepada Tuhannya."

أَرَضِيتُم بِٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا مِنَ ٱلۡأٓخِرَةِۚ ...

Ertinya:

"Apakah kamu puas dengan kehidupan dunia sebagai ganti daripada kehidupan akhirat...?"

(At-Taubah: 38)

Kehidupan dunia adalah wujudmu dan akhirat adalah kehilanganmu. Cita-cita, rahsia, orang awam, dan orang-orang khusus dapat berubah. Dunia adalah apa yang engkau lihat. Akhirat adalah apa yang akan dibukakan untuk dirimu. Engkau akan mendapatkan apa yang tidak pernah engkau fikirkan, lalu engkau bingung, kemudian hal itu akan jelas bagimu.

Apa yang datang kepadamu dengan fikiran biasa adalah termasuk dunia. Dan apa yang datang kepadamu dari sari akal fikiran adalah termasuk akhirat. Batinmu adalah akhirat. Zahirmu adalah dunia. Keadaan dunia adalah semua selain Allah s.w.t. Akhirat adalah bergantung

kepada Allah s.w.t. dan berpaling dari perbantahan, memuji, mencela dan merasa susah. Kepentinganmu adalah apa yang engkau pentingkan. Apabila engkau benar dalam keinginan, maka Dia akan mengurus dirimu. Dia akan menjalankan dirimu untuk menemani takdir-Nya. Dia akan melebarkan antara dua langkahmu lebih lebar daripada langkah Nabi Adam a.s. kerana kebenaran tujuan dan kesopananmu serta kepura-puraanmu untuk tidak mendengar celoteh para tetanggamu.

Celakalah engkau...! Wahai orang-orang yang bodoh tentang Allah s.w.t. dan tentang anugerah serta hamba-hamba-Nya. Mereka mendengar, lalu mentaati. Seorang hamba itu tahu akan bahagian-bahagiannya di Lauh Mahfuz, lalu dia dapat melihat bahagian-bahagian keluarganya. Hingga dia merasa kagum, maka dia mendengar seruan melalui batinnya.

إِنْ هُوَ إِلَّا عَبْدٌ أَنْعَمْنَا عَلَيْهِ ...

Ertinya:
"Isa itu tidak lain ialah seorang hamba yang Kami kurniakan nikmat (kenabian) kepadanya."

(Az-Zukhruf: 59)

وَإِنَّهُمْ عِندَنَا لَمِنَ ٱلْمُصْطَفَيْنَ ٱلْأَخْيَارِ ﴿٤٧﴾

Ertinya:
"Dan sesungguhnya mereka di sisi Kami benar-benar termasuk orang pilihan yang terbaik."

(Sad: 47)

Hal ini dapat mendatangkan (memberitahu) takdir, kemudian batin akan menjadi bersih dengan mengikut petunjuk para guru.

Suatu ketika, tatkala beliau sedang mendengarkan dan sedang gembira, lantas beliau mendapatkan sehelai kertas yang di dalamnya tertulis masalah ilmu fiqh. Beliau berkata: "Aku meminta izin untuk berbicara dan menempuh bahaya." Kemudian beliau berkata: "Apakah nikah itu wajib atau tidak...? Dalam masalah ini terdapat perbezaan pendapat di kalangan para ulama. Sebahagian daripada mereka mengatakan bahawa nikah itu adalah sunat. Sebahagian yang lain pula mengatakan bahawa apabila orang itu tidak perlu melampiaskan nafsunya, maka lebih utama baginya beribadah." Demikian menurut Imam al-Syafi'i dan Ahmad. Menurut Imam

Abu Hanifah lebih utama menikah.

Apabila engkau menjadi murid, maka engkau lebih utama untuk menyibukkan diri dengan beribadah. Apabila engkau adalah orang yang dicintai Allah, maka engkau sama sekali tidak mempunyai usaha dalam dirimu. Apabila Dia menghendaki, maka Dia akan menyibukkan dirimu dengan selain wanita itu. Apabila engkau mempunyai tanggungan, maka engkau akan dituntut untuk bertanggungjawab. Adapun seorang murid tariqat adalah haram untuk menikah secara batin atau dia mempunyai baju tambahan, atau empat jari dari bumi. Orang ini adalah pengelana. Dia tidak tetap dan tidak pula mempunyai pakaian serta perlengkapan. Dia tertanggal dari semua pakaiannya.

Apabila dia sampai pada maksudnya dan sudah habis pengembara-annya, maka apabila Allah menghendaki, Dia akan mengahwinkannya. Barangsiapa yang menemani orang tolol, maka dia adalah orang tolol pula. Orang tolol adalah orang yang tidak mengenal Allah s.w.t., redha terhadap kehidupan dunia sebagai ganti akhirat.

Wahai hamba...! Bahagianmu tidak akan dimakan orang lain. Janganlah engkau makan dengan perangai dan kesenanganmu dari tangan syaitan. Nantilah saatnya, hingga engkau masuk ke syurga atau dekat kepada Tuhanmu, Allah s.w.t.

Ada seorang lelaki berkata kepada beliau: "Saya mempunyai wirid dan mulai dari sejak kecil sampai sekarang, saya melakukan solat dua rakaat." Beliau lalu berkata kepada teman-teman beliau: "Ambillah dia bersama kamu."

إِنَّ لله فِيْ أَيَّامِ دَهْرِ كُمْ نَفَحَاتٍ أَلَا فَتَعَرَّضُوْا لِنَفَحَاتِهِ.

Ertinya:
"Sesungguhnya bagi Allah dalam beberapa hari daripada masa kamu adalah pemberian. Ingatlah, maka hendaklah engkau gunakan pemberian-Nya itu."

Hatimu belum menjadi tua. Allah menempatkannya pada pintu kedekatan-Nya. Hati tidaklah lemah zahir dan kuat batin. Hatimu melihat pintu Tuhanmu. Hatimu terkena wibawa kedekatan Allah s.w.t., lalu pengsan. Sebahagian kecil daripada amal hati lebih utama daripada amal zahir, dengan kadar seibu kali ganda, selama amalan fardhu dan amalan

sunat dipenuhi.

Ada seorang berkata kepada Imam al-Junaid: "Ada seorang penduduk yang berdiri atas gilingan yang berputar, sementara dia tidak makan dan minum." Beliau menjawab: "Lihatlah perbuatannya dalam waktu solat...!." Ada yang berkata: "Tidak apa-apa...! Sebahagian daripada para wali ada yang kuat untuk melakukan amal, sejak kecil hingga dia meninggal dunia. Sebahagian daripada meraka pula ada yang beramal hingga badannya lemah. Apabila hal ini terjadi kerana kedekatannya, kerana ilmunya dan kerana dia melihat kepada Allah s.w.t., maka tidak apa-apa. Apabila tidak demikian, maka dia adalah syaitan yang dapat mencelakakanmu dan nafsu yang menyakitimu."

Menemani seorang ahli hukum menimbulkan ilmu dan menimbulkan rahsia kepada mereka. Apakah engkau mempunyai cerita dari hal ini...? Sentiasalah engkau beribadah, kemudian bergabunglah. Bergabunglah engkau, kemudian terus meneruslah beramal. Wahai meruginya orang yang duduk di atas dua bukit dengan sifat rakus, menghayal dan membanggakan diri. Apabilla demikian sikapmu, maka hatimu pasti akan mati dan menjadi hitam. Nabi s.a.w. bersabda:

إِنَّ الْقُلُوْبَ لَتَصْدَأُ وَإِنَّ جَلَاءَهَا قِرَاءَةُ الْقُرْءَانِ.

Ertinya:
"Sesungguhnya hati benar-benar telah berkarat, maka sesungguhnya yang dapat membersihkannya ialah membaca al-Quran."

Ya Allah...! Berilah kami petunjuk, jadikanlah kami jalan petunjuk. Rahmatilah kami, jadikanlah bagi kami jalan rahmat. Jadikanlah kami wali, jadikanlah kami jalan kewalian. Jadikanlah kami orang yang memiliki keberkatan.

Di manapun engkau berada, bergabunglah engkau,[29] lalu memisahlah, kemudian teruslah beramal. Belajarlah engkau kemudian menyingkirlah. Barangsiapa yang beribadah kepada Allah s.w.t. atas dasar kebodohan, maka yang dihancurkannya lebih banyak daripada yang diperbaikinya. Pakailah peraturan agama Tuhanmu untuk memberikan hukuman. Engkau akan masuk ke dalam ilmu. Jauhilah semua usaha, tinggal-kanlah para saudara dan tetangga. Tidaklah patut berzuhud dari bahagian

29. Maksud bergabung di sini ialah menghadiri halaqah-halaqah pengajian dan majlir ta'lim. Setelah memiliki ilmu hendaklah mengasingkan diri daripada manusia untuk beramal. (Penterjemah)

rezeki. Ambillah isteri. Terimalah semua bahagian rezekimu. Berusahalah untuk zuhud, lalu paksakan dirimu untuk zuhud. Paksakan dirimu untuk berpaling. Tinggalkanlah kerakusanmu. Bersikap sopan santunlah engkau. Jadilah engkau orang yang menjauhi selain-Nya. Jauhilah usaha kerana dikhuatiri pelitamu akan padam, kerana apabila pelitamu sudah padam, engkau akan selalu berada dalam kegelapan. Tatkala engkau dalam keadaan seperti itu, tiba-tiba datanglah pertolongan dari Tuhanmu terhadap pelitamu. Cahayamu ada dalam ilmumu.

مَنْ عَمِلَ بِمَا لَمْ يَعْلَمُ أَوْرَثَهُ اللهُ عِلْمَ مَا لَمْ يَعْلَمْ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang mengamalkan apa yang diketahuinya, maka Allah akan memberinya ilmu yang belum diketahuinya."

(Telah dijelaskan darjat hadis ini)

Barangsiapa yang ikhlas kerana Allah selama empat puluh pagi, maka akan memancarlah sumber-sumber hikmah dari hatinya ke lisannya. Tatkala dia dalam keadaan seperti itu, tiba-tiba dia melihat api Allah s.w.t., sebagaimana Nabi Musa a.s. ketika beliau melihat api.

فَقَالَ لِأَهْلِهِ ٱمْكُثُوٓاْ إِنِّيٓ ءَانَسْتُ نَارًا ...

Ertinya:
"Dia (Musa) berkata kepada keluarganya, 'Tunggulah (di sini), sesungguhnya aku melihat api.'"

(Thaha: 10)

Allah s.w.t. memanggil beliau dengan perantaraan api. Dia menjadikan api untuk mendekatkan diri kepada-Nya dan melihat-Nya sebagai bukti kewujudan-Nya. Beliau melihat api dari pokok hatinya kerana nafsu, kesenangan, usaha dan wujud beliau.

Ketika ini, seolah-olah Allah Taala berfirman kepada Nabi Musa sebagai berikut: "Janganlah engkau merasa hina terhadap selain Aku. Kenal Aku dan bersikap tidak acuhlah engkau terhadap selain Aku. Bergabunglah engkau dengan-Ku dan terputuslah dari selain Aku. Carilah Aku dan berpalinglah dari selain Aku. Menujulah ke ilmu-Ku, kedekatan-Ku dan kekuasaan-Ku. Sehingga apabila hal ini telah sempurna pada dirimu, maka akan sempurnalah pertemuan." Terjadilah apa yang terjadi.

فَأَوْحَىٰٓ إِلَىٰ عَبْدِهِۦ مَآ أَوْحَىٰ ﴿١٠﴾

Ertinya:
"Dan dia menyampaikan kepada hamba-Nya (Muhammad) apa yang telah Allah wahyukan."

(An-Najm: 10)

Semua penghalang telah lenyap, kekeruhan telah lenyap, dan jiiwa telah menjadi tenang, maka datanglah kelembutan.

ٱذْهَبْ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ ...

Ertinya:
"Pergilah kepada Fir'aun."

(Thaha: 24)

Wahai hati...! Kembalilah kepada syaitan, nafsu dan kesenangan. Bawalah mereka kepadaku. Tunjukkanlah mereka kepadaku. Katakanlah kepada mereka.

يَٰقَوْمِ ٱتَّبِعُونِ أَهْدِكُمْ سَبِيلَ ٱلرَّشَادِ ﴿٣٨﴾

Ertinya:
"Wahai kaumku...! Ikutlah aku, aku akan menunjukkan kepada kamu jalan yang benar."

(Al-Mukmin: 38)

Bergabunglah, lalu memisahlah, kemudian bergabunglah dan selanjutnya memisah semula. Wahai orang miskin...! Kekuatanmu akan terpisah darimu dan akan berkhianat kepadamu. Teman-temanmu akan meninggalkan engkau. Allah s.w.t. mengumpulkan antara kemiskinan dunia dan seksa akhirat. Engkau masuk ke liang kubur yang sempit untukmu. Tulang rusukmu bercerai berai dan Dia menjadikan engkau bisu untuk menjawab pertanyaan malaikat Munkar dan Nakir. Engkau akan diseksa di dalam kubur dan akan dibukakan sebuah pintu dari neraka untukmu. Engkau akan terkena seksa dan racunnya.

Wahai kaumku....! Berlaku sopanlah kamu di tempat ini, maka agama serta zahir dan batin kamu akan selamat hingga engkau ditempatkan di hadrat-Nya. Pada saat itulah, penghalang akan hilang dari kedua-dua mata, mulut dan kedua-dua telingamu. Dia akan memberikan dan menambah

kekuatan beserta kekuatan lain, mata hati beserta mata hati lain, umur serta umur lain, rezeki serta rezeki lain dan kekekalan serta kekalan lain. Dia membalas perbuatanmu, memuji kesopananmu. Dia menyebutmu sebagai orang yang bersyukur setelah Dia menyebutmu sebagai orang yang sabar, berakal fikiran dan taat beragama. Dia melindungimu.

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ ...

Ertinya:
"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum, sehingga mereka sendiri mengubah keadaan yang ada pada mereka."
(Ar-Ra'd: 11)

Akhlak-akhlak yang buruk mereka ubah dengan mengikut agama, kemudian ilmu, selanjutnya takdir. Seakan-akan mereka dibius untuk memotong tangan dan kaki mereka, serta anggota badan yang jahat. Mereka sama sekali tidak berfikir, mengapa dan bagaimana. Akal kemanusiaan telah hilang. Apabila waktu bius sudah habis dan akal kembali lagi kepada mereka, maka datanglah kerahmatan Tuhanmu dengan mengubah, sedangkan mengubah itu adalah makanan setelah lapar dan minuman setelah haus, pakaian setelah telanjang.

Selama engkau masih menjadi anggota tariqat, maka engkau tetap diperintah oleh Allah s.w.t. untuk berjimat, sehingga lenyaplah syahwat dari dirimu. Engkau memberikan hak orang bijak ini. Engkau melaksanakan perintah agama dan menjauhi larangannya. Hari-hari ini akan habis, sedangkan langkah-langkahmu semakin dekat kepada Allah bersamaan dengan peredaran malam dan siang.

Kaum ahli tariqat ada beberapa macam. Sebahagian dari mereka ada yang tamat perjalanannya dalam sehari, sebulan dan beberapa tahun. Janganlah engkau menghabiskan zaman dan masamu dengan mengapa dan bagaimana, tetapi hendaklah engkau bersemangat. Beramallah engkau, barangkali apabila engkau beramal di daerah-Nya, maka Dia akan mengambilmu sebagai milik. Barangkali salah seorang hamba perempuannya jatuh hati padamu, lalu engkau dikahwinkan dengannya. Bentukmu berubah, keranjangmu dijual, begitu juga bapamu. Engkau dijadikan pemandu, wakil atau perdana menteri. Barangsiapa yang menjadi wali, maka dia tidak akan menganggap hal itu sebagai sesuatu yang hebat.

Apabila engkau telah sampai kepada keredhaan-Nya, maka engkau akan mendapat keinginan untuk berzuhud sebelum menjadi wali, sebelum sampai kepada kerajaan, sebelum engkau tahu siapa engkau, apa panggilanmu dan siapa namamu.

Seorang hamba meninggalkan bahagian, pakaian, perkakas rumah, keluarga, anak-anak, isteri dan teman-temannya. Dia bimbang. Dia mengharap dan takut, untuk apa seorang manusia yang bodoh secara keseluruhan melakukan sesuatu....? Dia akan meninggalkan tentang apa yang wajib dan menjadi haknya dengan kebodohannya. Apabila dia meninggalkan semuanya, maka dia akan mendatangi pintu Allah s.w.t. Dia berdiri bersama-sama dengan pelayan-pelayan-Nya serta haiwan-haiwan-Nya, Dia mengharap, dan dalam masa yang sama dia juga takut. Dia tidak tahu apa yang dikehendakinya pada dirinya, sedangkan Allah s.w.t. melihat kepadanya dan khabar tentang dirinya ada pada-Nya. Dia berkata kepada para pelayan: "Dahulukanlah dia atas semuanya". Kemudian Dia selalu memindahkannya dari satu tugas ke satu tugas lainnya, hingga Dia menjadikannya sebagai pengawal di hadapan-Nya, orang yang utama di sisi-Nya, Dia tahu segala rahsia-rahsianya. Dia diberi pakaian, jalur, ikat pinggang dan mahkota. Dia mengirimkan surat kepada keluarganya:

وَأْتُونِي بِأَهْلِكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٩٣﴾

Ertinya:
"Dan bawalah kepadaku keluargamu semuanya."

(Yusuf: 93)

Setelah Allah s.w.t. bersaksi: "Aku tidak mengubah dirimu...!." Dia mendapat kedekatan dan kewalian selama-lamanya, sebab tidak ada sisa zuhud setelah datangnya kewalian. Wali ini hanya seorang dalam setiap sejuta orang. Ia dihasilkan oleh takdir dan ilmu. Janganlah engkau termasuk ke dalam golongan orang-orang yang difirmankan oleh Allah s.w.t.

وَلَآ أُقْسِمُ بِٱلنَّفْسِ ٱللَّوَّامَةِ ﴿٢﴾

Ertinya:
"Dan Aku bersumpah dengan jiwa yang amat menyesali (dirinya sendiri)."

(Al-Qiyamah: 2)

Seorang mukmin tentu berkata: "Apakah yang aku inginkan dengan perkataanku....? Apakah yang aku inginkan dengan langkahku...? Apakah yang aku inginkan dengan makanku...? Dia menghisab dirinya dengan berkata: "Mengapa engkau berbuat...? Mengapa engkau beramal....? Apakah hal ini sesuai dengan Kitab dan Sunnah...?" Milikilah keyakinan setelah engkau memperhitungkan amalmu. Sebab itulah intisari iman. Engkau belum melaksanakan yang fardhu kecuali setelah keyakinanmu ada. Seseorang tidak akan zuhud dari dunia kecuali dengan adanya keyakinan. Apabila doa dikabulkan, maka hati menjadi tenang dan tenteram. Apabila doamu tidak dikabulkan, maka engkau menentang.

Termasuk tanda-tanda siddiqin adalah mengembalikan semua urusan kepada Allah s.w.t. Apabila mereka berkeinginan untuk menyembunyikan keadaan mereka, maka mereka kembali kepada makhluk dalam masalah mengambil dan memberi. Hati mereka bersama-Nya dan badan mereka bersama makhluk-Nya. Seorang anak Adam perlu untuk beramal di dunia ini sehingga dia mengubah wataknya, memerangi nafsu, syaitan dan kesenangannya. Sehingga dia dapat berubah dari sifat kehaiwanan kepada akhlak manusia. Apakah engkau mengingkari firman Tuhan yang berbunyi:

بِٱلَّذِى خَلَقَكَ مِن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّىٰكَ رَجُلًا ﴿٣٧﴾

Ertinya:
"Tuhan yang menciptakan engkau dari tanah, kemudian dari air mani (nutfah), lantas Dia menjadikan kamu seorang lelaki yang sempurna."

(Al-Kahfi: 27)

Apakah balasan yang akan engkau perolehi jika engkau mengkufuri dan mengingkari-Nya...? Apakah engkau malu apabila dilihat oleh manusia, namun engkau tidak malu kepada-Nya, sedangkan Dia melihat dirimu...? Wahai orang yang menjadi wali secara zahir dan menentang-Nya dengan maksiat-maksiat. Apakah engkau tidak malu kepada-Nya, sedangkan Dia melihat batinmu...? Wahai orang yang menampakkan kemiskinan dan menyembunyikan kekayaan, engkau tidak malu menjual agamamu dan menggantinya dengan duniamu?

وَمَا بِكُم مِّن نِّعْمَةٍ فَمِنَ ٱللَّهِ ۖ ...

Ertinya:

"Dan apa saja nikmat yang ada pada kamu itu, maka dari Allah (datangnya)."

(An-Nahl: 53)

Di manakah rasa syukurmu?

Wahai hamba...! Janganlah engkau berfatwa kepada seseorang tentang Penciptamu, barangkali engkau salah dan benar. Janganlah engkau memburukkan orang lain, sebelum engkau memperbaiki amalmu. Memburukkan dan menganggap baik terhadap seseorang adalah berdasarkan agama, bukan berdasarkan akal, kerana akal hanya akan menilai secara zahriyah saja. Fatwa hati dapat menghakimi terhadap fatwa seorang ulama fiqh. Sebab seorang ahli fiqh berfatwa dengan sebahagian usahanya, sedangkan hati berfatwa dengan pemberatan. Tidaklah diredhai oleh Tuhan s.w.t. dan tidak sesuai dengan ini adanya ilmu menghakimi hukum. Jadilah kamu hamba-hamba hukum, kemudian hamba-hamba ilmu bersamaan dengan menghambakan diri kepada hukum. Dengan maksud, bahawa sesuaikanlah diri kamu dengan hukum itu dan merendah serta masuklah kamu bersama ilmu kepadanya.

Setiap hakikat yang tidak didasari syariat adalah kezindikan.

Apabila engkau datang kepada ahli Allah s.w.t., maka engkau akan bertempat di tempat mereka dan memakan apa yang mereka makan. Bersyukurlah engkau kepada-Nya atas rahsia dan kesendirian.

Wahai penduduk negeri ini...! Semua yang ada pada kamu adalah mungkar menurut. Semua yang ada pada diriku adalah mungkar menurut kamu. Kita adalah dua yang berlawanan. Tidak mungkin kita bermufakat. Kami hidup di antara kamu dengan kekuatan dari penguasa langit untuk meneguhkan hati kami.

Masa mudamu telah berlalu dalam kemurkaan Allah s.w.t. Engkau memuaskan isteri, anak, tetangga dan rajamu, namun engkau menyebabkan murkanya para malaikat dan Allah s.w.t., sedangkan kepada-Nyalah engkau akan kembali. Engkau pasti akan mati. Engkau akan meninggalkan bapa, ibu, saudara, teman dan rajamu. Jangan sampai ada seseorang dari kamu yang berkata: "Bilakah kiamat akan terjadi...?" Sebab apabila dia mati, maka sudah tibalah kiamatnya.

Para wali Allah s.w.t. hidup di sisi Allah. Mereka telah mengalami

kematian beberapa kali, iaitu:

1. Kematian dari yang haram.
2. Kematian dari perkara yang syubhat.
3. Kematian dari kekuasaan.
4. Kematian dari yang halal murni.
5. Kematian dari semuanya selain Dia.

Mereka mati dari semua itu. Mereka tidak mencari mahupun mendekatinya. Seakan-akan wujud mereka telah diubah. Makna tanpa bentuk, kemudian Dia menghidupkan diri mereka.

بِسۡمِ ٱللَّهِ مَجۡرٜىٰهَا وَمُرۡسَىٰهَآۚ ...

Ertinya:
"Dengan menyebut nama Allah di waktu berlayar dan di waktu berlabuh."

(Hud: 41)

Apabila hati berjalan di lautan takdir, maka akan berlabuh ia di pintu Allah s.w.t., ilmu dan kedekatan-Nya. Bangun adalah pelayanan dan tidur adalah hubungan. Apabila seorang hamba tidur dalam keadaan solat, maka Allah s.w.t. membanggakannya terhadap malaikat-malaikat-Nya. Bangunan tubuh adalah sangkar dan nyawa adalah burung. Makhluk bagi para wali adalah seperti lalat, dan kumbang besar seperti ulat sutera. Tingkah mereka tidak dapat kamu fahami. Jadilah kamu orang-orang yang berfikir. Tidaklah binasa di sisi Allah s.w.t. terkecuali orang bodoh. Tidaklah binasa di sisi-Nya terkecuali orang yang binasa.

Barangsiapa yang menyuruhmu untuk mengorbankan hartamu dan memberi orang-orang yang memerlukan, maka dia adalah temanmu. Barangsiapa yang menyita harta orang faqir miskin, lalu mendekatkan dirinya kepadanya hanya dengan landasan Islam, maka dia tidak akan puas dengan dirimu. Bilakah engkau akan beramal dan melakukan kebenaran....? Apabila anggota badanku bergerak, maka ketahuilah, bahawa hatiku telah terbakar.

Wahai dunia...! Perlihatkanlah kepahitanmu kepada para wali, tatkala mereka baru memasuki kewalian. Agar mereka tidak tertarik kepadamu. Dan layanilah mereka tatkala mereka sampai pada akhir kewalian supaya

mereka tidak menyibukkan diri dengan dirimu.

Nabi Isa bin Maryam a.s., apabila disebutkan hari kiamat di dekat beliau, maka beliau menjerit seperti jeritan wanita yang kematian janinnya, beliau bersabda: "Tidak sepatutya seorang anak Adam itu diam saja tatkala disebutkan hari kiamat di dekatnya." Engkau adalah tiada, tidak berpanca indera. Engkau tidak mencintai dan tidak dicintai sama sekali.

Seorang wali merasa susah kerana lama hidup di dunia, sebab dia mendatangkan kekhuatiran. Allah s.w.t. mendekatkanmu, berbincang-bincang denganmu, menyuapi, memberi makan, melihatmu dan membuka beberapa pintu untuk dirimu. Dia juga menempatkan engkau pada hidangan anugerah-Nya dan kedekatan-Nya serta memberi kebahagiaan kepadamu. Dia menyuruhmu untuk berasa susah.

Ada seorang lelaki berjalan kepada beliau,[30] ingin menanyakan sesuatu. Beliau tidak mendengarkannya dan berkata: "Ini adalah tempat kesusahan yang bersinar, dan akan turun hujan. Seorang hamba dekat kepada Allah s.w.t., sedangkan dekat hanyalah setelah sempurna. Hukum adalah setelah meletakkan kitab yakin di tangannya dan melihat batinnya, serta apa yang akan terjadi padanya."

Ibnu 'Aqil mempunyai saudara lelaki yang pandai tentang berbagai bacaan al-Quran dan fiqh, namun dia beragama Nasrani. Dia dilihat di negara-negara orang kafir, sedangkan di lehernya terdapat salib. Dia ditanya: "Apakah yang engkau lakukan dengan bacaan al-Quran dan ibadah...?" Dia lalu menjawab: "Aku tidak tahu kecuali satu ayat dari Al Quran yang berbunyi:

وَقَدِمْنَآ إِلَىٰ مَا عَمِلُوا۟ مِنْ عَمَلٍ فَجَعَلْنَٰهُ هَبَآءً مَّنثُورًا ﴿٢٣﴾

Ertinya:

"Dan Kami hadapi segala amal yang mereka kerjakan, kemudian Kami jadikan amal itu (bagaikan) debu yang berterbangan."


(Al-Furqan: 23)

Pertama kali yang berkehendak adalah batin, kemudian hati, kemudian nafsu dan akhirnya anggota badan. Orang munafik di masjid adalah bagaikan burung dalam sangkarnya. Apabila kami dibiarkan, maka kami akan menjelaskan semua dosa-dosamu dan kami akan berkata: "Wahai

30. Maksudnya ialah Syeikh Abdul Qadir al-Jailani.

kafir...! Wahai orang fasiq...!" Namun agama mencegah kami untuk melakukan hal itu.

Layanilah hukum, carilah ilmu, sebab ilmu memberi keterangan kepada kamu. Belajarlah engkau, kemudian pergilah. Apabila engkau termasuk orang-orang pilihan-Nya, maka Dia akan memperlihatkan ilmu-Nya kepadamu. Apabila nafsumu sudah kembali kepada Tuhannya, maka dia akan berhenti di pintu dan masuk seperti masuknya para raja. Apabila engkau melihat pintu terbuka, maka akan dikatakan kepadamu: "Janganlah engkau masuk, sebab keluargamu mempunyai hak pada dirimu":



Ertinya:
"Dan bawalah kepadaku keluargamu semuanya."

(Yusuf: 93)

Wahai batin....! Tetaplah engkau bertemu dengan hati, anggota badan dan keseluruhan dirimu. Pada saat itu tidak ada jual beli mahupun penentangan. Makanlah, wahai orang yang belum makan. Minumlah, wahai orang yang belum minum. Tatkala bersabar menghadapi galian dan cangkul, maka tampaklah mata air pada sumur itu dan menjadi penyelamat orang yang melarikan diri mahupun yang datang. Apabila engkau tidak bersabar menghadapi malapetaka dan bahaya, bilakah engkau akan menjadi wali....?

Wahai orang miskin....! Bersungguh-sungguhlah engkau dalam bersabar. Sebentar lagi Allah akan melihat, maka Dia akan mengangkatmu, memakaikan mahkota dan memberi pakaian keagungan kerajaan dan kemuliaan kepadamu.

Ya Allah...! Jauhkanlah kami dari mereka, dekatkanlah kami kepada-Mu. Ya Allah...! Kayakanlah kami daripada mereka dan miskinlah kami kepada-Mu.

Tetaplah engkau tidak memerlukan selain Dia. Apabila hatimu bergantung pada pintu kedekatan yang berada dalam kegelapan wujud, maka hatimu itu akan mendapat pancaran ilmu dan hatimu akan mendapat inti batin. Kemudian akan dibacakan beberapa halaman takdir kepadamu.

Engkau makan, minum dan banyak tidur. Kemudian engkau mengatakan, bahawa engkau adalah wali Allah. Engkau termasuk wali

Abdal. Ini bukanlah hayalan atau angan-angan. Manusia yang mulia akan mampu melihat kehendak Allah s.w.t. Wahai ahli majlis...! Wahai orang-orang yang suka berdebat.

Kemudian Syeikh Abdul Qadir al-Jailani meniup tangan beliau dan menghadapkan wajah beliau ke semua penjuru, kemudian beliau berkata: "Barangsiapa yang mengaku mencintai Allah tanpa mahu bersikap warak tatkala dia sendirian, maka dia sangat bohong. Barangsiapa yang mengaku mencintai syurga tanpa mahu mengorbankan harta dan miliknya, maka dia sangat bohong. Barangsiapa yang mengaku mencintai Nabi s.a.w., tanpa mahu mencintai kemelaratan dan kemiskinan, maka dia sangat bohong"

Dengan mata kepala dunia boleh dilihat. Dengan mata hati akhirat boleh dilihat. Dengan mata batinlah engkau dapat melihat Allah s.w.t. Bersopan santunlah engkau kepada makhluk dengan tidak mengeraskan suara di atas suara salah seorang daripada mereka untuk menjaga kesopananmu. Engkau menghadap kepada Allah s.w.t. dengan maksiat dan engkau menentang-Nya mengenai perbuatan-perbuatan-Nya. Engkau jahat dan bersikap buruk.

Murid tariqat yang benar akan didatangi oleh ramai orang. Dia membandingkan amal-amal zahirnya dari kacamata hukum dan amal-amal batinnya dari kacamata ilmu. Apabila amal-amalnya itu sesuai dengan kedua-dua kaca itu, maka dia akan membawanya kepada Allah s.w.t. Apabila hanya sesuai dengan salah satunya, maka dia tidak membawanya. Dia akan duduk di pintu dan akan dikatakan kepadanya: "Sempurnakanlah urusanmu, sehingga engkau bersyukur dan urusanmu terpuji. Sebab pintu ini hanya boleh dimasuki dengan ilmu dan hukum". Apabila memang demikian halnya, maka Dia akan memberimu amal-amal yang berbeza dengan amal-amal tersebut. Amal-amal ini adalah rahsia antara engkau dan Allah s.w.t. Tidak ada yang dapat melihat amal ini, baik malaikat mahupun para Nabi yang menjadi Rasul.

Akal biasa para wali telah lenyap. Dia memberikan akal inti kepada mereka. Maka tatkala hari pembiusan telah lewat, mereka dikembalikan pada makanan setelah lapar, minuman setelah dahaga, tidur setelah bangun dan istirehat setelah lelah. Apabila seorang wali qutub yang melihat amal penghuni bumi, melihat bahagian rezeki mereka akibat perbuatan mereka dan melihat batin, maka tidak ada sesuatupun yang samar baginya, baik keburukan mahupun kebaikan, maka dialah wali

qutub pada zamannya. Sebab dialah kepercayaan Allah s.w.t., pengganti para Rasul dan Nabinya.

Hati adalah tujuan malaikat dan batin melihat Allah s.w.t. Apabila Allah s.w.t menghendaki agar seorang hamba-Nya selau beribadah kepada-Nya, maka pertama kali Dia akan menjauhkannya daripada umat manusia. Kemudian Dia akan mententeramkannya dengan haiwan-haiwan buas, haiwan liar dan jin. Hingga tatkala hilang kesedihannya dengan tenteram kerana jin dan haiwan buas, maka Dia akan memberinya ketenteraman dengan malaikat berbentuk apapun. Dia akan mendengar ucapan mereka di tanah tandus, gurun dan lautan.

Wahai orang yang ingin selalu beribadah...! Dengarkanlah. Wahai orang yang ingin mencari keredhaan-Nya...! Ucapan lebih dahulu, kemudian disusuli dengan penglihatan, sehingga tatkala mereka tenteram terhadap ucapan mereka dan ingin untuk melihat bentuk mereka, maka hijab antara Dia dan mereka dihilangkan.Tidak ada makhluk Allah s.w.t. yang lebih manis ucapannya daripada malaikat. Mereka adalah makhluk yang paling baik bentuknya dan yang paling manis tutur katanya. Kemudian dia diberi penghalang di pintunya. Kemudian dia akan tenteram oleh kedekatan, lalu terjadilah apa yang telah terjadi setelah diam itu. Allah s.w.t memberi ilham kepada hatinya, sebagaimana Dia memberi ilham kepada ibu Nabi Musa a.s.

Wahai hati...! Apabila engkau khuatir tentang batin yang ada pada dirimu, maka tempatkanlah badanmu di tanah tandus yang kosong dan sepi, tinggalkanlah keluarga serta teman-temanmu. Ibu Nabi Musa adalah wanita yang lebih utama daripada dirimu. Beliau melemparkan puteranya ke lautan, sedangkan engkau baru berjalan dua langkah dari kediamanmu, engkau sudah diselimuti oleh kekhuatiran. Hal yang demikian itu adalah disebabkan kekurangan imanmu.

لَوْلَآ أَن رَّبَطْنَا عَلَىٰ قَلْبِهَا ...

Ertinya:
"Sekiranya tidak Kami teguhkan hatinya."

(Al-Qasas: 10)

Demikianlah halnya apabila engkau merasa khuatir tatkala engkau tidak mencapai maksud dan tujuanmu sehingga hampir sahaja engkau kembali kepada makhluk. Apabila memang demikian, ikhtiar adalah

pengikat hati. Wahai orang-orang yang ilmu, tauhid, dan takwanya kurang, di manakah kamu dan taubatmu...? Makan dengan hasil agama adalah suatu kemunafikan, sedangkan makan dengan hasil kerja adalah sunat. Sentiasalah engkau bersama amalan sunat ini sehingga engkau mendapat iman yang kukuh Beramallah engkau dan tutuplah semua pintu makhluk dari hatimu. Apabila engkau sudah demikian, maka keluarlah atau duduklah engkau di daerah ilmu-Nya. Engkau buta dan pekak, tidak mendengar selain daripada Allah s.w.t. dan tidak melihat selain anugerah-Nya.

Apabila darjat murid tariqat telah naik dan telah nyata kewaliannya, maka tidak akan terlintas dalam hatinya untuk memberi mahupun menerima, maka dia akan memperolehi segala sesuatu, sedangkan dia tidak memperolehinya. Dia berhak untuk memakannya.

Wahai ibu Nabi Musa...! Apabla engkau khuatir tentangnya, maka lemparkanlah dia ke lautan. Apabila engkau khuatir tentang agamamu, maka lemparkanlah hatimu kepada Allah s.w.t.

Serahkanlah hatimu kepada-Nya. Pasrahkanlah keluargamu kepada-Nya. Katakanlah: "Engkau adalah pemberi pertolongan di perjalanan dan melindungi keluarga yang ditinggalkan...!" Pengetahuanmu terhadap-Nya dan kecintaanmu kepada-Nya adalah seperti tali celana pada perutmu. Kemanapun engkau menghadap, ia akan selalu bersamamu. Engkau tidur bersama takdir. Mendengar bersama takdir dan Allah s.w.t. Di sanalah rahmat-Nya.

Sikap dan keadaan para wali adalah seperti para Nabi. Hanya saja, panggilan mereka tidak seperti panggilan para Nabi. Para Nabi dan Rasul tidak ditanyai oleh Munkar dan Nakir, sebab mereka adalah pemberi syafaat kepada makhluk. Demikian jugalah halnya para wali tersebut. Amal mereka tidak diteliti, kerana mereka adalah makhluk pilihan.

Wahai hamba kesenangan dan perangai...! Wahai hamba pujian dan sanjungan....! Apa yang telah ditulis oleh qalam dan telah diketahui oleh Allah s.w.t. tentang beberapa bahagian rezeki adalah pasti terjadi. Tauhid mempunyai rahsia dari beberapa rahsia Allah s.w.t. dalam hati hamba-hamba-Nya. Rahsia itu tidak boleh dilihat oleh syaitan, akal mahupun malaikat. Berusahalah agar engkau mendapat pangkat fana'.

Apabila kamu bersikap redha maka Dia mencintaimu. Apabila Dia telah mencintaimu, maka Dia akan memperlihatkan kepadamu. Maka

seorang wali menemanimu untuk selamanya dengan ilmu apabila dia menemanimu. Dan seseorang yang ahli beribadah selalu bersamamu dengan ibadahnya. Tidak ada yang mengetahui bahawa orang ini adalah murid tariqat, kecuali seorang wali. Engkau mesti tunduk padanya, apabila engkau mentaati Allah s.w.t. dalam kepatuhan ini, maka engkau akan selamat. Namun apabila tidak demikian, maka engkau akan diusir.

Pernah kami berjalan di belakang para guru. Kami seakan-akan semut kecil, agar kami boleh mendapatkan pelajaran dari mereka. Barangsiapa yang merasa cukup dengan pendapatnya sendiri, maka dia akan tersesat. Dan setelah berbicara, beliau melanjutkan nasihatnya sebagai berikut:

"Ditinggal, lalu diambil, lalu diambil. Kadangkala pakaianku adalah kewujudan, adakalanya adalah kefana'an. Makhluk adalah selain Allah s.w.t. Makna engkau bersama mereka adalah engkau menasihati mereka setelah engkau bersama-Nya. Bersama makhluklah engkau setelah bersama-Nya. Sebab apabila engkau menemani makhluk setelah ber-sama-Nya, maka engkau adalah bersama-Nya, bukan bersama mereka. Sebagai tanda yang menunjukkan bahawa engkau bersama makhluk, adalah engkau tidak meyakini bahaya mahupun manfaat dari mereka. Bahkan semuanya diserahkan kepadamu. Hati para wali adalah hati yang makan dari anugerah-Nya, mendengar kalam-Nya dan melihat kegembiraan dekat pada-Nya."

Allah s.w.t. berbicara kepada hati mereka di dunia sebelum datangnya kematian dan diajak pula berbicara pada hari kiamat. Dan sebahagian kecil ada yang berbicara di dunia. Abul Qasim al-Junaid berkata: "Aku tidak mengajar tentang tariqat, kecuali setelah empat puluh orang wali Abdal. Salah satu dari mereka adalah al-Sirri al-Saqati (penjual pakaian yang sudah usang)." Beliau tidak melakukan ajaran mereka, sehingga beliau melihat Nabi s.a.w. bersabda: "Hai Junaid, berbicaralah kepada manusia, sebab sekarang sudah waktunya bagimu untuk berbicara."

Apabila engkau ingin kebenaran, tambahan dan keteguhan, maka lakukanlah apa yang engkau katakan. Apabila engkau tidak mengamalkannya, maka engkau akan mendapat seksa yang pedih. Tatkala solat engkau menghadap kiblat. Ketika ditimpa cubaan, engkau juga menghadap kiblat, yakni engkau menghadap kepada Allah s.w.t. dengan wajah hatimu, sebagaimana engkau menghadap kiblat dengan wajahmu. Apabila engkau mengahadap makhluk tatkala tertimpa malapetaka, maka imanmu batal.

Namun patah hati orang awam adalah kerana dunia. Patah hati orang-orang khusus adalah kerana memikirkan akhirat. Patah hati orang-orang khusus dari orang-orang khusus (khawwas al-khawwas) adalah kerana terhalang daripada Allah s.w.t. Hal ini terjadi setelah hati mereka terbuka. Sebahagian kecil ada yang patah hati kerana-Nya.

Beliau r.a. ditanyai tentang sabda Nabi s.a.w. yang berbunyi:

لَا يَقْبَلُ اللهُ دُعَاءً مَلْحُوْنًا.

Ertinya:
"Tidak akan diterima oleh Allah doa yang malhun."[31]

(Hadis ini tiada asalnya. Ibn Taimiyah berkata sesiapa yang berpegang dengan kata-kata ini, maka dia telah menyalahi al-Quran, As-Sunnah dan pegangan salaf)

Beliau menjawab: "Dia tidak menerima doa yang dibuat-buat dan diberi sajak."

أَنَا وَالْأَتْقِيَاءُ مِنْ أُمَّتِى بُرَءَاءُ مِنَ التَّكَلُّفِ.

Ertinya:
"Aku dan orang-orang yang bertakwa dari kalangan umatku bebas daripada kepura-puraan."

Adakalanya seorang mukmin menginginkan suatu harapan. Dia melihat catatan maksiat-maksiat, tetapi dia tidak menemui maksiatnya pada catatan itu. Adakalanya kepandaian didiktekan mulai sejak kecil, dari kitab kepada pengajar, menuju ke mihrab. Namun hal ini adalah jarang sekali berlaku. Maka dia tidak diketahui mempunyai maksiat. Dia juga melihat kepada catatan perintah, tetapi dia tidak melihat perintah yang tidak dilakukannya. Maka dia ditakdirkan untuk berbuat maksiat, agar dia tidak sampai binasa. Kemudian dia memperbaiki. Maka maksiat itu adalah takdir, seperti digantungkan di atas kepalanya. Dosa yang berada pada hamba ini, baik orang mukmin dan orang-orang yang benar, adalah sebagaimana dosa Nabi Adam a.s.

Keinginan pada nafsu ada dua. Kedua-duanya berlawanan. Keinginan pada selain Allah s.w.t. dan keinginan terhadap-Nya. Kedua-duanya berdamai dan berperang, hingga sempurna umur empat puluh tahun. Ini adalah makna sabda Nabi s.a.w:

---

31. Doa yang tidak betul bacaannya atau doa yang berlagu-lagu dan berpuisi-puisi. (Penterjemah)

مَنْ بَلَغَ أَرْبَعِيْنَ سَنَةً فَلَمْ يَغْلِبْ خَيْرُهُ شَرَّهُ فَلْيَتَجَهَّزْ إِلَى النَّارِ.

Ertinya:
"Barangsiapa yang usianya sudah mencapai empat puluh tahun tetapi kebaikannya tidak mengalahkan kejahatannya, maka hendaklah dia bersiap-siap untuk masuk neraka."

Sebagai isyarat terhadap masalah ini. Wahai orang yang menolak penjelasan beberapa tariqat. Selama engkau masih melihat selain-Nya dan mereka melihatmu, maka engkau adalah orang gila. Engkau mengikut mereka, dan terkadang menghinakan diri terhadap mereka.

Tanda seorang wali adalah merasa cukup dengan Allah s.w.t. dalam segala sesuatu, puas dengan Allah s.w.t. dan kembali kepada-Nya dalam segala urusan. Apabila engkau terpaksa mengaku menjadi wali maka paksalah nafsumu untuk melakukan beberapa kriteria ini. Apabila nafsumu tidak mahu, maka engkau bukanlah wali. Tidak sepatutnya bagi seorang alim ulama untuk berkunjung kepada pada para raja, kecuali setelah meyakinkan iman, takwa, ilmu tentang Allah s.w.t dan kuat zuhud. Maka mereka boleh berkunjung kepada para raja dengan kuat dan keluar dari mereka dengan kuat.

Aku pernah berguru kepada sebahagian insan yang menceritakan apa yang sudah dan akan terjadi pada diriku. Ada seorang kanak-kanak tampan yang selalu berjalan bersama beliau. Beliau mahu berkunjung kepada para raja, sehingga ada sesuatu yang terlintas dalam hatiku mengenai hal itu. Lalu beliau berkata kepadaku: "Wahai...! Kanak-kanak ini tinggal di pondok. Apabila aku tinggalkan dia, aku khuatir tindakan mereka terhadapnya. Aku berkunjung hanya ingin menasihati dan menerangkan jalan keadilan kepada mereka." Dalam kamu berguru, terdapat cacat, sedangkan kami berguru kepada mereka dengan kesopanan.

Ada seseorang bertanya: "Apabila makanan bercampur, bagaimana puasa dan solat menjadi sah...?" Beliau menjawab: "Yang halal adalah jelas. Apabila hatimu berkata: "Tidak..!", maka itu bererti haram. Dan apabila hatimu berkata: "Ya," maka itu bererti halal. Apabila hatimu diam, tidak berkata tidak dan tidak pula mengatakan ya, maka itu adalah syubhat. Apabila engkau tidak mendapatkan keinginan dan engkau bersabar, maka itu adalah qana'ah (menerima apa adanya). Engkau tahu, berapa banyak taat, puasa dan solat di sisi-Nya, sementara Dia tidak mempedulikannya. Adapun yang dikehendaki-Nya daripadamu hanyalah hati yang bersih

dari membantah takdir serta segala sesuatu selain-Nya.

Orang zuhud yang munafik, zahirnya bersih namun batinnya keruh. Warna kuning ada pada pipinya, khusuk ada pada kedua-dua pundaknya, jubah dari bulu menempel di tubuhnya, zuhudnya adalah menahan kedua-dua tangannya, batinnya bakhil dan nafsunya ingin pujian dan sanjungan. Matanya memandang terhadap apa yang ada di tangan para insan.

Seorang wali pada zahirnya ternoda oleh beberapa unsur. Unsur nafsu dan unsur yang berhubungan dengannya. Sementara Allah Taala adalah penilai dan pengkritik. Seakan-akan dia adalah guru daerahnya, pimpinan perajuritnya, beserta kebersihan hatinya dan melihat hadratnya. Berbagai gelombang ilmu saling beraturan padanya dan lautan dunia tidak sanggup memenuhi hatinya. Semua yang ada di langit yang berjumlah tujuh, semua lapisan bumi, dan semua barang yang ada adalah fana', tidak berwujud menurut hatinya. Ini adalah bentuk seorang wali dan itu adalah bentuk seseorang yang zuhud. Engkau tidak mempunyai hubungan dengan hal ini. Mengapa engkau tidak menjauhkan lisanmu dari persangkaan tentang makhluk...?

Wahai orang-orang yang suka merampas harta orang lain dengan jalan akhirat....! Wahai orang-orang yang bodoh tentang Allah...! Kamu lebih berhak untuk bertaubat daripada orang-orang awam itu. Kamu lebih berhak mengakui segala dosamu daripada orang-orang awam itu. Tidak ada kebaikan pada diri kamu sama sekali. Tidak ada keuntungan, nyawa, keselamatan, cahaya dan tidak ada agama pada diri kamu. Namun dunia selalu engkau kumpulkan dengan perangai serta kesenangan kamu. Kamu mengumpulkan dunia kerana harta itu sendiri, bukan kerana akhirat.

Pekerjaanku adalah berbicara kepada kamu. Aku meminjam lisanku pada hari ini. Aku meminjam kedudukanku pada hari ini. Ketenteraman dengan mengembara dan menyendiri adalah kunci kedekatan.

Wahai orang diam tatkala menyendiri...! Yang penting adalah diam tatkala engkau tidak menyendiri. Wahai anak kecilku...! Menyendirilah engkau, kemudian berkumpul bersama orang lain. Bisulah engkau, kemudian berkata-kata. Menghadaplah engkau kepada raja, kemudian menghadap kepada hamba. Sebahagian para siddiqin mengatakan, bahawa yang halal murni itu terdapat pada Ruhaniyyin. Engkau ingin menjadi salah seorang daripada mereka, sehingga tingkahmu berada dalam mereka. Engkau dapat membezakan antara yang buruk dengan

yang baik. Pelita batinmu adalah matahari kewalianmu. Syubhat adalah tatkala wujudnya hati. Halal yang murni adalah tatkala kebersihan batin. Hal ini tidak masuk akal, selama dalam akal itu masih ada nafsu, maka engkau akan memakan yang haram. Selama di sana masih ada hati, maka engkau akan memakan yang syubhat. Dan apabila dalam dirimu terdapat kebersihan batin, maka engkau akan memakan sesuatu yang halal murni. Kerana Allah s.w.t. telah berfirman, yang berbunyi:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ ...

Ertinya:
"Sesungguhnya nafsu itu sentiasa menyuruh kepada kejahatan."

(Yusuf: 53)

Engkau tidak peduli sedikit juapun dari mana asal makananmu, sebagaimana isteri yang jahat berkata kepada suaminya: "Mencurilah...! Dan berilah aku makan dengan hasil curian itu...!" Dia tidak membezakan antara yang halal dan yang haram. Oleh kerana itulah, Nabi s.a.w. bersabda:

عَلَيْكَ بِذَاتِ الدِّيْنَ تَرِبَتْ يَدَاكَ.

Ertinya:
"Pilihlah olehmu wanita yang mempunyai agama (yang sempurna), nescaya akan terpeliharalah kedua-dua tanganmu."

Perempuan yang beragama akan menolong engkau untuk melakukan akhiratmu. Nafsu adalah seperti isteri ini secara batin. Engkau mampu membezakan antara yang halal dengan yang haram.

كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ ۖ ...

Ertinya:
"Makanlah olehmu dari makanan yang baik-baik yang telah Kami berikan kepadamu."

(Al-Baqarah: 57)

Allah s.w.t. membacakan ayat ini terhadap hatimu. Apabila demikian, maka makanlah engkau, meskipun haram dan syubhat. Dia berfirman kepadamu:

وَلَا تَأْكُلُوا۟ مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ ٱسْمُ ٱللَّهِ عَلَيْهِ ...

Ertinya:
"Dan janganlah kamu makan (haiwan) yang tidak disebutkan nama Allah ketika menyembelihnya."

(Al-An'am: 121)

Itulah yang haram, janganlah engkau mendekatinya. Sebab Allah s.w.t. telah memberi ganti yang lebih baik daripada itu untukmu. Duduklah engkau dengan pasrah di depan takdir-Nya, sehingga engkau mendapat anugerah-Nya. Engkau menghulurkan kedua-dua tanganmu untuk mengambil bahagianmu. Zuhud adalah amal sesaat, warak adalah amal dua saat dan kewalian adalah amal selama-lamanya.

Apabila kami membandingkan tingkahmu dengan tingkah orang-orang dahulu, maka engkau belum bererti apa-apa. Engkau menurut hawa nafsumu, lalu nafsumu membantahmu. Engkau menyempurnakan semua keinginan nafsu itu, sehingga engkau semakin terlena. Andaikata engkau tidak menurut kesenangannya dan tidak terlena olehnya, maka engkau akan dapat menghancurkannya. Namun engkau malah membuka pintu untuk syaitanmu, sebab syaitan itulah yang menuntun nafsu. Nafsu tiada mempunyai lisan, bahkan syaitan dan jinlah yang mengajarnya. Engkau dikuasai oleh syaitan manusia, apabila engkau menjauhkannya dari yang haram dan yang syubahat, maka kebenarannya akan tenang. Andaikata engkau memakan sedikit barang yang halal, maka hilanglah syahwat daripadanya, kegelapan batinnya akan menjadi terang dan hatinya tenang. Nafsu akan dipanggil:

يَٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفْسُ ٱلْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ ٱرْجِعِىٓ إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾

Ertinya:
"Wahai jiwa yang tenang, kembalilah engkau kepada Tuhanmu dengan penuh redha dan diredhai-Nya."

(Al-Fajr: 27-28)

Seseorang yang awam akan dipanggil seperti itu tatkala dia mati. Di manakah engkau dari kedekatan-Nya...?

وَإِنَّهُمْ عِندَنَا لَمِنَ ٱلْمُصْطَفَيْنَ ٱلْأَخْيَارِ ﴿٤٧﴾

Ertinya:
"Dan sesungguhnya mereka di sisi Kami benar-benar termasuk orang pilihan yang terbaik."

(Sad: 47)

Hatimu tidak bersih, sehingga engkau menjadi seperti anjing Ashab al-Kahfi. Engkau mengamalkan keringanan dengan dasar al-Quran dan al-Sunnah. Sehingga apabila imanmu telah kuat, maka hendaklah engkau mengamalkan pemberatan dan yang paling berat. Apabila engkau mengalahkan nafsumu, maka engkau akan berjalan bersama-sama takdir-Nya.

Al-Hallaj ditanya oleh seseorang sewaktu beliau akan digantung: "Berwasiatlah kepadaku...!." Beliau berkata: "Nafsumu. Apabila engkau mengalahkannya, (maka engkau akan selamat). Apabila tidak, maka engkau akan dikalahkannya."

Pada pertama kali aku masuk tariqat, aku mempunyai sehelai baju kurung yang halus, aku membawanya ke pasar berkali-kali, namun tidak ada seorangpun yang mahu membelinya. Lalu aku lalu di hadapan seseorang, kemudian aku menggadaikan bajuku itu kepadanya dengan wang sedinar, hingga datangnya hari raya. Tiba-tiba lelaki itu datang membawa baju kurung itu. Dia berkata: "Ambil dan pakailah. Dinar itu halal bagimu..!" Aku menolak, lalu dia berkata lagi: "Ambillah, jika tidak, maka aku akan membakarnya...!." Dia menyuruhku memakainya. Maka tahulah aku, bahawa tidak ada zuhud daripada rezeki yang sudah menjadi bahagianku.

Beliau r.a. ditanya tentang ucapan sebahagian ulama tariqat: "Kami belajar kerana selain Allah s.w.t., padahal ilmu itu mestilah kerana-Nya." Beliau berkata: "Ucapan ini adalah kebinasaan para wali Allah s.w.t. Sebab mengaji kerana selain-Nya adalah syirik. Namun boleh juga diertikan, bahawa dia mengaji untuk mendapatkan akhirat. Hal ini juga merupakan kekurangan. Mereka selalu mengamalkan hal itu zahir dan batin, cabang dari pokok. Mereka ditempatkan pada hidangan orang-orang awam, kemudian mereka dikhususkan dengan anugerah. Mereka makan dua kali dalam satu keadaan. Mereka menyekutu orang-orang awam dalam pemberian yang telah mereka terima. Apabila Dia menghendaki engkau

untuk sesuatu, maka Dia mempersiapkan dirimu untuk hal itu.

Barangsaiapa yang mengerti tentang kejelasan perkaraku dan meninggalkanku, maka pada hakikatnya dia berdosa. Apabila salah seorang wali dilihat oleh Syekh Abdul Qadir menyalahi adat kerana adanya karamah, maka beliau berkata kepadanya: "Aku melihat engkau meyalahi adat. Hulurkanlah tanganmu ke mari...!". Beliau lalu menyumpahnya demi Allah, dia tidak menceritakannya sampai mati.

Seorang lelaki miskin beramal kerana Allah s.w.t. dalam beberapa saat, sehingga dia mendapatkan satu rahsia daripada-Nya. Dia hendaklah tidak menceritakannya, hingga mati. Ilmu dan karamah adalah satu. Orang yang mempunyai karamah diperintahkan untuk merahsiakannya hingga datang takdir untuk memperlihatkannya, sedangkan hati dan batinnya selamat bersama-Nya. Apabila dunia dan hatimu terasa indah, demikian juga perhiasan harta, maka segeralah engkau lari daripadanya, sebab dia pasti akan mengejarmu.

Beliau ditanya: "Mencegah diri adalah sukar." Beliau r.a. berkata: "Lakukanlah...! Sebab memutuskan susuan badan hanya sukar pada bayi. Tidak akan mengetahui tentang hal ini selain ibu seorang bayi yang sedang menyusukan anaknya. Adapun orang yang tahu makan dan minum, dia akan zuhud dari susu yang keluar dari puting, seakan-akan susu itu adalah lubang jarum.

Demi Allah s.w.t. bersegeralah dan tujulah pintu Ilahi, barangkali engkau termasuk wali-Nya serta pilihan-Nya, engkau menahan dunia dari dirimu sehingga hatimu bersih daripadanya, hatimu tidak pernah menyebutnya dan engkau mencintai-Nya dengan sebenar-benarnya. Apabila hatimu telah penuh oleh rasa cinta kepada-Nya, dan semua usaha telah dijauhinya, maka ia akan menjadi pelayan.

Wahai para pemilik kerajaan...! Pakaian dan para penguasa dunia, aku mempunyai beberapa pakaian yang digantung. Mana yang aku mahu, maka aku akan memakainya. Selamatkanlah diri kamu atau aku akan datang kepada kamu dengan membawa bala tentera yang tidak mampu kamu hadapi....? Membiarkan adalah zuhud dan mengambil adalah kewalian. Tinggalkanlah ucapan orang-orang dahulu. Masing-masing adalah guru pada zamannya. Orang yang zuhud adalah pembantu wali.

Imam Ibnu Atha' pernah berdoa: "Ya Allah...! Rahmatilah pengembaraanku di dunia...!".

Maut itu ada dua, iaitu:

1. Kematian orang awam, iaitu kematian biasa.
2. Kematian orang-orang khusus, iaitu kematian kesenangan, nafsu, perangai dan kebiasaan.

Hati itu akan menjadi hidup. Apabila ia telah hidup, maka akan datanglah kedekatan. Apabila datang kedekatan, maka datanglah kehidupan abadi. Lalu dia tidak diperkenankan untuk mengingat kematian. Dalam batinnya ada sesuatu yang khusus bagi dirinya. Lahirnya mengingatkan manusia dengan adanya kematian. Dia bersama mereka menyebutkan hukum zahir.

Aku melihat zahir kamu bersaksi terhadap tauhid, namun batin kamu sebaliknya. Aku melihat wajah kamu menghadap ke kiblat, namun hati kamu menghadap ke dirham dan dinar.

Barangsiapa yang takut, maka dia akan berjalan di akhir malam. Di manakah ketakutan...? Ya Allah...! Selamatkanlah.

Syaitan kalbu yang diasingkan dari makhluk di bumi Allah s.w.t. dengan taat dan terikat kedua-dua belah tangannya. Bila-bila sajapun engkau berzikir kepada-Nya, bermakna engkau mencintai-Nya. Apabila engkau mendengar dia menyebut dirimu, maka bererti engkau dicintai-Nya. Apabila engkau berzikir kepada-Nya dengan lisanmu, maka engkau adalah pengganti. Apabila engkau berzikir kepadanya dengan hatimu, maka engkau adalah murid tariqat. Apabila engkau berzikir kepada-Nya dengan batinmu, maka engkau adalah seorang wali.

Janganlah engkau berguru kepada orang-orang yang soleh, kecuali apabila engkau telah membersihkan akhlak-akhlakmu yang buruk. Jika tidak demikian, maka engkau akan mudah saja dipengaruhi oleh sesuap nasi dan secarik kain. Oleh itu janganlah engkau berguru kepada mereka, kerana kehancuranmu mengalahkan kebaikanmu.

Janganlah engkau melakukan kebodohan-kebodohan dan janganlah engkau mengasihi selain daripada Dia. Janganlah engkau menemani selain Dia dan janganlah engkau bersikap ikhlas kepada selain-Nya. Dajjal dari Afghanistan yang membersihkan zahirnya dan belajar ilmu agama, lebih engkau sukai daripada aku. Wahai hamba-hamba Allah...! Datanglah engkau untuk menuju kehidupan abadi, yakni pintu yang tidak akan dikunci selama-lamanya, perlindungan yang tidak akan lenyap selama-lamanya, serta buah-buahan yang tidak akan berkurang selama-lamanya.

وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُۥٓ إِلَّا ٱللَّهُ ...

Ertinya:
"Dan tiada yang tahu akan takwilnya, kecuali Allah."

(Ali Imran: 7)

Wahai pendidik syahwat dan kenikmatan....! Wahai pendidik ketololan dan kegilaan...! Kebaikan berada di belakangmu. Engkau akan terbakar oleh api kebenaran kehendak kami. Laluilah penghalang dan pintu, sehingga tiada lagi penghalag antara engkau dengan kami. Engkau melihatnya sebagaimana engkau melihat kami.

Wahai orang yang mengaku sebagai wali...! Janganlah engkau mengakui hal itu. Kerana kewalian adalah perbuatan bukan ucapan. Keramaian bangunan batin adalah bertemu dengan hati, kuncinya adalah keimanan, manakala hakikatnya tidak engkau ketahui sama sekali.

Bergantunglah engkau kepada sebahagian hamba-hamba-Nya yang tenang. Janganlah engkau meminta sesuap nasi daripada mereka, agar mereka memberi kebenaran kepadamu untuk memakai pakaian mereka dan berdiri di hadapan mereka.

Apabila engkau dapat seperti ini selama-lamanya, maka besar kemungkinan wali akan mendekatimu, dan memperlihatkan sebahagian keajaibannya kepadamu. Apabila engkau ingin melihat anugerah Allah dalam hatinya, maka diamlah engkau dan pejamkanlah kedua-dua belah matamu. Janganlah engkau membocorkan rahsia-Nya. Anugerah-Nya ada dalam hati mereka, menurut perbezaan tingkat dan maqam mereka. Seorang murid tariqat yang ingin melihat rahsia-rahsia, maka mereka memerlukan kebutaan, kepekakan dan kemabukannya. Sehingga apabila sudah nyata kepandaiannya di sisi wali dan telah nyata pula kesopanannya, maka dia akan dapat menyimpan rahsia. Bolehjadi, wali akan memberikan sebahagian pakaiannya kepada mereka. Wali akan berdoa kepada Allah. Hatinya tak ubahnya bagaikan hati Nabi Yusya' bin Nun kepada Nabi Musa a.s.

Wahai hamba....! Segala sesuatu yang tidak ada dalam kekuasaanmu adalah keluar dari milikmu. Adakalanya merupakan bahagianmu atau bahagian orang lain. Apabila ia merupakan bahagianmu, maka pasti akan datang kepadamu tatkala engkau tidur. Mengapa engkau bersusah payah seperti ini, padahal itu mengurangi agamamu...? Andaikata engkau

selalu mendengarkan ilmu dan bersama ulama agama, wali dan orang yang mahu merenungkan tentang apa yang bakal terjadi, nescaya engkau akan mudah untuk menjauhi usaha dan beberapa tuhan. Tidak beramal kerana makhluk setelah ikhlas adalah riya'. Apabila dia tidak ingin dilihat orang agar dapat ikhlas, maka ada harapan baginya. Selama engkau masih menjadi murid tariqat, maka laksanakanlah hukum ini. Barangkali amalmu dapat membawamu kepada ilmu dan pengaruh pada hatimu, anggota badan dan batinmu. Engkau diperintah dan dilarang oleh ilmu.

Ya Allah...! Engkau menghendaki kami semua. Namun kami terhalang oleh beberapa malapetaka dan ujian.

Perintah-perintah Allah s.w.t. adalah merupakan hutang yang mesti engkau lunasi. Apabila engkau menurut kekuasaanmu, maka engkau adalah zalim. Apabila engkau tidak melakukan, maka engkau adalah kafir. Ambillah harta dengan mengingat keperluanmu, bukan untuk mainan dan menumpuk-numpuknya. Apabila keIslamanmu telah nyata dengan kepasrahan, maka engkau akan menyerahkan dirimu kepada-Nya. Dia memberi pakaian kepada hatimu, kemudian memberikan pakaian kepada zahirmu serta batinmu. Engkau mati selama beberapa waktu pada hari ini, lalu Dia menghidupkanmu, lalu mengeluarkan semua kotoran dan kekeruhan dari dirimu.

Setiap kali dia melihat makhluk, maka dia mati dan setiap kali dia melihat Allah s.w.t., maka dia hidup. Apabila dia melihat makhluk, maka dia menjadi miskin, hina dan tidak berharga sedikit pun, kerana dia dikalahkan oleh adat. Tatkala dia melihat Allah s.w.t., maka dia hidup, dia bangkit dan berdiri, lenyap dari makhluk, dari dirinya sendiri dan dari kewujudannya. Dia hidup bersama Allah s.w.t. dan mati dari makhluk.

Apabila para guru tariqat mempunyai murida baru, maka mereka menyuruhnya untuk melebur, melebur makhluk dan nafsu, lalu melebur dunia dan akhirat. Apabila hal ini sudah sempurna, maka murid itu akan digerakkan oleh Allah s.w.t. Dia menggerak-gerakkannya sekehendak-Nya.

Apabila engkau ingin mencapai pangkat ini, maka jauhilah perkara haram dan syubhat. Sehingga apabila hal ini sudah sempurna maka jauhilah yang halal yang dipersekutukan, lalu jauhilah sesuatu yang diberi kebebasan bagimu untuk melakukannya, kemudian lakukanlah halal yang mutlak, iaitu yang halal menurut ilmu dan hukum, zahir dan batin, yakni sesuatu yang belum pernah dimiliki, sebagaimana apa yang ada di

tanah-tanah lapang dan pantai-pantai.

Berdirilah engkau dalam keadaan kosong dari makhluk, bukan mengharap kepada mereka, bukan mengharapkan pujian dan bukan pula kerana takut pada celaan mereka serta bukan pula bentuk mahupun makna mereka. Anugerah Allah s.w.t. memberi semangat kepadamu, lalu engkau akan dekat dan tidak memerlukan makhluk, jauh dari mereka, dan lenyap dari kewujudan. Carilah kefanaan setelah wujud, dekat setelah jauh, bersih setelah keruh, bergabung setelah terputus, bertemu setelah berpisah. Sahnya hati tanpa lisan. Sahnya batin tanpa hati. Sahnya batin tanpa wujud.

هُنَالِكَ ٱلْوَلَـٰيَةُ لِلَّهِ ٱلْحَقِّ ...

Ertinya:
"Dia sana, pertolongan itu hanya datang dari Allah Yang Maha Haq."
(Al-Kahfi: 44)

إِذَا شَآءَ أَنشَرَهُۥ ﴿٢٢﴾

Ertinya:
"...apabila Dia menghendaki, Dia akan membangkitkannya semula."
('Abasa: 22)

Wahai orang-orang yang batil...! Wahai orang gila...! Jauhilah usaha, buanglah beberapa tuhan, maka engkau akan berhasil. Keindahan ada di tempat kekasih, tempat mendekatkan diri.

Seorang lelaki bertanya kepada beliau. Beliau berkata kepadanya: "Hentikanlah...! Aku meyakini pertanyaanmu keluar daripada perangai dan nafsumu. Janganlah engkau menempuh bahaya di depanku. Aku pandai bermain pedang, aku pandai membunuh."

وَيُحَذِّرُكُمُ ٱللَّهُ نَفْسَهُۥ ...

Ertinya:
"Dan Allah memperingatkan kamu tentang diri (seksaan)-Nya."
(Ali Imran: 28)

Namun engkau, wahai orang awam..! Allah s.w.t. telah memperingatkan dirimu terhadap seksaan-Nya. Wahai orang-orang khusus, Dia

memperingatkanmu terhadap zat-Nya. Wahai orang-orang yang khusus dari orang-orang yang khusus (khawwas al-khawwas). Dia memperingatkanmu terhadap pengambilan telinga, mata, kekuatan, harta dan keluargamu tentang akhirat, sehingga engkau akan diseksa. Wahai orang-orang yang khusus, dari orang-orang yang khusus...! Dia memperingatkanmu terhadap zat-Nya, maka takutlah engkau sehingga engkau tidak lalai. Allah s.w.t. berbisik kepadamu melalui batinmu: "Sesungguhnya Akulah Allah, janganlah engkau khuatir dan takut."

Apabila hal ini telah sempurna, setiap kali engkau takut, maka Dia mencegahmu untuk takut. Setiap kali engkau merasa gelisah, maka Dia akan mengamankanmu dengan rasa gelisah itu. Apabila hatimu benar-benar bersih, maka ia tidak akan mendapat fitnah kerana menguasai apa yang ada di antara langit dan bumi. Hal ini tidak boleh dicapai dengan angan-angan, atau dengan berhias dan memaksakan diri. Ini boleh dicapai dengan keahlian dari langit. Darjatmu bertambah tinggi kerana perbuatanmu, sedangkan hatimu zuhud. Rahmat turun terhadap dirimu dan ahli majlismu. Kebanggaan dan tambahan datang saling berurutan.

Ada seorang murid datang kepada orang bijak. Dia duduk di depan beliau, lalu berkata: "Saya menginginkan satu tempat saja dari syurga. Saya tidak meminta yang lainnya." Beliau lalu berkata kepadanya: "Wahai...! Andaikata engkau merasa puas dengan harta sebagaimana engkau puas tentang akhirat. Apabila kematian benar, pasti terjadi, maka matilah engkau sekarang juga."

Orang mati tidak dapat berusaha, memberi, menolak, mengharap, memusuhi dan menjadi teman, dia diam dan tenang. Jadilah engkau seperti orang mati dalam menarik kemanfaatan dan menjauhkan bahaya. Orang mati tidak dapat berbicara. Lalu apabila Dia menghendaki, maka Dia akan memberikan kemampuan berbicara kepadamu, sedangkan engkau mati. Apabila engkau mati dari makhluk dan dari dirimu, maka engkau akan mengucapkan ucapan yang benar dan nyata, sebab orang mati tidak diberitahu selain kebenaran dan kenyataan.

Ada seorang ulama sufi berkirim surat kepada beliau. Beliau berkata: "Ini adalah keliru. Seorang sufi bersih dari makhluk dia tidak memandang kepada mereka. Sufi itu dicari dan tidak mencari."

"Apabila tambalan memerlukan kain yang besar, apa yang mesti dilakukan...?" Syeikh Abdul Qadir r.a. menjawab: "Sebaiknya dia duduk

dengan tenang dan tidak bersungut. Apabila Dia menghendaki maka Dia akan memberikan kain yang dapat menutup. Apabila engkau kehilangan kunci, maka tidurlah engkau di ambang pintu. Engkau adalah hamba makhluk. Engkau gemuk tatkala mereka menerimamu dan kurus tatkala mereka menolak dirimu. Engkau akan binasa jika engkau musyrik. Hatimu kosong dari tauhid. Engkau tidak dianggap termasuk ulama, murid, guru, dan tidak pula orang soleh. Andaikata aku tidak merasa malu kepada-Nya maka aku akan memasuki pintu masing-masing dari kamu, memintamu untuk menghidangkan hidangan, menggosok telinga, mendidik dan mengajarmu."

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepadamu...! Engkau, mencari harta daripadaku, sementara ia berada di timur dan aku berada di barat. Aku mengambil bahagian-bahagianku dari harta dengan tauhid. Carilah akhirat dan kedekatan kepada Allah s.w.t. dariku. Agama Nabi Muhammad s.a.w. saling berjatuhan temboknya dan berserakan dasarnya.

Wahai penduduk bumi...! Datanglah kamu ke sini. Kita akan menguatkan apa yang sudah runtuh dan mendirikan apa yang sudah roboh. Hal ini belum sempurna. Wahai matahari, wahai rembulan, wahai siang, wahai malam...!. Mereka, para murid tariqat berkata: "Ya...! Sebahagian daripada yang halal ada yang di rahsiakan. Engkau memakan kerana takdir membawa nama Allah s.w.t...!." Kemudian beliau bersandar pada kerusi dan membiarkan tangan beliau berada dibawah kepala beliau. Beliau memejamkan kedua-dua matanya, dan berdiam di sana sebentar, kemudian duduk dan berkata: "Kamu semua bodoh dan gila...! Kamu menjauhi aku, itu adalah merupakan kerugian yang besar, bukan kerana sesuatu alasan. Janganlah engkau gila, janganlah engkau kalah oleh keburukanmu, sombong dan bongkak. Sebentar lagi engkau akan mati...!"

Suatu ketika, Syeikh 'Izzuddin, putera ketua semua pimpinan, datang ke majlis beliau. 'Izzuddin membawa beberapa pelayan dan hamba yang banyak. 'Izzuddin belum pernah hadir ke majlis beliau sebelumnya dan belum pernah berkumpul. Tatkala mereka masuk, beliau berkata: "Masing-masing dari kamu saling melayani. Siapakah yang akan melayani Allah s.w.t...? Kamu semua adalah makhluk..!"

Wahai orang mati...! Wahai debu...! Engkau akan menjadi debu. Kuburmu terdiri dari debu. Mulai dari gendongan sampai ke liang lahad, engkau tidak mempunyai kedudukan. Engkau pekak, gila dan

bodoh. Sedarlah engkau sebelum engkau dabangunkan oleh kematian. Nasihatilah diri dan nafsumu Bagibagikanlah hartamu. Engkau musafir, meskipun engkau tidak suka.

إِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ فَلَا يَسْتَـْٔخِرُونَ سَاعَةً ۖ وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٤٩﴾

Ertinya:

"Apabila telah datang ajal mereka, maka mereka tidak dapat mengundurkannya walau sesaatpun, dan tidak (pula dapat) mencepatkannya."

(Yunus: 49)

Semua yang engkau miliki itu berbahaya bagimu. Semua orang yang menghormati engkau adalah berbahaya bagimu. Seorang yang memulia-kan engkau juga berbahaya bagimu. Sahabat adalah orang yang memperingatkanmu dan musuh adalah orang yang menghasutmu.

Ya Allah...! Bangunkanlah kami dari tidur orang-orang yang lupa. Berilah manfaat kepada kami kerana sebahagian dari kami. Sibukkanlah kami dengan mengurus kami dan beribadah kepada-Mu, sehingga jiwa kami bersih dan Engkau memberi petunjuk kepadanya terhadap-Mu dan beribadahlah engkau dengan sisa-sisa umurmu yang ada.

Termasuk salah syarat yang melayakkan engkau menasihati orang lain, adalah keimananmu. Tidak sepatutnya bagi seorang hamba untuk berdakwah menuju keredhaan Allah s.w.t., kecuali setelah dia mendapatkan redha itu. Janganlah engkau taqlid kepada syaitan. Seksa yang pedih adalah bagi orang yang berkhianat, yakni orang-orang yang mengkhianati dirinya dan Tuhannya. Tuhannya memerintah, namun dia tidak melaksanakannya. Tuhannya melarang, namun dia tidak menjauhi larangan-Nya. Dia berkata tapi tidak mengamalkan apa yang dikatakannya.

Iman ada disini (beliau mengisyaratkan kepada kaum yang mendatangi guru daerah itu) inilah sifat mereka. Ahli Allah s.w.t. adalah masing-masing dari mereka. Di hatinya ada polis. Mereka memerangi nafsu, perangai, kesenangan kerana Allah s.w.t. Nabi kita s.a.w. bersabda:

رَأَيْتُ أَقْوَامًا تُقْرَضُ شِفَاهُهُمْ بِالْمَقَارِيْضِ فَقُلْتُ مَنْ هَؤُلَاءُ...؟
قَالَ عُلَمَآءُ أُمَّتِكَ.

Ertinya:

"Aku melihat sekelompok manusia yang bibir-bibir mereka digunting dengan beberapa gunting. Maka aku berkata: "Siapakah mereka itu...?" Dia berkata, 'Mereka adalah ulama dari kalangan umatmu.'"

Ya Allah...! Perbaikilah semuanya. Ya Allah...! Jadikanlah kami orang-orang yang soleh dan jadikanlah kamu sebagai sebab kesolehan. Jadikanlah keperluan-keperluan kami kepada-Mu dan menghadap kepada-Mu

Kemudian Syeikh Abdul Qadir al-Jailani berkata kepada Syeikh 'Izzuddin: "Berdirilah engkau dan letakkanlah tanganmu di atas tanganku, sehingga kita dapat segera pergi kepada Tuhan kita dari tempat yang rosak ini, dari harta dan anak-anakmu dan lakukanlah amal. Sebentar lagi engkau akan dikembalikan kepada Allah s.w.t. Dia akan menanyaimu tentang amal-amalmu. Dia menciptakanmu untuk mengesakan-Nya. Dia tidak menciptakanmu untuk dunia, dan tidak pula untuk akhirat. Dia tidak mengenyangkanmu dan tidak pula menyegarkan engkau dengan tipuan dan daya upaya. Kesalahanmu adalah engkau melihat nafsumu, melihat dan meyakini daya upayamu. Kesalahanmu adalah kerana engkau menjadikannya sebagai menteri."

Seorang mukmin adalah orang yang diatur, bukan mengatur. Apabila engkau telah jauh dari nafsumu, maka hatimu akan berbicara kepadamu, kemudian batin akan bercampur dengan kamu. Lalu Dia akan menguruskanmu, maka engkau akan menjadi polis bagi semua hamba dan negeri. Jauhilah nafsu ini. Akan ku tunjukkan kepadamua bagaimana cara untuk menjauhinya. Salah satu caranya ialah, apabila engkau melihat seorang guru, maka engkau berkata: "Orang ini menyembah kepada Allah s.w.t. sebelum aku dan hamba-Nya yang soleh." Dengan cara seperti ini, lenyaplah nafsumu dan rendahlah dunia dari hatimu. Akhirat menguasai hatimu dan membawamu ke pintu kedekatan-Nya, pintu kerajaan, kebesaran dan keagungan-Nya. Akhirat akan hina di mata hatimu.

Akhirat rindu untuk bertemu dengan hatimu. Apabila engkau melihat kepada dunia, maka engkau akan menganggapnya sebagai makhluk Allah s.w.t. yang paling liar dan buas. Sehingga dunia akan hilang dari hatimu, seperti perempuan yang dicerai setelah tampak beberapa kecacatannya. Nafsu merasa bosan terhadap dunia dan akhirat datang dengan berhias. Namun akhirnya tampaklah cacatnya, dan bahawa akhirat adalah hal baru, engkau bersekutu dengan orang Yahudi dan Nasrani dalam akhirat.

Janganlah kamu terganggu oleh orang-orang gila itu. Mereka bodoh tentang dunia, maka mereka mencarinya. Mereka bodoh tentang makhluk namun mereka cenderung kepada mereka. Wahai kaumku, hati-hatilah...!

Allah s.w.t. memberikan wahyu kepada sebahagian Nabi-Nya: "Hati-hatilah engkau. Aku tidak menghukummu atas kelengahan Ya'qub. Dia pada mulanya menangisi Yusuf. Kemudian dia menangisi dirinya sendiri. Dia melihat keadaannya sebagai Nabi." Beliau khuatir tentang penjagaan atas diri Nabi Yusuf a.s., sebab beliau tampan. Mereka pekak, bisu dan buta. Kamu mempunyai telinga di kepala, namun tidak mempunyai telinga di hati"

Wahai bahan bakar neraka...! Wahai orang-orang awam...! Wahai rakyat jelata..! Kamu berada dalam kegilaan.

أَلَآ إِلَى ٱللَّهِ تَصِيرُ ٱلۡأُمُورُ ﴿٥٣﴾

Ertinya:
"Ketahuilah, bahawa kepada Allah jualah kembalinya semua urusan."
(Asy-Syura: 53)

Ingatlah...! Aku menjaga kamu, memimpinmu dan menjaga tanamanmu...! Aku tidak melihat kamu memberi pengaruh terhadap mudarat dan manfaat, setelah aku memutuskan semua itu dengan pedang tauhid. Aku ditetapkan pada tempat ini. Bagiku, pujian, cacian, penerimaan dan penolakan kamu adalah sama. Sudah terlalu banyak orang yang mencelaku, namun akhirnya celaan itu berubah menjadi pujian. Semua itu adalah dari Allah s.w.t., bukan dari dirinya. Aku menghadap kepada kamu adalah kerana-Nya, aku mengambil sesuatu dari kamu juga kerana-Nya. Andaikata mungkin, tentu akan masuk kubur bersama masing-masing dari kamu dan bertanya jawab dengan Munkar dan Nakir, kerana belas kasihan pada kamu. Apabila aku mencintai seorang hamba kerana-Nya, maka aku membuat kerinduan kepada-Nya dalam hatinya.

Abu Yazid al-Bustami r.a. membuka pintu kedekatan bagi mereka. Tidak ada yang mengumpulkan mereka bersama makhluk selain solat lima waktu dan panggilan kemanusiaan. Bentuk mereka adalah bentuk manusia, hati mereka bersama takdir dan batin mereka bersama Allah s.w.t. Ketaatanmu ada pada wajah, pakaian dan zahirmu, manakala kezindikanmu ada dalam kesendirianmu, sedangkan kekufuran ada pada batinmu. Hatimu dipenuhi oleh kemunafikan, kebanggaan dan buruk

sangka terhadap makhluk. Tidak ada yang dapat memperlihatkanmu selain daripada pedang, kecuali apabila engkau bertaubat.

Agama kita memerintahkan kepada kita untuk diam, menyembunyikan dan merahsiakan. Apabila engkau tidak demikian, maka aku akan mengisyaratkan agar engkau diusir dan aku akan mengeluarkanmu. Ucapan kami berpengaruh pada zahir kamu dan hati kami berpengaruh pada batin kamu.

Barangsiapa yang mencurigai dan mendustai aku, maka Allah s.w.t. akan mendustakannya. Dia akan dijauhkan dari keluarga, harta dan daerahnya, kecuali apabila ia bertaubat. Tidak ada satu solatpun kecuali aku ingin mendapat ganti seseorang yang solat bersama mereka. Demikianlah dalam setiap solat dan majlis.

Ya Allah...!

لَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِۦ ۖ ...

Ertinya:
"Janganlah Engkau pikulkan kepada kami, apa yang tidak sanggup kami memikulnya."

(Al-Baqarah: 286)

Janganlah engkau bergembira bersama orang yang bergembira, bahkan bersusahlah engkau bersama orang yang susah. Janganlah engkau tertawa bersama mereka yang tertawa, bahkan menangislah engkau bersama mereka yang menangis. Berjalanlah engkau dengan cita-cita tinggi. Makanlah bahagian rezeki kamu ada pada tempatnya, iaitu di ambang pintu taqarrub-Nya. Tidak ada akal pada dirimu. Berpalinglah engkau dari dunia. Apakah hasilnya...? Apabila engkau mempunyai tanggungjawab keluarga, maka ambillah harta itu kerana mereka, bukan untuk dirimu.

Nabi s.a.w. mengambil sedekah zakat. Baginda membahagi-bahagikannya kepada fakir miskin dan orang-orang yang berperang, lalu baginda mendatangi kamar-kamar semua isteri baginda, sambil bersabda:

هَلْ فُتِحَ شَيْءٌ جَاءَنَا شَيْءٌ فَإِذَا قِيْلَ لَا يَقُوْلُ إِنِّيْ إِذَا صَآئِمٌ.

Ertinya:
"Apakah ada sesuatu untuk dijadikan perbukaan...? Apakah kita

kedatangan sesuatu...? Apabila dikatakan: "Tidak..!", maka baginda bersabda: "Sesungguhnya aku, apabila demikian adalah orang yang berpuasa."

Allah s.w.t. menghendaki baginda s.a.w. melakukan puasa. Demikianlah para wali Allah. Adakalanya Dia menghendaki agar seorang wali itu naik ke loteng rumahnya, supaya tidur kerana sangat panas. Di tangga, dia melihat pintu yang berisyarat bahawa Dia menghendaki agar dia tidur di dalam rumahnya. Dia melihat pintu rumahnya terbuka Dia tahu bahawa Allah menghendaki agar dia keluar menuju tanah lapang dan tanah sepi. Kenabian ini masih tetap pengaruhnya, ia terbahagi-bahagi pada hati para wali.

Keluarlah kamu dari sisiku, wahai orang-orang yang memakan makanan haram dan riba. Engkau bukanlah seorang yang bijaksana. Aku adalah pendidik ketauhidan dan keikhlasan. Apa yang aku perbuat dengan kebanyakan kamu...? Tiada manfaat pada diri kamu. Amal-amal kamu menyerukan kebaikan pada diri kamu. Diam adalah kebaikan. Barangkali Dia menghilangkan kehitaman dari wajahmu.

Seorang lelaki dari penduduk daerah ini baru kembali dari menunaikan ibadah Haji, kemudian dia berkunjung kepadaku. Lalu aku berkata kepadanya: "Bertaubatlah engkau kepada Allah s.w.t..." Dia berkata: "Aku telah menunaikan ibadah haji...!." Aku berkata kepadanya: "Aku tahu, namun di dalam ibadah Haji itu terjadi zina, fasik dan kejahatan....!." Kemudian dia tidak mahu bertaubat. Tatkala dia mati, maka aku mensolati jenazahnya, ketika itu aku melihat seakan-akan dia keluar dari peti mayat dan bergantung di tepi bajuku. Maka aku berkata kepadanya: "Siapakah ini...?" Maka aku segera menjauhinya.

Seorang lelaki menjerit di majlis beliau r.a. dan berkata: "Allah...!" Beliau lalu berkata kepadanya: "Engkau akan dihisab tentang ucapan ini. Mengapakah engkau mengatakannya...? Apakah kerana riya', munafik, ikhlas ataukah syirik...? Pada hari ini, barangsiapa yang ingin, maka hendaklah dia keluar dan barangsiapa ingin, maka hendaklah dia duduk...!." Kemudian beliau menjerit dan orang-orang berdiri di sekitar beliau. Mereka bertaubat dengan berteriak dan menangis. Tiba-tiba datanglah seekor burung, kemudian burung itu berada di atas kepala beliau. Beliau diam lama sekali dalam keadaan seperti itu, sedangkan burung itu di atas kepala beliau dan mereka berada di tangga kerusi.

Orang-orang yang berteriak berada di sekitar beliau, sedangkan beliau tetap seperti itu, sehingga sebahagian murid beliau mengulurkan tangannya ke arah beliau sampai burung itu terbang. Kemudian beliau berdoa dan mereka berteriak, meneriakkan taubat sambil berdoa dan menangis. Lalu beliau turun dari kerusi dalam keadaan seperti itu dan keluar menuju Masjid Jami' Rosifah, dengan diikuti oleh orang ramai sambil menangis, bergembira dan berteriak, kemudian beliau berkata: "Ini adalah zaman akhir...!."

Ya Allah...! Kami memohon perlindungan kepada-Mu dari nafsu serakah. Aku menginginkan untuk menjauhkan diri dari sesuatu, namun semuanya berjalan mengikut takdir.

Ingatlah...! Jangan sampai dunia menghilangkan agamamu. Jagalah perawakan wajahmu. Berusahalah agar cita-citamu tercapai. Bermohonlah engkau kepada Allah s.w.t., jauhilah makhluk. Zahir, batin dan keletihan itu telah ditetapkan dari awal.

Imam Ibrahim al-Khawwas mengatakan, bahawa beliau berada dalam hutan selama beberapa waktu, dan selama itu beliau tidak melihat seorang juapun. Kemudian, tanpa terasa beliau sedari, beliau telah sampai pada suatu tempat yang membuat beliau menggerutu. Tiba-tiba beliau bertemu dengan seorang pemuda yang berdiri di sana. Beliau sangat kagum melihat pemuda tersebut, lantas beliau bertanya kepadanya:

"Dari manakah engkau....?"

"Anu...!", jawabnya.

"Hendak ke mana?", tanya beliau lagi.

"Anu...!", jawab pemuda tersebut lagi.

"Apabila engkau benar, maka jadikanlah dirimu sebagai tebusannya...!", ujar beliau selanjutnya.

Kemudian pemuda itu berteriak dengan keras dan terjatuh. Ibrahim mendekatinya dan bertanya, dan ternyata dia telah mati. Kemudian beliau berusaha untuk menguburkannya dengan kerikil, namun tidak ada kerikil di sana. Tiba-tiba beliau mendengar suara tanpa wujud: "Hai Ibrahim...!. Dialah yang dicari oleh malaikat maut, namun tidak menemuinya. Syurga juga mencarinya, namun tidak menemuinya. Neraka mencarinya, namun tidak menemuinya." Maka beliau bertanya: "Ke manakah pemuda tadi...?" Suara itu menjawab:

فِي جَنَّٰتٖ وَنَهَرٖ ٥٤ فِي مَقۡعَدِ صِدۡقٍ عِندَ مَلِيكٖ مُّقۡتَدِرِۭ ٥٥

Ertinya:
"Di dalam taman dan sungai-sungai, di tempat-tempat yang disenangi di sisi Tuhan Yang Maha Berkuasa."

(Al-Qamar: 54-55)

Wahai orang gila...! Janganlah engkau lupa. Datangilah rumah melalui pintunya, dari pintu para guru dan orang-orang yang berpangkat fana', yang hanya beribadah kepada Allah s.w.t. Mereka berubah menjadi makna dan penghuni rumah kedekatan. Mereka menjadi tamu Allah s.w.t. Dia menghidangkan makan pagi mereka berupa pinggan dan makan petang mereka dengan pinggan lainnya. Pakaian berubah-ubah dan kerajaan-Nya mengelilingi mereka. Bumi dan langit ini adalah rahsia dan ilmu-Nya. Engkau berada di belakang tembok yang lebarnya 8 kilometer, sedangkan engkau hanya membawa sebatang jarum untuk menembusinya. Bagaimana mungkin engkau akan mampu menembusi-nya...?

Lain halnya dengan kaum ahli tariqat. Apabila mereka telah sampai pada pintu tersebut, maka akan dibukakan seribu pintu untuk mereka. Masing-masing mengajak mereka untuk masuk ke dalamnya. Manfaatkanlah nikmat dan larilah kepada pemberi nikmat. Jangan sampai nikmat itu mengikatmu. Tinggalkanlah nikmat itu dan orang-orang yang diikat olehnya. Fikirkanlah, apakah itu adalah nikmat, seksa ataukah rahmat...? Janganlah engkau tertipu oleh zahir. Janganlah engkau melupakan pemberi nikmat. Janganlah engkau menoleh ke kanan mahupun ke kiri.

Janganlah engkau melupakan Pemberi nikmat. Janganlah engkau makan dari tangan dunia, kerana besar kemungkinan makanan itu akan beracun. Apabila dunia membawa makanan, maka mintalah pertimbangan kepada menterimu, yakni al-Quran dan al-Sunnah. Hendaklah engkau sentiasa merujuk kepada kedua-duanya. Apabila kedua-duanya memberi fatwa kepadamu, maka hendaklah engkau fikirkan. Janganlah engkau tergesa-gesa dan jangan pula mengejek. Mintalah fatwa kepada dirimu. Apabila engkau memerangi diri dan nafsumu, maka kedua-duanya akan bersatu padu. Engkau akan diberi ilham dan diajak bicara.

يَٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفۡسُ ٱلۡمُطۡمَئِنَّةُ ٢٧

Ertinya:
"Wahai jiwa yang tenang...!"

(Al-Fajr: 27)

Nafsu memperolehi berita dari hati dan hati memperolehi berita dari batin, sedangkan batin memperolehi berita dari Allah s.w.t. Laksanakanlah kewarakan secara sungguh-sungguh, kemudian makanlah dan janganlah engkau pedulikan. Bertakwalah engkau dengan sebenar-benar takwa, kemudian makanlah dan janganlah engkau pedulikan.

Beliau r.a. juga berkata: "Kami memerlukan Engkau, menuju kepada-Mu, mencari keredhaan-Mu, mencintai-Mu. Kamu jauh dari anak, isteri dan tempat tinggal kami. Janganlah Engkau menghinakan kami."

Menyibukkan diri dengan selain Allah s.w.t. adalah suatu perbuatan yang sia-sia. Sibuk mengurus nafsumu adalah maksiat dan sibuk dengan makhluk adalah menyimpang dari pintu-Nya. Sebahagian daripada wali ada yang disujudi oleh malaikat. Sebahagian kecil dari mereka dapat melihat malaikat.

Orang soleh itu duduk di dalam masjid di Syam dalam keadaan lapar. Lalu beliau berkata dalam hati: "Wahai...! Andai- kata aku tahu asma' Allah s.w.t. yang paling agung...!." Tiba-tiba dia melihat dua orang yang singgah dan duduk di sisi beliau. Kemudian salah satu daripada mereka berkata kepada yang lainnya: "Engkau ingin mengetahui asma' Allah s.w.t. yang paling agung...?" Temannya tadi berkata: "Ya." Dia kemudian berkata: "Katakanlah: "Allah...!." Lalu orang soleh itu berkata dalam hati: "Aku sudah mengucapkannya...!." Salah seorang daripada tetamu yang tidak kenal itu berkata: "Bukan begitu...! Kami menginginі agar engkau menyebut, "Allah", sementara dalam masa yang sama tiada seuatu selain daripada-Nya di dalam hatimu...!" Kemudian kedua-dua orang itu naik ke langit.

Jadikanlah zahirmu makhluk, hatimu akhirat dan dirikanlah batinmu bersama Allah s.w.t., bahkan apabila engkau sanggup, keluarlah engkau dari dunia dan akhirat. Apabila engkau tidak sanggup, maka janganlah engkau disamakan dengan orang yang menyerah kalah. Hendaklah engkau lari ke tanah-tanah tandus dan sepi, carilah iman dalam bersendirian, kemudian masuklah engkau semula kepada makhluk. Carilah teman dalam bersendirianmu sebelum engkau mencari jalan kepada makhluk.

Tongkat Nabi Musa a.s. menelan semuanya, namun ia tidak berubah mahupun berbeza dari bentuk asalnya. Apabila engkau tidak mendapat

keuntungan sama sekali. Aku mahu memberi pelajaran kepadamu, bukan kerana dan tidak pula aku mengembalikan tongkatmu kerana takut akan kekuasaanmu dan kekejamanmu. Apabila engkau terganggu olehku, maka akan berakibat buruk pada dirimu. Keluargamu sebentar lagi akan terkena kejahatannmu. Orang soleh menyerahkan keluarganya kepada Allah s.w.t. dan orang munafik menyerahkan keluarganya kepada dirham, dinar, harta peninggalan yang berupa pekarangan dan pekerjaannya. Maka pastilah akhirnya mereka jatuh miskin. Engkau adalah orang bodoh yang terkemuka, dijauhkan dari rahmat dan dilaknat. Hatimu telah dicampuri oleh rasa cinta kepada harta.

Ya Allah...! Berilah rezeki orang yang mencari harta dengan tujuan menolong agama...! Barangsiapa yang mencari akhirat untuk mendapatkan keredhaan-Mu dan orang yang mencari dunia kerana dunia, maka janganlah Engkau memberinya rezeki, sebab kedua-duanya merupakan penghalang untuk mendapatkan keredhaan-Mu.

Wahai...! Andaikata salah satu dari kamu mendapat keuntungan, sehingga kita dapat bergantung pada bucu bajunya pada hari kiamat kelak. Apabila ada seorang lelaki soleh datang kepadaku, maka aku akan berkata kepadanya. "Apabila engkau pada hari kiamat mempunyai sesuatu, maka sertakanlah kami bersamamu dan doakanlah kami bersamamu. Dan apabila kami mempunyai sesuatu, maka engkau akan kami beri dari sesuatu itu."

Ambillah ucapanku dalam keadaan murni, bukan kerana suatu makna. Apabila hal ini benar, maka aku akan beruntung dan juga kamu. Apabila aku sebaliknya, maka kamu akan beruntung dan aku akan merugi. Makhluk ada tiga, iaitu: malaikat, syaitan dan manusia. Malaikat adalah kebaikan, dan keburukan yang menang disamakan dengan syaitan.

Wahai kaum ahli tariqat, Islam menangis dengan tangan di atas kepalanya kerana orang-orang jahat, fasiq dan ahli bid'ah serta kesesatan itu. Juga kerana orang-orang zalim, mencampur pembohongan dengan orang-orang yang mengakui apa yang tidak ada pada diri mereka. Lihatlah, siapakah yang ada di depanmu...? Apakah yang menyebabkan hatimu keras...? Seekor anjing berbuat baik kepada pemiliknya tentang buruan, padi, haiwan dan tanamannya serta mengibaskan ekornya tatkala melihat pemiliknya itu. Dia memberi makan pada anjing hanya sesuap atau beberapa suap atau makanan yang sedikit tatkala pemiliknya itu

makan malam. Sedangkan engkau memakan nikmat Allah s.w.t. hingga engkau kenyang, sedangkan engkau tidak memenuhi perintah dan hak-Nya. Engkau menolak perintah-Nya dan tidak menjaga batas-batas-Nya.

Wahai hamba...! Janganlah engkau menyamakan sesuatupun dengan kemiskinan beserta sabar dan selamat. Mintalah olehmu pertolongan kepada Allah s.w.t. dalam kemelaratan. Sebab kekayaan adalah kezaliman dan melupakan Allah s.w.t., mendahulukan kehidupan dunia, mendahulukan kesenangan atas Allah s.w.t. Mendahulukan nafsu dan watak terhadap perintah-Nya, berbuka terhadap puasa, haram terhadap yang halal, kelalaian terhadap ingat dan maksiat terhadap taubat.

Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepadamu...! Hendaklah engkau merasa malu. Diriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, yang berbunyi:

لَأَنْ تَسْمَعَ بِرَجُلٍ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَأْتِيَهُ وَلَأَنْ تَأْتِيَهُ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَخْبُرَهُ فَإِذَا خَبَرْتَهُ مَقَتَّهُ وَمَقَتَّ عَمَلَهُ.

Ertinya:
"Demi Allah...! Pendengaranmu tentang seorang lelaki adalah lebih baik daripada engkau mendatanginya. Dan demi Allah, kedatangan engkau kepadanya adalah lebih baik daripada engkau menelitinya. Kerana apabila engkau menelitinya, maka engkau akan membencinya dan membenci perbuatannya."

Zaman ini mempengaruhi sebahagian besar makhluk mengenai rasa cenderung dan tertarik Engkau harus menembus zahir menuju kepada batin. Kunci pada pintu rosak yang disandarkan dan tidak patut kecuali untuk kayu bakar. Seorang mukmin di dunia adalah malaikat dan di akhirat juga adalah malaikat. Dia mengamalkan ibadah dan menjauhi maksiat baik dalam keadaan sendiri mahupun dalam keadaan bersama orang lain. Dia membenci dan menceraikan dunia, sedangkan dunia di belakangnya menyumpah serapah.

Wahai anak kecilku...! Ambillah makanan serta minumanmu..!. Beliau r.a. berkata: "Aku tidak makan hingga aku mendatangi pintu akhirat, barangkali makanan itu diberi racun. Wahai ibuku, kurangilah apa yang ada pada dirimu, sehingga datangnya bendahari akhirat. Apabila bendahari itu sudah datang dan memeriksa makananmu, mencium dan

mencicipinya, maka aku akan makanannya. Engkau diberi makan dan minuman dari akhirat serta dijuhkan dari dunia." Tatkala engkau dalam keadaan demikian, maka derajatmu akan dinaikkan oleh Allah s.w.t., kemudian Dia akan berfirman kepadamu:

"Mengapa engkau tenteram kerana selain Aku? Apakah dia itu bukan makhluk...?"

Mengapa engkau tidak mendatangi kami sebelum ke akhirat, sehingga tatkala Dia memberi ilmu, pakaian, menenteramkanmu, memberikan penangkal racun dan memberimu pakaian taufiq, warak dan penjagaan, maka engkau keluar menuju dunia bersama-Nya...? Dia akan mendirikan bangunan untukmu. Engkau berbicara kepada penghuni bumi dan akhirat. Apakah yang engkau miliki...? Apakah yang engkau perbuat kepada-Nya...? Dia menjauhkan panas agak sesaat dari dirimu. Terkadang kematian datang kepadamu, namun Dia menghalaunya.

Dekatilah para wali. Di sisi mereka ada beberapa orang gila yang tenggelam dan merahmati mereka yang berhak untuk diseksa. Sentiasalah engkau berada di sisi-Nya, apabila engkau mengenal-Nya, maka tangisilah dirimu. Takdir tersenyum di depan wajah mereka yang diredhai terhadap takdir dan membawa mereka ke hadapan Allah s.w.t. Mengetukkan pintu untuk mereka dan mendekatkan mereka kepada-Nya. Maka mereka termasuk bala tentera-Nya. Ini bukanlah kegilaan. Dasar hal ini sempurna. Turutilah takdir, janganlah kamu membantah dan memeranginya. Turutilah, turutilah....!

Yahya bin Mu'az berkata: "Ucapan wali siddiqin yang menempati tempat para Rasul dan mengganti mereka secara batin adalah wahyu dari Allah s.w.t. Ucapan mereka daripada-Nya dan dengan pertolongan-Nya serta kerana-Nya." Duduklah engkau di perkuburan, ajaklah orang yang sudah mati itu berbicara, dan tanyakanlah kepada mereka apa yang sudah mereka temui. Apakah akibat kehidupan yang pernah mereka lalui. Di manakah keluarga, anak-anak, rumah, harta, kemudaan, kekuatan, perintah, melarang, mengambil, memberi, kekasih dan syahwat mereka....? Seakan-akan mereka berkata kepadamu: "Kami menyesal atas kelakuan kami...!" Atau mereka seakan-akan berkata: "Kami rasa gembira kerana apa yang telah kami lakukan", dan selanjutnya, dan selanjutnya. Apabila engkau akan berziarah ke kubur, maka berusahalah untuk sendirian dan tidak ada wanita mahupun lelaki bersamamu. Jadilah kamu orang yang

berfikir. Kerana tidak lama lagi engkau juga akan mati.

Pada suatu hari, satu jenazah masuk ke dalam majlis Syeikh Abdul Qadir al-Jailani. Beliau berkata kepada para murid-muridnya: "Apakah kamu tidak melihat kepada orang mati ini...? Tatkala dia mengalami kematian, kematian itu menjadikan dia bingung dan menghilangkan kesedarannya, sehingga dia tidak lagi mengenal walau seorangpun daripada kerabatnya. Demikian juga dengan kewalian. Apabila kewalian telah datang pada hati seorang mukmin, maka kewalian itu akan membuat dia bingung dan menghilangkan kesedarannya, sehingga dia tidak mengetahui selain daripada Tuhannya s.w.t."

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

Ertinya:
"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta peliharalah kami daripada seksaan api neraka."
(Al-Baqarah: 201)

Majlis 63

Wasiat Terakhir Syeikh Abdul Qadir al-Jailani Kepada Anak-anaknya

ABDUL WAHHAB, putera Syeikh Abdul Qadir al-Jailani, meminta wasiat dari beliau, ketika ayahandanya itu sakit yang membawa kewafatan beliau. Beliau berkata:

"Tetaplah engkau takwa dan taat kepada Allah s.w.t. Janganlah engkau takut kepada seorang juapun dan janganlah engkau meng-harapkannya. Serahkanlah semua keperluanmu kepada Allah s.w.t. dan tuntutlah daripada-Nya. Janganlah engkau bergantung kepada seorang manusia juapun selain daripada-Nya. Tauhid...! Tauhid...! Tauhid...! Sumber semuanya itu adalah tauhid....!"

Tatkala sakit beliau telah semakin parah, beliau berkata:

"Apabila kalbu sudah benar bersama-Nya, maka tidak ada yang sepi dari hati dan tidak ada yang keluar daripadanya. Aku adalah isi tanpa kulit."

Beliau juga berkata kepada putera-putera beliau:

"Singkirkanlah diri kamu dari sekitarku, sebab secara zahir aku bersama kamu dan secara batin aku adalah bersama orang lain. Antara aku, kamu dan semua makhluk ada jarak sejauh antara langit dan bumi. Maka janganlah kamu menyamakan aku dengan seseorang dan janganlah kamu menyamakan seseorang dengan aku."

Kemudian beliau berkata lagi:

"Selain kamu ada yang hadir di dekatku. Maka berilah mereka tempat duduk, dan bersopan santunlah kamu kepada mereka. Di sini ada rahmat yang agung. Dan janganlah kamu menyempitkan tempat terhadap mereka."

Salah seorang murid beliau yang paling rapat dan menjadi pencatat wasiat dan nasihat beliau pernah diberitahu oleh sebahagian putera beliau, bahawa beliau pernah berkata:

"Dan semoga kamu mendapat keselamatan, rahmat Allah dan berkat-Nya. Semoga Dia mengampuni aku dan kamu. Semoga Dia menerima taubatku dan taubatmu. Dengan nama Allah s.w.t."

Beliau mengatakan hal itu selama sehari semalam. Beliau juga berkata:

"Aduhai...! Aku sungguh kasihan kepadamu...! Aku tidak mempe-dulikan sesuatupun, dan tidak juga terhadap malaikat maut. Pergilah engkau...! Sebab kami sudah mempunyai Tuhan yang menguasai kami selain diripada kamu."

Beliau menjerit dengan keras pada hari yang beliau wafat, pada petang harinya. Sebahagian putera beliau menanyakan tentang apa yang beliau lihat. Maka beliau menjawab:

"Janganlah ada seorang pun yang bertanya kepadaku tentang sesuatu. Aku adalah ini. Aku bergerak-gerak dalam ilmu Allah s.w.t."

Beliau berkata kepada putera beliau, Abdul Jabar:

"Pergilah engkau tidur atau terbangun...? Matilah kamu dalam diriku, maka kamu akan terbangun."

Salah seorang murid beliau yang bernama 'Afif mendatangi beliau tatkala sebahagian putera beliau berada di sisi beliau, dan putera beliau, yang bernama Abdul Aziz menulis atas nama beliau. Beliau lalu menyuruh puteranya itu memberikan kepada muridnya tersebut untuk mencatat apa yang akan disampaikannya. Kemudin muridnya itu menulis:

سَيَجۡعَلُ ٱللَّهُ بَعۡدَ عُسۡرٖ يُسۡرٗا ﴿٧﴾

Ertinya:
"Nescaya Allah akan memberikan kelapangan setelah kesempitan."
(Al-Thalaq: 7)

Hukum dapat berubah, namun ilmu tidak boleh berubah. Hukum dapat disalin, sedangkan ilmu tidak. Ilmu Allah tidak dapat dilawan oleh hukum-Nya."

Dua orang putera beliau, Abdul Jabbar dan Musa mengabarkan bahawa Tuan Syeikh Abdul Qadir al-Jailani mengangkat dan mengulurkan tangan beliau sambil berkata:

وَعَلَيْكُمُ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

"Bertaubatlah kamu dan masuklah kamu ke dalam barisan...!"

Beliau juga berkata:

"Rahmahlah...! Rahmahlah kamu...!." Kemudian datanglah al-Haq dan sakarat maut, lalu beliau berkata:

"Aku meminta pertolongan kepada لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ *yang tidak akan mati dan tidak takut kepada kematian. Maha Suci Dzat yang Maha Agung dengan kekuasaan-Nya dan mengalahkan hamba-hamba-Nya dengan kematian.* لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ

Putera beliau yang bernama Musa menceritakan, bahawa tatkala beliau mengatakan عَظِيْمٌ (Agung) maka lisan beliau tidak mampu lagi berkata secara benar. Beliau selalu mengulang-ulang hingga beliau berkata عَظِيْمٌ dan beliau memanjangkannya, sehingga beliau berkata dengan benar.

Kemudian beliau mengucapkan: "Allah..! Allah...! Allah...!". Lalu suara beliau samar dan lidah beliau melekat pada langit-langit beliau. Kemudian beliau wafat. Semoga Allah s.w.t. meredhainya dan semoga Dia mengumpulkan antara beliau dan kita di tempat yang mulia di sisi Allah Rabb Yang Maha Kuasa.

Segala puji bagi Allah s.w.t. yang menjadi Tuhan atas sekalian alam. Rahmat-Nya yang agung semoga tercurah pada pimpinan para Nabi dan Rasul, Nabi Muhammad s.a.w. makhluk yang paling utama, dan para keluarga serta sahabat baginda, hinggalah kepada tabi'in dan tabi' al-tabi'in keseluruhannya.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِ الْأَنْبِيَآءِ وَالْـمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُـحَمَّدٍ وَعَلَى
ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ أَجْمَعِيْنَ.

رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي ٱلْأَخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿٢٠١﴾

KINI DI PASARAN

